

SIRI KLASIK WARISAN
TUHFAT AL-NAFIS

SIRI KLASIK WARISAN

TUHFAT AL-NAFIS

Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji
editor Virginia Matheson



PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
(008974-T)
SHAH ALAM
1997

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)
4 Jalan Pemaju U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T) 1982

Pertama kali diterbitkan 1982
Edisi Kulit Tebal 1997

ISBN 967 65 4090 0

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman dan
sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Raja Haji Ahmad

Tuhfat al-Nafis / Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji.

(Siri klasik warisan)

ISBN 967-65-4090-0

I. Bugis (Southeast Asian people)-Johor. 2. Johor-History.

I. Raja Ali Haji. II. Judul. III. Siri.

959.5119

M

959.5119

RHA

84

Teks diset dalam Galliard 10 poin
Dicetak di Singapura oleh
KHL Printing Co. Pte. Ltd.

M

945238

28 MAY 1998

**Perpustakaan Negara
Malaysia**

PENGHARGAAN


PENERBIT dan editor ingin memberikan penghargaan kepada perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, The Royal Asiatic Society, London, Koninklijk Instituut voor Taal-, Landen Volkenkunde, Leiden dan Malaysian Branch of the Asiatic Society, kerana kerjasama mereka. Institusi-institusi ini telah membenarkan kami menggunakan manuskrip-manuskrip *Tuhfat al-Nafis* bagi edisi ini dan kami amat berbesar hati kerananya.

Peta-peta telah disediakan oleh Keith Mitchell dari Research School of Pacific Studies, Australian National University. Editor mengucapkan terima kasih yang khusus kepada tiga orang jurutaip iaitu Hisako Nakamura, Peggy Christopher dan Robyn Savory kerana telah menjalankan tugas mereka dengan begitu tekun sekali. Mary Craven dan Colin Matheson banyak meringankan kerja membaca prof.

Akhirnya saya suka mengucapkan terima kasih kepada Dept. of Pacific and Southeast Asian History, Australian National University kerana sokongannya terhadap projek ini hingga selesai.

VIRGINIA MATHESON

PETA 1 SEMENANJUNG TANAH MELAYU DAN GUGUSAN PULAU INDONESIA



PETA 2 SEMENANJUNG TANAH MELAYU DAN SUMATERA



ISINYA

<i>Penghargaan</i>	v
<i>Peta</i>	vi
<i>Pengenalan</i>	xv

BAHAGIAN SATU

1. Raja-raja Melayu Pertama dan Silsilah Melayu	1
2. Raja-raja Siak dan Silsilah Mereka	14
3. Silsilah Bugis	19

BAHAGIAN DUA

1. Kemangkatan Sultan Mahmud	38
2. Bugis di Luwuk	41
3. Raja Kecil	46
4. Bugis di Johor	50
5. Bugis di Matan	52
6. Kemangkatan Sultan Abdul Jalil	55
7. Bugis di Selangor	63
8. Pertabalan Sultan Sulaiman	68
9. Perang Kedah yang Pertama	73
10. Perang Kedah yang Kedua	76
11. Bugis di Mempawah	80
12. Peperangan di Mempawah	87
13. Kekacauan di Riau	94
14. Perang Saudara di Siak	100
15. Perbalahan di antara Perak dan Selangor	103
16. Peperangan di Siantan	107

17. Permusuhan Terhadap Bugis di Riau	113
18. Peperangan dengan Belanda di Melaka	119
19. Raja Haji Pulang ke Riau	124
20. Kemangkatan Sultan Sulaiman	128
21. Belanda Menuntut Gantirugi Perang	133
22. Kegiatan-kegiatan Raja Alam dari Siak	138
23. Ancaman Siak-Trengganu Terhadap Riau	142
24. Senarai Peperangan Bugis-Minangkabau dan Pertabalan Sultan Selangor yang Pertama	149
25. Peristiwa-peristiwa di Kedah dan Trengganu	152
26. Raja Haji Menyerang Kedah	156
27. Raja Haji Melawat Pontianak	160
28. Raja Haji Menjadi Yamtuan Muda Riau	166
29. Belanda Mengepung Riau	171
30. Kemangkatan Raja Haji	175
31. Belanda Membuat Perjanjian dengan Riau	183
32. Belanda Mengepung Selangor	187
33. Perpindahan dari Riau ke Lingga	189
34. Peristiwa di Trengganu, Kalimantan dan Siak	192
35. Percubaan Berdamai dengan Belanda	195
36. Permusuhan Melayu-Bugis Berterusan	199
37. Perdamaian di antara Bugis dan Melayu	208
38. Peristiwa-peristiwa di Siak	211
39. Sultan Mahmud Menyerahkan Pulau Penyengat kepada Bugis	218
40. Kemangkatan Sultan Mahmud	224
41. Belanda Menetap di Tanjung Pinang	231
42. Tengku Husin Menjadi Sultan Singapura	236
43. Rombongan Riau ke Betawi	244
44. Pertabalan Sultan Abdul Rahman sebagai Sultan Riau-Lingga	249
45. Raja Ahmad Mengerjakan Haji	257
46. Peperangan di Kepulauan Karimun	261
47. Kemangkatan Dua Orang Yamtuan Muda	267
48. Lanun-lanun	271
49. Masalah Lanun yang Berterusan	275

50. Peperangan dengan Indera Giri	283
51. Kegiatan-kegiatan Sultan Mahmud	287
52. Zaman Gemilang Yamtuan Muda Raja Ali	292
53. Belanda Menggulingkan Sultan Mahmud	295
54. Peperangan dengan Retih	305
55. Kemangkatan Sultan Mahmud	312
<i>Catatan</i>	318

PENGENALAN

LATAR BELAKANG SEJARAH

Sejarah dan kejayaan orang-orang Melayu Melaka dikenali luas dan dihargai, ini sebahagian besarnya kerana tradisi dan tokoh-tokoh dari istana Melaka telah diceritakan dengan jelasnya di dalam babad *Sejarah Melayu* yang agung itu. Kejayaan-kejayaan Johor yang menggantikan Melaka amatlah kurang diketahui, dan ini mungkin disebabkan *Tuhfat al-Nafis*, babad sejarah agung kerajaan ini secara perbandingannya tinggal tidak begitu diketahui dan dikaji. Mereka yang telah membaca *Tuhfat al-Nafis*, tidak syak lagi merasakan bahawa kebudayaan, martabat, dan kemakmuran perdagangan yang pernah dipunyai oleh Melaka itu terus dinikmati oleh Kerajaan Johor.

Orang Melayu Melaka telah menyediakan satu *entrepot* bagi pertukaran barangan di antara saudagar-saudagar Cina, India, Indonesia dan orang-orang Eropah. Apabila orang-orang Portugis menjatuhkan Kerajaan Melaka pada tahun 1511, Sultan dan pengganti-penggantinya pindah ke hujung Semenanjung dan telah cuba membuka sebuah pelabuhan di kawasan Sungai Johor, yang boleh menarik kembali pedagang-pedagang luar.

Usaha pembinaan kembali ini tidaklah mudah dan di sekitar abad ke-16 itu berbagai-bagai tapak di Sungai Johor dan di pulau-pulau yang berhampiran di bahagian selatan Semenanjung telah diserang oleh angkatan-angkatan Portugis dari Melaka dan oleh Aceh. Sungguhpun begitu, pada tahun 1641, Belanda telah menyingkirkan Portugis dari Melaka dan bagi membalas bantuan yang telah diberikan oleh Johor, ia menandatangani perjanjian yang memberikan Johor keistimewaan perdagangan yang khas. Belanda juga mengambil tanggungjawab melindungi Johor daripada serangan Aceh dan ini terus berjalan sehingga ancaman dari Aceh berkurangan oleh

kerana dasarnya menumpukan kepada hal-hal di dalam, bukan di luar kerajaan.

Kerajaan Johor menjadi makmur dan pelawat-pelawat bangsa Belanda pada abad ke-17 begitu kagum dengan cara perdagangan itu dijalankan, khususnya oleh kerana begitu banyaknya barang-barang yang boleh didapati dan pembekalan semula barang-barang yang cepat dan murah yang memungkinkan para pedagang menggunakan sebaik-baiknya angin monsun untuk belayar (Andaya, 1975, hal. 38).

Peperangan yang berturut-turut dengan Jambi di dalam separuh kedua abad ke-17 telah mengganggu perdagangan Johor buat sementara, tetapi infrastruktur istana dan organisasi pelabuhan kini telah terbentuk dengan kukuhnya dan boleh berjalan dari mana-mana tapak pelabuhan yang sesuai. Pola yang telah berjalan di Melaka (yang telah diwarisi dari Sri Vijaya—Palembang) dengan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang teguh dan boleh dipercayai dan keupayaannya menyesuaikan kepada keadaan-keadaan yang berubah, ditambah dengan diplomasi yang bijaksana, telah diteruskan dan tambah diperhalusi di Johor.

Menjelang akhir abad ke-17 satu dimensi baru telah ditambah ke dalam siasah di kawasan Selat apabila bertambah banyaknya kumpulan-kumpulan Bugis dan Minangkabau mula berhijrah ke Semenanjung. Kebetulan pula dewasa itu merupakan zaman ketidakstabilan di dalam pemerintahan Johor yang tiba ke puncaknya di dalam tahun 1699 dengan terbunuhnya Sultan dan Bendahara telah ditabalkan sebagai raja yang baru. Ia kemudiannya dicabar oleh seorang yang berpura-pura menuntut hak kerajaan yang disokong oleh Minangkabau, iaitu Raja Kecil dari Siak, yang telah mendakwa ia adalah putera Sultan Mahmud yang dibunuh itu. Raja Kecil kelihatannya memperoleh sokongan orang laut dan dengan pertolongan mereka telah dapat menawan kota Johor di dalam satu serbuan mengejut pada awal tahun 1718.

Sultan Abdul Jalil yang telah mengambil alih pemerintahan pada tahun 1699 tinggal di Johor dan telah diturunkan pangkat kepada kedudukan asalnya sebagai bendahara oleh Raja Kecil. Lain-lain pegawai istana ada yang telah mati di dalam serangan itu, atau lari ke Melaka, Pahang dan Trengganu. Sultan Abdul Jalil tidak tinggal lama dengan Raja Kecil dan dengan lain-lain anggota keluarganya yang masih hidup telah lari ke pantai timur Semenanjung. Raja Kecil telah menghantar satu angkatan membu-

runya dan Sultan Abdul Jalil telah dibunuh dalam tahun 1721.

Pada waktu yang sama ketika Raja Kecil dan angkatan Minangkabau mengukuhkan kedudukan mereka di Johor, pendatang-pendatang Bugis sedang membuka petempatan di kawasan-kawasan Linggi yang kaya dengan bijih timah. Dari segi teori wilayah ini dipunyai oleh Johor dan Raja Kecil cuba menghalau penduduk-penduduk itu pada tahun 1721. Ia gagal dan pulang ke pusatnya di Pulau Bentan (Riau), tetapi orang-orang Bugis mengekorinya kerana mereka merasakan akan beroleh kejayaan. Mereka berjaya menghalau Raja Kecil dari Riau dan ia pun berundur ke Siak.

Raja Sulaiman, salah seorang anak Sultan Abdul Jalil yang dibunuh, pulang ke Riau sebagai Sultan Johor dan bagi membalas perlindungan Bugis ke atas kerajaannya, ia telah melantik salah seorang daripada pemimpin Bugis sebagai Yang Dipertuan Muda. Satu sumpah setia telah dibuat di antara Sultan Sulaiman dan Yamtuan Muda Bugis. Orang-orang besar Melayu yang telah lari selepas serangan Raja Kecil telah pulang semula dan majlis diraja dibentuk semula. Setiap usaha telah dibuat untuk menarik semula pedagang-pedagang ke Riau. Orang-orang Bugis terus-menerus mengawal perairan untuk menentang angkatan-angkatan dari Siak yang terus mengancam kawasan itu hingga mangkatnya Raja Kecil dalam tahun 1740.

Apabila Yamtuan Muda Bugis yang pertama mangkat dalam tahun 1728 ia telah digantikan oleh adiknya yang berkahwin dengan saudara perempuan Sultan Sulaiman. Menjadi jelas kepada bangsawan Melayu yang orang-orang Bugis akan berada kekal di Riau dan akhirnya mengambil alih akan jawatan rasmi yang mereka pegang selama ini. Orang-orang besar Melayu ini berpaling kepada Sultan Trengganu untuk memperoleh bantuan bagi menghalau Bugis dan dalam tahun-tahun 1740-an dan 1750-an sentiasa wujud ketegangan dan permusuhan di antara kedua-dua golongan ini.

Orang-orang Melayu juga telah merayu kepada orang-orang Belanda di Melaka tetapi menjadi dasar orang-orang Belanda untuk tidak campur tangan di dalam politik tempatan. Di dalam apa keadaan pun Belanda di Melaka tidaklah mungkin memberikan kepada sesiapa apa-apa pertolongan tentera kerana pihak berkuasa Belanda di Betawi telah mengurangkan perbelanjaan di Melaka dalam usaha mereka untuk menjimatkan wang. Kedudukan Melaka yang daif menjadi lebih nyata apabila ia berada di dalam keadaan sulit dan dengan tambahan bantuan dari luar ia hanya dapat bertahan dari dua serangan Riau-Bugis dalam tahun 1756 dan 1784.

Serangan-serangan Bugis ini telah dirangsangkan oleh pertikaian mengenai peraturan perdagangan. Selepas serangan yang kedua, iaitu ketika pahlawan Bugis yang bernama Raja Haji terbunuh, Belanda membuat satu perjanjian dengan Sultan Melayu Riau. Ia menetapkan bahawa Sultan adalah di bawah perlindungan Syarikat Hindia Timur Belanda dan bahawa wilayahnya adalah dipajak kepadanya. Belanda meletak seorang agen yang tetap dan satu geris di Tanjung Pinang, iaitu pelabuhan Riau.

Setelah seketika sahaja berada di situ orang-orang Melayu mendapati kelakuan agen ini sungguh melampau dan dalam tahun 1787 Sultan telah meminta sekumpulan lanun menghalaunya. Oleh kerana mengetahui yang Belanda akan bertindak balas, orang Melayu dan Bugis sama-sama meninggalkan Riau. Sultan menubuhkan kembali istananya lebih jauh ke selatan di Pulau Lingga, manakala orang-orang Bugis berpecah ke Selangor dan pantai barat Kalimantan.

Pada tahun 1795 Inggeris mengambil alih Melaka dari Belanda dan mengiktiraf Sultan Riau-Lingga sebagai raja yang merdeka, bebas dari taraf perlindungan. Dari Betawi Belanda turut berbuat demikian dan Riau kedua kalinya diletakkan semula ke taraf daulat yang sebenar. Sultan Mahmud yang memerintah menetap di Lingga tetapi seorang putera raja Melayu dengan gelaran Engku Muda kembali ke Riau dan memerintah di situ. Pada tahun 1800 Yamtuan Muda Raja Ali dan pengikutnya orang-orang Bugis kembali ke Riau dari Kalimantan. Engku Muda cuba menghalang mereka dan pergaduhan pun berlaku tetapi keadaan pulih semula pada tahun 1803 apabila satu sumpah setia di antara orang Melayu dan Bugis dibuat. Pada tahun 1805, iaitu selepas hampir satu abad bermusuhan dan menaruh syak wasangka, persaingan di antara Melayu dan Bugis itu ditamatkan apabila Sultan Mahmud dengan rasminya mengisytiharkan bahawa Pulau Penyengat itu (tidak jauh dari Tanjung Pinang) adalah kawasan kekuasaan Bugis. Sultan Mahmud berikrar bahawa baginda tidak akan masuk campur di dalam hal ehwal Bugis di situ dan meminta Bugis tidak menuntut apa-apa ke atas Lingga.

Pedagang-pedagang mula kembali ke Tanjung Pinang dan penemuan bijih timah di Pulau Singkep dan Pulau Karimun menarik lebih ramai penduduk ke daerah itu. Abad ke-19 membawakan satu era baru bagi Riau-Lingga. Kini dengan bebasnya mereka daripada keasyikan di dalam persaingan dan pertelingkahan sesama sendiri, pemimpin-pemimpin istana yang

sentiasa berminat di dalam soal agama dengan tekun. Dua kumpulan putera-putera Bugis telah menunaikan haji ke Mekah dan kemudian berlaku pengaliran masuk cerdik pandai Islam ke Riau. Mereka dibayar elau bulan bulanan untuk mengajar Quran, teks agama yang asas (seperti *Ihya Ulum al-Din* karangan al-Ghazali) dan nahu Arab kepada pegawai-pegawai Riau. Mistik Islam juga berkembang dengan tarikat utamanya *Nakshabandiyyah*, yang selama beberapa tahun dipimpin oleh Yamtuan Muda Raja Haji Muhammad. Minat terhadap pengajian Islam beriringan dengan minat yang mendalam di dalam kesusasteraan dan sejarah Melayu dan para sarjana seperti Raja Ali mencipta syair, hikayat, buku-buku pelajaran dan teks akhlak. Para sarjana Belanda melawat Riau-Lingga untuk membuat salinan manuskrip Melayu yang telah disimpan dan tertulis di situ dan untuk mengkaji bahasa Melayu, kerana kawasan itu adalah dianggap sebagai satu-satunya tempat di mana bahasa Melayu yang murni dan tinggi masih dituturkan. Dua orang Belanda yang menjadi penyusun dua kamus Melayu yang terbaik, iaitu H.C. Klinkert dan H. von de Wall, telah bertanya kepada orang-orang yang berkenaan di Riau tentang makna-makna dan penggunaan yang tepat bagi banyak perkataan Melayu.

Manakala kehidupan kebudayaan dan agama dalam abad ke-19 menjadi bertambah subur di Riau, peluang-peluang bagi kepentingan politik semakin terhad. Pada tahun 1818 Sultan telah membuat perjanjian dengan Belanda yang memberikan Belanda kuasa di dalam perhubungan luar bagi pihak Riau dan hak untuk meletakkan satu gerisen dan seorang residen di Tanjung Pinang. Pembahagian semula kepulauan itu kepada sempadan British dan Belanda dalam tahun 1824 tidak merubah perhubungan yang sentiasa erat dan terus berjalan di antara Riau dengan negeri-negeri Semenanjung dan keadaan ini membuat Belanda ingin mengawal perhubungan Riau dengan kuasa-kuasa 'luar'.

Dalam tahun-tahun 1850-an, tindak tanduk Sultan Mahmud Lingga telah menimbulkan kebimbangan residen Belanda. Manakala Sultan itu aktif di dalam politik di Singapura (yang mencemaskan pihak berkuasa British di situ) ia mengabaikan tanggungjawab pentadbirannya di Lingga. Satu krisis berlaku apabila Yamtuan Muda mangkat dan Sultan Mahmud tidak mahu melantik seorang pengganti. Ia tidak mengendahkan akan permintaan-permintaan Bugis dan Belanda untuk menyelesaikan masalah ini, dan walaupun dengan amaran daripada residen, ia berangkat ke Singapura. Oleh

kerana inilah ia telah diturunkan dari takhta oleh Belanda pada tahun 1857.

Menggulingkan Sultan yang walau bagaimana jelik dan melampau sekalipun tindak tanduknya, merupakan satu perkara yang berat dan mengemukakan kedua-dua pihak Melayu dan Bugis. Mungkin oleh kerana peristiwa inilah, iaitu campur tangan Eropah di dalam hal ehwal tradisional dalam negeri, ditambah pula dengan penyebaran kebudayaan Eropah yang amat nyata khususnya di Singapura, yang menggerakkan seorang yang amat sungguh-sungguh seperti Raja Ali Haji untuk melaksanakan satu catatan yang abadi mengenai kejayaan kerajaan agung Johor-Riau-Lingga ini.

Ikhtisar ini hanya memberi gambaran ringkas di dalam rangka luar sejarah Johor selama dua abad. Untuk perinciannya anda perlu membaca ceritanya seperti yang tertulis di dalam *Tuhfat al-Nafis*. Di dalamnya anda akan bertemu dengan cerita mengenai wanita-wanita yang mempunyai daya utama seperti Tengku Tengah dan Engku Puteri serta menikmati keseronokan pertarungan Raja Kecil melawan Bugis di laut. Anda akan menghargai keberanian Raja Haji dan berasa sedih akan kemangkatannya. Perjalanan ke Betawi, Semarang, Mekah dan Madinah digambarkan dengan nyata dan kisah-kisah yang mengerikan mengenai kegiatan lanun-lanun yang bersarang di perairan Riau-Lingga. Anda mungkin berasa simpati terhadap Sultan Mahmud yang memilih untuk bersukaan di Singapura dan mengabaikan pentadbiran hariannya di Lingga dan cerita mengenai pertemuannya dengan Raja Mongkur dari Siam amat menarik hati. Apabila anda tiba ke akhir epik ini anda akan termenung sebentar dan mengingatkan bahawa manuskrip ini dikarang oleh dua orang tua dari Pulau Penyengat, sebuah pulau kecil lebih dua abad yang lalu, dengan tujuan merakamkan bagi anda segala pengalaman dan kejayaan mereka yang mungkin nenek moyang anda sendiri.

TUHFAT AL-NAFIS

Bahagian penutup *Tuhfat al-Nafis* menjelaskan bahawa kumpulan cerita-cerita mengenai 'Raja-raja Melayu serta Bugis daripada anak cucu raja Melayu keturunan daripada Marhum Abdul Jalil yang mangkat di Kuala Pahang serta Marhum Raja Kecil negeri Siak' adalah ditulis bagi generasi akan datang supaya mereka dapat menyedari latar belakang mereka dan memahami asal usul keadaan yang ada sekarang.

Siapakah yang bertanggungjawab menghasilkan karya agung ini? Satu catatan di dalam *Tuhfat* kepunyaan Sir William Maxwell (lihat di bawah *Manuskrip-manuskrip*) menyatakan bahawa Raja Haji Ahmad memulakan penulisan *Tuhfat*, yang kemudiannya diteruskan dan diselesaikan oleh anaknya Raja Haji Ali.

Apabila kita memeriksa keempat-empat manuskrip *Tuhfat* yang ada kita dapati bahawa salah satu daripadanya mengandungi sejarah yang lebih ringkas daripada yang lain. Versi yang lebih pendek ini adalah lebih kurang 88 000 perkataan panjangnya, manakala versi yang lebih panjang di dalam ketiga manuskrip yang lain itu mengandungi lebih kurang 126 000 perkataan. Kedua-dua versi ini memulakan sejarahnya pada titik yang sama dan sama juga akhirnya, perbezaan di dalam panjangnya adalah lahir daripada stail versi yang lebih panjang itu yang lebih berbunga-bunga yang menggunakan lebih banyak sebutan kehormatan, lebih kerap berulangnya klisye sastera dan lebih banyak petikan dari bahasa Arab. Di samping itu, versi yang lebih panjang memasukkan bahan subjek tambahan yang tidak penting bagi struktur kisahnya, tetapi ia menambahkan lagi butir kepada ceritanya. Kebanyakan daripada butir sejarah yang berlebihan itu terbukti (Matheson, 1971) diambil daripada manuskrip sejarah yang lain, sebahagian besar darinya telah dapat dikenali (Matheson, 1971, hal. 391-2).

Nota di dalam manuskrip Maxwell menyatakan bahawa Raja Ahmad mula menulis sejarah ini dan anaknya menyelesaikannya. Tidak ada apa-apa bukti di dalam versi yang lebih panjang bahawa ia ditulis oleh dua orang pengarang. Sungguhpun begitu, kita memiliki karya ini di dalam dua versi, tiap-tiap satunya dengan stail yang tersendiri. Versi yang lebih pendek tidak mempunyai pengenalan di dalam bahasa Arabnya. Versi yang lebih panjang mempunyai pengenalan di dalam bahasa Arab, pengenalan yang serupa dengan yang terdapat dalam teks-teks lain yang kita yakin ditulis oleh Raja Ali (misalnya *Bustan al-Katibin*, *Gurindam Dua Belas*, dan *Silsilah Melayu dan Bugis*). Versi yang lebih panjang juga mengandungi butir-butir tambahan mengenai kehidupan Raja Ali sendiri—isterinya di Pulau Pinang, keuzurannya tatkala di dalam perjalanan ke Juana dan pengajaran agamanya. Adalah munasabah untuk mengagak bahawa Raja Ahmad adalah bertanggungjawab di dalam menulis surat versi yang pendek atau versi pertama *Tuhfat*. Anaknya Raja Ali menulis semula karya itu, memperkembangkan bahasa dan stail dan menambahkan lebih banyak butir sejarah. Karya Raja

Ahmad mungkin diselesaikan dalam bulan November 1866, oleh itu penulisan semula mungkin berlaku di antara waktu itu hingga kemangkatan Raja Ali pada tahun 1872.

Untuk menyokongkan lagi teori bahawa *Tuhfat* ditulis bersama adalah hakikat bahawa Raja Ali diketahui telah mengerjakan semula sekurang-kurangnya dua teks yang lain. *Syair Sultan Abdul Muluk* telah diterbitkan di bawah namanya, tetapi dikatakan sebagai karya saudara perempuannya, dan *Silsilah Melayu dan Bugis* adalah berdasarkan kepada kitab yang dipunyai oleh saudara Raja Ali, iaitu Saiyid al-Syarif Abdul Rahman dari Pontianak.

Raja Ahmad dan anaknya itu merupakan orang-orang terkemuka di zaman mereka. Mereka adalah keturunan langsung daripada Yamtuan Muda Bugis yang kedua, Opu Dahing Cellak, yang telah berkahwin dengan seorang saudara perempuan kepada raja Melayu Sultan Sulaiman. Anak laki-laki mereka ialah seorang pahlawan Bugis Raja Haji, iaitu ayah kepada Raja Ahmad. Raja Ahmad telah dilahirkan dalam tahun 1778 dan apabila ayahnya terbunuh dalam tahun 1784 ia telah dipelihara oleh Sultan Mahmud. Bagaimanapun, ia telah meninggalkan Riau dan menghabiskan masa kanak-kanaknya dengan bapa saudaranya, Sultan Selangor. Ia berkahwin dengan Encik Hamidah di Selangor dan memperolehi dua orang anak, yang kedua itulah Raja Ali Haji yang dilahirkan pada tahun 1809.

Raja Ahmad kembali ke Riau dengan keluarganya. Saudara perempuannya Engku Puteri, telah berkahwin dengan Sultan Mahmud yang telah menghadiahkan kepadanya Pulau Penyengat. Dalam tahun 1805 Raja Jaafar, saudara kepada Raja Ahmad, menjadi Yamtuan Muda dan ia melantik Raja Ahmad sebagai wakil rasminya.

Dalam tahun 1822 Raja Ahmad mengetuai satu rombongan menemui Gabenor Jeneral Belanda di Betawi untuk membincangkan masalah lanun di kepulauan Melayu. Dalam tahun 1823 ia belayar semula ke Betawi, kali ini untuk menyusun butir-butir mengenai kemahkotaan Sultan Abdul Rahman. Raja Ahmad yang uzur itu kembali ke Riau di dalam keadaan tenat dan berniat sekiranya ia sembuh ia akan menunaikan haji ke Mekah.

Dalam tahun 1828, ia tiba di Jeddah bersama-sama anaknya Raja Ali serta satu rombongan jemaah haji dari Riau dan tinggal selama setahun

di Tanah Suci. Sekembalinya dari Mekah Raja Ahmad kelihatan telah bersara daripada perkhidmatan awam yang aktif dan Raja Ali menjadi lebih terkenal. Seperti ayahnya, beliau memberikan khidmat kepada sepupu-sepupunya, iaitu Yamtuan Muda-Yamtuan Muda Riau sebagai penasihat, guru agama, pakar undang-undang dan teman. Ia telah menulis karya-karya bagi panduan saudara-saudara Islamnya, yang terawal daripadanya yang ada di dalam catatan kita ialah *Gurindam Dua Belas* (1847) dan *Bustan al-Katibin* (1851). Dalam tahun 1857 ia mengarang *Thamarat al-Mabammah*, satu tritis untuk para pemerintah yang menerangkan bagaimana mereka harus berkelakuan dan mentadbir kerajaan dengan betul. Ini segera diikuti kemudiannya dengan *Mukaddimah fi intizam waza'if al-malik...*, sebuah lagi buku nasihat untuk pemerintah, yang ditujukan bagi memperingati sepupunya Yamtuan Muda Ali yang baru sahaja mangkat. Dalam tahun 1858 Raja Ali memulakan kerja barunya yang tidak dapat diselesaikannya, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang menyerupai kamus. Walaupun buku ini setebal 466 muka, ia hanya meliputi 6 huruf pertama di dalam abjad Arab. Buku sejarahnya dilaksanakan menjelang akhir hayatnya, iaitu *Silsilah Melayu dan Bugis* yang telah siap pada tahun 1865 atau 1866 hampir sama masanya dengan Raja Ahmad menyediakan draf pertama *Tuhfat al-Nafis*. Satu-satu manuskrip lain Raja Ahmad yang masih ada ialah syairnya, *Kisahnyia Engku Puteri*, yang menggambarkan pelayaran yang dibuatnya bersama-sama saudara perempuannya itu untuk merawat saudaranya Jaafar yang sakit.

Catatan di dalam manuskrip *Tuhfat* kepunyaan Sir William Maxwell menyatakan bahawa Raja Ahmad mangkat ketika berumur 103 tahun ikut kiraan hijrah (100 tahun ikut kiraan tahun Masihi). Oleh kerana ia dilahirkan pada tahun 1778, ini bermakna tahun kemangkatannya adalah 1878. Ini telah disahkan oleh Residen Belanda Elisa Netscher, bahawa dalam tahun 1853 Raja Ahmad berumur 78 tahun. Usia Raja Ahmad melampaui hayat anaknya yang mungkin telah mangkat pada tahun 1872.

Mereka diletakkan pada kedudukan yang istimewa untuk memerhatikan pemerintah-pemerintah zaman mereka, dan diberikan kelebihan mengembara dan jalinan perhubungan yang luas, membolehkan Raja Ahmad dan Raja Ali menggabungkan bakat dan pengalaman masing-masing untuk melahirkan satu sejarah bangsa Melayu yang unik.

MANUSKRIP-MANUSKRIP

Hingga ke hari ini hanya empat manuskrip *Tuhfat al-Nafis* yang dapat dikesan. Ia tergolong ke dalam dua jenis, versi panjang dan versi lebih pendek. Hanya ada satu manuskrip bagi versi yang lebih pendek, dan pada dasarnya versi yang lebih pendek dengan beberapa petikan daripada teks yang lebih panjang inilah yang dikemukakan bagi edisi ini.

Manuskrip dari versi yang lebih pendek itu telah ditulis dalam tahun 1896 sebagai hadiah kenang-kenangan kepada A.L. van Hasselt, Residen Belanda di Riau yang akan bersara. Ia disalin dari teks yang berada dalam simpanan Yamtuan Muda Riau. Pada tahun 1903 van Hasselt meng-hadiahkan manuskrip ini kepada Koninklijk Instituut voor Taal-, Landen Volkenkunde di Leiden.

Versi *Tuhfat al-Nafis* yang lebih panjang dikekalkan di dalam tiga manuskrip. Hanya satu daripadanya, iaitu yang dipunyai oleh Sir Richard Winstedt, telah diterbitkan. Ia telah tersiar di dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, jilid 10, bahagian 2, 1932. Teks Sir Richard Winstedt telah disalin daripada manuskrip yang dipinjamkan kepadanya oleh Tengku Fatimah, puteri Sultan Abu Bakar Johor.

Sir William Maxwell memiliki satu lagi manuskrip *Tuhfat* yang panjang, yang telah disalin untuknya di Perak dalam tahun 1890. Manuskrip ini mempunyai beberapa bahagian singkat yang tidak tertulis di dalam manuskrip-manuskrip yang lain. Bahagian-bahagian ini menambah keterangan yang membuat sebahagian daripada bahagian silsilah *Tuhfat* kemaskini (iaitu hingga ke tahun 1882-8 Masihi), atau menambah teguran moral. Bahagian tersebut tidak dimasukkan ke dalam edisi ini. Manuskrip Sir William Maxwell itu sekarang berada di dalam perpustakaan Royal Asiatic Society di London.

Manuskrip *Tuhfat* yang ketiga dari versi yang lebih panjang hanya baru-baru ini diakui sebagai teks *Tuhfat*. Dalam tahun 1971 Mohammad Khalid Saidin menulis sebuah rencana di dalam *Dewan Bahasa* (jilid 15, no. 8, hal. 339-50), di mana ia menjelaskan sebuah manuskrip dari perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka berjudul 'Sejarah Raja-raja Melayu dan Bugis' dan mengenalinya sebagai teks *Tuhfat*. Ini merupakan satu manuskrip yang menarik, kerana agak sama dengan teks Sir William Maxwell, tetapi lebih sedap dibaca. Seorang pakar dari Dewan Bahasa dan Pustaka mengatakan

bahawa manuskrip ini telah ditulis dengan dakwat buatan sendiri yang mengandungi campuran dari bendalir sotong kurita, getah kulit manggis dan bunga senduduk.

Edisi *Tuhfat al-Nafis* yang dipersembahkan di sini pada dasarnya berpunca daripada manuskrip van Hasselt, iaitu satu-satunya naskhah pendek yang ada sekarang yang telah ditulis oleh Raja Ahmad. Kami memilih teks ini kerana bahasanya lebih tepat, stailnya ringkas dan kurang perkataan-perkataan Arab. Panjangnya memungkinkan pembaca-pembaca menikmati episod-episod penting yang terlukis di dalam *Tuhfat* yang lebih panjang, dan mengambil masa yang lebih pendek di dalam membaca sejarah yang samar-samar, seperti cerita-cerita mengenai Siak.

EJAAN

Di dalam edisi ini sistem 'Ejaan Baru' telah digunakan bagi kedua-dua bahasa Melayu dan Arab.

Ejaan di dalam manuskrip van Hasselt (di dalam tulisan Jawi) tidaklah sentiasa sama dan konsisten. Contohnya, kedua-dua bentuk perkataan-perkataan di bawah ini muncul di dalam tulisan Jawi:

sanggub/sanggup, harab/harap, ilir/hilir
 ayam/hayam, beranyut/berhanyut, antar/hantar,
 saja/sahaja, mau/mahu

Ejaan perkataan-perkataan sedemikian tidak diseragamkan di dalam edisi ini.

Di mana ejaan di dalam manuskrip mungkin membawa kepada kecacuan dan salah faham, editor mengambil satu bentuk perkataan dan mengekalkannya (contoh 'governor' telah dieja di dalam tiga cara, dan ini muncul secara konsisten di dalam edisi ini sebagai 'geberneur').

Di dalam empat-empat manuskrip itu perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa Bugis telah dimelayukan. Oleh itu pangkat 'Daing' dieja 'Da-hing' dan bentuk sedemikian telah dikekalkan.

Huruf jawi 'ayn' (ع), secara umumnya tidak digunakan di dalam edisi ini. Ia digunakan di dalam beberapa perkataan Arab dan nama-nama khas. Perkataan dan petikan bahasa Arab ditulis dengan huruf condong.

TANDA BACA

Pembahagian di antara bahagian-bahagian dan tanda berhenti atau jeda di dalam kisah ditunjukkan di dalam manuskrip Melayu dengan 'perkataan tanda baca' (misalnya 'alkisah', 'syahadan', 'pun', 'kata sahibul hikayat', 'maka', 'itu', 'adanya', 'intiha', 'fasal'). Adalah mudah bagi pihak editor untuk mengikuti tanda-tanda ini dan memindahkannya kepada persamaannya di dalam bentuk moden dengan menggunakan koma, tanda titik dan perenggan. Walaupun begitu bab-bab tidak ditunjukkan. Pengarang-pengarang *Tuhfat* membahagikan karya mereka kepada Bahagian Satu dan Bahagian Dua, tidak di dalam bab-bab. Editor telah membahagikan teks ini kepada dua bahagian yang mengandungi 58 bab, dan cuba memastikan yang tiap-tiap satunya merupakan satu unit yang bermakna di dalam rangka kisah keseluruhannya, tetapi tiap-tiap bab tidaklah terlalu panjang.

RUJUKAN

- L.Y. Andaya, 1975, *The Kingdom of Johor 1641-1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- V. Matheson, 1971, 'The Tuhtat al-Nafis: Structure and Sources', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, jilid 127, bhg. 3, hal. 375-92.

BAHAGIAN SATU

1. RAJA-RAJA MELAYU PERTAMA DAN SILSILAH MELAYU

BI-'SMI'LLAHI'R-RAHMANI'R-RAHIM. Maka pada ketika di dalam Hijrat *al-Nabi salla Allahu 'alaibi wasallam* seribu dua ratus delapan puluh dua tahun dan pada tiga haribulan Syaaban yang maha besar dan berbangkitlah hatiku bahawa memperbuat kitab ini yang simpan, dan di dalamnya menyatakan silsilah dan perjalanan dan tawarikh dan segala khabar-khabar daripada kisah Raja-raja Melayu serta Bugis dan kepada segala anak-anak mereka itu. Dan aku namai akan dia 'Tuhfat al-Nafis' pada menyatakan kelakuan daripada Raja-raja Melayu serta Bugis. Padahal mengharapku akan Allah yang mengampuni daripada tersalah pada segala tawarikh dan pada perjalanannya. Ya Tuhanku, perkenankan oleh-Mu akan pinta hamba-Mu intiha.

Al-bab al-awwal fi silsilatibim. Bermula fasal yang pertama pada menyatakan keturunan raja-raja sebelah Melayu dengan diringkaskan perkataannya. Maka adalah dimulai di sini daripada seorang Raja Melayu yang asal yang bernama Raja Seri Teri Buana. Ialah raja asal Raja Melayu yang turun daripada Bukit Siguntang lalu ke Palembang, kemudian lalu ke Bentan, kemudian kerajaannya di Singapura. Syahadan berpanjangannya hikayatnya itu di dalam sejarah dan siarah Melayu, akan tetapi pada kitab ini bukannya maksudku akan memperbuat cetera yang panjang-panjang itu, kerana ceteranya yang panjang sudah ada beberapa banyak karangan-karangan orang yang dahulu-dahulu daripada aku, dengan kitab ada yang disurat dengan tangan ada yang dicetak dengan suratan *taba'*.

Adapun yang aku perbuat ini sekadarkan hendak menyatakan peraturan yang jatuh pada perjalanan antara perjalanan Raja-raja Melayu dengan Raja-raja Bugis, tatkala pada masa raja-raja sebelah Johor dengan raja-raja sebelah Bugis dan raja-raja sebelah Pulau Perca, supaya mengetahui jalan dan

sebab bercampuran nasab setengah atas setengahnya, dengan perkataan dan karangan yang kemas supaya mudah mehafalkan dan memahamkan barang siapa berkehendak memahamkan dia.

Sebermula adalah Raja Seri Teri Buana itu kerajaan di Singapura. Adalah menterinya bernama Demang Lebar Daun yang datang bersama-sama dengan dia dari Palembang. Adalah Demang Lebar Daun itu Raja Palembang jadi mertua kepada Raja Seri Teri Buana itu. Adapun Wan Seri Beni itu mak angkat oleh Raja Seri Teri Buana, iaitu raja perempuan di negeri Bantan. Apabila Raja Seri Teri Buana itu membuat negeri di Singapura, maka Wan Seri Beni itu pun pindahlah ke Singapura. Adalah nama Singapura itu mula-mulanya Temasik. Kemudian pada waktu Raja Seri Teri Buana itu menebas Temasik itu maka lalu seekor binatang bernama singa, maka sebentar ia hilang. Maka jadilah digelar oleh raja itu negeri Singapura-pura, demikianlah kisahnya di dalam hikayat yang panjang.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya Raja Seri Teri Buana itu kerajaan di Singapura maka hilanglah Wan Seri Beni itu dan Demang Lebar Daun dan menteri Ria Buah Pala pun hilanglah meninggalkan negeri dunia. Maka ada kira-kira dua tahun lamanya antara itu maka baginda Seri Teri Buana pun mangkatlah pula. Maka ditanamkan orang di Bukit Singapura itu tiada berapa jauhnya dengan kubur Wan Seri Beni.

Syahadan apabila sudah hilang Raja Seri Teri Buana itu maka menggantikan kerajaannya dengan puteranya yang bernama Seri Pikrama Wira dan Raja Pikrama Wira itu ada pula menaruh saudaranya seorang bernama Raja Kecik Muda. Maka dijadikannya menteri yang besar digelarlah bendahara, bergelar Tun Permatih Muka Berjajar. Maka ialah raja yang mula-mula membuat bendahara yang memerintahkan segala menteri-menteri yang di bawah takhta kerajaannya. Syahadan apabila mangkatlah Raja Pikrama Wira itu maka menggantikan kerajaannya, iaitu puteranya yang bernama Raja Muda bergelar Seri Ratna Wikrama. Adapun bendaharanya anak Tun Permatih Muka Berjajar, dan masa kerajaannya mendapat seorang daripada rakyatnya yang gagah perkasa bernama si Badang yang boleh mencabut kayu-kayu dua tiga pemeluk, sebab ia makan muntah hantu konon.

Syahadan apabila mangkatlah Seri Ratna Wikrama itu maka menggantikan pula akan kerajaannya puteranya yang bernama Damiya Raja, yang bergelar di dalam kerajaannya Paduka Seri Maharaja. Kata yang empunya cetera pada masa kerajaan Paduka Seri Maharaja inilah, negeri Singapura itu ke-

turunan bala dilanggar oleh ikan todak sebab kerana raja itu membunuh satu ulama-aulia Allah namanya Tuan Zainul Khatib. Maka apabila mati ulama itu maka bala daripada *Allah subhanahu wataala* pun turunlah, iaitu ikan todak datang dari laut menikam manusia. Beberapa manusia yang mati terbunuh oleh ikan todak itu pada masa itu, dan berpanjanganlah hikayatnya itu pada siarah yang panjang adanya.

Syahadan apabila mangkatlah Paduka Seri Maharaja itu, maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Iskandar Syah, dan Raja Iskandar Syah inilah negeri Singapura dialahkan oleh Raja Manjapahit. Adalah sebabnya itu Raja Iskandar Syah itu ada menaruh seorang gundiknya daripada anak menterinya yang bernama Sang Rajuna Tapa, yang bergelar Penghulu Bendahari. Maka difitnahkan oleh seorang daripada gundiknya jua mengatakan gundik baginda anak Penghulu Bendahari bermukah dengan seorang laki-laki. Maka murkalah Raja Iskandar Syah akan gundiknya anak Penghulu Bendahari itu, lalu disuruhkannya seorang membunuhnya. Kemudian disuruhkannya pula pancungkan di Hujung Pasir, padahal pekerjaannya itu tiada dengan usul periksa lagi.

Syahadan maka apabila bapanya tahu akan hal anaknya diperbuat yang demikian itu maka malulah ia seraya katanya, 'Jikalau sungguhpun dosanya, bunuhlah dengan bersembunyi, janganlah dilahirkan di tengah-tengah negeri jadi tampaklah aib dirinya, kerana ia pun sudah dibesarkan.' Syahadan marahlah hatinya naik api marahnya itu membakar akalunya. Maka lalu ia memberi surat kepada Raja Manjapahit, kerana Manjapahit pada masa itu berseteru dengan Raja Paduka Iskandar Syah itu. Maka apabila dapat ia jalan ada yang belot di dalam negeri Singapura itu, maka Raja Manjapahit pun datanglah melanggar Singapura. Maka alahlah Singapura kerana rakyat Jawa yang datang itu terlalu banyak, sekira-kira dua keti. Maka larilah Raja Iskandar Syah itu membawa dirinya hingga sampai ke Melaka. Adapun Sang Rajuna Tapa itu apabila Raja Iskandar Syah itu sudah keluar dari Singapura, maka lalulah ia masuk ke belubur beras. Maka tumbanglah belubur beras itu ke dalam parit. Maka terjatuhlah Sang Rajuna itu bersama-sama rumah belubur beras itu ke dalam parit. Lalulah ia mati dengan anak bininya menjadilah batu konon.

Syahadan adapun baginda itu duduklah ia membuat negeri di Melaka, adalah lama kerajaannya di Singapura kira-kira tiga puluh tahun dan kerajaannya di Melaka kira-kira tiga tahun demikianlah kata *abli'l-tawarikh*.

Syahadan adalah kerajaan Raja Melayu di Singapura itu, iaitu lima keturunan.

Fasal.

Syahadan apabila mangkatlah Raja Iskandar Syah itu menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Besar Muda. Maka raja inilah memulai memperbuat menteri yang berempat dan bentara yang berempat berdiri di ketapakan menyampaikan titah raja kepada seorang, dan menyampaikan persembahan orang-orang yang minta maklumkan raja, dan ialah yang memulai membuat alat semberab kerajaan yang dibawa ke balai.

Syahadan apabila mangkatlah Raja Besar Muda itu maka menggantikan puteranya yang bernama Raja Tengah. Syahadan apabila mangkatlah Raja Tengah itu maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Kecil Besar. Syahadan kata sahibul hikayat inilah raja yang adil lagi saksama pada zaman itu, dan ialah Raja Melayu yang mula-mula masuk ugama Islam, yang bermimpikan berjumpa hadrat Nabi kita Muhammad *salla Allahu 'alaihi wasallam*, yang diajar oleh *Rasulullah salla Allahu 'alaihi wasallam*, dengan mengucap dua kalimat syahadat, iaitu: *asyhadu al la ilaha illa 'llahu, wa asyhadu anna Mubhammadan Rasulu'llahi*: serta terkejut daripada tidurnya, dilihatnya zakarnya sudah terkhatan.

Maka pada pagi hari ia berangkat ke pantai melihat kapal datang dari Jeddah. Maka turun orangnya sembahyang di tepi pantai itu dilihatnya seperti yang di dalam mimpinya. Maka raja itu pun menderumkan gajahnya lalu diambilnya orang yang sembahyang itu dibawanya naik ke atas gajahnya, iaitu Syekh Makhдум namanya, lalulah dibawanya masuk ke dalam kotanya. Maka belajarlah ia akan ugama Islam. Maka masuk Islam segala orang besar-besarnya dan segala isi negeri Melaka itu. Maka baginda itu pun bergelarah Sultan Muhammad Syah.

Syahadan baginda Sultan Muhammad Syah inilah Raja Melayu mula-mula meletakkan adat-adat Melayu seperti kekuningan yang tertentu kepada raja jua, melainkan kekuningan itu jika diambilkan baju dan kain dan destar maka tiga perkara itu boleh. Dan demikian lagi larangan juga berbuat rumah berperangin dan tiang beralas tiada terletak ke tanah dan rumah berpebalaian dan berpelantaran. Dan perahu larangan juga seperti perahu bertingkap dan berpengadapan. Dan berlarang juga bergelang kaki emas keroncong kepala perak sekalipun tiada dapat orang keluaran memakainya, jika kaya sekalipun melainkan dengan anugerah raja jua maka boleh. Dan

lainnya daripada adat yang tentu kepada raja-raja dan kepada anak-anak raja jua. Dan jika menghadap raja di balairung, jika Raja Muda duduklah di seri balai, demikian lagi Bendahara dan Temenggung dan Indera Bungsu dan segala menteri-menteri daripada raja-raja di seri balailah kedudukannya. Dan lagi beberapa adat istiadat yang tersebut pada siarah yang panjang-panjang.

Syahadan pada kerajaan baginda Sultan Muhammad Syah inilah yang sangat adil serta ramailah negeri Melaka itu serta amannya. Maka adalah lamanya ia di dalam kerajaan enam puluh tujuh tahun. Syahadan maka apabila ia mangkat maka menggantikan kerajaannya puteranya Raja Ibrahim bergelar Sultan Abu Syahid Syah dan lagi ada seorang putera baginda itu bernama Raja Kasim ibunya anak Mani Perindan bernama Tun Ratna Wati. Adapun putera baginda Raja Ibrahim itu bondanya anak Raja Rekan. Akhir-akhir pekerjaannya itu Raja Kasim menjadi raja dan Raja Rekan itu terbunuh bersama Sultan Abu Syahid itu, sebab menyabur orang-orang hendak menikam Raja Rekan itu. Maka Raja Rekan menikam pula Sultan Abu Syahid itu. Maka matilah keduanya sebab kerana pekerjaan kebesaran dan pekerjaan dunia ini adanya.

Adalah lamanya Sultan Abu Syahid menjadi raja itu setahun lima bulan maka berpindahlah kerajaannya kepada saudaranya Raja Kasim, maka bergelar Sultan Muzaffir Syah. Syahadan Sultan Muzaffir Syah inilah yang memulai memperbuat undang-undang Melayu memerintahkan kerajaan dengan adil.

Syahadan maka apabila mangkat baginda itu maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Abdullah bergelar Sultan Mansur Syah. Adalah Bendaharanya bernama Paduka Raja. Syahadan pada masa kerajaan Sultan Mansur Syah itulah mengutus ke Bugis kepada Raja Goa dengan membawa beberapa bingkisan dan hadiah perkiriman. Maka dibalas oleh Raja Goa dengan seorang anak raja-raja yang pada negeri kecil yang bernama Dahing Mempawah, iaitulah akhirnya jadi digelar Laksamana Hang Tuah. Ialah yang masyhur di dalam Melaka hulubalang yang perkasa dan ialah yang membunuh Hang Jebat yang menderhaka mengambil gundik raja dilawannya bermukah. Kemudian mengamuklah ia di dalam istana raja, maka raja pun keluarlah dari dalam istananya. Maka tiada seorang daripada menteri hulubalang Raja Melaka menaiki Hang Jebat, hanyalah Hang Tuah jua yang berani menaiki. Maka lalu dibunuhnya Hang Jebat itu

dan berpanjanganlah hikayatnya di dalam siarah yang panjang-panjang.

Syahadan baginda Sultan Mansur Syah inilah berangkat beristeri ke Tanah Jawa akan anak Ratu Manjapahit. Maka lalulah dibawanya balik ke negeri Melaka dan Pulau Tujuh pun diberikan oleh Ratu Manjapahit kepada menantunya Raja Melaka itu. Syahadan adalah kisah baginda Sultan Mansur Syah ini terlalu panjang, seperti tersebut di dalam siarahnya. Maka di sini sekadarkan hendak ringkasnya sahaja adanya.

Syahadan apabila mangkatlah Sultan Mansur Syah ini maka menggantikan kerajaannya puteranya Sultan Alauddin Riayat Syah. Adalah baginda itu sangat suka mengawali negeri pergi sambang malam dengan dirinya sendiri, dan beberapa kali ia membunuh penyamun dan pencuri dengan tangannya sendiri dan menghukumkan dengan adil dan bencikan orang yang jahat-jahat serta memeliharakan harta benda orang.

Syahadan apabila mangkatlah ia menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Mahmud bergelar Sultan Mahmud Syah. Maka masa kerajaan baginda inilah membunuh saudaranya itu, iaitu yang bernama Raja Zainal, kerana Raja Zainal itu adalah baik parasnya cantik manis, memberi ghairat segala hati perempuan melihatnya. Dan banyak anak-anak orang Melaka berahikan dia hingga anak-isteri orang tiadalah berketentuan mengidah Raja Zainal itu dengan bunga bergubah dan sirih bersulur. Mana-mana yang berkenan diambilnya, dan mana-mana yang tiada berkenan diberikannya kepada segala juak-juaknya. Maka cabullah negeri Melaka itu dengan hal yang demikian itu. Maka menyuruhlah Sultan Mahmud itu akan seorang hambanya menikam Raja Zainal itu malam-malam pada tempat tidurnya. Maka matilah Raja Zainal itu digemparkan oleh orang-orang negeri itu mengatakan Raja Zainal mati ditikam oleh pencuri konon adanya.

Syahadan baginda Sultan Mahmud inilah mengambil tunangan Raja Pahang yang bernama Tun Teja, disuruhnya curi kepada Hang Nadim. Dan baginda Sultan Mahmud inilah hendak meminang Puteri Gunung Ledang, dikehendaki Puteri Gunung Ledang itu darah putih puteranya. Maka tiadalah jadi Sultan Mahmud itu meminang.

Dan Sultan Mahmud inilah suka bermain-main muda dengan isteri-isteri menterinya. Pada satu masa ia bermain-main muda dengan isteri Tun Biajit anak Laksamana Hang Tuah, maka terjumpa dengan Tun Biajit itu di tengah jalan. Maka ditimang-timang oleh Tun Biajit lembingnya katanya, 'Jika tiada aku takut derhaka nescaya tiadalah nama Sultan Mahmud hari

esok.' Maka apabila didengar oleh Sultan Mahmud maka diberikannya gundiknya yang dikasihnya itu kepada Tun Biajit itu dan Tun Biajit pun mentalak isterinya pula. Dan Sultan Mahmud itulah membunuh bendaharanya yang bernama Bendahara Seri Maharaja sebab kerana baginda itu berahikan anaknya yang bernama Tun Fatimah yang bersuamikan Tun Ali. Maka apabila sudah mati Bendahara Seri Maharaja dan menantunya Tun Ali, maka Tun Fatimah pun diambil dibuatnya isteri. Adapun diperbuat jalan itu sebab fitnah daripada seorang peranakan Keling bernama Kitul dan Raja Mendeliar. Kemudian Kitul dan Mendeliar itu pun dibunuh pula sebab tiada berbetulan dengan fitnahnya itu adanya. Maka apabila lepas baginda Sultan Mahmud itu membunuh Bendahara Seri Maharaja dengan tiada sebenarnya itu, maka datanglah qadha *Allah subhanahu wataala*, iaitu datanglah Feringgi melanggar negeri Melaka. Maka adalah pada masa itu Sultan Mahmud sudah menurunkan dirinya daripada kerajaannya dijadikan raja anaknya yang bernama Raja Ahmad bergelar Sultan Ahmad Syah.

Maka pada ketika Feringgi melanggar itu, maka Sultan Mahmud Syah pun melawan bersungguh. Kemudian Feringgi pun menaikkan barisnya ke darat maka berperanglah. Tiada berapa lama berperang itu maka Sultan Mahmud Syah pun alahlah, lalu membawa dirinya ke Batu Hampar. Adapun Sultan Ahmad Syah berkota di Bentayan. Maka langgar Feringgi pun datanglah. Maka larilah pula ia ke hulu Muar lalu ke Penarikan, berjalan ke hulu Pahang masuklah ke Pahang. Masa itu Sultan Pahang bernama Sultan Mansur Syah kerabat baginda itu juga. Maka tiada berapa lama di Pahang pindahlah pula ia ke Johor, lalu membuat negeri di Johor. Syahadan puteranya Sultan Ahmad itu murah perangnya, akan tetapi tiada suka akan orang tua-tua serta dihina-hinakannya segala orang besar-besar, serta dilakukannya pekerjaan-pekerjaan yang bukan-bukan patut atas orang tua-tua dan orang besar-besar itu. Maka Sultan Mahmud pun murka lalu diracunnya puteranya itu, maka mangkatlah Sultan Ahmad Syah itu. Maka jadilah enam keturunan Raja-raja Melayu kerajaan di dalam negeri Melaka.

Maka berpindah ke Johor, dari Johor ke Bentan pula semula. Maka langgar Feringgi pun datang, maka Bentan pun alah. Maka larilah pula ke Kampar. Maka di dalam Kampar inilah mangkatnya Sultan Mahmud Syah laki-isteri. Maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Sultan Alauddin Riayat Syah keluar dari Kampar lalulah ke Pahang, dari Pahang lalu ke Johor.

Fasal.

Sebermula adalah pada zaman Johor pula keturunan raja-raja Melayu itu, iaitu: yang pertama, iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah, putera Sultan Mahmud Syah yang telah tersebut itu. Syahadan baginda Sultan Alauddin Riayat Syah inilah pada masa ia masuk ke Pahang beristerikan putera Sultan Mansur Syah yang bernama Raja Kesuma Dewi. Kemudian keluar pula ia dari Pahang lalu ke Johor. Adalah ia keluar itu beberapa ratus kelengkapan. Adalah laksamana bernama Hang Nadim ialah raja menjadi Raja Laut. Adalah perahunya bernama dendang, panjangnya tiga belas depa, bermeriam dua sehaluan, suntung rentaknya sepuluh sebelah dan tahan turutunya dua. Dan pengapit Laksamana itu Seri Bija Raja. Adalah perahunya bernama jurung, panjangnya sebelas depa, dua juga meriamnya sehaluan dan suntungnya delapan sebelah, tahan turutunya dua.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah senjata yang lepas tatkala alah Kupuk oleh Feringgi itu, iaitu meriam delapan puluh dan lela rentaka tiga ratus. Maka tetaplah baginda itu di Johor. Maka di dalam beberapa masa mengeluarkan perompak pergi melanggar ke Melaka dan beberapa lanca-lanca orang Feringgi yang dapat. Adalah kepala perompak itu Hang Nadim.

Syahadan apabila mangkatlah Sultan Alauddin Riayat Syah itu, maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bergelar Sultan Muzaffir Syah. Adalah umurnya waktu ia menjadi raja, iaitu sembilan belas tahun. Adalah baginda itu baik adabnya dengan orang tua-tua, tiada ia membicarakan suatu pekerjaan melainkan muafakat dengan Datuk Bendahara dan Seri Nara Diraja serta Temenggung Sedewa Raja serta orang yang tua-tua sekalian. Dan masa kerajaannyalah tiada boleh Feringgi ke laut-laut lagi dengan sebuah dua, melainkan didapatlah oleh perompak Johor. Syahadan pada masa Sultan Muzaffir Syah inilah membuat kubu di Seluyut, lalu dibuat negeri sekali.

Syahadan apabila mangkatlah Sultan Muzaffir Syah maka menggantikan kerajaannya puteranya bergelar Sultan Abdul Jalil Syah. Syahadan pada masa Sultan Abdul Jalil Syah inilah datang langgar Feringgi ke Seluyut. Maka Feringgi alah lalu balik ke Melaka. Adapun baginda berpindah dari Seluyut membuat negeri di hulu Sungai Damar Batu Sawar namanya. Maka digelar oleh baginda negeri itu Makam Tawhid, tetaplah baginda di situ adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah putera baginda itu dengan gundiknya ada tiga orang, pertama Raja Hasan, kedua Raja Husin, ketiga Raja Mahmud. Adapun putera baginda yang bernama Raja Hasan itu dirajakan di negeri Siak, dan putera baginda yang bernama Raja Husin itu dirajakan baginda di Kelantan, dan putera baginda yang bernama Raja Mahmud itu dirajakan oleh baginda di Kampar, kerana pada zaman Johor segala raja-raja Melayu semuanya itu di bawah perintah Johor belaka pangkatnya. Adapun putera baginda yang gaharanya seperti Raja Mansur dan Raja Abdullah itu tetaplah keduanya itu di dalam Johor.

Syahadan apabila mangkat Sultan Abdul Jalil Syah itu, maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Mansur bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah juga. Akan tetapi baginda itu tiada hiraukan kerajaannya, asyik dengan permainan sahaja. Maka Raja Abdullahlah bersama-sama Bendahara memangku kerajaan baginda itu, seolah-olah Raja Abdullah kerajaan di negeri Johor itu. Kemudian berpindah pula baginda itu membuat tempat di Sungai Rayon di Pasir Raja namanya, maka tetaplah pula ia di situ. Maka tiada berapa lamanya maka mangkatlah Sultan Alauddin Riayat Syah itu.

Syahadan apabila ia sudah mangkat maka Raja Abdullah kerajaan di negeri Johor, bergelar Sultan Hemat Syah. Syahadan pada setengah cetera, kerajaan Raja Abdullah inilah Raja Aceh datang melanggar Johor. Maka Johor pun alah. Maka lalulah baginda itu berundur ke Lingga. Maka tiada berapa lama baginda itu di Lingga maka berangkatlah ke Tambelan. Maka apabila sampai di Tambelan maka baginda pun mangkatlah di Pulau Tambelan.

Syahadan apabila sudah ia mangkat maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Sultan Abdul Jalil Syah dan saudaranya menjadi Yang Dipertuan Muda. Maka duduklah ia di Pahang dan Laksamana dititahkan membuat negeri Riau, di Sungai Carang, serta memperbuat kelengkapan merompak Feringgi yang pergi datang. Maka masa inilah Johor dialahkan oleh Jambi. Syahadan setelah itu mangkatlah pula Marhum Muda itu di Pahang. Kemudian mangkat pula Sultan Abdul Jalil itu.

Syahadan apabila telah mangkat Sultan Abdul Jalil itu, maka putera Marhum Mudalah yang bernama Raja Ibrahim dijadikan raja bergelar Sultan Ibrahim Syah. Adapun bendaharanya Tun Pikrama Tun Habib, bergelar Bendahara Seri Maharaja. Syahadan adapun tahun Marhum Muda mangkat

di Pahang itu, iaitu Hijrat seribu delapan puluh tujuh tahun sanat 1087. Adapun mangkatnya Sultan Abdul Jalil itu, iaitu pada Hijrat seribu delapan puluh delapan tahun pada tahun dal akhir sanat 1088. Bermula Sultan Ibrahim Syah pun pindahlah ke Riau lalu mengalahkan Jambi dan mengalahkan Siak.

Syahadan apabila mangkatlah Sultan Ibrahim itu maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Sultan Mahmud Syah. Maka baginda itu pun berpindah ke Johor maka tetaplah baginda itu di dalam Johor. Syahadan adapun Datuk Bendahara Tun Pikrama Tun Habib Bendahara Seri Maharaja pun mangkatlah pula, iaitu pada Hijrat seribu seratus sembilan tahun pada tahun dal sanat 1109, pada tujuh haribulan Muharram malam Jumaat. Maka berganti pula dengan anaknya jadi Bendahara negeri Johor.

Syahadan kemudian maka mangkatlah pula Sultan Mahmud itu terbunuh di Kota Tinggi pada Hijrat seribu seratus sebelas tahun, pada tahun wau, sanat 1111. Maka menggantikan kerajaannya Bendahara bin Datuk Bendahara Tun Pikrama Tun Habib Bendahara Seri Maharaja. Adalah ia naik kerajaan pada Hijrat yang tersebut itu, pada delapan haribulan Rabiul Awal hari Khamis, waktu loha. Syahadan pada ketika itu maka bergelar ia Sultan Abdul Jalil Syah.

Kata sahibul hikayat masa inilah Raja Sulaiman putera Sultan Abdul Jalil itu lahirnya ke dunia, yakni diperanakkan. Sebermula adalah mangkatnya Sultan Mahmud Syah itu, iaitu sebab terbunuh oleh seorang hulubalang-nya yang bernama Megat Seri Rama, sebab Sultan Mahmud itu membunuh isterinya, sebab kerana makan nangka schulas pada ketika Raja beradu. Adalah terbunuhnya di Kota Tinggi di Makam Tawhid namanya di dalam negeri Johor, akan lagi datang kisahnya.

Sebermula adalah Sultan Abdul Jalil itu ada beberapa puteranya yang gahara dan yang bukan gahara, iaitu puteranya dengan gundiknya yang bernama Encik Nusamah anak orang Aceh. Adapun anak yang gaharanya beberapa orang akan anak ia di dalam lagi jadi Bendahara, bersalahan Raja Sulaiman sungguhpun ia anak gundik, akan tetapi ia putera di dalam sudah menjadi Raja. Sebab itulah anaknya yang tuanya dijadikannya Bendahara, dan seorang dijadikannya Temenggung, dan saudaranya dijadikannya Raja Muda, dan seorang lagi anaknya kata setengah kaul, dijadikannya Indera Bungsu. Adapun Raja Sulaiman pada niat hatinya ia hendak jadikan ganti-nya.

Syahadan kata rawi adalah Raja Sulaiman itu enam belas beradik, akan tetapi yang dapat disebutkan nama di dalam silsilah ini maka inilah bilangannya. Pertama Raja Sulaiman, kedua Tengku Tengah, ketiga Tengku Kamariah, keempat Tengku Mandak. Adapun Raja Sulaiman ia menjadi Raja diangkat oleh Bugis, iaitu opu yang lima beradik, iaitu lagi akan datang kisahnya di dalam siarah ini. Dan adapun Tengku Tengah adalah ia jadi isteri Opu Dahing Parani beranakkan Raja Maimunah, bersuamikan Temenggung Johor beranakkan Dahing Cellak, dan Dahing Kecil, dan Engku Muda. Adapun Dahing Cellak mati sebab terbakar ubat bedil di dalam keci yang diamuknya itu. Adapun Dahing Kecil ialah beranakkan Temenggung Abdul Rahman, dan Temenggung Abdul Rahman beranakkan Dahing Ronggik, dan Dahing Abdullah, keduanya mengadakan beberapa anak. Adapun Dahing Ronggik jadi Temenggung di Singapura, ada anaknya bernama Tun Abu Bakar, akan sekarang sudahlah ia menjadi Temenggung Johor bergelar Temenggung Seri Maharaja, Raja Johor pada tatkala masa membuat silsilah ini.

Adapun Tengku Kamariah bersuamikan Raja Kecil Siak, beranakkan Raja Mahmud timang-timangannya Raja Buang.

Adapun Tengku Mandak bersuamikan Opu Dahing Cellak. Maka beranak ia dua orang perempuan, seorang namanya Tengku Putih dan seorang namanya Tengku Hitam. Inilah setengah daripada anak Sultan Abdul Jalil yang perempuan yang menjadi bercampur-campur nasab dengan raja-raja Bugis dan dengan raja-raja Siak, lagi akan datang ceteranya pada siarah ini, akan tetapi dengan jalan yang simpan perkataannya.

Syahadan adapun daripada pihak anaknya yang laki-laki yang berkekalan anak cucunya menjadi Raja di dalam Riau dan Lingga dengan segala takluk daerahnya. Maka inilah aku nyatakan silsilahnya setengah daripada yang aku ketahui daripada mereka itu. Al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, iaitu anak Sultan Abdul Jalil yang dapat di dalam ia sudah menjadi Raja Johor, dan seorang anaknya bernama Raja Abdul Rahman, anak daripada Encik Nusamah, iaitu dua laki-laki empat belas perempuan.

Syahadan Sultan Sulaiman inilah beranakkan Raja di Baruh yang bernama Raja Abdul Jalil, inilah anaknya yang gaharanya dengan Encik Puan Perak. Adapun anaknya yang lain itu, iaitu Raja Othman, dan Raja Ismail, dan Raja Ahmad, dan ayahandanya Tengku Panglima Besar. Dan yang perempuannya Raja Bulang, dan beberapa lagi anaknya laki-laki dan perempuan.

Sebermula adalah Sultan Abdul Jalil itu beristerikan Tengku Putih, putera Opu Dahing Cellak. Maka beranakkan Sultan Mahmud yang mangkat di Lingga, dan Sultan Mahmud ini berputera dua orang laki-laki yang seorang bernama Tengku Long, dirajakan oleh orang Inggeris di Singapura bergelar Sultan Husin Syah, dan yang seorang lagi bernama Tengku Abdul Rahman timang-timangnya Tengku Jumaat, iaitulah yang bergelar Sultan Abdul Rahman Marhum Bukit Cengkik di negeri Lingga. Dan Sultan Abdul Rahman inilah berputerakan Sultan Muhammad Syah, tatkala ia mangkat digelar orang Marhum Keraton di dalam Lingga. Dan Sultan Muhammad inilah berputerakan Sultan Mahmud yang diturunkan kerajaannya oleh Belanda, adalah mangkatnya itu di negeri Pahang. Syahadan adalah pada tatkala ia diturunkan daripada kerajaannya itu, iaitu menggantikan ayah saudaranya, iaitu bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, putera Marhum Sultan Abdul Rahman Syah yang disebut orang Marhum Bukit Cengkik. Syahadan putera Marhum Bukit Cengkik itu ada laki-laki dan ada perempuan. Adapun yang laki-laki itu, iaitu Sultan Muhammad yang dipanggil orang Marhum Keraton, inilah puteranya yang gahara, dan kedua Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang telah tersebut itu, ketiga Raja Daud. Adapun yang perempuan, iaitu pertama Tengku Tengah namanya, jadi isteri Raja Abdullah putera Marhum Muda Raja Jaafar bangsa Bugis, kedua Tengku Kecil namanya, jadi isteri Bendahara Pahang yang bernama Tun Mutahir, ketiga Tengku Andak namanya, jadi isteri Temenggung Ibrahim yang diam di Singapura Teluk Belanga, keempat Tengku Hitam, tiada bersuami mati di dalam daranya.

Adapun putera Sultan Abdul Rahman yang bernama Sultan Muhammad itu, maka adalah puteranya laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-lakinya, iaitu Sultan Mahmud yang telah tersebut tadi itu, iaitu berdua saudara satu ibu yang perempuannya bernama Tengku Dalam, adalah bondanya Raja Trengganu yang bernama Tengku Teh. Adapun anak yang lain daripada itu, iaitu Tengku Said namanya dan Tengku Andut, dan Tengku Ibrahim. Adapun yang perempuannya Tengku Hamidah namanya, dan Tengku Safiah, dan Tengku Mariam, dan Tengku Salma.

Syahadan adapun Tengku Dalam bersuamikan Raja Trengganu dan Tengku Hamidah bersuamikan anak Bendahara Pahang, dan Tengku Mariam bersuamikan anak Raja Abdullah, anak Raja Ahmad Haji, saudara Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, putera Marhum yang mangkat

di Teluk Ketapang bangsa Bugis. Dan Tengku Salma bersuamikan Raja Mansur, putera Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah, putera Marhum Raja Jaafar yang tersebut itu. Dan Tengku Safiah bersuamikan Raja Siam.

Syahadan Sultan Mahmud putera Sultan Muhammad Marhum Keraton itu, berputera seorang perempuan namanya Tengku Aambung, bersuamikan putera Marhum Raja Ali, putera Marhum Raja Jaafar yang telah tersebut itu, yang bernama Raja Muhammad Yusuf, yang menjadi Yang Dipertuan Muda yang kesepuluh daripada anak cucu raja Bugis. Adalah ia mengadakan anak laki-laki dan perempuan pada masa membuat silsilah ini.

Sebermula adapun Sultan Husin yang di Singapura, adalah ia mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-lakinya anak yang tuanya Tengku Besar, kedua Tengku Ali, ketiga Tengku Jaafar, dan dua orang perempuan inilah yang gahara. Adapun yang lainnya daripada itu, iaitu Tengku Abdul Jalil. Adapun segala yang tersebut itu masing-masing ada meninggalkan anak, ada yang hidup pada waktu membuat silsilah ini, ada yang sudah mati. Maka kebanyakanlah anak cucu Sultan Husin ini di dalam Singapura dan lainnya. Maka tiadalah hamba panjangkan sekadarkan hendak mengambil ringkasnya adanya, kerana pada waktu membuat silsilah ini banyak yang maujud di dalam Singapura, yang masyhur kepada orang ramai.

2 RAJA-RAJA SIAK DAN SILSILAH MEREKA

FASAL pada menyatakan silsilah Raja Melayu yang di sebelah Pulau Siak.

Bermula adalah Raja Melayu yang di sebelah Siak pada masa Marhum Abdul Jalil Raja Johor yang keturunan daripada Bendahara Tun Habib itu, maka iaitu mula-mulanya bernama Raja Kecil yang gelaran daripada Pagar Ruyung Yang Dipertuan Raja Kecil. Maka Raja Kecil ini asal kejadiannya itu banyakkah ikhtilaf bersalahan-salahan setengah-setengah silsilah dan sia-rah. Adapun tersebut di dalam sejarah sebelah Siak asal Raja Kecil itu anak Marhum Mangkat Dijulang yang terbunuh di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama, maknya bernama Encik Pong anak Laksamana. Maka tatkala baginda itu hampir mangkat, maka Encik Pong itu pun makan mani baginda itu konon, waktu baginda itu datang berahikan isterinya peri, maka terpancarlah mani baginda itu. Lalu disuruhnya makan kepada Encik Pong itu. Maka jadilah Encik Pong bunting konon.

Adalah setengah kaul sejarah mengatakan tatkala mangkat baginda itu zakarnya berdiri, maka tiada berani orang menanam baginda itu. Maka musyawarahlah segala orang besarnya apa sebab pekerjaan itu, sangat ajaib. Maka kata daripada isi istana adalah baginda itu tengah berahikan Encik Pong, maka baginda pun mangkat. Maka takbir segala orang besar-besar itu, baginda itu takut tiada meninggalkan anak cucu yang bangsa daripadanya. Maka disuruhkan orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu. Maka apabila selesai baharulah rebah zakar baginda itu. Maka Encik Pong pun buntinglah konon. Dan tersebut di dalam sejarah yang lain pula pada pihak Trengganu, adalah Encik Pong itu dipakai oleh baginda sudah bunting memang konon.

Waktu baginda mangkat orang-orang tengah bergaduh-gaduhkan hal baginda itu. Maka Encik Pong pun dilarikan oleh seorang yang bernama Panglima Bebas, dibawanya ke Pagar Ruyung kepada Puteri Janilan lalu

Encik Pong itu beranak laki-laki. Maka diambil oleh Puteri Janilan dibu-
atnya anak angkat. Apabila ia telah besar dilepaskannya ia mengembara ke
Palembang dan ke Johor dan ke Bangka Kota dan ke Siantan dan ke Batu
Bahara dan ke Siak di Bukit Batu dan berniaga ke Melaka dan lainnya pada
tempat. Waktu ia mengembara itu bernama Tun Bujang, dan waktu di
Pagar Ruyung jadi anak angkat Puteri Janilan, dipanggil Puteri Janilan, si
Buyung. Tatkala ia telah balik dari mengembara itu digelar pula oleh Puteri
Janilan, Raja Beralih.

Kemudian akhir-akhirnya konon dipukulkan nobat oleh Puteri Janilan
serta Yamtuan Sakti, disuruh bersandar di tiang jelatang diletakkan mah-
kota pada kepalanya, tiadalah satu apa konon, itulah ujiannya yang sah anak
Marhum Mangkat Dijulang konon. Maka lalulah diberi nama pula oleh
Yamtuan Sakti, Raja Kecil, lalu disuruhnya turun ke Pasisiran Laut pihak
Bengkalis dan Bukit Batu, serta diberinya pedang kebesaran yang bernama
'Sapu Rajab' serta diberinya pula satu cap di dalam itu sahlah anak Marhum
Mangkat Dijulang konon. Maka mengikutlah segala orang Minangkabau
Pasisiran Laut itu seperti Bengkalis, dan Siak, dan Batu Bahara dan lainnya.
Maka mendapatlah ia kuasa baharulah ia melanggar Johor, seperti yang
akan datang ceteranya itu pada bab yang kedua bicara siarah Raja-raja Me-
layu Johor dan Siak dan Bugis.

Syahadan Yang Dipertuan Raja Kecil inilah kerajaan di negeri Siak dan
adalah ia dua orang anak laki-laki, yang tuanya bernama Raja Alam, ibunya
anak Dipati Batu Kucing. Tatkala ia mengembara mendapatlah ia anak yang
bernama Raja Alam itu, setengah sejarah namanya Raja Rabbiul Alam. Ke-
dua anaknya bernama Tengku Mahmud, timang-timangannya Raja Buang.
Adalah bondanya Tengku Kamariah putera Marhum Abdul Jalil, tatkala
Johor dialahkannya dan Tengku Kamariah itulah dibuatnya isteri. Syahadan
adalah anaknya Raja Alam itu dijadikannya Raja Muda dan anaknya Tengku
Mahmud itu menjadi gantinya Yang Dipertuan Besar. Maka lalulah ia ber-
perang adik-beradik. Kemudian apabila Raja Kecil telah mati, berpindah-
pindahlah kerajaannya antara anak cucunya dengan berambil-ambilan kera-
jaan, setengah atas setengahnya, *intiba mulakkbasan*.

Syahadan adalah Tengku Mahmud Raja Buang itu bergelar Sultan Mah-
mud Syah. Maka ia beristerikan anak Dahing Matekkuh mendapat anak
bernama Raja Ismail, dan seorang lagi bernama Raja Daud, inilah anak yang
gahara. Bermula anaknya yang lain daripada itu, iaitu pertama Raja Abdul-

lah namanya, kedua Raja Abdul Rahman namanya, ketiga Raja Musa, keempat Raja Kamat, kelima Raja Baki, keenam Raja Husin, ketujuh Raja Yusuf, kedelapan Raja Muhammad, kesembilan Raja Busu, kesepuluh Raja Hasan, kesebelas Raja Taib, kedua belas Raja Yasin. Adapun yang perempuan daripada anaknya itu iaitu pertama Tengku Ambung, kedua Tengku Salihah, ketiga Tengku Cakera, keempat Tengku Hitam, kelima Tengku Halimah, demikianlah barang yang telah aku dapat di dalam beberapa sejarah dan siarah adanya.

Sebermula adapun Raja Ismail putera Sultan Mahmud itu maka ia beranakkan Tengku Yahya timang-timangannya Tengku Sulung, kedua Tengku Abdul Rahman, ketiga Tengku Salih. Adapun yang perempuannya pertama Tengku Sadiyah, kedua Tengku Aisyah, dan ketiga Tengku Bijah, keempat Tengku Badariah, kelima Tengku Kamariah, keenam Tengku Safiah, ketujuh Tengku Zainab, kedelapan Tengku Puteri, iaitu anaknya dengan anak Raja Trengganu.

Sebermula adapun putera Raja Kecil yang bernama Raja Alam anak yang tua sekali, ialah Yang Dipertuan Muda di dalam lagi masa ia hidup adalah mengadakan anak, adalah isterinya anak raja Bugis anak Opu Dahing Parani yang di Siantan, bernama Dahing Khadijah. Adalah ia mengadakan anak antara keduanya, iaitu pertama Tengku Badariah namanya, ialah jadi isteri Saiyid Othman bangsanya bin Syahab, dan ialah beranakkan Saiyid Ali yang menjadi Yang Dipertuan Siak yang akhir tatkala habis anak cucu raja Melayu yang di sebelah Siak bertaburan segenap negeri-negeri dialahkannya. Kedua putera Yamtuan Muda Raja Alam itu Tengku Hawa, ketiga Tengku Sukma, keempat Tengku Emas Ayu. Syahadan adapun anak Yamtuan Raja Alam yang lain daripada itu yang laki-lakinya, pertama Raja Muhammad Ali jadi Yamtuan Muda yang kedua di dalam negeri Siak, kedua Raja Akil yang mati dibunuh orang kecil di dalam Selat Bulang masa kerajaan Sultan Mahmud Raja Buang saudara Raja Alam itu intiha.

Syahadan kata sahibul hikayat adapun yang mula-mula menjadi raja di dalam Siak, iaitu Raja Kecil. Apabila mangkat Raja Kecil menggantikan kerajaannya anaknya yang bernama Sultan Mahmud Raja Buang. Maka pada masa kerajaan dialah negeri Siak diduduki oleh Belanda di Pulau Gontong. Kemudian Sultan Mahmud keluar pula pergi merompak mengadakan kapal-kapal pergi berdagang di Sanglar. Maka marah pula Belanda maka lalulah dilangarnya pula Siak itu semula. Oleh Sultan Mahmud itu ditipunya

Holanda itu, lalu diamuknya. Maka Belanda pun alah balik ke Melaka.

Maka tiada berapa antaranya maka Sultan Mahmud pun mangkatlah di dalam Siak. Maka menggantikan kerajaannya anaknya yang bernama Raja Ismail, dan Yang Dipertuan Mudanya Raja Muhammad Ali anak Raja Alam dan Raja Alam sudah keluar mengembara mencari kuasa sebab ia alah berperang dengan saudaranya Sultan Mahmud itu masa lagi hidup Raja Kecil. Permulaan perangnya apabila Raja Kecil sudah mati, maka alahlah pula saudaranya Sultan Mahmud itu lalu membawa dirinya ke Riau kepada Sultan Sulaiman, kerana Sultan Sulaiman itu ayah saudaranya minta tolong. Maka ditolong oleh Sultan Sulaiman, maka alah pula Raja Alam itu keluarlah mengembara segenap negeri orang hingga sampai ke Matan. Syahadan apabila sudah mangkat saudaranya, iaitu Sultan Mahmud Syah, maka menggantikan kerajaannya anaknya pula, iaitu Yamtuan Raja Ismail.

Maka apabila didengar oleh Raja Alam anak saudaranya itu menjadi raja, maka datanglah Raja Alam itu bersama-sama Belanda Melaka melanggar Siak itu. Maka Yamtuan Raja Ismail pun alahlah pula, keluarlah dari Siak mengembara segenap negeri-negeri orang ke Palembang dan ke Siantan dan ke Mempawah dan ke Trengganu mencari kuasa. Adapun negeri Siak Raja Alamlah menjadi raja di situ dan anaknya Yamtuan Muda Muhammad Ali menjadi Yamtuan Muda pula. Maka tiada berapa lamanya maka mangkatlah Yang Dipertuan Raja Alam itu di dalam negeri Siak adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yang Dipertuan Raja Ismail mendengar khabar ayah saudaranya sudah hilang itu maka ia pun datang pula melanggar Siak. Maka alahlah pula Siak itu dan Yamtuan Raja Ismail kerajaanlah di situ. Maka tiada berapa antaranya maka mangkatlah pula Yamtuan Raja Ismail itu. Maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Yahya, timang-timangannya Tengku Sulung, dan Yamtuan Muda Muhammad Ali tiada dipecatnya sekadar menjadi raja tua-tua sahajalah pada masanya. Maka ada pula saudaranya diperbuatnya Yang Dipertuan Muda. Maka di dalam hal itu Saiyid Ali bin Othman bangsa bin Syahab, iaitu cucu Raja Alam, anak Tengku Badariah itu maka ditipunya pula Yamtuan Raja Yahya itu lalu dilanggarnya negeri Siak itu. Maka alahlah pula Yamtuan Raja Yahya itu, bertaburan keluar dari negeri Siak itu dengan anak isterinya serta Raja Mudanya serta anak raja-raja mana-mana yang kasih akan dia. Lalu membawa dirinya ke negeri Lingga kepada baginda Sultan Mahmud putera Marhum Abdul Jalil, putera Marhum Sultan Sulaiman

Badrul Alam Syah, minta perbantuan. Maka tiada satu jawab Sultan Mahmud itu. Maka duduklah Yamtuan Yahya itu di Lingga dengan segala sanak saudaranya beberapa masa dan ketika. Maka tiada berapa lamanya maka keluar pula ia mengembara segenap negeri orang. Adapun segala sanak saudaranya yang bersama-sama keluar dengan dia, ada yang ditinggalkannya di dalam Lingga, ada yang di Belitung, ada yang ke Mempawah, dan ke Pontianak. Adapun Yamtuan Raja Yahya pergi ke Trengganu, lalu ke Kemaman. Maka tiada berapa lamanya di situ, maka ia pun mangkatlah di dalam Kemaman. Maka inilah *akhirul umur* putus kerajaan raja-raja Siak yang keturunan daripada raja-raja Melayu, berpindahlah pula kerajaan negeri Siak itu kepada bangsa Arab lagi Quraisy, lagi Saiyid bangsa bin Syahab, iaitu Saiyid Ali, hanyalah tinggal sebelah bondanya sahaja yang terkena kepada Yamtuan Raja Kecil itu. Maka sekarang anak cucu Saiyid Alilah kerajaan di dalam negeri Siak hingga sampai masa membuat silsilah ini dan siarah ini adanya.

3. SILSILAH BUGIS

FASAL pada menyatakan silsilah raja-raja sebelah Bugis yang masuk ke tanah barat negeri Johor yang jadi bermasuk-masukan pada kerabat pihak raja-raja Melayu, dengan sebab berlaki isteri berambil-ambilan antara kedua pihak. Maka dengarkan olehmu.

Bermula adalah asal raja-raja Bugis yang mengembara ke sebelah barat daripada pihak tanah sebelah Bugis adalah asalnya seorang raja perempuan, nama negerinya Luwuk, nama raja itu Sitti Mallangkik. Adalah Sitti Mallangkik itu pada setengah kaul orang Bugis, keturunan daripada Puteri Balkis konon. Di dalam pada itu *Allah subhanahu wataala* yang terlebih tahu akan *baqi qat 'l-umir kulliba*, kerana Balkis itu di negeri Saba pihak tanah Yamani, anak raja jin, jadi isteri Nabi Allah Sulaiman *'alaihi al-sallam*. Maka berjauhan benarlah dengan Bugis, entahkan sahkah kaul perkataan setengah orang Bugis itu, entahkan tidak, *Allah taala* yang terlebih tahu. Akan tetapi Puteri Balkis itu beranak laki-laki dengan Nabi Allah Sulaiman, beberapa banyak turun-menurun, kerana tiada makna yang meneguhkan kepada akal yang tiada boleh sampai anak cucu Nabi Allah Sulaiman itu ke Bugis, kerana pekerjaan itu harus lulus kepada akal seperti kebanyakan tuan-tuan Saiyid Arab yang turun ke bawah angin ini, bertaburan segenap negeri di bawah angin ini, meninggalkan anak cucunya. Maka apabila lulus dan sah anak cucu Rasulullah *salla Allahu 'alaihi wasallam* itu, sampai ke bawah angin seperti meninggal anak cucunya beberapa banyak di bawah angin ini. Demikian jumlah anak cucu Nabi Allah Sulaiman *'alaihi al-sallam*, jatuh ke tanah Bugis itu. *Fa 'l-basil* tiap-tiap pekerjaan yang tiada kita dapat akan hakikatnya janganlah kita dustakan, hendaklah kita taslimkan, kerana dalil berdiri.

Syahadan adalah Sitti Mallangkik itu menjadi raja kerajaan di Selangi. Maka ialah bersuamikan raja Bugis yang besarnya sekali di negeri Luwuk. Maka Sitti Mallangkik inilah beranakan Datu Palingik inilah beranakan

Patotok, beranakkan Batara Guru, beranakkan Batara Lattuk, beranakkan Paduka Sawerigading, beranakkan La Galigo. Syahadan adalah Paduka Sawerigading berdua putera dengan La Galigo ini kisah yang masyhur di dalam beberapa hikayat Bugis dan Melayu, kerana Paduka Sawerigading itu mengembara bermain-main hingga sampai ke sebelah barat Melaka dan lain-lainnya. Pada masa itu ialah anak raja yang tiada bandingnya pada kebesarannya dan gagah beraninya.

Bermula La Galigo itu beranakkan Paduka Saung ri Warik, beranakkan Lassalaka, beranakkan Siallajangnge Kurinna, beranakkan Batari Toja Mallajangnge ri Lopi Bali, beranakkan To Tendrialak Mallajangnge ri Ulerenna, beranakkan La Rumapak Matindro ri Warik, beranakkan La Sessung ri Wuk Matindro ri Larompong, beranakkan Batara Tungki Matindro ri Mallangkik, beranakkan La Paknnywi Mallopi ri Alik, beranakkan Sessung ri Wuk Nannuk ri Peretiwi, beranakkan To Akkasauk Matindro ri Usuk, beranakkan Batara Tungki Matindro ri Mallangkik, beranakkan Sessung ri Wuk Matindro ri Larompong, beranakkan To Appamadeng Matindro ri Napa, beranakkan To Allaik Matindro ri Tanatekko, beranakkan Setti ri Ware Matindro ri Cabbettikka, beranakkan La Wewang Langik Matindro ri Langkanana, beranakkan La Wewang Langik Matindro ri Langkanana, beranakkan Makkarumapak Matindro ri Tompokitikkak, beranakkan La Mappepulung Luppik ri Mata-bessi, beranakkan To Temmuik ri Pasitunu-sulo-cakna, beranakkan To ri Abusungengnge Siallajangnge-langkanana, beranakkan Tendriweng Matindro ri Larukodona, beranakkan Tendro ri Balusue Mallajangnge ri Kalakkakna, beranakkan Kurilangi Matindro ri Cendrana, beranakkan La Tendriampak, beranakkan Mappaseling Matindro ri Salekona, beranakkan La Tuandak Matindro ri Kannana, beranakkan La Tendriupik, beranakkan Randreng ri Taluk Tendreng, beranakkan La Maddusilat. Syahadan adalah Raja Opu La Maddusilat inilah awal raja Bugis yang mula-mula masuk ugama Islam yang berimankan Nabi kita Muhammad *salla Allahu 'alaibi wasallam*.

Syahadan kata setengah loghat bahasa orang Bugis yang *abli 'lughat*, dengan dibuangkan 'ta'-nya jadi 'La Maddusila', iaitulah 'Yang Masyhur.' Sebermula adapun Opu La Maddusila inilah yang anak cucu segala datu-datu di Luwuk dan datu di Soppeng dan Arung B-t-t-y-ng. Syahadan adalah Opu La Maddusila ini beranak tiga orang laki-laki. Pertama Pajung namanya kerajaan di negeri Luwuk. Kedua Opu Dahing Biasa namanya,

pergi menjadi orang besar segala Bugis di Tanah Jawa, menjadi Jayang Seteru Johan Pahlawan di Tanah Jawa. Maka akhir umurnya mendapat nama mayur, digelar oleh Jenderal Belanda memerintahkan segala Bugis di Betawi dan di Tanah Jawa. Ketiga anaknya bernama Opu Tendriburang Dahing Rilaga. Maka ia inilah yang mengembara ke sebelah tanah barat daripada pihak tanah Bugis.

Syahadan adalah Opu Tendriburang Dahing Rilaga ini mempunyai anak lima orang laki-laki yang satu ibu. Pertama Opu Dahing Parani namanya, ialah yang tua sekali daripada saudaranya yang lain. Kedua Opu Dahing Menambun namanya. Ketiga Opu Dahing Marewah namanya, keempat Opu Dahing Cellak namanya, kelima Opu Dahing Kemasi namanya, dan lagi ada seorang perempuan lagi, anaknya dengan isterinya Raja To Pammana, nama anaknya itu, Datu ri Watu. Kata kaul orang Bugis datu perempuan inilah nenek Engku Karaeng Talibak, demikianlah ceteranya.

Syahadan adalah Dahing Parani serta saudaranya ialah yang menjadi Penjurit Agung Jayang Seteru Johan Pahlawan pada tanah sebelah barat daripada tanah Bugis, hingga tanah Johor dengan segala takluk daerahnya, lagi akan datang kisahnya itu, pada bab yang kedua daripada kitab ini.

Adapun Opu Dahing Menambun ialah menjadi raja di negeri Mempawah yang bergelar Pangeran Mas Seri Negara, memerintahkan negeri Mempawah hingga sampai kepada anak cucunya turun-temurun.

Adapun Opu Dahing Marewah ialah yang menjadi Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Riau dengan segala takluk daerahnya, dan ialah yang bergelar Kelana Jaya Putera, dan ialah yang mengalahkan Raja Kecil Yamtuan Siak diambilnya Riau daripada tangan Raja Kecil diserahkan Riau dengan segala takluk daerahnya kepada Raja Sulaiman serta dilantiknya Raja Sulaiman itu menjadi Raja Johor dengan segala takluk daerahnya.

Adapun Opu Dahing Cellak ialah menjadi Yang Dipertuan Muda yang kedua di dalam negeri Riau dengan segala takluk daerahnya. Syahadan kerajaan dialah yang berkekalan menjadi Raja Muda di dalam negeri Riau hingga anak cucunya, sampai pada masa membuat silsilah ini, iaitu pada Hijrat sanat 1282, belumlah putus-putus lagi.

Adapun Opu Dahing Kemasi itu ialah yang menjadi Pangeran Mangkubumi yang memerintahkan kerajaan di negeri Sambas dengan segala takluk daerahnya, dan lagi akan datang kisahnya segala siarah opu-opu itu pada bab yang kedua di dalam kitab ini *insya Allah taala*.

Syahadan sekarang aku nyatakan opu-opu yang lima beradik itu akan silsilahnya.

Fasal pada menyatakan silsilah keturunan Opu Dahing Parani. Bermula adalah Opu Dahing Parani itu berbini di Siantan dengan satu anak orang Bugis namanya Nakhoda Alang, dapat ia anak dua orang, dan seorang laki-laki dan seorang perempuan. Adapun yang laki-lakinya bernama Dahing Kambuja. Ialah yang menjadi Yang Dipertuan Muda yang ketiga di dalam negeri Riau dengan segala takluk daerahnya. Kemudian beranak pula seorang perempuan bernama Dahing Khadijah. Ialah akhirnya jadi isteri Raja Alam anak Raja Kecil Siak, daripada ialah keturunan Yang Dipertuan Saiyid Ali bin Saiyid Othman bin Syahab yang kerajaan di negeri Siak hingga anak cucunya hingga waktu membuat silsilah ini.

Kemudian beristeri pula Opu Dahing Parani itu akan saudara Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang bernama Tengku Tengah, timang-timangannya Tun Irang. Maka berputera ia seorang perempuan bernama Raja Maimunah. Kemudian beristeri pula ia di Selangor akan anak Raja Selangor dapat pula anak seorang perempuan. Kemudian beristeri pula ia di Kedah akan adik Yamtuan Kedah itu dapat pula seorang anak perempuan juga. Sebermula adapun puteranya yang laki-laki yang bernama Dahing Kambuja itu, maka beristeri akan sepupunya anak Yang Dipertuan Muda Riau Opu Kelana Jaya Putera Dahing Marewah, yang bernama Raja Fatimah. Adalah bondanya Raja Fatimah itu Tun Encik Ayu. Maka mendapatlah Dahing Kambuja itu dengan Raja Fatimah itu anak sembilan orang. Pertama perempuan namanya Raja Perak, ialah jadi isteri marhum yang mangkat di Teluk Ketapang, iaitu putera marhum Yang Dipertuan Muda yang kedua, iaitu Opu Dahing Cellak. Kedua perempuan juga namanya Raja Khadijah, ketiga Raja Andak, ialah jadi isteri Yamtuan Selangor yang bernama Raja Ibrahim, putera Marhum Salih Raja Lumu, saudara Raja Haji yang mangkat di Teluk Ketapang. Keempat putera Dahing Kambuja yang laki-laki, Raja Sa'id namanya, kelima Raja Aisyah namanya, timang-timangannya Dahing Utih. Keenam Raja Andut, ketujuh Raja Ali, iaitulah raja muda yang kelima di negeri Riau, kedelapan Raja Abdul Samad namanya, kesembilan Raja Usuh namanya.

Syahadan adapun Raja Maimunah putera Opu Dahing Parani dengan Tengku Tengah itu, bersuamikan Temenggung Johor, beranakkan Dahing Cellak namanya, kedua Dahing Kecil namanya, ketiga Engku Muda na-

manya. Syahadan Dahing Kecil inilah beranakkan Temenggung Abdul Rahman, dan Temenggung Abdul Rahman ini beranakkan Temenggung Ibrahim, dan Temenggung Ibrahim beranakkan Temenggung Abu Bakar Singapura di Teluk Belanga yang maujud pada waktu membuat silsilah ini.

Adapun Dahing Khadijah saudara Dahing Kambuja itu bersuamikan Raja Alam, beranakkan Tengku Badariah namanya, jadi isteri Saiyid Othman beranakkan Saiyid Ali, Yamtuan Siak. Maka anak cucu Saiyid Alilah yang jadi raja di dalam negeri Siak pada masa membuat silsilah ini adanya.

Fasal pada menyatakan silsilah keturunan opu yang kedua daripada anak Opu Tendriburang Dahing Rilaga, iaitu Opu Dahing Menambun. Bermula adalah Opu Dahing Menambun itu beristerikan Puteri Kesumba namanya, anak Sultan Muhammad Zainul Din Raja Matan, iaitu anak dengan isterinya anak raja Sanggau, namanya Puteri Emas Inderawati. Maka Puteri Kesumba itu mendapatlah ia anak dengan Opu Dahing Menambun itu sepuluh orang, iaitu enam laki-laki dan empat perempuan. Adapun yang laki-laki putera Opu Dahing Menambun itu pertama Gusti Jameril, kedua Gusti Jamadin, ketiga Gusti Jalderi, keempat Gusti Jalma, kelima Gusti Sina, keenam Ratu Suria Kesukma. Adapun yang perempuannya pertama Utin Dewaman, kedua Utin Candra Sari, ketiga Utin Candra Midi, keempat Utin Nawang.

Adapun Gusti Jalderi itu beranak tujuh orang dan yang laki-laki pertama Gusti Urip, kedua Gusti Ismail, ketiga Gusti Kasim. Adapun yang perempuannya, pertama Utin Inderawati, kedua Utin Belalang, ketiga Utin Fatimah, keempat Utin Simpang.

Adapun Gusti Jalma bergelar Gusti Panglima, beranak dua orang perempuan. Pertama Utin Ratna Sari, kedua Utin Ratna Wilis.

Adapun Gusti Sina beranak tiga orang perempuan. Pertama Utin Selamah, jadi isteri Raja Ali Yang Dipertuan Muda yang kelima daripada anak cucu Opu Dahing Parani, beranak tiga, seorang laki-laki bernama Gusti Husin kedua anak Gusti Sina Emas Upam, ketiga Emas Sitti.

Syahadan adapun Utin Dewaman bersuamikan Raja Landak, Ratu Bagus namanya, beranak empat orang. Pertama Utin Nit, kedua Utin Sadiah, ketiga Pangeran Emas Suta, keempat Utin Selamah. Adapun Utin Candra Sari ialah bergelar Ratu Simpang belumlah aku dapat nama suaminya dan anaknya pada ketika membuat silsilah ini, melainkan siapa-siapa yang di belakang daripada anak cucu aku harap akan menambah karanganku ini jika

dapat. Adapun Utin Candra Midi ialah yang bersuamikan Pangeran Syarif Abdul Rahman, yang diangkat oleh Yang Dipertuan Muda Raja Haji menjadi Sultan di dalam negeri Pontianak. Maka adalah mendapat anak dua orang, seorang laki-laki dan seorang perempuan. Adapun yang laki-laki itu, iaitu Pangeran Syarif Kasim, ialah menjadi Sultan Pontianak yang kedua. Dan yang perempuannya bernama Syarifah Aisyah, bersuamikan Saiyid Syekh bin Hamid Ba'bud.

Adapun Utin Nawang bersuamikan Pangeran Abdul Ghafur Raja Berunai beranak seorang laki-laki bernama Gusti Putil. Syahadan sehingga inilah pengetahuan aku akan silsilah keturunan Opu Dahing Menambun yang di sebelah timur, seperti negeri Mempawah, dan negeri Pontianak, dan Matan, dan Berunai. Adapun Opu Dahing Kemasi silsilah keturunan lagi akan datang di belakang, kerana aku aturkan mana-mana saudaranya yang tua, aku dahulukan adanya.

Fasal pada menyatakan silsilah keturunan Opu Kelana Jaya Putera, Opu Dahing Marewah Yang Dipertuan Muda yang pertama di dalam negeri Riau daripada anak Opu Tendriburang Dahing Rilaga saudara yang tengah daripada opu-opu yang lima beradik. Bermula adalah Opu Dahing Marewah itu, ialah yang diperbuat pokok permulaan sumpah setia Melayu dengan Bugis dan ialah yang beristerikan anak raja Melayu yang bernama Tun Encik Ayu, anak Temenggung Abdul Jamal di Johor.

Adalah Encik Ayu itu diam di Perapat Seratus, dan Encik Ayu itu janda Marhum Mangkat Dijulang akan tetapi ia belum seketiduran dengan Marhum Dijulang itu, sebab ia lagi kecil. Syahadan Opu Dahing Marewah berputera dengan Tun Encik Ayu itu tiga orang. Pertama laki-laki bernama La Mampak Unuk, dipanggil orang Kelana Encik Unuk dan kedua Raja Sa'id namanya, ketiga anaknya perempuan Raja Fatimah namanya, ialah bersuamikan Dahing Kambuja anak Opu Dahing Parani. Adapun silsilah keturunannya kebanyakan di dalam negeri Selangor, kerana anaknya yang bernama Encik Unuk itu berbini di Selangor, beranak perempuan Encik Aisyah namanya intiha.

Fasal pada menyatakan silsilah keturunan Opu Dahing Cellak. Adapun di sebelah Johor dan Riau disebut Opu Dahing Pali. Bermula Opu Dahing Cellak inilah Yang Dipertuan Muda yang kedua daripada pihak Raja Bugis, dan ialah yang beristerikan anak Sultan Abdul Jalil raja Melayu, jadilah isterinya itu saudara Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang seayah sebonda

dengan dia, yang bernama Tengku Mandak gelarannya. Tatkala Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak menjadi raja muda maka digelarlah Tengku Mandak itu bernama Tengku Puan pula. Adalah Opu Dahing Cellak mendapat anak dengan isterinya itu, dua orang perempuan. Pertama Tengku Putih namanya, kedua Tengku Hitam namanya.

Syahadan adapun Tengku Putih itu ialah jadi isteri Marhum Abdul Jalil Raja di Baruh, putera Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah al-Marhum. Maka mendapat anak dua orang laki-laki, pertama Tengku Ahmad namanya, kedua Tengku Mahmud namanya. Kemudian Tengku Ahmad itu mangkat lagi kecil, tatkala sudah dijadikan Raja oleh Marhum Opu Dahing Kambuja. Kemudian dijadikannya pula saudaranya Tengku Mahmud bergelar Sultan Mahmud Syah al-Marhum. Tatkala sudah ia mangkat adalah puteranya dua orang, pertama Tengku Husin iaitu Sultan Husin di Singapura, kedua Tengku Jumaat, iaitulah Sultan Abdul Rahman Marhum Bukit Cengkik.

Syahadan Sultan Abdul Rahman inilah berputerakan Sultan Muhammad yang gaharanya, ada puteranya yang bukan gaharanya, dua orang pertama Tengku Sulaiman timang-timangannya Tengku Muda, kedua Tengku Daud timangannya Tengku Wok. Adapun yang perempuannya pertama Tengku Tengah, kedua Tengku Kecik, ketiga Tengku Andak. Adapun Sultan Muhammad putera Sultan Abdul Rahman itu, berputerakan Sultan Mahmud yang diturunkan oleh Belanda kerajaannya berganti dengan ayah saudaranya Tengku Sulaiman, bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah seperti yang telah lalu sebutannya.

Adapun Tengku Hitam saudara Tengku Putih itu, bersuamikan satu tuan Saiyid bangsa bin Yahya, namanya Saiyid Husin bin Syekh. Maka beranak seorang bernama Syarifah Halimah. Maka Syarifah Halimah itu bersuamikan Engku Saiyid Muhammad Zain al-Kudsi al-Husni, mendapat ia anak enam orang. Pertama Syarifah Zubaidah timang-timangannya Tengku Andak, kedua Syarifah Mariam timang-timangannya Tengku Ni. Adapun yang laki-laknya pertama Saiyid Abdullah timang-timangannya Engku Ngah, kedua Saiyid Abdullah timang-timangannya Engku Ngah, kedua Saiyid Husin timang-timangannya Tengku Irang, ketiga Saiyid Ahmad timang-timangannya Tengku Wok, keempat Saiyid Hasyim timang-timangannya Tengku Nong.

Adapun Saiyid Abdullah beristerikan Raja Salihah anak Raja Ahmad,

putera Marhum Raja Haji yang mangkat di Teluk Ketapang, mengadakan anak tiga orang. Pertama Saiyid Othman, kedua perempuan Syarifah Rakhiah namanya, ketiga Saiyid Syekh.

Adapun Saiyid Husin beristerikan putera Marhum Raja Jaafar, yang bernama Raja Maimunah mendapat anak tiga orang. Pertama Saiyid Mahmud, kedua Saiyid Alwi, ketiga Syarifah Halimah dan banyak lagi anaknya yang bukan gahara, demikian lagi Saiyid Hasyim beberapa anaknya yang bukan gahara.

Syahadan adapun putera Opu Dahing Cellak yang lain daripada Tengku Hitam dan Tengku Putih, iaitu empat orang yang laki-lakinya, dua orang perempuan. Pertama Raja Haji Yang Dipertuan Muda Riau, kedua Raja Lumu namanya, ialah yang jadi Raja Selangor yang bergelar apabila ia sudah mangkat Marhum Salih. Adapun yang perempuannya dua orang, pertama Raja Aminah, kedua Raja Halimah timang-timangannya Tengku Kecil, ialah jadi isteri Sultan Jambi. Adapun Raja Aminah itu jadi isteri Raja Bugis bernama Arung Lenga, iaitu ayahandanya Encik Engku Raja Sulaiman itu, mendapat anak dengan Raja Buntit dua orang perempuan. Pertama Engku Dalam jadi isteri Sultan Abdul Rahman Syah, iaitu Marhum Bukit Cengkih, mengadakan putera daripada keduanya, seorang laki-laki namanya Raja Muhammad Tengku Besar. Akhirnya ialah menggantikan kerajaan ayahandanya bergelar Sultan Muhammad Syah iaitulah Marhum Keraton. Kedua putera Encik Engku Raja Sulaiman itu dengan Raja Buntit, iaitu Engku Wok namanya. Ialah jadi isteri Temenggung Abdul Rahman mengadakan anak dua orang perempuan, pertama Raja Long, kedua Raja Cik. Adalah keduanya itu jadi isteri Yang Dipertuan Muda Raja Ali putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda Raja Haji adalah ia mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-laki pertama Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, kedua Raja Idris, ketiga Raja Pahang, keempat Raja Ahmad, kelima Raja Kasim. Adapun yang perempuannya, pertama Raja Selamah timang-timangannya Engku Talluk, adalah bondanya anak Raja Asahan, kedua Raja Hamidah, ketiga Raja Sitti, adalah keduanya bondanya Raja Perak putera Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja, keempat Raja Buntit, kelima Engku Tengah, adalah kedua bondanya anak Sultan Indera Giri, keenam Raja Aminah, ketujuh Raja Pasir. Syahadan adapun Raja Selamah itu jadi isteri Yang Dipertuan Muda Raja Nala, putera Yang Di-

pertuan Selangor Marhum Salih, kedelapan Raja Hamidah, iaitu Engku Puteri, jadi isteri Sultan Mahmud Marhum Besar di Lingga, kesembilan Raja Sitti jadi isteri Raja Bugis Karaeng Talibak, cucu Datu ri Watu, kesepuluh Raja Buntit, jadi isteri Encik Engku Raja Sulaiman, putera raja Bugis Arung Lenga, kesebelas Engku Tengah jadi isteri Yang Dipertuan Selangor Raja Ibrahim, putera Raja Selangor Raja Lumu Marhum Salih, kedua belas Raja Aminah tiada bersuami, ketiga belas Raja Pasir jadi isteri Yang Dipertuan Besar Indera Giri, bernama Raja Said putera Sultan Ibrahim.

Sebermula adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu beristerikan Raja Lebar anak Yang Dipertuan Muda Raja Ali, putera Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja. Maka mendapat anak laki-laki tiga orang, dan perempuan seorang. Adapun yang laki-laki pertama Raja Abdul Rahman, ialah menjadi Yang Dipertuan Muda yang ketujuh, kedua Raja Ali Yang Dipertuan Muda yang kedelapan, ketiga Raja Abdullah ialah Yang Dipertuan yang kesembilan daripada anak cucu opu raja Bugis di dalam negeri Riau. Adapun yang perempuannya bernama Raja Maimunah, jadi isteri Saiyid Husin Tengku Irang.

Syahadan adapun putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar yang lain daripada itu yang laki-lakinya pertama Raja Jumaat, kedua Raja Muhammad, ketiga Raja Mahmud, keempat Raja Kasim, kelima Raja Sulaiman, keenam Raja Husin, ketujuh Raja Yusuf, kedelapan Raja Hasan, kesembilan Raja Abbas, Syahadan adalah segala yang tersebut itu sudah mati pada masa membuat silsilah ini, hanyalah Raja Muhammad dan Raja Husin yang hidup.

Adapun anak Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar yang perempuannya, pertama Raja Khadijah jadi isteri Raja Abdullah mendapat anak seorang laki-laki namanya Raja Basuk. Kedua Raja Saudah, ketiga Raja Salihah, keempat Raja Mariam, kelima Raja Halimah, keenam Raja Fatimah, ketujuh Raja Nor, kedelapan Raja Zubaidah, kesembilan Raja Sitti jadi isteri Raja Hasan anak Marhum Pulau Bayan, kesepuluh Raja Hamidah, kesebelas Raja Alwiah, kedua belas Raja Safiah, ketiga belas Raja Habibah, keempat belas Raja Salma jadi isteri Raja Abdul Hamid anak Raja Ahmad yang telah tersebut itu. Syahadan adapun Raja Khadijah suaminya yang kedua Raja Indera Giri bernama Raja Umar. Adapun Raja Saudah jadi isteri Raja Jaafar putera Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Adapun Raja Halijah jadi isteri anak Raja Indera Giri, bernama Raja Husin, beranakkan Raja Abdul

Jalil, dan Raja Kecil perempuan. Adapun Raja Mariam jadi isteri Saiyid Mustafa, kemudian jadi isteri Raja Jumaat cucu Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Adapun Raja Halimah jadi isteri Raja Ali Haji anak Raja Ahmad, putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Haji al-Syahid, mendapat anak seorang bernama Raja Hasan, dan beberapa lagi anak perempuan. Adapun Raja Nor jadi isteri Raja Abdul Rahman, putera Raja Idris, putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Haji al-Syahid mendapat ia anak seorang laki-laki namanya Raja Sulaiman. Adapun Raja Zubaidah jadi isteri Raja Abdullah, anak Raja Haji Ahmad yang telah tersebut itu. Maka mendapatlah ia anak laki-laki, pertama Raja Yahya, kedua Raja Ishak, ketiga Raja Muhammad, keempat Raja Abdul Rahman, kelima Raja Abu Bakar, keenam yang perempuannya Raja Sitti. Adapun Raja Hamidah jadi isteri Raja Ibrahim anak Raja Idris, yang telah tersebut itu, mendapat ia anak laki-laki dan perempuan. Adalah yang laki-laki pertama Raja Othman, kedua Raja Basuk, ketiga Raja Musa, keempat Raja Abbas, kelima Raja Abdullah, yang perempuannya Raja Tipah dan Raja Halimah. Adapun Raja Alwiah jadi isteri Raja Andut, anak Raja Ahmad yang telah tersebut itu, mendapatlah ia anak dua orang laki-laki, pertama Raja Yunus, kedua Raja Alias. Adapun Raja Safiah jadi isteri Raja Ali Haji juga anak Raja Ahmad yang telah tersebut itu. Maka mendapat ia anak dua orang, seorang laki-laki, namanya Raja Husin, dan seorang perempuan namanya Raja Salihah. Adapun Raja Habibah jadi isteri Raja Abdul Ghani, anak Raja Idris yang telah tersebut itu. Maka mendapatlah anak empat orang laki-laki, seorang perempuan. Pertama Raja Abdul Rahman, kedua Raja Kecil, ketiga Raja Jaafar, keempat Raja Hasan, kelima Raja Husin.

Bermula adapun anak Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar yang laki-laki-nya masing-masing mengadakan anak laki-laki dan perempuan dan manamana yang mati belum sampai baligh tiadalah mengadakan anak. Adapun Raja Jumaat beberapa anak laki-laki seperti Raja Abdullah, dan Raja Abu Bakar, dan Raja Ibrahim, dan Raja Ali. Adapun yang perempuannya seperti Raja Antiah, dan Raja Aminah, dan Raja Nikmah. Adapun Raja Muhammad beberapa anak laki-laki dan perempuan, seperti Raja Othman, dan Raja Idris, dan Raja Ibrahim, dan Raja Kecut, dan Raja Ismail dan Raja Hasan, dan Raja Abu Bakar, dan Raja Haji, dan Raja Umar. Adapun yang perempuannya seperti Raja Hawa, dan Raja Maimunah, dan Raja Saudah, dan Raja Lenah. Adapun Raja Mahmud ada juga anaknya laki-laki dan perempuan adapun yang di Pulau Penyengat seorang perempuan Raja Zai-

nah namanya. Adapun Raja Kasim ada juga mengadakan anak laki-laki dan perempuan seperti Raja Baigab, dan yang perempuannya Raja Kandung, dan Raja Zainab. Adapun Raja Husin mengadakan anak laki-laki dan perempuan ia beristerikan anak raja Bugis Arung Belawah, mendapat anak laki-laki dan perempuan, seperti Raja Ibrahim, dan Raja Othman, dan Raja Rapak, dan Raja Abdul Samad, dan Raja Daud, dan Raja Umar. Adapun yang perempuannya Raja Lebar, dan Raja Maimunah, dan Raja Ampa, dan Raja Rafiah, dan lain lagi anak yang di laut-laut tiada disebutkan di sini.

Adapun Raja Yusuf beberapa pula mengadakan anak seperti Raja Hasan dan Raja Muhammad dan Raja Haji, dan Raja Ahmad. Adapun yang perempuannya seperti Raja Hawa, dan Raja Katijah.

Sebermula adapun putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Raja Lebar, putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Ali Pulau Bayan itu, maka iaitu pertama Raja Abdul Rahman Yang Dipertuan Muda yang ketujuh daripada bangsa raja Bugis anak cucu Opu Dahing Cellak. Syahadan adalah Raja Abdul Rahman ini beristerikan anak ayah saudaranya Raja Idris, putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Haji yang bernama Raja Fatimah. Maka Raja Abdul Rahman ini beberapa mengadakan anak laki-laki dan perempuan dengan isterinya itu. Pertama perempuan, iaitu Raja Antiah, jadi isteri Saiyid Mahmud bin Saiyid Husin Tengku Irang. Kedua laki-laki pula, iaitu Raja Haji Idris, ketiga perempuan, iaitu Raja Andak, jadi isteri sepupunya anak Yang Dipertuan Muda Raja Ali yang bernama Raja Mansur yang wafat di *Makkah al-musyarrifah*. Keempat laki-laki pula, iaitu Raja Jaafar, kelima Raja Maimunah jadi isteri Sultan Mahmud putera Sultan Muhammad Syah Lingga. Keenam laki-laki, iaitu Raja Muhammad. Adapun anak-anak gundiknya ada juga, tiada disebut di sini.

Kedua putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Raja Lebar itu, iaitu Raja Ali namanya. Ialah Yang Dipertuan Muda yang kedelapan daripada bangsa raja Bugis anak cucu Opu Dahing Cellak. Syahadan adalah Raja Ali ini beristerikan sepupunya Raja Sitti, anak ayah saudaranya Raja Idris yang tersebut itu. Maka mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-laknya pertama Raja Mansur, kedua Raja Andut, ketiga Raja Muhammad Yusuf Yang Dipertuan Muda yang kesepuluh. Adalah Raja Muhammad Yusuf itu beristerikan putera Sultan Mahmud Syah yang bernama Tengku Ambung, mengadakan anak jua adanya. Keempat Raja Abdul Samad, kelima Raja Marewah, keenam Raja Sulaiman, ketujuh Raja

Awang. Adapun yang perempuannya pertama Raja Perak, jadi isteri Raja Idris putera Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman. Kemudian jadi isteri Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang menggantikan kerajaan Sultan Mahmud anak saudaranya. Kedua Raja Safiah jadi isteri Raja Muhammad, anak Marhum Raja Abdul Rahman yang telah tersebut itu juga. Ketiga Raja Selamah jadi isteri Raja Haji Muhammad Tengku Nong putera Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah Marhum Mursyid Yang Dipertuan Muda yang kesembilan daripada bangsa Bugis. Keempat Raja Hamidah, kelima Raja Busu jadi isteri Raja Muhammad Haji Tengku Nong yang tersebut itu jua, tatkala sudah hilang saudaranya Raja Selamah itu. Adapun anak Raja Ali Yang Dipertuan Muda al-Marhum yang lain daripada itu ada juga tiada disebutkan di sini intih.

Ketiga putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Raja Lebar itu, iaitu Raja Abdullah namanya. Ialah Yang Dipertuan Muda yang kesembilan daripada Bugis anak cucu Opu Dahing Cellak. Adalah ia beristerikan putera Sultan Abdul Rahman Syah Yang Dipertuan Besar di dalam negeri Lingga, putera Marhum Sultan Mahmud Syah. Adalah ia mengadakan anak dengan isterinya Tengku Tengah, iaitu empat orang laki-laki. Pertama Raja Mansur, timang-timangannya Tengku Long, kedua Raja Muhammad timang-timangannya Tengku Nong, ketiga Raja Othman timang-timangannya Tengku Hitam, keempat Raja Jumaat timang-timangannya Tengku Busu. Maka hilanglah Tengku Tengah itu maka beristeri pula ia akan sepupunya yang bernama Raja Hawa, putera Raja Ahmad, putera Yang Dipertuan Muda Raja Haji. Maka mengadakan anak dengan isterinya itu beberapa laki-laki dan perempuan. Adapun yang pertama Raja Maimunah jadi isteri Raja Hasan, anak Raja Ali Haji dengan Raja Halimah, anak Yang Dipertuan Raja Jaafar. Raja Ali Haji itu anak Raja Ahmad putera Yang Dipertuan Muda Raja Haji al-Marhum. Kedua Raja Muhammad Tahir, ketiga Raja Puteri. Adapun yang lain daripada itu ada juga, maka tiadalah disebutkan di sini kerana hendak mengambil simpannya sahaja supaya jadi segera.

Keempat putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Raja Lebar itu, iaitu Raja Maimunah namanya. Ialah jadi isteri dua pupunya Saiyid Husin Tengku Irang bin Saiyid Muhammad Zain al-Kudsi mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-laki Saiyid Mahmud, kedua Saiyid Alwi, ketiga Syarifah Halimah. Adalah Saiyid Alwi itu telah wafat ia pada waktu membuat silsilah ini.

Sebermula adapun Raja Idris saudara Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, putera Marhum Raja Haji yang mangkat di Teluk Ketapang, maka adalah beristerikan Raja Safiah putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Ali, putera Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja. Maka adalah ia mengadakan anak dua perempuan dengan isterinya itu. Pertama Raja Fatimah jadi isteri Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman, kedua Raja Sitti jadi isteri Yang Dipertuan Muda Raja Ali putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Maka keduanya itu mengadakan anak seperti yang tersebut di atas ini tadi. Syahadan adapun anaknya yang lain daripada isterinya Raja Safiah itu, iaitu pertama Raja Habibah, kedua Raja Halimah, ketiga Raja Halijah, keempat Raja Aisyah, kelima Raja Selamah, keenam Raja Aminah. Adapun yang laki-lakinya pertama Raja Basuk, kedua Raja Abdul Rahman Haji, ketiga Raja Ibrahim, keempat Raja Abdul Ghani. Adalah ketiganya jadi menantu Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Adapun Raja Abdul Rahman apabila sudah hilang isterinya Raja Nor itu maka beristeri pula akan sepupunya juga, iaitu anak Raja Ahmad yang bernama Raja Mariam, mengadakan anak seorang laki-laki telah wafat, seorang anaknya yang perempuan hidup pada masa membuat silsilah ini, kira-kira umurnya tiga atau empat tahun lebih kurang sedikit adanya.

Sebermula adapun Raja Ahmad Engku Haji Tua itu, iaitu saudara Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, putera Yang Dipertuan Muda Raja Haji, maka adalah Raja Ahmad itu mengadakan beberapa anak laki-laki dan perempuan. Syahadan adalah ia berbini di Selangor akan anak Panglima Perang Malik, yang bernama Encik Hamidah. Maka dapat ia anak empat, pertama Raja Salihah. Adalah ia jadi isteri Saiyid Abdullah timang-timangannya Tengku Ngah, anak Engku Saiyid Kuning dengan Syarifah Halimah, putera Tengku Hitam saudara Marhum Yang Dipertuan Muda Haji. Maka mengadakan anak Raja Salihah itu dengan Saiyid Abdullah itu tiga orang. Pertama Saiyid Othman timang-timangannya Engku Ambung, adalah ia beristerikan sepupunya yang sebelah ibunya, iaitu anak Raja Ali Haji yang bernama Raja Kalthum. Kedua Syarifah Rakiah namanya, adalah ia mati kecil. Ketiga Saiyid Syekh, adalah ia beristerikan sepupunya bernama Tengku Syarifah, anak Saiyid Husin Tengku Irang dengan Raja Maimunah, putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, mendapat anak juga laki-laki dan perempuan. Adalah pada waktu membuat silsilah ini Saiyid Syekh itu telah kembali ke rahmat *Allah taala* di dalam Riau Pulau Penyengat.

Kedua anak Raja Ahmad dengan Encik Hamidah itu Raja Ali namanya, adalah umurnya sembilan belas tahun pergi ke *Makkah al-musyarrifah* mengerjakan haji dan umrah bersama-sama paduka ayahandanya Raja Ahmad. Adalah ia mengadakan beberapa anak laki-laki dan perempuan. Adalah permulaan ia mendapat anak dengan seorang perempuan bernama Sulung, dapat anak laki-laki namanya Raja Muhammad, kerana nama dipesankannya waktu ia pergi haji. Kemudian sudah ia lahir disebut orang timang-timangannya Raja Bih, sebab jarinya lebih satu. Kemudian diubah oleh datuknya Engku Haji Tuan Raja Ahmad, iaitu Raja Sulaiman. Adalah ia itu tiga beradik satu ibu, yang dua perempuan, kedua Raja Fatimah, jadi isteri Raja Othman anak Raja Muhammad cucu al-Marhum Raja Jaafar, ketiga Raja Halijah.

Kemudian beristeri pula Raja Ali Haji itu akan putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Maka mendapat ia anak delapan orang, pertama Raja Kalthum jadi isteri Saiyid Othman, kedua Raja Syarifah namanya, sudah wafat tatkala membuat silsilah ini, ketiga Raja Hamidah, keempat Raja Selamah jadi isteri sepupunya Raja Mansur, putera Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah Marhum Mursyid, kelima Raja Aminah jadi isteri sepupunya Raja Basuk, anak Raja Ibrahim, putera Raja Idris, keenam Raja Hasan beristerikan sepupunya Raja Maimunah, putera Marhum Mursyid Raja Abdullah, Yang Dipertuan Muda yang kesembilan daripada bangsa Bugis anak cucu Opu Dahing Cellak, ketujuh Raja Maimunah, kedelapan Raja Juriyah.

Kemudian beristeri pula ia akan sepupunya juga, iaitu Raja Safiah, putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar al-Marhum. Maka mendapat anak yang perempuan namanya Raja Salihah, dan seorang laki-laki namanya Raja Husin. Kemudian berbini pula ia akan anak orang Bugis namanya Dahing Cahaya, anak Dahing Menaruh. Maka mendapat pula anak lima orang pertama yang perempuan bernama Raja Siah, yang kedua laki-laki namanya Raja Muhammad Ali timang-timangannya Dahing Menambun. Syahadan banyak lagi anaknya dengan gundiknya tiada disebutkan di sini adanya.

Ketiga anak Raja Ahmad dengan Encik Hamidah itu Raja Cik namanya, jadi isteri Dahing Abdullah anak Temenggung Abdul Rahman yang mangkat di Teluk Belanga. Adalah pada waktu membuat silsilah ini sudah wafat keduanya.

Syahadan kemudian beristeri pula Raja Ahmad itu akan putera Marhum

Pulau Bayan Yang Dipertuan Raja Ali yang bernama Raja Hawa. Maka mendapat anak seorang perempuan namanya Raja Aisyah.

Kemudian berbini pula Raja Ahmad itu akan anak Suliwang negeri Lingga bernama Encik Halijah. Maka mendapat anak tiga orang laki-laki. Pertama Raja Abdullah ialah beristerikan Raja Zubaidah putera Marhum Raja Jaafar Yang Dipertuan Muda, mendapat anak enam orang. Pertama Raja Yahya ialah beristerikan Tengku Mariam, putera Sultan Muhammad Syah Marhum Keraton, kedua Raja Ishak beristerikan sepupunya Raja Rakiah anak Raja Ali Haji, ketiga Raja Muhammad ia beristerikan sepupunya Raja Irang, anak Raja Kecil saudara Raja Abdullah itu, keempat Raja Abdul Rahman beristerikan sepupunya Raja Siah, anak Raja Hamid, anak Raja Ahmad, kelima Raja Abu Bakar, keenam Raja Sitti.

Kedua anak Raja Ahmad dengan Encik Halijah itu, Raja Andut namanya. Ia beristerikan putera Marhum Raja Jaafar yang bernama Raja Alwiah, mendapat anak dua orang laki-laki pertama Raja Yunus, kedua Raja Alias. Kemudian beristeri pula akan sepupunya Raja Halijah anak Raja Idris, saudara Raja Ahmad Haji itu juga, mendapat anak empat orang dua laki-laki dan dua perempuan. Pertama Raja Hasan, kedua Raja Husin, ketiga perempuan bernama Raja Hitam, keempat Raja Hafsah.

Ketiga anak Raja Ahmad dengan Encik Halijah itu Raja Othman namanya. Adalah ia beristerikan putera Yang Dipertuan Perak bernama Raja Long mengadakan anak juga di dalam negeri Perak.

Kemudian beranak pula Raja Ahmad itu dengan Encik Aisyah, anak Temenggung Indera Giri, beranakkan Raja Fatimah dan Raja Maimunah, keduanya jadi isteri Engku Busu, anak Sultan Indera Giri. Raja Maimunah mengadakan anak seorang namanya Raja Hasan.

Dan ada pula Raja Ahmad beristerikan Raja Ampuk anak Yang Dipertuan Indera Giri, mendapat seorang anak laki-laki namanya Raja Muhammad wafat sakit balik dari Betawi. Kemudian mendapat pula Raja Ahmad itu dengan Encik Fatimah anak laki-laki bernama Raja Daud, dan perempuannya Raja Hawa namanya jadi isteri Marhum Mursyid Raja Abdullah Yang Dipertuan Muda yang kesembilan, seperti yang telah tersebut pada silsilah Marhum Raja Jaafar. Dan Raja Mariam jadi isteri Raja Abdul Rahman Haji. Kemudian beberapa lagi anak laki-laki Raja Ahmad itu yang lain-lain daripada itu, laki-laki dan perempuan yang belum ada berzuriat. Syahadan sehingga inilah sahaja yang diperbuat silsilah keturunan yang tentu

daripada Opu Dahing Cellak, yang pertitisan daripada Yang Dipertuan Muda Raja Haji yang syahid di Teluk Ketapang.

Maka sekarang aku aturkan pertitisan Yang Dipertuan Muda Raja Ali serta saudaranya. Maka terkemudian sebab ia pangkat anak daripada Yang Dipertuan Muda Raja Haji, kerana munasabah yang pangkat muda itu di belakang. Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Ali ini, ialah Raja Muda yang kelima daripada bangsa Bugis anak cucu Opu Dahing Parani. Adalah ia mengadakan beberapa anak laki-laki dan perempuan. Adapun yang laki-lakinya pertama Raja Isa, ialah beranakkan Raja Yakub serta saudaranya. Adalah ibunya Raja Wok dan lagi anaknya bernama Raja Idris mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Ada yang hidup, ada yang mati masa membuat silsilah ini. Adalah kebanyakan anak cucunya di Sungai Nungsa.

Kedua Raja Ismail ialah beristerikan Raja Sitti, anak Raja Abdul Samad mendapatlah beberapa anak laki-laki dan perempuan. Dan yang laki-lakinya pertama Raja Muhammad Haji, kedua Raja Mahmud, ketiga Raja Sulaiman dan lainnya daripada anaknya yang perempuan dengan orang kecil-kecil. Adalah kebanyakan anak cucunya di sebelah pihak Batin Enam Suku, iaitu Manda dan Gaong.

Ketiga anak Marhum Pulau Bayan, iaitu Raja Basuk. Ialah beristerikan Raja Syarifah, anak Raja Musa, anak Raja Andut, saudara Marhum Pulau Bayan Yang Dipertuan Raja Ali, beranak seorang laki-laki, bernama Raja Sulung.

Keempat Raja Yunus ialah beristerikan Raja Habibah, anak Raja Idris, saudara Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar al-Marhum, mendapat anak laki-laki bernama Raja Haji, dan perempuan bernama Raja Tipah, dan Raja Kecil. Kelima Gusti Husin tiada anak cucunya di sebelah Riau, melainkan di sebelah Mempawah. Keenam Raja Hasan beristerikan anak Marhum Raja Jaafar. Ketujuh Raja Jaafar beristerikan Raja Saudah, putera Marhum Raja Jaafar, tiada beranak. Adalah Raja Jaafar itu beranak dengan orang kebanyakan beberapa orang, seperti Raja Husin, dan Raja Jumaat, dan Raja Abdullah, dan Raja Muhammad, dan lain-lainnya laki-laki dan perempuan. Adalah kebanyakan anak-anaknya pada pihak sebelah Lukut. Kedelapan itu Raja Kasim beristerikan Raja Habibah, janda saudaranya Raja Yunus.

Syahadan adapun putera Marhum Pulau Bayan yang perempuannya pertama Raja Safiah, jadi isteri Raja Idris saudara Marhum Raja Jaafar se-

perti yang telah lalu sebutannya. Kedua Raja Khadijah, jadi isteri Raja Umar, anak Raja Abdul Samad, saudara Yang Dipertuan Muda Raja Ali Marhum Pulau Bayan. Maka mengadakan anak laki-laki dan perempuan, yang laki-laki Raja Zainal, yang perempuan Raja Bahiah, jadi isteri Raja Yakub, anak Raja Isa. Ketiga Raja Lebar jadi isteri Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar seperti yang lalu sebutannya. Keempat Raja Hawa jadi isteri Raja Ahmad, saudara Marhum Raja Jaafar seperti yang telah lalu sebutannya. Kelima Raja Siah, jadi isteri Yang Dipertuan Selangor Raja Muhammad, putera Marhum Selangor, Raja Ibrahim. Keenam Raja Jamilah, jadi isteri Raja Kasim, putera Marhum Raja Jaafar. Ketujuh Raja Syarifah jadi isteri Raja Bugis Arung Belawah. Kedelapan Raja Aminah, tiada bersuami.

Adapun saudara-saudara Marhum Pulau Bayan yang bernama Raja Abdul Samad ialah beranakkan Raja Umar dan Raja Haji. Yang perempuannya pertama Raja Sani, isteri Raja Ismail, kedua Raja Halimah isteri Dahing Ahmad, beranakkan Raja Selamah.

Adapun saudara Marhum Pulau Bayan yang bernama Raja Andut adalah puteranya laki-laki dua orang, pertama Raja Musa. Ialah berbinikan Encik Fatimah peranakan Bugis empat puluh, dapat anak perempuan namanya Raja Maimunah, Kedua Raja Muhammad, beristerikan Raja Buruk, anak Raja Usuh, anak Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja, beranakkan Raja Fatimah, dan Raja Husin, dan Raja Ali, dan Raja Salih, dan Raja Syarifah, dan Raja Hawa. Syahadan adalah Raja Fatimah itu, jadi isteri Raja Jumaat anak Yang Dipertuan Raja Jaafar, dan Raja Syarifah jadi isteri Raja Basuk, anak Raja Idris, saudara Marhum Raja Jaafar, dan Raja Hawa jadi isteri Raja Trengganu yang telah jadi haji.

Bermula adapun Raja Johor dan Raja Hitam itu anak Raja Usuh dengan Encik Puan Bendaraja namanya. Syahadan daripada Raja Johor inilah, beranakkan Raja Andut, dan Raja Sa'id, dan Raja Perang, dan Raja Abdul Samad, dan beberapa lagi anaknya yang perempuan. Adapun Raja Sa'id itu beristerikan anak Temenggung Abdul Rahman mendapat ia anak laki-laki bernama Raja Kecil dan lagi Raja Andut, dan Raja Sa'id, beberapa lagi anaknya dengan orang kebanyakan laki-laki dan perempuan, dan Raja Perang demikian jua. Maka tiadalah disebutkan di dalam mukhtasar itu.

Sebermula adapun saudara Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Haji yang bernama Raja Lumu yang menjadi Yang Dipertuan Besar Selangor,

apabila ia mangkat bergelar Marhum Salih, maka adalah ia mengadakan beberapa anak laki-laki dan perempuan. Pertama Raja Ibrahim, Yang Dipertuan Selangor, kedua Raja Nala Yang Dipertuan Muda Selangor, ketiga Raja Penuh, bersuamikan Raja Kedah, kemudian bersuamikan Arung To Mojong, iaitu anak raja Bugis beranakkan Raja Bisik. Adapun Raja Penuh satu bonda dengan Raja Ibrahim Yang Dipertuan Selangor yang kedua, dan Raja Nala adalah ketiganya itu bondanya anak Marhum Opu Dahing Marewah Kelana Jaya Putera Yang Dipertuan Muda yang pertama di dalam Riau. Keempat Raja Perak ibunya orang kebanyakan. Adalah ia bersuamikan Saiyid Muhammad Jambul bangsa bin Yahya, mendapat anak seorang perempuan. Kelima Raja Syarifah bersuamikan Raja Perak, tiada beranak. Kemudian bersuamikan Pangeran Raja di negeri Banjar bercerai hidup.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Selangor Raja Ibrahim beberapa mengadakan anak laki-laki dan perempuan. Pertama Raja Ismail, adalah bondanya Raja Kedah namanya Cucik. Kedua Raja Sa'id, adalah bondanya Raja Fatimah isteri Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja. Ketiga Raja Muhammad, kopiknya anak Bugis empat puluh ialah menjadi Yang Dipertuan yang ketiga di dalam negeri Selangor. Keempat Raja Abdullah, ialah beristerikan dua pupunya Raja Khadijah, anak Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Kelima Raja Ahmad ialah jadi menantu Panglima Perang Malik. Keenam Raja Usuh namanya, ketujuh Raja Hasan, kedelapan Raja Husin, kesembilan Raja Yusuf, kesepuluh Raja Salih. Syahadan adapun perempuannya, pertama Raja Fatimah, kedua Raja Maimunah, ketiga Raja Khadijah, keempat Raja Aminah, kelima Raja Aisyah, keenam Raja Sitti, ketujuh Raja Mariam, kedelapan Raja Hamidah. Syahadan adalah segala anak raja-raja yang tersebut itu ada yang bersuami ada yang tidak, tetapliah ia di dalam negeri Selangor, dan mana-mana yang beranak adalah anak cucunya di dalam negeri Selangor masa ini adanya.

Fasal pada menyatakan silsilah Opu Dahing Kemasi yang bergelar di dalam negeri Sambas Pangeran Mangkubumi. Bermula adalah Opu Dahing Kemasi itu beristerikan adik Sultan Sambas yang bergelar Sultan Adil konon, adalah Sultan Adil itu menaruh seorang saudara perempuan bernama Raden Tengah. Maka Raden Tengah itulah bersuamikan Opu Dahing Kemasi, maka mendapat anak dengan isterinya itu empat orang, tiga perempuan, seorang laki-laki. Adapun yang perempuannya pertama Emas Sani, kedua Emas Saja, ketiga Dahing Utih. Adapun yang laki-lakinya bernama Dahing

Bukak. Maka sekarang adalah anak cucunya di negeri Sambas demikianlah halnya.

Maka habislah sudah silsilah opu-opu yang lima beradik itu. Maka akan lagi aku nyatakan pula siarah perjalanannya dengan perkataan yang ringkas dan simpan.

BAHAGIAN DUA

1. KEMANGKATAN SULTAN MAHMUD

BERMULA bab yang kedua pada menyatakan perjalanan dan kelakuan segala raja-raja yang telah tersebut itu, atas jalan yang ringkas dan simpan, supaya mudah mehafalkan bagi orang berkehendak pada mehafalkan dia.

Sebermula adapun sebab kerajaan raja-raja Melaka itu berpindah kepada bendaharanya, maka iaitu demikianlah kisahnya. Kata sahibul hikayat adalah pada akhir-akhir keturunan daripada Raja Seri Teri Buana daripada raja-raja zaman Singapura dan Melaka dan Johor, adalah seorang Raja Johor bernama Sultan Mahmud. Adalah baginda itu berbinikan peri konon, iaitu bangsa daripada jin, jadi baginda itu tiadalah suka sekududukan dengan isterinya bangsa manusia ini. Maka pada satu masa baginda beradu maka datang orang persembahkan nangka masak. Maka ditaruhkan oleh penghulu istana itu kerana menantikan baginda itu jaga. Tiba-tiba datang bini Megat Seri Rama yang bunting mengidam hendak makan nangka, lalu dipintanya sehulas kepada penghulu istana itu. Maka penghulu istana mengambilkan sehulas diberikan kepada bini Megat Seri Rama itu, maka ia pun baliklah.

Maka apabila raja itu jaga hendak santaplah akan nangka itu, lalu dipersembahkan oleh penghulu istana itu kepada baginda, 'Ada yang tiada baik itu, patik berikan kepada bini Megat Seri Rama daripada terbuang sahaja'. Apabila ia mendengar maka baginda pun murkalah, lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, dibelah perutnya, dikeluarkan anaknya dari dalam perutnya itu. Maka matilah bini Megat Seri Rama itu.

Maka apabila sampai khabar itu kepada suaminya Megat Seri Rama itu, maka ia pun menangis serta hilang akalanya, terbakar sebab marahnya. Lalu ia mendapatkan Datuk Bendahara, maka dipermauklumkanlah yang ia hendak membalas kematian isterinya itu, seraya katanya, 'Jikalau datuk hendak menjadi raja, inilah ketikanya. Yang diperhamba hendak menderha-

kalah, tiada boleh tiada.' Syahadan adalah Megat Seri Rama itu satu hulubalang yang kebal, banyak anak buahnya, serta kuat kuasanya. Maka Datuk Bendahara pun musyawarahlah dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bungsu, pada maksud Megat Seri Rama itu. Bersatulah sekalian mereka itu membenarkan Megat Seri Rama itu kerana segala orang besar-besar di dalam negeri itu pun banyak juga yang suka akan Bendahara itu menjadi raja, kerana kata orang besar-besar itu, 'Baharu Megat Seri Rama kena begitu halnya, akhir-akhirnya kita semua pun nanti diperbuatnya begitu juga.' Maka tetaplah kemuafakatan itu.

Syahadan maka adalah pada satu malam baginda itu berahikan isterinya peri itu, konon. Maka terpancarlah mahanikamnya ke tikar peraduan baginda itu. Maka lalu disuruhnya telan kepada gundiknya, anak Laksamana bernama Encik Pong. Maka Encik Pong buntinglah, konon.

Syahadan tentang pekerjaan ini ada tiga kaul bersalah-salahan seperti yang telah lalu sebutannya. Syahadan adalah yang tiada bercerai-cerai dengan baginda itu ada seorang hulubalangnya yang berani di dalam negeri itu, lagi gagah perkasa, bernama Seri Bija Wangsa namanya. Maka hulubalang itu ditipu oleh Datu Bendahara lalu disuruhnya bunuh. Maka matilah ia kerana jikalau ada hulubalang itu payahlah Megat Seri Rama melakukan kehendaknya. Syahadan adalah pada ketika baginda itu di atas julang hendak sembahyang Jumaat, lalulah diparangnya hulu baginda itu lalulah mangkat, dan Megat Seri Rama pun mati juga, kerana dilontar oleh baginda itu dengan kerisnya.

Syahadan apabila baginda itu mangkat maka segala orang besar-besar negeri Johor pun mengangkatlah akan Datuk Bendahara menjadi Raja Johor. Adalah mangkatnya itu pada Hijrat sanat 1111 pada bulan Safar, hari Jumaat dan menggantikan kerajaanlah Bendahara bin Bendahara Tun Habib, pada delapan haribulan Rabiul Awal, hari Khamis, waktu loha dan Raja Sulaiman lahir ke dunia pun waktu itu.

Adapun Encik Pong yang bunting itu tiada berapa lamanya beranaklah laki-laki. Lalu dihantar oleh bapak Encik Pong itu, iaitu Laksamana, kepada raja negara dan kepada Temenggung Muar. Kemudian dibawanya pula balik ke Johor.

Kemudian apabila sudah besar anak Encik Pong itu lalu disuruhkan oleh Laksamana kepada Nakhoda Malim orang Pagar Ruyung berlayar ke Jambi, diberinya nama Tuan Bujang. Kemudian lalu dibawa oleh Nakhoda

Malim itu ke Pagar Ruyung, disembahkannya kepada Raja Pagar Ruyung yang bernama Yamtuan Sakti. Adalah bonda baginda itu bernama Puteri Janilan. Maka dipelihara oleh Puteri itu, diperbuatnya anak angkat, diberinya nama si Buyung. Apabila telah akil baligh maka diberinya pula nama Raja Beralih. Syahadan tersebut di dalam sejarah dan siarah yang lain, tatkala sudah mangkat Marhum Mangkat Dijulang itu, maka Encik Pong itu pun dilarikan oleh satu orang bernama Panglima Bebas, lalu dibawanya ke Pagar Ruyung, padahal Encik Pong itu di dalam bunting. Maka beranaklah ia di Pagar Ruyung. Adapun Encik Pong mengaku anaknya itu anak Marhum Mangkat Dijulang, sebab itulah Raja Pagar Ruyung itu memelihara akan dia dengan sebaik-baik peliharaan hingga sampai baligh. Syahadan adalah yang dua kaul itu entahkan yang mana-mana yang terlebih sahnya.

Sebermula adapun Sultan Abdul Jalil, apabila sudah tetap dia dalam kerajaan, maka saudaranya Temenggung itu dijadikannya Raja Muda. Adapun anaknya yang tua di dalam masa ia jadi Bendahara, dijadikannya Bendahara dan anaknya yang tengah dijadikannya Temenggung dan anaknya yang bongsu dijadikannya Raja Indera Bungsu. Syahadan tetaplah Sultan Abdul Jalil itu kerajaan di negeri Johor, dengan segala takluk daerahnya. Lalulah baginda itu berpindah ke Pancor pula berbuat negeri di situ, serta berbuat istana yang indah-indah, panjangnya tiga puluh depa, serta berukir berair emas bertulis, atapnya papan, dinding bercat dan bertulis. Akhirnya istana itu terbakar. Kemudian baginda berpindah pula ke Riau, semayam di Riau. Itulah masanya baginda itu banyak seteru daripada Bugis dan Minangkabau dan Patani. Kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pergi perang ke Batu Bahara, lalu ke Deli pada Hijrat sanat 1122. Kemudian perang pula Yang Dipertuan Muda ke Indera Giri, pada Hijrat sanat 1126. Kemudian berpindah pula ke Johor semula, ke negeri Makam Tawhid. Lalulah pula menyuruh Datuk Temenggung perang ke Linggi, iaitu pada Hijrat sanat 1128. Kemudian tetaplah kerajaan baginda itu, dengan segala Temenggung Bendaharanya, serta orang besar-besarnya. Maka ramailah negeri Johor itu serta masyhurlah adatnya yang halus-halus, apalagi bahasanya. Syahadan lama kerajaan Sultan Abdul Jalil itu, iaitu dua puluh tahun. Adalah yang sentosa di dalam kerajaan sembilan belas tahun demikianlah adanya.

2. BUGIS DI LUWUK

ALKISAH maka tersebutlah perkataan raja sebelah Bugis, iaitu raja yang besarnya di negeri Luwuk, adalah nama baginda itu Opu La Maddusilat. Kata setengah kaul orang Bugis La Maddusilat adalah ia beranak tiga orang, yang tuanya bernama Pajung, yang tengahnya bernama Opu Tendriburang Dahing Rilaga, dan yang bongsunya bernama Opu Dahing Biasa. Adalah ketiga anak raja itu baik belaka rupanya dan sikapnya.

Syahadan apabila ayahanda baginda itu mangkat maka menggantikan kerajaannya puteranya yang tua, yang bernama Pajung itu. Maka saudaranya yang dua orang itu pun hendak dijadikannya menteri yang besar-besar. Maka ia pun bertanggguh bermohon pergi mengembara dahulu melihat temasya negeri-negeri orang. Maka direlakan oleh saudaranya itu, maka keluarlah keduanya pergi mengembara ke negeri-negeri orang. Adapun saudaranya yang bongsu yang bernama Opu Dahing Biasa itu menjadi kelana sebelah Tanah Jawa, masuk berperang bersama-sama Belanda melanggar Tanah Jawa. Maka dijadikan oleh Belanda raja memerintahkan segala Bugis di Betawi dan lainnya, maka tetaplah ia di Betawi. Syahadan adapun Opu Tendriburang Dahing Rilaga saudaranya yang tengah itu, ada mempunyai anak lima orang laki-laki satu ibu dan satu perut. Pada satu kaul adalah Opu Dahing Cellak itu lain bondanya, iaitu anak Raja Bugis bernama Datu Puak dibawa Opu Tendriburang berlayar bersama-sama dengan dia ke tanah sebelah barat.

Syahadan adalah nama Opu Dahing Cellak itu di sebelah barat dipanggil orang Dahing Pali. Yang tuanya bernama Opu Dahing Parani, dan adiknya bernama Opu Dahing Menambun, dan yang tengahnya bernama Opu Dahing Marewah, dan yang muda bernama Opu Dahing Cellak, dan yang bongsunya bernama Opu Dahing Kemasi. Syahadan adalah kelima-lima anak raja-raja itu tengah remaja putera belaka, akan tetapi Opu Dahing

Cellak dan Opu Dahing Kemasi itu budak-budak sangatlah daripada sangat kasih ayahandanya itu, maka dibawanya juga barang ke mananya puteranya yang lima orang itu. Adalah puteranya yang lima itu baik belaka parasnya, serta dengan sikapnya dan pahlawannya, akan tetapi Opu Dahing Cellaklah yang terlebih sangat baik parasnya, memberi ghairat hati perempuan-perempuan memandangnya, demikianlah kata yang empunya cetera.

Syahadan kata sahibul hikayat maka apabila sampailah waktunya berlaku hikmat *Allah taala* atas hamba-Nya, hendak menjalankan asbab, maka datanglah *khatir* gerak hati Opu Tendriburang Dahing Rilaga itu, hendak bermain-main ke negeri To Pammana, kerana Datu To Pammana itu bukannya orang lain dengan baginda itu, masih juga lagi sanak saudaranya kaum kerabatnya. Maka berangkatlah baginda itu ke negeri To Pammana dengan segala menteri juak-juaknya. Maka apabila sampai ke negeri To Pammana maka disambutlah oleh orang besar-besar To Pammana, serta dibawanya berjumpa dengan Datu Perempuan itu. Maka dipermuliakan oleh Datu To Pammana itu betapa adat istiadat raja-raja sama raja-raja datang berdatangan serta diberinya tempat duduk yang patut.

Hatta tiada berapa lamanya maka muafakatlah segala orang besar-besar To Pammana itu, hendak dipersatukan kedua raja itu jadi laki isteri, kerana Datu To Pammana itu Raja Perempuan, lagi muda remaja putera. Maka relalah kedua raja itu mengikut kehendak segala orang besar-besar itu. Setelah itu maka lalu dinikahkan oleh segala orang besar-besar itu, betapa adat istiadat raja besar-besar bernikah kahwin. Syahadan berkasih-kasihannya ia betapa adat orang yang laki isteri. Maka ada kira-kira setahun, mendapatlah ia anak seorang perempuan, digelarnya nama Datu ri Watu, ialah ganti bondanya itu kerana kemuafakatan orang besar-besar serta segala isi negeri. Maka tetaplak pekerjaan itu.

Syahadan kata sahibul hikayat tatkala Opu Tendriburang Dahing Rilaga itu duduk di To Pammana itulah mendapat satu besi yang tercacak pada pokok simpur. Lalu diambil oleh gembala kerbau, sebab kerbaunya mati terkena besi itu, tanggal segala bulunya daripada bisanya besi itu. Maka besi itu pun lalu diambil oleh Opu Tendriburang Dahing Rilaga disuruhnya tempa kepada tukang besi diperbuat badik, diberinya hulu tanduk kucing. Adalah lebihnya sedikit, diperbuatnya taji, diberinya nama Taji Kerami, terlalu pula bisanya hingga tiada berani orang-orang di dalam negeri To

Pammana itu melawan hayam sabungan itu, jika ada Taji Kerami itu pada kaki hayam sabungan itu.

Syahadan tiada berapa antaranya maka Opu Tendriburang Dahing Rilaga pun pergilah ke Boneh, kerana baharu-baharuan berjumpa dengan saudaranya. Maka dipermuliakannyalah betapa adat yang sepatutnya, serta diperjamunya makan minum bersuka-sukaan sehari-hari. Syahadan pada satu masa maka berangkatlah Raja Boneh itu ke negeri Mengkasar, maka dibawanya juga saudaranya Opu Tendriburang Dahing Rilaga itu. Maka apabila sampai ia ke Mengkasar maka lalulah Arung Boneh itu beristerikan anak Raja Mengkasar. Kemudian baliklah ia ke Boneh dan duduklah ia di negeri Boneh, di dalam goa yang bernama Rumpai Gading. Syahadan adapun Opu Tendriburang Dahing Rilaga itu diberinya sebilah keris oleh Arung Boneh, keris yang bernama Tanjung Lada. Maka dipakaikannya kepada anaknya yang sudah besar lagi sudah cerdik, iaitu Opu Dahing Parani. Syahadan maka tatkala Arung Boneh berangkat balik ke Boneh itu ditinggalkannya Opu Tendriburang itu di Mengkasar menunggu isterinya, sementara belum dibawanya ke Boneh, atau ke mana-mana atau suatu ketetapanya.

Syahadan maka datanglah takdir *Allah taala* maka berbuatlah isteri Arung Boneh itu suatu pekerjaan yang tiada patut pada *syara'* dan adat, iaitu bermain muda dengan anak raja Mengkasar. Maka kedapatan dengan Opu Dahing Parani, lalu ditikamnya dengan kerisnya yang bernama Tanjung Lada itu. Maka matilah anak raja Mengkasar itu, maka tiadalah berani orang-orang Mengkasar membuka perkara itu. Kemudian pergilah Opu Tendriburang Dahing Rilaga serta anaknya ke Boneh. Maka lalu ia bermohon kepada paduka kakanda baginda Arung Boneh hendak mengembara ke sebelah barat. Maka dilepaskan oleh Arung Boneh akan saudaranya. Maka berangkat Opu Tendriburang Dahing Rilaga itu ke Mengkasar, lalu berlayar ke Tanah Jawa, dan ke Betawi berjumpa saudaranya Opu Dahing Biasa. Adalah yang pergi bersama-sama dengan dia itu empat puluh orang anak baik-baik daripada anak dahing serta punggawanya dan indera gurunya. Maka apabila berjumpa ia akan saudaranya duduklah ia bersuka-sukaan makan minum.

Maka tiada berapa lamanya maka lalu ia hendak berlayar pula mengembara. Maka lalulah diberi oleh saudaranya sebuah pencalang, cukup dengan

modalnya serta alat senjatanya. Maka berlayarlah dari Betawi lalu ke Siantan. Maka apabila sampai ke Siantan maka Opu Dahing Parani pun dinikahkan oleh ayahandanya dengan satu anak orang Mengkasar yang bernama Nakhoda Alang. Maka tiada berapa lamanya di Siantan itu, maka lalulah opu-opu itu berlayar mengembara kepada pihak tanah Johor dan Melaka, bermain-main melihat negeri orang Melayu. Kemudian lalulah berlayar ke Kambuja. Apabila sampai di Kambuja dipermuliakan oleh Raja Kambuja, diberinya rumah dan diperjamunya makan minum betapa adat istiadat anak raja yang besar-besar.

Syahadan pada masa itu ada pula satu anak raja Minangkabau bernama Raja Culan bertandang menyabung ke Kambuja. Maka tiadalah berani orang-orang Kambuja melawan hayam Raja Culan itu sebab hayamnya sangat bertuah konon, lagipun taruhnya terlalu besar, iaitu sebuah kecinya dengan segala isinya akan jadi taruhnya itu konon. Kemudian berlawanlah dengan Opu Tendriburang Dahing Rilaga menyabung itu. Maka menanglah Opu Tendri itu sebab taji bernama Taji Kerami itu terlalu bisanya. Maka alah hayam Raja Culan itu menanglah Raja Bugis, maka dapatlah ia keci itu.

Kemudian lalulah Opu Dahing Rilaga itu berbalik ke Siantan serta keci itu. Maka apabila sampai ke Siantan maka keci itu pun ditutuhnya dibuat penjabang perang. Syahadan maka tatkala Opu Tendriburang Dahing Rilaga balik dari Kambuja maka anaknya Opu Dahing Parani pun sudah beranak seorang laki-laki, maka diberinya nama Dahing Kambuja. Kemudian beranak pula ia akan seorang perempuan bernama Dahing Khadijah. Akhirnya kelak Dahing Kambuja itu menjadi Yang Dipertuan Muda yang ketiga di dalam Riau, dan Dahing Khadijah itu menjadi isteri Raja Alam, anak Yang Dipertuan Raja Kecil Siak, ialah datuk nenek Yang Dipertuan Saiyid sebelah ibunya adanya.

Sebermula kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya Opu Dahing Rilaga itu balik dari Kambuja, maka ia pun mangkat kembali ke rahmat *Allah taala*, meninggalkan negeri yang fana kembali ke negeri yang baka. Maka tinggallah puteranya yang lima beradik itu di dalam Pulau Siantan.

Syahadan adapun opu yang lima beradik itu Opu Dahing Paranilah yang terlebih tua dan ialah ganti ayahandanya memelihara kan saudaranya yang berempat itu, istimewa pula Opu Dahing Cellak dan Opu Dahing Kemasi. Maka iaitu dihukumkan budak-budaklah pada masa itu akan tetapi sudahlah baligh belaka opu-opu itu.

Syahadan maka Opu Dahing Parani pun membuatlah penjajab yang tahan meriam ada enam buah dicukupkannya dengan alat senjatanya sekali serta dengan orangnya daripada anak Bugis, serta juak-juaknya empat puluh orang baik-baik negeri Bugis, yang berani bertikam sama seorang atau berperang, serta dengan taatnya kepada opu-opu itu. Dan satu punggawanya yang bernama To Sakuni, dan dua orang pula indera gurunya yang bernama La Malu dan To Jerpak. Apabila sudah siap maka muafakatliah ia hendak masuk ke negeri Johor dan Melaka mengembara pada sebelah tanah itu, kerana ia sudah mendapat alamat tatkala masa hendak ia semua keluar daripada tanah Bugis itu: iaitu Opu Dahing Menambun ada bermimpi akan zakar saudaranya Opu Dahing Cellak itu menjulur menjadi naga. Adalah kepalanya mengadap ke sebelah pihak barat Johor. Maka ditakbirkan orang, anak cucunya akan mendapat kerajaan di sebelah Johor dan Riau yang berpanjangan masanya. Syahadan apabila sudah putuslah muafakatnya, maka lalulah ia berlayar mengembara ke sebelah barat melihat-lihat temasya negeri-negeri orang, daripada satu negeri kepada satu negeri adanya.

3. RAJA KECIK

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Sultan Abdul Jalil di dalam negeri Johor. Sebermula adalah kira-kira sembilan belas tahun kerajaan di dalam negeri Johor yang di dalam kesenangan dan makmurnya. Maka datanglah pula dengan beberapa asbab daripada *Allah subhanahu wataala*, dengan hikmat-Nya: iaitu permulaan jalan sebab daripada Raja Kecik Siak yang di Pagar Ruyung, yang diambil anak angkat oleh Puteri Janilan itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Puteri Janilan memelihara anak Encik Pong itu, maka telah baligh diberinya nama Raja Beralih. Maka mintalah Raja Beralih itu kepada Puteri Janilan hendak mengembara melihat negeri-negeri orang, maka diberilah oleh Puteri itu. Maka Raja Beralih pun pergilah menumpang orang Minangkabau berniaga pergi-datang, hingga sampailah ke Tambang, lalu ke Kelimun Batang Hari. Kemudian lalu ia ke Rawas di hulu Palembang. Maka berjumpa dengan Sultan Lambayang, maka lalu ia perhambakan diri kepada Sultan Lambayang itu. Maka diperbuat Sultan Lambayang penjawat tepak sirihnya.

Maka tatkala Sultan Lambayang berkelahi dengan saudaranya Sultan Anum, dan Sultan Agung, iaitu bapa saudaranya, maka lalu ia keluar berlayar ke Johor. Maka Tuan Bujang itu pun bersama-sama dibawanya. Maka apabila sampai Sultan Lambayang itu ke Johor maka dihormatilah oleh Sultan Abdul Jalil itu, dijamunya makan minum betapa adat istiadat raja-raja berjumpaan. Maka pada satu hari Sultan Lambayang mengadap Sultan Abdul Jalil di balairung seri, maka terkentutlah Sultan Lambayang itu tiada ditahannya sambil katanya 'Saya semua orang Palembang tiada jadi malu terkentut itu, kerana penyakit hendak keluar.' Maka Sultan Abdul Jalil tersenyum.

Syahadan ada kira-kira tiga hari, maka lalu ia memining putera Sultan Abdul Jalil. Maka tiadalah diterima oleh Sultan Abdul Jalil itu. Maka Sultan

Lambayang pun keluar dari Johor itu berlayar. Maka singgahlah ia di Siantan lalulah ia berbinikan seorang perempuan bernama Mariam, anak satu tuan haji. Kemudian Tuan Bujang pun bersunat di situ. Hatta tiada berapa lama maka Sultan Lambayang pun berlayarlah ke Bangka Kota, ada kehendaknya hendak melanggar Palembang jua. Maka berkemaslah ia serta mencari fikiran dan mencari kuasa.

Syahadan kata sahibul hikayat pada masa inilah anak raja-raja Bugis itu keluar dari Siantan berlayar ke Bangka Kota itu, iaitu bersahabat berjinak-jinakan dengan Sultan Lambayang itu. Maka lalu Sultan Lambayang itu minta tolong melanggar Palembang. Syahadan Sultan Lambayang pun minta tolong kepada Belanda pula. Maka ditolong oleh Belanda itu maka alahlah Palembang itu. Maka Sultan Anum pun dibuanglah ke Belidah. Syahadan opu-opu yang lima beradik itu seorang bergelar Kelana Jaya Putera, iaitu Opu Dahing Marewah, kemudian keluar ia mengembara. Kata setengah kaul dapat nama Kelana Jaya Putera itu dari Tanah Jawa, sebab membantu Belanda melanggar Periaman, konon.

Syahadan adapun Tuan Bujang, apabila selesailah Sultan Lambayang itu menjadi raja, maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Lambayang hendak balik ke Pagar Ruyung, maka berjalanlah ia lalu ke Rawas. Maka Tuan Bujang pun berbinilah di situ, akan anak Dipati Batu Kucing lalulah dapat anak laki-laki seorang, dinamakannya Raja Rabbiul Alam. Kemudian keluarlah ia lalulah ia ke negeri Jambi. Maka berkhidmatlah pula ia kepada Sultan Jambi yang bernama Sultan Maharaja. Maka Sultan Jambi pun berperang satu raja yang lain. Maka Tuan Bujang pun masuklah perang itu, lalu ia luka pahunya. Maka apabila sembuh lukanya maka baliklah ia ke Pagar Ruyung, berjumpa ia dengan Yamtuan Sakti dan Puteri Janilan. Maka diberi oleh Yamtuan Sakti serta Puteri Janilan nama Yamtuan Raja Kecik. Kata setengah kaul diuji, dipukulkan nobat, dan disuruh bersandar di tiang jelatang, dipakaikan mahkota. Maka tiada ia tulah konon. Maka lalulah diberi pedang kebesaran, yang bernama Sapu Rajab, serta dengan satu cap kuasa boleh memerintahkan anak Minangkabau di Pasisiran Laut, konon.

Maka sudahlah dapat kuasa dan kebesaran itu, maka keluarlah ia turun ke Siak ke Bukit Batu, belum lagi dikeluarkannya kuasa dan nama dan cap daripada Yamtuan Sakti. Maka berniagaiah ia berjual beli telur terubuk. Pada satu masa melalui perintah bandar Bukit Batu, maka kenaliah ia hukum dua puluh rial. Maka berdendamiah Raja Kecik itu di dalam hatinya.

Kemudian maka menyambut pula modal orang, ia melayarkan perahu orang bergelar Nakhoda Penangko, berlayar pulang-pergi ke Melaka. Kemudian apabila selesai daripada berlayar itu, maka lalu ke Bengkalis. Maka baharu ia mengeluarkan namanya dan kuasanya dan capnya. Maka lalu mengikut segala anak Minangkabau yang di Bengkalis.

Kemudian ke Batu Bahara pula ia, maka diperintahnya negeri Batu Bahara itu. Maka masyhurlah namanya sudah menjadi raja serta membuat kota parit dan melantik beberapa orang besar-besarnya serta menterinya dan hulubalangnya. Maka lalu ia bersiapkan alat kelengkapan perang dengan beberapa penjabab. Syahadan di dalam tengah bersiap-siap itu, maka adalah opu-opu anak raja Bugis pun, tiba ke Bengkalis datang daripada mengembara, maka berjumpalah ia dengan Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun mengajak opu-opu itu melanggar Johor. Maka opu-opu itu pun berfikir, maka tiada berbetulan dengan timu-timunya. Maka tiadalah ia mau, maka dialihkannya hendak ke Langat, hendak muafakat dengan Bugis di Langat. Maka tiadalah jadi bantu-membantu itu.

Syahadan adapun Raja Kecil setelah mustaid kelengkapannya, maka ia pun menyuruh ke Kuala Johor, dan ke Singapura, akan seorang menterinya yang pandai memujuk dan menipu-nipu memasukkan kepada hati rakyat dengan perkataan mengatakan ini sebenar-benarnya anak Marhum Mangkat Dijulang. Sekarang ini adalah ia hendak ke Johor, hendak mengambil pesakanya menjadi raja. Maka barang siapa rakyat yang tiada mau mengikut, nanti ditimpa daulat Marhum Mangkat Dijulang, tiada selamat sampai kepada anak cucunya. Syahadan barang siapa yang menyertai anak Marhum Mangkat Dijulang itu, mendapatlah ia kurnia daripada Raja Kecil dan Raja Kecil sudah sedia dengan beberapa kayu kain yang baik akan persalinan jenang batin itu, apalagi raja negara.

Syahadan apabila mendengar segala rakyat dan kepalanya akan perkataan suruhan Raja Kecil itu, maka menjawablah segala mereka itu, 'Silakanlah Raja Kecil datang ke Johor saya semua adalah menyertai.' Kemudian suruhan itu pun pergi pula kepada Laksamana bapak Encik Pong itu, membawa surat Raja Kecil. Maka Laksamana pun relalah belot.

Syahadan apabila selesailah jalan tipu hikmat itu, maka Raja Kecil datanglah beberapa kelengkapan melanggar Johor itu. Maka tiadalah rakyat-rakyat laut itu memberitahu ke dalam negeri lagi. Maka masuk segala kelengkapan itu ke dalam Johor dengan terserkap. Maka terkejutlah orang

Johor mengatakan, 'Musuh datang melanggar.' Maka dipermaklumkan kepada Yang Dipertuan Muda. Maka tiada dihiraukannya sebab ia tengah bermain catur. Maka Raja Kecil pun serta Minangkabau tibalah ke Pangkalan Rama lalulah naik ke jambatan dengan segala pendekarnya dan membunyikan senapangnya. Maka melawanlah orang-orang Johor itu, berperang mana-mana sempat berbunuh-bunuhan sehari itu. Maka banyaklah orang Johor belot sebelah Minangkabau, kerana Laksamana kepala perangnya telah belot.

Maka Raja Muda pun membunuh isterinya lalulah ia keluar mengamuk pula, kerana fikirannya daripada isterinya diambil Minangkabau diperbuatnya gundik, terlebih baik biar hilang sekali. Kemudian Raja Muda pun mengamuklah menyerbukan dirinya kepada pihak sebelah Raja Kecil itu. Lalu berkejar-kejaran hambat-berhambat hingga sampai ke Kayu Anak nama tempat itu. Maka Raja Muda pun mangkatlah di situ, sebab sabur-menyabur orang beramuk itu.

Syahadan tatkala sudah mangkat Yang Dipertuan Muda itu maka Johor pun alahlah. Maka keluar Sultan Abdul Jalil dari dalam kotanya pergi ke kampung orang lainnya pula. Maka musyawarahlah Sultan Abdul Jalil itu, 'Baik mengamukkah, atau baik menyerahkan diri?' Maka muafakatliah segala menterinya 'Baik menyerahkan diri.' Maka lalulah Sultan Abdul Jalil itu pergi kepada Raja Kecil dengan tiada bersenjata, menyerahkan diri. Maka tiadalah diapa-apakan oleh Raja Kecil itu, hanya diperbaik-baiknya sambil katanya, 'Ayah saya hendak jadikan bendahara semula.'

Syahadan tiada berapa lamanya maka Raja Kecil pun bertunanganlah dengan putera Sultan Abdul Jalil itu, yang bernama Tengku Tengah. Di dalam pada hari raya, maka datanglah Sultan Abdul Jalil putera berputera mengunjungi Raja Kecil. Maka putera yang bernama Tengku Kamariah pun bersama-sama jua. Maka terpandanglah Raja Kecil akan paras Tengku Kamariah itu, berahillah ia pula. Maka dipintanya pula Tengku Kamariah itu, tiadalah jadi dengan Tengku Tengah itu. Maka tiadalah terkata-kata Sultan Abdul Jalil itu, kerana lebih-lebih maklum orang yang sudah alah. Syahadan maka nikahlah Tengku Kamariah itu dengan Raja Kecil, betapa adat raja yang besar-besar bernikah kahwin, demikianlah halnya. Maka tetaplah Raja Kecil itu di dalam negeri Johor. Maka seolah-olah negeri Johor itu beraja dualah pada masa itu adanya.

4. BUGIS DI JOHOR

AL-KISAH maka tersebutlah perkataan opu-opu raja Bugis yang pergi ke Langat. Maka apabila ia sampai ke Langat maka muafakatliah ia dengan Bugis di situ menyiapkan alat peperangan, akan tetapi tiadalah tentu yang hendak dibantunya itu, kerana barang siapa yang patut pada timu-timunya, itulah yang hendak dibantunya. Maka di dalam hal itu didengarnya Johor tengah berperang, Sultan Abdul Jalil dengan Raja Kecil. Maka segeralah ia masuk ke Johor dengan segala kelengkapan perangnya. Maka apabila tibalah ia ke Johor dilihatnya negeri Johor sudah alah, dan Raja Kecil pun telah menjadi menantu Sultan Abdul Jalil. Maka ia pun hairanlah seraya katanya, 'Bagaimana negeri sebesar-besar ini dengan mudahnya saja alah?' Maka lalu ia berjumpa Raja Kecil, maka diperjamulah oleh Raja Kecil betapa adat istiadat raja-raja berjamu. Kemudian ia pun turun ke perahunya.

Syahadan adapun Sultan Abdul Jalil serta bendaharanya dan paduka baginda Raja Sulaiman duduklah di dalam dukacita kesusahannya diperhina-hinakan oleh Raja Kecil serta pula khabarnya hendak jadikan bendahara semula. Maka terbakarlah hatinya putera berputera dan pada ketika hari yang besar disuruhnya putera-putera Sultan Abdul Jalil membawa semberab jawatan makin bertambah-tambahlah pecahnya hati Sultan Abdul Jalil akan perbuatan Raja Kecil itu, sementelahnya Raja Sulaiman hati orang muda sangatlah panasnya. Lalu bermuafakat berdua saudaranya Tengku Tengah hendak didudukkannya dengan Raja Bugis mudah-mudahan dapat jalan menghapuskan malunya itu. Maka relalah Tengku Tengah itu jadi isteri opu-opu itu.

Syahadan tersebut di dalam siarah Siak, adalah Tengku Tengah itulah yang sangat-sangat hendak menghapuskan kemaluannya itu. Maka muafakat ia dengan saudaranya Raja Sulaiman. Maka lalulah dijemputlah opu-opu itu makan. Kemudian Tengku Tengah pun berdiri di pintu selasar membuka bidai, melepak subang di telinganya, sambil ia berkata, 'Hai raja

Bugis, jikalau sungguh tuan hamba berani, tutupkanlah kemaluan beta anak-beranak adik-beradik! Maka apabila tertutup kemaluan beta semua, maka relalah beta menjadi hamba raja Bugis. Jika hendak disuruh jadi penanak nasi raja sekalipun relalah beta.'

Maka apabila Opu Dahing Parani mendengar kata Tengku Tengah itu maka ia pun menjawab seraya katanya, '*Insyah-Allah*, seboleh-bolehnya hambalah menutup kemaluan Tengku semua anak-beranak adik-beradik.' Kemudian baharulah berjanji Raja Sulaiman dengan opu-opu itu jika hasil maksudnya yang opu-opu lima beradik, salah seoranglah menjadi yang dipertuan muda turun-menurun. Setelah selesai berjanji-janji itu maka menghadaplah ia kepada ayahandanya mekhabarkan hal ehwal maksudnya itu. Maka dibenarkan oleh ayahandanya ikhtiar anaknya itu. Maka lalu dinikahkannya saudaranya Tengku Tengah itu dengan Opu Dahing Parani betapa adat istiadat raja-raja nikah kahwin. Maka berkasih-kasihanlah Tengku Tengah itu betapa adat orang laki isteri demikianlah halnya.

Maka Raja Kecil pun waswaslah hatinya menaruh cemburu akan Bugis-Bugis itu selama-lama Bugis itu di dalam negeri Johor. Syahadan adapun Opu Dahing Parani apabila sudah ia beristeri itu, maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Abdul Jalil hendak pergi ke Siantan dahulu hendak melihat anak-anaknya sebentar. Maka apabila ada satu kesusahan berilah sahaja ia surat, datanglah ia. Maka diizinkan oleh Sultan Abdul Jalil, maka ia pun ke-luarlah dari Johor lalu ia berlayar ke Siantan, tetaplah ia di Siantan bersiap-siap akan alat kelengkapan peperangannya. Ada kira-kira tujuh buah perahu yang besar-besar yang tahan meriam, serta beberapa pula ia mengumpul segala Bugis serta mengatarkan juak-juaknya dan kepala juak-juaknya dan punggawanya dan indera gurunya adanya intiha.

5. BUGIS DI MATAN

ALKISAH maka tersebutlah perkataan raja-raja sebelah Matan, iaitu seorang anak Sultan Muhammad Safiul Din namanya Pangeran Agung. Maka apabila mangkat Sultan Muhammad Safiul Din itu, maka menggantikan kerajaannya anak yang tuanya bergelar Sultan Muhammad Zainul Din. Syahadan adapun saudaranya yang bernama Pangeran Agung sangat tamaknya hendak menjadi raja di dalam negeri Matan itu. Maka tiadalah sabar ia akan perhiasan dunia ini. Maka apabila sampai syaratnya dan kuasanya maka lalu dirampasnya kerajaan saudaranya itu pada ketika malam. Maka alahlah Sultan Muhammad Zainul Din, lalu keluar dari Matan membawa anak isterinya ke negeri Banjar, minta bantu kepada Sultan Banjar pada mengambil kerajaan itu semula dari tangan adiknya Pangeran Agung itu. Maka dibantu oleh Sultan Banjar disuruhkannya orang Banjar, Sampit dan Mendawai dan Kota Ringin. Maka pergilah Sultan Muhammad Zainul Din melanggar dan anak isterinya ditinggalkannya di dalam Banjar. Maka ia pun pergilah ke Matan bersama-sama seorang panglima perang Raja Banjar, yang bernama Panglima Pantas.

Maka apabila tiba lalu berperang, dengan takdir *Allah subhanahu wataala* Panglima Pantas pun matilah di dalam peperangan itu. Maka apabila orang-orang Banjar melihat kepala perangnya itu telah mati, maka ia semuanya pun larilah. Maka tinggallah Sultan Muhammad Zainul Din terkepung di dalam Matan. Maka Sultan Muhammad Zainul Din punmasuk ke dalam masjid, lalu dikuncinya pintu masjid itu. Maka Sultan Agung pun menyuruh akan beberapa hulubalang menjagakan masjid itu. Maka tertutuplah Sultan Muhammad Zainul Din itu di dalam masjid Matan. Syahadan sebelum ia terkepung sudah ia melepaskan suruhan kepada opu-opu yang lima beradik di Siantan dengan satu surat. Maka apabila utusan itu sudah pergi,

maka Sultan Muhammad Zainul Din terkepung, lalu tertutup di masjid. Maka baharulah utusan itu sampai ke Siantan adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka apabila suruhan itu sampai ke Siantan maka naiklah mengadap opu yang lima beradik itu mempersembahkan surat itu kepada Opu Dahing Parani, kerana ia terlebih tua daripada opu-opu yang lain itu. Maka apabila dibaca oleh Opu Dahing Parani akan surat Sultan Muhammad Zainul Din, maka ia pun musyawarahlah adik-beradik serta punggawanya dan indera gurunya pada pekerjaan membantu Sultan Muhammad Zainul Din itu. Maka sudah sama-sama satu muafakatnya akan pergi maka pada ketika saat yang baik berlangkahlah ia, lalu berlayar ke Matan dengan enam buah perahunya.

Maka apabila sampai ia ke Matan maka lalu ia masuk berjumpa Pangeran Agung minta ampun dan maaf akan saudaranya itu, serta dicarikannya bicara yang baik mana-mana yang patutnya pada aturan negeri serta kemufakatan orang-orang ramai. Maka tiadalah Pangeran Agung itu menerima kehendak opu-opu itu. Maka opu-opu itu pun pergilah ke masjid diambilnya Sultan Muhammad Zainul Din itu, dibawanya juga kepada Pangeran Agung. Maka marahlah Pangeran Agung akan opu-opu itu, disuruhnya kancing pintu kotanya serta disuruhnya tondong opu-opu itu keluar dari Matan hari itu juga.

Maka keluarlah opu-opu itu berlayar ke Banjar mendapatkan Sultan Banjar, kerana hendak mengambil isteri-isterinya. Syahadan adalah Pangeran Agung itu ada menaruh menantu seorang anak raja Bugis bernama Dahing Matekkuh dan seorang bernama Haji Hafiz, itulah yang diharapkan jadi hulubalanganya. Syahadan opu-opu itu apabila telah ia berjumpa Sultan Banjar lalulah ia berlayar membawa Sultan Muhammad Zainul Din itu balik ke Matan serta dengan anak isterinya itu. Maka apabila sampai ia ke Matan lalu ia berhenti di Kuala Kandang Kerbau, membuat ia rumah kecil di situ serta orang-orang Matan yang hampir-hampir di situ semuanya dikumpulkannya jadi bersama-sama dengan dia. Maka dinikahkannya Opu Dahing Menambun dengan anaknya yang bernama Puteri Kesumba.

Maka apabila selesai daripada nikah kahwin maka lalulah Sultan Muhammad Zainul Din minta langarkan Pangeran Agung itu. Maka mudiklah opu-opu itu hendak melanggar Pangeran Agung itu. Maka apabila Pangeran Agung dapat khabar, lalulah disuruhkannya Dahing Matekkuh serta Haji

Hafiz itu menahan opu-opu itu serta melawan berperang atau bertikam. Syahadan adapun Dahing Matekkuh serta Haji Hafiz, apabila ia berjumpa opu-opu itu maka ditahannyalah opu-opu itu tiada diberinya masuk ke perdalaman Ratu Agung itu. Maka marahlah opu-opu itu lalu diajaknya Dahing Matekkuh itu bertikam. Maka Haji Hafiz pun memberi nasihat kepada Dahing Matekkuh. 'Jangan melawan opu-opu itu kerana ia anak raja besar bangsa kita semua Bugis.' Maka menurutlah Dahing Matekkuh itu akan nasihat Haji Hafiz itu. Maka lalu diambilnya sebuah perahu opu-opu itu dibawanya berlayar keluar dari Matan itu pergi ke barat sebelah Siak, serta satu meriam tembaga namanya si Kedah.

Syahadan apabila Dahing Matekkuh itu sudah berlayar maka opu-opu itu pun masuklah ke perdalaman Pangeran Agung itu lalu ditangkapnya Pangeran Agung itu, dibawanya ke Sultan Muhammad Zainul Din. Maka terlalulah sukanya Sultan Muhammad Zainul Din itu serta menerima kasih yang amat banyak. Maka Pangeran Agung pun dipenjarakannya di dalam satu kota kecil yang berpaku dari luar serta dimasukkannya tiga puluh orang perempuan bersama-sama Pangeran Agung itu. Maka dijagakannya di luar kota itu dengan beberapa hulubalang hingga sampailah matinya itu. Akhirnya adapun perempuan yang tiga puluh orang itu maka itulah diperbuatnya gundik oleh Pangeran Agung itu, sebab itulah Pangeran Agung itu banyak anaknya.

Syahadan adapun Sultan Muhammad Zainul Din apabila sudah selesai ia daripada pekerjaannya menjadilah ia raja di dalam negeri Matan. Adapun opu-opu itu diserahkanlah Mempawah itu dengan segala takluk daerahnya kepada opu-opu itu. Maka opu-opu itu pun bertanggung hendak pergi ke sebelah barat dahulu hendaklah melihat anak isterinya mana-mana yang beristeri di sebelah barat. Maka tetaplah ia di dalam negeri Matan adanya.

6. KEMANGKATAN SULTAN ABDUL JALIL

ALKISAH maka tersebutlah pula Sultan Abdul Jalil di dalam Johor. Maka apabila sudah opu-opu itu keluar maka banyaklah fitnah di dalam Johor kerana scolah-olah negeri Johor itu beraja dua. Maka berbelah-belallah orang-orang di dalam negeri itu. Ada yang kepada Raja Kecil, ada yang ke pihak Sultan Abdul Jalil. Mangkin menyalalah fitnah daripada sehari kepada sehari, mangkin banyak fitnah mangkin besar, umpama api mangkin besar nyalanya akhir-akhir tiada boleh dipadamkan lagi.

Syahadan melarat api itu mengatakan Raja Kecil itu tiada tentu amat putera Marhum Mangkat Dijulang, sebab tiga kaul yang telah lalu itu bersalahan. Maka sampailah khabar itu kepada Raja Kecil maka marahlah ia, akan tetapi masih disabarkannya lagi. Kemudian Tengku Tengah pula kurang suka akan Raja Kecil itu, sebab kerana perkhabaran fitnah-fitnah itu. Maka sampai pula kepada Tengku Kamariah. Maka bencilah Tengku Kamariah akan Raja Kecil itu, tiada diperdulikannya amat Raja Kecil itu daripada makan minumannya. Maka di dalam hal itu pula maka berjalanlah Tengku Tengah itu ke istana Raja Kecil, lalu diambilnya Tengku Kamariah itu ke rumahnya waktu Raja Kecil itu tengah sembahyang. Maklumlah sahaja akal orang-orang perempuan apabila ia sudah marah atau benci akan seorang, memperbuatlah ia akan pekerjaan yang tiada patut dan tiada ia mikirkan kemudiannya.

Maka Raja Kecil pun marahlah lalu disuruhnya ambil isterinya itu, maka tiada diberi pula oleh Tengku Tengah. Maka jadilah perkelahian, maka Raja Kecil pun pergi melanggar Sultan Abdul Jalil. Maka Sultan Abdul Jalil pun membuat kubu di Seluyut. Maka berperanglah Minangkabau dengan Johor semula. Tiada berapa lamanya berperang itu, maka alahlah kubu di Seluyut itu diamuk oleh Raja Kecil. Maka berundurilah Sultan Abdul Jalil ke Trengganu. Ada setengah anak raja-raja Johor itu pindah ke Melaka.

Kemudian ada kira-kira tiga tahun di Trengganu itu, maka Sultan Abdul Jalil keluar pula lalu membuat negeri di Kuala Pahang. Maka Raja Indera Bungsu pun datanglah dari Melaka membawa anak raja-raja itu berpindah ke Kuala Pahang. Syahadan adapun Raja Kecil apabila sudah Sultan Abdul Jalil itu keluar dari Johor, maka ia pun bertitah kepada segala menterinya seraya katanya, 'Ini negeri celaka, baik kita pindah ke Riau.' Maka lalu ia pindah ke Riau. Apabila sampai ia ke Riau membuatlah istana berbunga lawangkan emas. Maka diperintahnyalah Riau dengan segala rakyat yang di laut-laut dan setengah di dalam perintah Sultan Abdul Jalil. Maka huru-haralah kerajaan Johor pada ketika itu tiada berketentuan.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Raja Kecil mendengar khabar Sultan Abdul Jalil membuat negeri di Kuala Pahang, maka ia pun menyuruh beberapa kelengkapan peperangan dititahkannya menyilakan Sultan Abdul Jalil itu ke Riau jikalau tiada mau, lawan berperang.

Maka pergilah segala angkatan itu kepalanya Laksamana Nakhoda Sekam. Apabila tiba di Kuala Pahang dipersembahkannya seperti titah Raja Kecil itu, maka tiadalah rela Sultan Abdul Jalil. Maka lalu jadi berperang. Maka melangarlah Laksamana Nakhoda Sekam akan Kuala Pahang. Maka tiada berapa hari maka Kuala Pahang pun alah, akan tetapi Sultan Abdul Jalil tiada berani Laksamana itu mengapa-apakan. Maka pergilah Laksamana Nakhoda Sekam itu menghadap Sultan Abdul Jalil sembahnya, 'Ampun Tuanku, baiklah silakan ke Riau kerana pesan paduka anakda silakan ayah ke Riau. Maka pada kira-kira patik baik juga berangkat ke Riau kerana antara tuanku dengan paduka anakda itu tiada siapa yang boleh memasuki. Boleh patik kosongkan dua buah gurab akan kenaikan ke bawah duli tuanku putera berputera.' Maka jawab Sultan Abdul Jalil, 'Jika sudah fikiran Laksamana kita ke Riau, maka ke Riaulah kita.' Maka turunlah Sultan Abdul Jalil itu kepada gurab yang besarnya itu serta dengan paduka anakda-anakda sekalian. Adalah puteranya yang laki-laki dua orang, pertama Raja Sulaiman, kedua Raja Abdul Rahman. Adapun yang perempuannya pertama Tengku Tengah, kedua Tengku Kamariah, kerana terbawa oleh Sultan Abdul Jalil tatkala keluar dari Johor dahulu itu, ketiga Tengku Mandak. Adapun putera Marhum Mangkat di Kayu Anak seorang laki-laki dan tujuh orang perempuan. Maka berkemaslah baginda itu akan berlayar ke Riau dan sebuah gurab lagi pula tempat Tun Narawangsa, putera

baginda itu juga. Maka bermuatlah pula Tun Narawangsa itu.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam hal antara itu datanglah pula seorang suruhan Raja Kecil, bernama si Emas Raden, membawa surat kepada Laksamana Nakhoda Sekam. Maka tersebut di dalam surat itu, 'Janganlah Sultan Abdul Jalil dibawa ke Riau lagi, bunuhlah sekali, kita tahukan matinya sahaja.' Syahadan apabila Laksamana Nakhoda Sekam mendengar surat daripada Raja Kecil itu, maka ia pun terdiamlah sejourus berfikir kerana asalnya titah tidak begitu sekarang, demikian pula jadi hairanlah ia, hendak pun tiada diturut takut pula dapat salah kerana surat titah itu dengan capnya sekali. Maka apabila telah habis fikirannya maka lalulah ia menyuruh empat orang panglima berbaju rantai serta dengan beberapa orang pergi mengamuk kenaikan baginda itu.

Maka pada waktu Minangkabau mengamuk itu baginda lagi di tikar sembahyangnya, baharu lepas sembahyang subuh tengah membaca wirid. Maka panglima Minangkabau itu pun naiklah, pada sangka juak-juak baginda itu panglima sengaja hendak mengadap baginda, maka tiadalah dihiraukannya. Maka seketika lagi ia pun naik lalu diparangnya hulu baginda. Maka baginda pun terkejut lalu disambar baginda pedang panglima itu, maka dapatlah pada tangan baginda. Maka mengamuklah baginda diparangnya panglima-panglima itu. Syahadan tersebut di dalam siarah Siak delapan orang panglima-panglima itu mati dibunuh oleh baginda itu. Maka baginda pun rebahlah lalu mangkat.

Adapun Tengku Tengah apabila ia mendengar ayahandanya sudah hilang itu, maka keluarlah ia dengan satu halamang ditetaknya pada Minangkabau yang tinggal-tinggal itu. Maka menjeritlah Laksamana Nakhoda Sekam seraya katanya pada segala orang-orang Minangkabau itu, 'Jangan lawan anak raja-raja perempuan itu, nanti engkau semua dibunuh oleh Raja Kecil dan dihambatnya rumah tangga engkau.' Maka apabila segala Minangkabau itu mendengar kata Laksamana Nakhoda Sekam itu, maka berterjunanlah semuanya ke dalam air. Maka raja-raja perempuan yang di dalam kurung gurab itu pun keluarlah memeluk Tengku Tengah itu, dibawanya masuk ke dalam kurung itu dan demikian lagi Raja Sulaiman pun dipeluk oleh raja-raja perempuan itu lalu dibawanya masuk ke dalam kurung. Setelah itu maka datanglah Laksamana Nakhoda Sekam menghadap raja-raja perempuan itu dengan air matanya, memohonkan dicuci mayat

baginda itu akan dimakamkan. Maka lalulah dimakamkannya di Kuala Pahang itu di Teluk Kandang namanya, masyhurlah hingga sekarang ini, 'Marhum Mangkat di Kuala Pahang' dipanggil orang.

Adapun Laksamana Nakhoda Sekam apabila sudah memakamkan marhum itu, maka lalulah berlayar ke Riau membawa segala anak raja-raja itu kepada Raja Kecil. Maka apabila tiba ke perlabuhan Riau, maka turunlah Raja Kecil ke gurab itu mengambil isterinya serta segala anak raja-raja itu. Maka dibawanyalah naik ke darat serta dipeliharakannya dengan sepatutnya dan diberinya istana. Maka duduklah segala anak raja-raja itu dengan kemasyghulan sehari-hari kerana kematian baginda Sultan Abdul Jalil Marhum itu.

Syahadan adapun Raja Sulaiman itu tiadalah senang hatinya sepertikan terbakar hatinya tiap-tiap hari. Maka tiadalah fikirannya yang lain lagi melainkan mengenang-ngenang opu-opu raja Bugis itu juga. Maka apabila tiada dapat lagi ditahannya hatinya, maka bermusyawahlah ia dengan Datuk Bendahara membuat surat kepada opu-opu yang lima beradik itu. Maka apabila selesai maka disuruh satu biduandanya yang kepercayaan membawa surat itu cari di mana-mana ada ia di dalam negeri-negeri orang.

Hatta dapatlah khabar suruhan itu mengatakan opu-opu itu ada di Matan, maka pergilah suruhan itu berlayar ke Matan. Maka apabila tiba ia di Matan berjumpalah ia dengan opu-opu itu, maka lalu dipersembahkannya surat Raja Sulaiman itu kepada Opu Dahing Parani. Maka apabila Opu Dahing Parani mendengar bunyi surat itu, berbangkitlah gembiranya seperti api yang bernyala-nyala. Maka diunjukkannya surat itu kepada Kelana Jaya Putera serta segala saudaranya. Maka berbangkitlah semuanya menghunus kerisnya, mengaruk-aruk, berkanjar-kanjar. Maka Kelana Jaya Putera pun berkata, 'Jika belum aku ambil Riau dengan segala takluk daerahnya aku serahkan kepada Raja Sulaiman, aku haramkan menjejak tanah Bugis atau aku mati.'

Maka apabila selesai daripada mengaruk-aruk itu, maka menyembelihlah ia kerbau mencerak senjatanya yakni menyembah senjatanya kerana adat Bugis, demikianlah halnya konon. Kemudian muafakatliah ia dengan saudara-saudaranya serta menterinya, iaitu Dahing Menampuk dan Dahing Massuro dan Dahing Manggatuk. Adalah yang dijadikannya kepala perangnya oleh Opu Dahing Parani, iaitu saudaranya Opu Kelana Jaya Putera ialah seolah-olah raja di dalam peperangan. Adapun Opu Dahing Cellak

ialah jadi panglima besar di dalam peperangan. Adapun Opu Dahing Menambun dan Opu Dahing Kemasi ialah jadi panglima perang kanan dan panglima perang kiri. Adalah raja tua ialah jadi hulubalang tua akan tempat segala raja-raja itu mengambil musyawarah. Adapun Dahing Massuro dan Dahing Menampuk ialah kepala di atas indera gurunya pada memerintahkan peperangan.

Syahadan apabila sudah teguhlah ikatan perangnya berangkatlah ia berlayar ke Riau. Adalah kelengkapannya yang pergi yang besarnya tujuh buah, satu keci ditutuhnya di perbuatnya penjajab dan beberapa perahu-perahu Bugis, seperti pintak dan kura-kura, dan beberapa lagi sampan-sampan kecil-kecil. Ada orang Bugis serta Bugis juak-juaknya ada kira-kira seribu dan ada kepala juak-juaknya yang empat puluh itu dua orang, pertama Indera Guru La Malu namanya, kedua Indera Guru To Jepak namanya.

Syahadan tiada berapa lamanya ia berlayar itu sampailah ia ke Riau, maka lalu masuk berhenti di Pulau Pengujan mengikat perang di situ serta mengatur kelengkapan perangnya. Maka apabila sudah mustaid maka lalulah ia menyuruh memberitahu ke hulu Riau kepada Raja Kecil, menyuruh keluar berperang jika sungguh laki-laki, jangan berperang di dalam negeri rosaklah isi negeri. Maka apabila Raja Kecil mendengar khabar itu maka ia pun bersiaplah dengan beberapa kelengkapan pula. Adapun orang-orang Riau disuruhnya menjaga negeri sahaja. Maka keluarlah Raja Kecil dengan beberapa kelengkapan serta gong, gendang dan serunai, tawak-tawaknya.

Maka apabila sampai ke Pengujan lalulah berperang berbedil-bedilan, azamatlah bunyi bahana meriam, sebelah menyebelah, gegak-gempita, tiada kedengaran apa lagi, asap pun naik ke udara menggerbak. Maka seketika berperang itu Bugis pun turun ke sampan tundanya membawa terakul dan pemburasnya, lalu dipintasnya sebelah peminggangnya perahu-perahu Minangkabau itu, lalulah dirapatnya. Maka tiadalah tertahan oleh Minangkabau kerana tiada boleh mengisi meriam lagi, serta banyaklah matinya. Ada kira-kira sehari semalam maka pecahlah perang Raja Kecil itu, pecah belah lintang-pukang tiada tentu haluannya sebab kerana sudah dirapati oleh Bugis itu dengan terakul dan pemburasnya. Maka beranyutlah Raja Kecil undur, melawan sampai lari. Maka diikuti oleh Bugis sambil dibedilnya dengan meriam dan rentakanya dan senapang-senapangnya. Maka larilah segala kelengkapan Raja Kecil itu membawa dirinya ke Pulau Bayan dan mana-mana yang tenggelam tinggallah ia sepanjang laut itu berhanyu-

tan. Maka naiklah Raja Kecil ke Pulau Bayan kerana kubunya ada memang di situ dan segala perahu-perahunya berkeliling di situ setengah orangnya naik ke darat.

Syahadan apabila opu-opu itu melihat hal yang demikian itu, maka dibahaginyalah kelengkapannya itu pula dua bahagi dan satu bahagian naik ke Tanjung Pinang diperbuatnya kubu di situ membedil ke Pulau Bayan, dan satu bahagian berdayung masuk ke hulu Riau, jangan dihiraukan bedil orang yang dari Pulau Bayan itu. Maka apabila sampai ke hulu, hadapkan haluannya ke hilir langgar perahu-perahunya yang di Pulau Bayan itu, demikian titah opu-opu itu. Maka diperbuatlah oleh segala Bugis itu seperti titah opu-opu itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka serba salahlah kelengkapan Raja Kecil, maka Raja Kecil pun menyuruh orang-orangnya turun ke perahu semula, menyuruh lawan perahu Bugis yang masuk itu. Maka apabila dilihat Bugis Pulau Bayan itu tiada orangnya lagi habis turun ke perahunya, maka direbutnya pula Pulau Bayan itu. Maka lalu diamuknya, maka berterjunanlah segala orang-orang dari Pulau Bayan itu. Maka Raja Kecil pun turunlah ke kenaikannya hendak mudik, maka dibedil pula oleh perahu-perahu Bugis yang dari sebelah hulu, sebab haluannya sudah menghadap ke kuala. Maka tiadalah jadi Raja Kecil itu mudik, lalu merapati Tanjung Ungkat pula. Maka baharu hendak naik ke darat, kira-kira setengah orang-orangnya hendak lari ke hulu, maka dipintasi oleh Bugis-Bugis dari darat, lalulah dibedilnya dengan terakul dan pemburasnya. Maka berterjunanlah pula turun ke perahunya.

Maka kenaikan Raja Kecil pun undurlah lari ke Pulau Penyengat. Maka tinggallah orang-orang dan panglima-panglima Raja Kecil di darat itu kerana tiada sempat turun lagi. Maka hujan pun lebat, sabur-menyaburlah. Maka beramuk di darat, adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemburas dan lembing dan berbaju rantai. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi pantai. Maka apabila perahu-perahu Bugis melihat Minangkabau lari ke tepi pantai itu, maka didekatkannya segala perahu-perahunya, lalulah naik ke darat. Maka dibunuhnya segala Minangkabau itu, beberapa yang terkerat kepalanya, habislah mati semuanya dan Pulau Bayan pun dapat diamuk oleh Bugis-Bugis yang dari Tanjung Pinang itu. Maka opu-opu itu pun turun kepada gurabnya, lalu mengusir Raja Kecil yang lari ke Pulau Penyengat itu.

Syahadan apabila Raja Kecil itu melihat perahu-perahu Bugis menuju Pulau Penyengat, maka ia pun menarik layar lalulah berlayar dengan dayung-dayungnya menuju negeri Lingga. Maka bersoraklah Bugis-Bugis azamatlah bunyinya. Maka alahlah Raja Melayu Minangkabau berperang dengan opu raja Bugis yang bernama Kelana Jaya Putera. Maka gemparlah di dalam Riau mengatakan Minangkabau sudah habis mati dan Raja Kecil sudahlah lari ke Lingga, dan dapatlah Riau oleh raja Bugis sekali. Maka banyaklah Melayu Minangkabau tertawan oleh Bugis mana-mana yang pihak sebelah Raja Kecil, melainkan kecuali yang di dalam istana Raja Kecil yang tiada diberi opu-opu itu tawan. Syahadan adalah perangnya itu dua hari, iaitu pada Hijrat scribu seratus tiga puluh empat tahun sanat 1134.

Sebermula adapun opu-opu itu apabila selesai daripada perangnya itu, maka ia pun mudiklah berjumpa Raja Sulaiman serta Datuk Bendahara sekalian, dan Opu Dahing Parani naiklah ke rumah isterinya Tengku Tengah. Maka musyawarahlah opu-opu itu dengan Raja Sulaiman serta Datuk Bendahara pada pekerjaan yang lagi akan datang dengan Raja Kecil adanya.

Syahadan maka Opu Kelana Jaya Putera pun minta kepada Raja Sulaiman hendak pergi ke Selangor dan Langat mendapatkan Bugis-Bugis di tempat itu hendak muafakat mencari kekuatan, kerana adalah Bugis-Bugis itu memang banyak berdagang diam di situ sekali, sebab mehampiri negeri Melaka senang berniaga pulang-pergi dan banyaklah yang kaya-kaya Bugis di situ. Adapun segala Bugis-Bugis di situ apabila datanglah opu-opu itu bukannya dengan merisau-risau akan dia, tetapi adalah datangnya itu cukup dengan hulubalang menterinya serta punggawanya dan indera gurunya dan juak-juak, askar tenteranya. Maka meharap-harap mereka itu akan opu-opu itu mendapat nama dan pangkat di tanah barat dengan berkekalan turun-temurun.

Syahadan sebab kerana pandangan inilah menjadi segala Bugis-Bugis yang di Selangor dan Langat itu, bersegera apa maksud opu-opu itu ditolongnya mana-mana kadarnya, baik daripada belanja-belanja atau senjata-senjata atau orang-orang. Syahadan kerana inilah opu-opu itu hendak ke Selangor dahulu mencari tambah kuasa daripada pekerjaan, kerana pada ijtihadnya perang dengan Raja Kecil itu berpanjangan akhirnya.

Syahadan kata yang empunya cetera, apabila Raja Sulaiman mendengar musyawarah opu-opu itu maka benarlah kepada hatinya. Maka ia pun hendak pula ke Pahang mencari-cari belanja dan kelengkapan pada Bendahara

Pekuk yang di Pahang itu. Maka apabila sudah putuslah musyawarah itu, maka lalulah keduanya keluar dari negeri Riau dan opu-opu pun berlayarlah ke Selangor dan Raja Sulaiman pun berlayarlah ke Pahang, tinggallah di dalam Riau orang tua-tua saja. Syahadan setengah Bugis-Bugis disuruh opu-opu itu mengusir Raja Kecil yang lari ke Lingga, jadi tiga pasukanlah angkatan yang keluar dari negeri Riau berlayar masing-masing dengan hadapannya.

Sebermula adapun opu-opu itu apabila sampai ke Selangor, lalu ia membuat gurub tiga puluh buah banyaknya akan jadi perahu perang, serta dicukupkannya dengan alat senjatanya dan ubat pelurunya. Adapun Raja Sulaiman apabila sampai ia ke Pahang, maka ia pun dapat belanja-belanja serta kelengkapan dibantu oleh Bendahara Pahang.

Adapun Bugis yang mengusir-usir Raja Kecil ke Lingga itu, maka bertemulah ia dengan Raja Kecil lalulah berperang. Maka alah Raja Kecil, lalu lari selat-menyelat sebelah Lingga. Maka tiadalah terikut oleh Bugis kerana ia belum tahu akan selat-menyelat itu sebelah Lingga. Kemudian maka musyawarahlah sama-sama Bugis-Bugis itu, lalulah pergi mendapatkan opu-opu itu di Selangor memaklumkan hal ehwal Raja Kecil tiada terikut olehnya, sebab kerana ia tiada tahu akan selat-selat itu.

Sebermula adapun Raja Kecil itu lepaslah ia ke Riau. Maka pada waktu hendak lalu ke Riau itu maka berjumpa ia dengan tiga buah perahu Bugis pedewakan perdagangan. Adapun Raja Kecil beberapa kelengkapan perang, maka lalulah berperang tiga buah pedewakan itu. Maka alahlah Bugis yang tiga buah itu, lalu dirampasnya oleh Raja Kecil segala harta bendanya. Syahadan tersebut di dalam siarah sebelah Siak, ada selaksa modalnya tiga buah perahu itu konon. Kemudian Raja Kecil pun masuklah ke dalam negeri Riau, serta memperbaiki hati orang Riau itu sebab diharapkannya juga lagi sebelah dia. Kemudian ia pun mengukuhkan negeri Riau dengan membuat kubu-kubu pada tempat yang patut serta mengatur penjajab perang pada tempat yang ditakutkan musuh menyerbu, demikianlah halnya sehari-hari. Adapun suku-suku sebelah Bendahara serta orang Riau duduklah di dalam kesusahan yang serba salah sehari-hari.

7. BUGIS DI SELANGOR

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Opu Kelana Jaya Putera dan saudaranya di dalam negeri Selangor. Maka bersiaplah ia akan kelengkapan perang, ada kira-kira tiga puluh buah gurab yang tahan menanggung meriam serta dicukupkannya dengan ubat pelurunya, serta bersedia beberapa kodi senapan dan pemburas apa lagi terakul. Maka siaplah ia sekadarkan menantikan muafakat dan timu-timunya, serta saudaranya dan hulubalang menterinya sahaja yang dinantinya adanya.

Sebermula kata sahibul hikayat adalah di Kuala Linggi itu orang Bugis-Bugis Selangor memulai memasang belat mengambil ikan. Maka datanglah suruhan Penghulu Linggi itu minta hasil. Maka jawab Bugis itu, 'Sehari-hari pada tempat ini tiada diambil hasil, kerana pekerjaanku ini bukannya di dalam Linggi, ikan di laut mana-mana rezekiku masuklah ia, dan mana-mana tidak lepaslah ia.'

Maka baliklah suruhan itu mekhabarkan kepada Penghulu Linggi itu. Maka marahlah penghulu itu seraya katanya, 'Bugis itu bongkak benar,' lalu disuruhnya beberapa orang juak-juaknya pergi mengeraskan Bugis itu, hendak disuruhnya tangkap. Maka Bugis pun melawan, lalu bertikam berluka-lukaan. Maka undur suruhan itu minta bantu kepada penghulunya. Syahadan adapun Bugis-Bugis itu apabila suruhan itu telah balik, maka ia pun balik ke Selangor. Adapun orang-orang suruhan Penghulu Linggi telah ramai kawannya, maka hilirlah ia ke kuala. Maka dilihatnya Bugis sudah tiada, maka yang ada lagi belatnya sahaja. Maka diambilnya belat itu, dibawanya kepada penghulunya. Maka disuruh penghulu itu cencang-cencang belat itu. Kemudian disuruhnya hantarkan ke Selangor kepada Kelana Jaya Putera serta saudaranya.

Maka apabila sampai suruhan Penghulu Linggi itu serta belat yang sudah cencang-cencang kepada opu-opu itu, maka marahlah opu-opu itu ke-

rana bongkak Penghulu Linggi itu. Syahadan adapun Penghulu Linggi itu apabila balik suruhan itu, maka ia pun berkerahlah anak buahnya membuat kubu, kerana Linggi pada masa itu di bawah perintah Raja Kecil jua.

Sebermula adapun Kelana Jaya Putera serta opu-opu saudaranya serta menteri-menterinya berangkatlah ke Linggi dengan kelengkapannya itu. Apabila sampai ke Linggi lalulah masuk ke dalam Sungai Linggi sambil disuruhnya amuk kubu-kubu itu, dengan sebentar itu juga kubu-kubu itu didapatnya. Setelah penghulu itu melihat hal yang demikian itu, maka lalu ia berkata kepada segala anak buahnya, 'Ini pekerjaan bukannya lawan kita, baiklah kita minta aman dahulu kepada raja Bugis itu, kita memberitahu raja kita dahulu, iaitu Raja Kecil. Jikalau kita lawan begini hari baik masa kita menang, jikalau kita kalah bukankah jadi ketanggungan kepada kita semuanya.' Syahadan setelah anak buahnya mendengar kata penghulu itu, maka membenarkanlah sekaliannya. Maka lalu ia menyuruh minta aman kepada opu-opu itu menantikan hendak memberitahu Raja Kecil ke Riau. Setelah opu-opu itu mendengar permintaan penghulu itu maka ia pun tertawa titahnya, 'Pergilah panggil lekas-lekas tuanmu Raja Kecil itu.'

Syahadan menyuruhlah Penghulu Linggi itu membawa surat kepada Raja Kecil memohonkan ampun dan perbantuan. 'Jikalau tidak segera datang bantuan bertuankan Bugislah patik semua ini.' Syahadan apabila Raja Kecil mendengar surat Penghulu Linggi itu, maka ia pun segera menyiapkan alat kelengkapannya akan pergi melanggar Linggi itu. Maka apabila sampai ke Linggi lalulah berperang dengan Opu Kelana Jaya Putera. Adalah pekerjaan perangnya itu Raja Kecil menyuruhkan orangnya sediakan sampan memang-memang takut dipintas oleh Bugis dari peminggangnya, akan tetapi perahu Raja Kecil semuanya berpendarat mehadapkan haluannya kepada perahu Bugis, dan perahu-perahu Bugis dan sampannya tiada bertambat tatkala sampan-sampan Raja Kecil dilawan Bugis dengan sampannya. Kemudian sampan Bugis pun undur perlahan-lahan diikuti oleh Minangkabau disangkanya Bugis tewas. Apabila sampan-sampan Bugis dekat perahu besarnya, maka ia pun berselindung di belakang perahu besarnya. Maka perahu besar yang melawan sampan itu sebab ia tiada berpendarat lalu dibedilnya dengan meriam dan lela, serta peluru penaburnya. Syahadan apabila perahu besar Raja Kecil melihat sampan-sampannya berlawan dengan perahu besar Bugis itu, lalu dibedilnya dengan meriam. Maka kenal kawannya sendiri, sebab ia tengah-tengah habislah binasa sampan-

sampan Raja Kecil itu, serta beberapa banyak mati panglima-panglimanya dan orang-orang. Maka tewaslah Raja Kecil perang hari ini.

Syahadan bermula adalah pada sekali perangnya Kelana Jaya Putera mengaturkan perangnya berbahagi dua, yang dua puluh gurab itu berperang sambil undur ke kuala rupa-rupa tewas dikerjakanlah oleh Bugis-Bugis itu waktu hampir malam. Yang sepuluh buah dibahagi dua, enam buah melanggar dan mengamuk kubu Linggi, dan yang empat buah itu menanti hari malam. Adapun opu-opu itu setengah di dalam gurab yang dua puluh buah itu, setengah tinggal menantikan Raja Kecil mengikut ke kuala. Adapun opu-opu itu setengah di dalam gurab yang dua puluh buah itu, setengah tinggal menantikan Raja Kecil mengikut ke kuala. Adapun Raja Kecil berperang dengan gurab yang dua puluh itu berperang sambil undur hingga hari malam. Maka apabila malam, maka gurab itu pun selalu berlayar keluar kuala lalu ke Riau dan perahu Bugis yang tinggal-tinggal itu pun, mengamuklah kubu Linggi, lalulah dapat kerana Raja Kecil sudah turun ke perahunya.

Apabila malam hari, gurab yang sepuluh buah itu pun hilir ke kuala hendak melanggar Raja Kecil dari belakang. Adapun Raja Kecil apabila ia mendengar bedil, maka segeralah hendak mudik, belum sempat memalingkan perahunya sudah bedil oleh gurab yang sepuluh buah itu. Maka tiadalah sempat berpaling lagi dibedil Bugis itu daripada belakang. Maka banyaklah rosak kelengkapan Raja Kecil, maka mengapitlah ia kepada kubunya. Maka kubu itupun membedil pula, sebab kubu Linggi itu sudah didapat oleh Bugis. Maka Raja Kecil pun terkejut, lalu disangkanya Penghulu Lingi sudah belot sebelah Bugis. Maka ia pun berdayung ke kuala sambil dibedil Bugis dari belakang, dengan sorak tempiknya seraya katanya, 'Tuan kami opu sudah ke Riau mengambil Riau.'

Setelah Raja Kecil mendengar Bugis sudah ke Riau itu, maka ia pun keluarlah dari Linggi berlayar ke laut. Maka apabila sampai ke laut maka mu-syawarahlah ia dengan datuk-datuknya demikian katanya, 'Baik mengikut ke Riau akan opu-opu itu, atau baik ke Siak menambah-nambah kuasa lagi?' Maka menjawablah menterinya, 'Jikalau Tuanku ke Riau opu-opu itu tentu tiba dahulu masuk ke dalam Riau, apabila Tuanku melanggar dia jika ia sesak, tentu diamuknya anak isteri Tuanku. Apa gunanya lagi, meskipun kita menang sekalipun anak isteri kita sudah habis? Seperkara lagi tentu opu-opu itu sudah muafakat dengan paduka adinda Raja Sulaiman, mangkin

bertambahlah kuatnya dan banyak kelengkapannya. Dan angkatan yang kita lawan selangkan satu pasukan angkatan Bugis sahaja, beberapa kali kita yang terpesa, apa lagi sudah dua pasuknya itu?’

Syahadan kata sahibul hikayat setelah Raja Kecil mendengar ikhtiar sembah datuk-datuk itu maka benarlah pada hatinya, maka lalu ia berlayar ke Siak. Maka apabila sampai ke Bukit Batu maka bandar Bukit Batu pun lari-lah ke Ketapung Kanan sebab ia takut akan Raja Kecil membalas perbuatannya, tatkala ia menjadi nakhoda berlayar ke Melaka, iaitu dihukumkannya dua puluh rial. Syahadan adapun Raja Kecil masuklah ke dalam Siak, lalu ia membuat negeri dan membuat kubu di Buantan serta mengatur penjabab, takutkan kalau opu-opu itu datang melanggar. Syahadan kata setengah kaul Raja Kecil menyuruh beberapa kelengkapan menyobok ke Riau.

Maka pada ketika itu opu-opu itu sudah mengaturkan juak-juak empat puluh orang, iaitu orang baik, diberinya sebuah sampan seorang disuruhnya berjaga sepanjang laut itu malam-malam, disuruhnya hidupkan api tiap-tiap sampan itu ada dengan gendang serunainya dari Lobam sampai ke Terkulai, dari Terkulai sampai ke Penyengat. Maka apabila suruhan Raja Kecil itu melihat hal yang demikian itu, maka ia pun baliklah ke Siak menyembahkan kepada Raja Kecil di dalam Riau terlalu banyak penjabab sampai berkeliaran sepanjang laut itu ada kira-kira empat puluh buah. Apabila Raja Kecil mendengar khabar yang demikian itu, diamlah ia.

Syahadan kata kaul orang tua-tua, adalah Bugis empat puluh juak-juak opu-opu itu, iaitu bangsa dahing semuanya daripada anak orang baik-baik di Bugis konon. Syahadan kebanyakan segala orang-orang berbangsa peranakan Riau dan Selangor daripada bangsa Bugis yang empat puluh itulah. Syahadan adapun opu-opu itu apabila tiba ke Riau maka berjumpalah ia dengan Raja Sulaiman di laut Riau serta beberapa kelengkapan, maka lalu-lah ia masuk ke Riau bersama-sama. Maka dapatlah Riau itu yang kedua kalinya kepada tangan raja Bugis.

Sebermula apabila telah dilihat Penghulu Linggi kelengkapan Raja Kecil telah lari ke Siak, maka ia pun tunduklah kepada Bugis, maka dapatlah Linggi itu kepada tangan opu-opu itu. Maka lalu bersetia dan berjanji Penghulu Linggi dengan raja Bugis tiada hendak menderhaka kepada raja Bugis dan tiada khianat selama-lamanya kepada opu-opu itu hingga hari yang di belakng, demikianlah cetera orang tua-tua.

Syahadan pada perang inilah konon diperbuat orang-orang Riau pantun:

Utik-utik ikan bambangan
Minyak ketiau di hujung galah,
Raja Kecil silakan pulang
Linggi diserang Riau yang alah.

Syahadan kata setengah pantun:

Terketai-ketai anak sembilang
Budak merayau dengan galah,
Raja Kecil silakan pulang
Linggi diserang Riau yang alah.

8. PERTABALAN SULTAN SULAIMAN

SEBERMULA adapun baginda-baginda sekalian, iaitu Raja Sulaiman dan opu-opu, apabila ia sudah berjumpa-jumpa itu ia pun masuk ke dalam Riau bermuafakat dan musyawarah. Adapun maksud opu-opu itu hendak melantik Raja Sulaiman hendak dijadikan Raja Johor dengan segala takluk daerahnya. Maka muafakatliah ia dengan Datuk Bendahara serta Temenggung dan Indera Bungsu sekalian. Maka tersangkut suatu aral, iaitu kerajaan Johor seperti segala semberab dan pedang kerajaan dan lainnya seperti Lela Majnun dan keris panjang dan lainnya, maka semuanya itu ada kepada tangan Raja Kecil tatkala ia sudah bernobat di dalam Riau dahulu itu.

Maka musyawarahlah opu-opu itu akan pergi mengambil alat kerajaan Johor itu ke negeri Siak, di tangan Raja Kecil. Setelah selesai muafakatnya itu, maka Kelana Jaya Putera serta saudaranya pun berangkatlah dengan beberapa kelengkapan pergi ke Siak. Maka apabila sampai ke Siak, lalu mudik ke Buntan. Maka apabila sampai ke Buntan itu lalu opu-opu itu menyuruh kepada Raja Kecil minta kebesaran itu. Maka tiadalah Raja Kecil mau memulangkan. Maka marahlah Kelana Jaya Putera, maka lalu disuruhnya langgar negeri Siak itu. Maka berperang besarlah Minangkabau dengan Bugis.

Adapun Bugis berniaga di dalam Siak itu masuklah ia menyebelah Kelana Jaya Putera, mungkin ramailah perangnya sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa lamanya perang itu, maka Buntan pun alahlah. Maka Raja Kecil lari ke hulu dengan orang-orangnya. Maka diikuti oleh Bugis hingga kepada suatu tempat yang bernama Sinapalan. Maka naiklah Raja Kecil ke darat dan Bugis pun naik pula. Maka berperanglah pula di situ beramuk-amukan. Maka terkepunglah Raja Kecil hampir-hampir tewas. Maka tatkala itu minta amanlah ia serta memulangkan segala semberab kerajaan Raja Sulaiman itu.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila sudah dipulangkan oleh Raja Kecil akan segala semberab kerajaan Johor itu, maka Kelana Jaya Putera dengan segala saudaranya itu pun berangkatlah balik ke Riau. Apabila sampai ke Riau, disambutlah oleh Raja Sulaiman dengan Bendahara dan Temenggung dan orang besar-besarnya akan opu-opu itu, dengan beberapa kemuliaan, dan peti kerajaan itu pun diarak orang-oranglah dibawa naik ke balairung seri, lalu disimpan di dalam istana Raja Sulaiman.

Maka tiada berapa lamanya, maka Kelana Jaya Putera serta segala saudaranya serta segala menteri hulubalangnya berkehendaklah menggantikan Raja Sulaiman itu akan kerajaan paduka ayahanda baginda Sultan Abdul Jalil, yang mangkat di Kuala Pahang itu. Maka dilantiknya Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Maka berhimpunlah segala Bugis dan Melayu pada masa opu-opu melantik Raja Sulaiman itu, betapa adat raja besar berlantik. Ada yang berteriak mentauliahkan kerajaan itu, iaitu Kelana Jaya Putera, padahal ialah berteriak sambil berdiri serta menghunus halamangnya katanya, 'Barang tahu kiranya segala anak Bugis dan Melayu, maka adalah hari ini Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menjadi Raja Yang Dipertuan Besar memerintahkan negeri Johor dan Riau dan Pahang dengan segala takluk daerahnya!' Maka menjawablah segala khayalak daripada orang besar-besar dan kecil-kecil katanya, 'Daulat, bertambah daulat.' Kemudian baharulah disuruh bentara memanggil segala raja-raja dan orang besar-besar menjunjung duli seperti adat istiadat raja-raja dan orang besar-besar menjunjung duli pada hari bertabal adanya. Setelah selesailah maka baharulah berjamu sekalian orang yang di dalam negeri Riau.

Maka apabila selesai opu-opu itu daripada melantik Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah itu, maka muafakatlaha pula Sultan Sulaiman dengan Datuk Bendahara itu, akan membalas jasa opu-opu raja Bugis itu. Maka minta Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah akan opu-opu itu, 'Janganlah balik ke Bugis dahulu mintanyalah salah seorang daripada opu-opu yang lima beradik itu menjadi yang dipertuan muda memerintahkan kerajaan Riau dan Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya.'

Maka menjawablah Opu Dahing Parani, 'Seperti saya semua adik beradik sama saja siapa-siapa saja yang patut kepada hati baginda Sultan Sulaiman saya terimalah, akan tetapi yang saya seorang, tiada saya mau menjadi raja kerana saya ini yang tua sekali, tiada lain hanyalah mencari ketetapan

saudara saya yang berempat ini.' Maka menjawab pula Opu Dahing Menambun, 'Saya ini tiada sanggup menjadi yang dipertuan muda di tanah barat ini, kerana saya sudah berjanji dengan Sultan Matan akan memelihara negeri Mempawah, tiadalah saya mau mengecilkan hati mertua saya itu.' Maka menjawablah Dahing Cellak, 'Saya ini selagi ada abang saya ini, iaitu Kelana Jaya Putera, tiada saya mau menjadi yang dipertuan muda.' Maka menjawab Opu Dahing Kemasi, 'Adapun saya ini tiada berhajat menjadi yang dipertuan muda di tanah barat kerana jauh amat dengan Bugis, bersalahan jikalau seperti di Matan dan Sambas itu mana-mana kemua-fakatan abang-abang sayalah.' Menjawab pula Kelana Jaya Putera, 'Adapun saya jikalau bercerai dengan saudara-saudara saya, tiada saya mau menjadi yang dipertuan muda di tanah barat ini.' Demikianlah kata sekalian opu-opu itu.

Syhadan kata sahibul hikayat apabila Sultan Sulaiman mendengar perkataan segala opu-opu itu, maka diamlah ia sejurus dan segala orang besar-besar pun diamlah semuanya senyap sepi, tiada berkata-kata dan berpandang-pandangan sama sendirinya serta susah memikirkannya seolah-olah tiada berjalanlah maksud Sultan Sulaiman itu.

Syhadan berkata pula Dahing Menampuk dengan bahasa Bugis, 'Jangananlah kiranya paduka anakda sekalian hampakan maksud Sultan Sulaiman itu, tiadalah sedap dihampakan, kerana yang kita pun mengangkat serta membesar akan dia, adapun titahnya atas paduka anakda sekalian pastilah berlaku.' Maka berkata pula Opu Dahing Parani, 'Seperti maksud paduka adinda itu tiada mau bercerai dengan kekanda dan adinda sekalian, maka iaitu pekerjaan mudah juga. Apabila paduka adinda memegang pekerjaan di tanah barat ini, tiadalah kekanda semua tinggalkan sebelum lagi ketetapan dan keteguhan jabatan paduka adinda, istimewa pula masa ini kita di dalam pergaduhan sehari-hari. Di manakah dapat kekanda sekalian dapat bercerai dengan adinda?' Maka bertitah pula Sultan Sulaiman, 'Adapun seperti adinda ini jikalau ditinggalkan sewaktu ini, adinda pun tiada sanggup menjadi raja. Adapun kekanda sekalian sebagaimana kedudukan kekanda dan adinda semua di Bugis, begitu jugalah kedudukan di sini.' Maka Dahing Menampuk pun berkata, 'Anakda Opu Dahing Menambun dan Opu Dahing Kemasi ini, kemudian kelak apabila selesai daripada pekerjaan kita, bolehlah balik ke Matan dan ke Sambas, kerana ketetapan di sana ada dan seperti Opu Dahing Cellak janganlah bercerai-cerai dengan anakda Kelana Jaya

Putera.' Maka bertitah pula Sultan Sulaiman, 'Adapun seperti anakda Opu Dahing Cellak ini, adalah niat anakda hendak sudahkan saudara anakda hendak dijadikan dengan saudara anakda yang bernama Tengku Mandak.'

Syahadan kata sahibul hikayat apabila sudahlah selesai bermusyawarah Sultan Sulaiman dengan Kelana Jaya Putera serta opu-opu sekalian, maka putuslah Kelana Jaya Putera menjadi Yang Dipertuan Muda dan Opu Dahing Cellak pun telah tentulah didudukkan dengan Tengku Mandak. Syahadan apabila sudah bersatulah faham segala raja-raja itu, maka Sultan Sulaiman pun memulai pekerjaan melantik Yang Dipertuan Muda serta menikahkan Opu Dahing Cellak.

Syahadan apabila sampai waktu yang baik maka Sultan Sulaiman pun melantiklah Opu Kelana Jaya Putera menjadi Yang Dipertuan Muda, memerintahkan kerajaan Johor dan Pahang dan Riau dengan segala takluk daerahnya, atas perintahan yang mutlak. Maka kelakuan melantik itu betapa adat istiadat melantik Yang Dipertuan Muda iaitu dipakaikan pakaian kerajaan, diarak berkeliling negeri.

Kemudian baharulah dibawa naik ke atas balai. Maka mengaruklah Yang Dipertuan Muda di hadapan. Yang Dipertuan Besar, demikian bunyi aruk itu jika dimelayukan daripada bahasa Bugis, 'Yakinlah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, akulah Yang Dipertuan Muda yang memerintahkan keraja-anmu. Barang yang tiada suka engkau membujur di hadapanmu aku lintangkan, dan barang yang tiada suka melintang di hadapanmu aku bujurkan. Barang yang semak di hadapanmu, aku cucikan,' demikianlah bunyi aruk itu. Maka apabila selesai daripada mengaruk itu, maka baharulah orang-orang ramai mengaruk kepada Yang Dipertuan. Kemudian baharulah naik ke istana santap nasi hadap-hadapan. Setelah selesai daripada itu maka habislah pekerjaan Yang Dipertuan Muda itu.

Kemudian baharulah menikahkan Opu Dahing Cellak itu dengan saudara Sultan Sulaiman yang bernama Tengku Mandak betapa adat istiadat raja besar-besar bernikah kahwin, daripada pekerjaan berletak hinainya dan beraraknya dan bersanding-sandingnya dan mandi-mandinya. Kemudian baharulah berdamai ia laki isteri berkasih-kasih adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat Opu Dahing Cellak inilah Raja Bugis yang baik parasnya dengan sikapnya dan pahlawan rupanya. Syahadan apabila selesai nikah Tengku Mandak itu, maka Dahing Menampuk pula dinikahkan oleh Sultan Sulaiman dengan bonda saudaranya yang bernama Tun Tipah.

Adapun Dahing Massuro dinikahkan dengan Tun Kecil sepupu baginda Sultan Sulaiman. Adapun Dahing Mangngatuk dinikahkan dengan Tun Inah sepupu baginda Sultan Sulaiman itu juga, iaitu putera Marhum Muda yang mangkat di Kayu Anak.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera pergilah ia ke Perapat Seratus dengan suruh Sultan Sulaiman mengambil Tun Encik Ayu janda Marhum Mangkat Dijulang yang belum setiduran dengan dia, kerana Tun Encik Ayu lagi kecil dibuatnya isteri, jadi tiadalah sempat diperisterinya. Syahadan apabila sampailah Yang Dipertuan Muda itu ke Perapat Seratus lalulah dibuatnya isteri Encik Ayu itu, maka dibawanya balik ke Riau jadalah ia isteri Yang Dipertuan Muda yang khas.

Kemudian tiada berapa antaranya maka Dahing Menampuk pun digelar oleh Yang Dipertuan Muda serta baginda Sultan Sulaiman Raja Tua, yakni tua-tua yang memerintahkan di bawah perintah Yang Dipertuan Muda dan janganlah salah-salah faham bukannya sultan tua, atau Yang Dipertuan Tua, kerana adalah yang bernama sultan itu, Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda, kerana Yang Dipertuan Muda itu bergelar Sultan Alaud-din Syah bin Opu, seperti tersebut di dalam mohor capnya itu. Syahadan pada menjadikan Raja Bugis Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera, inilah permulaan sumpah setia Bugis dengan Melayu. Maka tetaplah Sultan Sulaiman menjadi Yang Dipertuan Besar dan Kelana Jaya Putera menjadi Yang Dipertuan Muda, demikianlah halnya. Maka duduklah ia membaikkan negeri serta meramaikan dan mengukuhkan akan dia adanya.

9. PERANG KEDAH YANG PERTAMA

SYAHADAN kata sahibul hikayat kemudian tiada berapa antaranya maka Opu Dahing Parani pun bermohonlah kepada Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda hendak pergi ke Selangor. Maka dibenarkan oleh paduka adinda kedua itu. Maka Opu Dahing Parani pun berlayarlah ke Selangor bertiga saudara, iaitu Opu Dahing Menambun dan Opu Dahing Kemasi, sebuah seorang perahunya. Maka apabila sampai ke Selangor maka Opu Dahing Parani pun beristerikan putera Yang Dipertuan Selangor. Maka dapat ia anak seorang perempuan.

Di dalam hal itu maka datanglah surat daripada Raja Kedah kepada Opu Dahing Parani hendak minta bantu, kerana ia diambil oleh saudaranya yang muda kerajaannya, patutnya ialah yang jadi raja kerana ia yang tua. Syahadan dibalas Opu Dahing Parani surat Raja Kedah itu mengatakan ia bertangguh hendak balik ke Riau, bermusyawarah dahulu dengan saudaranya serta Sultan Sulaiman. Kemudian maka Opu Dahing Parani pun berangkatlah ke Riau tiga saudara itu. Maka apabila tiba ke Riau maka diper-maklumkanlah kepada Sultan Sulaiman serta paduka adindanya kedua, iaitu Yang Dipertuan Muda dan Opu Dahing Cellak. Maka sama-sama su-kalah serta berbetulan muafakat sekaliannya.

Maka Yang Dipertuan Muda serta opu-opu itu pun bermohonlah kepada Sultan Sulaiman lalulah ia berlayarlah ke Kedah. Maka apabila sampai ke Kedah berjumpalah ia dengan Raja Kedah yang tuanya itu. Maka lalu berjanji Raja Kedah dengan opu-opu itu apabila hasil maksudnya maka ia memberi hadiah kepada opu-opu itu lima belas bahara ringgit. Maka jawab opu-opu itu, 'Mana-mana suka Raja Kedah, kerana saya semua ini ke mari tiada lain hanyalah menolong Raja Jedah jua adanya.'

Syahadan maka opu-opu itu pun mengumpulkan segala Bugis-Bugis yang sedia ada memang di dalam Kedah lalu diperiksanya, 'Sebelah mana

dirimu semua ini jika aku berperang dengan Raja Kedah yang muda itu kelak?' Maka jawab mereka itu, 'Adapun yang patik semua ini tiada tuan patik semua yang lain, melainkan tuankulah adik-beradik.' Maka jawab opu-opu itu, 'Baiklah nanti aku hendak melantik Raja Kedah yang tua dahulu menjadi Yang Dipertuan Kedah.' Syahadan apabila keesokan harinya maka opu-opu itu pun melantiklah Raja Kedah yang tuanya jadi Yang Dipertuan Kedah.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Raja Kedah yang muda itu mendengar saudaranya itu dilantik oleh Yang Dipertuan Muda Riau serta opu raja-raja Bugis, maka ia pun sangatlah marahnya. Maka lalu ia mengumpulkan hulubalang menterinya serta beberapa rakyat tenteranya. Maka sudah kumpul, baharulah ia pergi melanggar kota Raja Kedah yang tua itu. Maka berperang besarlah dengan Yang Dipertuan Muda Riau serta segala saudaranya. Maka sangatlah ramainya sebelah-menyebelah, dengan gegak-gempitanya daripada bunyi meriam dan senapang dan bunyi bahana sorak tempiknya, maka bermati-matianlah antara kedua pihak itu. Syahadan ada kira-kira sebulan lamanya ia berperang itu, maka pecahlah perang pihak Raja Kedah yang muda itu kerana banyak panglimanya mati. Maka lalu undur ia membawa dirinya kepada tempat yang jauh. Syahadan orang-orang Bugis serta orang-orang Riau masuklah ke perdalaman Raja Kedah yang muda itu, merampaslah ia.

Syahadan apabila sudah selesai daripada perangnya itu, maka Yang Dipertuan Muda serta opu-opu itu pun berjumpalah dengan Yang Dipertuan Kedah, hendak minta balik kerana pekerjaan sudah selamat. Maka dibayarlal oleh Yang Dipertuan Kedah itu tiga bahara ringgit, yang selaginya itu ia bertanggung. Maka apabila selesai maka Yang Dipertuan Muda serta saudara-saudaranya pun berlayarlal ke Riau. Maka apabila tiba di Riau menghadaplah sekalian opu-opu itu akan baginda Sultan Sulaiman menceterakan pekerjaan menang perang Kedah itu. Kata setengah kaul beristeri pula Opu Dahing Parani akan saudara Yang Dipertuan Kedah, mendapat anak seorang perempuan.

Syahadan maka tiada berapa lama maka Opu Dahing Menambun serta Opu Dahing Kemasi bermohonlah kepada saudaranya Yang Dipertuan Muda serta Sultan Sulaiman hendak balik ke Matan. Maka diizinkanlah oleh Yang Dipertuan Muda serta Sultan Sulaiman, maka berlayarlal Opu Dahing Menambun serta Opu Dahing Kemasi balik ke Matan adanya, ke-

rana Raja Sambas yang bernama Sultan Adil berkirim surat kepada Yang Dipertuan Muda serta saudaranya menyilakan ke Sambas. Adalah maksudnya itu hendak didudukkannya dengan saudaranya salah seorang daripada opu yang lima beradik. Syahadan adapun opu-opu yang lima beradik itu masing-masing sudah ada ketetapanannya halnya, hanyalah Opu Dahing Kemasi sahaja yang belum tentu ketetapanannya. Maka sebab itulah Opu Dahing Menambun dibawanya juga, demikianlah kisahnya.

Syahadan tiada berapa lamanya tibalah ia di negeri Sambas, lalu masuk ke kuala Sambas. Maka turunlah segala orang besar-besar menyambut disuruh oleh Raja Sambas itu. Maka berjumpalah Opu Dahing Menambun berdua saudara dengan Sultan Adil itu, serta dipermuliakannya betapa adat raja-raja berdatang-datangan. Syahadan tiada berapa antaranya maka Sultan Adil pun menikahkan Opu Dahing Kemasi dengan saudaranya yang bernama Raden Tengah, betapa adat istiadat raja yang besar-besar nikah kahwin demikianlah halnya. Kemudian maka Sultan Adil pun menggelar Opu Dahing Kemasi itu Pangeran Mangkubumi, memerintahkan kerajaan Sambas di bawah sultan itu demikianlah halnya.

Syahadan adapun Dahing Menambun apabila sudah selesai paduka adinda nikah kahwin dan bergelar itu, maka ia pun bermohonlah kepada Raja Sambas hendak balik ke Matan. Setelah itu maka lalulah ia berlayar ke Matan. Apabila sampai ia ke Matan maka Sultan Muhammad Zainul Din pun menyuruh menyambut menantunya itu. Maka apabila Opu Dahing Menambun berjumpa dengan menantunya maka digelarinya Opu Dahing Menambun itu Pangeran Emas Seri Negara, isterinya digelarnya Ratu Agung Sinuhun, iaitu Puteri Kesumba. Kemudian jadilah Pangeran Emas Seri Negara itu raja memerintahkan negeri Mempawah. Maka tetaplh Opu Dahing Menambun jadi raja di dalam negeri Mempawah adanya.

10. PERANG KEDAH YANG KEDUA

ALKISAH tersebutlah perkataan Raja Kedah yang mudanya yang perang dengan saudara tuanya itu yang dibantu oleh Yang Dipertuan Muda Riau itu. Maka tiadalah senang hatinya, maka didapatnya pula kuasa berkehendaklah ia pada memerangi akan saudaranya itu. Maka ia pun menyuruh ke Siak minta perbantuan kepada Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun datanglah ke Kedah hendak membantu Raja Kedah yang muda itu. Maka di dalam hal itu Raja Kecil pun diberi oleh Raja Kedah yang muda itu isteri, iaitu saudaranya. Maka nikahlah Raja Kecil itu. Syahadan adapun Yang Dipertuan Kedah yang tua itu, apabila ia melihat hal itu, maka menyuruhlah ia ke Riau minta bantu pula kepada Yang Dipertuan Muda Riau serta segala opu-opu itu. Maka Yang Dipertuan Muda Riau pun pergilah serta saudaranya ke Kedah.

Syahadan kata sahibul hikayat sepeninggalan Yang Dipertuan Muda berangkat ke Kedah itu maka Sultan Sulaiman pun bersalah-salahan faham dengan anak-anak Bugis di dalam Riau itu, maka baginda itu pun berlayarlah ke Kampar. Maka berhentilah ia di Kampar.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda serta saudaranya berbicaralah ia hendak membaikkan Raja Kedah yang dua beradik itu. Maka mengajaklah ia akan Raja Kecil muafakat. Maka tiada dihiraukan oleh Raja Kecil, masih hendak juga mencari jalan pergaduhan. Maka di dalam hal itu marahlah Yang Dipertuan Muda, maka lalulah berperang besar Raja Kecil dengan Yang Dipertuan serta saudaranya bersama-sama membuat kubu sebelah-menyebelah.

Maka berperanglah antara kedua pihak itu berambil-ambilan kubu, sebentar kubu orang Siak diambil oleh Bugis sebab dimasuki oleh Opu Dahing Parani serta dengan juaknya, lalulah diamuknya. Maka Raja Kecil pun terjunlah dari dalam kubunya kepada parit air yang pada tepi kubunya itu bersama-sama dengan panglimanya dan Panglima Dalam di bawah,

baginda itu di atas, lalulah berenang ke seberang mendapatkan kubunya yang di seberang itu. Maka apabila sampai ia ke seberang maka muafakat dengan seorang hulubalangnyanya yang bernama Panglima Yahya anak Mengkasar. Maka ketika malam Panglima Yahya pun menyobuklah masuk ke dalam kubu Bugis itu lalu diamuknya. Maka terkejutlah segala Bugis-Bugis yang di dalam kubu itu terpikau-pikau. Maka lalulah beramuk, bermati-matian, maka dapatlah kubu Raja Kecil itu semula.

Syahadan tiada berapa antaranya maka kelengkapan Yang Dipertuan Muda serta opu-opu itu pun mudiklah hendak melanggar kubu Raja Kecil sebelah hulunya. Maka apabila sampai ke kota hulunya itu maka lalulah berperang sangat ramainya, serta gegak-gempitanya berbedil-bedilan dengan meriam dan rentaka serta sorak tempiknya. Maka dengan takdir *Allah taala* serta dengan sudah sampai janjinya, maka Opu Dahing Parani pun kenal peluru meriam tentang dadanya. Maka ia pun mangkatlah di atas beranda gurabnya dengan nama laki-laki, kerana waktu ia berperang besar itu ia bersiar-siar di atas beranda gurabnya kerana memerintahkan segala orang-orang berperang itu.

Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda serta Opu Dahing Cellak melihat paduka kekandanya sudah hilang itu, maka Yang Dipertuan Muda serta opu-opu pun naiklah semuanya ke darat mengamuk kubu-kubu Raja Kecil dan kubu Raja Kedah yang muda itu, dan rumah Raja Kecil itu. Maka lalulah beramuk-amukan, sebelah menyebelah. Maka seketika lagi tewaslah Raja Kecil itu, kerana banyak panglimanya itu mati. Maka lalulah ia undur dan kampung itu pun banyaklah rosak binasa. Maka Raja Kecil pun larilah lalu ia balik ke Siak.

Adapun Yang Dipertuan Muda serta Raja Tua maka apabila sudah Raja Kecil itu alah, dimakamkannyalah mayat Opu Dahing Parani itu betapa adat istiadat raja-raja mangkat. Maka apabila selesai daripada pekerjaan perang itu, maka Yang Dipertuan Muda pun minta dirilah kepada Yang Dipertuan Kedah balik ke Riau. Maka berlayarlah ia balik ke Riau. Syahadan maka di dalam pelayaran itu maka dapatlah khabar Yang Dipertuan Muda akan Sultan Sulaiman ada di Kampar, maka Yang Dipertuan Muda pun singgahlah di Kampar lalu membawa Sultan Sulaiman bersama-sama balik ke Riau.

Maka apabila sampailah baginda bertiga saudara itu ke Riau, maka tetaplah ia di dalam Riau bicara meramaikan negeri Riau dengan perdagangan

serta mengukuhkan negeri dengan berbuat kubu-kubu serta menyediakan beberapa kelengkapan penjabang perang, serta disediakan dengan orang-orangnya dan ubat pelurunya, demikianlah halnya. Syahadan adalah jatuh perang Kedah yang kemudian ini pada Hijrat sanat 1136 adanya.

Sebermula kata sahibul hikayat adalah kira-kira renggangnya setahun daripada perang Kedah itu, maka Raja Kecil pun datang pula melanggar Riau, iaitu pada Hijrat sanat 1137, pada sembilan likur haribulan Syaaban. Maka berperanglah orang Riau dengan orang Siak tiap-tiap hari, sebentar berperang sebentar berhenti. Terkadang Raja Kecil pergi mendapatkan isterinya Tengku Kamariah, terjumpa dengan Opu Dahing Cellak itu, makan minum sama-sama. Apabila balik ke kubunya berperang semula, demikianlah halnya hingga sampai kepada dua puluh haribulan Zulhijjah. Maka kesusahannya segala isi negeri, maka muafakatliah segala orang tua-tua dan orang besar-besar memohonkan Yang Dipertuan Muda serta Raja Kecil itu supaya berdamai. Maka berdamailah kedua pihak, maka berhentilah perang.

Maka Raja Kecil pun baliklah ke Siak. Maka duduklah di dalam Siak menyiapkan kelengkapan perangnya dengan beberapa buah penjabang, demikianlah halnya tiap-tiap hari diaturnyalah segala penjabangnya itu di dalam Siak dengan sedia ubat pelurunya.

Syahadan pada Hijrat sanat 1138, masa itulah turun Sultan Khalifah Allah Muhammad Syah ke Kampar, lalu menyuratkan sumpah setia antara Raja Pagar Ruyung dengan Raja Johor dan anak Minangkabau yang di Pasisiran Laut. Adapun bunyi setia itu, 'Barang siapa anak Minangkabau yang di dalam pertawanan Johor hendaklah mengikut perintahan Johor. Barang siapa tiada mengikut, dimakan sumpah besi kawi tiada selamat sampai kepada anak cucunya.' Syahadan adalah surat itu diperbuat tiga pucuk, pertama kepada Sultan Sulaiman dan kedua kepada Yang Dipertuan Muda dan ketiga kepada Raja Tua.

Syahadan adapun Raja Kecil apabila sudah anak Minangkabau itu ber-setia dengan Yang Dipertuan Muda, maka ia pun datanglah ke Riau dengan tiada angkatan perang masuk ke dalam Riau menghadap Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda, memohonkan isterinya Tengku Kamariah itu hendak dibawa ke Siak, serta berkhobar tiada berniat salah lagi kepada Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda serta memulangkan rakyat Johor. Maka diterimalah oleh Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda. Maka diajak oleh Sultan Sulaiman bersumpah di dalam masjid. Maka bersumpahlah

ia. Adapun sumpahnya demikian bunyinya: apabila ia berniat salah lagi membuat perkelahian dengan Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda, melainkan ia tiada mendapat selamat seumur hidupnya sampai kepada anak cucunya binasa hilang daulat kerajaan, seperti tembatu dibelah, serta dimakan besi kawi. Syahadan apabila sudah bersumpah setia itu, maka Raja Kecil pun bermohonlah balik ke Siak, membawa isterinya.

Apabila tiba ke Siak, tiada berapa antaranya pada Hijrat sanat 1139, maka mungkirilah pula ia akan sumpahnya itu, kerana pada sangkanya alah juga Riau itu olehnya. Maka bersiaplah ia dengan beberapa kelengkapan. Setelah siap maka pergilah ia ke Riau. Maka diserbunya ke dalam Riau lalu ia berkubu di Pulau Bayan, segala kelengkapannya pun masuk ke dalam Riau menghadapkan haluannya ke hulu. Maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruhhilirkan penjabnya yang sudah sedia di dalam sungai itu disuruh berperang dengan Raja Kecil dan beberapa pula sampan-sampan Bugis dititahkan oleh Yang Dipertuan Muda itu keluar dari terusan memintas dari sebelah kuala Riau, mengamuk daripada pihak belakang kelengkapan Raja Kecil itu.

Syahadan maka berperanglah antara kedua pihak itu. Ada kira-kira dua hari maka Raja Kecil pun alahlah kerana banyak orang-orangnya binasa, sebab dipintas oleh Bugis dengan sampannya malam-malam diamuk oleh Bugis itu dari sebelah belakang itu. Maka tiada berketentuan lagi pada malam itu, ianya lari lalu balik ke Siak. Maka pada masa inilah beras mahal di dalam Riau berharga enam cupak seemas, sebab negeri selalu gaduh.

Syahadan kata sahibul hikayat lepas daripada perang inilah, Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda menyuruh Raja Tua ke Trengganu merajakan Tun Zainul Abidin, bergelar Sultan Zainul Abidin Raja Trengganu. Maka apabila selesai Raja Tua pun baliklah ke Riau dengan selamatnya.

11. BUGIS DI MEMPAWAH

ALKISAH maka tersebut perkataan Opu Dahing Biasa, iaitu saudara Opu Tendriburang Dahing Rilaga yang bungsunya sekali. Adalah ia sudah menjadi mayur di Betawi memerintah segala Bugis di Betawi, sebab ia membantu kompeni Belanda melanggar Sunan Kuning kedua, sebab membantu kompeni Belanda berperang tatkala Betawi dilanggar Kapitan Panjang. Maka apabila sampai masa Jenderal Imhuf menjadi jenderal, maka ia pun mendapat nama baik. Adalah anaknya namanya Opu Dahing Kelola itu, beristeri tiga orang. Seorang anak raja Mengkasar, beranak seorang perempuan, bernama Dahing Muda. Kedua gundiknya peranakan Cina, beranak seorang perempuan bernama Dahing Nyonya, ialah akhirnya jadi ibu Pangeran Marta. Ketiga bininya Muradiyya anak orang baik-baik Mandar. Maka dapat anak tiga orang, pertama Dahing Mampak, kedua Dahing Caccu, ketiga perempuan bernama Dahing Lela, iaitulah kelak ibu Pangeran Perabu Anum, dan ibu juga oleh Pangeran Panembahan Adi Nata Kerama Umar Kamarul Din, semuanya itu raja-raja ini peranakan Bugis di dalam negeri Mempawah.

Sebermula pada satu hari berkhabarlah Opu Mayur Dahing Biasa itu kepada anaknya Opu Dahing Kelola katanya, 'Baiklah anaku lihat-lihat saudaramu anak-anak abangku Opu Tendriburang Dahing Rilaga apa khabarnya, kerana aku dengar-dengar saudara-saudaramu itu sudah mendapat ketetapan kelima-limanya khabarnya. Ada yang jadi Yang Dipertuan Muda Riau dan ada menjadi Panembahan Mempawah dan ada yang menjadi Pangeran Mangkubumi di Sambas dan ada yang menjadi ipar Raja Johor dan Riau. Cubalah anaku lihat-lihat khabar-khabar orang yang datang dari barat. Saudara-saudaramu itu gaduh dengan berperang sahaja dengan Raja-raja Melayu yang di sebelah Siak konon sebab ia mendirikan iparnya Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Sungguhkah seperti khabar-

khobar orang itu, atau tidakkah? Dan barang siapa saudara-saudaramu itu ada menaruh anak laki-laki yang patut pada anakmu itu, ambil bawa ke mari kerana anakmu sudah besar.' Syahadan setelah Opu Dahing Kelola itu mendengar titah ayahandanya itu, maka ia pun menjawab, 'Anakda ini menurut apa-apa jua yang diperintahkan.'

Syahadan setelah habislah ia muafakat berdua beranak, maka Opu Dahing Kelola pun berlayarlah maksudnya hendak ke Riau dahulu. Kemudian dipukul angin barat laut dan barat tepat, maka luluhlah jatuh ke Mempawah. Apabila tiba ke Mempawah selalulah ia menghadap paduka kekanda Pangeran Emas Seri Negara, iaitu Opu Dahing Menambun. Maka opu itu pun terlalu sukanya sebab kedatangan saudaranya itu. Maka diajaknya diam di istananya serta diperjamunya makan minum bersuka-sukaan betapa adat orang bersaudara. Syahadan ada kira-kira sebulan ia duduk di dalam negeri Mempawah dan segala dagangannya pun telah habis laku, maka ia pun bermohonlah kepada saudaranya Pangeran Emas Seri Negara akan berlayar ke Betawi, serta dipintanya pula anak saudaranya yang bernama Gusti Jameril itu hendak dibawanya ke Betawi hendak didudukkannya dengan anaknya yang bernama Dahing Muda. Maka diberilah oleh Pangeran Emas Seri Negara segala permintaannya. Maka berlayarlah ia balik ke Betawi.

Apabila sampai ke Betawi maka Opu Mayur pun terlalu suka. Maka dibawanya Gusti Jameril itu berjumpa Jeneral Imhuf serta dikhabarkannya inilah anak Raja Mempawah yang hendak diperbuat oleh anaknya Opu Dahing Kelola menantu. Maka Jeneral Imhuf pun sukaiah mendengarnya.

Kemudian tiada berapa lamanya maka Opu Dahing Biasa pun memulai bekerja hendak menikahkan cucu saudaranya itu. Maka Jeneral Imhuf pun menolonglah akan Opu Dahing Biasa itu dengan beberapa pertolongan daripada wang dan harta-harta yang sepatutnya. Maka apabila sampai waktu yang baik, maka dinikahkannya dengan diarak dengan beberapa kereta dan kuda dan segala orang-orang besar Belanda dan Melayu dan Cina, semuanya itu datang belaka pada hari berarak itu. Maka apabila melalui Kota Intan maka dipasangkan meriam, maka keluarlah serdadu kompeni bersama-sama mengarak itu hingga sampai ke Kampung Baru.

Syahadan apabila sampai ke Kampung Baru itu, maka disambut oranglah pengantin itu dibawa naik dipersanding-sandingkan betapa adat anak raja besar-besar. Kemudian baharulah dibawa ke pelamin. Adapun baginda Mayur pun menjamulah segala orang besar-besar itu. Apabila selesai maka

baliklah sekalian orang-orang jemputan itu habis pekerjaan bersatu. Syahadan apabila lepas tiga hari dimandi-mandikan oranglah kedua pengantin itu betapa adat raja-raja mandi-mandi, kemudian habislah pekerjaan itu adanya.

Syahadan apabila selesailah Gusti Jameril daripada berdamai serta berkasih-kasihannya laki isteri, maka adalah kira-kira lima bulan ia di Betawi maka bermohonlah ia kepada paduka nenda baginda Mayur hendak balik ke Mempawah. Adapun isterinya biarlah tinggal dahulu, nanti sudah sedia rumah tangganya di Mempawah baharulah ia datang mengambilnya. Maka dibenarkan oleh Mayur. Maka berlayarlah ia dari Betawi dihantar oleh saudaranya bernama Dahing Lolo, dengan sebuah pencalang serta dagangan Betawi yang halus kasarnya. Apabila sampai ke Mempawah maka lalu ia menghadap paduka ayahanda bondanya. Adapun Pangeran Emas Seri Negara laki isteri apabila anakda itu datang, maka sangatlah sukanya. Kemudian tiada berapa lamanya maka bermohonlah Gusti Jameril itu kepada paduka ayahandanya hendak mudik ke hulu membawa dagangan yang dari Betawi itu. Maka titah Pangeran Emas Seri Negara, 'Pergilah anakku boleh berjumpa sekali dengan pangkat datuk moyang sebelah ibumu itu, iaitu Pangeran Dipati di Pinang Sekayuk, kerana adalah Pangeran Dipati itu anak saudara sepupu kepada Panembahan Sanggau. Adapun Emas Indera Wati itulah ibu Puteri Kesumba, ibu Gusti Jameril.'

Syahadan mudiklah Gusti Jameril itu ke hulu Mempawah lalu ke Pangkalan Salih. Maka turunlah segala kepala-kepala Dayak serta anak-anak buahnya membeli dagangan itu. Maka lakulah separuh dagangan itu, akan tetapi ada yang tersangkut dihutang-hutang oleh Dayak itu. Maka penyuruhan Pangeran Dipati itu pun datanglah menyambut Gusti Jameril itu ilir, kerana Pangeran Dipati pun sangatlah hendak berjumpa. Maka ilirah Gusti Jameril itu maka berjumpalah ia dengan Pangeran Dipati. Maka Pangeran Dipati pun sangatlah sukanya, sebab kerana baharu-baharu berjumpa dengan pangkat cucu sebelah bondanya itu. Maka dipegangnyalah Gusti Jameril itu beradu dua malam di dalam istananya serta diperjamunya makan minum bersama-samanya dan ditanyanya, 'Cucuku telah mengaji saraf dan nahu?' Maka jawab Gusti Jameril, 'Sudah.' Maka lalulah disuruhnya membaca Quran serta maknakan barang yang dibacanya itu. Maka dibaca oleh Gusti Jameril itu. Setelah Pangeran Dipati melihat hal Gusti Jameril itu maka ia pun terlalu sukanya.

Syahadan adalah Pangeran Dipati itu ada mempunyai anak tiga orang, pertama laki-laki bernama Raden Jaga dan dua orang perempuan bernama Emas Seri Sangka dan Emas Candi. Maka berkatalah Pangeran Dipati itu kepada Gusti Jameril, 'Adapun cucuku ini aku hendak buat menantu. Cucuku pilihlah anakku yang dua orang itu mana-mana suka cucuku.' Maka jawab Gusti Jameril, 'Adapun seperti kehendak nenda itu belumlah patik boleh menentukannya bermohonlah patik menghadap paduka anakda Pangeran Emas Seri Negara dahulu. Apabila dibenarkannya jadilah dan jikalau tidak dibenarkannya tiadalah jadi. Harapkan ampun kerana lebih-lebih maklumlah patik ini tiada mempunyai daya dan upaya.' Maka jawab Pangeran Dipati, 'Baiklah.' Kemudian maka Gusti Jameril pun bermohonlah hendak mudik ke Pangkalan Salih melihat perahu dagangannya kerana perahu besarnya itu diwakilkannya kepada Encik Abdul Wahab anak Tuan Imam Sebukit, kedua Encik Subuh, ketiga Panglima Maluk. Syahadan dan maka kata Pangeran Dipati, 'Baiklah nenda pun sama-sama mudik bermain-main kita makan buah-buahan kerana ini musim buah-buahan.'

Maka lalulah mudik Gusti Jameril bersama-sama Pangeran Dipati membawa anaknya dua orang perempuan itu. Maka apabila sampai ke Balai Lama namanya lalulah naik semuanya makan buah-buahan daripada durian, dan manggis, dan cempedak, dan rambutan dan lain-lainnya daripada buah-buahan. Setelah selesai daripada makan buah-buahan itu lalu kembali ke Pinang Sekayuk.

Apabila sampai lalu hendak dinikahkannya oleh Gusti Jameril itu dengan anaknya bernama Emas Seri Sangka. Maka Gusti Jameril pun bermohon jugalah hendak hilir ke Sebukit, hendak maklumlah kepada paduka ayahandanya. Maka jawab Pangeran Dipati, 'Baiklah jika sekadar hendak memberitahu paduka ayahanda itu sahaja dahulu hilirlah bersampan saja, akan tetapi lekas-lekaslah mudik dan perahu yang besarnya biarlah tinggal di Pangkalan Salih berjual beli dahulu.'

Maka Gusti Jameril pun hilirlah ke Sebukit lalu dipersembahkannya kepada ayahandanya akan maksud Pangeran Dipati itu. Maka titah ayahandanya, 'Anakku hendak diambil oleh Pangeran Dipati jadi menantu itu sebaik-baiknya, akan tetapi cuba fikirkan bukannya anakku sudah berbini akan saudaramu di Betawi dan anakku pun sudah hendak membawa adikmu itu ke mari? Dan bapak mudamu pun sudah rela anaknya dibawa ke mari. Tiba-tiba didengarnya anakku sudah berbini, barangkali tiada mau ia

datang ke mari. Maka binimu bukankah putus harapku hendak berhimpun dengan sanak saudaraku dan putuslah pula harap ayahku Mayur akan ia hendak pertaruhkan anak cucunya kepada aku? Cubalah engkau fikir baik-baik.' Maka jawab Gusti Jameril, 'Yang patik ini tiada sekali-kali berani melalui apa-apa titah paduka ayahanda itu.'

Setelah baginda mendengar sembah anakda itu, maka baginda pun menyuruhkan Demang Rilaga mudik mengambil perahu yang tiga buah itu di Pangkalan Salih serta satu surat kepada Pangeran Dipati. Maka ber-kayuhlah ia mudik. Maka apabila sampai maka lalu ia menghadap Pangeran Dipati mempersembahkan surat itu. Maka lalu dibaca Pangeran Dipati demikian bunyinya:

Amma baadahu, kemudian daripada itu. Maka adalah anakda maklumkan kepada paduka ayahanda, anakda menyuruhkan pacal tua Demang Rilaga mengambil perahu yang di Pangkalan Salih itu dengan segeranya, sebab anakda hendak segera menyuruhkan cunda itu si Jameril segera balik ke Betawi, memulangkan segala wang-wang saudagar-saudagar tokoh yang di Betawi kerana perjanjiannya sudah lampau, sebelum datang tunggu saudagar-saudagar itu. Maka apabila datang tunggu-tunggu orang kelak baharu pergi apabila nama cunda itu Jameril? Jadi akhir-akhirnya orang tidak percaya dan paduka kekanda Mayur pun malulah. Maka apabila paduka kekanda Mayur mendapat aib, maka aib juga paduka ayahanda, kerana baru sekali menyambut modal orang. Syahadan adapun daripada fasal paduka ayahanda hendak memperbuat hamba paduka cunda Jameril itu, semolek-moleknya, akan tetapi hak orang selesaikan dahulu. Nanti apabila ia balik kelak, mana-mana saja sabda paduka ayahanda, dan jikalau begini hari tentu dikata orang sudah mengambil modal orang banyak-banyak. Kemudian diperbinikin pula dan ibu bapa, datuk nenek di Betawi ditanggungkan hutang. Bukankah satu pekerjaan yang tiada baik? Itulah anakda maklumkan. Syahadan haraplah anakda akan paduka ayahanda menyegerakan terbit hutang-hutang Dayak itu supaya tiada jadi bersangkutan, demikianlah adanya.

Syahadan apabila Pangeran Dipati mendengar surat daripada Pangeran Emas Seri Negara itu terdiam ia sejurus maka lalu diunjukkannya surat itu kepada anakdanya Raden Jaga katanya, 'Suruhkanlah Demang Rilaga itu mudik menunggu Dayak itu.' Maka jawab Raden Jaga, 'Susah jikalau begitu.' Lalu katanya kepada Demang Rilaga, 'Pergilah mudik menunggu.' Maka Demang Rilaga pun mudiklah serta sampai ke Pangkalan Salih lalu diunjukkan surat-surat hutang itu kepada kepala-kepala Dayak Salih itu. Maka Dayak pun bertangguh tiga bulan, maka Demang Rilaga pun berkata, 'Tiada kita mau selama-lama ini, apa diperbuat tiada mencarinkan wang orang?'

Syahadan tatkala kepala-kepala Dayak mendengar perkataan Demang Rilaga itu, maka ada seorang kepala Dayak itu namanya itu Pak Senti maka ia pun pergilah mendapatkan Raden Jaga membuat fitnah mengatakan Demang Rilaga membuat keras di Pangkalan Salih, hendak merampas barang-barang orang yang berhutang itu. Setelah Raden Jaga mendengar khabarkhabar Dayak itu maka tiadalah diperiksanya lagi. Maka pada ketika malam hari dikumpulkannya segala orang-orang Islam serta Dayak beratus-ratus lalulah dilanggarnya perahu yang tiga buah itu dari Sebukit. Maka Demang Rilaga pun terkejut maka berebut-rebutlah ia mengisi meriam pemburasnya mana-mana yang sempat. Maka lalulah berperang dikepunglah oleh orang Pinang Sekayuk perahu yang tiga buah itu. Maka turunlah Demang Rilaga ke sampan serta melawan dengan pemburasnya sambil undur.

Syahadan adapun Demang Rilaga yang berkayuh ke hilir itu apabila sampai bertentangan dengan Pinang Sekayuk itu lalu ia berteriak katanya, 'Nanti di belakangnya kami semua menerima baiknya, awak semua menerima jahatnya!' Maka ia pun berkayuhlah hilir. Maka apabila tiba ke Sebukit dipersembahkanlah hal ehwal itu. Maka apabila Pangeran Emas mendengar khabar itu, maka ia pun terlalu sangat marahnya, lalu disuruhnya siapkan alat peperangan serta kelengkapan, mudik melanggar Pangeran Dipati di Pinang Sekayuk serta menyuruh memberitahu kepada paduka adinda baginda Pangeran Mangkubumi di Sambas.

Syahadan adapun Raden Jaga, apabila telah lepas Demang Rilaga itu hilir, maka ia pun menyuruh membuat kubu sepanjang-sepanjang sungai itu akan menahan angkatan dari Sebukit. Syahadan adapun Pangeran Emas Seri Negara apabila ia hendak berangkat itu maka paduka adinda baginda Pangeran Mangkubumi dari Sambas pun datanglah. Kemudian menyuruh akan Indera Guru La Maluk itu membawa surat ke Riau kepada paduka adinda baginda Yang Dipertuan Muda Riau. Maka berlayarlah indera guru itu ke Riau. Maka sepeninggalan Indera Guru La Maluk itu ke Riau maka Pangeran Emas Seri Negara pun mudiklah ke Pinang Sekayuk beserta Pangeran Mangkubumi serta Gusti Jameril dan Gusti Jamadin dan Gusti Panglima serta Indera Guru To Jepak dan segala panglima-panglima di Sebukit, dan serta orang-orang Betawi Dahing Lolo. Jumlah perahu kecil besar yang pergi ada lima puluh buah. Lalulah mudik sambil berperang sepanjang jalan itu dengan kubu Raden Jaga di kiri kanan membedil. Maka apabila dinaikkan oleh Bugis-Bugis kubu-kubu itu banyaklah dapat, sebab

Dayak tiada yang tahu berperang akan senapang apa lagi meriam.

Maka di dalam hal itu hingga sampailah ke Kuala Melansam lalulah Pangeran Emas Seri Negara menyuruh Bugis-Bugis itu berbuat kubu, dan Pangeran Dipati pun berbuat kubu seberang bertentangan dengan kubu Melansam itu. Maka di dalam itu banyak juga Dayak-Dayak Kuala Melansam itu menyebelah kepada Pangeran Emas Seri Negara, kerana ia tahu akan Emas Indera Wati itu anak oleh Panembahan Sanggau, bonda Puteri Kesumba, isteri Pangeran Emas Seri Negara itu adanya.

12. PEPERANGAN DI MEMPAWAH

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Yang Dipertuan Muda Riau Opu Kelana Jaya Putera serta paduka adinda Opu Dahing Cellak serta baginda Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Maka baginda-baginda itu apabila sudahlah balik Raja Kecil ke Siak maka baginda serta Yang Dipertuan Muda muafakatlah pada membetulkan negeri dan segala teluk rantau Johor yang telah dipulangkan oleh Raja Kecil, tatkala ia bersumpah di dalam masjid dahulu itu. Maka musyawarahlah baginda-baginda itu akan memeriksa segala jajahan itu. Maka bersiaplah Yang Dipertuan Muda dengan beberapa kelengkapan yang akan dibawa berangkat itu.

Syahadan di dalam tengah bersiap-siap itu, maka Indera Guru La Maluk pun tiba lalu mempersembahkan surat yang dibawanya. Maka dibacalah oleh Yang Dipertuan Muda serta Opu Dahing Cellak, maffhumlah keduanya. Maka musyawarahlah keduanya itu maka Opu Dahing Cellaklah yang akan pergi ke Mempawah akan membantu paduka kekanda Opu Dahing Menambun itu. Adapun Yang Dipertuan Muda hendak berangkat ke sebelah teluk rantau sebelah Pulau Perca apabila Yang Dipertuan Muda balik baharulah Opu Dahing Cellak pergi.

Syahadan apabila selesailah musyawarahnya itu maka Yang Dipertuan Muda pun berlayarlah ke Tapukan memeriksa segala jajahan itu, serta mengaturkan tempat-tempat itu. Maka dengan takdir *Allah taala* Yang Dipertuan Muda pun geringlah sangat, maka lalulah dibawa oleh orang besar-besarnya segera ke Riau berlayar dengan dayungnya. Maka apabila sampai ke Pulau Pitung, maka Yang Dipertuan Muda pun mangkatlah, kembali ke rahmat *Allah taala*. Maka apabila tiba ke Riau gemparlah di dalam Riau mengatakan Yang Dipertuan Muda sudah mangkat. Maka Sultan Sulaiman dan Opu Dahing Cellak pun berangkat menyambut jenazah Yang Dipertuan Muda itu dengan dukacitanya. Maka lalulah dikuburkannya betapa

adat raja-raja besar mangkat, iaitu dimakamkan di Sungai Baru. Maka berkabunglah orang-orang Riau sekaliannya.

Syahadan apabila sudah selesai daripada pekerjaan kematian itu maka baginda Sultan Sulaiman pun melantik Opu Dahing Cellak menjadi Yang Dipertuan Muda Riau dan Johor dan Pahang, dengan segala takluk daerahnya sekalian, bergelar Sultan Alauddin Syah. Syahadan apabila selesailah serta tetap Opu Dahing Cellak menjadi Yang Dipertuan Muda, maka bermohonlah ia kepada Sultan Sulaiman hendak pergi ke Mempawah. Maka dibenarkan oleh Sultan Sulaiman serta disuruhnya bawa penjabab dua puluh buah. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Tak usahlah membawa kelengkapan banyak-banyak, kerana negeri kita sunyi patik khawatir barangkali datang pergaduhan di dalam negeri ini. Seperkara lagi, yang patik ini pergi membantu saja sampai ke sana saudara-saudara patik yang di sana sudah cukup, sebab dua buah negeri sudah diperintahnya, iaitu Mempawah dengan Sambas.' Maka pada ketika saat yang baik maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Mempawah, dengan tujuh buah penjabab, delapan buah dengan perahu Indera Guru La Maluk. Maka tiada berapa hari Yang Dipertuan Muda pun sampailah ke sebelah tanah Pulau Kalimantan adanya.

Alkisah tersebutlah perkataan Raja Landak, bermula adalah Raja Landak itu namanya Ratu Bagus. Maka apabila ia mendengar Raja Pinang Sekayuk berperang dengan Raja Sebukit di dalam Mempawah, maka ia pun bergegalah pergi dengan Raden Othman berjalan darat serta dibawanya segala orang Islam Landak, dengan Dayak Cugi mengiring dia. Maka sampailah ia ke Pinang Sekayuk, lalu berjumpa dengan Pangeran Dipati Pinang Sekayuk. Maka berkhabarlah ia kepada Pangeran Dipati kedatangan ia berdua ini kerana hendak mendamaikan Pangeran Dipati dengan Pengeran Emas Seri Negara itu kerana apalah faedah berkelahi berbantah, kerana sudah seperti anak buah sanak saudara. Maka jawab Pangeran Dipati, 'Yang saya tiada apa-apa mana-mana sahaja yang baik kepada Ratu Bagus, kerana pekerjaan saya ini sekali-sekali bukan perbuatan saya, tetapi adalah pekerjaan ini perbuatan anak saya, dengan tiada usul periksanya dan tiada sabar. Beberapa kali sudah saya larang tiada juga diendahnya sampai masanya inilah jadinya, tidak pada dengan dia seorang isi negeri dan orang ramai yang menanggung susahnya.'

Setelah Ratu Bagus mendengar khabar Pangeran Dipati itu maka jawab-

nya, 'Jika begitu, biarlah saya pergi kepada Pangeran Emas Seri Negara itu.' Maka pergilah Ratu Bagus mendapatkan Pangeran Emas Seri Negara. Apabila berjumpa maka bertanyalah ia, 'Apalah mulanya jadi berbantah dengan sanak saudara dan anak buah ini?' Maka diceritakan oleh Pangeran Emas Seri Negara itu daripada awalnya hingga akhirnya. Maka Ratu Bagus pun berkhobar pula, 'Adapun anakda datang berdua dengan Raden Othman ini jika boleh dipohonkan jangan berkelahi biar berdamai kerana bukan orang lain.' Maka jawab Pangeran Emas Seri Negara, 'Kehendak anakda itu sebenar-benarnya, akan tetapi ayahanda sudah terlalu memberi surat ke Riau kepada Yang Dipertuan Muda Riau memanggil ia ke mari, kerana perang inilah. Fikiran ayahanda apa-apa pun hendak berbuat biarlah nanti dia datang dahulu.'

Syahadan di dalam hal itu suruhan dari Sebukit pun datang mengatakan Yang Dipertuan Riau sudah datang dengan tujuh buah penjabab. Setelah Pangeran Emas Seri Negara mendengar khabar suruhan itu, maka ia pun berkata kepada Ratu Bagus, 'Ayahanda hendak ilirlah sebentar dan apa-apa keputusannya adalah saya memberitahu.' Maka jawab Ratu Bagus, 'Jikalau begitu anakda mengiringlah juga kerana hendak berkenal-kenalan dengan Yang Dipertuan Riau.' Maka jawab Pangeran Emas Seri Negara, 'Baiklah.' Maka keduanya pun ilirlah diwakilnya perang itu kepada Pangeran Mangkubumi. Maka keduanya pun berkayuhlah menyambut Yang Dipertuan Riau di Sebukit serta tiba lalulah naik ke perahu Yang Dipertuan Riau serta berjumpa keduanya, lalu bertangis-tangisan. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertanya, 'Ini raja mana?' Maka jawab Pangeran Emas, 'Inilah Raja Landak.' Maka Ratu Bagus pun segeralah datang mencium lutut Yang Dipertuan Muda. Maka disambut Yang Dipertuan Muda dengan hormatnya. Maka berkhobarlah ia akan Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera mangkat dan Opu Dahing Parani mangkat juga berperang di Kedah. Setelah Pangeran Emas mendengar khabar itu menangislah yang amat sangat seperti hancurlah hatinya, kerana kehilangan kedua saudaranya itu, akan tetapi apa boleh buat, dengan takdir *Allah taala*. Maka Ratu Bagus pun menurut juga menangis kerana kasihan melihat kedua raja itu.

Syahadan apabila selesailah daripada bertangis-tangisan itu, maka Pangeran Emas Seri Negara pun membawa Yang Dipertuan Muda naik ke darat, masuk ke dalam kota berjamu-jamu makan minum. Di dalam hal itu bertatalah Pangeran Emas kepada Yang Dipertuan Muda akan kehendak Ratu

Bagus hendak mendamaikan dia itu. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Dari pihak berdamai adinda mohonlah dahulu, sebab kita telah berperang didahuluinya. Jikalau belum berperang sekalipun apabila adinda datang ini, patut juga dibunyikan meriam walau sepuccuk sekalipun, supaya jangan takabbur amat ia atas kekanda, seperti kekanda tiada menaruh saudara yang jauh diperbuatnya.' Setelah Pangeran Emas mendengar cakap adinda baginda itu maka katanya, 'Benarlah seperti kata adikku itu.' Maka Ratu Bagus pun membenarkan juga. Setelah itu balikkah masing-masing ke rumahnya. Adapun Yang Dipertuan Muda dibawa oleh Pangeran Emas berjumpa isterinya Ratu Agung Sinuhun. Setelah itu Yang Dipertuan Muda pun turun ke perahunya.

Syahadan adapun Ratu Bagus setelah ia sampai ke tempatnya, iaitu di rumah Tuan Imam Sebukit, maka ia pun menyuruh Tuan Imam itu memaklumkan kepada Pangeran Emas Seri Negara hendak minta perhamba kepada baginda, iaitu memohonkan putera baginda yang tuanya yang bernama Utin Dewaman. Apabila hasil maksudnya relalah ia menjadi hamba ke bawah duli baginda Pangeran Emas Seri Negara. Maka Tuan Imam pun menghadaplah Pangeran Emas memaklumkan hal itu.

Kemudian maka Pangeran Emas Seri Negara pun berkhabarlah akan maksud Ratu Bagus itu, diserahkannya kepada Yang Dipertuan Muda mana-mana saja yang baiknya. Maka Yang Dipertuan Muda pun naiklah ke istana mendapatkan Ratu Agung Sinuhun mekhabarkan maksud Ratu Bagus itu. Maka Ratu Agung Sinuhun pun berkata, 'Mana-mana sajalah baik kepada adinda kekanda menurutlah.' Setelah Yang Dipertuan Muda mendengar perkataan Ratu Agung Sinuhun itu maka ia pun berkata pula, 'Baik kita terima juga, kerana sudah patut dengan kupunya, lagipun ia menyerahkan dirinya kepada kita seperti benang putih.' Maka Yang Dipertuan Muda menyuruh Tuan Imam balik mekhabarkan maksud Ratu Bagus itu telah diterima. Maka Ratu Bagus pun terlalulah sukanya.

Syahadan apabila telah putuslah bicaranya itu, pada ketika saat yang baik maka nikahlah Ratu Bagus itu dengan Utin Dewaman betapa adat istiadat raja-raja nikah kahwin. Syahadan setelah selesai pekerjaan kahwin itu maka Ratu Bagus pun digelar oleh Yang Dipertuan Muda Panglima Perang, dan Yang Dipertuan Muda menjadi Panglima Besar pada perang ini.

Syahadan mudiklah segala raja-raja itu pergi melanggar Pinang Sekayuk. Maka apabila tiba ke Kuala Melansam, maka berjumpalah Yang Dipertuan

Riau dengan adinda baginda Pangeran Mangkubumi. Maka berpeluk berciumlah bertangis-tangisan dua saudara itu sebab terkenangkan saudaranya yang dua orang itu, iaitu Opu Dahing Parani dengan Opu Kelana Jaya Putera sudah mangkat itu. Maka datanglah anak-anak Pangeran Emas Seri Negara itu menyembah lututnya paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda Riau. Maka ia pun bertanya, 'Anak muda ini, anak siapa?' Maka jawab Pangeran Emas Seri Negara pun berkata, 'Semuanya anakku.' Maka Yang Dipertuan Muda pun terlalu sukanya melihat anak muda-muda itu baik belaka sikapnya serta boleh diharap di dalam peperangan. Syahadan apabila selesai daripada berjumpa-jumpaannya itu, maka segala raja-raja itu pun muafakatlal akan memulai semula perang.

Syahadan adapun Pangeran Dipati serta anaknya Raden Jaga itu apabila ia dapat khabar Yang Dipertuan Muda Riau telah datang itu dan Ratu Bagus pun telah jadi menantu Pangeran Emas, maka ia pun minta musyawarah kepada segala menteri-menterinya. Maka jawab mereka itu, 'Adapun yang patik apa titah saja, akan tetapi pada perasaan patik tentulah kita alah, kerana empat buah negeri yang kita lawan. Inilah pekerjaan paduka anakda dengan buta tuli, tiada dengan musyawarah dengan orang tua-tua, inilah jadinya.'

Setelah Pangeran Dipati mendengar sembah segala menteri-menterinya itu, ia pun terdiam sejourus sebab sesak ia memikirkannya, pulang-pulangnya disesalkan pada Pak Senti itu juga. Maka duduklah Pangeran Dipati itu mencari jalan kelepasan lari saja adanya. Maka Raden Jaga pun berkerahlah menyuruh orang-orangnya sedia menahan langgar orang-orang Sebukit itu dan Dayak pun dikumpulkannya beribu-ribu serta mengeluarkan beberapa belanja-belanja kepada Dayak itu, siang malam dengan berjaga hingga susahlah di dalam negeri Pinang Sekayuk itu. Maka mana-mana orang yang menaruh anak bini dan harta benda berkemaslah ia, kerana negeri akan rosak pada sangkanya adanya.

Sebermula adapun Pangeran Emas Seri Negara, apabila putuslah muafakatnya maka lalu ia menyuruh Indera Gurunya dan Panglimanya melanggar kubu yang bertentangan dengan dia itu. Maka dilanggarlah oleh Bugis-Bugis lalu berperang dirapati oleh Bugis kubu-kubu itu dibedilnya dengan senampang dan pemburasnya. Maka orang yang di dalam kubu-kubu itu pun larilah. Maka didatangi oleh Bugis-Bugis pada kubu Raden Jaga itu. Maka berperang sebentar serta mati orangnya dua tiga orang maka yang lain pun larilah pula.

Kemudian didatangkannya pula pada satu kubu lagi, berkancing pintunya. Maka ditumbukkan oleh Bugis. Maka pintu itu pun roboh. Maka orang-orangnya pun berterjunanlah maka larilah ia ke Pinang Sekayuk. Maka diikuti oleh Bugis-Bugis serta orang-orang Sebukit serta raja-rajanya hingga sampai ke perdalaman Pangeran Dipati itu, lalulah masuk dilihatnya sudah kosong tiada orangnya lagi tinggal, barang-barangnya saja. Maka baginda-baginda itu pun berhentilah di Pinang Sekayuk itu muafakat.

Adapun orang-orang Pinang Sekayuk yang lari-lari itu ada yang berjalan darat, ada yang bersampan dan Pangeran Dipati serta raja-raja pun mudiklah di hilir ke Kuala Sumpak Tambaong Bangsal. Kira-kira dua hari Bugis-Bugis pun datang pula melanggar ke situ, lalu berperang ramai pula dengan orang-orang Melayu, maka bertahanlah di situ. Kemudian lari pula dengan anak isterinya berjalan ke Pihar dan dari Pihar ke sirai dan dari Sirai ke Mateloa lalu ke Sengat turun ke Tayan, lalu ke Meliau membuat tempat di situ. Maka tiada diikuti oleh Bugis lagi. Maka segala orang-orang Pinang Sekayuk pun bertaburanlah, ada yang tinggal di Pinang Sekayuk dan ada yang tinggal di Tambaong. Maka alahlah Pangeran Dipati itu adanya.

Adapun Pangeran Emas Seri Negara serta segala raja-raja itu bermusyawarahlah ia hendak membetulkan segala Dayak-Dayak yang takluk ke Pinang Sekayuk yang tiada dipulangkan oleh Pangeran Dipati kepada anak Panembahan Sanggau yang bernama Emas Indera Wati, ibu Puteri Kesumba, kerana waktu Panembahan Sanggau mangkat, segala pekakas kerajaan dan lain-lainnya semuanya dipulangkan oleh Pangeran kepada Emas Indera Wati itu. Hanyalah segala pemerintahan Dayak juga yang tiada hendak dipulangkannya. Syahadan pada masa perang inilah baharu Dayak-Dayak itu pulang kepada pemerintahan Mempawah, sebab Dayak-Dayak itu baharu tahu akan Emas Indera Wati itu anak Panembahan Sanggau. Adalah banyak negeri-negeri Dayak itu tiga puluh buah negeri itulah yang dibicarakan oleh raja-raja itu. Syahadan berhimpunlah segala kepala-kepala Dayak itu menghadap Pangeran Emas Seri Negara lalu bersumpah setia yang ia tiada engkar sekali daripada perintah Mempawah.

Maka apabila sudah selesailah daripada membetulkan Dayak itu, maka segala raja-raja itu pun ilirilah ke Sebukit. Maka apabila sampai ke Sebukit duduklah bersuka-sukaan. Maka ada kira-kira tujuh hari, maka Yang Dipertuan Muda pun bermohonlah hendak balik ke Riau dan Pangeran Mang-

kubumi pun demikian juga. Maka dibenarkanlah oleh paduka kekandanya. Maka berlayarlah Yang Dipertuan Muda balik ke Riau dan Pangeran Mangkubumi pun berlayarlah juga balik ke Sambas. Maka Pangeran Emas Seri Negara pun menghantarlah laki isteri hingga sampai ke kuala. Adapun Yang Dipertuan Muda pun berlayarlah menuju negeri Riau dan Pangeran Mangkubumi pun berlayarlah menuju Sambas semula.

13. KEKACAUAN DI RIAU

SEBERMULA adapun Yang Dipertuan Muda tiada berapa lamanya maka sampailah ia ke Riau. Apabila Sultan Sulaiman mendengar khabar paduka adinda itu sudah tiba di Kuala Riau, maka disuruhnya sambut kepada segala orang besar-besarnya, Raja Indera Bungsu pun turunlah menyambut Yang Dipertuan itu. Maka naiklah ia menghadap Sultan Sulaiman sambil berkhabar-khabar menang perangnya itu. Setelah selesai daripada itu maka Yang Dipertuan pun naik ke istananya. Maka dibedak dilangir oleh isterinya betapa adat istiadat isteri raja besar-besar dengan suaminya.

Syahadan kemudian daripada itu tetaplah Yang Dipertuan Muda serta Sultan Sulaiman di dalam negeri Riau bersuka-suka dan segala puteranya pun sudah besar-besar semuanya, seperti Tengku Putih dan Tengku Hitam dan Raja Haji serta saudaranya. Syahadan adalah jatuh siarah ini pada Hijrat sanat 1141.

Kemudian pada sanat 1143 maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Selangor pergi melanggar Dahing Matekkuh. Maka Dahing Matekkuh pun alah lalu lari membawa dirinya ke Siak kepada Raja Kecil. Adapun Yang Dipertuan Muda pun kembalilah ke Riau. Syahadan pada Hijrat sanat 1144 Yang Dipertuan Muda pun beristerikan Raja Bakal. Maka waktu itulah Raja Kecil datang ke Riau membawa Dahing Matekkuh minta ampun kepada Yang Dipertuan Muda, serta memohonkan isterinya. Maka kesalahannya itu dimaafkan oleh Yang Dipertuan Muda. Adapun isterinya itu Raja Tua pula tiada memberi, kerana belum percaya lagi akan perkataannya sebab bersama-sama Raja Kecil itu. Maka ia pun balik ke Siak.

Syahadan ada kira-kira setahun lamanya maka Sultan Zainul Abidin Trengganu pun wafat, iaitu pada selekur haribulan Ramadan pada sanat 1145. Maka diganti oleh Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda de-

ngan anaknya yang bernama Raja Mansur, timang-timangannya Tun Dalam. Akhirnya jadi menantu Sultan Sulaiman.

Sebermula adalah pada Hijrat sanat 1147, pada sepuluh Zulhijjah malam Sabtu, maka mangkatlah Raja Tua Dahing Menampuk. Maka dukacitalah Yang Dipertuan Muda sebab kehilangan orang yang diharapkan jadi kakitangannya. Syahadan kemudian daripada mangkat Raja Tua itu ada kira-kira setahun, maka Sultan Sulaiman pun berangkat ke Siantan dan Yang Dipertuan Muda berangkat ke Selangor. Kemudian baliklah kedua raja itu ke Riau, lalu memeriksa laut-laut ke Ungaran dan ke Durai, iaitu sanat 1148.

Kemudian maka Yang Dipertuan Muda pun balik ke Riau, dengan takdir *Allah taala* Datuk Bendahara Tun Abbas pun gila, meracau-racau tiada tentu lagi perkataannya. Maka diubatkan oleh baginda tiada juga sembuh. Kemudian maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah memeriksa teluk rantau sebelah Johor dengan beberapa kelengkapan. Maka singgahlah ia di Tanjung Uban mengambil apilan kerana maksud Yang Dipertuan itu hendak memeriksa Johor dan Singapura. Kemudian baharu ke Ungar, Buru, Karimun dan Perbatinan Enam Suku. Adalah yang bersama-sama Yang Dipertuan itu Raja Indera Bungsu saudara baginda itu jua.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Kecil tatkala ia sudah balik dari Riau, bersama-sama Dahing Matekkuh itu, memohon isterinya Raja Tengah itu tiada diberi oleh Raja Tua itu. Maka marahlah ia serta muafakat dengan Raja Kecil melanggar Riau. Maka apabila sudah dirasanya cukup alat senjatanya serta dengan belanjanya maka ia pun bersiaplah ada kira-kira enam puluh buah penjab yang tahan menanggung meriam besar. Maka ia pun keluarlah dari Siak. Maka dapatlah khabar orang-orang Rantau maka segeralah memberitahu ke Riau. Maka Sultan Sulaiman pun terkejutlah sebab tiada patut dengan cakupnya tatkala ia berjumpa di Riau.

Syahadan baginda pun menyuruh memberitahu Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun baliklah ke Riau. Apabila tiba ke Riau diaturnyalah segala penjabnya itu dari Tanjung Pinang hingga Senggarang. Ada kira-kira tiga hari tampaklah segala kelengkapan Raja Kecil menyeberang dari Selat Tiong. Lalu ia beratur di Penyengat kerana tiada dapat ia hendak masuk sebab kelengkapan Riau telah beratur dari Tanjung Pinang sampai ke Senggarang dan perahu-perahu dagang semuanya berhimpun di

dalam Sungai Riau dan di atas Bukit Tanjung Pinang pun ramailah orang Riau hendak melihat orang berperang itu.

Syahadan ada kira-kira tujuh hari belum juga Raja Kecil melanggar kerana ia lagi musyawarah dengan menteri-menterinya kerana masa itu negeri Riau sudah kukuh serta orang pun dengan ramainya serta dengan makmur. Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Muda pun menyuruh melanggar ke Penyengat, iaitu pada tujuh haribulan Safar, pada waktu tengah hari. Maka berperanglah antara keduanya berbedil-bedilan dengan meriam dan lela rentaka, iaitu pada hari Arbaa. Maka banyaklah binasa kelengkapan Raja Kecil itu, kerana alat kelengkapan Riau banyak besar meriamnya dan pelayungnya orang rakyat dan petikamannya Bugis. Adapun Raja Kecil pelayungnya orang-orang rantau dan petikamannya Minangkabau darat. Maka banyaklah ganggunya pada pekerjaan perang di laut. Sementelahnya pula Bugis-Bugis merapati dengan sampan-sampan dengan terakul dan pemburas. Maka binasalah orang-orang serta beberapa panglimanya mati sehari itu berperang. Maka pada malamnya itu Raja Kecil pun pecahlah perangnya, bertaburan ke sana ke mari membawa dirinya, sebab hari malam. Maka Raja Kecil pun larilah berlayar sebuah diri bercerai-berai dengan segala perahu-perahunya yang banyak, masing-masing membawa haluan-nya, ada yang ke Lobam dan ke Selat Tiong. Maka pada siang harinya hilanglah segala kelengkapan Raja Kecil itu, lepaslah selalu balik ke Siak dengan kerugian dan kerosakannya adanya.

Syahadan maka Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda pun turunlah ke kenaikan masing-masing mengikut Raja Kecil itu. Apabila sampai ke Ungaran, maka Raja Kecil pun sudah lepaslah ke dalam Siak. Maka baginda Sultan Sulaiman pun berangkat ke Pahang lalu ke Trengganu, iaitu pada dua puluh haribulan Rabiul Akhir sanat 1148. Apabila sampai ke Pahang, lalu membuat dewal makam Marhum di Kuala Pahang. Kemudian baginda pun ke Trengganu. Maka tiada berapa antaranya datanglah Encik Hitam, orang Tambelan, mendapat khabar Raja Kecil akan ke Trengganu. Setelah baginda mendengar khabar itu, maka menyuruhlah ia membuat kubu di Kuala Trengganu itu. Syahadan di dalam hal itu maka Raja Indera Bungsu serta Dahing Kambuja putera Opu Dahing Parani pun datanglah dari Riau disuruh Yang Dipertuan Muda itu menyilakan Sultan Sulaiman balik ke Riau. Maka baginda pun berangkatlah balik ke Riau, iaitu pada selekur haribulan Jamadul Akhir, sanat 1149. Maka apabila tiba baginda itu

ke Riau duduklah baginda itu bersama-sama Yang Dipertuan Muda meramaikan negeri Riau serta mengukuhkan dia.

Syahadan kemudian daripada itu maka datang Haji Rembau membawa khabar mengatakan Raja Kecil kembali dari Siantan. Kemudian Panglima Bungsu pun datang dari Ungaran, membawa khabar bukannya Raja Kecil hendak melanggar Riau hanyalah anaknya saja konon. Syahadan titah Yang Dipertuan Muda, 'Apalah kita gaduhkan, biarlah dia datang yang dia laki-laki yang kita laki-laki juga, dan laki-laki dia pun sudah kita tahu.' Maka baginda dan Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah pergi bermain-main ke Pengujan pergi membayar kaul nazar di Pengujan, iaitu pada dua puluh Muharram, sanat 1150.

Kemudian datanglah Encik Asar memaklumkan hal Raja Alam datang ada di Kuala Riau, ada enam puluh dua kelengkapan. Maka baginda serta Yang Dipertuan Riau pun berangkatlah masuk ke Riau. Maka lalulah Yang Dipertuan Muda menyuruh periksa Raja Alam itu hendak baikkah atau hendak jahat? Maka tiada satu jawabnya. Maka Yang Dipertuan Muda pun sangatlah murkanya, lalu disuruhnya dua orang panglimanya titahnya, 'Pergi langgar si Alam itu, bongkak benar! Mengapa bapanya tidak datang?' Maka kedua panglima itu pun pergilah serta dengan marah rupanya itu.

Maka apabila sampai ke Tanjung Sebadam lalu berperang dengan segala kelengkapan Siak itu berbedil-bedilan dengan meriam. Seketika berperang itu turunlah ribut selatan maka perahu Panglima Bungsu dan perahu Encik Kalang terdamparlah ke darat. Maka dikerumunilah oleh orang Siak perahu itu. Maka kedua panglima itupun berlepas dirinya dengan sampan, mudik ke hulu menghadap Yang Dipertuan Muda. Adapun orang-orang Siak merampaslah perahu kedua panglima itu segala senjata-senjatanya dan pekasnya, mana-mana orang yang tertinggal itu beramuk-amuklah bermati-matian. Kemudian Raja Alam pun berdayunglah mudik hendak mengambil Batangan.

Syahadan adapun panglima kedua itu pun diberi oleh Yang Dipertuan Muda dua buah gurab yang besar serta beberapa penjajab lalulah ilir. Apabila sampai ke Sungai Payung lalu berperang dengan berbedil-bedilan dengan meriam dan lela-rentaka serta dirapati oleh Bugis dengan sampan-sampannya. Adapun anak raja-raja Bugis seperti Dahing Kambuja, dan Raja Sa'id dan Raja La Mampak Unuk adalah menjaga kubu di Kota Ranting serta dekat kelengkapan Siak. Lalu dibedilnya dengan beberapa meriam dan

lela dengan peluru tunggal. Maka banyaklah binasa orang Siak. Maka Raja Alam pun undur ke Kampung Bulang, lalu dirampasnya sebuah wangkang perdagangan serta sampan kotak dan sebuah selub orang Semarang. Maka wangkang itu diperbuatnya kota berjalan dirantainya di laut Kampung Bulang.

Syahadan Yang Dipertuan menyuruh Datuk Mata-mata menyuruh mudikkan segala perahu-perahu itu ke hulu berkumpul. Maka mudiklah segala perahu-perahu itu berlapis-lapis berpuluh buah. Kemudian maka disuruh Yang Dipertuan segala penjabnya itu berperang semula melanggar Kampung Bulang itu. Maka Raja Alam pun undurlah ke Sungai Tarum lalu ia hendak membuat kubu. Maka Yang Dipertuan Muda pun murkalah lalu ia sendiri menarik-narik jalur-jalur dan sampan-sampan penjab dari Simpang Kiri. Maka teruslah penjab ke Sungai Tarum. Maka lalu Yang Dipertuan Muda serta Punggawa Tarum melanggar kubunya dan perahu-perahunya yang ada di situ. Maka lalu beramuk-amukan, maka jadilah besar perang hari itu. Maka dengan takdir *Allah taala* menolong orang Riau pada ketika itu, seorang pun tiada mati apa lagi luka.

Syahadan tewaslah Raja Alam lalu lari ke Tanjung Sebadam. Maka dataplah kota wangkang itu serta selub Semarang itu dan beberapa meriam dan lela-lela yang dapat. Syahadan perang ini sampai malam. Kemudian apabila subuh-subuh Arbaa pada 17 haribulan Rabiul Akhir, sanat 1150, maka Yang Dipertuan Muda melanggar Tanjung Sebadam itu. Maka Raja Alam serta Dahing Matekkuh dan Raja Emas berterjunanlah ke perahu masing-masing lalu undur lari ke Kuala Riau. Maka bersoraklah orang-orang Riau sebab menang itu.

Syahadan pada delapan belas bulan yang tersebut itu, pada malam, maka Raja Alam pun larilah. Maka banyaklah kelengkapannya tertinggal apa lagi sampan-sampannya. Maka Sultan Sulaiman dan Yang Dipertuan Muda pun mudiklah ke hulu lalu berjemu-jamu segala menteri hulubalangnya sekalian serta diberinya persalin mana-mana yang sepatut baginda. Syahadan kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pun menggelar Tun Abdullah menjadi Raja Tua. Maka duduklah baginda serta Yang Dipertuan Muda serta Raja Indera Bungsu serta Raja Tua bersuka-sukaan.

Kemudian daripada itu maka baginda Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda menikahkan putera baginda Sultan Sulaiman yang perempuan bernama Raja Bulang dengan Yang Dipertuan Raja Kecil Trengganu,

anak Sultan Zainul Abidin Syah betapa adat istiadat raja-raja nikah kahwin, iaitu pada Hijrat sanat 1152 pada tahun Dal. Maka berkasihanlah kedua laki isteri. Syahadan pada empat belas hari bulan Muharram hari Khamis, maka matilah Raja Tua Tun Abdullah kembali ke negeri yang kekal adanya.

1	1152	1152	1152
2	1153	1153	1153
3	1154	1154	1154
4	1155	1155	1155
5	1156	1156	1156
6	1157	1157	1157
7	1158	1158	1158
8	1159	1159	1159
9	1160	1160	1160
10	1161	1161	1161
11	1162	1162	1162
12	1163	1163	1163
13	1164	1164	1164
14	1165	1165	1165
15	1166	1166	1166
16	1167	1167	1167
17	1168	1168	1168
18	1169	1169	1169
19	1170	1170	1170
20	1171	1171	1171
21	1172	1172	1172
22	1173	1173	1173
23	1174	1174	1174
24	1175	1175	1175
25	1176	1176	1176
26	1177	1177	1177
27	1178	1178	1178
28	1179	1179	1179
29	1180	1180	1180
30	1181	1181	1181
31	1182	1182	1182
32	1183	1183	1183
33	1184	1184	1184
34	1185	1185	1185
35	1186	1186	1186
36	1187	1187	1187
37	1188	1188	1188
38	1189	1189	1189
39	1190	1190	1190
40	1191	1191	1191
41	1192	1192	1192
42	1193	1193	1193
43	1194	1194	1194
44	1195	1195	1195
45	1196	1196	1196
46	1197	1197	1197
47	1198	1198	1198
48	1199	1199	1199
49	1200	1200	1200
50	1201	1201	1201
51	1202	1202	1202
52	1203	1203	1203
53	1204	1204	1204
54	1205	1205	1205
55	1206	1206	1206
56	1207	1207	1207
57	1208	1208	1208
58	1209	1209	1209
59	1210	1210	1210
60	1211	1211	1211
61	1212	1212	1212
62	1213	1213	1213
63	1214	1214	1214
64	1215	1215	1215
65	1216	1216	1216
66	1217	1217	1217
67	1218	1218	1218
68	1219	1219	1219
69	1220	1220	1220
70	1221	1221	1221
71	1222	1222	1222
72	1223	1223	1223
73	1224	1224	1224
74	1225	1225	1225
75	1226	1226	1226
76	1227	1227	1227
77	1228	1228	1228
78	1229	1229	1229
79	1230	1230	1230
80	1231	1231	1231
81	1232	1232	1232
82	1233	1233	1233
83	1234	1234	1234
84	1235	1235	1235
85	1236	1236	1236
86	1237	1237	1237
87	1238	1238	1238
88	1239	1239	1239
89	1240	1240	1240
90	1241	1241	1241
91	1242	1242	1242
92	1243	1243	1243
93	1244	1244	1244
94	1245	1245	1245
95	1246	1246	1246
96	1247	1247	1247
97	1248	1248	1248
98	1249	1249	1249
99	1250	1250	1250
100	1251	1251	1251

14. PERANG SAUDARA DI SIAK

ALKISAH tersebut pula perkataan Raja Alam dan Dahing Matekkuh serta Raja Emas yang balik alah daripada melanggar Riau serta sudah banyak kerugian. Maka ia pun menghadap ayahandanya Raja Kecil memaklumkan halnya banyak kerugian melanggar Riau itu. Maka apabila Raja Kecil mendengar sembah paduka anakda itu, maka terpekurlah ia sejurus tiada terkata-kata serta putus asalah ia hendak melanggar Riau lagi.

Syhadan kata sahibul hikayat inilah akhirnya perang Raja Kecil dengan opu-opu Yang Dipertuan Muda Riau itu, lepas ini tiada lagi Raja Kecil mengacau-ngacau Riau lagi hingga mangkatlah ia.

Sebermula adapun Raja Kecil lepas daripada melanggar Riau itu maka berubahlah akalunya tiada tentu lagi memerintahkan kerajaannya lalu diserahkannya kepada anaknya Raja Alam memerintahkan negeri Siak, digelar-nya Raja Alam itu Yang Dipertuan Muda. Adapun anaknya Tengku Mahmud namanya belum lagi digelarnya.

Syhadan di dalam hal itu antara anak-anaknya itu selalu berbantah beratas-atasan. Maka kata Raja Alam, 'Aku yang tua dan aku yang patut menjadi raja,' dan kata Tengku Mahmud, 'Aku yang terlebih patut menjadi raja kerana aku anak yang gahara.' Maka di dalam hal itu mangkin sehari mangkin bertambah kharabatah. Maka orang-orang Siak itu pun ada yang setengah kepada Raja Alam dan setengah kepada Tengku Mahmud menjadi bergaduhlah setengah atas setengahnya. Maka huru-haralah segala isi negeri apalagi orang-orang miskin kesusahanlah hendak mencari kehidupannya, sebab negeri gaduh masing-masing asyik dengan memelihara kampung halamannya dan rumah tangganya dan anak isterinya, takut dicabuli oleh juak raja-raja itu, kerana kedua pihak itu seolah-olah seperti sudah sama-sama risau.

Syhadan di dalam hal itu, maka bertambah-tambahlah keduanya meng-

ikutkan hawa nafsunya. Maka lalulah jadi bersebelahan antara kedua pihak, maka lalulah berperang di dalam negeri beramuk-amukan dan berbunuh-bunuhan. Maka huru-haralah negeri Siak. Kemudian masing-masing anak raja itu mengambil tempat berkukuh. Adalah Tengku Mahmud di dalam Kota Besar dan Raja Alam di dalam Kota Tuan Besar, maka berperang tiap-tiap hari. Syahadan adapun Tengku Mahmud itu banyak juga Bugis sebelah dia, sebab ia berbinikan anak Dahing Matekkuh serta telah mendapat anak laki-laki seperti Raja Ismail sudahlah besar dan beberapa lagi anaknya. Adapun Raja Alam sudah juga menaruh beberapa anak laki-laki pula, yang tuanya bernama Raja Muhammad Ali dan yang lain-lainnya, istimewa pula ia sudah berbinikan anak Opu Dahing Parani di Siantan, iaitu Dahing Khadijah.

Syahadan huru-haralah negeri Siak kerana anak raja dua orang itu berperang di dalam negeri bersebelahan. Maka kesusahanlah segala orang besar-besarnya lalulah mereka itu menghadap Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun di dalam hal sudah berubah akalnya. Maka apabila orang besar-besarnya itu menyembahkan, 'Paduka anakda kedua berperang', maka jawab Raja Kecil, 'Barang siapa yang menang itulah anakku.' Maka segala orang besar-besar pun hairan. Maka apabila bunyi berbedil-bedil, maka bertanya Raja Kecil katanya, 'Itu bedil apa?' Maka sembah orangnya, 'Paduka anakda berperang dengan orang Riau, Tuanku.' Maka ia pun tertawa.

Syahadan di dalam hal itu, maka isterinya Tengku Kamariah pun geringlah sangat, maka lalu mangkat dikuburkan oranglah. Maka Raja Kecil pun selalu gila sekali, lalu ia tidur di kubur isterinya itu. Maka ditunggu sajalah oleh orang tuanya adanya.

Syahadan adapun Raja Alam berperang dengan Tengku Mahmud berperang mangkin sehari mangkin ramailah segala orang besar-besar sebelah Tengku Mahmud itu. Maka dengan takdir *Allah taala* alahlah Raja Alam lalu undur membawa dirinya ke Batu Bahara mencari kuasa. Kemudian mengembaralah ia lalu ke Palembang, mendapatlah ia sedikit harta, maka ke Deli pula ia. Maka banyaklah orang Deli mengikut perintahnya serta takut akan dia. Maka tetaplah ia di dalam Deli bersiapkan alat peperangan dan kelengkapan perangnya.

Sebermula adapun Raja Kecil apabila Raja Alam sudah keluar dari Siak maka Raja Kecil pun mangkatlah. Syahadan menggantikanlah kerajaannya itu puteranya Sultan Mahmud memerintahkan negeri Siak.

Syahadan di dalam tiada berapa lamanya maka datanglah Raja Alam melanggar Siak di mukanya. Maka berperanglah beramuk-amukan beberapa hari. Maka tewas pula Sultan Mahmud itu lalu undur ke Pulau Lawan. Maka lalu ia membuat perahu sepanjang jalan itu bersama-sama mertuanya Dahing Matekkuh. Kemudian mengembaralah ia ke sana ke mari mencari kuasa, demikianlah halnya. Sebermula adapun Raja Alam apabila sudah dapat Siak itu olehnya, maka ia pun melantik anaknya Raja Muhammad Ali jadi Yang Dipertuan Muda. Maka tetaplah ia memerintahkan Siak itu.

Syahadan aku dapat di dalam setengah kaul kemudian daripada itu dapat pula Siak itu oleh Sultan Mahmud semula, sebab bantu dari Riau konon. Kemudian dapat pula oleh Raja Alam Siak itu sebab bantu oleh Raja Beralih konon, demikianlah tersebut di siarah itu.

15. PERBALAHAN DI ANTARA PERAK DAN SELANGOR

ALKISAH tersebut perkataan baginda Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dan Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak. Maka adalah pada Hijrat sanat 1153, pada tiga belas Rabiul Akhir, maka baginda pun berangkatlah ke Ungaran. Adapun Yang Dipertuan Muda sudah terdahulu berlayar memeriksa segala laut-laut sebelah barat, lalu ke Muar. Adapun Sultan Sulaiman apabila mendengar Yang Dipertuan Muda di Muar, maka baginda pun ke Muar lalu berjumpa-jumpaan. Adapun Yang Dipertuan Muda itu ke Muar kerana Sultan Mahmud serta mertuanya yang lari dari Siak itu ada di Muar seolah-olah hendak diperintahnya Muar itu. Maka disuruh Yang Dipertuan Muda keluar. Maka Sultan Sulaiman pun tiba lalu berbicaralah menyuruh ia keluar itu belum juga ia bergerak. Maka Yang Dipertuan Muda pun murkalah, lalu menyuruh mengisi meriam, kemudian titahnya, 'Rapat bedil!' Maka dirapatlah oleh panglima-panglima itu lalu dibedilnya. Maka Sultan Mahmud pun keluar lagi. Maka tertinggallah beberapa meriamnya diambil orang Riau.

Syahadan kemudian daripada itu baginda dan Yang Dipertuan Muda pun baliklah ke Riau. Adalah tibanya pada enam belas bulan Jumadul Akhir sanat 1153. Syahadan kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Selangor. Maka apabila sampai dapat pula perselisihan dengan Yang Dipertuan Perak sebab Raja Perak berkeras tiada mau mengikut seperti maksud Yang Dipertuan Muda itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun marahlah, maka lalu dilanggarnya negeri Perak itu. Maka Raja Perak pun membuat beberapa kubu. Maka lalu berperang berbedil-bedilan dengan meriam dan senapang terakul-pemburasnya. Maka dirapati oleh Bugis-Bugis kubu-kubunya. Maka dapatlah kubu dua tiga buah sehari itu dan mana-mana kubu yang dapat itu, dinaiki oleh Bugis-Bugis lalu membedil kubunya pula dan segala kelengkapan Bugis pun makin rapat dan ada se-

tengah Bugis berjalan darat melanggar kubu-kubu itu. Maka dapatlah segala kubu-kubu itu, maka alahlah Perak itu.

Syahadan apabila telah alah negeri Perak itu, maka Yang Dipertuan Muda pun membetulkan rajanya dan orang besar-besarnya serta diaturkan setia perjanjian antara mereka itu dengan Yang Dipertuan Selangor. Syahadan di dalam hal itu penyuruh Sultan Sulaiman pun datanglah menyilakan Yang Dipertuan Muda itu balik ke Riau. Maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah. Apabila sampai ke Riau selalu menghadap baginda serta menceterakan hal perangnya menang di dalam negeri Perak. Syahadan adalah berlaku pekerjaan itu sanat 1156.

Syahadan kata sahibul hikayat ada pada masa inilah negeri Riau itu ramai serta makmurnya dan segala dagang-dagang dari Jawa dan Benggal membawa apiun dan lain-lain dagangan dan perahu-perahu dagang pun di Kuala Riau, daripada kapal-kapal dan keci-keci dan selub dan senat dan wangkan dan top Siam. Dan apa lagi di dalam Sungai Riau segala perahu-perahu rantau seperti bercocok ikanlah, bersambung dan berpendarat.

Syahadan pada masa inilah Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak menyuruh Punggawa Tarum dan Penghulu J-n-d-w-a-n mengambil benih gambir di sebelah tanah Pulau Perca dibawa ke Riau memulai bertanam gambir. Maka bertanamlah segala Bugis-Bugis dan Melayu membuat beberapa ratus ladang gambir. Adalah kuli memasaknya, iaitu segala Cina yang datang dari negeri China. Maka apabila jadilah gambir itu mangkin ramai-ramai negeri Riau kerana segala dagang-dagang itu berpalu-palu dagangannya itu dengan gambir. Maka Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda pun banyakkah dapat hasilnya adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat pada sanat 1158, tahun alif, maka geringlah Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak. Maka tiada berapa lamanya gering itu luluh mangkat, iaitu pada tujuh belas Rabiul Akhir. Maka gemparlah di dalam negeri Riau serta dukacitalah isi negeri apa lagi Sultan Sulaiman tersangatlah besar percintaannya. Sementelahnya pula memandang paduka anakda kedua itu, iaitu Tengku Putih dan Tengku Hitam, mangkin hancurlah hatinya.

Syahadan Sultan Sulaiman pun mengkuburkanlah sebagaimana adat istiadat raja besar-besar mangkat. Maka berkabunglah orang-orang Riau empat puluh hari, betapa adat istiadat raja yang besar-besar mangkat.

Sebermula kata sahibul hikayat, adapun Sultan Sulaiman apabila sudah

hilang paduka adinda baginda itu, maka kesusahanlah hendak mencari ganti seperti yang di dalam sumpah setia antara Bugis dengan Melayu. Maka tiada lain yang patut akan gantinya melainkan Dahing Kambuja dan sunguhpun ada putera paduka adinda itu Raja Haji belum juga patut kerana mudanya. Dan ada seorang putera paduka adinda baginda itu Raja Lumu, maka iaitu puteranya pada pihak negeri Selangor, melainkan Dahing Kambuja juga kerana ia terlebih tua, serta kesukaan muafakat segala Bugis-Bugis. Maka tetaplah kepada Dahing Kambuja menjadi Yang Dipertuan Muda. Maka bermohonlah Dahing Kambuja hendak ke Selangor dahulu kerana hendak muafakat dengan paduka adinda Yang Dipertuan Selangor putera Marhum Yang Dipertuan Muda Riau Opu Dahing Cellak. Maka dilepaskanlah oleh Sultan Sulaiman, maka Dahing Kambuja berlayarlah ke Selangor bersama-sama paduka adindanya Raja Sa'id, putera Opu Dahing Marewah Kelana Jaya Putera.

Maka apabila tiba ke Selangor, muafakatliah ia dengan paduka adinda sekalian serta segala Bugis-Bugis yang di Selangor hingga setahun lamanya. Syahadan apabila sudah keluar anak-anak raja itu ke Selangor maka ada orang yang pengaru baharu datang berbuat laku dan fiil yang tiada berlaku pada adat istiadat Melayu dahulukala. Syahadan itulah bunyi perkataan yang tersebut di dalam surat tawarikh yang aku pindahkan kepada surat ini, tiada ditentukannya namanya. Syahadan adalah Raja Kecil Yang Dipertuan Trengganu datang dari Trengganu. Kemudian daripada enam hari Yang Dipertuan Muda mangkat.

Syahadan kemudian daripada itu maka Sultan Sulaiman pun berangkat ke Muar, sanat 1159. Adalah yang mengiringnya Raja Kecil Trengganu. Kemudian balik ke Riau. Kemudian pada enam belas bulan Rajab Raja Tua mangkat.

Syahadan berangkat baginda itu ke Siak. Maka masa baginda itu balik dari Siak inilah, Raja Buang Sultan Mahmud Siak minta ampun kepada baginda serta menyerahkan dirinya. Maka diampuni oleh baginda serta bermaaf-maafan dengan raja-raja peranakan Bugis, lagi akan datang kisah pergi membantu ke Siak adanya.

Syahadan adapun Dahing Kambuja apabila selesailah muafakat di dalam Selangor maka ia pun datanglah ke Riau, pada tujuh belas Muharram, sanat 1161. Kemudian pada sehari bulan Safar, maka mangkatlah isteri Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak, yang bernama Tengku Mandak.

Syahadan adapun Sultan Sulaiman apabila selesai datang Dahing Kambuja lalu dilantiknya menjadi Yang Dipertuan Muda Riau. Maka tetaplah Dahing Kambuja itu menjadi Yang Dipertuan Muda Riau. Maka adalah Raja Haji, putera Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak, menjadi Kelana Kapit Yang Dipertuan Muda.

Syahadan apabila selesai daripada berlantik itu, maka Yang Dipertuan Muda berangkatlah ke Selangor, membawa paduka adinda Raja Haji. Maka apabila sampai ke Selangor, lalu mendudukkan paduka adinda Raja Haji dengan Raja Aisyah putera opu Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera betapa adat raja-raja nikah kahwin. Maka berkasih-kasihanlah laki isteri. Syahadan tiada berapa lama maka mangkatlah Raja Aisyah. Kemudian beristeri pula Raja Haji akan anak Raja Amaran, yang bernama Engku Sejuk. Kemudian maka Yang Dipertuan Muda pun baliklah ke Riau bersemayam di Riau adanya.

16. PEPERANGAN DI SIANTAN

SEBERMULA kata sahibul hikayat adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja inilah banyak kegeruhan di dalam Riau antara raja-raja Melayu serta raja peranakan Bugis. Adalah sebab datang fitnah dan kegeruhan itu, iaitu bersalah-salahan maksud dan bertukar-tukaran faham antara anak raja-raja Melayu dengan anak raja-raja Bugis. Adalah kepala daripada pihak Melayu, iaitu Yang Dipertuan Trengganu Raja Kecil, yang bernama Tun Dalam. Adalah ia itu jadi menantu Sultan Sulaiman. Maka menyertai setengah daripada raja-raja Melayu itu, iaitu Bendahara dan Temenggung dan lain-lain mana-mana yang menyertai dengan dia.

Syahadan adalah ambilan pada hati mereka itu yang lahirnya, adalah segala Bugis-Bugis orang baharu mendatang, dengan hal yang demikian itu Sultan Sulaiman menyerahkan kerajaannya dengan mutlak, menjadi Yang Dipertuan Muda dan segala menteri hulubalang yang besar-besar sekalian-nya di bawah perintahnya. Padahal orang besar seperti Bendahara dan Temenggung itu menteri yang lama maka dikurangkan kuasanya daripada orang yang baharu datang. Maka itulah menjadi mengambil timu-timu di situ kebenaran sebelah pihak Melayu.

Syahadan Sultan Sulaiman itu pada ambilan yang di dalam hatinya, yang lahir pada perbuatannya, adalah kerajaan ayahandanya dan kerajaan dirinya pun sudah hilang diambil oleh Raja Kecil Siak serta dibunuh ayahandanya oleh Raja Kecil serta diambilnya kerajaannya dan dihina-hinakannya anak-anaknya diperbuat penjawat dan sudah Raja Kecil bernobat di Johor. Maka di dalam hal itu ada kira-kira tiga tahun lamanya, maka tiada sanak-sanak saudaranya sebelah raja-raja Melayu, seperti Patani dan Kelantan dan Trengganu, menolong mengambil kerajaannya daripada tangan Raja Kecil itu. Melainkan semata-mata segala sanak saudaranya mehina-hinkan dia, hingga mengata setengah daripada setengahnya Sultan Sulaiman itu ti-

ada patut menjadi raja, sebab ia anak gundik ditukar dengan tudung saji. Dan banyak lagi perkataan yang lain-lain, sekira-kira putus asalah ia daripada mendapat kerajaan, dan putus asalah ia daripada pertolongan sanak saudaranya, maka putuslah ijtihadnya yang demikian itu. Maka itulah sebab ia minta pertolongan daripada raja Bugis opu-opu yang lima beradik itu.

Syahadan apabila datanglah opu-opu itu, maka sampailah segala maksudnya dan berbalas kematian ayahandanya dan dapat ia kerajaan Johor kepada tangannya dan susah seturunya dan sanak saudaranya hendak mendingankan kejahatan atasnya, dengan beberapa kali lelah berperang dan beberapa susah meramaikan negeri. Kemudian maka tetaplah kerajaannya pulang seperti pangkat ayahandanya. Maka tiada lain balasnya melainkan itulah sahaja seperti yang telah dilakukannya itu, dan itu pun muafakat juga dengan Bendahara dan Temenggung dan segala orang. Pada permulaan hendak mengangkat Yang Dipertuan Muda pihak Bugis itu dengan suka ramai juga, tiba-tiba sudah begini dan sudah menjadi daging darah serta negeri ramai pulang sediakala baik segala pekerjaan dan lainnya. Maka baharulah sanak-sanak yang sebelah Melayu hendak menghilangkan jasa budi orang khususnya pula sudah bersumpah setia sebelah menyebelah. Maka itulah perpegangan Sultan Sulaiman, maka bersalah-salahan fahamlah dengan perpegangan sanak saudaranya pihak Melayu.

Syahadan adapun pegangan Bugis, adalah ia semua dipanggil Sultan Sulaiman tatkala ia belum menjadi sultan minta tolong menghapuskan kemaluannya dan minta pulangkan kebesarannya serta minta lawan musuhnya. Maka sudah kita semuanya sampaikan maksudnya dan hajatnya berganda-ganda.

Kemudian Sultan Sulaiman serta segala suku-suku sebelah Melayu hendak membalas jasa dan budi kita anak Bugis dengan sepatutnya dengan bangsa kita dan nama kita. Maka kita terimalah itu pun dengan beberapa kali kita tolak, tiada menerima kehendaknya itu. Maka tiada juga suku-suku Melayu melepaskan seperti yang tersebut masa kita dipilih hendak dijadikan Yang Dipertuan Muda itu. Maka sekarang jadi daging darah dan anak cucu dia sudah menjadi anak cucu kita. Maka waktu ini pula baharu hendak ditolong kita semua Bugis, serta hendak dibatalkan sumpah setia serta hendak diberi malu kita dengan dibatalkan pula jabatan kita selama-lamanya ini.

Maka di dalam pada itu pun jikalau Sultan Sulaiman hendak menyertai pekerjaan sebelah suku-suku Melayu itu, iaitu kita lawan juga dahulu de-

ngan jalan yang patut, atau undur dahulu kita. Adapun yang lain daripada Sultan Sulaiman, boleh juga dicuba laki-lakinya, baik suku sebelah Siak, atau Pahang, atau Trengganu, atau Kelantan, boleh juga dicuba laki-lakinya. Syahadan inilah ambilan anak raja-raja Bugis.

Sebermula adapun Raja Tua anak Dahing Menampuk, ibunya raja Melayu, maka tiadalah pegangannya bertentuan, terkadang sebelah Melayu, terkadang membetuli pegangan Bugis. Maka di dalam hal yang demikian itu, jadilah menaruh dendam suku Melayu itu tambahan melihatkan negeri sudah ramai, Bugis pula memerintahkannya, mangkin bertambah-tambah dendam hatinya itu, bernyala-nyala.

Sebermula adalah pokok suku-suku Melayu membuat jalan perkelahian itu datang Sultan Mahmud Siak minta ampun kepada Sultan Sulaiman serta kepada segala Bugis. Kemudian baharu ia minta bantu kepada baginda melanggar saudaranya Raja Alam di Siak. Maka kemuafakatan suku-suku Melayu, kepalanya Raja Kecil Trengganulah sepatutnya dibantu. Adapun kemuafakatan sebelah Bugis, tiada patut dibantu kerana ia berperang dengan saudaranya. Maka suku-suku Melayu Trengganu keras juga hendak membantu itu. Maka baginda pun menurutlah kemuafakatan suku-suku Melayu itu. Maka bersalah-salahanlah dengan Bugis.

Maka berangkatlah Sultan Sulaiman pada Hijrat sanat 1161, pada dua belas bulan Syawal. Apabila tiba ke Siak minta tolong pula dengan Belanda di Melaka. Maka membantulah Belanda itu, maka Siak pun alahlah. Maka Raja Alam pun undur ke Batu Bahara membawa dirinya. Maka Sultan Mahmudlah jadi Raja Siak. Syahadan Belanda pun duduk di Pulau Gontong, lalu membuat perjanjian dengan Sultan Mahmud itu. Maka Sultan Sulaiman pun balik ke Riau pada dua puluh bulan Zulkaedah.

Adapun Sultan Mahmud setelah Belanda duduk di Pulau Gontong itu, maka datanglah fikirannya tiada berketahuan, lalulah ia keluar ke Sanglar merompak perahu-perahu Jawa hendak masuk ke Siak dan keci Belanda pun dirompak juga. Maka marahlah geberneur Melaka, disuruhnya satu kapal perang melanggar Sultan Mahmud di Sanglar. Maka berperanglah keduanya. Maka alahlah Sultan Mahmud. Maka Belanda balik ke Melaka dan berpesanlah Raja Melaka kepada Belanda yang duduk di Pulau Gontong jangan diterima Sultan Mahmud itu masuk ke Siak lagi, kerana sudah begitu pertolongan kompeni bersama Sultan Sulaiman, masih juga merompak.

Syahadan tiada berapa lamanya Holanda duduk di Pulau Gontong itu maka ditinggalkannya, khabarnya sebab diamuk Sultan Mahmud dan dibunuhnya fetur Holanda itu. Maka dapatlah Siak itu kepada tangan Sultan Mahmud semula. Maka bersedialah ia beberapa kubu-kubu menantikan Holanda datang melanggar.

Syahadan adapun Raja Alam yang duduk di Batu Bahara itu maka membuatlah ia beberapa kelengkapan. Maka ia pun berlayarlah ke Siantan lalu-lah merompak sebuah kapal, maka dapatlah harta banyak. Maka membeli ia segala pekakas perang dan ubat peluru, diperintahnyalah Siantan itu seperti milik dia. Maka tiadalah diberinya berhadap ke Riau sekali-kali.

Kemudian berkirim surat pula ia kepada saudaranya Sultan Mahmud minta datang ke Siantan membantu, 'Jika ada di Riau datang lekas.' Maka jawab Sultan Mahmud, 'Adinda datanglah ini.' Syahadan fikir Raja Alam apabila tiada terambil Siantan oleh orang Riau, nescaya dapatlah ia menjadi raja di situ, tiadalah berkhusmat dengan saudaranya lagi. Adapun saudaranya demikian juga fikirannya, akan tetapi ia ada sedikit segan akan Sultan Sulaiman sebab Sultan Sulaiman ada juga berkirim surat kepadanya minta bantu adanya.

Sebermula adapun Sultan Sulaiman apabila ia mendengar khabar hal Siantan itu maka baginda pun musyawarahlah dengan Raja Kecil Trengganu serta orang besar-besarnya akan pergi melanggar Raja Alam. Maka Yang Dipertuan Muda lagi menantikan petikamannya dari Selangor. Syahadan Sultan Sulaiman dan Raja Kecil Trengganu pun berlayarlah ke Siantan.

Apabila sampai ke Siantan lalulah berperang dengan Raja Alam. Maka Raja Alam pun menyuruh panglima-panglimanya melawan bersungguh hati, maka kelengkapan Trengganu dan Riau pun undur. Maka Raja Alam pun berkata kepada orang Trengganu, 'Jika laki-laki ke daratlah, kita bertikam saja.' Maka tiadalah dijawab orang Trengganu itu, hingga berbedil-bedilan jua dari jauh. Maka dipermudah-mudahkan saja oleh Raja Alam rupa-rupanya perang itu.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila sampai lima bulan berperang itu, maka kesusahanlah Sultan Sulaiman serta dukacita takut jika tiadalah alah tentu malu besar. Syahadan baginda pun menyuruh Hang Dewa ke Riau melekaskan Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja. Maka apabila tiba Hang Dewa itu ke Riau lalu mempersembahkan kepada Yang Dipertuan Muda hal paduka ayahanda di Siantan. Maka titahnya, 'Kami lagi menanti orang-orang Bugis dari Selangor.'

Syahadan apabila sampailah pada sanat 1162, pada dua bulan Jumadul Akhir, maka datanglah segala kelengkapan Selangor itu, iaitu La Kanna dan punggawa dengan segala petikaman Bugis ada lima ratus anak baik-baik. Maka naiklah segala mereka itu menghadap Yang Dipertuan Muda, lalu mereka itu menghunus kerisnya di hadapan Yang Dipertuan Muda sambil mengaruk-aruk. Syahadan berangkatlah Yang Dipertuan Muda ke Siantan mendapatkan paduka ayahanda baginda Sultan Sulaiman, iaitu pada dua lekur Rajab, bersama-sama Tunku Raja Muhammad.

Syahadan apabila tiba ke Siantan, maka baginda pun bermusyawarahlah dengan Yang Dipertuan Muda. Maka di dalam hal itu angkatan dari Siak pun datang, ada kira-kira tiga puluh buah kelengkapan kecil besar yang datang itu, iaitu Sultan Mahmud Raja Buang, saudara Raja Alam itu dan anak saudara Sultan Sulaiman yang tersebut itu. Maka apabila ia sampai ke Siantan maka naiklah ke darat menghadap Sultan Sulaiman. Maka diperiksa oleh Yang Dipertuan Muda, 'Adinda datang ini apa kehendak, dan sebelah mana?' Maka jawab Sultan Mahmud itu, 'Yang saya ini tiada sebelah sana dan tiada sebelah sini, kerana di sana abang saya, dan di sini ayah saya.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Baiklah, adapun saya ini siapa-siapa yang menghadapkan mulut meriamnya kepada Sultan Sulaiman itulah musuh saya dan seteru saya. Jikalau anak saya yang dijasadkan sekalipun tiada saya hiraukan, *insya-Allah taala* saya bedil juga.' Syahadan maka Raja Siak pun turunlah ke perahunya.

Adapun Yang Dipertuan Muda apabila sudah Raja Siak itu balik ke perahunya, maka ia pun berdatang sembah kepada baginda sembahnya, 'Pada pendapatan patik orang Riau dan orang Trengganu tiada usahlah melanggar darat, biarlah patik saja bahagian darat. Adapun orang Riau dan orang Trengganu sediakan saja hadapkan mulut meriamnya kepada kelengkapan Siak, kerana kita tiada sedap hati mendengar perkataannya kerana saudaranya lagi dilangarnya.' Maka jawab baginda, 'Mana-mana yang baik kepada Raja Muda perbuatlah, kerana segala pekerjaan itu sudah terserah memang kepada Raja Muda, baik jahatnya.'

Syahadan setelah selesai musyawarah itu, maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruh Bugis-Bugis itu melanggar kubu Terampak itu. Maka lalu dikeluarkan oleh orang-orang Siak dan orang Siantan mana-mana sebelah Raja Alam. Maka lalulah berbedil-bedilan dengan meriam lela rentaka. Kemudian berapat berbedil-bedilan dengan senapang pemburasnya. Kemudian

berapat bertikamkan keris. Maka sangatlah ramainya kerana sama-sama tiada mau undur.

Syahadan apabila La Kanna serta punggawa melihat hal itu, maka ia pun menerkamlah ke medan dengan beberapa indera gurunya dan juak-juaknya. Maka lalu masuk beramuk pula, maka banyaklah mati sebelah menyebeloh itu. Kata setengah orang tua-tua ada kira-kira empat ratus orang yang mati sebelah-menyebeloh. Maka di dalam hal itu tewaslah sebelah Raja Alam, kerana panglima-panglimanya banyak mati. Maka masuklah ia ke dalam kubunya, maka dikepunglah oleh Bugis kubu itu. Maka di dalam hal itu hampir dapat. Maka Raja Buang Siak pun menyuruh Raja Alam itu lari undur. Seketika lagi suruhan Yang Dipertuan Muda pun datang pula menyuruh undur. Maka Raja Alam pun undurlah dengan tiga buah perahu lalu berlayar ke Matan. Maka dipelihara oleh Raja Matan dengan secukupnya.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda apabila Raja Alam telah undurlah, maka Yang Dipertuan Muda pun bermohonlah kepada paduka ayahanda baginda hendak balik ke Riau. Bermula adalah Yang Dipertuan Muda berangkat balik ke Riau itu pada sanat 1163. Kemudian Sultan Sulaiman pun berangkat balik ke Riau dengan selamatnya, tetaplah di dalam Riau berhimpun dengan Yang Dipertuan Raja Kecil Trengganu serta suku-suku Melayu adanya.

Sebermula adapun Raja Buang Siak pada ketika ia hendak balik dari Siantan ke Siak itu, maka dirampasnyalah segala pekakas Raja Alam itu, apa lagi segala meriam lela rentaknya habislah semuanya dibawanya balik ke Siak. Maka tetaplah ia di negeri Siak adanya.

17. PERMUSUHAN TERHADAP BUGIS DI RIAU

ALKISAH maka tersebut perkataan Sultan Sulaiman di dalam Riau serta paduka anakda Yang Dipertuan Muda dan segala anakda-anakda sekalian. Syahadan adalah yang diharap baginda akan bakal gantinya puteranya yang gaharanya, iaitu Raja Abdul Jalil. Dan Raja Abdul Jalil itu sudah beristerikan Tengku Putih putera Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak dengan Tengku Mandak. Adalah putera-putera Marhum Opu Dahing Cellak itu laki-laknya seperti Raja Haji sudahlah remaja putera, serta saksamanya menjadi Engku Kelana serta berkasih-kasih dengan iparnya Raja Abdul Jalil, seperti saudara sejadi rupanya. Demikian lagi Sultan Sulaiman balik dari melanggar Siantan itu, maka sangat-sangatlah rapatnya dengan anak-anak raja Bugis serta tampak kasih sayangnya, tulus ikhlasnya dan mesranya dengan Yang Dipertuan Muda adik beradik. Syahadan apabila dilihat oleh setengah suku-suku sebelah Melayu hal yang demikian itu, maka terbakarlah hatinya oleh api hasad yang tertanam di dalam hatinya.

Syahadan maka Raja Kecil pun membuat fitnah mengatakan Bugis hendak mengamuk dan membakar rumah. Maka orang-orang Trengganu gaduhlah tiap-tiap malam. Maka di dalam sebulan dua tiga kali datang fitnah. Maka diperiksa oleh Yang Dipertuan Muda bersama-sama Bendahara, tiada pula dapat seperti yang difitnahkannya.

Kemudian selang empat lima hari datang fitnah itu mengatakan Bugis hendak membakar kota, dikejanya lari. Maka gempar pula pada ketika tengah malam gaduhlah pula. Maka apabila siang hari maka Yang Dipertuan Muda pun segera mengumpulkan Bugis-Bugis dan segala Melayu diperhadapkan keduanya. Maka diperiksa tengah perkumpulan orang ramai itu oleh Yang Dipertuan Muda. 'Siapa yang melihat, dan siapa pergi mengejar, dan siapa yang dikejar, dan siapa yang berkhobar semalam?' Maka scorang pun tiada mengaku.

Syahadan dukacitalah Sultan Sulaiman melihatkan hal perbuatan suku-suku Melayu dan orang besar-besar Melayu dan menantunya Raja Kecil Trengganu mendatangkan fitnah di atas suku-suku Bugis itu. Maka baginda pun dukacitalah hatinya memikirkannya, apalagi Raja Abdul Jalil mangkin panaslah hatinya.

Syahadan ada kira-kira sepuluh hari renggangnya datang pula fitnah yang besar mengatakan orang Bugis meradak rumah Tun Wangsa. Maka gemparlah malam itu dan orang Trengganu pun berlari-larianlah dengan lembing bercabut beberkas-berkas pergi ke rumah Tun Wangsa itu, riu-rendah, mengata, 'Kepung! Kepung! Itu dia!' Maka berkejar-kejarlah berhambat-hambatanlah orang Trengganu.

Maka Raja Abdul Jalil pun terkejutlah daripada beradu maka ia pun pergi ke tempat gaduh-gaduh itu seraya bertanya, 'Apa digaduhkan ini?' Maka sembah orang-orang itu, 'Bugis meradak istana paduka bonda Tun Wangsa, tuanku.' Maka kata Raja Abdul Jalil, 'Berapa orang yang sudah mati diradaknya?' Maka jawab mereka itu, 'Tiada yang mati, tersangkut kerisnya.' Maka kata Raja Abdul Jalil, 'Engkau kenalkan orang yang meradak itu? Bugiskah, atau orang mana? Adakah engkau suluh mukanya?' Maka jawab mereka itu, 'Tidak, tuanku.' Maka titahnya, 'Jikalau tidak engkau suluh di mana engkau tahu orang Bugis dengan sebegini gelapnya malam ini?' Maka jawab mereka itu, 'Periksalah tuanku, pacal yang ramai itu mengatakan orang Bugis konon, maka patik pun mengikutlah.' Maka titah Raja Abdul Jalil, 'Jikalau begini kelakuan engkau semua ini, sengaja engkau semua hendak mengadu tuan engkau dengan aku, atau dengan Bugis.'

Maka Raja Abdul Jalil pun berangkat ke istananya, lalu dipersembharkannya kepada paduka ayahanda bagindanya segala hal ehwal itu. Maka apabila siang hari Yang Dipertuan Muda pun pergilah pula ke balairung seri menghadap baginda. Maka baginda pun menyuruh panggil Raja Kecil dan Bendahara Temenggung serta puteranya Raja Abdul Jalil, serta Raja Haji serta anak raja-raja sekalian. Maka diperhadapkan pula diperiksa sebelah menyebelah. Maka tiada juga terkatakan oleh suku-suku Melayu itu serta tiada juga tertunjukkan. Maka berkata Raja Abdul Jalil, 'Sengaja dia semua hendak membuat pangkal perkelahian dan jikalau sungguh terjumpa Bugis meradak itu, atau Melayu, maka tikam sajalah. Apalah yang terjerit-jerit, terpikau-pikau tengah malam dinihari berlari-lari berhambat-hambatan ke sana ke mari?' Maka ia pun lalu turun balik dan sekaliannya pun baliklah masing-masing ke rumahnya.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda maka tahulah akan suku-suku Melayu itu sengaja hendak mendatangkan fitnah atasnya jua. Adapun bahagian Sultan Sulaiman putera berputera mangkin mesra hatinya dengan Bugis. Maka di dalam hal yang demikian itu mangkin bertambah-tambahlah pedihnya hati Raja Kecil Trengganu itu memanjangkan fitnahnya sehari-hari.

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun berfikir, 'Jika duduk begini, akhir-akhirnya jadi berbantah juga dengan suku-suku Melayu, baik tak baik jikalau tidak daripadanya mendatangkan kejahatan atau daripada aku. Apalah jadinya sumpah setia itu?' Maka ia pun memanggil Raja Haji makhambarkan hal chwalnya serta ia berkata, 'Yang kekanda ini hendak bermohon keluar dahulu dari Riau ini dan Raja Haji tinggallah dahulu, tiada tahan kekanda ini akhir-akhirnya merosakkan sumpah setia saja.' Maka jawab Raja Haji, 'Apabila Raja Kecil itu memperbuat haru-biru di atas adinda maka tiadalah adinda panjangkan lagi, melainkan adinda ajak keluar saja dari Riau ini, di mana-mana tempat dia suka berperang atau bertikam boleh segera habis ketentuan maksud kedua pihak.'

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun menghadaplah Sultan Sulaiman bermohon hendak keluar dari Riau itu. Maka tiadalah dilepaskan oleh baginda. Maka berhenti pula ia. Maka apabila Raja Kecil mendengar hal yang demikian itu, maka terbakarlah hatinya maka membuatlah ia akan beberapa macam fitnah. Maka tiadalah tertahan oleh Yang Dipertuan Muda maka bermohonlah ia kepada Sultan Sulaiman tiada juga dilepaskan oleh baginda sehingga berpuluh kali bermohon tiada juga dilepaskan oleh baginda.

Syahadan di dalam hal itu maka Yang Dipertuan Muda pun menyiapkan perahunya serta diturunkannya segala harta bendanya dan anak isterinya. Maka apabila sudah mustaid sekaliannya baharulah ia pergi bermohon pula kepada Sultan Sulaiman, sambil berdatang sembah dengan tangisnya, 'Am-pun, tuanku! Yang patik ini keluarlah, diberi tidak diberi, patik keluar. Derhaka celaka patik tidak. Bukannya perbuatan patik dan bukannya perbuatan tuanku, tiada dapat patik bertahan lagi, seumpama karung sudah penuh tiada muat lagi. Jikalau patik bertahan sehari dua lagi, tentulah jadi rugi atas diri tuanku. Apalah nama patik? Selama-lama ini, paduka kekanda-kekanda membaikkan Riau ini tiba-tiba masa patik ini merosakkan pula. Adapun patik semua anak Bugis di mana-mana diam, apabila ada titah perintah ke bawah duli memanggil patik menyuruh bekerja, *insya-Allah taala* patik kerjakan. Akan tetapi pada waktu ini bercerai dahulu antara tuanku dengan

patik semua anak Bugis, sebab jangan rosak hati sanak saudara tuanku, kerana patik ini selagi orang suka patik tunggu pada ketika orang benci patik keluar dahulu yang derhaka celaka merosakkan nama dan sumpah setia. Tiadalah harus patik menghilangkan nama orang tua-tua patik!

Syahadan kata sahibul hikayat maka apabila Sultan Sulaiman mendengar sembah Raja Muda itu, maka baginda pun menangis sambil katanya, 'Hai Raja Muda! Sampainya hati Raja Muda! Harapnya hati saya akan Raja Muda, perasaan hati saya jikalau saya mati saya minta jemahlah kepada Raja Muda. Maka tiadalah sampai hajat saya. Apalah jadinya?' Maka sembah Raja Muda, 'Apa boleh buat? Sudahlah nasib patik pada ketika ini kerana patik memelihara kerugian tuanku jua.' Maka lalulah ia bermohon turun ke perahunya lalu ia berlayar ke Linggi.

Maka baginda pun tiada terkata-kata lagi, hilanglah kiranya tiada dapat jalan lagi menahannya. Maka air matanya jua berhamburan saja dengan dukacitanya sehari-hari serta dengan sebalnya akan perbuatan sebelah sanak saudaranya sebelah Melayu, serta bertambah-tambah pula khawatirnya akan sanak saudaranya kalau-kalau membinasakan dia pula, akan tetapi tiada ditampakkannya kerana ia takut kalau-kalau datang pula fitnah yang terlebih besar atasnya, melainkan mencari fikiran jugalah ia berdua puteranya dengan Raja Abdul Jalil pada hendak menetapkan Bugis itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat tinggallah Raja Haji di dalam Riau adik beradik. Di dalam hal itu maka datang pula kacau daripada Raja Kecil Trengganu serta Bendahara, iaitu datang sebuah kapal Belanda masuk ke Riau. Entahkan bagaimana hikmatnya Raja Kecil Trengganu itu dengan Bendahara berbicara dengan Belanda itu, tiba-tiba dimaklumkan kepada baginda hendak dipohonkannya Raja Haji tiga beradik, iaitu Raja Aminah dan Raja Halimah, boleh diserahkan kepada Belanda biar keluar dari Riau ini, kerana banyak kebajikan atas baginda di belakangnya konon. Maka dua tiga kali sehari dipohonkannya kepada Sultan Sulaiman. Maka di dalam hal itu tahulah Tengku Putih dan Tengku Hitam, maka menghem-paskan dirilah ia menangis. Maka gempar di dalam Riau serta masyhur khabar itu di dalam negeri Riau. Maka Belanda pun memeratikan saja hal tingkah kelakuan Raja Kecil itu, kemudian Belanda pun berlayarlah ia.

Syahadan sampailah khabar itu kepada Raja Haji, maka ia pun sangatlah marahnya. Maka lalu menyiapkan alat senjatanya dan segala pejabahnya, kira-kira dua puluh buah. Maka apabila siap, maka lalu dihadapkannya halu-

annya kepada kelengkapan Trengganu itu. Maka gemparlah pula orang-orang Trengganu mengatakan segala kelengkapan Raja Haji sudah menghadapkan haluannya kepada kelengkapan Trengganu. Maka Raja Kecil pun menyuruh orangnya turun kepada penjajabnya.

Kemudian Raja Haji menyuruhlah kepada Raja Kecil mengajak keluar berperang, di mana-mana tempat yang disukainya supaya lekas habis perkaranya. Maka gemparlah di dalam Riau mengatakan Raja Haji hendak berperang dengan Raja Kecil Trengganu. Maka Sultan Sulaiman pun tiada berkata-kata lagi. Maka Raja Abdul Jalil pun sangatlah marahnya akan Raja Trengganu itu. Maka baginda pun memanggil Raja Kecil itu serta Bendahara semua, mana suku-suku Melayu. Maka datanglah segala mereka itu maka baginda pun bertitah kepada Raja Kecil, 'Adapun saya ini berkhobar benar sekali ini jikalau abang-abang kaya semua serta Raja Kecil tiada mau muafakat dengan anak-anak raja Bugis, saya hendak keluar dari Riau ini. Barang siapa hendak menjadi raja di sini jadilah, yang saya seorang tiada saya mau dimakan sumpah dan jikalau abang-abang kaya semua serta Raja Kecil hendak mengikut ikhtiar saya, ambilkah saya Raja Muda ke Linggi, supaya sumpah setia kita baharukan semula.'

Syahadan setelah Tun Dalam, iaitu Raja Kecil, mendengar titah duli baginda itu, maka ia terdiam sejourus. Kemudian baharu ia berdatang sembah seraya katanya, 'Yang patik ini mana-mana sahaja titah perintah. Tiada patik berniat salah kepada duli tuanku, akan tetapi bilakan Raja Muda percayakan patik, melainkan patik pohonkan Raja Haji bersama-sama.' Lalu baginda memanggil Raja Haji. Maka Raja Haji pun datang. Maka baginda pun bertitahlah, 'Hai anakku Raja Haji, yang keruh aku minta jernihkan, yang kusut aku minta selesaikan. Maka muafakatliah Raja Haji dengan Tun Dalam aku minta ambilkah Raja Muda balik ke Riau ini.' Maka sembah Raja Haji, 'Mana-mana titah saja.' Maka Tun Dalam pun berlayarlah ke Linggi bersama-sama Raja Haji. Maka Raja Kecil pun mengajak Raja Haji singgah ke Melaka dahulu. Maka keduanya pun singgahlah ke Melaka.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila tiba ia ke Melaka, maka naiklah Raja Kecil berjumpa Gebernur Melaka. Maka mengakulah Raja Kecil itu kepada Gebernur yang ia utusan lagi wakil Sultan Sulaiman, membawa bicara kepada Gebernur daripada fasal Sultan Sulaiman hendak membuang Bugis dari Riau, 'Kerana Bugis sudah mengambil kerajaan Johor. Sebab itulah Raja Muda dikeluarkan dari Riau ini, sekarang ada di Linggi lama-

lama barangkali dapat kekuatan di situ. Maka inilah Sultan Sulaiman minta langgarkan Raja Muda di Linggi itu. Barang berapa belanja kompeni habis, nanti baginda boleh ganti. Dan lagi ini ada satu saudaranya jadi kakitangannya, Raja Haji, ada saya bawa ini, baginda minta belokkan di sini.'

Syahadan setelah Gebernur Melaka mendengar khabar Raja Kecil itu, maka jawabnya, 'Baiklah. Nanti pada hari Jumaat kita panggil makan-makan di kebun supaya boleh kita tangkap sama dia. Adapun Raja Muda di Linggi baik Raja Kecil bersama-sama kita pergi pukul.' Maka jawab Raja Kecil, 'Baiklah.' Syahadan ada satu orang bernama Encik Awal demi mendengar rahasia itu, maka ia pergi ke Linggi memaklumkan kepada Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruh Raja Selangor mengambil Raja Haji ke Melaka malam ini juga, kerana khabarnya hendak ditangkap di Melaka.

Setelah Yang Dipertuan Selangor mendengar khabar itu, maka ia segera turun ke sampan, berkayuh. Maka didapatnya Raja Haji di Pulau Jawa lalu-lah dibawanya Raja Haji itu ke Linggi. Kemudian Raja Selangor pun baliklah ke Selangor.

Syahadan ada kira-kira dua hari maka kapal-kapal langgaran dari Melaka pun datanglah. Ada kira-kira dua belas buah dengan selubnya sekali dan dengan perahu Trengganu, menjadi ada kira-kira empat puluh buah. Maka datanglah ia dengan terserkap. Maka tiada sempat Yang Dipertuan Muda berbuat kubu lagi dan segala senjata pun tiada habis disediakan. Maka naiklah baris lalu ditempuhnya kampung Yang Dipertuan Muda itu, beramuklah Bugis-Bugis dengan Belanda. Adapun orang Trengganu seorang pun tiada masuk perang, beberapa kali disuruh oleh Raja Haji teriak naik ke darat dengan perkataan yang keji-keji, tiada juga ia naik ke darat bertikam.

Maka Bugis-Bugis pun tiada dapat melawan betul sebab gaduh dengan bimbang, hendak melepaskan segala perempuan pada hal baris sudah masuk kampung. Maka Raja Haji itu pun mengamuklah berlawan dengan baris, maka lukalah Raja Haji kena sangkur senapang pada pahanya. Maka ia pun tiada boleh berdiri, maka lalulah didukung orang dilarikan keluar dari peperangan itu. Maka di dalam hal itu Linggi pun alah. Maka Raja Muda larilah ke Rembau, tetaplal di dalam Rembau muafakat dengan Penghulu Rembau itu pada pekerjaan hendak melanggar Melaka pula.

18. PEPERANGAN DENGAN BELANDA DI MELAKA

MAKA tersebutlah perkataan Raja Alam di negeri Matan. Maka tiada berapa lamanya ia di negeri Matan itu, maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Matan hendak berlayar balik ke barat. Maka dibekalkan oleh Sultan Matan barang yang patut kepada adat istiadat raja-raja berlayar. Maka berlayarlah Raja Alam dari Matan lalu masuk ke Batu Bahara, maka tetapliah ia di Batu Bahara.

Sebermula maka apabila didengarnya Yang Dipertuan Muda muafakat dengan Penghulu Rembau itu, maka Raja Alam pun pergilah ke Rembau. Maka apabila berjumpa Raja Alam itu dengan Yang Dipertuan Muda waktu di Siantan disuruh undur dahulu itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun berkhobar hal dirinya, difitnahkan oleh Raja Kecil Trengganu, sampai huru-haralah negeri Riau hingga sampai ke Melaka dan Linggi benihnya daripadanya. Maka kata Raja Alam, 'Waktu abang dilanggar oleh Holanda itu, Tun Dalamnya adakah naik ke darat sama-sama Holanda?' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Tiada ia naik, beberapa kali disuruh oleh Raja Haji terakkan suruh naik, jangan ia naik, disahutnya pun tidak.' Maka Raja Alam pun tertawa seraya katanya, 'Di Siantan begitu juga, beberapa kali saya ajak bertikam ke darat mendiamkan dirinya juga ia. Jikalau begitu orang yang mulut tajam, hendak membinasakan orang dengan mulutnya. Itulah alamat senjata laki-laknya tumpul.' Maka Yang Dipertuan Muda pun tersenyum.

Syahadan apabila sudah selesai daripada berkhobar-khabar itu maka Raja Alam pun balik ke Batu Bahara, mengumpulkan orang-orang di sana dibawanya membantu Yang Dipertuan Muda itu. Maka muafakatliah Yang Dipertuan Muda itu dengan segala penghulu-penghulu Rembau serta bersumpah bersetia dengan segala Bugis-Bugis yang di dalam Linggi itu. Maka ada kira-kira lima belas hari lalulah berjalan melanggar Melaka. Maka pada hari itu juga melanggar Tengkeri maka berperang di situ beramuk-amu-

kan. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun membuat kubu di Kelebang, maka di situ Yang Dipertuan Muda bersemayam. Maka Raja Rembau pun membuat pula kubu satu, menjadi dualah kubu yang besarnya dan segala Bugis pun berkubu juga.

Syahadan setelah mustaid kubu-kubu itu maka Yang Dipertuan Muda pun melanggar Peringggit, maka Peringggit pun alahlah. Maka selalu melanggar Bukit Cina, maka tiga kali langgar Bukit Cina pun alah juga. Kemudian Semabuk pula dilanggarnya, lalu ke Teluk Ketapang. Maka Yang Dipertuan Muda balik semula ke Kelebang. Maka tiada berapa lamanya, Raja Sa'id datang dari Selangor membawa petikaman dari Selangor, beberapa ratus Bugis. Kemudian Raja Alam pun datang membawa segala petikaman beberapa ratus. Lalu Raja Alam berbuat kubu besar satu.

Kemudian tiada berapa antaranya, maka datanglah suruhan dari Rembau mengatakan anak Raja Muda yang bernama Raja Linggi mangkat. Setelah Yang Dipertuan Muda mendengar sembah suruhan itu, maka berangkatlah ia ke Rembau. Adalah yang diwakilkannya perang itu, iaitu Raja Sa'id serta Raja Alam. Kemudian datanglah langgar dari Melaka terlalu banyak serdadunya, sebab bantunya sudah datang dari Betawi, iaitu ada enam bangsa yang datang itu. Pertama serdadu Belanda serta Nasrani, kedua serdadu Bali, ketiga serdadu Jawa, keempat serdadu Bugis, kelima Cina, keenam Melayu. Maka rapatlah segala serdadu itu, mengepung kubu tiga buah itu. Maka lalu beramuk-amukan bunyi senapang pemburasnya pun tiada berputusan. Maka dengan tolong *Allah subhanahu wataala* tiada juga alah. Maka banyaklah mati serdadu hari itu. Adapun pakaian serdadu yang mati-mati seperti cepiau-cepiau dan kasut-kasut itu pun bertimbun-timbun. Kemudian berhenti perang.

Kemudian Yang Dipertuan Muda pula menyuruh melanggar Peringggit semula. Maka berperanglah beramuk-amukan. Maka Peringggit pun alah. Maka berhentilah berperang berbicara damai semula. Maka Yang Dipertuan Muda pun minta kesalahannya kepada Belanda. Apa sebab dilanggar ia di Linggi dengan serkap, dengan tiada ditentukan sebabnya? Maka Belanda pun memberi surat peringatan segala perkataan Raja Kecil disuruh Sultan Sulaiman kepada Gebernur Melaka itu. Maka apabila Yang Dipertuan Muda melihat surat itu, maka Yang Dipertuan Muda pun memberi jawab kepada Belanda, 'Adalah yang disuruh Sultan Sulaiman itu mengambil kita Tun Dalam beserta saudara kita Raja Haji ini. Mana-mana dia

perkataan Raja Haji? Cubalah Gebernur periksa ke Riau kepada Sultan Sulaiman, benarkah seperti perkataan Tun Dalam itu, atau tidak?'

Syahadan apabila Gebernur mendengar jawab Yang Dipertuan Muda itu, maka ia pun muafakatliah dengan segala orang besar-besarnya pada pekerjaan yang telah lalu itu. Maka Belanda pun mengajak berdamai. Maka lalu berdamai. Maka perang ini ada kira-kira sembilan bulan. Maka Belanda pun mengajak berbuat perjanjian antara Yang Dipertuan Muda serta Bugis-Bugis Riau dan Selangor dan Linggi dan Langat pun, supaya senang orang berniaga mencari kehidupan. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertangguh minta periksakan Sultan Sulaiman dahulu, serta ia hendak balik dahulu ke Linggi. Maka dibenarkan Belanda. Maka balikkah Yang Dipertuan Muda ke Linggi bersama-sama Raja Rembau, dan Raja Alam balik ke Batu Bahara, dan Raja Sa'id pun balikkah ke Selangor.

Syahadan kembali pula kepada kisah yang dahulu. Adapun Raja Kecil Trengganu apabila Linggi sudah alah, maka ia pun ke Riaulah memaklumkan kepada Sultan Sulaiman Raja Muda bertangguh di belakang ia menghadap. Kemudian baharulah ia membuat satu perkara yang keruh dengan hendak membawa isterinya pindah ke Trengganu beserta segala orang-orang Riau dan peranakan Bugis yang ada di Riau sudahlah rupa-rupa hendak dinyahkannya. Maka mengambil hatilah Raja Aminah dan Raja Halimah, maka lalu pindah ke Retih. Adapun Raja Kecil berperiperiliah ia menurunkan anak isterinya ke perahu dan Sultan Sulaiman pun disilakannya juga ke Trengganu, kerana hendak mohon berkat dari ke bawah duli baginda. Maka baginda pun masuk juga menerima maksudnya Raja Kecil itu, lalu menyiapkan perahu serta segala harta benda pun turun ke kenaikan. Adalah Raja Abdul Jalil, laki isteri tiada mau turun titahnya, 'Tiada mau menurut honar Tun Dalam itu.'

Syahadan Sultan Sulaiman selalu-lalu juga bertanya, 'Bila Raja Muda datang?' Maka sembah Raja Kecil, 'Di dalam bulan ini jua datangnya. Akan tetapi meskipun ke bawah duli berangkat ke Trengganu, tentu Raja Muda mendapatkan ke bawah duli juga ke Trengganu.' Maka baginda pun diam. Syahadan Raja Kecil pun berkerahliah menyuruh perahu-perahunya mana yang sudah berisi orang-orang Riau dan barang-barang itu, disuruhnya ilir ke kuala, berlabuh di laut-laut sekali sekadar menantikan baginda saja turun, yang lain semuanya sudah turun.

Syahadan kata sahibul hikayat datanglah orang dari Melaka berdagang

menyembahkan kepada baginda mengatakan Linggi sudah alah dilanggar Belanda dengan permintaan baginda dari Riau. Setelah baginda mendengar khabar orang itu maka baginda pun terkejut serta berhamburan air matanya, lalu memanggil Raja Kecil. Maka Raja Kecil Trengganu pun datang. Maka belum sempat duduk maka baginda pun berdiri di hadapannya sambil menghempaskan bulang hulunya serta bertitah, 'Cih! Sampainya hati Tun Dalam! Lain yang aku suruh, lain yang diperbuat. Inilah orang yang tiada harus diperbuat sanak saudara, terlalu khianatnya.' Maka Yang Dipertuan Trengganu melihat baginda sangat murka itu, maka ia pun segeralah turun ke perahu kenaikan baginda itu hendak didayungkannya ke ilir. Maka gemparlah di dalam istana itu mengatakan baginda murka akan Tun Dalam.

Maka khabar itu sampailah kepada Raja di Baruh. Maka ia pun terkejut serta bangkitlah marahnya, maka ia pun menghunus keris panjangnya lalu berlari ke pangkalan sambil katanya, 'Tiada balasnya Tun Dalam itu melainkan tuntut kerisku inilah!' Maka gemparlah di dalam kota mengatakan Raja di Baruh hendak bertikam dengan Yang Dipertuan Terengganu. Maka Bendahara pun berlailah mendapatkan Raja di Baruh itu dan segala juak-juak dan segala orang tua-tua menerkamlah ke kenaikan baginda itu. Adapun Raja di Baruh apabila sampai ke kenaikan itu titahnya, 'Hai, Wan Dalam! Hendak didayungkan ke mana perahu bapa tiri engkau itu? Marilah kita bertikam sukat aku buraikan perutnya, baharunya puas hatiku!'

Maka Datuk Bendahara memberi isyarat kepada Yang Dipertuan Trengganu, maka Yang Dipertuan Trengganu pun turun dari belakang perahu itu lalu lari ilir. Maka tiadalah jadi orang-orang Riau ke Trengganu, akan tetapi mana-mana perahu yang sudah lepas ke laut terbawalah oleh Raja Kecil itu ke Trengganu, banyak juga anak-rajanya yang terbawa.

Syahadan pada hari itu gempar benarlah di dalam Riau seperti huru-hara mahsyar dunia umpamanya, kerana ada yang bercerai dengan ibu bapanya, ada yang bercerai dengan sanak saudaranya, ada yang bercerai dengan anak isterinya. Maka bertangis-tangisanlah setengah atas setengahnya, riu-ren-dah, huru-hara.

Syahadan kata sahibel hikayat maka tiada berapa antaranya maka datanglah satu orang besar Melaka disuruh Gebernur menyilakan Sultan Sulaiman ke Melaka, hendak berbicara pada pekerjaan yang telah lalu perbuatan Raja Kecil Trengganu. Maka berangkatlah Sultan Sulaiman ke Me-

laka. Maka apabila tiba baginda pun menyuruh ke Selangor menjemput paduka anakda Yang Dipertuan Selangor serta orang besar-besarnya. Maka segala orang-orang itu pun datanglah ke Melaka. Maka bermusyawarah pada pekerjaan yang telah lalu itu semata-mata khianat dan fitnah, sesal pun tiadalah memberi faedah.

Syahadan kemudian baharulah berjumpa dengan Gebernur Melaka itu di Bunga Raya nama tempatnya. Maka berbicaralah di dalam gedung itu. Maka Gebernur Melaka pun mekhabarkan perkataan Raja Kecil serta menunjukkan daftar wang belanja melanggar Linggi. Adapun banyaknya tujuh laka, tiga ribu, empat ratus lima puluh tujuh ringgit. Maka jawab baginda, 'Adapun pekerjaan itu sekali bukan dengan suruhan kita. Yang kita suruhkan lain yang diperbuatnya. Maka tiada sanggup kita membayarnya.' Maka jawab Gebernur, 'Seperti titah Tuan Sultan itu sebenarnya, akan tetapi Tuan Sultan boleh fikir sedikit Tuan Sultan satu raja, orang yang membuat pekerjaan palsu di dalam negeri Riau Tuan Sultan tiada tahu, apalagi saya. Lagi pula Yang Dipertuan Trengganu itu satu raja, lagi jadi menantu Tuan Sultan, jikalau kita tidak percaya bukankah Tuan Sultan jadi malu kepada raja-raja yang lain-lain? Seolah-olah Tuan Sultan mengambil menantu orang jahat. Seperkara lagi kita sudah bersahabat mana-mana yang kepercayaan Tuan Sultan mesti saya percaya. Adapun hukumannya atas Tuan Sultan punya sanak-sanak yang saya tiada boleh masuk campur, dan jikalau Tuan Sultan minta tolong, saya tolong. Maka inilah saya berkhobar terus.' Syahadan setelah Sultan Sulaiman mendengar perkataan Raja Melaka itu, maka baginda pun terdiam sejourus. Kemudian titahnya, 'Baiklah nanti barang apa pun biarlah saya mau berjumpa juga dengan Raja Trengganu.' Syahadan apabila selesai berbicara itu, maka baginda pun berangkatlah ke Riau serta bertitah kepada segala orang besar-besar Selangor, 'Yang kita balik ini, di belakang menyuruh mengambil Raja Muda adanya.'

19. RAJA HAJI PULANG KE RIAU

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda di dalam Selangor. Maka apabila sudah selesai daripada menikahkan Raja Haji dengan puteranya yang bernama Raja Perak, maka tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun kembali pula ke Pedas bersama-sama Raja Selangor serta segala orang besarnya. Kemudian berangkat pula ke Melaka. Maka didudukkan oleh Gebernur pada satu rumah di Tengkeraserta serta diper-muliakannya dengan diperjamunya makan minum sehari-hari, serta dengan permain-mainan. Ada kira-kira dua belas hari maka baharu bicara mengi-sahkan damai dan melahirkan muafakat, serta berbuat setia antara kompeni Belanda dengan Yang Dipertuan Muda serta segala Bugis. Bermula adalah jatuhnya pekerjaan ini pada Hijrat sanat 1166, pada seharibulan Ramadan.

Syahadan setelah selesai daripada pekerjaan damai itu, maka Yang Di-pertuan Muda pun baliklah ke Pedas. Maka apabila sampai ke Pedas Tunku Raja Selangor kembalilah ke Selangor serta suliwatang dan segala orang tua-tua yang banyak. Maka muafakatlal Raja Haji dengan Yang Dipertuan Muda serta segala orang besar-besarnya. Adalah muafakatnya itu akan pergi ke Riau seolah-olah pergi berbicara sumpah setia antara Bugis dengan Melayu. Maka bersatulah muafakat segala raja-raja dan orang besar-besarnya itu. Maka Raja Haji pun berlayar dahulu ke Riau dengan kenaikan yang bernama 'Bulang Linggi' serta pengiringnya empat lima buah penjabab. Adapun Raja Selangor serta segala orang besar-besarnya di belaknglah sedikit berangkatnya, kerana tengah bersiapkan segala penjababnya, maka ter-dahulu Raja Haji ke Riau. Maka raja-raja yang tinggal itupun bersungguh-sungguh bersiapkan penjabab-penjabab itu, maka tiada berapa hari siaplah semuanya.

Syahadan tersebut perkataan Sultan Sulaiman di dalam Riau, yang du-duk di dalam percintaan sebab perbuatan Raja Kecil Trengganu itu dan ne-

geri pun sudah rosak, beras pun mahal. Maka kesakitanlah segala orang miskin, rakyat-rakyat pun banyakkah kelaparan.

Syahadan setelah baginda melihat hal yang demikian itu, maka baginda pun memanggil paduka anakda Raja di Baruh. Maka Raja di Baruh pun menghadaplah paduka ayahanda baginda itu. Maka apabila berhadapan maka titah baginda, 'Awang, baiklah engkau pergi ambilkan Raja Muda ke Linggi, kerana jangan kita dimakan sumpah setia. Seperkara lagi negeri kita inilah rupanya padahal negeri cukup dengan Bendahara, Temenggung serta orang besar-besarnya, maka negeri pun mangkin sehari mangkin rosak sebab perdagangan sudah mati, dikacau oleh Wan Dalam serta suku-suku kita sebelah Melayu. Dan lagi niat hatiku, jika aku sudah berjumpa dengan Raja Muda jika aku mati pun, syukurlah aku minta jemah juga kepadanya dan aku hendak petaruhkan engkau semua kepadanya.'

Syahadan apabila Raja di Baruh mendengar titah lalulah ia menyiapkan kelengkapannya. Apabila sudah mustaid maka berangkatlah ia tiadalah anak raja mengiringkan dia, hanyalah panglima-panglima Melayu dan rakyat-rakyat jua. Maka berlayarlah ia jalan Ungar-Buru.

Syahadan adapun Raja Haji berlayar itu tiadalah singgah-singgah selalu ia ke Riau jalan Singapura. Maka berselisihlah perjalanannya itu dengan Raja di Baruh sebab tiada ia berjumpa di laut. Maka apabila masuk ia ke dalam Riau gemparlah suku-suku sebelah Melayu menyangka-nyangka Raja Haji datang itu hendak melanggar Riau. Maka raja-raja Melayu serta panglima-panglima Melayu ada setengah sangat hendak membedil Raja Haji itu. Maka tiadalah diendahkan oleh Raja Haji, dilayarkan juga 'Bulang Linggi' itu hingga sampai ke Batangan, bertentangan dengan istana baginda itu baharu dilabuhnya. Maka gaduhlah suku-suku Melayu hendak membedil itu. Maka apabila Sultan Sulaiman mendengar hal itu, maka baginda pun sangatlah murkanya. Maka titah baginda, 'Pergi tanya siapa bercakap-cakap hendak membedil itu. Aku minta jalannya dan sebabnya. Jikalau tiada berbetulan jalannya kepada aku nanti dialah yang patut dibedil, tiada lain isi perutnya itu dengki khianat dan dendam khususat juga yang dipenuhkan-nya perutnya.' Maka lalu senyap segala suku-suku Melayu menyebut-nyebut pekerjaan bedil-membedil itu.

Maka Raja Haji pun naik ke darat menghadap baginda. Apabila berjumpa dengan baginda itu maka titah baginda, 'Apa kehendak Raja Haji datang ini?' Maka sembah Raja Haji sekarang ini?' Maka sembah Raja Haji, 'Tiada

apa sebab, lama patik tiada menghadap, inilah patik datang menghadap.' Maka titah baginda, 'Apa bicara Raja Haji sekarang ini?' Maka sembah Raja Haji, 'Tiada bicara apa kepada patik, melainkan kepada duli tuanku juga.' Maka titah baginda, 'Adat yang mana hendak dipakai oleh Raja Haji, kerana adat ini ada dua. Satu adat Marhum di Sungai Baharu, dan satu adat Marhum Mangkat di Kota. Yang mana yang hendak dipakai oleh Raja Haji?' Maka sembah Raja Haji, 'Adat Marhum Mangkat di Sungai Baharu, itulah adat di dalam sumpah setia.'

Syahadan apabila baginda mendengar sembah paduka anakda Raja Haji itu, maka baginda pun menyuruh satu orang baik-baik menjemput paduka anakda Raja di Baruh menyuruh segera balik ke Riau. Maka orang yang dititahkan itu pun berlayarlah dengan sebuah kakap berdayung dengan layar-layarnya menuju jalan Ungar-Buru.

Syahadan sebermula adapun raja-raja Selangor serta orang-orang besarnya itu pun berlayarlah ia sampai ke Ungaran. Maka berjumpalah dengan angkatan Raja di Baruh. Maka berhadapanlah penjabab orang-orang Selangor dengan penjabab orang-orang Riau. Maka di dalam hal itu suruhan dari baginda itu pun tiba. Maka lalu memaklumkan kepada Raja di Baruh, 'Paduka ayahanda menyilakan masuk dahulu ke Riau berkampung kerana paduka adinda Raja Haji pun sudah ada di dalam Riau.' Setelah Raja di Baruh mendengar sembah suruhan itu, maka titah Raja di Baruh, 'Pergilah memaklumkan kepada saudaraku Raja Selangor itu, katakan bersamalah kita masuk Riau.' Maka suruhan itu pun pergilah ke pihak angkatan Raja Selangor lalu memaklumkan seperti titah Raja di Baruh itu. Maka apabila Raja Selangor serta orang besar-besarnya mendengar khabar suruhan itu maka lalulah ia memapas kajang lalulah berlayar ke Riau beriring-iring dengan kelengkapan Raja di Baruh.

Maka apabila tiba ke dalam Riau, maka naiklah semuanya raja-raja itu menghadap baginda itu. Maka Datuk Bendahara pun serta Temenggung dan Raja Indera Bungsu serta orang tua-tua sekalian hadirlah semuanya antara kedua pihak itu. Kemudian maka Sultan Sulaiman pun bertitah demikian bunyinya:

Barang tahu kiranya antara kedua pihak, sebelah suku-suku Melayu dan sebelah suku-suku Bugis, adalah kita menetapkan sumpah setia antara Bugis dengan Melayu, seperti setia Marhum Sungai Baharu, yang diperpegang hingga sampai kepada anak cucu cicitnya. Barang siapa mungkir seperti

yang telah tersebut ini, dibinasakan Allah dan dikutuk-Nya tiada selamat dunia akhirat.

Setelah itu maka titah baginda, 'Hari inilah kita serahkan perintah bicara, panjang pendeknya, kecil besarnya kepada Raja Muda.' Maka Bugis-Bugis pun menerimalah. Maka titah baginda, 'Baca doa.' Maka lalulah membaca doa. Maka habislah segala perkara Bugis dengan Melayu pulang sediakala. Setelah selesai daripada itu sekalian orang besar-besar pun pulanglah ke rumahnya.

Adapun Sultan Sulaiman pada hari esoknya itu, maka bertitahlah ia kepada Sultan Selangor dan Raja Haji dan Raja di Baruh, 'Pergilah anakda-anakda sekalian mengambil Raja Muda di Linggi.' Syahadan raja yang ketiga itu pun berlayarlah ke Pedas. Maka berjumpalah raja-raja itu dengan Yang Dipertuan Muda lalu memaklumkan titah-titah baginda menyuruh Raja Muda balik ke Riau. Maka jawabnya, 'Baiklah.' Maka Raja di Baruh pun minta ke Selangor dahulu bersama-sama Raja Selangor. Maka apabila tiba ke Selangor tiada berapa harinya maka Raja di Baruh pun geringlah demam. Maka Raja Selangor pun sangatlah susahny melihat paduka adinda itu gering. Maka dipanggil segala dukun mengubatkannya dan segala orang besar-besar Selangor pun berkumpullah siang malam di dalam istana Yang Dipertuan Selangor itu demikianlah halnya selama-lama Raja di Baruh gering itu.

20. KEMANGKATAN SULTAN SULAIMAN

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Sulaiman di dalam negeri Riau. Kata sahibul hikayat maka apabila sudah paduka anakda baginda Raja di Baruh berlayar ke Linggi maka baginda pun geringlah. Adapun Tengku Putih isteri Raja di Baruh itu di dalam baginda itu gering, maka ia pun berputeralah pula seorang laki-laki dinamakan oleh baginda Raja Mahmud. Adapun putera yang tuanya bernama Raja Ahmad sudah besar juga, akan tetapi belum akil baligh masih kanak-kanak lagi.

Syahadan adapun Sultan Sulaiman gering itu mangkin sehari mangkin bertambah, maka berkumpullah Datuk Bendahara serta segala orang-orang besarnya masuk bertunggu ke dalam. Maka tiada berapa hari mangkatlah Sultan Sulaiman kembali ke rahmat *Allah taala*. Maka gemparlah orang-orang Riau apa lagi di dalam istana, riuh-rendahlah dengan ratap tangis raja-raja itu yang laki-laki dan perempuan, apa lagi segala orang besar-besarnya.

Syahadan maka Datuk Bendahara pun memerintahkan akan jenazah baginda itu ditanam, dikuburkan betapa adat istiadat raja yang besar-besar dimakamkan, iaitu diusung ke kubur jenazah baginda di atas usungan raja diraja, serta jawatan bersama-sama serta dian dan kain dukung enam belas serta nobat, dan dibentangkan podi jalan hingga ke kuburnya, dan berkabunglah sekalian orang-orang hingga seratus hari. Maka beberapa pula Datuk Bendahara mengeluarkan sedekah kepada fakir miskin, dan berken- duri tiga hari dan tujuh harinya, betapa adat istiadat raja yang besar-besar mangkat.

Syahadan apabila selesailah daripada dimakamkan itu, maka Datuk Bendahara pun menyuruh ke Selangor memberitahu Raja di Baruh serta Yang Dipertuan Muda. Maka berlayarlah suruhan itu. Maka tiada berapa lamanya sampailah ke Selangor, lalu mengadap Raja Selangor mempersembahkan surat itu, dan suruhan itu pun masih memakai kabung di atas kepala-

nya. Maka apabila Tengku Selangor melihat suruhan itu memakai kabung maka ia pun terkejut.

Syahadan Tengku Raja di Baruh setelah ia melihat surat daripada Datuk Bendahara maka ia pun bertambah-tambahlah geringnya. Maka di dalam tiada berapa hari maka Tengku Raja di Baruh pun mangkatlah pula. Maka Raja Selangor pun menangislah lalu diperbuatkannya keranda. Maka dimasukkanlah ke dalam keranda itu, maka dibawa ke Pedas. Setelah Yang Dipertuan Muda melihat keranda paduka adinda baginda itu datang, maka Yang Dipertuan Muda pun menangislah serta Raja Haji.

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda serta segala perempuan-perempuannya pun berlayarlah ke Riau serta membawa jenazah itu. Maka sampailah ke Riau dan segala orang besar-besar pun berterjunanlah ke sampan masing-masing berkayuh menuju kenaikan Yang Dipertuan Muda. Maka Bendahara serta Temenggung pun berjumpalah Yang Dipertuan Muda lalu bertangis-tangisan masing-masing dengan biji ratapnya. Maka dikuburkanlah keranda itu betapa adat raja-raja besar berdekatan dengan paduka ayahanda Marhum Sulaiman Badrul Alam Syah.

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun selalulah merajakan Raja Ahmad putera Marhum Raja di Baruh. Adalah Raja Ahmad itu pada ketika itu adalah umurnya kira-kira delapan tahun.

Syahadan adapun Tengku Putih apabila sudah mangkatlah paduka kekanda baginda itu Marhum Raja di Baruh, maka dukacitalah ia. Maka tiadalah mau santap lagi, maka mudaratlah penyakitnya itu. Maka tiada berapa antaranya, telah mangkatlah Tengku Putih itu. Maka mangkin bertambah-tambahlah dukacitanya Yang Dipertuan Muda itu, di dalam Riau tiadalah berkeputusan orang berkabung.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah baginda Sultan Ahmad itu tinggal di Kampung Bulang bersama-sama pihak suku-suku Melayu, akan tetapi pergi-datang kepada ayahanda Yang Dipertuan Muda, kerana lagi kanak-kanak. Adapun Raja Mahmud adalah ia bersama-sama bonda saudaranya memelihara dia, iaitu Tengku Hitam dan Raja Aminah dan Raja Hali-mah adik-beradik.

Syahadan maka tetaplah Yang Dipertuan Muda memerintahkan Riau itu. Maka negeri Riau pun ramailah dan segala dagang pun datanglah dari pihak barat dan timur. Maka amanlah Riau pada masa itu serta banyak mendapat hasil-hasil. Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun mem-

buatlah istana di Pangkalan Rama. Maka Raja Haji jadilah Kelana memerintahkan kerajaan di bawah Yang Dipertuan Muda serta membetulkan tokong pulau teluk rantau serta melihat-lihat segala raja-raja dan penghulu-penghulu di dalam teluk rantau itu, siapa-siapa yang betul dan siapa tiada betul. Maka ialah membetulkannya atau memerangi.

Syahadan maka Engku Kelana Raja Haji pun pergilah memeriksa sebelah Lingga. Maka diaturkannya segala kedudukan megat-megat itu serta hasil makanannya, serta disuruhnya berbuat kelengkapan perang yang disediakan barang bila dikehendaki oleh Yang Dipertuan Muda pada ketika sakit sukarnya, hendaklah sedia. Maka mengerjakanlah segala megat-megat itu akan titah perintah itu adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Sultan Jambi. Maka adalah baginda itu ada menaruh putera seorang perempuan yang baik parasnya. Maka di dalam hal itu baginda hendak mencari anak raja-raja di dalam negeri Jambi itu akan jadi suami puteranya itu. Maka tiadalah sedap pada matanya. Maka adalah nama puteranya itu Tengku Ratu Emas. Syahadan setelah habislah ia berfikir maka lalu ia menyuruh ke Lingga menyilakan Engku Kelana Raja Haji itu bermain-main ke Jambi. Maka Engku Kelana pun berangkatlah ke Jambi. Maka apabila tiba dipermuliakanlah oleh Sultan Jambi betapa adat istiadat raja besar-besar datang, dengan diberinya istana satu. Maka tiada berapa harinya menyuruhlah sultan itu kepada Raja Haji, jikalau suka, hendak diberinya beristeri. Maka Raja Haji pun relalah. Maka apabila sampai waktunya nikahlah Raja Haji dengan Tengku Ratu Emas itu betapa adat raja-raja nikah kahwin. Maka berkasih-kasihanlah ia laki isteri. Maka Sultan Jambi pun meletakkan gelaran Raja Haji itu dengan gelaran Kelana Pangeran Suta Wijaya. Maka segala orang-orang pun menyebutlah nama itu di dalam negeri Jambi serta takluk daerahnya. Syahadan tiada berapa lamanya, maka Kelana Pangeran Suta Wijaya pun bermohonlah kepada Sultan Jambi. Maka dilepaskanlah oleh Sultan Jambi lalulah ia berlayar keluar dari negeri Jambi adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan anak Raja Minangkabau empat orang, seorang bernama Raja Bayang, kedua bernama Raja Hijau, ketiga bernama Raja Mastika, keempat Raja Lais. Syahadan adalah Raja Bayang itu meminang akan putera Sultan Hasan Raja Indera Giri, bernama Raja Halimah. Maka tiada diterima oleh Sultan Hasan itu. Maka marahlah Raja Bayang itu. Maka keempat anak raja itu pun pergilah melanggar Indera Giri. Maka

berperanglah Sultan Hasan dengan keempat raja itu. Maka tiada berapa hari berperang itu Sultan Hasan pun tewas, lalulah lari ke Gaong. Maka Indera Giri pun dapatlah oleh raja berempat itu. Maka diperintahnyalah Indera Giri itu. Adapun Raja Bayang pergi ke Retih itu memerintah pula Retih itu.

Syahadan apabila Raja Haji Pangeran Suta Wijaya mendengar Indera Giri sudah rosak dan Retih sudah diperintah oleh Raja Bayang, maka ia pun sangatlah marahnya. Maka lalulah ia pergi melanggar Retih. Maka berperanglah Engku Kelana itu dengan Raja Bayang. Maka tewaslah Raja Bayang itu, lalu ia berundur ke Indera Giri. Maka diperikut oleh Engku Kelana ke Indera Giri, maka lalu berperang pula. Maka bantu dari Jambi pun datang pula, maka jadi besarlah perangnya itu, beramuk-amukan dan berbunuh-bunuhan sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa lamanya lalulah raja yang berempat tiada berketahuan membawa dirinya. Maka Indera Giri pun dapatlah oleh Engku Kelana. Kemudian pergilah Engku Kelana ke Gaong mengambil Sultan Indera Giri itu lalu dibawanya balik diserahkannya Indera Giri itu kepada Sultan Indera Giri semula dan termasuk Batin Enam Suku diambil oleh Kelana Pangeran Suta Wijaya itu, kerana Raja Bayang mengambil Indera Giri itu selalu diambilnya Tapukan itu sekali.

Syahadan apabila selesailah Engku Kelana itu mengambil Indera Giri dan Retih dan Batin Enam Suku, maka Sultan Hasan Indera Giri pun menikahkan Engku Kelana dengan puteranya yang bernama Raja Halimah itu, betapa adat raja besar-besar. Kemudian maka Pangeran Suta Wijaya pun berbuat negeri di Kuala Cenako, maka suruh-menyuruhlah ke Riau.

Sebermula kata sahibul hikayat ada satu lebai Minangkabau mengakukan dirinya keramat dengan ilmunya dengan beberapa menyalahi adat konon, pada tempat yang bernama Danai. Banyaklah orang-orang berguru kepadanya, mangkin sehari mangkin ramailah muridnya. Adalah ia mengaku dirinya Datuk Malaikat maka banyaklah orang-orang Rantau berhimpun kepadanya. Maka akhir-akhir pekerjaannya diperintahnyalah sekalian Rantau itu sampailah ke Karimun, Buru dan Ungar. Maka duduklah ia seperti kerajaan sendiri serta diperbuatnya beberapa kubu dan benteng akan melawan Riau.

Syahadan khabar itu pun sampailah kepada Engku Kelana maka berangkatlah Engku Kelana dengan kelengkapannya perang. Maka dilanggarnya-

lah segala teluk rantau Danai itu dengan berperang beramuk-amukan, ber-bunuh-bunuhan. Maka tiada berapa hari berperang itu, maka dapatlah ter-tangkap Datuk Malaikat itu. Maka lalu didepang tangannya serta diikat ran-tai, maka disuruh hantar ke Riau. Maka apabila sampai ke Riau, disuruh bunuh oleh Yang Dipertuan Muda. Maka matilah ia. Maka segala tempat-tempat itu jadi milik kepada Engku Kelana diambil dengan perang seba-gaimana keadaan Batin Enam Suku juga adanya. Kemudian tetaplah Kelana Pangeran Suta Wijaya itu di dalam Riau. Maka apabila ia sampai ke dalam Riau maka tiadalah diberinya menyebut lagi nama Pangeran Suta Wijaya itu demikianlah halnya. Maka tetaplah ia di dalam Riau dengan kemuliaannya.

21. BELANDA MENUNTUT GANTIRUGI PERANG

ALKISAH maka tersebut perkataan Gebernur Melaka. Maka apabila dide-ngarnya negeri Riau sudah makmur maka menyuruhlah ia satu kapal perangnyanya akan menunggu hutang Sultan Sulaiman. Maka apabila tiba ke Riau ditunggunya Sultan Ahmad yang lagi belum remaja putera itu. Maka kesusahanlah Bendahara semua. Maka lalu Bendahara serta suku Melayu semuanya mendapatkan Yang Dipertuan Muda.

Maka kapitan kapal pergi pula mendapatkan Datuk Bendahara semua di tengah istana Yang Dipertuan Muda. Maka ditunggulah pula di situ pada hadapan orang-orang ramai itu. Maka titah yang Dipertuan Muda kepada kapitan kapal itu, 'Jikalau sudah terbit wang kompeni melanggar kita itu, wang belanja-belanja kita melawan kompeni di Linggi, dan belanja kita melanggar kompeni di Melaka, siapa pula kita tunggu.' Maka kapitan itu pun tersenyum, seraya katanya, 'Betul Tuan Raja Muda punya perkataan.' Syahadan maka Datuk Bendahara pun tertunduklah. Kemudian bertitah Yang Dipertuan Muda kepada Datuk Bendahara serta segala suku Melayu, 'Apalah bicara kita sekalian?' Maka jawab Datuk Bendahara, 'Apalah yang saya semua hendak bayarkan maka segala pekerjaan itu pulanglah kepada Raja Muda.' Maka titah Yang Dipertuan Muda, 'Sungguh-sungguh Bendahara tiada terdaya lagi dan tiada terhelahkan lagi?' Maka jawab Bendahara, 'Sungguhlah Raja Muda.' Maka kapitan kapal itu pun tertawa seraya katanya, 'Jikalau sudah Tuan Bendahara dan lain-lainnya, tiada dapat lagi mem-bayarnya, baiklah anak raja dua orang itu serahkan kepada kita.'

Syahadan apabila Datuk Bendahara mendengar kata kapitan kapal itu kesesakanlah ia, sebab tiada dapat tempat hendak musyawarah lagi dan Raja Kecil Trengganu pun sudah balik ke Trengganu, kerana ia punya honar sampai jadi demikian ini. Maka berkata pula Bendahara kepada Yang Dipertuan Muda, 'Allah! Allah! Janganlah abang kenangkan saya semua ini,

melainkan abang pandang sajalah kepada intan gemala kita, yang piatu itu daripada waris amanah petaruhan marhum kepada abang serta saya semua ini. Adapun Johor dan Riau serta segala takluk daerahnya dipulangkan kepada abang dan abanglah memerintahnya serta kaum abang selama-lamanya dengan muafakat serta tulus ikhlas, relalah saya semualah kepada abang adik-beradik, anak-beranak.'

Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda mendengar kata Datuk Bendahara dan sekalian raja-raja Melayu itu, maka titah Yang Dipertuan Muda, 'Jikalau sudah begitu kata orang kaya semua, *insya-Allah taala*, sayalah yang membayarnya hutang marhum itu. Jalan saya tergadai kain di pinggang sekalipun, relalah saya adik-beradik, anak-beranak terjual kepala dengan sebab mengenangkan intan gemala yang dua butir itu.' Kemudian bertitah pula Yang Dipertuan Muda itu kepada kapitan kapal itu, 'Adapun dari hutang-hutang marhum itu kitalah membayarnya dan kita minta tempoh tiga bulan keempat. Maka apabila sampai tiga bulan keempatnya, maka datanglah terima ke Riau ini.' Maka kapitan kapal pun lalu memberi salam kepada Yang Dipertuan Muda, maka luluh ia turun ke kapalnya selalu ke Melaka.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda bertanggung itu adalah kata riwayat orang tua-tua. Ada konon satu orang putih kapitan kapal, sahabat Yang Dipertuan Muda itu, memang pada masa di Linggi yang Dipertuan Muda berniaga-niaga timah-timah dengan dia, jadi bersahabatlah tolong-menolong dengan Yang Dipertuan Muda itu pada pekerjaan berniaga-niaga itu. Maka apabila Yang Dipertuan Muda sudah pulang ke Riau semula, maka datanglah ia mendapatkan Yang Dipertuan itu ke Riau padahal kapalnya itu ada membawa apiun beribu-ribu peti. Maka tatkala ia berlayar ke China, maka ditinggalkannya setengah kepada Yang Dipertuan Muda minta jualan di dalam Riau. Nanti apabila ia balik dari negeri China, jika habis laku, diterimanya wangnya dan adalah pula keuntungan Yang Dipertuan Muda di dalam itu. Syahadan maka apiun itulah diserahkan oleh Yang Dipertuan Muda kepada segala perahu-perahu Bugis dan perahu-perahu dagang yang mana-mana orang yang sahabat handai Yang Dipertuan Muda itu. Maka habislah apiun itu konon, maka cukuplah akan pembayar hutang marhum itu.

Syahadan apabila sampai tempoh tiga bulan keempatnya, maka datanglah kapitan kapal itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun mendapatkan Sul-

tan Ahmad, kerana baginda itu diam di Kampung Bulang serta mengumumkan Bendahara dan Temenggung serta raja-raja suku sebelah Melayu. Maka berkumpullah sekaliannya di hadapan Sultan Ahmad. Maka pada ketika itu berbayarlah Yang Dipertuan Muda akan hutang marhum itu di hadapan raja-raja dan orang besar-besar. Maka adalah banyaknya tujuh laka tujuh ribu, tujuh ratus, tujuh puluh ringgit.

Syahadan apabila sudah berbayarlah hutang-hutang itu maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah dengan air matanya, 'Cih! Orang kaya apa boleh buat? Sudah jadi daging darah busuk hanyir pun apalah yang hendak dikata lagi? Jikalau sekira-kiranya tidak inilah ketikanya, saya mehalai-balaikan negeri Riau ini. Cih! Sampai hatinya memperbuat saya semua anak-anak Bugis sekalian sampai sudah begini pula jadinya, seperti pantun orang tua-tua:

Tinggi bukit Sukadana,
 Tempat bertanam halia padi;
 Sakitnya muda kena bencana,
 Sebarang kerja tidak menjadi.'

Setelah Datuk Bendahara mendengar pantun Yang Dipertuan Muda itu, maka ia pun tertunduklah, dan segala raja-raja suku-suku Melayu terdiamlah semuanya.

Syahadan apabila selesai daripada membayar hutang itu maka dengan takdir *Allah taala* maka Sultan Ahmad pun geringlah. Maka tiada berapa hari geringnya itu maka mangkatlah ia. Maka Yang Dipertuan Muda serta Datuk Bendahara pun mengerjakanlah jenazah Sultan Ahmad itu. Maka apabila selesai dimandikan dan dikapankan dan disembahyangkan, maka dimakamkanlah betapa adat raja yang besar-besar mangkat.

Maka apabila selesai daripada mengkuburkan Sultan Ahmad itu, maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda serta Datuk Bendahara serta suku sebelah Melayu dan suku Bugis akan ganti Marhum Sultan Ahmad itu. Syahadan adapun sebelah suku-suku Melayu dipilihnya saudara-saudara marhum di Baruh, seperti Tengku Abdul Kadir dan Tengku Othman dan Tengku Buang. Adapun suku-suku pihak Bugis adalah yang dipilihnya anak yang gaharalah, iaitu Raja Mahmud, putera marhum di Baruh dengan Tengku Putih. Maka hal itu di dalam bersalah-salahanlah maksud antara

kedua pihak. Maka Datuk Bendahara pun mengajak Yang Dipertuan Muda bersama-sama memilih, sama-sama menunjuk di hadapan kedua pihak. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Baiklah esok hari berkumpullah kita.'

Syahadan Datuk Bendahara pun mengumpulkanlah segala raja-raja dan orang besar-besar suku Melayu, disuruhnya memakai kain lepas semuanya dan berpendawa dengan alat senjata, seperti rupa-rupa orang hendak bertikam atau berperang. Syahadan segala khabar-khabar dan perintah Bendahara itu pun sampailah kepada Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun panaslah hatinya seraya bertitah kepada Raja Haji, 'Engku Kelana daripada perbuatan Datuk Bendahara itu, baharu semalam umpamanya ia berkata negeri Riau ini putih hitamnya terserahlah kepada kita. Pada ketika kapitan kapal menunggu hutang hari itu, ini sudah lain pula tingkah lakunya seperti rupa-rupa hendak mencari jalan perkelahian, bukan jalan muafakat dan musyawarah memilih raja hanyalah seolah-olah jalan hendak menunjukkan laki-lakinya jua.'

Maka sembah Raja Haji, 'Jikalau sudah fikiran Orang Kaya Bendahara itu kita pun hendak juga menunjukkan laki-laki kita jua kepadanya.' Maka titah Yang Dipertuan Muda, 'Fikiran abang demikian jua. Baiklah beritahu Bendahara baiklah sediakan singgahsana memang di balairung. Nanti apabila sudah tentu pemilihan kita kedua pihak, kita naikkan sekalilah ke singgahsana, selalulah kita menjunjung duli sekali.' Syahadan maka Raja Haji pun menyuruhlah kepada Datuk Bendahara, maka jawabnya, 'Baiklah.'

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun memberilah perintah kepada Bugis-Bugis itu alat petikaman. Maka segala raja-raja Bugis dan Bugis-Bugis jati pun, bersiaplah semua seperti siap menghadap musuh. Syahadan apabila keesokan harinya maka berkumpullah segala raja-raja suku Melayu serta berkain lepas dan berpendawa semuanya dan Bugis-Bugis dengan segala anak rajanya pun datang pula berkumpul, dengan memakai seluar sampak bertondera batung semuanya, berpendawa juga dengan kelewangnya dan halamangnya. Maka duduklah berhadap-hadapan.

Seketika lagi maka Yang Dipertuan Muda berangkatlah naik ke istana lalu didukungnya Raja Mahmud, dibawanya turun ke balai lalu diribanya di atas singgahsana. Setelah anak raja-raja Bugis melihat hal Yang Dipertuan Muda itu, maka sekalinyanya pun memegang hulu kerisnya. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah, 'Barang tahu kiranya suku-suku Melayu dan suku-suku Bugis, bahawa sesungguhnya inilah Raja Johor, dengan segala

takluk daerahnya yang diangkat oleh Bugis. Maka barang siapa tiada membetuli aturan ini, maka pada hari inilah kita berhabis-habis.' Maka lalu ia menghunus halamangnya.

Syahadan setelah Datuk Bendahara melihat hal yang demikian itu, maka terbaliklah mukanya. Maka Datuk Bendahara pun fikir, 'Jikalau tidak dibetulkan tentu rosak negeri ini tiada faedahnya.' Maka ia pun bersabda katanya, 'Jikalau sudah patut pada abang semua Raja Mahmud ini menjadi Raja Johor, maka saya semua pun sertalah.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Jikalau sudah begitu, *alhamdulillah* semua sama-sama betul muafakat.' Maka lalu diajaknya antara kedua pihak bersama-sama menjunjung duli. Maka menjunjung dulilah kedua pihak. Kemudian baharu bersetia pula adanya.

22. KEGIATAN-KEGIATAN RAJA ALAM DARI SIAK

ALKISAH maka tersebut perkataan Sultan Mahmud di dalam negeri Siak. Maka adalah kira-kira enam tahun ia di dalam kerajaan yang tetap, maka ia pun geringlah. Maka beberapa diubatkan oleh orang-orang besarnya tiada juga sembuh. Maka ia pun tahulah akan habis umurnya, maka ia pun memanggil segala orang besar-besarnya serta paduka anakda baginda Raja Ismail seraya ia berpesan kepada segala menteri-menterinya anakdanya Raja Ismail itulah gantinya.

Syahadan apabila sudah ia berpesan itu maka Sultan Mahmud itu pun mangkatlah. Maka dimakamkan oleh segala menteri-menterinya betapa adat raja-raja besar mangkat di dalam Mampura. Maka anaknya yang bernama Raja Ismail itu menggantikan kerajaannya.

Syahadan kata sahibul hikayat ada kira-kira tiga tahun lepas ia menjadi raja, maka datanglah ayah saudaranya Raja Alam yang diam di Batu Bahara. Sebermula apabila Raja Alam mendengar khabar saudaranya Raja Mahmud itu sudah mangkat, dan yang menggantikan kerajaannya anak saudaranya Raja Ismail, dan anaknya Raja Muhammad Ali menjadi Raja Muda, maka ia pun bersiaplah akan kelengkapannya ada lima belas buah.

Setelah itu maka pergilah ia ke Melaka berjumpa Gebernur Melaka. Maka berkhabarlah Gebernur Melaka itu kepada Raja Alam, 'Sekarang kita dapat perintah dari Betawi itu negeri Siak patut dipukul dan barang siapa hendak menjadi raja di Siak ini ketika boleh kita tolong akan tetapi mau berjanji dengan Gebernur dahulu jangan lagi pekerjaan rompak itu.'

Syahadan maka Raja Alam pun sungguhlah memegang perjanjian itu. Maka Belanda pun menyuruhkan satu kapal perang dan tiga buah keci perang. Adapun Raja Alam lima belas buah penjabnya. Maka pergilah kedua angkatan itu melanggar negeri Siak.

Apabila tiba maka orang-orang Siak pun sudah siap memang. Maka di-

keluar oleh Yamtuan Raja Ismail serta Yang Dipertuan Mudanya, iaitu anak Raja Alam itu jua, yang bernama Raja Muhammad Ali. Maka apabila bertemulah penjajab dengan kapal perang itu, maka berperanglah kedua pihak berbedil-bedilan. Hatta sekira-kira enam belas hari, maka banyaklah kelengkapan Siak itu rosak hingga kenaikan Raja Ismail pun tenggelam dan segala batangan dan jojol pun habislah dicabut oleh Belanda. Maka larilah Yang Dipertuan Raja Ismail itu ke darat ke dalam kubunya. Maka dilanggar pula oleh Belanda kubu itu dinaikkannya dengan baris serdadu. Maka Yang Dipertuan Raja Ismail pun larilah serta saudara-saudaranya menuju ke sebelah Riau. Adapun Yamtuan Mudanya tiadalah lari kerana ayahandanya Raja Alam bersama-sama Belanda.

Syahadan alahlah negeri Siak itu. Maka Raja Alamlah pula menjadi Raja Yang Dipertuan Besar Siak. Adapun anaknya Raja Muhammad Ali itu menjadi Yang Dipertuan Muda juga ia.

Sebermula adapun Raja Ismail itu berlayarlah ia ke Siantan. Maka lalu dibencinya orang-orang Siantan dengan keluar wang dan harta jadi persembahan kepadanya. Kemudian muafakatliah ia dengan orang-orang Siantan itu hendak melanggar Pantai Emas namanya, dekat Kambuja, sebab ada orang-orang Minangkabau kira-kira lima ratus orang diam di tempat itu sudah memberi surat kepadanya, 'Jikalau Yang Dipertuan Raja Ismail melanggar Pantai Emas ia semua belot.' Maka Yang Dipertuan Raja Ismail pun bersiaplah ada kira-kira seratus penjajab di dalam Pulau Tujuh itu.

Adapun saudaranya Tengku Busu disuruhnya ke Trengganu memining anak Raja Trengganu. Maka diterimalah oleh Yang Dipertuan Raja Kecil Trengganu dan Tengku Busu itu pun baliklah ke Siantan. Maka duduklah Raja Ismail itu, menantikan lepas angin besar saja hendak melanggar Pantai Emas juga kehendaknya adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja di dalam negeri Riau. Maka tiadalah lain pekerjaannya melainkan membesarkan perniagaan. Maka datanglah beberapa perahu dagang dari jauh-jauh, dari Benggal dan dari China datang pula wangkan-wangkan kepala hijau, dan kepala merah, berpuluh-puluh buah, dan dari Siam, apa lagi perahu-perahu Bugis dan Jawa berasak-asaklah di dalam Sungai Riau dari kuala sampai ke Kampung Cina. Maka berpuluh-puluh dagangan Cina dengan dagangan Jawa, demikian lagi berpalu dagangan Jawa dengan dagangan Riau, seperti gambir dan saudagar-saudagar Cina dan Bugis pun

banyaklah kaya-kaya di dalam negeri. Adapun Yang Dipertuan Muda selalulah ia menyuruh pulang-pergi ke Melaka kerana waktu itu sudah berdamai dan bersahabat antara Yang Dipertuan Muda dengan Belanda, dan di dalam Riau pun beraturlah orang besar-besarnya daripada Syahbandar dan mata-mata melayani segala dagang-dagang itu serta memelihara orang-orang dagang, dan penjabab beratus-ratus buah yang sedia dan ubat bedil pun membuat sendiri berkoyan-koyan demikian juga pelurunya.

Sebermula adapun Raja Haji Engku Kelana tiadalah ia tetap amat di dalam negeri Riau. Adalah selalu berlayar memeriksa segala negeri-negeri dan teluk rantau.

Syahadan tetaplh Riau itu di dalam aman. Maka suku-suku pihak Melayu berbuat pula honar yang memberi kegeruhan atas negeri Riau, kepada pihak Yang Dipertuan Muda serta anak-anak Bugis. Iaitu Temenggung serta Bendahara serta suku-suku Melayu membuat pula satu surat ke Trengganu kepada Raja Trengganu, demikian bunyinya yang aku dapat di dalam siarah Siak:

Telah selesai daripada puji-pujian, *amma baaduhu*, kemudian daripada itu maka adalah paduka nenda serta paduka bonda-bonda maklumkan kepada paduka cunda, adalah bonda-bonda semua di dalam negeri Riau hendak dibinasakan oleh Bugis-Bugis hendak dibunuhnya dan hendak dipupusnya sekali mana-mana suku-suku kita semua kaum Melayu. Adapun paduka adinda Sultan Mahmud sangatlah kecilnya, siapalah paduka bonda-bonda semua tempat mengadakan hal? Syahadan jikalau paduka anakda lagi mengaku kaum kerabat segeralah datang ke Riau.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah surat yang serupa bunyinya itu tiga pucuk, ke Trengganu satu, dan ke Pahang satu, dan ke Tambelan ke Yang Dipertuan Raja Ismail satu. Syahadan apabila Yang Dipertuan Trengganu mendengar surat dari Riau itu, maka Raja Kecil Trengganu pun memberi surat pula ke Pahang dan ke Tambelan. Setelah Raja Ismail mendengar surat dari Trengganu itu, maka ia pun tiadalah jadi pergi ke Pantas Emas. Maka ia pun membalaslah surat Yang Dipertuan Trengganu mengatakan yang ia besertalah suratnya ke Pahang pun, demikian juga. Kemudian Raja Ismail pun menyuruhlah ke Pulau Tujuh minta dikeluarkan perahu-perahu dengan alat senjatanya, tiap-tiap satu pulau itu dengan segeranya. Kemudian berkirim surat pula ia ke Trengganu kepada Yamtuan Raja Kecil mengatakan, 'Silakanlah paduka ayahanda segera berangkat. Adalah paduka anakda menanti di Singapura.' Maka Raja Ismail pun berlayarlah ke Singapura. Maka rakyat Singapura pun diperintahnyalah dengan kerasnya de-

ngan dipaksanya sebelah dia, serta disuruhnya menyiapkan perahu-perahu dan sampan-sampan. Kemudian berkirim surat pula ia kepada paduka ayah-andanya Raja Alam di Siak dan kepada paduka kekanda Yang Dipertuan Muda Muhammad Ali. Adapun madzmun yang terkandung di dalam surat mengatakan, 'Paduka adinda minta bantu melanggar Riau dan jikalau hilang paduka ayahanda, paduka kekandalah menjadi raja. Adapun adinda biarlah menjadi raja di dalam laut saja.'

Syahadan apabila surat itu sampai, maka dengan takdir *Allah taala*, maka Raja Alam pun mangkatlah. Maka dikuburkan betapa adat raja-raja mangkat. Maka Yang Dipertuan Muhammad Ali pun membalas surat kepada paduka adinda baginda itu katanya, 'Kekanda bantulah dengan perahu dua puluh buah perahu, dan apa-apa yang kurang adalah kekanda bantu', demikianlah adanya. Syahadan apabila Yamtuan Raja Ismail mendengar khabar itu maka percayalah ia.

Kemudian berlayar ia ke Trengganu pula, muafakat mengajak Yang Dipertuan Trengganu segera melanggar Riau. Maka jawab Yang Dipertuan Trengganu, 'Silalah anakda pergi dahulu, ayahanda adalah di belakang.' Maka Raja Ismail pun berlayarlah ke Singapura kira-kira enam puluh buah kelengkapannya. Maka duduklah ia beberapa lama menanti datang Raja Trengganu.

23. ANCAMAN SIAK-TRENGGANU TERHADAP RIAU

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja di dalam Riau. Maka mendapatlah ia khabar yang sah akan ke-muafakatan Yang Dipertuan Trengganu dengan Raja Ismail hendak melanggar negeri Riau. Maka Yang Dipertuan Muda pun metafahuslah di dalam negeri Riau akan suku-suku pihak raja Melayu, adakah sebelah dia, dihalus-halusinya periksa itu. Di dalam beberapa hari maka didapatnyalah jikalau datang Raja Ismail adalah suku-suku Melayu belot sebelah Raja Ismail. Serta didapatnya rahasia-rahasia raja-raja Melayu itu memberi surat kepada Raja Kecil Trengganu serta didapatnya pula rahasia Raja Tua pihak Bugis akan belot juga dan ialah yang akan membakar gedung ubat bedil Yang Dipertuan Muda itu. Serta dapatlah sah akan orang yang hendak diupahnya itu.

Maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah kepada adinda-adinda dan anakda-anakda sekalian, 'Tiadalah lain lagi isi perutnya suku-suku Melayu hingga dengki dan khianat akan kita semua anak-anak Bugis dan tiada berguna sumpah setianya. Beberapa kali kita semua sudah beralah serta beberapa kali kita semua maafkan serta kita sabarkan. Masih juga ia memperbuat laku yang demikian itu jua atas kita semua anak Bugis. Jikalau begitu, yang sebenarnya dia semua hendak menolak kita semualah dari tanah Johor ini, dan masa Marhum Batangan dahulu sudah juga kita keluar dari Riau ini tinggallah dia semua dengan Marhum Batangan, tiada juga ia semua puas masih lagi diperbuatnya fitnah di atas kita, sampai kita semua huru-hara hampir-hampir pergi dengan nyawa kita. Kemudian Marhum Batangan pula memanggil kita semua anak Bugis dipulangkan setia lama dengan muafakat dengan dia semua juga dan pekerjaan yang telah lalu memperbuat di atas kita semua. Maka tiada kita jadikan panjang kita sabarkan juga yang dia masih juga lagi hendak mencari kebinasaan kita juga, dengan berbagai-

bagai fitnah lepas satu perkara satu perkara pula. Jika demikian tiadalah aku boleh tahan lagi, hendak kita tinggalkan balik ke Bugis, bagaimanalah halnya anak cucu Marhum Batangan sudah menjadi anak cucu kita. Sementelahnya Sultan Mahmud ini lagi kecil sangat, jika dipicit-picitnya sedikit-sedikit seorang pun mati, dengan sebab inilah menjadi aku bertahan hendak meninggalkan Yang Dipertuan Besar. Di dalam hal begitu susahku, tiada pada lagi kepada dia semua masih lagi hendak dihumbutnya nyawa kita. Jikalau begitu sekali ini aku perbuatlah mana-mana yang jadi kebajikan kepada aku, tiada aku hiraukan lagi dan tiada lagi aku perdulikan jika benci marahnya aku perbuat juga seperti kehendakku.'

Syahadan apabila selesai Yang Dipertuan Muda bertitah, maka lalu ia menyuruh sebuah kakap ke Selangor memberitahu paduka adinda baginda Raja Selangor, dan sebuah kakap pula pergi ke Indera Giri memberitahu Raja Haji Engku Kelana. Maka suruhan kedua itu pun berlayarlah. Syahadan apabila suruhan itu lepas berlayar, maka Yang Dipertuan Muda pun memanggil Raja Tua. Maka apabila sampai Raja Tua ke hadapan Yang Dipertuan Muda, maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah, 'Cih! Raja Tua, sampai hatinya hendak memperbuat saya hapus dengan nyawa sekali. Pada perasaan hati saya, Raja Tua dengan saya sehabis-habis kita berkelahi dan berbantah, sehingga antara kita berdua sajalah sama-sama anak Bugis ini, sekarang anak Bugis sudah menjadi anak Melayu. Maka sekarang ini, dan pada hari ini, sudah putuslah harap saya kepada Raja Tua dan hilanglah percaya saya kepada Raja Tua. Tiadalah saya menaruh percaya sekali-sekali waktu ini kepada Raja Tua.'

Syahadan apabila Raja Tua mendengar titah Yang Dipertuan Muda itu, maka berubahlah mukanya serta dengan malunya. Maka ia pun terdiam se-jurus. Kemudian jawabnya, 'Jikalau sudah Yang Dipertuan Muda tiada percaya akan patik, biarlah patik keluar dari negeri ini.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Mana suka Raja Tua saya menyuruh keluar tidak dan saya menahan pun tidak, akan tetapi pada waktu ini sekali-sekali tiada saya menaruh percaya kepada Raja Tua.' Setelah Raja Tua mendengar titah itu mungkin bertambah-tambahlah kecil hatinya, lalulah bermohon balik. Apabila ia sampai ke rumahnya, maka bersiaplah ia akan perahunya. Maka apabila sudah siap, maka ia pun turunlah ke perahunya membawa bondanya dan anak isterinya, lalu berlayar ke Palembang.

Syahadan apabila sudah Raja Tua itu berlayar, maka Yang Dipertuan

Muda pun berjumpalah dengan Datuk Bendahara, maka berkatalah Yang Dipertuan Muda kepada Datuk Bendahara, 'Adapun saya berjumpa dengan Orang Kaya ini, saya hendak berkhobar dengan sebenar-benarnya, jangan Orang Kaya kecil-kecil hati. Adapun saya dapat khabar Raja Ismail anak Raja Buang hendak melanggar Riau ini. Apalah ikhtiar kita?' Setelah Datuk Bendahara mendengar perkataan itu, maka ia pun terdiam sejeurus. Kemudian jawabnya, 'Pekerjaan itu pulanglah kepada Raja Muda mana-mana yang baiknya, yang saya ini mengikut saja.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Jikalau sudah begitu kata Orang Kaya, begitu baiklah. Akan tetapi saya minta dua perkara, pertama kita kumpulkan anak isteri kita ke dalam semuanya selama-lama saya berperang dengan Raja Ismail itu, dan Orang Kaya tinggal menunggu negeri seorang pun jangan diberi suku-suku Melayu membantu saya. Biarlah saya dengan suku-suku Bugis saja. Kedua, mana-mana senjata-senjata yang besar-besar di dalam Riau ini, saya hendak ambil semuanya hendak ditaruh satu tempat, iaitu di Pulau Bayan. Jangan Orang Kaya kecil-kecil hati, jikalau ada senjata-senjata yang di dalam tangan sanak saudara Orang Kaya sekalipun saya ambil juga ini hari, jika dengan jalan jadi berselisihan sekalipun, saya lakukan juga pekerjaan saya ini, *insya-Allah taala.*'

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun baliklah. Apabila tiba ke istananya, ia pun menyuruhkan putera-puteranya mengambil segala senjata yang besar-besar kepada pihak suku-suku Melayu dengan kerasnya. Maka dikumpulkannya di Pulau Bayan. Kemudian disuruhnya jaga kepada orang-orang Bugis, serta dipesankannya sepeninggalan ia keluar berperang apabila siapa-siapa hendak mengambil senjata-senjata itu jangan diberi, dan jikalau dikerasnya lawanlah beramuk-amuk. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun menyuruh bersiap segala kelengkapannya, ada kira-kira lima puluh buah penjabab yang menanggung meriam serta sedia ubat pelurunya serta orang-orangnya. Maka segala penjabab-penjabab itu semuanya beraturlah di laut Pulau Bayan itu sekadar menantikan musuh melawannya sahaja.

Syahadan adapun raja-raja suku-suku Melayu yang perempuannya berkumpullah di dalam istana Marhum Batangan itu, maka berkirim suratlah ia kepada Raja Ismail di Singapura di dalam surat katanya:

Janganlah paduka anakda datang dahulu melanggar Riau waktu ini. Carilah saja bicara tipu supaya boleh masuk ke dalam Riau dahulu, kerana waktu ini bonda-bonda semua dikumpulkan oleh Raja Muda kepada satu

rumah. Maka apabila satu-satu hal tentulah bonda-bonda semua dibakarnya dan dibunuhnya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Raja Ismail mendengar surat itu, maka susahlah hatinya serta susah pula akan Yang Dipertuan Trengganu dan Yang Dipertuan Siak belum juga datang. Maka Raja Ismail pun hairanlah serta dengan susahnya.

Sebermula adapun suruhan Yang Dipertuan Muda ke Selangor itu pun sampailah. Maka dipersembahkanyalah kepada Raja Selangor hal ehwal di dalam Riau. Maka Raja Selangor pun menyuruh akan Punggawa Opu Nasti itu ke Riau. Maka berlayarlah Punggawa itu ke Riau. Maka apabila tiba ke Singapura brtemulah ia dengan kelengkapan Raja Ismail. Maka Raja Ismail pun menyuruh memanggil Punggawa itu. Maka Punggawa pun datanglah ke kenaikan Raja Ismail itu. Maka kata Raja Ismail, 'Punggawa maklumkanlah kepada ayah saya Yang Dipertuan Riau itu, saya ini hendak masuk ke Riau kerana hendak ziarah kepada makam Marhum Batangan. Janganlah ayah saya itu sangka-sangka hendak khianat, tiada saya hendak membuat khianat kepada ayah saya itu. Dan lagi dahulu sekali saya hendak datang ke Riau titah ayah saya tiada boleh masuk, sebab ayah saya itu sudah berjanji dengan Gebernur Melaka, musuh kompeni Belanda musuh ayah saya, tiadalah jadi saya masuk ini, sekali pula saya minta kepada ayah saya itu, jikalau ayah saya tiada juga memberi tanda ayah saya itu tiada hendak beranakbuahkan saya dan hendak beranakbuahkan Holandalah.'

Syahadan setelah Punggawa mendengar titah Raja Ismail itu maka sembahnya, 'Baiklah, tuanku.' Maka titah Raja Ismail, 'Baiklah Punggawa mudik ke Riau itu bersampan sajalah, perahu besar tinggalkan di sini. Jikalau Punggawa mudik dengan perahu besar tentulah lambat tiba ke Riau itu.' Maka Punggawa itu pun berlayarlah ke Riau dengan bersampan.

Apabila tiba dipersembahkanyalah maksud Raja Ismail itu kepada Yang Dipertuan Muda. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Kami tiada percaya Punggawa perkataan Raja Siak itu, kerana kerap mungkir lagi penipu, selangkan datuknya Raja Kecil beberapa kali sudah bersumpah di dalam masjid lagikan mungkir juga. Ini pula cucunya. Di dalam pada itu baik Punggawa pergi semula bersama-sama Dahing Madik dan Bandar Amin ke Singapura minta sumpahnya dahulu.'

Maka berlayarlah Punggawa itu bersama-sama Dahing Madik dan Bandar Amin. Apabila tiba ke Singapura dipermaklumkanyalah seperti mak-

sud Yang Dipertuan Muda itu. Maka titah Raja Ismail, 'Baik Punggawa sekali lagi sembahkanlah kepada ayah saya itu bersumpah ber-Allah pun biarlah saya di hadapan ayah saya di sana.' Setelah Punggawa mendengar titah Raja Ismail itu terdiam sejeurus. Kemudian sembahnya, 'Baiklah tuan-ku.' Maka titah Raja Ismail, 'Bersampan jugalah mudik ke Riau itu dan siapa-siapa kepercayaan wakilkanlah menunggu perahu besar itu. Janganlah Punggawa khawatir-khawatir tiada saya hendak membuat pekerjaan yang tiada patut.' Maka sembah Punggawa, 'Bandar Aminlah yang tinggal.' Maka Punggawa pun berlayar sama-sama Dahing Madik ke Riau.

Syahadan apabila sudah ke Riaulah Punggawa itu maka Raja Ismail pun musyawarahlah dengan saudaranya Raja Abdullah. Maka Raja Abdullah pun berdatang sembah, 'Baiklah kita serbu saja malam-malam ke dalam Riau itu, kita amuk saja kerana Bugis itu tentu tiada ia menyangka kerana kita lagi di dalam bicara.' Maka titah Raja Ismail, 'Apabila kita berlayar dari sini, tentu Bandar Amin itu mengikut.' Maka jawab Raja Abdullah, 'Jikalau begitu baiklah Bandar Amin itu kita selesaikan dahulu.'

Maka Raja Abdullah pun menyuruh panggil Bandar Amin itu ke kenaiikannya. Maka Bandar Amin pun datang, serta duduk baharu hendak menyembah. Maka Tengku Raja Abdullah pun menangkap. Maka apabila Bandar Amin merasa dirinya tertangkap maka ia pun berteriakkan budak sampannya katanya, 'Pergilah engkau kepada Raja Negara minta sampaikan ke Riau hal aku ini,' serta dilemparkannya cincinnya kepada budak itu. Maka budak itu pun berkayuhlah ke Riau. Adapun Bandar Amin itu dibawa oleh Raja Abdullah ke haluan kenaikannya itu, lalu dikeratnya kepalanya digantungnya di juang-juang kenaikan itu.

Syahadan adapun perahu-perahu Punggawa apabila ia melihat hal, maka ia pun mengisi meriamnya. Maka lalulah berbedil-bedilan legum-legam. Maka dikerumuni oleh beberapa kelengkapan Siak, maka Bugis-Bugis pun mengamuklah dengan pemburasnya. Maka perahu-perahu Bugis pun dapatlah oleh kelengkapan Siak.

Syahadan budak Bandar Amin pun tiba ke Riau lalu dipermaklumkan-nyalah hal itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun sangatlah marahnya, maka lalu disuruhnya puteranya Raja Abdul Samad dan Raja Andut dan lainnya melanggar Raja Ismail. Maka pergilah putera-putera Yang Dipertuan Muda itu dan Yang Dipertuan Muda mengikut dari belakang.

Adapun Raja Andut dan Raja Abdul Samad apabila tiba ke Singapura

maka lalu berperang dengan Raja Ismail, sangatlah azamat bunyinya. Maka seketika berperang itu, maka kelengkapan Siak pun undurlah ke Tanah Merah. Maka Yang Dipertuan Muda pun tiba pula ke selat lalu dipintasnya ke Tanah Merah. Maka apabila berjumpa kedua pihak itu, lalulah berperang besar pula. Maka Bugis pun turun ke sampannya membawa pemburas dan terakulnya. Maka dirapatnya dibedilnya sebelah peminggang kelengkapan Siak seperti bunyi bertih bunyi senapang dan pemburas itu. Maka banyaklah kelengkapan Siak binasa dan tenggelam. Maka lalu ia undur berpecah belah ke sana ke mari dan kenaikan Yang Dipertuan Raja Ismail pun patah tiangnya, lalulah undur hendak diikuti oleh panglima-panglimanya orang Bugis-Bugis itu, maka dilarang oleh Yang Dipertuan Muda.

Adapun perahu Raja Abdullah pun terkepung, lalu dibedil Bugis dengan meriam dan dua orang panglima Raja Abdullah yang berani di dalam perahu itu, seorang bernama Kadim, dan seorang bernama Tala. Maka Bugis pun merapatkan perahunya dengan perahu Raja Abdullah itu, sambil dibedilnya dengan meriam dan senapang pemburasnya. Maka Panglima Kadim pun kena peluru penabur meriam, patah sebelah pahanya. Syahadan seketika lagi kakap penyuruhan Raja Ismail mengambil Raja Abdullah. Maka hendak dibedil oleh Bugis dilarang pula oleh Yang Dipertuan Muda titahnya, 'Biarlah Raja Abdullah lepas kerana segala raja-raja itu sedaulat. Apa boleh buat jika kena di dalam peperangan?' Adapun Raja Abdullah tiada mau undur, maka lalu ditangkap dipeluk oleh Raja Negara dengan Raja Helang dibawanya turun ke kakap panjang itu lalu berdayung mendapatkan kenaikan Raja Ismail. Syahadan pada ketika ia dibawa turun kakap itu, maka dibukanya pending emas daripada pinggangnya lalu dicampakkannya, katanya tanda perahu raja.

Syahadan apabila Raja Abdullah itu telah lepas, maka panglima Bugis pun naiklah ke perahu Raja Abdullah itu serta tiba lalulah bertikam dengan Panglima Tala dan Panglima Kadim. Maka tertangkaplah keduanya itu oleh Bugis. Maka titah Yang Dipertuan Muda menyuruh tendas kedua panglima itu, suruh gantung di bawah juang-jaung sebagaimana Raja Abdullah memperbuat Bandar Amin, begitu jugalah perbuat.

Syahadan alah Raja Ismail, maka larilah ia balik ke Siak. Maka tiada pula diterima oleh Yang Dipertuan Muhammad Ali akan Raja Ismail itu masuk ke Siak kerana ia telah berjanji dengan kompeni Belanda tiada boleh menerima musuhnya masuk ke Siak.

Syahadan Raja Ismail pun merayaulah ke sana ke mari hendak mencari kekuatan, niatnya hendak mengambil negeri Siak dari tangan saudaranya Raja Muhammad Ali itu.

Kemudian Raja Ismail pun berlayarlah ke Palembang maka tetaplah ia di Palembang diperlihara oleh Sultan Palembang serta ditolongnya belanja-belanja mana-mana kadarnya adanya.

24. SENARAI PEPERANGAN BUGIS-MINANGKABAU DAN PERTABALAN SULTAN SELANGOR YANG PERTAMA

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja serta Raja Haji. Apabila selesai daripada perang Singapura itu maka tiadalah lagi datang pihak Siak membuat pergaduhan lagi, hingga masa membuat siarah ini. Syahadan aku aturkan banyaknya kali berperang Raja Kecil Siak dengan opu-opu Raja Bugis yang menjadi Yang Dipertuan Muda di dalam Riau hingga sampai kepada anak cucunya. Inilah bilangannya yang tersebut di bawah ini.

Perang yang pertama

Tatkala masa opu-opu yang lima beradik mengambil Riau daripada tangan Raja Kecil, diserahkan Riau dengan segala takluk daerahnya kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada Hijrat sanat 1134.

Perang yang kedua

Tatkala Raja Kecil alah perang di Riau lalu ia lari ke Lingga, maka lalu diikuti oleh Bugis-Bugis sampai ke Lingga lalulah berperang. Maka Raja Kecil pun alah lalulah ia balik ke Riau semula, opu-opu telah ke Selangor.

Perang yang ketiga

Perang Linggi tatkala Raja Kecil membantu Penghulu Linggi berperang dengan opu-opu Raja Bugis itu. Maka Raja Kecil pun alah pula ia selalu ia pergi ke Siak membuat negeri di Buantan, serta berkukuh di situ.

Perang yang keempat

Perang opu-opu itu pergi melanggar negeri Siak, sebab kerajaan Sultan Sulaiman diambil Raja Kecil. Maka di dalam perang itu pun alah jua Raja Kecil. Maka pulanglah kerajaan Johor itu kepada Sultan Sulaiman, kerana

sebab pertolongan opu-opu yang lima beradik itu jadi dapat semula kerajaan Raja Johor itu. Syahadan jadilah setahun itu empat kali perang opu-opu itu, serta lalu opu-opu itu merajakan Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman, dan Opu Kelana Jaya Putera pun menjadi Yang Dipertuan Muda masa itu.

Perang yang kelima

Perang di dalam negeri Kedah dengan Raja Kecil, bukannya perang yang pertama, iaitu membantu Raja Kedah lalu melantik Raja Kedah yang tuanya, maka iaitu bukannya perang dengan Raja Kecil. Adapun perang dengan Raja Kecil yang kedua kalinya di dalam negeri Kedah tatkala itulah mangkat Opu Dahing Parani. Maka Raja Kecil pun alah juga lalu 'balik ke Siak, pada Hijrat scribu seratus tiga puluh enam tahun.

Perang yang keenam

Perang Raja Kecil melanggar negeri Riau pada sembilan lekur bulan Syaaban, hingga sampai kepada dua puluh haribulan Zulhijjah. Maka lalu berdamai. Kemudian Raja Kecil datang mengambil isterinya lalu bersumpah di masjid.

Perang yang ketujuh

Perang Raja Kecil melanggar Riau berkubu di Pulau Bayan. Maka Raja Kecil pun alah juga lari ia pada malam harinya. Adalah lama perangnya itu, iaitu dua hari pada Hijrat tahun Jim sanat 1139.

Syahadan segala perang yang tersebut itu, iaitu masa lagi hidup Opu Kelana Jaya Putera Yang Dipertuan Muda yang pertama di dalam Riau, lepas daripada perang masa Yang Dipertuan Muda Opu Dahing Cellak pula.

Perang yang kedelapan

Perang Raja Kecil melanggar Riau berlabuh di Penyengat tiada boleh masuk, berperang pada tujuh belas haribulan Safar. Maka pada malam Khamis Raja Kecil alah maka lalu lari diikut sampai ke Ungaran, pada tahun 1150.

Perang yang kesembilan

Perang Raja Kecil menyuruh anaknya Raja Alam dan Dahing Matekkuh dan Raja Emas melanggar negeri Riau membuat wangkang kota berjalan,

berperang pada lima belas haribulan Rabiul Awal. Maka apabila sampai kepada delapan haribulan Rabiul Akhir maka Raja Alam pun alahlah, lalu lari ke Siak, sanat 1161.

Perang yang kesepuluh

Perang cucu Raja Kecil, iaitu Raja Ismail, dengan Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja di Singapura. Maka alah Raja Ismail. Maka perang ini tiada dapat tarikhnya, melainkan siapa-siapa yang di belakang akulah pula memperbuatnya.

Syahadan adapun Dahing Kambuja Yang Dipertuan Muda Riau, apabila selesailah daripada perang selat, amanlah Riau duduklah dengan kesentosaan dengan beberapa masa.

Syahadan kata sahibul hikayat pada satu masa Raja Haji Engku Kelana pun pergilah ke Selangor. Maka bicaralah dengan paduka kekanda Raja Selangor mendudukkan paduka anakda Raja Ali, putera kekanda Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja, dengan anak paduka kekanda baginda yang bernama Raja Penuh. Maka dinikahkanlah betapa adat istiadat anak raja-raja nikah kahwin. Kemudian berdamailah keduanya.

Syahadan tiada berapa lamanya di dalam Selangor maka Raja Haji pun berangkatlah ke Riau bersama paduka kekanda Raja Selangor serta paduka anakda Raja Ibrahim putera paduka kekanda Raja Selangor. Maka apabila sampai ke Riau maka Raja Haji pun muafakatlal dengan Yang Dipertuan Muda pada pekerjaan hendak menikahkan Raja Ibrahim itu dengan Raja Andak putera Yang Dipertuan Muda. Maka apabila sampai waktu yang baik, nikahlah Raja Ibrahim itu, betapa adat raja-raja nikah kahwin. Maka berdamailah keduanya. Kemudian Tengku Raja Selangor pun berlayarlah balik ke Selangor.

Syahadan pada satu masa berangkatlah Raja Selangor itu bermain-main ke Pangkor. Maka kedengaranlah khabar kepada Yang Dipertuan Perak. Maka disuruhnya segala orang besar-besarnya mempersilakan Raja Selangor masuk ke Perak. Maka masuklah Raja Selangor itu ke Perak. Maka muafakatlal Yang Dipertuan Perak hendak melantik Raja Selangor itu menjadi raja di dalam Selangor. Maka apabila telah berbetulan muafakatnya itu lalu dilantiknya akan Raja Selangor itu menjadi Yang Dipertuan Besar bergelar Sultan Salihul Din Selangor. Kemudian Sultan Salihul Din berangkatlah balik ke Selangor.

25. PERISTIWA-PERISTIWA DI KEDAH DAN TRENGGANU

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Kedah ada menaruh putera seorang laki-laki yang bernama Raja Abdullah. Maka ia pun memi-
nang akan putera Yang Dipertuan Selangor yang bernama Tengku Besar.
Maka diterimalah oleh Yang Dipertuan Selangor.

Syahadan Yang Dipertuan Kedah pun datanglah membawa puteranya Raja Abdullah serta orang besar-besarnya. Maka nikahlah Raja Abdulah itu, betapa adat raja-raja nikah kahwin. Kemudian berdamailah ia. Syahadan apabila telah selesailah pekerjaan itu, maka Yang Dipertuan Kedah pun berlayarlah balik ke Kedah serta orang besar-besarnya.

Syahadan ada kira-kira tiga bulan Raja Abdullah itu pun bermohonlah kepada Yang Dipertuan Selangor hendak balik ke Kedah. Maka dilepaskanlah oleh Yang Dipertuan Selangor. Maka Raja Abdullah pun baliklah ke Kedah duduklah ia beberapa lama di Kedah. Kemudian balik pula ia ke Selangor.

Syahadan tiada berapa lamanya Raja Abdullah itu di dalam Selangor, maka ia pun bermohonlah pula hendak balik ke Kedah. Maka titah Yang Dipertuan Selangor, 'Baiklah, akan tetapi hendak berjanji beberapa lamanya datang.' Maka sembah Raja Abdullah, 'Tiga bulan patik datang menghadap.' Maka jawab Yang Dipertuan Selangor, 'Jika tiada datang apa bicara?' Maka sembah Raja Abdullah, 'Mana-mana titahlah.' Kemudian maka Raja Abdullah pun berlayarlah ke Kedah. Syahadan sampailah tiga bulan tiada ia datang ke Selangor. Maka lalu dipisahkan oleh Yang Dipertuan Selangor akan Raja Abdullah itu.

Alkisah maka tersebut perkataan Raja Ismail di dalam negeri Palembang. Maka tiada berapa lamanya ia di Palembang maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Palembang hendak keluar. Maka dibekalkan oleh Sultan Pa-

lembang dengan wang dan harta ala kadarnya. Maka berlayarlah Raja Ismail itu ke Tambelan, singgahlah ia mengambil anak isterinya dan saudara-saudaranya yang perempuan di Tambelan. Kemudian berlayar pula ke Siantan.

Syahadan adalah pada masa itu yang menjadi orang besar di Siantan, iaitu Orang Kaya Dewa Perkasa. Maka tatkala didengarnya Raja Ismail itu akan datang ke Siantan, maka ia pun bersiap-siaplah membuat kubu. Adalah fikirnya itu, apabila Raja Ismail datang membuat haru-biru, hendak dilawannya berperang. Syahadan khabar itu pun sampailah kepada Raja Ismail. Maka marahlah ia. Kemudian disuruhnya panggil titahnya, khabarkan kepada Dewa Perkasa dia hendak berjumpa sebentar, hendak berpesan kerana ia hendak lekas ke Trengganu hari itu juga.

Setelah Dewa Perkasa mendengar kata suruhan itu maka ia pun per-cayalah, maka segeralah ia datang menghadap. Maka apabila sampai ke haluan kenaikannya itu, maka Dewa Perkasa pun diperamai-ramaikan oleh panglima-panglima Raja Ismail. Apabila telah mati, maka disuruh Raja Ismail hantarkan mayat itu ke rumah anak bininya.

Syahadan adapun anak bininya dan kaum kerabat Dewa Perkasa apabila ia semua melihat mayat Dewa Perkasa itu, maka terkejutlah semuanya sambil meratap riuh-rendah. Maka gemparlah di dalam Siantan mengatakan Dewa Perkasa sudah mati dibunuh oleh Raja Ismail. Maka huru-haralah Siantan ada setengah hendak melawan, ada setengah hendak lari takut dibedil oleh Raja Ismail. Maka Raja Ismail pun menyuruh khabarkan kepada orang-orang Siantan, 'Janganlah khawatir, yang salahlah diperbuat dan yang tidak salah tiadalah diperbuat.' Maka orang-orang Siantan pun diamlah serta takutnya. Kemudian lalu dihukumnya sekalian orang-orang Siantan itu dengan harta benda dan wang.

Syahadan apabila Raja Ismail itu sudah banyak dapat harta di Siantan maka ia pun berlayar ke Trengganu. Maka apabila sampai ke Trengganu diberilah oleh Raja Trengganu sebuah kampung tempat Raja Ismail. Syahadan apabila sudah tetaplh Raja Ismail itu di dalam Trengganu maka meminanglah Yamtuan Raja Ismail itu akan putera Yang Dipertuan Trengganu itu. Maka apabila sampai waktunya maka Raja Trengganu pun menikahkan Raja Ismail itu dengan puteranya betapa adat istiadat raja besar-besar nikah kahwin. Kemudian berdamailah keduanya betapa adat orang laki isteri.

Syahadan kata sahibul hikayat kemudian daripada itu maka jatuhlah per-

selisihan negeri Trengganu dengan negeri Kelantan. Maka menyuruhlah Raja Trengganu seratus buah kelengkapan melanggar Kelantan. Maka berperanglah orang Trengganu dengan orang Kelantan. Maka hendak tewaslah orang Trengganu itu, maka memberi suratlah hulubalang Trengganu itu kepada Yang Dipertuan Trengganu minta bantu. Maka apabila ia mendengar bunyi surat dari Kelantan itu, maka susahlah hatinya. Maka ia pun memanggil Raja Ismail Siak minta bantu. Maka sembah Raja Ismail, 'Baiklah, tuanku.' Syahadan maka Yang Dipertuan Trengganu pun berangkatlah bergajah dan Yang Dipertuan Ismail pun bersama-samalah pergi. Adalah rakyat yang mengiring itu ada kira-kira tiga ribu. Maka tiada berapa hari sampailah ke Kelantan.

Maka apabila dekat dengan kubunya maka orang-orang Kelantan pun menyongsong dengan lembingnya. Maka lalulah berperang, bertikamkan kerisnya. Maka orang Trengganu pun undur. Maka marahlah Raja Ismail itu, maka disuruhnya marakan gajahnya. Maka Raja Ismail pun menyuruh orang-orang Trengganu berhenti dan menyuruh pula orang-orang Siak mara dengan pemburasnya. Maka maralah orang-orang Siak itu sambil membedilkan pemburasnya, seketika lagi orang-orang Kelantan pun undurlah.

Syahadan maka apabila keesokan harinya, maka orang-orang Trengganu pun melanggarlah kubu-kubu orang-orang Kelantan. Adalah banyak kubunya itu tengah tiga puluh, yang besarnya sekali satu. Adalah orang melanggarnya lima ribu. Syahadan apabila orang Kelantan melihat orang-orang Trengganu itu, maka dilembingnyalah. Maka maralah orang-orang Trengganu itu maka dibedil oleh orang-orang Kelantan dengan rentakanya. Maka tiadalah terdekat oleh orang Trengganu maka dikeluarkan pula oleh orang Kelantan. Maka undurlah orang Trengganu itu.

Syahadan setelah Raja Ismail melihat hal yang demikian itu, maka ia menyuruh saudaranya Raja Musa membawa petikaman Siak tengah dua ratus orang ada yang membawa pemburas dan ada yang membawa pedang perisai. Maka berlailah orang Siak menempuh maka dibedil oleh orang Kelantan dengan rentakanya dan senapangnya tiada juga dipedulikan oleh orang-orang Siak. Maka Raja Musa berkata, 'Rapat! Rapat!' Syahadan apabila sampai ke kaki kubunya maka baharulah orang-orang Siak itu mengembur dan melompat ke dalam kubunya, baharulah membedilkan pemburasnya dan memecahkan silat pencaknya. Maka banyaklah orang-orang

Kelantan itu mati. Maka mana-mana yang hidup larilah berterjunan dan berhamburan dari dalam kubunya. Maka dapatlah segala kubu-kubu orang-orang Kelantan itu oleh orang-orang Siak dan negeri Kelantan pun alahlah. Maka Raja Siak pun memaklumkan kepada Yang Dipertuan Trengganu mengatakan, 'Kelantan sudah alah.' Maka Yang Dipertuan Trengganu pun terlalu sukanya serta memuji-muji Raja Ismail itu.

Kemudian tiada berapa lama, maka Yang Dipertuan Trengganu pun memanggil Raja Kelantan. Apabila datang maka dipulangkan kerajaannya serta dengan sumpah setianya. Syahadan duduklah Yang Dipertuan Raja Ismail itu di dalam Trengganu dengan kemuliaannya.

Syahadan kata sahibul hikayat tiada berapa lamanya Raja Ismail itu di dalam Trengganu maka berkehendaklah ia melanggar negeri Siak. Maka bermohonlah ia kepada Yang Dipertuan Trengganu hendak ke Siak. Maka dilepaskan oleh Raja Trengganu. Maka ia pun berlayarlah ke Tanah Putih bersiaplah ia di situ dan menyuruhlah ia ke Kedah dan Selangor minta perbantuan. Kemudian pergi pula ke Palembang, kemudian balik semula ia ke Tanah Putih adanya.

26. RAJA HAJI MENYERANG KEDAH

ALKISAH maka tersebut perkataan Raja Haji Engku Kelana Pangeran Suta Wijaya di dalam negeri Indera Giri. Maka tiada berapa lamanya maka berangkatlah ia ke Selangor berjumpa paduka kekanda Sultan Salihul Din Selangor. Maka musyawarahlah keduanya pada pekerjaan setia-setia Raja Kedah zaman orang tua-tua, hanyalah bunyinya yang tersebut di dalam sejarah Selangor. 'Patut menerima dan menuntut perjanjian itu menjadi perang, sebab negeri Kedah sudah makmur kerana perjanjian opu-opu dahulu. Apabila makmur negeri Kedah adalah belanja-belanja opu-opu melanggar Kedah dahulu itu patutlah hendak diganti. Serta ada pula perjanjian lain daripada itu, iaitu lima belas bahara wang. Maka sudah dibayar tiga bahara tinggal lagi dua belas bahara, sudah berpuluh-puluh tahun tiada juga Raja Kedah menyempurnakan perjanjiannya itu, dan surat-suratnya pun ada baik kita tunjukkan kepada Raja Kedah itu.' Maka jawab Yang Dipertuan Selangor, 'Jikalau begitu, baik kita pergi sendiri.' Maka jawab Engku Kelana, 'Baiklah.'

Syahadan apabila selesailah muafakat itu maka Raja Haji serta paduka adinda Raja Sa'id dan Suliwatang pun berlayarlah ke Kedah. Maka singgahlah Engku Kelana di Perak hendak berjumpa Yang Dipertuan Perak. Maka dipermuliakanlah oleh Yang Dipertuan Perak serta diperjamunya makan minum. Maka tiada berapa hari di Perak maka bermohonlah kepada Yang Dipertuan Perak dan kepada paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor. Adapun Yang Dipertuan Selangor tinggallah di Perak dahulu kerana belum tentu paduka adinda berperang.

Syahadan adapun Kelana Raja Haji serta paduka kekanda Raja Sa'id maka berlayarlah ke Kedah. Maka apabila sampai ke Pangkor maka Raja Haji pun mendapat anak seorang laki-laki dinamakannya Raja Jaafar, timang-timangannya Raja Laut. Syahadan kelengkapan Raja Haji berangkat

ke Kedah itu dengan kapal dan keci dan enam puluh buah penjabab.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Kedah tatkala ia mendengar khabar Raja Haji datang maka ia pun membuat kubu di Batangau serta diaturnya meriam serta diisinya orang beribu-ribu serta beberapa hulubalang panglimanya. Syahadan tiada berapa antaranya maka kelengkapan Raja Haji pun tibalah di Batangau serta dilihatnya di Batangau telah siap dengan kubunya. Maka Raja Haji pun tersenyum sambil berkata, 'Hendak bergaduh ruparupa orang Kedah ini.'

Maka Raja Haji menyuruh Suliwatang mendapatkan Raja Kedah, menyatakan surat-surat perjanjian orang tua-tua dahulu, dipakaikah atau tidak? Maka Suliwatang pun berjumpalah Raja Kedah tengah dihadap oleh menteri-menterinya dan hulubalangnya, dan beserta dengan baris senapangnya, dan baris pedangnya serta lembingnya, kebanyakan pula petikamannya orang-orang Keling dan Benggal. Maka Suliwatang pun memberikan surat-surat itu. Maka dibaca Yang Dipertuan Kedah.

Setelah habis dibacanya maka titahnya kepada Suliwatang, 'Ini surat perjanjian orang tua-tua dahulu dan yang berjanji dan yang menerima janji tiada lagi. Dan yang saya menjadi raja ini bukannya Bugis mengangkat saya, Bendahara, Temenggung saya sendiri mengangkat saya menjadi raja. Saya kirim salam saja kepada Raja Haji, janganlah dipanjangkan lagi perkara ini.'

Maka Suliwatang pun memaklumkan kepada Raja Haji. Maka apabila Raja Haji mendengar perkataan Raja Kedah itu, merahlah mukanya seraya bersabda kepada Suliwatang, 'Berperanglah kita, hari esok melanggar kubu di Batangau di hulu.' Maka sembah Suliwatang, 'Tiadakah menanti paduka kekanda itu dahulu?' maka jawab Raja Haji, 'Apa yang dinanti abang itu lagi? Kita menyuruh sahajalah memberitahu ke Perak kepada abang mengatakan yang kita sudah berperang.' Maka sembah Suliwatang, 'Baiklah.' Maka Suliwatang pun berkerahlah akan segala Indera Gurunya dan juak-juaknya, dan segala Bugis-Bugis yang banyak disuruhnya bersiap dan memakai pakaian perang serta menyiapkan meriam dan lela rentakanya dan terakul pemburasnya dan lembing kerisnya. Kemudian maka mengaruklah ia segala Bugis-Bugis itu serta dengan kilung musungnya. Syahadan setelah orang kubu Batangau melihat hal yang demikian itu, maka orang Kedah itu pun bersiaplah dan mengisi segala meriamnya.

Syahadan apabila sampai kesokan harinya, maka memulai perang Raja Haji dengan kubu Batangau itu berbedil-bedilan dengan meriam dan lela,

gegak-gempitalah sebelah-menyebelah serta sorak tempiknya. Maka tiada berketewasan jua kedua pihak. Maka apabila malam berhenti. Maka apabila siang berperang pula. Ada kira-kira empat hari tiada juga berketewasan kerana negeri Kedah masa itu tengah makmur, cukup ubat pelurunya, beberapa kapal dan keci yang di dalam sungai itu serta ramai orangnya.

Setelah Raja Haji melihat Yang Dipertuan Kedah telah kuat maka ia pun menyuruh Suliwatang serta Indera Gurunya dan panglima-panglimanya, 'Jika demikian sebulan lagi tiada bertentuan alah menangnya. Jikalau begitu baik mengamuk semuanya ke darat.'

Maka berkemas sekaliannya. Maka apabila telah siap naiklah Suliwatang serta panglima-panglima Bugis lalu dilanggarnya kubu Batangau itu, di mukanya. Maka dikeluarkan oleh orang-orang Kedah dengan baris senapangnya. Maka lalulah berperang beramuk-amukan maka Bugis-Bugis pun merapat juga dengan terakulnya dan pemburasnya serta lembingnya. Maka lalulah bertikam berkejar-kejaran berhambat-hambatan ke sana ke mari. Maka Nakhoda La Wolok pun menaikkan kubu itu maka segala petikaman Bugis pun naiklah bersama-sama nakhoda itu serta membedilkan pemburasnya.

Maka tatkala itu banyaklah mati orang-orang Kedah dan Temenggung dan Laksamananya pun larilah membawa lukanya lalu ke Alor Setar namanya. Maka dikejar-kejar oleh Bugis. Maka beramuklah sepanjang jalan itu, maka titah Raja Haji, 'Ikut masuk ke dalam negeri sekali.' Maka Suliwatang pun berkerah menyuruh mara. Maka maralah segala Bugis-Bugis itu sambil membedilkan pemburasnya. Maka Suliwatang pun berkata, 'Pikul lela-lela itu! Bedil dengan lela-lela itu biar jauh sedikit makannya.' Maka dipikul oranglah lela-lela itu dinaikkan di atas bahunya dua tiga, lalu dibedilnya kepada orang lari-lari itu. Sekali bedil dua tiga yang rebah. Maka kata Suliwatang, 'Ini lela bagus benar patutlah dinamakan "si Harung Darah".'

Syahadan Bugis mengejar-mengejar itu pun sampai ke Alor Setar. Maka lalu menyeberang ke pangkalan kapal. Kemudian lalu ke Kampung Tengku Bunga anak Engku Kelana Encik Unuk. Kemudian baharulah ilir ke kuala, maka lalu beramuk-amukan pula di situ berbunuh-bunuhan. Maka bunyi senapang pemburas seperti bunyi bertih di dalam perang itu. Maka di dalam tengah beramuk-amuk itu orang-orang Bugis pun sambil merebut-rebut membuka rantai yang merentang sungai itu, maka lalu terbuka. Maka segala penjajab-penjajab pun masuklah, ada setengah tinggal di kuala.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Kedah apabila Raja Haji itu sudah masuk ke dalam negeri Kedah maka undurlah ia ke hulu Kedah, tetapi banyak juga anak raja-rajanya tinggal di situ, maka tiada diberi oleh Raja Haji cabulkan. Syahadan pada masa itu kapal Keling ada sebelas buah di dalam pelabuhan Kedah maka dapatlah semuanya. Maka negeri Kedah pun alahlah.

Syahadan adapun orang yang memberitahu ke Perak kepada Sultan Salihul Din Raja Selangor itu, maka apabila tiba dipersembahkanlah surat-surat itu. Maka Yang Dipertuan Selangor pun segeralah berangkat ke Kedah. Maka serta tiba ke Kedah maka Kedah pun sudah alah. Maka Yang Dipertuan Selangor pun berjumpalah dengan paduka adinda-adinda itu maka musyawarah dengan adinda-adinda sekalian serta anak raja-raja Kedah, serta orang tuanya menyuruh menyilakan Yang Dipertuan Kedah itu balik ke negerinya, kerana pekerjaan sudah habis, tinggal lagi pula pekerjaan muafakat sahaja sama-sama Islam. Maka baliklah Yang Dipertuan Kedah itu ke dalam Kedah semula. Maka diserahkan oleh Raja Haji negeri Kedah itu semula kepada Raja Kedah serta dibuat perjanjian sebagaimana jalan orang bersaudara sahaja. Kemudian duduklah Raja Haji di dalam negeri Kedah makan minum bersuka-sukaan. Syahadan tiada berapa lamanya maka Raja Haji pun keluar dari Kedah bersama-sama paduka kekanda serta Suliwang. Maka singgahlah ke Merbuk, serta paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor. Maka tiada berapa hari berlayar pun baliklah ke Selangor sekaliannya. Maka tetaplah Raja Haji itu di dalam negeri Selangor.

27. RAJA HAJI MELAWAT PONTIANAK

ALKISAH maka tersebut perkataan Pangeran Syarif Abdul Rahman bin Saiyid al-Syarif Husin al-Kadri. Syahadan adalah Pangeran Syarif Abdul Rahman itu bondanya orang Matan. Adapun ia mendapat gelaran Pangeran itu di dalam negeri Banjar tatkala ia beristerikan anak saudara Sultan Banjar yang bernama Ratu Syahar Banun. Syahadan adapun Pangeran Syarif Abdul Rahman itu sudah memang ia beristerikan putera Opu Dahing Menambun yang bergelar Pangeran Emas Seri Negara. Adalah puteranya yang jadi isteri Pangeran Syarif Abdul Rahman itu bernama Utin Candra Midi.

Sebermula kata sahibul hikayat ada pada satu masa Pangeran Syarif Abdul Rahman pergi ke negeri Sanggau maka hendak mudik melakukan perniagaannya. Maka ditahan oleh Panembahan Sanggau tiada diberinya mudik ke Sengkadau. Maka Pangeran Syarif Abdul Rahman keras juga hendak mudik maka jadilah perbantahan dengan Panembahan Sanggau itu. Maka dibedilnya perahu-perahu Pangeran Syarif Abdul Rahman. Maka Pangeran Syarif Abdul Rahman pun membalas pula. Maka menjadi perang besarlah berbedil-bedilan dengan meriam dan lela azamatlah bunyinya serta sorak tempiknya. Syahadan adalah kelengkapan Pangeran Syarif Abdul Rahman besar kecil ada empat puluh buah. Maka kira-kira tujuh hari perang itu maka tewaslah Pangeran Syarif Abdul Rahman lalu undur balik ke Pontianak maka membuatlah perahu besar. Maka kira-kira lapan bulan bersiap itu, maka Pangeran Syarif Abdul Rahman minta bantu ke Riau.

Syahadan apabila Raja Haji Engku Kelana mendengar khabar surat dari Pontianak itu, maka ia pun bersiaplah di dalam negeri Selangor akan kelengkapan perangnya. Maka sudah mustaid maka berlayarlah ia dari Selangor. Tiada berapa hari sampailah ia ke negeri Muntuk. Maka gemparlah negeri Palembang mengatakan Engku Kelana Raja Haji ada di Muntuk.

Maka khuatirlah Sultan Palembang yang amat sangat kalau-kalau ia masuk ke Palembang. Maka musyawarahlah Sultan Palembang itu dengan segala menteri-menterinya. Maka sembah segala menteri-menterinya, 'Baik kita periksa dahulu jangan kita menyangka-nyangka yang tiada baik da hulu.'

Syahadan maka Sultan Palembang pun menyuruh satu menterinya memeriksa Raja Haji. Maka jawab Raja Haji, 'Kita ini hendak pergi ke Mempawah ziarah ke makam Tuan Besar Mempawah serta hendak ke Pontianak.' Syahadan setelah suruhan Sultan mendengar titah Raja Haji itu maka ia pun balik mempersembahkan kepada Sultannya. Maka menyuruh pula Sultan Palembang satu kerangkanya membawa wang dan harta serta makan-makanan pada angkatan kelengkapan Raja Haji itu. Maka Raja Haji pun bertitah kepada suruhan itu katanya, 'Kita kirim salam takzim kepada saudara kita Sultan Palembang itu dan kita menerima kasih kepadanya yang amat banyak tiadalah kita masuk ke dalam Palembang lagi, kerana kita hendak segera berlayar sekadarkan singgah mengambil air dan kayu jua di Muntuk ini, janganlah saudara kita kecil-kecil hati akan kita.' Syahadan setelah suruhan itu mendengar perkataan Raja Haji itu maka ia pun bermohonlah masuk ke Palembang. Maka lalu dipersembhkannya kepada Sultan segala pesan-pesan Raja Haji itu. Maka Sultan Palembang pun terlalunya sukanya mendengar segala pesan-pesan Raja Haji Engku Kelana itu.

Syahadan maka apabila Raja Haji telah menerima pemberian dari Sultan Palembang itu serta telah bermuat air dan kayu maka ia pun berlayarlah ke Mempawah. Maka apabila tiba ke Mempawah maka disambutlah oleh Pangeran Adi Wijaya, iaitu Gusti Jameril putera paduka ayahanda baginda Opu Dahing Menambun bersama-samalah bersalam-salaman dan bertangis-tangisan sebab baharu berjumpa-jumpa dengan sanak saudaranya. Maka Raja Haji pun berangkatlah ziarah kepada makam Tuan Besar Mempawah. Kemudian maka diperjamulah oleh paduka kekanda baginda itu Panembahan betapa adat raja-raja baharu bertemu saudara bersaudara.

Kemudian apabila sudah berjumpa-jumpa itu, maka Raja Haji pun bermohonlah hendak ke Pontianak hendak berjumpa paduka kekanda Utin Candra Midi, iaitu putera Opu Dahing Menambun yang jadi isteri Pangeran Syarif Abdul Rahman. Maka berangkatlah Raja Haji itu ke Pontianak. Maka apabila tiba ke Pontianak, dipermuliakanlah oleh Pangeran Syarif Abdul Rahman serta diperjumpakannya dengan isterinya Utin Candra

Midi. Maka apabila berjumpa keduanya maka bertangis-tangisanlah sebab baharu berjumpa dengan sanak saudara yang jauh-jauh.

Kemudian maka diberilah oleh Pangeran Syarif Abdul Rahman itu akan Raja Haji itu sebuah istana. Maka naiklah Raja Haji itu ke istana itu serta membawa anak gundiknya serta dengan joget tandaknya. Maka berkasih-kasihlanlah Pangeran Syarif Abdul Rahman dengan Raja Haji itu seperti orang bersaudara betul, serta tiadalah kalinya Pangeran Syarif Abdul Rahman itu pergi berangkat ke istana Raja Haji laki isteri bermain-main joget Jambi. Maka sangatlah sukanya Utin Candra Midi itu akan permainan paduka adinda baginda itu kerana tiada ada di dalam Mempawah dan Pontianak joget yang demikian itu, hanyalah joget Jawa sahaja yang ada. Demikian lagi Raja Haji pun demikian tiada juga kalinya tiap-tiap hari berjumpa dengan Pangeran Syarif Abdul Rahman itu bergurau bersenda bersuka-sukaan.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya maka Pangeran Syarif Abdul Rahman pun berkhobar kepada Raja Haji hal ehwal bergaduh dengan Panembahan Sanggau itu, 'Sudah lebih delapan bulan orang Pontianak tiada boleh berniaga ke Sengkadau lagi. Adapun sebab berhenti perang sebab lagi bersiap-siap berbuat kelengkapan perang kerana dahulu dicuba berperang maka tewaslah saya sebab kelengkapan tiada dengan sepertinya, lagi pula orang-orang saya pun tiada yang bersungguh mau bersusah-susah itu.' Syahadan apabila Raja Haji mendengar khabar Pangeran Syarif Abdul Rahman itu maka jawabnya, 'Apalah lagi kita panjang-panjangkan lagi marilah kita langgar semula.'

Setelah Pangeran Syarif Abdul Rahman mendengar kata Raja Haji itu maka lalu berkerah menyiapkan segala kelengkapannya dan Raja Haji bersiap juga segala kelengkapan yang dibawanya dari Riau itu. Maka apabila sudah mustaid maka Pangeran Syarif Abdul Rahman serta Raja Haji pun mudiklah ke negeri Sanggau itu dengan dua buah kapal dan satu keci dan dua puluh delapan buah penjajab. Maka apabila sampai di Tayan maka orang-orang Sanggau pun sudah sedia menanti angkatan yang datang itu. Maka Raja Haji pun menyuruh langgar kubu Tayan itu kepada orang Riau dan orang-orang Pontianak. Maka berperanglah kira-kira dua hari lalu disuruhnya amuk kubu-kubu itu. Maka diamuklah oleh Bugis ada dua hari kubu Tayan pun alahlah, sebab banyak panglima-panglimanya mati. Maka bertaburanlah orang-orang Sanggau itu membawa dirinya ke sana ke mari.

Syahadan maka Raja Haji memudikkan segala kelengkapannya masuk ke dalam Sanggau itu. Maka apabila sampai di Kayu Tunau berjumpa pula dengan satu kubu yang besar serta beberapa banyak orang-orangnya. Maka berhentilah angkatan itu di situ bermusyawarah. Maka Raja Haji pun mengaturlah ikatan perang itu dengan ditentukannya yang akan jadi panglima kanan dan kiri serta mengaturkan melanggar perangnya serta semboyannya yang di dalam perangnya itu. Setelah teguhlah ikatan perangnya itu, pada dua puluh enam haribulan Muharram sanat 1192 maka memulailah perang.

Maka berperanglah segala kelengkapan itu melanggar kubu orang Sanggau itu. Maka berbedil-bedilannya antara kedua pihak dengan meriam dan lela rentaknya gemuruhlah bunyi bahananya. Maka tiada juga berketewasan sebelah-menyebelah. Syahadan rapatlah segala penjajab-penjajab itu kepada kubunya maka naiklah segala Bugis-Bugis mengamuk kubu-kubu itu. Maka beramuklah di dalam kubu itu berbedilkan senapang dan pemburasnya dan bertikamkan lembingnya dan bertitikkan kelewang pedangnya dan bertikamkan kerisnya berkejar-kejaran dan berhambat-hambatan ke sana ke mari. Maka seketika lagi tewaslah orang-orang Sanggau itu. Maka pecahlah perangnya bertaburanlah larinya kerana panglimapanglimanya banyak mati. Maka dapatlah kubu itu oleh Bugis. Maka alahlah negeri Sanggau itu pada sebelas haribulan Safar sanat 1192.

Syahadan maka kedua raja itu pun mudiklah ke negeri Sanggau tempat kerajaannya, maka berhentilah kira-kira dua belas hari. Kemudian raja kedua itu pun hilirlah, maka berhenti di Pulau Simpang Labai. Maka Raja Haji membuatlah satu benteng di Pulau Labai itu serta ditaruhnya enam meriam serta diberinya nama pulau itu Jam Jambu Basrah. Setelah itu maka kedua raja itu pun berbaliklah ke Pontianak dengan segala kelengkapannya itu. Maka tetaplah segala raja-raja itu di Pontianak bersuka-sukaan makan minum saudara bersaudara ipar-beripar serta segala menterinya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya, maka Raja Haji pun muafakat dengan segala orang tua-tua yang di dalam Pontianak hendak mengangkat Pangeran Syarif Abdul Rahman menjadi Sultan di dalam negeri Pontianak. Maka sembah segala orang tua-tua itu, 'Mana-mana sahaja titah duli tuanku.'

Syahadan setelah Raja Haji muafakat itu maka Raja Haji pun memulai bekerja serta menyediakan alat perkakas raja berlantik dan bertabal seba-

gaimana aturan adat istiadat pihak sebelah Johor, demikianlah diperbuatnya melainkan bertambah sahaja adatnya Bugis seperti mengaruk-aruk, iaitu adat Bugis. Setelah mustaid sekalian alat perkakas bertabal itu, maka pada ketika hari yang baik, maka Raja Haji pun mengumpulkan segala orang besar-besar dan raja-raja itu. Maka Raja Haji pun memakailah dan memakaikan Pangeran Syarif Abdul Rahman itu dengan pakaian berlantik. Setelah selesailah daripada itu, maka baharulah diturunkan ke balairung serta dengan jawatan semberabnya seperti pedang dan keris panjang dan puan dan kipas dan ketur dan lain-lainnya, serta orang perempuan membawa kain dukungnya enam belas orang, dan membawa dian berkelopak pun enam belas juga. Kemudian baharulah dinaikannya Pangeran Syarif Abdul Rahman itu di atas singgahsana kerajaan, kemudian berdirilah dua orang bentara pada kanan kirinya memegang tongkat berkepala emas.

Syahadan apabila selesai bersaf-saf dan beratur segala jawatan itu maka berdirilah Raja Haji di hadapan singgahsana kerajaan serta menghunus halamangnya berteriaklah ia dengan nyaring suaranya dengan katanya, 'Barang tahu kiranya segala raja-raja dan orang-orang besar bahawa sesungguhnya kami mengangkat akan Pangeran Syarif Abdul Rahman ini menjadi raja di dalam negeri Pontianak dengan segala takluk daerahnya. Adalah bergelar Sultan Syarif Abdul Rahman Nur Alam Karar dan tetap di atas kerajaannya di dalam negeri ini turun atas anak cucunya.' Syahadan maka menjawablah segala orang-orang itu, 'Daulat, bertambah-tambah daulat!' Kemudian baharu dipukulkan nobat. Maka sekalian orang-orang pun menjunjung dulilah.

Syahadan apabila selesailah daripada pekerjaan lantik-berlantik itu, maka Raja Haji pun membuatkan satu kota perdalaman. Adapun kayu itu, iaitu kayu kota Sanggau yang dipindahkannya ke Pontianak. Kemudian diaturkannya segala orang besar-besarnya dengan gelarannya dan pangkatnya dan pekerjaannya dan diaturkannya pula adat di dalam istana dan balai. Maka sekalian adat-adat itu seperti adat negeri Riau jua adanya.

Syahadan kata *abli'l-tawarikh* adalah kira-kira enam belas bulan Raja Haji itu di dalam Pontianak dengan bersuka-sukaan dengan Sultan Syarif Abdul Rahman dua laki isteri dengan permainan tiap-tiap hari.

Syahadan maka tiba-tiba datanglah suruhan dari Riau menyilakan Raja Haji balik ke Riau kerana Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja gering sangat. Syahadan setelah Raja Haji mendengar khabar suruhan itu maka ia

pun minta dirilah kepada Sultan Syarif Abdul Rahman laki isteri hendak balik ke Riau. Maka Sultan Syarif Abdul Rahman laki isteri pun berkemaslah menyiapkan perbekalan paduka kekanda itu. Syahadan di dalam hal itu datanglah pula sekali lagi suruhan dari Riau mengatakan paduka kekanda baginda Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja telah mangkat serta Raja Haji dan Sultan Syarif Abdul Rahman laki isteri mendengar surat dari Riau itu maka ketiganya pun menangislah yang amat sangat. Maka Syarif Abdul Rahman pun mengumpulkan segala tuan saiyyid dan haji-haji dan lebai-lebai berkumpul ke dalam, tahlil dan membaca Quran dihadiahkan pahalanya kepada roh almarhum paduka kekanda baginda itu Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja dan beberapa pula ia mengeluarkan sedekah dan kenduri betapa adat orang kematian sanak saudaranya adanya.

Syahadan adapun Raja Haji maka bersiaplah ia akan berlayar. Maka apabila sampai waktunya maka berangkatlah Raja Haji keluar dari Pontianak. Maka Syarif Abdul Rahman laki isteri pun menghantar hingga ke Kuala Pontianak.

Adapun Raja Haji lalulah berlayar ke sebelah barat menuju negeri Riau. Maka apabila hampir dengan hutan Riau maka lalulah ia menuju negeri Pahang. Maka tiada berapa hari maka sampailah ke Kuala Pahang. Syahadan maka Bendahara Tun Abdul Majid pun keluarlah mengalu-ngalukan Raja Haji itu datang. Maka apabila berjumpa bersalam-salamanlah keduanya, maka lalu dibawa oleh Datuk Bendahara akan Raja Haji itu mudik ke negeri Pahang lalu diberinya istana sekali. Maka naiklah Raja Haji itu diam di darat sekaliannya.

Syahadan apabila tetaplah Raja Haji itu di dalam negeri Pahang, maka Datuk Bendahara pun melantik Raja Haji itu betapa adat istiadat melantik Yang Dipertuan Muda. Maka menjadilah Raja Haji itu Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Riau dan Johor dengan segala takluk daerahnya sebab menerima pesaka paduka ayahandanya adanya.

28. RAJA HAJI MENJADI YAMTUAN MUDA RIAU

ALKISAH maka tersebutlah perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Riau. Maka apabila telah mangkat paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda Dahing Kambuja, iaitu Marhum Janggut maka duduklah baginda itu dengan kemasyghulan. Adapun putera-putera Marhum Janggut ada juga semuanya, maka baginda pun duduklah ternanti-nanti akan suruhan yang pergi ke Pontianak itu, belum juga lagi datang. Maka baginda pun selalu jugalah menyuruh rakyat-rakyat melihat ke belakang Riau barangkali ada tampak akan angkatan Raja Haji.

Syahadan di dalam hal yang demikian itu, maka suruhan dari Pahang pun datanglah membawa surat dari Datuk Bendahara mengatakan hal Raja Haji ada di dalam Pahang sudah dilantik di Pahang oleh Datuk Bendahara. Setelah baginda mendengarkan paduka ayahanda Raja Haji telah ada di Pahang itu maka lalu baginda itu berangkat ke Pahang. Maka tiada berapa lamanya maka sampailah ke Kuala Pahang. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji serta Datuk Bendahara pun menyambutlah akan baginda itu. Maka duduklah baginda itu serta paduka ayahanda Raja Haji serta Datuk Bendahara Pahang betapa adat raja besar-besar berhimpun.

Syahadan tiada berapa lamanya baginda Sultan Mahmud serta paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda Raja Haji berangkatlah balik ke Riau. Syahadan apabila tiba ke Riau maka Yang Dipertuan Muda pun membuat istana di Pulau Malam Dewa serta dengan kotanya yang indah-indah yang bertatah dengan pinggan dan piring sangatlah indah perbuatannya, dan satu pula balai dindingnya cermin. Adalah tiang balai itu bersalut dengan kaki pahar tembaga dan kota itu sebelah atasnya berkisi-kisikan bocong. Adapun kota itu apabila kena matahari memancar-mancar cahayanya. Kemudian memperbuat pula satu istana lagi di Sungai Galang Besar sangat juga indah-indah perbuatannya, iaitu istana paduka anakda baginda itu

Sultan Mahmud. Dan perhiasan istana Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda itu daripada emas dan perak hingga rantai-rantai setolobnya dengan rantai perak jua, dan seperti talam dan ceper kebanyakan diperbuat di negeri China, dan seperti tepak dan balang air mawar daripada emas dan perak diperbuat di negeri Benila yang berkarang dan bertatahkan intan dan yang berserodi. Dan adapun pinggan mangkuk dan cawan kahwa dan teh kebanyakan diperbuat di negeri China serta tersurat dengan air emas pada pantat cawan itu tersebut Pulau Malam Dewa. Adalah cawan itu hingga sampai kepada anak cucunya, iaitu sah dengan nyatanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Haji ini makin ramai Riau, serta dengan makmurnya serta banyaklah orang-orang negeri Riau kaya-kaya. Syahadan baginda Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda pun banyaklah mendapat hasil-hasil dan cukai-cukai. Syahadan segala penjajab perang pun beraturlah di pelabuhan serta cukup ubat pelurunya serta panglima-panglimanya, tiga puluh turun, tiga puluh naik ke darat. Syahadan demikianlah di dalam beberapa tahun bersuka-sukaan kerana negeri aman lagi makmur, dan segala makan-makanan pun murah dan segala orang-orang dagang pun banyaklah dapat untung kerana terlalu ramai orang-orangnya.

Syahadan di dalam hal itu maka kebanyakan suku-suku Melayu tiada menerima syukur hingga menaruh dendam juga di dalam hatinya akan raja-raja Bugis, dengan beberapa jenis perbuatan dan kelakuan hendak mencarikan juga nama Yang Dipertuan Muda serta Bugis-Bugis biar mendapat nama buruk sehingga keluarlah Raja Indera Bungsu itu anak beranak adik beradik ke Trengganu, sebab kecil hati akan raja-raja Bugis konon. Kata-nya, 'Kaya seorang, mewah seorang.'

Di dalam hal itu berjalan pula fitnah daripada Yang Dipertuan Trengganu dengan Raja Indera Bungsu dan Bendahara Pahang. Tiap-tiap tahun berkirim surat kepada Belanda ke Melaka dan ke Betawi dan kepada Inggeris ke Benggal dan ke Madras dan ke Silung. Adalah kehendaknya itu minta tolong pukulkan Riau juga minta ambikkan baginda Sultan Mahmud di bawah tapak kaki Bugis, itulah jadi perbualan suku-suku sebelah Melayu. Syahadan adalah yang aku dapat ini, iaitu tersebut di dalam sejarah karangan Engku Busu Dungun. Ialah raja Melayu yang dapat rahsia antara kedua pihak, demikianlah adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Raja Ismail di Tanah

Putih. Maka baginda pun membuatlah akan perahu kakap di dalam hutan itu dikerahnya segala orang-orang Tanah Putih itu padahal scorang pun tiada tahu. Kemudian lama-lama tahulah orang-orang Siak, maka datanglah kepada baginda. Maka ditahan oleh baginda, maka tiadalah berani orang-orang Siak itu datang dan tiada berani berkhabar-khabar.

Syahadan kemudian baginda pun menerima satu Tuan Saiyid bangsa Sakkaf diperbuatnya menantu, dinikahkannya dengan puteranya yang bernama Tengku Kamariah. Maka Tuan Saiyid itu pun digelar Tuan Besar, maka musyawarahlah baginda itu dengan Tuan Besar itu. Maka kata Tuan Besar, 'Baiklah maulana melanggar Siak pada waktu ini. Kira-kira hamba boleh dapat dengan mudahnya.' Setelah Raja Ismail mendengar khabar Tuan Besar itu, maka ia pun bersiaplah perahu kakap ada dua belas buah dan penjajab yang besarnya ada empat buah. Maka apabila telah siap maka baginda pun masuk ke Siak. Maka terkejutlah Yang Dipertuan Muhammad Ali maka menyuruhlah ia Panglima Hasan mengatur akan kelengkapannya. Maka Panglima Hasan pun mengerjakanlah akan titah itu. Kemudian Panglima Hasan pun menyuruh mengisi meriam.

Maka berperanglah keduanya itu dengan azamatlah bunyinya. Maka seketika berperang itu banyaklah rosak kelengkapan Panglima Hasan. Maka Panglima Hasan pun merapat dan Raja Ismail merapatkan juga akan kenaikannya. Maka lalulah berbedil-bedilan pemburasnya. Maka Raja Ismail pun menyuruh kerumunkan perahu Panglima Hasan. Maka dinaikkan oleh panglima-panglima Raja Ismail akan perahu Panglima Hasan itu. Maka lalulah beramuk-amuk di dalam perahu Panglima Hasan itu. Maka Panglima Hasan pun mengamuklah maka matilah ia dikerumuni oleh panglima-panglima Tanah Putih itu.

Syahadan setelah kelengkapan Siak melihat Panglima Hasan itu sudah mati, maka pecahlah perangnya undurlah ia berterjunan naik ke darat tinggallah perahunya. Maka Raja Ismail pun menyuruh naik orang-orangnya mengamuk dan membakar. Syahadan adapun Yang Dipertuan Muhammad Ali dilarikan orang-orang tuanya masuk Sungai Mampura. Syahadan segala raja-raja perempuan pun berjerit-jeritanlah. Maka isteri Yamtuan Muhammad Ali bernama Tengku Ambung saudara Raja Ismail pun turunlah ke jambatan itu serta raja-raja perempuan mendapatkan Raja Ismail. Setelah Yamtuan Raja Ismail melihat kekanda adinda sekalian turun itu, maka ia

pun segera mendapatkan sambil bertangis-tangisan. Maka negeri Siak pun dapatlah semula kepada Raja Ismail.

Syahadan Yang Dipertuan Raja Ismail pun bertitahlah kepada kekanda adinda sekalian, 'Mengapa abang Muhammad Ali lari? Bukannya saya hendak membunuh dia.' Kemudian Yang Dipertuan Raja Ismail pun menyuruh mengambil Yang Dipertuan Muhammad Ali ke Petapahan. Maka apabila sampai suruhan itu maka ia pun berdatang sembah kepada Yang Dipertuan Muhammad Ali sembahnya, 'Paduka adinda Yang Dipertuan Besar Raja Ismail menyilakan tuanku ilir ke Siak juga.' Maka titah Raja Muhammad Ali, 'Jika datang Raja Ngah atau Ambung mengambil aku ke mari, beranilah aku ilir.' Maka suruhan itu pun kembali mempersembahkan kepada Yamtuan Raja Ismail akan perkataan Raja Muhammad Ali itu. Maka baginda pun menyuruh akan kekanda baginda Tengku Ambung itu pergi mengambil suaminya Raja Muhammad Ali itu. Maka datanglah Raja Muhammad Ali itu.

Maka apabila berjumpa Yamtuan Muhamad Ali itu dengan Yamtuan Raja Ismail maka sembah Tengku Ambung, 'Inilah kekanda itu apa-apa titahlah?' Maka titah Yang Dipertuan Raja Ismail, 'Jika abang Ambung hendak balik dengan abang Muhammad Ali saya balikkanlah.' Maka jawab Tengku Ambung, 'Jikalau abang Muhammad Ali itu menjadi Yang Dipertuan Muda lagi, maulah abang Ambung balik dengan dia.' Maka Yang Dipertuan Raja Ismail pun menyuruh bersumpah tiada hendak berniat khianat lagi. Maka bersumpahlah Yamtuan Muhammad Ali itu. Maka lalu dibalikkannya laki isteri itu.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya maka sampailah peredaran dunia, maka geringlah Raja Ismail Yang Dipertuan Besar itu dengan gering sangat. Maka berhimpunlah segala orang besar-besarnya ke dalam. Maka baginda pun tahulah akan bilangan ajalnya maka lalu ia mengumpulkan saudara-saudaranya serta Yang Dipertuan Muhammad Ali dan orang besar-besarnya sekalian. Maka berpesanlah ia akan gantinya, iaitu anaknya yang bernama Raja Yahya. Maka apabila habis ia berpesan itu, maka baginda pun mangkatlah. Maka dikerjakanlah oleh Yang Dipertuan Muda serta segala saudaranya betapa adat istiadat raja-raja mangkat. Maka dimakamkan di Mampura, maka dipanggil oranglah ia itu Marhum Mangkat di Balai.

Syahadan adalah yang menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Yahya, maka bergelar Sultan Yahya Syah kerajaan di dalam negeri Siak. Adapun Tengku Abdullah menjadi Raja di Kampar bergelar Tengku Besar Kampar. Syahadan adalah anak Raja Alam al-Marhum dengan Dahing Khadijah, bernama Tengku Badariah, bersuamikan Saiyid Othman, mendapat anak beberapa orang. Pertama Saiyid Ali, kedua Saiyid Abdul Rahman. Syahadan akhirnya kelak ialah yang mengambil kerajaan Sultan Yahya itu, lagi akan datang kisahnya di belakang ini.

29. BELANDA MENGEPUK RIAU

ALKISAH maka tersebut perkataan negeri Riau, iaitu masa kerajaan Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Haji. Maka tiada berapa lamanya di dalam negeri Riau, maka paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor Sultan Salihul Din pun mangkatlah. Maka digantikan oleh Yang Dipertuan Muda Raja Haji akan paduka anakdanya Raja Ibrahim menjadi Yang Dipertuan Besar dan paduka anakda baginda Raja Nala dijadikannya Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Selangor adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah kira-kira delapan tahun Yang Dipertuan Muda Raja Haji memerintahkan kerajaan negeri Riau dengan segala takluk daerahnya. Maka datanglah takdir *Allah taala* yang amat kuasa serta melakukan kehendak-Nya atas hamba-hamba-Nya dengan hikmat-Nya serta memberitahu atas hamba-Nya akan kekejian dunia yang tiada kekal dan nikmatnya yang tiada tentu, padahal berpindah-pindah daripada satu hal kepada satu hal keadaannya, supaya segala hamba-Nya jangan mengasihi dunia ini dan hendaklah kasihkan negeri akhirat.

Syahadan adalah permulaan sebab rosak negeri Riau itu maka iaitu atas dua kaul. Sebermula adalah kaul yang pertama yang dapat di dalam sejarah Selangor sebab yang lahirnya aku periksa. Iaitu adalah Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu ada perjanjian konon dengan kompeni Belanda, musuh Belanda musuh Raja Haji. Adapun jika ada pekerjaan tangkap-menangkap rampas-merampas musuhnya itu ada bahagian di dalam itu antara keduanya. Kemudian datanglah satu kapal musuh Belanda itu masuk ke dalam Riau berlabuh di Pulau Bayan. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun memberitahu ke Melaka. Maka datanglah satu kapal dari Melaka diperanginya kapal musuh itu oleh Belanda. Maka diambilnya kapal itu dengan segala muatannya dibawanya ke Melaka. Maka apabila sampai ke Melaka jadilah kapal itu hukum rampasan kepada Belanda jalan seperti adat per-

musuhan. Maka tiba-tiba tiada Raja Haji itu mendapat bahagian di situ konon.

Maka Raja Haji pun pergilah ke Melaka hingga Muar hendak memeriksa pekerjaan itu. Maka Raja Melaka pun menyuruh satu kepercayaannya pergi ke Muar berbicara dengan Raja Haji. Maka Raja Haji pun berkhabar kepada wakil itu, yang kapal itu ia memberitahu ke Melaka dan lagi diambil dalam pelabuhan kita, di negeri Riau sekarang mana bahagian kita di situ? Maka dakwa Raja Haji itu tiadalah wakil Raja Melaka itu menerima jadi bersalah-salahan fahamlah.

Syahadan apabila Gebernur Melaka tiada menerima seperti maksud Raja Haji itu, maka Yang Dipertuan Raja Haji pun memulangkan surat-surat perjanjian itu. Kemudian ia pun berangkat balik ke Riau. Syahadan adapun Gebernur Melaka apabila Raja Haji memulangkan surat perjanjian itu maka marahlah ia, maka musyawarahlah dengan raja laut yang bernama Piter Jakub Pemberam, kata suatu kaul orang-orang besar Holanda, namanya Tuan Abo. Maka di dalam tengah-tengah bicara itu, banyaklah fitnah-fitnah disampaikan orang-orang yang khianat mengatakan Yang Dipertuan Raja Haji hendak memukul negeri Melaka serta telah siap segala kelengkapannya. Maka berkatalah Gebernur Melaka itu kepada Jakub Pemberam itu, 'Raja Haji mau memukul negeri Melaka, iaitu kita pergi pukul dahulu.' Maka pergilah kelengkapan Holanda itu dengan beberapa buah kapal perang menunggu Kuala Riau tiada diberinya perahu-perahu dagang masuk.

Setelah itu marahlah Raja Haji itu, dikeluarkannya dengan beberapa penjabnya. Maka lalu berperang besar legum-legam bunyi meriam hingga petang baharu berhenti. Apabila malam undurlah kapal-kapal itu ke laut. Maka pada ketika siang berperang pula gegak-gempita bunyi meriam antara kedua pihak itu. Maka beberapa bulan tiada juga berketewasan.

Syahadan maka Yang Dipertuan Raja Haji pun menyuruh membuat kubu di Tanjung Pinang dan di Teluk Keriting dan di Pulau Penyengat dan segala penjab yang besar-besar berkeliaranlah sepanjang laut itu. Ada kira-kira tengah dua ratus buah kecil-besar ada yang ke sebelah Tanjung Uban ada yang ke belakang Riau memasukkan perahu-perahu dagang yang datang dari Siam membawa beras dan lain-lainnya. Syahadan di dalam sehari-hari berperanglah juga tiada berhenti di dalam pelabuhan negeri Riau.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah yang memerintahkan perang itu

Yang Dipertuan Muda Raja Haji sendiri adalah ia bersampan bidar. Adalah ia pergi memeriksa segala kelengkapannya apa-apa yang kurang daripada satu penjabab kepada satu penjabab pada ketika tengah orang-orang berperang di dalam peluru yang sabung-menyabung itu.

Kemudian ada pula satu kapal Belanda mara ke darat sebelah pihak Pulau Los maka angin pun lemah dikeluاري oleh penjabab enam tujuh buah. Maka lalulah berperang azamatlah bunyinya. Maka seketika berperang itu hampir tewas kapal itu hampir-hampir dapat. Syahadan adalah yang pergi memerangnya itu satu panglima namanya Encik Kubu, seketika berperang itu terbakarlah beranda keci itu. Maka sudah banyaklah orang-orangnya turun ke sekocinya hendak undur ke laut. Maka angin pun keras turun, maka datanglah kapal bantu dari laut maka lepaslah keci itu ke laut. Maka hari pun malamlah berhenti pun perang. Maka apabila hari siang berperanglah pula, demikianlah halnya sehari-hari.

Syahadan kata sahibul hikayat ada kira-kira sebelas bulan lamanya berperang itu maka berbicaralah pula antara kedua pihak.

Kata satu kaul orang besar-besar Belanda namanya Tuan Abo hendak berbicara muafakat berhenti perang mencari bicara-bicara yang baik serta hendak memasukkan satu kapal perang yang besar ke dalam Sungai Riau. Maka Raja Haji pun melaranglah, jikalau hendak bicara atau muafakat jangan dimasukkan kapal yang besar-besar itu ke dalam Riau. Jawab Belanda, 'Tidak mengapa, tidak kita membuat satu apa di dalam bicara ini.' Maka Yang Dipertuan Raja Haji pun melarang juga. Maka kapal itu pun keras juga hendak masuk. Maka lalulah berperang semula dengan kubu yang di Teluk Keriting itu. Maka azamatlah bunyinya meriam kapal itu. Maka seketika berperang itu maka kubu Teluk Keriting pun hendak tewas sebab ubat bedilnya habis. Maka menyuruhlah Yang Dipertuan Muda itu menghantarkan ubat sebuah sampan. Adalah yang menghantarkan ubat bedil itu Syahbandar Bopeng, adalah budak yang mengayuhkannya, kepala satu budak anak baik-baik namanya Encik Kalak. Maka sampan itu pun dibedil oleh kapal dari laut dengan peluru penaburnya, maka sampan itu pun tenggelam. Maka lepaslah satu tong ubat bedil itu dipikul oleh orang sampan itu naik ke darat kepada kubu Teluk Keriting itu. Maka dapatlah empat lima kali tembak, maka dengan takdir *Allah taala* kapal itu pun terbakar, meletup berterbangan geladak kapal itu ke udara dan segala orang-orangnya pun habislah mati diterbangkan oleh ubat bedil yang meletup itu.

Syahadan adalah pada suatu kaul, orangnya ada delapan ratus yang mati dan ada satu komesarisnya yang mati bersama-sama kapal itu. Adalah nama kapal itu 'Malak Suar Far' demikianlah yang didapat daripada perkataan orang tua-tua Belanda yang di Melaka. Syahadan apabila sudah terbakar kapal besar itu maka berhentilah perang sama-sama diam, sungguh diam di dalam bicara kedua pihak.

30. KEMANGKATAN RAJA HAJI

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Selangor Sultan Ibrahim serta paduka adinda baginda Yang Dipertuan Muda Raja Nala. Maka keduanya apabila ia mendengar paduka ayahanda baginda Raja Haji itu berperang dengan Belanda di dalam Riau maka baginda pun musyawarah dengan paduka adinda serta Datuk Punggawa serta orang besar-besar dan orang tua-tua yang di Selangor itu pada pekerjaan menyertai paduka ayahanda baginda itu. Maka apabila putus musyawarah itu maka Yang Dipertuan Selangor pun keluarlah dari Selangor hendak melanggar Melaka. Maka singgahlah di Rembau muafakat dengan Penghulu Rembau empat suku itu. Apabila putus muafakatnya itu maka lalulah berangkat ke Pedas pula muafakat pula ia dengan Penghulu Pedas yang empat suku itu. Maka apabila putus muafakat itu maka berangkat ke Batang Tiga, maka lalulah berbuat kubu yang besar di situ. Maka di dalam hal itu maka datanglah langgar dari Melaka dengan beberapa banyak serdadu Belanda serta orang-orang Melaka. Maka berperanglah orang Selangor dengan orang Melaka beramuk-amukan berbunuh-bunuhan. Maka banyaklah serdadu-serdadu Belanda serta orang-orang Melaka mati serta terkerat kepala orang besar-besarnya. Maka tewaslah angkatan yang dari Melaka itu undur balik ke Melaka.

Syahadan maka Gebernur Melaka pun memberi surat ke Riau kepada Piter Jakub Pemberam mengatakan Melaka sudah dilanggar pula oleh Yang Dipertuan Selangor. Maka apabila Pemberam mendengar surat itu maka ia pun berlayar ke Melaka dengan segala kapal-kapal itu. Maka teranglah di dalam pelabuhan Riau itu.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Selangor berangkatlah ia ke Riau dengan satu kapal hendak mengajak paduka ayahandanya ke Melaka. Maka tatkala itu banyaklah berbelah-belah fikiran anak raja-raja di dalam Riau. Ada setengah membenarkan Yang Dipertuan Raja Haji itu berangkat ke

Melaka dan ada setengah tiada membenarkan, iaitu putera-putera Marhum Janggut seperti Raja Ali dan Raja Abdul Samad jadi bersalah-salahan fahamlah setengah atas setengahnya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka keras juga Raja Haji Yang Dipertuan Muda hendak pergi itu, sebab kerana orang-orang Selangor sudah berperang, kedua paduka anakda bagindanya sendiri datang mengajak pergi, ketiga meharap-harap ia akan fadhilat perang sabil Allah. Maka dari sebab tiga perkara inilah tiada dapat ia ditahan lagi, maka bersiaplah ia akan beberapa kelengkapan perang. Maka apabila telah mustaid sekaliannya maka berangkatlah ke Melaka. Maka mengikut pula Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud. Maka apabila sampai ke Muar maka ditinggalkannya paduka seri anakda Yang Dipertuan Besar itu di Muar. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun berangkatlah ke Melaka, lalu membuat kubu di Teluk Ketapang serta menyuruh Punggawa Opu Nasti melanggar Semabuk. Maka berperanglah di Semabuk itu dengan beberapa hari beramuk-amukan gegak-gempita bunyi senapang serdadu dan pemburas Bugis. Maka bermati-matianlah sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa lamanya berperang itu maka Semabuk pun alahlah dan dapatlah Semabuk itu oleh yang Dipertuan Muda Raja Haji.

Kemudian tiada berapa antaranya maka Sultan Mahmud pun datanglah ke Teluk Ketapang itu mendapatkan paduka ayahanda Raja Haji. Maka sembah Raja Haji kepada paduka anakda baginda itu Sultan Mahmud, 'Baik silakan paduka anakda balik ke Muar. Nanti ayahanda di dalam Muar, tiada usahlah masuk, biarlah ayahanda saja kerana barangkali dikehendaki *Allah taala* ayahanda sampai janji di dalam perang, dahulu *Allah wa baadu al-rasul*. Kemudian paduka anakdalah ayahanda harap memeliharakan ahli-ahli ayahanda serta memelihara pacal-pacal itu anak-anak Bugis. Adapun ayahanda suka serta rela kerana dosa ayahanda selama-lama ini. Maka ayahanda harapkan diampuni *Allah taala* dengan sebab kematian perang ini.' Syahadan apabila baginda Sultan Mahmud mendengar perkataan paduka ayahanda itu, maka baginda pun menangislah terlalu sangat. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun menangis juga. Syahadan apabila selesai daripada bertangis-tangisan berdua putera itu, maka Sultan Mahmud pun berangkatlah balik ke Muar menantikan habis pekerjaan paduka ayahanda baginda Yang Dipertuan Raja Haji itu.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Haji serta paduka anakda

Yang Dipertuan Selangor Raja Ibrahim musyawarahlah ia pada pekerjaan perangnya itu. Maka Yang Dipertuan Selangor pun pergilah ke Batang Tiga berbuat kubu di situ serta menyuruh melanggar sebelah darat Melaka. Maka dikeluarilah oleh orang-orang Melaka serta serdadu Belanda. Maka berpeperanglah kedua pihak bermati-matian sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa antaranya tewaslah orang Melaka maka lalu undur masuk ke negeri Melaka.

Syahadan sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Haji menyuruh pula melanggar sebelah timur Melaka itu dengan beberapa ratus Bugis dan Melayu. Maka dikeluarku pula oleh orang Melaka beratus-ratus serdadunya. Maka lalulah berperang beramuk-amukan azamatlah bunyinya. Maka seketika berperang itu bermati-matianlah antara kedua pihak. Maka Punggawa pun menyuruh mara mengamuk merebut meriam keretanya. Maka maralah Bugis-Bugis dan orang-orang Riau lalu beramuk. Maka seketika beramuk-amuk itu maka dapatlah meriam itu. Maka orang-orang Melaka pun undurlah masuk ke negeri. Syahadan mangkin sehari mangkin tewaslah orang-orang Melaka hingga telah habislah sekeliling negeri Melaka itu didapat Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu tinggal kotanya sahaja bulat-bulat.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah kira-kira setahun lamanya berperang itu maka tiada juga berketewasan antara kedua pihak. Maka Gebernur Melaka pun sangatlah susahnya sebab bantunya dari Betawi lambat datangnya. Maka Gebernur Melaka pun memasukkanlah segala orang-orang putih mana-mana yang diam di luar kota itu dikumpulkannya ke dalam kota dengan isterinya dan menyuruhlah Gebernur Melaka itu kepada negeri-negeri Melayu mana-mana yang dekat-dekat di situ mengatakan, 'Kompeni ada sedikit kesesakan hendak tewas berperang dengan Yang Dipertuan Muda Raja Haji. Maka barang siapa raja-raja suka membantu, jika kompeni menang adalah kompeni tolong kepada raja-raja yang membantu itu.'

Syahadan apabila sampailah surat Gebernur Melaka itu ke negeri Siak maka muafakatliah Yamtuan Muhammad Ali dengan anak saudaranya Saiyid Ali bin Othman maka lalu ia pergi ke Melaka membantu Gebernur Melaka itu kerana berkehendakkan harta dunia ini jua. Syahadan di dalam hal itu maka bantu dari Betawi pun datanglah dengan kapal perang dan keci perang ada kira-kira tiga puluh buah besar kecil dan beberapa ribu serdadu daripada kulit putih dan kulit hitam. Maka apabila tiba ia maka lalulah dilanggarnya Teluk Ketapang itu dengan sembilan buah kapal perang yang besar-besar. Maka berperanglah kubu-kubu Teluk Ketapang itu dengan

kapal-kapal itu. Maka azamatlah bunyinya. Maka apabila hari malam berhentilah perang, maka apabila siang berperang semula, demikianlah halnya sehari-hari itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam hal perang yang demikian itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bersuka-sukaan jua tiap-tiap malam serta berjamu makan minum sebagaimana kedudukan orang yang tiada di dalam kesusahan demikianlah khabarnya. Syahadan apabila sampailah sudah waktu dan bilangan janjinya qadha dan kadarnya daripada *Allah taala*, maka naiklah serdadu Belanda beribu-ribu sebelah Pernu dipintasinya daripada sebelah darat belakang kubu di Tanjung Palas kubu yang besarnya sekali tempat Yang Dipertuan Muda itu dan satu kubu kecil di sebelah darat, iaitu kubu Encik Ibrahim anak Bandar Hasan. Maka Belanda itu pun menyerkaplah kepada kubu Encik Ibrahim itu maka lalu berperang beramuk-amukan. Maka kubu itu pun alahlah maka Encik Ibrahim itu pun larilah ke kubu besar tempat Yang Dipertuan Muda Raja Haji semayam itu memberitahu mengatakan serdadu sudah dekat memintas sebelah darat.

Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun menyuruh panglimanya keluar mengamuk. Maka adalah Raja Haji itu istighlal ia dengan membaca *Dala'il al-Khairat*. Maka panglima-panglima itu pun beramuk-amukan bermati-matian sebelah-menyebelah. Maka serdadu Belanda yang beribu-ribu itu pun membedillah akan senapangnya menggerutuplah bunyinya seperti orang menggoreng bertih. Maka banyaklah Bugis-Bugis itu mati *syahid fi sabil Allah taala*. Maka seketika beramuk-amukan itu, maka segala serdadu Belanda beribu-ribu itu pun mengepunglah kubu besar Yang Dipertuan Muda itu bersaf-safallah ia mengelilingi kubu itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertital menyuruh amuk. Maka Arung Lenga pun memacu kudanya padahal ia tengah sakit pak ipa. Maka keluarlah ia menempuh baris Belanda itu maka lalulah ia mengamuk. Maka matilah ia dan kudanya pun mati juga dan Belanda banyak juga mati dibunuhnya. Maka dimasukkannya kubu Yang Dipertuan Muda oleh segala orang besar-besar Belanda itu serta dengan serdadunya. Maka mengamuklah Dahing Saliking dan Panglima To Lesang serta Haji Ahmad maka ketiganya menyerbukan diri kepada baris Belanda yang berlapis-lapis itu. Maka seketika ia mengamuk maka matilah ia pun *syahid fi sabil Allah* ketiganya dengan nama laki-laki. Dan beberapa lagi orang yang baik syahid itu dengan tiada membuang belakang. Syahadan adapun Belanda mati di dalam perang itu

ada kira-kira tujuh puluh orang dan tiga orang besarnya yang mati. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bangkit menghunus badiknya dan sebelah tangannya memegang *Dala'il al-Khairat*. Maka dipeluk oleh beberapa orang maka di dalam tengah berpeluk-peluk itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun kenalah peluru baris senapang. Maka ia pun rebahlah mangkat syahidlah ia *inna lillahi wa inna ilaihi rajiun*.

Syahadan apabila segala Holanda melihat Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu sudah mangkat maka berhentilah ia membedil. Maka bersaf-safiah ia berdiri, maka disuruhnyalah segala ahli-ahli Raja Haji itu keluar betul-betul dari dalam kubunya itu laki-laki dan perempuan. Maka tiadalah diharu-birunya. Maka keluarlah segala ahli-ahli Raja Haji itu dengan berjalan betul-betul selalulah sekaliannya itu ke Muar sekali. Maka alahlah Teluk Ketapang itu.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila sudah alahlah Teluk Ketapang itu oleh Holanda, maka Gebernur Melaka pun menyuruhlah kapitan Melayu dan segala orang tua-tua Melaka itu mengambil mayat Raja Haji al-Marhum itu. Maka datanglah segala mereka itu laki-laki dan perempuan dengan ratap tangisnya. Maka dibawa oranglah ke dalam kota Melaka itu betapa adat istiadat membawa jenazah raja besar-besar. Maka apabila sampai ke pintu kota itu dipasangkan meriam sebagaimana adat istiadat raja yang besar-besar mangkat. Maka riu-rendahlah di dalam negeri Melaka itu dengan ratap tangis apalagi segala peranakan Bugis berdukacitalah semuanya. Syahadan maka kapitan Melayu serta orang tua-tua Melaka pun mengerjakanlah jenazah al-marhum itu betapa adat istiadat raja yang besar-besar mangkat. Pada pekerjaan menanamnya dan beberapa pula, Gebernur Melaka mengeluarkan belanja-belanja kepada kapitan Melayu akan sedekah pada hari menanamnya itu serta dipasangkan meriam dengan beberapa pucuk bedil. Syahadan adalah ditanam jenazah al-Marhum Raja Haji itu di dalam kota Melaka di belakang kebun kompeni demikianlah halnya. Akhir-akhirnya diambil oleh puteranya dibawa ke negeri Riau ditanam di bukit Pulau Penyengat.

Syahadan adalah aku dapat khabar daripada orang tua-tua adalah sebelum lagi ditanam mayat Raja Haji al-Marhum itu, maka ditaruhnya di dalam peti hendak dibawanya ke Betawi, sudah sedia kapal akan membawanya hanya menantikan keesokan hari sahaja. Maka pada malam itu keluar memancar ke atas seperti api daripada peti itu. Maka gaduhlah orang Melaka itu melihatkan hal itu. Maka di dalam tengah-tengah bergaduh itu maka

kapal yang akan membawa jenazah al-Marhum Raja Haji itu pun meletuplah terbakar terbang ke udara segala isinya serta orangnya, seorang pun tiada yang lepas. Syahadan kata kaul yang menuturkan itu tiadalah jadi dibawanya ke Betawi jenazah marhum itu. Maka ditanamnya juga di Melaka hingga datang ambil dari Riau. Syahadan kata kaul yang metutur itu, sebab itulah digelar Holanda-Holanda yang dahulu-dahulu dengan nama Raja Api marhum itu.

Sebermula adapun segala putera-putera Marhum Raja Haji serta orang-orang Riau yang undur ke Muar itu mendapatkan baginda Sultan Mahmud itu. Maka apabila baginda melihat segala orang yang datang itu serta mendengar khabar mereka itu, maka baginda Sultan Mahmud pun terkejutlah lalu menangislah ia dengan tangis yang amat sangat. Sementelahnya pula baginda itu melihat ahli-ahli paduka ayahanda baginda itu mangkin bertambah-tambahlah rosak hatinya. Syahadan maka baginda Sultan Mahmud pun berangkatlah balik ke Riau membawa ahli-ahli paduka ayahanda marhum itu. Maka tiada berapa hari tibalah ke Riau. Maka apabila baginda masuk ke Riau riuh-rendahlah dengan ratap tangis segala sanak saudaranya serta dengan dukacitanya yang amat sangat.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Selangor turunlah ia dari Rembau ke Batang Tiga. Maka tiba-tiba dapatlah khabar paduka ayahanda baginda Raja Haji telah wafat. Maka Yang Dipertuan Selangor pun terkejut lalulah menangis yang amat sangat. Kemudian berangkatlah ia balik ke Selangor dengan segala orang-orangnya di dalam hal dukacitanya sehari-hari jua adanya.

Sebermula adapun Gebernur Melaka apabila sudah selesailah daripada berperang dengan Raja Haji itu, maka muafakatliah pula ia dengan Piter Jakub Pemberam akan melanggar Selangor pula sebab kerana Raja Selangor yang mengajak Raja Haji melanggar Melaka, seolah ialah yang membuat pokok perkelahian pada melanggar Melaka itu. 'Kerana waktu kompeni lagi tengah berperang di dalam Riau dahulu itu sudah sampai sebelas bulan sudah kita mau bicara muafakat kepada Raja Haji serta lepas kapal kita yang terbakar waktu perang dengan Raja Haji sudah berhenti. Tiba-tiba Raja Selangor datang pukul Melaka serta ia sendiri mengambil Raja Haji ke Riau. Pasti Raja Haji itu pergi kerana dia satu raja yang terbilang pada raja-raja Melayu ini. Adapun ia melawan kita di dalam Riau itu, iaitu pekerjaan patut kerana kita melanggar negerinya dia melawan itu adatlah bagi raja yang terbilang. Akan tetapi di dalam perang itu ada kalanya menang ada kalanya

berdamai. Maka kita di dalam tengah-tengah berbicara hendak kita baikkan hati Raja Haji biar jadi berdamai. Maka Raja Selangor kacau pekerjaan kita dengan Raja Haji itu. Kemudian jadi rosak bicara kita olehnya. Kemudian sudah tetap perang Raja Haji dengan kita, maka ditinggalkannya Raja Haji itu di Teluk Ketapang dia pergi berbini di Rembau. Sudah Raja Haji kalah baharu ia turun dari Rembau itu balik ke Selangor. Itu pun pekerjaan tidak patut, jikalau begitu Raja Selangor yang salah, baiklah kita pukul negeri Selangor itu.' Maka segeralah Piter Jakub Pemberam ke Selangor akan melanggar Selangor itu.

Syahadan adapun Yamtuan Muhammad Ali Siak apabila ia mendengar perkataan Gebernur itu, maka ia pun pergilah bersama-sama anak saudaranya Saiyid Ali ke Melaka mengatakan ia hendak membantu Gebernur Melaka. Syahadan maka pergilah angkatan Holanda itu bersama-sama angkatan Yamtuan Muhammad Ali itu melanggar Selangor. Maka apabila tiba lalulah berperang Yang Dipertuan Selangor dengan Holanda itu. Maka tiada berapa lamanya maka Selangor pun alahlah. Maka Raja Selangor pun undur lalu ke Pahang. Maka berjumpalah ia dengan Datuk Bendahara Pahang serta dipermuliakan oleh Datuk Bendahara. Maka tetaplal Yang Dipertuan Selangor itu di Pahang serta musyawarah dengan Datuk Bendahara sehari-hari pada pekerjaan hendak mengambil Selangor itu semula adanya.

Sebermula adapun Holanda serta Yang Dipertuan Muhammad Ali apabila Selangor itu alah maka diikutnyalah ke hulu Selangor takut akan Raja Selangor itu berbalik semula. Kemudian dapat khabar mengatakan Raja Selangor telah lepas ke Pahang. Maka Holanda pun hilirlah balik semula. Adapun Yamtuan Muhammad Ali apabila Holanda sudah ke hulu maka ia pun merampaslah segala harta benda orang Selangor itu diturunkannya ke perahunya. Apabila sudah sarat perahu-perahunya maka ia pun berlayarlah ke Siak tinggal Saiyid Ali menggelar dirinya Yang Dipertuan Selangor. Syahadan adapun Holanda kapitan perang itu apabila dilihatnya Yamtuan Muhammad Ali tiada lagi maka ditanyanya Saiyid Ali, 'Ke mana Tuan Raja punya bapa?' Maka jawab Saiyid Ali, 'Sudah balik ke Siak dan saya jadi gantinya. Apa-apa tuan mau bicara?'

Kemudian orang-orang Selangor pun memberitahulah kepada Holanda itu mengatakan habislah sudah harta benda orang Selangor yang lari dan yang tidak lari dirampasnya juga, dibawanya balik ke Siak. Setelah kapitan itu mendengar khabar orang-orang itu, maka ia pun mengangguk kepala-

nya sambil katanya, 'Itulah satu raja yang dia punya akal terlalu buruk.' Syahadan tetaplai Saiyid Ali itu bergelar Yamtuan Selangor bersama-sama Belanda, tinggal di Bukit Kota Selangor itu. Adapun kapal-kapal yang banyak itu baliklah ke Melaka muafakat hendak melanggar Riau atau hendak bicara berdamai.

31. BELANDA MEMBUAT PERJANJIAN DENGAN RIAU

ALKISAH maka tersebut perkataan Sultan Mahmud di dalam negeri Riau duduklah di dalam dukacitanya sebab kehilangan paduka ayahanda baginda Raja Haji al-Marhum itu. Adalah bersama-sama masa itu di dalam Riau anak Raja Bugis, Raja Ali dan Raja Abdul Samad dan lainnya dan anak raja-raja Melayu, iaitu Bendahara dan Temenggung dan Raja Indera Bungsu. Adapun anak Raja Bugis yang menyebelah kepada suku-suku Melayu, iaitu Raja Tua.

Syahadan di dalam hal itu, maka adalah suku-suku Melayu serta Raja Tua muafakatliah akan mengganti Yang Dipertuan Muda yang hilang kepada baginda Sultan Mahmud. Akan tetapi di dalam lagi berbelah-belah fikiran kerana ada yang terlebih tua pada masa itu Raja Ali dan ada juga putera Marhum Raja Haji itu laki-laki, yang tuanya bernama Raja Jaafar tetapi belum remaja putera belum boleh memegang pekerjaan kerajaan. Maka jadi berbelah-belah fikiran antara suku-suku Melayu pada memilih akan ganti Raja Muda itu, akan tetapi kebanyakan cenderung suku-suku Melayu kepada Raja Jaafar sebab kanak-kanak menerima apa-apa yang dikehendaki oleh mereka itu. Di dalam hal itu pun tuan-tuan sekalian lebih-lebih maklum adat manusia mana-mana yang manfaat kepada dirinya itulah yang dikehendakinya. Syahadan di dalam hal itu jadi taukiflah baginda Sultan Mahmud memikirkannya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Raja Ali mendapat akan rahsia itu hal sebelah suku-suku Melayu serta Raja Tua itu, maka ia pun mengumpulkan segala Bugis-Bugis peranakan dan Bugis-Bugis jati beribu-ribu, maka pergilah ia menghadap kepada Sultan Mahmud. Maka segala raja-raja pun hadirilah semuanya, maka berdatang sembahlah ia, 'Siapa yang patut akan ganti paduka ayahanda yang hilang itu, patik semua anak Bugis minta tentukanlah waktu ini.' Maka jawab Sultan Mahmud, 'Siapa lagi yang lain

daripada Raja Alilah yang patutnya kerana Raja Ali pada masa ini terlebih tua daripada yang lainnya.'

Syahadan setelah Raja Ali mendengar titah baginda itu maka Raja Ali pun berdirilah menghunus kerisnya, maka lalu ia mengaruk-aruk. Setelah itu apabila segala Bugis-Bugis melihat Raja Ali itu mengaruk-aruk, maka sekaliannya pun mengaruklah pula berkanjar-kanjar bagaikan azamatlah bunyinya. Maka apabila selesai mengaruk-aruk itu, lalulah menjunjung duli baginda. Kemudian maka bermohonlah ia pulang masing-masing. Maka bergelarlah Raja Ali Yang Dipertuan Muda di dalam negeri Riau.

Syahadan ada kira-kira tiga bulan selangnya maka angkatan dari Melaka pun datanglah akan melanggar negeri Riau. Maka di dalam hal itu bersalah-salahanlah suku-suku Melayu dengan suku-suku Bugis masing-masing dengan kehendaknya. Maka tiadalah terselesai oleh Sultan Mahmud perselisihan antara kedua pihak itu serta huru-harunya di dalam negeri Riau. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun keluarlah dari Riau serta segala Bugis-Bugis mana-mana yang sempat berlayar ke negeri Mempawah serta ke Sukadana.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu telah keluar dari dalam negeri Riau itu maka Raja Tua serta setengah daripada suku-suku Melayu pun merampaslah istana Yang Dipertuan Muda itu, ada kira-kira dua buah perahu daripada harta benda perkakas tembaga dan kain-kain yang mahal-mahal harganya dan lain-lainnya. Maka orang-orangnya disuruhnya merampas segala rumah-rumah peranakan Bugis yang tinggal-tinggal itu. Maka banyaklah segala mereka itu beroleh harta benda. Maka Raja Tua itu pun banyaklah mendapat harta haram jua adanya.

Syahadan maka tiadalah terkata-kata lagi Sultan Mahmud itu melihatkan hal fil Raja Tua itu, akan tetapi apalah boleh buat, kerana sudah jatuh kelemahan kerana sehari-hari tulang urat baginda itu umpamanya Bugis-Bugis, sekarang segala Bugis itu sudah bertaburan. Maka duduklah baginda itu di dalam apa-apa kata Raja Tua serta raja-raja suku-suku Melayu jua adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila tibalah angkatan Holanda dari Melaka itu, iaitu raja lautnya yang bernama Piter Jakub Pemberam, maka Raja Tua pun turunlah pergi berjumpa kepada raja laut itu serta ia ber-khabar-khabar yang ia serta suku-suku Melayu tiada campur pekerjaan Raja Haji al-Marhum. Adapun segala Bugis sudah habislah keluar tinggallah saja orang baik-baik dan orang-orang betul memelihara raja yang sangat

mudanya ini. 'Sekarang kita raja yang berempat menteri yang besar-besar sekali apa-apa saja suka raja laut, boleh saya jalankan.' Setelah raja laut mendengar perkataan Raja Tua itu, ia pun tersenyum sambil menganggukkan kepalanya.

Kemudian maka jawab raja laut itu, 'Baiklah nanti kita buat satu perjanjian baik-baik serta boleh kita tinggalkan satu wakil kompeni di dalam negeri Riau supaya boleh menolong Tuan Sultan meramaikan negeri Riau, membanyakkan hasil.' Jawab Raja Tua itu, 'Bagus.' Lalulah ia balik maka musyawarahlah ia dengan Datuk Bendahara serta Temenggung dan Indera Bungsu. Setelah putus musyawarahnya lalulah keempatnya menghadap Sultan Mahmud. Setelah Sultan Mahmud mendengar ikhtiar raja yang berempat itu, maka baginda pun bertitah, 'Mana-mana sahaja baik kepada ayahanda-ayahanda sekalian.' Syahadan apabila sampai waktunya maka naiklah raja laut itu membuat perjanjian dengan Sultan Mahmud serta raja-raja yang berempat itu ada kira-kira dua puluh enam fasal, dan tiga fasal pula hubungannya. Adalah setengah mazmunnya yang terkandung di dalam perjanjian itu:

...tiada diberinya lagi Bugis memegang pekerjaan yang besar-besar dan Raja Tualah kepala segala menteri, dan tiada boleh baginda Sultan Mahmud berbuat sesuatu apa melainkan hendaklah muafakat raja yang berempat itu dahulu kepalanya Raja Tua, demikianlah adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka dapatlah raja laut itu khabar akan hal kelakuan Raja Tua itu yang keji-keji daripada pekerjaan rampas-merampas segala harta benda peranakan Bugis itu. Maka kuranglah berkenan pada hati raja laut itu. Maka lalu dimasukkannya di dalam perjanjian itu, tersebut bunyinya:

...mana-mana segala harta benda Bugis yang ketinggalan itu barang siapa mendapatnya maka hendaklah diserahkan kepada Tuan Piter Jakub Pemberam kerana segala harta-harta itu barang-barang keuntungan atas kompeni di dalam peperangan.

Syahadan adalah membuat perjanjian itu di dalam kapal perang yang bernama 'Utrik' demikianlah adanya. Kemudian maka apabila selesai

daripada berbuat perjanjian itu maka baliklah raja laut itu ditinggalkan-nyalah seorang fetur di dalam Riau duduk di Tanjung Pinang memerintahkan negeri Riau daripada segala perdagangan. Maka tiada berapa antaranya maka Sultan Mahmud berangkatlah ke Melaka, ziarah kepada makam paduka ayahanda marhum. Kemudian baginda pun berangkatlah balik ke Riau adanya.

32. BELANDA MENGEPUK SELANGOR

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Selangor di negeri Pahang muafakatliah ia dengan Datuk Bendahara serta orang-orang besar Pahang hendak melanggar Selangor semula. Maka apabila putuslah muafakatnya itu maka bersiaplah ia akan alat perkelahian. Maka berjalanlah Yang Dipertuan Selangor serta orang-orang Pahang. Maka apabila tiba ke Selangor malam itu juga maka naiklah Yang Dipertuan Selangor itu ke rumah Punggawa Pematang. Maka bertitahlah baginda kepada Punggawa itu menyuruh melanggar bukit itu pada malam itu juga. Maka Punggawa pun bertangguh pada malam esok, kerana anak buahnya banyak belum tahu akan Yang Dipertuan Selangor ada bersemayam di Pematang. Maka pada waktu subuh baginda itu menyuruh panggil Punggawa Tua, maka Punggawa Tua pun menghadaplah ke Pematang. Maka hari pun mamlah, maka Yang Dipertuan Selangor pun berangkatlah sendiri serta orang-orang banyak naik ke bukit. Maka lalulah dilanggarnya bukit itu dibedilnya dengan pemburas dan senapang.

Setelah Holanda mendengar hal itu maka ia pun terkejut. Maka lalu dikeluarkanya dengan serdadunya maka beramuk-amuklah dengan tiada sempat mengisi senapang lagi, kerana orang-orang Selangor sudah rapat menikamkan lembingnya. Maka banyaklah serdadu itu mati. Maka segala Holanda yang di dalam kota pun menutup pintu kotanya. Maka hari pun sianglah dan Yang Dipertuan Selangor pun undurlah ke Pematang musyawarah dengan Punggawanya serta orang-orang banyak hendak melanggar semula. Syahadan adapun Holanda yang tinggal di dalam Kota Selangor itu pun larilah ia pada waktu tengah malam balik ke Melaka. Adapun Yang Dipertuan Selangor apabila hari siang, maka bersiaplah ia akan melanggar bukit. Maka tiba-tiba dapat khabar Holanda sudah lari ke Melaka. Maka Yang Dipertuan Selangor pun berangkatlah ke bukit bersemayam di bukit itu.

Syahadan adapun Holanda-Holanda yang balik ke Melaka itu berkhabarlah kepada Piter Jakub Pemberam. Maka lalu disuruhnya dua buah kapal perang menunggu Kuala Selangor itu. Maka berhentilah kapal itu kira-kira sebelas bulan, dan tiada pula berperang sekadar ditunggunya sahaja. Syahadan apabila sampai ke empat belas bulannya maka baharulah Piter Jakub itu datang dengan sebuah kapal, iaitu datang hendak muafakat. Maka berdamailah kompeni Holanda dengan Yang Dipertuan Selangor lalu berbuat surat perjanjian ada kira-kira dua puluh fasal. Akan tetapi yang diterima Yang Dipertuan Selangor ada kira-kira dua tiga fasal sahaja.

Syahadan adapun sebabnya tiada jadi dilanggar oleh kompeni Holanda negeri Selangor itu kerana kompeni Inggeris konon memberi khabar kepada Piter Jakub Pemberam katanya, 'Engkau seorang hendak mencari untung dan nama dan dua tiga buah negeri Melayu engkau binasakan, dan beberapa pula jiwa manusia yang hilang dan beberapa orang yang duduk di dalam kesenangan di dalam buminya sendiri jadi huru-hara ke sana ke mari dan hilang kemuliaannya. Adakah patut yang demikian itu khianat akan orang-orang dengan tanah buminya jadi binasa?' Demikianlah yang aku dengar daripada perkataan orang tua-tua. Maka dengan sebab inilah konon tiada jadi Holanda melanggar negeri Selangor itu.

33. PERPINDAHAN DARI RIAU KE LINGGA

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Riau duduk bersama-sama Belanda itu. Adalah fetur negeri Riau hendak segeralah sahaja tiap-tiap satu yang hendak diperbuatnya maka dipintanyalah apa-apa kehendaknya seperti kayu-kayuan dan lain-lainnya daripada pekerjaan membaiki negeri, dengan perintahnya yang keras. Terkadang-kadang disebutkan hutang melanggar negeri Riau berulang-ulang kepada Sultan Mahmud dan kepada Raja Indera Bungsu, demikianlah halnya sehari-hari. Kemudian lagi beberapa mendatangkan perkara negeri tiap-tiap hari daripada kehendaknya dan perintahnya dengan bersalah-salahan maksudnya dan berlain-lainan fikirannya kerana lebih-lebih maklumlah aturan sebelah atas angin hendak dipakaikan kepada orang-orang kulit hitam disuruh mengikut dengan segeranya. Maka iaitu sangatlah kesakitan atas orang-orang kulit hitam menanggungnya. Maka jadi pokok perbantuan dan perkelahian.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah kira-kira tiga tahun di dalam hal yang demikian itu maka dukacitalah baginda Sultan Mahmud serta Raja Indera Bungsu. Maka jadilah dukacitanya dan susahya scumpama api maka memakanlah akan sabarnya. Maka jadi melakukan dan mengikutkan hawa nafsunya sebab kerana hendak melepaskan piciknya dan susahya. Maka tiadalah memikirkan yang di belakangnya. Maka menyuruhlah ia satu utusan ke Tempasuk membawa surat kepada Raja Tempasuk minta pertolongan pada mengamuk Belanda di dalam Riau. Maka Raja Tempasuk pun menyuruh anaknya tiga orang, pertama Raja Tembak, kedua Raja Alam, ketiga Raja Muda beserta Raja Ismail menjadi panglima besarnya. Maka berlayarlah mereka itu ke Riau. Adalah kelengkapannya kira-kira tiga puluh penjab dan berangai.

Kemudian apabila sampai ia ke belakang Riau maka Raja Indera Bungsu

pun memberitahu kepada fetur Belanda itu mengatakan perompak banyak di belakang Riau. Maka fetur pun menyuruh menyiapkan belah semangkanya dan satu keci perangnya kerana hendak mengeluarkan perompak itu. Maka di dalam hal itu lanun itu pun sudah masuk dari Terusan, maka gempa di dalam Riau. Maka Belanda pun mengisilah meriamnya hendak membedil perahu lanun itu maka perahu-perahu penjajab yang di dalam Sungai Riau itu pun bersedialah rupa-rupa hendak membedil. Maka lanun rapatlah ke Tanjung Pinang, maka dibedil oleh penjajab-penjajab Riau dengan tiada berpeluru. Maka lanun pun naiklah ke darat lalu diamuknyalah Tanjung Pinang itu. Maka dilawan oleh Belanda maka beramuk-amuklah. Maka banyaklah Belanda-Holanda itu mati lalu lari turun ke kecinya dan turun ke belah semangkanya berlayarlah ia ke Melaka, mana yang hidupnya.

Syahadan setelah Belanda itu lari maka raja-raja lanun itu pun menghadaplah baginda Sultan Mahmud. Maka diperjamulah oleh baginda serta dibaik-baikkan hatinya. Adalah berlaku pekerjaan ini pada Hijrat sanat 1215. Kemudian datang pula Tok Lukus dan Tok Akus memperhambakan dirinya kepada baginda Sultan Mahmud. Kemudian maka musyawarahlah baginda dengan segala menteri-menterinya, maka titah baginda, 'Tiada saya terhemat di dalam negeri Riau sebab Belanda-Holanda itu tentu datang semula ia melanggar negeri Riau padahal di dalam negeri kekuatannya sudah tiada lagi. Jikalau begitu, baiklah saya pindah ke Lingga.' Maka sembah segala orang-orang besarnya, 'Mana-mana titah sahaja patik junjung.'

Syahadan maka baginda pun berangkatlah ke Lingga bersama Raja Indera Bungsu serta segala orang-orang Melayu dan peranakan Bugis ada kira-kira lebih dua ratus buah perahu mengiringkan baginda berpindah ke Lingga itu. Syahadan adapun suku-suku Bendahara berlayarlah ke Pahang kira-kira tengah dua ratus perahu-perahu. Maka tiadalah lagi tinggal orang-orang Melayu di dalam Riau hanyalah Cina-Cina yang di dalam hutan sahaja yang tinggal, iaitu yang mengambil kuli kepada orang-orang Melayu dan kepada Bugis yang berkebun-kebun gambir dan lada. Syahadan rosaklah negeri Riau pada masa itu.

Syahadan maka Piter Jakub Pemberam pun datanglah dari Melaka dengan beberapa buah kapal perang. Maka apabila tiba ke Riau maka didapatnya segala orang-orang Melayu sudah tiada lagi, hanyalah tinggal Cina-Cina kuli sahaja. Maka tiada terkata-kata lagi, maka diperiksanya kepada

Cina-Cina itu, 'Ke mana pergi orang-orang Melayu dan peranakan?' Maka jawab Cina-Cina itu, 'Sudah berpecah-pecah ke sana ke mari. Ada yang ke Lingga, ada yang ke Pahang itu sekarang terlalu susah. Nanti jikalau kompeni Holanda pergi ikut raja-raja Melayu di mana-mana ia diam nanti susah besar lagi sepuluh tahun pun tiada boleh habis. Jikalau kompeni Holanda menang pun berpuluh negeri Melayu yang rosak, apalagi di dalam laut semuanya orang-orang Melayu sudah jadi perompak dan kita semua orang Cina-Cina pun tiada boleh duduk di Riau lagi. Apa Cina-Cina mau makan ke laut pun? Tiada boleh lagi takutkan perompak. Maka di dalam Riau ini semua makanan datang dari luar semuanya.'

Syahadan apabila kompeni Holanda mendengar khabar-khabar Cina itu maka tiadalah diusirnya segala orang-orang Melayu itu, dan Piter Jakub pun baliklah ke Melaka ditinggalkannyalah satu fetur serta beberapa kapal perang serta dengan beberapa jaga-jaga bersama-sama. Maka diperbuatnyalah loji di Tanjung Pinang dan Cina-Cina itu pun disuruhnyalah mengerjakan kebun-kebun gambir orang Melayu yang tinggal itu dan perahu-perahu Jawa pun disuruhnyalah datang berniaga membawa beras ke dalam Riau berpalu-palu dengan gambir. Akan tetapi beberapa kesusahan atas segala orang yang berniaga kerana perompak-perompak seperti anak ayam umpamanya. Maka tiada berhenti kompeni Holanda payar-memayar keruhlah lautan itu. Syahadan adapun kompeni Inggeris selalu sahaja membawakan ubat bedil dan meriam dan senapang berjual beli di dalam negeri Melayu berpalu dengan dagangan negeri Melayu, demikianlah halnya sehari-hari adanya.

34. PERISTIWA DI TRENGGANU, KALIMANTAN DAN SIAK

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud. Maka tatkala baginda sudah tetap di dalam Lingga maka pada tiap-tiap hari di dalam kesusahan, kerana segala anak-anak raja Melayu dan Bugis sudahlah bertaburan ke sana ke mari mencari rezekinya pun tiada berketentuan, melainkan kebanyakan perompak-perompak jugalah yang boleh lekas mendapat rezeki. Maka di dalam hal itu Sultan Mahmud pun berangkatlah ke Trengganu hendak minta bicarakan kepada Yang Dipertuan Trengganu memperbaiki negeri Johor dan Riau yang sudah dirosakkan oleh kompeni Belanda pada lahirnya. Adapun pada batinnya semuanya fitnah itu daripada Yang Dipertuan Trengganu juga datangnya seperti tersebut pada perang Linggi dan perang Riau.

Maka apabila sampailah waktu saat yang baiknya maka baginda pun berangkatlah ke Trengganu, iaitu pada Hijrat sanat 1206. Maka bicaralah baginda itu dengan Yang Dipertuan Trengganu pada memperbaiki negeri Johor dengan kompeni Belanda. Maka mengakulah Yang Dipertuan Trengganu itu bersanggub memperbaiki baginda itu dengan kompeni Belanda itu, nanti lagi hendak mengutus ke Melaka. Syahadan setelah baginda itu mendengar sanggub Yang Dipertuan Trengganu itu, maka baginda pun diam maka duduklah di dalam Trengganu adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Raja Ali yang keluar dari dalam negeri Riau pergi ke Mempawah mendapatkan sanak saudaranya di situ. Adalah yang menjadi raja pada masa itu Panembahan Adi Wijaya. Maka apabila Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu tiba dipermuliakannyalah betapa adat raja-raja dengan sanak-sanaknya bersuka-sukaan, makan minum bergurau senda. Kemudian maka dinikahkannya dengan anak saudaranya yang bernama Utin Selamah, betapa adat raja-raja besar

nikah kahwin. Maka apabila selesai berlaki isteri itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun berpindahlah ke Sukadana. Maka lalu berbuat negeri di situ serta cukuplah dengan alat istananya dan kota paritnya. Maka ramailah negeri Sukadana itu hingga masuklah kapal-kapal dan wangkang dan beberapa pula perahu-perahu yang lain-lain pula masuk berniaga ke situ. Maka banyaklah Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu mendapat hasil-hasil dan bergantilah segala harta-hartanya yang binasa di dalam negeri Riau dahulu itu.

Syahadan kata *abli'l-tawarikh* pada masa itulah Belanda duduk di negeri Pontianak dengan kesukaan Sultan Syarif Abdul Rahman. Akan tetapi pada waktu itu belum berselisih Yang Dipertuan Muda Raja Ali dengan Sultan Syarif Abdul Rahman, akan tetapi di dalam bermusuhan juga dengan Belanda. Syahadan tetaplah Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu di dalam negeri Sukadana hingga mendapatlah ia putera dengan Utin Selama itu seorang laki-laki adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Muhammad Ali di dalam negeri Siak. Adalah menjadi Yang Dipertuan Siak pada masa itu anak saudaranya bernama Raja Yahya dan adalah Yang Dipertuan Mudanya, iaitu saudaranya juga. Adapun Yang Dipertuan Muhammad Ali itu menjadi Raja Tua sahajalah memberi nasihat kepada anaknya. Syahadan adalah Yang Dipertuan Muhammad Ali mengambil Saiyid Ali bin Othman diperbuatnya menantu. Adalah Raja Andut itu ipar Saiyid Ali, ia yang memberi Saiyid Ali itu beberapa kelengkapan serta Saiyid Ali itu dapat pula memerintah di Bukit Batu serta mengambil hasil-hasilnya dengan aturan mentuanya serta Raja Musa mangkin bertambah-tambahlah ia kuatnya Saiyid Ali itu. Maka berbuatlah ia kelengkapan kira-kira tiga puluh buah akan diperbuatnya pergi merompak dan melanggar negeri kecil-kecil.

Syahadan apabila sudah siaplah kelengkapannya maka Saiyid Ali pun keluarlah dari negeri Siak berlayarlah ia mengikutkan angin selatan. Maka sampailah ia ke Kuala Singgora. Maka lalu diserbunyalah Kuala Singgora itu dibedilnya dengan meriam dan lela dari perahunya. Maka terkejutlah orang-orang Singgora itu mengatakan perompak datang menyerbu. Maka segala orang-orang Singgora pun berlari-larianlah ke sana ke mari kebanyakan masuk ke dalam hutan ada yang lari mudik ke hulu mana-mana sempat, kerana hendak melepaskan nyawanya dan anak isterinya. Maka tertinggalah harta-hartanya. Maka Saiyid Ali pun menyuruhlah orang-orangnya naik ke

darat mengamuk dan merampas serta membunyikan senapang pemburanya mungkin bertambah-tambahlah dahsyatnya orang-orang Singgora itu. Maka lalulah ia lari berkayuh cepat-cepat ke hulu memberitahu rajanya.

Syahadan Saiyid Ali pun mengerahkan orang-orangnya lekas-lekas merampas itu. Maka merampaslah orang-orangnya mana-mana yang dapat dibawanya ke perahunya. Maka banyaklah Saiyid Ali beroleh harta rampasan itu daripada emas dan perak. Maka apabila penuhlah segala perahu-perahunya maka ia pun keluarlah berdayung ke Trengganu. Kemudian kembali ia ke Siak.

Sebermula adapun orang-orang Singgora yang lari ke hulu itu maka sampailah mereka itu kepada rajanya. Maka Raja Singgora pun segeralah menyuruh panglima-panglimanya serta beberapa ribu tenteranya hilir ke kuala akan melawan perompak yang menyerbu itu. Maka apabila tiba mereka itu ke kuala maka dilihatnya perompak-perompak itu sudah tiada lagi, serta disuruhnya akan perahu-perahu perangnya keluar ke kuala. Maka tiadalah tampak lagi layarnya. Maka memaki dan menyumpah sahajalah yang dapat lagi. Maka pulanglah orang-orang Singgora itu masing-masing ke rumahnya dengan kerugian yang maha besar.

35. PERCUBAAN BERDAMAI DENGAN BELANDA

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Trengganu berbicara dengan Yang Dipertuan Trengganu minta berbaikkan antara baginda dengan kompeni Belanda. Maka bersangguplah Yang Dipertuan Trengganu akan membicarakan dia itu. Kemudian maka Sultan Mahmud pun berlayarlah ke Pahang menantikan khabar-khabar itu di Pahang sahajalah. Maka tetaplah baginda itu di Pahang.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Trengganu apabila sudah berangkat baginda Sultan Mahmud itu pergi ke Pahang, maka Yang Dipertuan Trengganu pun menyuruhlah seorang bernama Encik Ismail dan seorang lagi bernama Wan Kobat, adapun Wan Kobat itu gelarannya Seri Setia, berlayarlah mendapatkan Piter Jakub Pemberam di dalam negeri Riau. Maka apabila sampai ia ke Riau maka kedua utusan itu pun berjumpa dengan Pemberam di dalam kapal perangnya. Maka surat Yang Dipertuan Trengganu itu diberikannyalah. Maka disuruh oleh Pemberam baca kepada jurutulisnya, iaitu Encik Abdullah anak Imam Lebai Pandak. Setelah Pemberam mendengar surat Yang Dipertuan Trengganu itu, maka ia pun tertawa dan menganggukkan kepalanya serta merah padam mukanya katanya, "Terlebih baik kita percayakan Bugis yang melawan kita berperang ini daripada kita percaya kepada Raja Trengganu yang tiada melawan kita berperang."

Kemudian maka lalu disuruhnya balas surat itu. Maka sangatlah kasar perkataannya itu, serta dengan beberapa tempelak dan bangkitnya dan cercanya pada Yang Dipertuan Trengganu itu, daripada fasal perang Linggi dan perang Melaka dan perang Riau dan kerosakan negeri Riau. Maka semuanya itu sekali-kali bukannya pokoknya itu daripada Bugis datangnya, hanyalah semata-mata daripada Yang Dipertuan Trengganu jua pada batinnya, dan beberapa pula lagi perkataan yang keji-keji yang tiada harus disuratkan pada siarah ini.

Syahadan adalah tersebut di dalam sjarah yang dari Lingga pada hujung sjarah yang dari Engku Busu Dungun maka demikian bunyinya. Maka apabila balikhlah Encik Ismail itu ke Trengganu membawa surat balasan dari Pemberam itu maka pergilah orang-orang ramai menyambut surat itu betapa adat istiadat menyambut surat raja-raja jua. Maka dibawa oranglah surat itu naik ke balai. Maka diambil oleh Yang Dipertuan Trengganu lalu dibacanya. Syahadan adalah surat itu dua pucuk satu besar dan satu kecil. Kemudian diberikannya surat yang kecil itu dibaca di bawah payung ubur. Maka surat yang kecil itu sahajalah yang didengar oleh orang-orang yang ramai dan surat yang besar itu Yang Dipertuan Trengganu sendiri membacanya.

Kemudian dari itu setelah habislah sekalian orang-orang ramai balik maka Yang Dipertuan Trengganu pun berangkat ke Kuala Ibai. Maka tepak Yang Dipertuan Trengganu pun dibawa orang naik ke tela. Kemudian minta ambikan pula kepada cucunya Tengku Kecil dan Tengku Puteri. Maka lalulah diambilkannya serta dibacanya surat yang di dalam tepak itu keduanya dengan Tengku Busu anak Yang Dipertuan dengan Tengku Teh, dan Tengku Lahad, dan Tengku Said, dan Tengku Wok. Setelah habis dibacabaca ramai-ramai itu, baharulah dapat rahasia yang besar-besar itu habislah didengarnya belaka daripada awalnya hingga akhirnya. Allah! Allah! Beberapa macam bangkitnya Holanda itu serta kata nustanya akan Yang Dipertuan Trengganu itu buruk baiknya. Jikalau sekiranya kepada bahasa Melayu diramas surat itu dengan segera diberi makan anjing tidaklah terjilat olehnya. Akan hal ehwal kata nustanya Pemberam itu akan Yang Dipertuan Trengganu daripada satu fasal kepada satu fasal, mencacat Yang Dipertuan Trengganu daripada pekerjaan yang telah lalu itu daripada fitnah-fitnah membinasakan Bugis-Bugis daripada masa perang Linggi Marhum Dahing Kambuja hingga sampai kepada perang Riau Marhum Raja Haji demikianlah halnya.

Kemudian tiada berapa antaranya itu Encik Abdullah bin Tuan Imam Lebai Pandak itu ke Trengganu, maka naik ia menghadap Yang Dipertuan Trengganu itu. Maka titah Yang Dipertuan Trengganu, 'Hai Abdullah kerana *Allah ta'alalah* engkau kepada aku orang tua ini, dan janganlah engkau pandang aku ini, pandang sahajalah tuan engkau Raja Muda Riau itu, kerana aku ini orang tua. Melainkan seboleh-bolehnya engkau carikan penawar antara aku dengan Yang Dipertuan Muda Riau itu dan engkau bawa-

kanlah air aku kepada Yang Dipertuan Muda Riau itu, kerana khilaf bebalku yang dahulu-dahulu sangatlah banyaknya kepada Yang Dipertuan Muda Riau itu.' Maka lalu ditepuk-tepuknya oleh Yang Dipertuan Trengganu itu belakang Encik Abdullah itu. Maka sah dengan nyatanya dua mata sendiri melihat dan dua telinga sendiri mendengarnya daripada titahnya itu, demikianlah yang tersebut pada siarah hujung siarah karangan Engku Busu Dungen adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Pahang. Maka apabila dinantinya bicara Yang Dipertuan Trengganu berbaikkan dia dengan kompeni Belanda, tiada juga datang suratnya atau khabar, maka baginda pun berangkatlah balik ke negeri Lingga. Maka apabila sampai ke Lingga tetaplh ia di dalam Lingga serta orang-orang Melayu dan peranakan Bugis sehari-hari jua ia memikirkan pencarian orang-orangnya.

Maka dengan tadkir *Allah taala* maka terbukalah tanah Singkep, maka baginda pun menyuruhlah akan orang-orang Melayu dan peranakan Bugis mengerjakan timah-timah di situ serta masing-masing punya bahagian. Maka datanglah kapal-kapal Inggeris ke situ meninggalkan beberapa wang cengkeramnya timah-timah pulang-pergi. Maka dapatlah sedikit-sedikit rezeki dan kehidupan orang-orangnya. Dan perahu-perahu dari timur pun datanglah membawa beras ke Lingga dan wangkang-wangkang Cina pun datang juga. Maka di dalam hal itu perompak-perompak pun banyak juga kerana baginda itu belum berdamai dengan kompeni Belanda. Maka kompeni Inggeris pun selalu juga membawa ubat bedil dan peluru dan meriam dan senapang berpalu dengan timah-timah dan lainnya. Maka besarlah perompak seketika itu. Adalah kepalanya Panglima Raman namanya hingga merompaklah ia ke tanah Bangka lalu ke Jawa. Maka banyaklah orang-orang Bangka dan Jawa ditawannya dibawanya ke Lingga dijadikannya isi negeri Lingga. Lama-lama sukalah orang-orang Bangka itu diam di Lingga memperbuat kebun dan dusun tiadalah ia mau balik ke Bangka lagi. Terkadang-kadang datanglah sanak-sanak saudaranya dari Bangka dengan suka hatinya sendiri memperhambakan dirinya di bawah perintah baginda Sultan Mahmud. Maka jadilah ramai di dalam negeri Lingga itu.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah pekerjaan rompak-merompak itu mana-mana dagang yang hendak masuk ke negeri Lingga tiadalah dirompaknya. Syahadan duduklah baginda di dalam negeri Lingga membuat

istana di hulu serta kota paritnya. Maka pada masa baginda itulah melanggar Indera Giri menyuruhkan paduka adinda baginda Raja Jaafar putera Marhum Raja Haji *fi sabil Allah*. Adalah yang dilanggar Raja Tua sebab ada sesuatu perbuatannya yang tiada patut kepada adat istiadat. Maka berpe-ranglah Raja Jaafar dengan Raja Tua itu. Di dalam hal itu Raja Tua itu sudah jadi mertua kepada Raja Jaafar baharu nikah. Adalah yang bersama-sama melanggar itu orang-orang Lingga serta peranakan Bugis serta lanun, maka alahlah Raja Tua itu. Kemudian maka Raja Jaafar pun baliklah ke Lingga membawa paduka adindanya serta orang-orang Indera Giri maka apabila tiba ke dalam Lingga maka tetaplah ia di dalam negeri Lingga ber-sama-sama baginda Sultan Mahmud serta dengan paduka adinda baginda sekalian laki-laki dan perempuan demikianlah adanya.

36. PERMUSUHAN MELAYU-BUGIS BERTERUSAN

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Raja Ali di dalam negeri Sukadana. Maka ramailah negeri Sukadana itu, maka datanglah pula fitnah dunia yang menunjukkan dunia ini negeri yang tiada kekal dan nikmatnya yang tiada tentu, supaya mengambil ibarat orang yang mempunyai mata hati akan tiada harus mengasihi dunia ini, maka hendaklah mengasihi akan akhirat negeri yang kekal dan nikmatnya yang tiada berkeputusan. Syahadan adalah sebab datang kegeruhan dunia atas Yang Dipertuan Muda Raja Ali, iaitu bersalah-salahan maksud dan faham antaranya dengan Sultan Pontianak serta Holanda, lebih-lebih maklumlah di dalam dunia ini tiada sunyi daripada tamak dan loba. Di dalam hal itu berdengki-dengkianlah antara nikmat yang lebih dan nikmat yang kurang. Maka itulah jadi pokok perbantahan.

Sebermula maka apabila berpanjangan perbantahan itu maka jadilah Holanda serta Sultan Pontianak melanggar Yang Dipertuan Muda Raja Ali di dalam negeri Sukadana. Maka berperanglah antara kedua pihak. Maka tiada berapa lamanya Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun tewaslah kerana yang dilawan itu dua bangsa. Maka apabila dirasa-rasa oleh Yang Dipertuan Muda Raja Ali tentulah akan tewasnya, maka muafakatliah ia dengan segala orang tua-tuanya mengajak undur, 'Kerana tiada siapa yang kita harap lagi sebelah timur ini, dan adapun yang kita harap selama-lama ini sanak-sanak saudara kita yang di dalam Pontianak dan Mempawah. Maka sekarang sanak-sanak saudara kita bersama-sama memukul kita dengan Holanda. Di manalah kita dapat kemenangan lagi?' Maka sembah segala orang-orang tuanya, 'Mana-mana titah sahajalah.'

Kemudian maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali ke Lawar. Maka dari Lawar inilah lalu berlayar ke Tambelan, lalu berlayar ke Siantan. Maka tetaplah ia di dalam Siantan dan segala orang-orang Siantan pun tetaplah

berkhidmat kepada Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu serta ditolongnyalah perniagaan mereka itu mana-mana ala kadarnya. Maka di dalam hal itu berkira-kira juga akan ke Riau, demikianlah halnya.

Alkisah maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Lingga. Maka dinanti-nantinya bicara Yang Dipertuan Trengganu, tiada juga dapat ketentuannya. Maka baginda pun menyuruh ke Selangor kepada Yang Dipertuan Selangor minta perbaikan antaranya dengan kompeni Belanda. Maka Yang Dipertuan Selangor pun menyuruh ke Melaka kepada Gebernur Melaka minta perbaikan antara kompeni Belanda dengan Sultan Mahmud itu. Maka jawab Gebernur, 'Bagaimana mau perbaikan antara kita dengan Sultan Mahmud itu? Maka baharu-baharuan tadi kita sudah berjanji ada kira-kira dua puluh fasal. Maka Sultan Mahmud sudah rosakkan perjanjian itu serta dimungkirkan segala perjanjian itu. Adapun Raja Selangor serta segala Bugis-Bugis sungguhpun berperang dengan kita dapat kita jalan berdamai, kerana adat di dalam peperangan pertama menang, kedua alah, ketiga berdamai. Adapun pekerjaan mungkir perjanjian itu bukannya jalan raja-raja. Adapun kita memukul negeri Lingga dan Riau itu, Raja Selangor sendiri terlebih tahu semuanya datangnya daripada bicara raja-raja Melayu jua. Akan tetapi Raja Haji tiada sabar jadi rosak dirinya. Maka sekarang belumlah kita terima lagi permintaan Raja Selangor.'

Syahadan kemudian daripada itu maka balikkah suruhan itu mempersembahkan kepada Yang Dipertuan Selangor perkataan Gebernur itu. Maka apabila Yang Dipertuan Selangor mendengar khabar suruhan itu, maka Yang Dipertuan Selangor pun susahlah serta memikirkannya. Kemudian maka menyuruh sekali lagi serta bersungguh-sungguhlah minta kepada Gebernur Melaka akan diperdamaikan Sultan Mahmud dengan kompeni Belanda. Serta Yang Dipertuan Selangor menanggungnya bersama-sama Sultan Mahmud itu, jika di belakangnya sesuatu yang tiada patut yang di dalam perjanjian itu kerana masa pergaduhan dan perkelahian lanun-lanun dengan kompeni Belanda itu Gebernur lebih-lebih maklumlah Sultan Mahmud itu Raja Muda dengan kescorangan hanyalah menteri-menterinya seperti Raja Indera Bungsu dan yang lainnya terlebih keras daripadanya, 'Maka sekarang haraplah kita akan kemurahan kompeni atas kita semua raja-raja Melayu dan raja Bugis.'

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Gebernur Melaka mendengar khabar utusan itu, maka Gebernur pun terdiam sejourus. Kemudian katanya ke-

pada utusan itu, 'Baliklah utusan kepada Raja Selangor, adalah segala permintaannya itu belum boleh kita menentukan, nantilah kita maklumkan kepada Astatan Jenderal di Betawi apa-apa perintahnya kelak adalah kita memberitahu kepada Raja Selangor itu, dan sengaja kita pinta kepada Raja Selangor beri peringatan baik-baik kepada saudara Raja Selangor, iaitu Sultan Mahmud hendaklah dilarangkan perkara yang jahat-jahat daripada perompak-perompak yang menyusahkan orang-orang dagang pergi-datang adanya.' Kemudian maka suruhan itu pun baliklah ke Selangor menyembahkan kepada Yang Dipertuan Selangor segala perkataan Gebernur itu. Maka Yang Dipertuan Selangor pun menyuruh memberitahu ke Lingga kepada paduka adinda baginda Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud daripada bicaranya dengan Gebernur Melaka itu.

Syahadan di dalam hal itu dengan takdir *Allah taala* melakukan hikmat atas hamba-Nya maka kompeni Inggeris pun mengambil pula Melaka serta Riau. Kemudian kompeni Inggeris pun memulangkanlah negeri Riau kepada Sultan Mahmud serta ditetapkannya sebagaimana jalan adat istiadat purbakala. Adalah yang membawakan surat kompeni Inggeris itu, iaitu Syekh Umar Barja pada tujuh haribulan Safar hari Ahad jam pukul sembilan, waktu tengah mendirikan istana di ulu. Kemudian pada hari itu juga Saiyid Abdul Rahman datang dari Betawi membawa surat-surat Astatan Jenderal Betawi kepada baginda Sultan Mahmud memulangkan negeri Riau kepada Sultan Mahmud dengan tiada suatu perjanjian jua. Adalah tibanya itu pada jam pukul tiga pada Hijrat sanat 1208 takriban. Maka diterimalah oleh Sultan Mahmud dua-dua surat itu dengan kesukaannya. Maka baginda itu pun membaikkanlah negeri Lingga dengan memperbuat masjid dan pasar dan lainnya daripada kota parit. Maka ramailah negeri Lingga itu. Kemudian maka Sultan Mahmud pun menyuruhlah Engku Muda anak Datuk Temenggung bondanya Raja Maimunah akan menunggu Riau itu, sementara belum ketentuan Yang Dipertuan Muda dan belum selesai peraturan negeri Johor adanya.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Raja Ali di dalam negeri Siantan maka ia pun muafakatlah dengan segala orang tua-tuanya akan menghadap ke Lingga kepada Sultan Mahmud. Maka apabila sampai waktu yang baik maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun berangkatlah ke Lingga. Maka apabila tiba menghadaplah ia kepada paduka adinda baginda Sultan Mahmud. Maka baginda pun bertanyalah daripada perlayaran paduka kekanda

itu. Maka disembahkanlah oleh Yang Dipertuan Muda Raja Ali dari awalnya hingga akhirnya. Kemudian sembahnya, 'Adakah tidak lagi setia antara patik semua dengan tuanku?' Maka jawab baginda Sultan Mahmud, 'Tiada siapa yang memecat Raja Ali.'

Syahadan setelah selesai daripada berjumpa-jumpaannya maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun bermohonlah kepada paduka seri adinda hendak pergi ke Selangor mendapatkan Yang Dipertuan Selangor. Maka dibenarkan oleh baginda. Maka lalu berangkat Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu ke Selangor membawa Raja Said kepada paduka adinda Raja Selangor. Maka apabila tiba ke Selangor maka Yang Dipertuan Muda pun bertemulah dengan paduka adinda baginda raja itu Yang Dipertuan Selangor. Maka bersalam-salamanlah bertangisan betapa adat orang-orang dengan sanak saudaranya. Maka tetaplah Yang Dipertuan Muda di Selangor. Kemudian Yang Dipertuan Selangor pun menyuruhlah pula ke Melaka kepada Gubernur Melaka minta perbaikan antara Bugis-Bugis, iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Ali dengan kompeni Belanda. Maka diterimalah oleh kompeni Belanda perdamaian itu. Maka tetaplah damai antara kompeni Belanda dengan peranakan Bugis.

Kemudian maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun minta dirilah kepada paduka adinda itu Yang Dipertuan Selangor hendak pergi ke Siantan, hendak mengambil anakda-anakda adinda baginda itu sekalian. Maka dibenarkan oleh paduka adinda bagindanya Yang Dipertuan Selangor, maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Siantan. Maka apabila sampai ke Siantan maka dibawanya paduka anakda-anakda sekalian kembali ke Selangor. Maka apabila sampai ke Selangor maka lalu duduk di Langat. Maka tiada berapa lamanya di Langat maka lalulah berpindah pula ke Muar.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Selangor apabila paduka kekanda baginda keluar dari Selangor, maka Yang Dipertuan Selangor pun berangkatlah ke Lingga, kerana hendak muafatkan antara Yang Dipertuan Muda Raja Ali dengan suku-suku Melayu betapa adat istiadat purbakala, kerana negeri sudah aman tiada lagi sengketanya dengan kompeni Belanda. Hanyalah antara Bugis dengan Melayu pula belum ketentuan. Maka itulah yang hendak dipergikan Yang Dipertuan Selangor ke Lingga itu. Maka tiada berapa lamanya Yang Dipertuan Selangor pun sampailah ke Riau. Maka kedengaran khabar ke Lingga. Maka baginda Sultan Mahmud pun menitahkan paduka adinda baginda Raja Jaafar putera Marhum Raja Haji

menyambut paduka kekanda itu. Maka Raja Jaafar pun berlayarlah ke Riau. Maka apabila tiba ke Riau berjumpalah dengan paduka kekanda baginda Yang Dipertuan Selangor. Kemudian maka keduanya pun berlayarlah ke Lingga.

Maka apabila tiba disambutlah oleh baginda Sultan Mahmud betapa adat istiadat raja-raja datang. Maka naiklah Yang Dipertuan Selangor berjumpa paduka adinda baginda Sultan Mahmud berjamu-jamuan sebagaimana adat orang-orang bersaudara. Kemudian tiada berapa lamanya Yang Dipertuan Selangor itu di dalam negeri Lingga, maka datanglah pertemuan daripada takdir *Allah taala*, iaitu muafakatliah Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud dengan paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor serta paduka adinda Raja Jaafar. Maka lalu didudukkannya paduka kekanda Yang Dipertuan Selangor itu dengan paduka adinda baginda itu Tengku Tengah, putera Marhum Raja Haji. Maka nikahlah Yang Dipertuan Selangor itu dengan Tengku Tengah betapa adat istiadat raja-raja bernikah kahwin. Maka berkasih-kasihlanlah kedua laki isteri.

Syahadan adalah pada ketika Yang Dipertuan Selangor di dalam negeri Lingga maka datanglah utusan Perak ke Lingga menghadap Sultan Mahmud memulangkan negeri Perak kepada Sultan Mahmud. Setelah Sultan Mahmud mendengar surat dari negeri Perak maka bertitahlah baginda itu kepada orang tua-tuanya, 'Ini perbuatan Raja Perak itu sengaja ia hendak mencari kemarahan Raja Selangorlah atasnya. Tentulah berselisih ia dengan Raja Selangor. Kemudian kita pula hendak dimasukkannya.' Maka tiada berapa lamanya utusan itu pun baliklah ke Perak. Maka segala hal ehwal itu semuanya diketahui oleh Yang Dipertuan Selangor, maka ia pun diam.

Syahadan kira-kira dua tahun Yang Dipertuan Selangor di dalam negeri Lingga maka berbicaralah dengan paduka adinda baginda Sultan Mahmud serta dengan suku-suku Melayu. Maka belum juga dapat kebetulan. Kemudian maka baginda Sultan Mahmud pun menyuruh Encik Kaluk menghadap Yang Dipertuan Selangor mekhabarkan maksud baginda tiga perkara. Pertama yang jauh minta dekatkan, kedua yang rosak minta baikan, ketiga yang tiada minta adakan. Maka titah Yang Dipertuan Selangor kepada Encik Kaluk, 'Baiklah sembahkanlah Kaluk, jika sungguh sebenar-benarnya begitu kehendak Yang Dipertuan Besar itu demikian itu boleh aku kerjakan. Yang aku datang ini pun hendak mencari kebajikan juga atas Yang Dipertuan Besar serta kita semua anak Bugis.' Kemudian suruhan itu

pun balik memaklumkan kepada baginda Sultan Mahmud. Kemudian di dalam hal itu berbicaralah Yang Dipertuan Selangor dengan baginda Sultan Mahmud daripada pekerjaan Yang Dipertuan Muda Raja Ali di dalam Muar, 'Baik suruh jemput pulangkan seperti pesakanya. Kemudian boleh muafakat antara kedua pihak meramaikan negeri Riau.'

Syahadan setelah baginda itu mendengar maksud paduka kekanda Raja Selangor itu, maka baginda pun musyawarahlah dengan suku-suku Melayu, seperti Engku Muda dan Engku Busu dan lainnya. Maka tiadalah berkebetulan maksud Yang Dipertuan Selangor kepada suku-suku Melayu, kerana adalah maksud suku-suku sebelah Melayu itu, 'Pada pekerjaan Yang Dipertuan Muda itu boleh kita memilih, kerana Riau itu dipulangkan kompeni Inggeris kepada baginda Sultan Mahmud. Sekarang mana-mana sahaja suka Sultan Mahmud hendak dijadikannya Yang Dipertuan Muda itu asalkan jangan yang lain daripada keturunan opu-opu raja Bugis', demikianlah konon khabarnya.

Syahadan kata riwayat Encik Abdul Latif, adalah cenderung suku-suku sebelah Melayu itu yang hendak dijadikannya Yang Dipertuan Muda itu, iaitu Raja Jaafar, putera Marhum Raja Haji. Maka adalah maksud suku-suku Melayu itu hendak didudukkannya Raja Jaafar itu dengan putera Engku Muda yang bernama Encik Puan Bulang. Maka ada satu orang namanya Encik Hasan adalah ia selalu memuji-muji sifat Encik Puan Bulang itu kepada Raja Jaafar sembahnya, 'Adalah paduka anakda itu cantik, tiadalah dapat bandingnya anak raja-raja di dalam negeri Riau ini.' Apabila Raja Jaafar mendengar kata Encik Hasan itu maka ia pun tersenyum rupa-rupanya sukalah konon. Kemudian segala hal ehwal itu diketahuilah oleh Yang Dipertuan Selangor. Maka Yang Dipertuan Selangor pun selalu juga berkhobar-khabar di hadapan paduka adinda Raja Jaafar sekalian hal ehwal jalan kemuafakatan sama-sama anak raja Bugis, 'Jangan lepas suku-suku Melayu itu memperbuat kita semua dipecah-belahkannya seperti raja-raja negeri Siak adik-beradik asyik dengan berambil-ambilan kebesarannya jua, akhir-akhirnya kita semua bertaburan segenap negeri orang-orang.'

Syahadan di dalam hal itu maka berbicaralah Yang Dipertuan Selangor itu dengan Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud. Maka baginda itu setengah membetuli juga akan maksud Yang Dipertuan Selangor itu. Maka jadilah bersalah-salahan faham. Maka kecillah hati Yang Dipertuan Selangor itu, maka minta dirilah ia hendak segera balik ke Selangor, lalu me-

manggil Encik Kaluk yang jadi suruhan dahulu itu. Maka titahnya, 'Kaluk sembahkan kepada Yang Dipertuan Besar: adalah seperti titahnya yang engkau bawa kepada aku hari itu inilah jawabnya. Adalah faham aku yang jauh minta dekatkan itu, iaitu Raja Ali. Baiklah ambil pulangkan pesakanya seperti yang telah dititahkan kepadanya tatkala mula-mula ia mengadap hari itu. Adapun yang rosak minta baiklah, iaitulah negeri Riau. Pada fikiran aku apabila sudah adalah Raja Ali di dalam negeri Riau serta tetaplah kemufakatan antara Bugis dengan Melayu, boleh juga aku minta tolong kepada Belanda dan Ingeris melakukan perniagaan timah-timah dan lain-lainnya, istimewa pula di dalam Singkep. Itu pun sudah banyak juga keluar timah-timah itu sudah kebetulan dengan muafakatnya wang-wang selaksa dua laksa tidak susah boleh meramaikan negeri. Adapun yang tiada minta adakan, faham aku itulah ubat peluru. Maka ubat peluru pada masa bila-bila sahaja Yang Dipertuan Besar kehendakkan hal itu sudah sedia di dalam Selangor dengan senjatanya, jikalau sekadar dua tiga puluh buah penjabah boleh juga terisi ala kadarnya. Maka sekarang aku lihat-lihat faham aku rupa-rupanya tiada terpakai sahaja. Jikalau begitu baiklah aku balik ke Selangor.' Maka Encik Kaluk pun bermohon balik.

Syahadan Yang Dipertuan Selangor pun bersiaplah hendak balik ke Selangor dan segala putera-putera Marhum Raja Haji hendak dibawanya. Maka Raja Jaafar pun bermohonlah kepada baginda Sultan Mahmud hendak mengiringkan paduka kekanda baginda itu Yang Dipertuan Selangor. Maka titah baginda, 'Jangan engkau pergi Jaafar.' Kemudian bermohon sekali lagi, maka titah baginda, 'Jangan engkau pergi waktu ini, nantilah lepas Abang Berima berlayar sebulan, dua bulan baharulah engkau pergi. Jikalau begini hari engkau pergi berapa buahlah kelengkapan engkau yang ada, nanti di belakang boleh kita bersiap-siap barang dua tiga puluh buah pergi bersama-sama engkau itu patut sebab kerana Abang Berima itu hendak melanggar negeri Perak biarlah dengan sepertinya.' Setelah Raja Jaafar mendengar titah baginda itu maka ia pun berdatang sembah pula, 'Ampun tuanku, seboleh-bolehnya patik mohon juga dahulu menghantar paduka kekanda itu kemudian patik menghadap.' Setelah baginda Sultan Mahmud mendengar sembah paduka adinda itu maka baginda pun murkalah titahnya, 'Jikalau tiada boleh aku tahan lagi pergilah selama-lama itu tiada berani engkau mengengakarkan kata aku ini. Sudah Abang Berima datang baharulah engkau mengengakarkan kata aku, rupanya lebih Abang Berima daripada

aku.' Baginda bertitah itu sambil keluar air matanya, maka Raja Jaafar pun bermohonlah balik sambil menyapu air matanya.

Syahadan tahkiklah Raja Jaafar pergi ke Selangor. Maka berbelah-belahlah peranakan Bugis, ada setengah hendak mengikut Raja Jaafar ke Selangor, ada setengah minta tahan kepada baginda Sultan Mahmud. Maka huru-haralah pada waktu itu antara orang kecil-kecil itu kerana tuan peng hulunya banyak bersalah-salahan itu. Adapun Yang Dipertuan Selangor apabila sudah siap maka berangkatlah ia dari negeri Lingga membawa putera-putera Marhum Raja Haji.

Maka pada ketika Yang Dipertuan Selangor keluar itu ada sebuah wangkang baharu datang dari China. Maka cincu wangkang itu ada membawa pesan-pesan Tengku Tengah waktu ia berlayar ke China dahulu itu. Maka tatkala didengarnya Tengku Tengah itu hendak berlayar ke Selangor, maka berhentilah ia dahulu berlabuh belum masuk, dan keci-keci kenaikan itu pun berlabuh juga dahulu hendak mengambil barang-barang Tengku Tengah itu. Maka jadilah tampak daripada Kuala Daik itu berhimpitlah wangkang itu dengan keci itu. Maka gemparlah suku-suku Melayu mengatakan orang-orang Selangor mengambil wangkang di Pulau Kelombok sudah didekatkannya. Setelah Encik Kaluk mendengar kata orang-orang itu, katanya, 'Bohong engkau semua ini.' Maka lalulah ia berkayuh hilir ke Pulau Kelombok serta sampai lalu ia menghadap Yang Dipertuan Selangor. Kemudian ia pun balik ke darat lalu dinistanyalah segala orang-orang yang berkata orang Selangor mengambil wangkang itu adanya.

Kemudian Yang Dipertuan Selangor pun berlayarlah ke Selangor lalu singgah di Muar berjumpa dengan paduka kekanda Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Kemudian berangkatlah berlayar ke Selangor. Maka musyawarahlah ia dengan segala orang besarnya serta muafakat dengan paduka adinda Raja Jaafar pada pekerjaan melanggar negeri Perak itu. Apabila sudah selesai muafakatnya, maka lalulah Yang Dipertuan Selangor berangkat ke negeri Perak.

Syahadan apabila tiba ke Perak, maka Yang Dipertuan Selangor pun memanggil Laksamana, maka Laksamana pun menghadap. Maka titah baginda kepada Laksamana, 'Kita hendak berjumpa kerana kita datang ini bukannya hendak jahat, melainkan kita hendak mencari jalan muafakat juga. Kerana perjanjian Perak dengan Selangor, sehamparan tikar malam di Perak malam di Selangor, sakit di Perak sakit di Selangor, mangkat raja berganti raja

memberitahu ke Selangor dan Selangor pun demikian juga. Maka sekarang sudah bersalahan seperti yang di dalam perjanjian itu, inilah kita hendak bersumpah semula.' Maka sembah Laksamana itu, 'Baiklah patik bertanggung sepuluh hari memberitahu Yang Dipertuan Perak.' Maka titah Yang Dipertuan Selangor, 'Baiklah.'

Maka Laksamana pun mudiklah ke Rantau Panjang bersama-sama Penghulu Jeram. Maka di dalam hal itu Laksamana itu pun larilah, baharu tiga hari janjinya maka batangan pun runtuhlah, maka segala perahu pun mudiklah lalu ke Lumut. Maka orang-orang Perak pun membedillah, tiada dibalas. Maka sampai tiga hari membedil-bedil itu baharulah dibalas oleh orang-orang Selangor sambil merapatkan perahu-perahunya. Maka kubukubu Perak pun dapatlah.

Syahadan adalah perang yang kedua kalinya maka terlebih besar daripada perang yang dahulunya. Maka banyaklah sebelah-menyebelah bermati-matian sebab kerana anak raja-raja itu bermalu-maluan, kerana Raja Muhammad putera Yang Dipertuan Selangor itu berteriak paduka ayahandanya Raja Jaafar ini, putera Marhum Raja Haji katanya, 'Silakan ayah rapat kepada kubunya baharu bedil.' Maka apabila didengar oleh Raja Jaafar perkataan Raja Muhammad itu, maka ia pun marahlah serta ia menghunus badiknya berkanjar-kanjar, menyuruh dayung rapat perahunya kepada kubukubu orang Perak itu. Setelah saudara-saudaranya Raja Idris dan Raja Ahmad melihat hal paduka kekandanya itu maka ia pun merapatkan penjabnya pula dengan marahnya. Maka apabila sampai ke tepi kubu itu baharu dibedilnya dengan meriamnya serta naik mengamuk. Maka azamatlah bunyinya, maka tewaslah orang-orang Perak kerana banyak mati orang-orangnya dan mana-mana yang hidup larilah. Maka alahlah negeri Perak itu dilanggar oleh Yang Dipertuan Selangor.

Syahadan apabila telah selesai melanggar Perak itu, maka Yang Dipertuan Selangor pun berangkatlah ke Selangor lalulah memberikan Sungai Kelang itu kepada Raja Jaafar jadi permakanannya adik-beradik. Maka duduklah Raja Jaafar di dalam Kelang itu mengeluarkan hasil timah-timah di situ. Maka banyaklah keluar hasil-hasil timah-timahnyanya, maka dibawanyalah ke Melaka dijual beli di situ. Maka banyaklah saudagar-saudagar di negeri Melaka itu bersahabat dengan Raja Jaafar itu serta kirim-mengirimlah apa-apa yang kesukaan Raja Jaafar di dalam negeri Melaka. Maka tetaplah dengan hal yang demikian itu adanya.

37. PERDAMAIAN DI ANTARA BUGIS DAN MELAYU

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Raja Ali di dalam negeri Muar. Maka apabila sudah balik paduka adinda baginda Yang Dipertuan Selangor maka ia pun berangkatlah ke Riau lalu membuat tempat di Tanjung Ungkat. Adapun yang memerintahkan Riau pada masa itu, iaitu Engku Muda. Maka apabila Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu sudah ada di dalam Riau maka segala Bugis-Bugis pun berhadaplah kepada Yang Dipertuan Muda dan berbelah-belahlah orang-orang yang di dalam Riau pada menunggu perintah kedua raja itu. Adapun faham Engku Muda itu ialah wakil baginda Yang Dipertuan Besar tiada siapa-siapa yang boleh lebih daripadanya, dan adalah faham Yang Dipertuan Muda adalah ia Yang Dipertuan Muda pesakanya memang memerintah negeri Riau kerana Yang Dipertuan Besar telah menetapkan dia dari mulanya hingga akhirnya. Maka di dalam hal itu jadi bersalah-salahan fahamlah antara kedua pihak itu, mangkin lama mangkin besar fitnah itu, seumpama api mangkin besar nyalanya. Maka apabila sudah besar sukarlah memadamkannya hingga selesailah yang dimakannya, maka baharulah berhenti, demikianlah umpamanya. Maka akhir-akhirnya jadilah perkelahian dan perbantahan antara kedua pihak itu, maka lalulah berperang Yang Dipertuan Muda dengan Engku Muda itu. Adalah keduanya bersaudara sepupu kerana Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu putera Marhum Janggut dan Engku Muda itu putera Raja Maimunah, saudara Marhum Janggut, akan Engku Muda itu ayah-andanya Temenggung Raja Melayu demikianlah hal.

Syahadan adalah Engku Muda itu duduk di Tanjung Pinang. Maka tiada berapa lamanya berperang itu, maka Engku Muda pun alahlah sebab kekuatan Yang Dipertuan Muda itu lebih daripada kekuatan Engku Muda itu. Syahadan apabila sudah alah Engku Muda itu, maka ia pun undurlah ke Bulang bersiap pula ia di Bulang itu hendak berperang lagi. Bermula adalah

pada perang inilah mati terbunuh Raja Husin, anak Sultan Mahmud Raja di negeri Siak. Maka dikuburkan di Bulang hampir dengan kubur Temeng-gung Johor adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka pekerjaan ini terdengarlah kepada Sultan Mahmud di dalam Lingga. Maka segeralah Sultan Mahmud itu berangkat ke Bulang, kerana hendak mendamaikan antara paduka kekanda itu kedua pihak. Maka apabila tiba baginda itu ke Bulang maka datanglah Engku Muda itu menghadap baginda. Maka baginda pun bertitah kepada Engku Muda itu memberi nasihat hendak didamaikan dengan Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu, kerana bukannya orang lain sanak saudara yang hampir juga. Maka menerimalah Engku Muda akan maksud baginda itu. Maka baginda pun menyuruhlah ke Riau menyilakan paduka kekanda Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Adalah yang disuruhnya itu satu orang baik-baik peranakan Bugis namanya Encik Abdullah, serta baginda berpesan pula titahnya, 'Hai Abdullah, sampaikan pesanku kepada saudaraku Raja Ali. Mana-mana bebanan Raja Ali yang berat-berat yang dipikul naik bukit turun bukit itu yang ia berpenat-penat memikulnya, maka sekarang akulah hendak menggantikan memikulnya pula.' Syahadan setelah habis baginda berpesan-pesan itu maka Encik Abdullah itu pun berlayarlah menghadap Yang Dipertuan Muda menyampaikan titah baginda itu.

Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu mendengar pesan baginda Sultan Mahmud itu, maka Yang Dipertuan Muda pun mengilailah tertawa sambil titahnya, 'Hai Abdullah, syukur aku kepada *Allah taala* akan maksud baginda itu. Tampaklah ia bersungguh-sungguh hendak membela pelihara atas kita anak Bugis ini. Bermula kinayat sindiran pesannya itu, iaitu ia hendak beristerikan Raja Hamidah putera Marhum Raja Haji.' Kemudian maka bertitahlah Yang Dipertuan Muda itu kepada Encik Abdullah itu, 'Yang aku inilah juga saatnya aku hendak pergi ke Bulang tiada usahlah dengan kelengkapan lagi memadailah dengan empat puluh buah pukut-pukat Cina dan isi dengan panglima-panglima Bugis, serta anak buahnya supaya lekas segera pada pekerjaan yang baik.' Maka Yang Dipertuan Muda pun berlayarlah ke Bulang. Maka apabila tiba ke Bulang maka Yang Dipertuan Muda pun menghadap baginda. Maka ditegur oleh baginda serta dilawannya bercakap-cakap pada pekerjaan damai. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun menerimalah seperti maksud baginda Sultan Mahmud itu.

Syahadan apabila sampailah saat yang baik, maka berhimpunlah segala

orang besar ke kenaikan baginda Yang Dipertuan Besar. Maka baginda pun menyuruh menyilakan Engku Muda. Maka Engku Muda pun datanglah maka terpdanglah ia kepada Yang Dipertuan Muda Raja Ali maka katanya, 'Apa khabar abang Ali? Hendak lagi kita berperang puaskah belum?' Maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun tersenyum seraya katanya, 'Yang abang ini puaslah dengan titah, tiada berani melalui titah.' Syahadan apabila baginda mendengar perkataan keduanya maka titah baginda, 'Apalah kita panjangkan lagi antara kita semua adik beradik mana-mana yang telah sudah habislah, mana-mana yang di hadapan ini, muafakat sahajalah, kita adik-beradik sama-sama Islam.'

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Engku Othman ayah saudara Engku Muda itu mendengar titah baginda itu, maka segeralah ia mendekati keduanya itu, iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Ali dan Engku Muda lalulah ditarikkannya tangan keduanya, serta dipertemukannya kepala keduanya bersalam-salaman serta berpeluk bercium bertangis-tangisanlah dan bermaaf-maafan. Maka berdamailah keduanya itu di hadapan baginda Sultan Mahmud serta raja-raja sekalian adanya. Kemudian baharulah membuat sumpah setia antara Bugis dan Melayu betapa adat sumpah setia Marhum Mangkat di Dalam Kota. Maka apabila selesai daripada bersumpah setia itu, maka bertitahlah baginda kepada Yang Dipertuan Muda serta raja-raja sekalian titahnya, 'Ke Riaulah kita!' Maka jawabnya, 'Silakanlah tuanku.' Maka baginda pun berangkatlah ke Riau diiringkan sekalian raja-raja itu. Maka apabila tiba ke Riau maka baginda Sultan Mahmud pun dinikahkanlah oleh Yang Dipertuan Muda Raja Ali dengan paduka anakda Raja Hamidah putera Marhum Raja Haji. Adapun Raja Hamidah, iaitulah Engku Puteri. Syahadan setelah selesai bernikah kahwin itu maka lalulah memperbuat istana di Tanjung Ungkat. Maka tetaplah baginda itu di dalam negeri Riau bersuka-sukaan sehari-hari adanya.

38. PERISTIWA-PERISTIWA DI SIAK

ALKISAH maka tersebut perkataan negeri Siak. Adapun Yang Dipertuan Muhammad Ali sudah balik dari Selangor maka selalulah dapat sakit. Kemudian daripada itu maka pada waktu itu Saiyid Ali sudah balik dari mengembara itu maka ia berhenti di Bukit Batu. Maka Yang Dipertuan Muhammad Ali pun datanglah pula sangat sakit. Adalah kira-kira dua hari lamanya maka Yang Dipertuan Muhammad Ali pun mangkatlah. Maka ditanam oleh Yang Dipertuan Besar Raja Yahya serta orang besar-besarnya betapa adat raja-raja mangkat.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Saiyid Ali mendengar khabar Yang Dipertuan Muhammad Ali sudah mangkat itu, maka bersiaplah ia akan kelengkapan perang di dalam Bukit Batu itu, ada kira-kira dua puluh buah penjab. Maka kedengaranlah khabar itu ke dalam Siak, maka menyuruhlah Yang Dipertuan Besar memeriksa ke Bukit Batu. Maka apabila tiba ke Bukit Batu maka diperiksanya Saiyid Ali itu. Maka jawab Saiyid Ali, 'Tiada niat saya hendak melanggar Siak sekadarkan hendak menghadap sahaja.' Maka diamlah Yang Dipertuan Besar itu. Kemudian tiada berapa antaranya maka datanglah pula khabar mengatakan Saiyid Ali sudah mudik dengan kelengkapan perang. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah kepada Bentara Ibrahim menyuruh memperbuat kubu. Maka di dalam hal itu tahu-lah Tengku Musa, maka lalulah dipanggilnya Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun datang, maka kata Tengku Musa, 'Aku dengar engkau hendak membuat kubu kerana pada fikiran aku tiada patut engkau berbuat kubu sebab engkau sudah bersetia dengan si Ali. Biarlah dia mungkir, kita jangan mungkir.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda itu, 'Sebenarnya, akan tetapi dia masuk Siak dengan alat peperangan, itulah patik khawatirkan kerana patik tiada percaya amat akan mulut Abang Uda itu orang yang penipu.' Setelah Tengku Musa mendengar kata anakdanya itu

maka katanya, 'Barang siapa membuat kubu aku sumpahi.' Maka terdiamlah Yang Dipertuan Muda lalu balik tiada jadi ia membuat kubu lagi. Syahadan inilah tanda anak cucunya hendak jadi pengisi negeri orang.

Hatta di dalam hal itu Saiyid Ali pun tiba ke dalam Siak lalu berlabuh. Maka Tengku Musa pun turunlah ke perahu Saiyid Ali memeriksa kedatangannya itu. Maka jawab Saiyid Ali, 'Tiada patik datang ini hendak jahat.' Jawab Tengku Musa, 'Mengapalah engkau datang ini beralat peperangan?' Maka jawab Saiyid Ali, 'Kerana patik ini hendak memindahkan saudara-saudara patik ke Batu Bahara, dan lagipun paduka kekanda Marhum Pekan pun sudah tiada lagi hanyalah tinggal duli tuanku seorang sahaja. Adapun Yamtuan Muda tiadalah boleh patik harap dan lagi paduka kekanda di Kampar itu patik takut juga.'

Maka jawab Tengku Musa, 'Adapun abang Abdullah di Kampar itu janggan engkau takut, jika ia hendak berbuat aniaya akulah lawannya.' Maka jawab Saiyid Ali, 'Adapun kepada tuanku sekali-sekali tiada patik niat hendak berbuat derhaka, sampaikan kepada anakda Yang Dipertuan Muda, jikalau betul perjanjiannya dengan patik baiklah sertai patik hendak melanggar Kampar kerana paduka kekanda itu musuh patik.' Maka jawab Tengku Musa, 'Baik biarlah aku bicarakan dengan adik engkau itu.' Maka Tengku Musa pun kembalilah mendapatkan Yang Dipertuan Besar serta Yang Dipertuan Muda berkhobar maksud Saiyid Ali itu baik disertai kehendak Saiyid Ali itu. Setelah Yang Dipertuan Muda mendengar khabar ayahandanya itu, maka terdiamlah ia sejurus. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun menyuruhlah membawa surat ke Kampar, mengatakan Saiyid Ali hendak melanggar Kampar. Maka berjalanlah suruhannya itu.

Syahadan adapun Saiyid Ali hendak menipu Yang Dipertuan Besar, maka pergilah ia malam itu menghadap Yang Dipertuan Besar di Belubur Garam. Maka lalulah Yang Dipertuan Besar mekhabarkan seperti muafakat paduka ayahanda dan adinda itu, tiada lulus bicaranya. Setelah Saiyid Ali mendengar titah itu, maka ia pun berdatang sembah katanya, 'Jangan tuanku lari, patik hendak melanggar saudara patik itu Yamtuan Muda, kerana ia mungkir akan perjanjiannya kepada patik. Yang tuanku patik rajakan juga, akan tetapi tuanku baik silakan berundur ke Mandau.' Syahadan adalah hal ehwal itu dapatlah khabar orang besar dan orang tua-tua Siak. Maka serba salahlah orang besar-besar itu kerana pekerjaan raja-raja adik-beradik.

Maka di dalam hal itu ada satu orang besar namanya Bentara Malik maka

ia pun pergilah menghadap Yang Dipertuan Muda dengan tangisnya, berkhabarkan hal Saiyid Ali menyuruh Yang Dipertuan lari ke Mandau. Setelah Yamtuan Muda mendengar khabar itu maka ia pun sangatlah marahnya. Lalu ia pergi mendapatkan Yang Dipertuan Besar serta berjumpa sembahnya, 'Patik minta saudara patik Tengku Agung adapun patik hendak pergi mengamuk perahu Saiyid Ali.' Syahadan gemparlah di dalam Siak mengatakan Yamtuan Muda dengan Saiyid Ali serta Yang Dipertuan Besar hendak beramuk.

Setelah bondanya Tengku Ambung mendengar paduka anaknya hendak pergi mengamuk perahu Saiyid Ali itu, maka ia pun segeralah datang berlari-lari mendapatkan puteranya serta dipeluknya minta bunuh serta menangis menguling-gulingkan dirinya di tanah. Setelah Yang Dipertuan Muda melihatkan hal bondanya itu maka diamlah ia tiada ia jadi pergi. Maka katanya, 'Pergilah bonda dapatkan Yang Dipertuan Besar. Patik minta saudara patik Raja Aminah, tiada patik beri bawa biar sekerat seorang dengan patik.' Maka Tengku Ambung segeralah pergi berlari-lari mendapatkan Yang Dipertuan Besar memeriksa benarkah tidak hendak pergi ke Mandau. Adapun Yang Dipertuan Muda pergilah ia mengikut bondanya. Maka menanti ia di tanah sambil berdiri. Maka Yang Dipertuan Besar pun turunlah mendapatkan Yang Dipertuan Muda itu. Maka sembah Yang Dipertuan Muda, 'Jikalau tuanku pergi ke Mandau saudara patik jangan dibawa.' Maka jawab Yang Dipertuan Besar, 'Tiada niat saya hendak pergi.' Maka sembah Yang Dipertuan Muda, 'Jika tuanku tiada pergi berikan patik saudara-saudara tuanku yang perempuan hendak dibawa masuk Sungai Mampura.' Maka titah baginda, 'Baiklah.' Maka lalulah dibawanya saudara-saudara baginda itu turun ke perahu dengan segala harta bendanya yang kemas-kemas.

Syahadan adapun Saiyid Ali setelah hari siang maka perahu-perahunya pun didekatkannya di seberang rumah Kamaraja, dan Kamaraja berbicara pula dengan Orang Kaya Lima Puluh mengajak belot sebelah Saiyid Ali dan Yang Dipertuan Muda menyuruh memanggil orang besar-besarnya hingga beberapa kali seorang pun tiada datang. Dan waktu itu Tengku Musa turun ke perahu Saiyid Ali memeriksa pekerjaan haru-biru gaduh gempar itu dan Panglima Dalam pun memanggil Kamaraja lalu bertengkar-tengkar di jambatan. Maka Panglima Dalam pun marah lalu dititiknya Kamaraja. Maka Kamaraja pun terjun ke dalam air dan Panglima Rahmat pun naik ke perahu

Panglima Lasik hendak menaikkan apilan. Maka dibedil oleh orang lalu mati. Maka Saiyid Ali pun berdatang kepada Tengku Musa katanya, 'Baik silakan naik anakda Tengku Abu sudah mengamuk.' Maka Tengku Musa pun naiklah sambil berkata, 'Cih si Ali! Terkenalah aku oleh mendengar mulut engkau yang manis.'

Maka Yang Dipertuan Muda pun hendak mengamuk dipegangkan oleh bondanya tiada diberinya dan Tengku Musa pun datang mengajak undur dan anakdanya tiada mau undur. Maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruh membawa isterinya mudik. Adapun Yang Dipertuan Besar sudah mudik dahulu maka Yang Dipertuan Muda pun mudiklah pula, hari pun petang sampai di Pangkalan, dan hari malam berhenti. Maka hari siang berjalan pula. Apabila sampai waktu tengahari, lalu bertemu dengan bantu dari Kampar, Tengku Muhammad yang datang itu. Maka lalu bersama-sama ke Kampar. Maka apabila tiba Tengku Besar Kampar serta Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda muafakatlal lalu membaikkkan kubu serta menyiapkan senjatanya. Kemudian berikhtiar pula Tengku Besar Kampar minta bantu ke Lingga kepada Sultan Mahmud. Maka ikhtiar itu benar kepada Yang Dipertuan Besar, maka Yang Dipertuan Muda pun berlayarlah.

Maka apabila tiba ke Ungaran, maka minta hantar kepada Orang Kaya Ungar ke Bulang. Maka apabila sampai ke Bulang masa itu Engku Muda ada di Bulang maka berjumpalah Yang Dipertuan Muda itu dengan Engku Muda itu. Maka bertanya-tanyalah antara keduanya. Maka berkhabarlah Yamtuan Muda itu ia hendak menghadap baginda Sultan Mahmud ada membawa surat minta bantu kerana negeri Siak sudah alah diambil oleh Saiyid Ali dengan tipunya. Setelah Engku Muda mendengar perkataan Yamtuan Muda itu lalu diberinya satu malim menghantar Yamtuan Muda itu ke Lingga. Maka apabila sampai ia ke Lingga lalulah menghadap baginda Sultan Mahmud menyembahkan surat itu. Maka dibaca oleh baginda Sultan Mahmud maka tahulah baginda akan Yang Dipertuan Siak minta bantu. Maka belum dapat tentu lagi sekadarkan diberi sahaja Yang Dipertuan Muda itu dua buah perahu, dan baginda pun menyediakan akan penjabab perang kira-kira empat puluh buah, maka Yamtuan Muda pun menantilah. Maka di dalam tengah-tengah hal yang demikian itu maka datanglah surat daripada Tengku Musa dari Siak mengatakan Kampar sudah alah di langgar oleh Saiyid Ali disuruhnya saudaranya Saiyid Abdul

Rahman, dan segala raja-raja dan orang-orang di Pulau Lawan semuanya sudah lari ke Indera Giri.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yamtuan Muda mendengar hal ehwal Kampar itu maka terdiamlah ia. Maka di dalam hal itu Tengku Besar Kampar dan Yang Dipertuan Besar Siak pun datanglah ke Lingga membawa dirinya kepada Sultan Mahmud, serta ia minta perahu hendak mengambil perempuan-perempuan yang lepas ke Indera Giri itu. Maka diberi oleh baginda perahu-perahu mana-mana kadarnya. Maka Yang Dipertuan Siak pun menyuruhlah mengambil ahli-ahli kaum kerabatnya dibawa pindah ke negeri Lingga. Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda berlayarlah ia ke Belitung hingga memanjang-manjanglah melarat-larat sampai ke Kubu dan ke Pontianak dan ke Mempawah. Maka mendapat kerosakan di Kubu dengan beberapa azab ditanggung sebab berkelahi dengan orang Kubu. Syahadan akhir-akhirnya berbalik ia ke Lingga mengajak yang Dipertuan Besarnya berlayar. Maka Yang Dipertuan Besarnya tiada mau. Maka berselisih faham pula Yang Dipertuan Muda itu dengan Yang Dipertuan Besar sebab Yang Dipertuan Besar hendak menerima lanun bernama Tok Lukus hendak diperbuatnya menantu jadi juga kehendak Yang Dipertuan itu membuat lanun itu menantu didudukkannya dengan anaknya Raja Maimunah, yang ia ibu Raja Sulung Panglima Besar di Retih. Kemudian akhir-akhirnya berlayar Yang Dipertuan Besar itu ke Retih diam di Retih. Kemudian berlayar pula ke Trengganu diam pula di Dungun, akhir-akhirnya mangkatlah ia di Dungun. Syahadan adapun waktu raja-raja Siak membawa dirinya ke Lingga itu dahulu sedikit daripada perang Yang Dipertuan Muda Raja Ali dengan Engku Muda di Riau adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Yang Dipertuan Siak yang bernama Sultan Yahya inilah yang akhir raja-raja Siak yang keturunan daripada Yang Dipertuan Raja Kecil. Kemudian daripada itu bertaburanlah raja-raja Siak itu segenap negeri orang putuslah nasab kerajaan anak cucu Raja Kecil. Maka berpindahlah kepada bangsa Tuan Saiyid Arab, iaitu Saiyid Ali bin Saiyid Othman bin Syahab. Hanyalah yang Saiyid Ali itu sebelah ibunya sahaja sedikit bangsa Raja Kecil itu pun sudah bercampur pula dengan sebelah Bugis pihak Yang Dipertuan Muda Riau. Dan masa kerajaan Saiyid Ali itu tiada lagi kharabat antara Raja-raja Siak dengan Sultan-sultan Lingga adanya. Sebermula kembali pula kepada riwayat semula. Adapun Saiyid Ali apabila sudah habislah raja-raja Siak bertaburan ke sana ke mari, maka ialah

menjadi Raja di dalam negeri Siak dengan segala takluk daerahnya, serta menaklukkan beberapa buah negeri dan teluk rantau yang dekat dengan negeri Siak itu.

Syahadan kata sahibul hikayat tatkala tetaplah Saiyid Ali di dalam negeri Siak dan tetaplah kerajaannya bersiaplah ia hendak pergi menghadap baginda Sultan Mahmud di Riau. Syahadan bersiaplah Yang Dipertuan Saiyid Ali kira-kira ada enam puluh buah kelengkapan. Maka apabila sudah siap berangkatlah ia berlayar ke Riau. Maka apabila sampai ia di antara Lobam dan dengan Terkulai, maka berjumpa dengan satu kapal perang Inggeris menuar. Maka segala penjabab itu memukul gendang dan tawak-tawak maka disangka oleh kernil kapal itu perompak atau orang jahat-jahat. Maka lalu dibarisnya dengan meriam yang dua tiga lapis itu legum-legam. Maka mengenalah akan penjabab-penjabab itu maka lintang-pukang segala penjabab Yamtuan Siak itu meradakkan dirinya ke darat serta bergopoh-gopoh mana-mana yang sempat masuk ke dalam Riau. Maka tertenggelamlah empat buah penjababnya yang lain-lainnya lepaslah ke dalam Riau. Syahadan maka kapal perang itu pun berlayarlah ia.

Adapun Saiyid Ali naiklah ia menghadap Yang Dipertuan Besar baginda Sultan Mahmud. Maka dipermuliakanlah oleh Sultan Mahmud betapa adat orang dengan anak buahnya. Kemudian tiada berapa antaranya Yang Dipertuan Saiyid Ali di dalam negeri Riau itu maka datanglah putera Yang Dipertuan Selangor yang bernama Raja Muhammad, yang jadi Raja Muda Selangor. Maka baginda pun terlalu sukanya kedatangan paduka anakda Raja Muhammad. Maka berkumpul baginda dengan paduka anakda yang dari Siak serta anakda yang dari Selangor berjamu-jamuan setiap-tiap hari.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam hal itu tiada berapa lama antaranya maka Yang Dipertuan Siak Saiyid Ali pun memohonlah kepada baginda Sultan Mahmud minta perhambaa hendak beristerikan Tengku Mandak putera Engku Besar Raja Sitti ayahandanya Karaeng Talibak. Maka musyawarahlah baginda dengan paduka adinda Engku Besar dan Engku Puteri serta segala raja-raja dan segala orang besar-besar yang di dalam Riau. Telah habislah musyawarahnya itu maka lalu diterimanya maksud Saiyid Ali Yang Dipertuan Siak itu maka sangatlah sukanya Saiyid Ali itu sebab sampai maksudnya. Syahadan nikahlah Saiyid Ali Yang Dipertuan Siak itu dengan Tengku Mandak betapa adat istiadat raja-raja besar bernikah kahwin. Maka apabila selesai daripada dipersatukan Yang Dipertuan Siak itu

berkasih-kasihannya serta sangatlah kasihnya akan isteri itu seperti menantang minyak yang penuh ibaratnya.

Maka di dalam hal itu tiada berapa antaranya Yang Dipertuan Siak berkasih-kasihannya itu maka ia pun mohonlah kepada baginda Sultan Mahmud hendak balik ke Siak serta mohonkan isterinya hendak digelarnya sekali Tengku Agung Raja Perempuan di dalam negeri Siak. Maka dibenarkan oleh baginda Sultan Mahmud kehendak Yang Dipertuan Saiyid Ali itu, maka Yang Dipertuan Siak pun sangatlah sukanya. Lalulah ia berlayar dari Riau membawa isterinya itu. Maka apabila sampai ke Siak maka turunlah segala isteri-isteri orang besar-besar Siak mengalu-alukan Yang Dipertuan Siak itu membawa isterinya. Maka naiklah ia ke istananya. Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Siak pun melantik isterinya Tengku Mandak itu bergelar Tengku Sulung Agung raja segala perempuan di dalam negeri Siak. Maka tetaplh gelaran itu hingga mangkatnya adanya intiha.

39. SULTAN MAHMUD MENYERAHKAN PULAU PENYENGAT KEPADA BUGIS

ALKISAH maka tersebut perkataan negeri Riau. Sebermula adapun Raja Muhammad putera Yang Dipertuan Selangor tiada berapa antaranya duduk di dalam Riau maka bermohonlah kepada baginda serta paduka Yang Dipertuan Muda Raja Ali hendak balik ke Selangor. Maka diizinkan oleh kedua paduka ayahandanya maka berangkatlah ia balik ke Selangor.

Syahadan adapun baginda Sultan Mahmud apabila sudah paduka anakda baginda itu balik masing-masing ke negerinya, maka baginda pun menyuruh akan Punggawa Bakak menebas Pulau Penyengat Indera Sakti itu cucikan kerana Punggawa itu dia memang diam di Penyengat ada empat lima buah rumah. Maka apabila sudah cuci Pulau Penyengat itu ditebas, maka baginda pun berbuatlah istana serta dengan kota paritnya dengan masjid balairungnya. Adalah yang memerintahkan segala pekerjaan itu maka, iaitu Encik Kaluk bin Encik Suluh peranakan Bugis. Maka tiada berapa antaranya selesailah pekerjaan itu. Maka apabila selesai Pulau Penyengat itu jadi negeri tempat kerajaan maka baginda pun memindahkan paduka adinda Raja Hamidah, iaitu Engku Puteri isterinya, ke istana Pulau Penyengat dengan orang baiknya dan anak-anak raja sertanya.

Syahadan kata sahibul hikayat sekali persetua pada suatu masa maka bertitahlah baginda Sultan Mahmud kepada paduka adinda baginda Engku Puteri di hadapan beberapa raja-raja seperti Raja Mahmud putera Tengku Panglima Besar putera baginda Marhum Sultan Sulaiman, demikian bunyinya titahnya, 'Hai Raja Hamidah, adalah saya membuat Pulau Penyengat ini dijadikan negeri sudah cukup dengan istana kota paritnya. Maka Raja Hamidahlah saya buatkan jadi miliklah kepada Raja Hamidah. Syahadan lagi daripada fasal negeri Riau ini daripada hasil-hasilnya dan lainnya, iaitu makanan dan milik Raja Hamidahlah adik-beradik, iaitu segala putera-

putera Marhum Raja Haji *fi sabil Allah*. Maka tiadalah saya campur lagi barang suatunya. Adapun negeri Lingga maka, iaitu bahagian si Komenglah (iaitu puteranya Tengku Abdul Rahman) dan janganlah Raja Hamidah adik-beradik campuri lagi daripada pihak hasil-hasilnya dan kerajatnya.

Syahadan kata *ahli al-rawi* inilah permulaan perbahagian makanan di antara kedua pihak Yang Dipertuan Muda dengan Yang Dipertuan Besar pada pekerjaan hasilnya dan kerajatnya. Sebermula adalah jatuh pekerjaan ini di dalam tahun Hijrat sanat 1218 pada tahun Jim, pada dua haribulan Zulkaedah hari Sabtu, sudah lepas membuat istana.

Syahadan apabila sudah selesailah daripada baginda menetapkan negeri Riau itu, maka baginda pun berangkatlah ke negeri Lingga membetulkan negeri Lingga pula serta mengeluarkan hasil daripada timah-timah Pulau Singkep, diatarkan bahagian makanan orang besar-besar dan orang baik-baik yang di dalam Lingga. Maka ramailah negeri Lingga dengan masuk beberapa perahu dari Jawa dan wangkang-wangkang dari China dan dari Siam dan lain-lainnya. Syahadan adapun negeri Riau itu, iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Alilah memerintahkannya sebagaimana adat pemerintahan Yang Dipertuan Muda. Maka membuatlah ia istana di Pulau Bayan dan duduklah ia tetap di dalam kerajaan serta ia menuntut ilmu berbuat ibadat. Adalah gurunya itu satu orang Mandura namanya Syekh Abdul Ghafur, adalah tarikatnya itu Khalwatiyyah. Maka bersama-sama ia berbuat ibadat dengan Syekh Abdul Ghafur itu serta meramaikan negeri Riau dengan perdagangan adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Raja Jaafar putera Marhum Yang Dipertuan Raja Haji *fi sabil Allah* adik-beradik di dalam negeri Kelang. Syahadan kata sahibul hikayat apabila tetaplah Raja Jaafar itu saudara bersaudara di dalam Kelang itu maka dikeluarkannyalah timah-timah. Maka suruhmenyuruhlah ia ke Melaka dan banyaklah saudagar-saudagar di Melaka itu suka akan Raja Jaafar itu kerana tolong-menolong antara melakukan dagangan antara kedua pihak, dan banyaklah saudagar-saudagar Melaka itu jadi sahabatnya berkasih-kasih apa lagi Gebernur Melaka serta Raja Mudanya. Maka selalulah ia berkirin surat dan hadiah-hadiah dengan beberapa masa dan ketika.

Syahadan adapun saudara Raja Jaafar dua orang, iaitu Raja Idris dan Raja Ahmad. Maka Raja Idris pun bermohonlah hendak ke Riau kepada paduka kekanda Raja Jaafar itu. Maka dilepaskan oleh Raja Jaafar. Maka berlayarlah

Raja Idris ke Riau serta dibawanya saudaranya Raja Ahmad itu bersama-sama. Maka apabila tiba ke Riau maka menghadaplah ia akan Yang Dipertuan Muda Raja Ali padahal Raja Idris itu sudah jadi menantu Yang Dipertuan Muda itu, iaitu didudukkannya dengan puteranya yang bernama Raja Safiah. Maka duduklah ia bersama-sama Yang Dipertuan itu. Maka di dalam hal itu Engku Besar Raja Sitti saudara Raja Idris dan Raja Ahmad itu rindulah ia akan puteranya Tengku Mandak yang jadi isteri Yang Dipertuan Siak Saiyid Ali. Maka bermohonlah ia kepada baginda Sultan Mahmud hendak ziarah ke Siak, maka dibenarkan oleh baginda Sultan Mahmud. Adalah yang membawanya saudaranya Raja Ahmad. Maka menghadaplah Raja Ahmad itu hendak pergi ke Siak. Maka dibenarkan oleh baginda Sultan Mahmud sambil bertitah itu, 'Si Ahmad kelak sampai ke Siak, sebarang-barang sembah sahajalah.' Maka pada masa itu Encik Kaluk ada hadir menghadap baginda itu. Maka lalu dicubitnya Raja Ahmad itu katanya, 'Dengar-dengar pesan-pesan kekanda baginda itu! Janganlah menyembah kepada paduka anakda Yang Dipertuan Siak itu.'

Syahadan Raja Ahmad pun berlayarlah membawa paduka kekanda Engku Besar itu ke Siak. Maka apabila sampai ke Siak didapatnya Yang Dipertuan Siak tiada hilir, sudah lari ke hulu membawa isterinya sebab takut akan penyakit ketumbuhan. Maka pergilah orang besar Siak memaklumkan kepada Yang Dipertuan Siak mengatakan paduka bonda Engku Besar datang dari Riau. Maka setelah Tengku Agung mendengar khabar paduka bondanya datang itu, maka sangatlah ia hendak berjumpa, minta bawa hilir kepada Yang Dipertuan Siak. Maka Yang Dipertuan Siak pun tiadalah terbicara lagi, rasa hatinya sangatlah susahny takut akan isterinya kena penyakit ketumbuhan itu, kerana pada masa itu terlalu keras penyakit itu di Siak. Maka daripada sangat takut akan isterinya serta kasih sayangnya serta malukan paduka bondanya maka di bawanya juga hilir.

Syahadan apabila berjumpa Tengku Sulung Agung dengan bondanya itu, maka sangatlah sukanya lebih-lebih maklumlah orang baharu-baharu berjumpa dengan ibunya. Maka duduklah Yang Dipertuan Siak di dalam Siak berhimpun dengan paduka bonda dan ayahanda yang dari Riau itu di dalam beberapa hari. Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka Raja Ahmad pun bermohonlah kepada paduka kekanda baginda Engku Besar hendak balik ke Riau. Maka dibenarkanlah oleh Engku Besar akan adinda itu balik ke Riau. Maka berlayarlah Raja Ahmad ke Riau.

Syahadan apabila sudah Raja Ahmad itu ke Riau maka dengan takdir *Allah taala* maka Tengku Agung pun kenalah penyakit ketumbuhan di dalam Siak. Maka sangatlah susahnya Yang Dipertuan Siak itu akan isterinya itu serta dengan sesalnya hilir ke kuala membawa isterinya itu. Syahadan susahlah Yang Dipertuan Siak melihatkan hal penyakit isterinya itu mangkin sehari mangkin berat dan Engku Besar pun sangatlah pula susahnyanya melihatkan hal puteranya itu. Syahadan di dalam tiada berapa hari sakitnya Tengku Agung itu, maka ia pun kembali ke rahmat *Allah taala*. Maka menangislah Yang Dipertuan Siak serta paduka bonda baginda serta segala isi istana berbagai-bagai bunyi ratapnya. Maka ditanamlah oleh Yang Dipertuan Siak akan isterinya itu betapa adat raja-raja besar mangkat. Maka berdukacitalah negeri Siak itu istimewa pula Yang Dipertuan Siak serta paduka bondanya tiadalah kering air matanya lagi di dalam sebulan itu.

Syahadan tiada berapa lamanya maka Engku Besar pun minta dirilah kepada Yang Dipertuan Siak hendak balik ke Riau. Maka dilepaskan oleh Yang Dipertuan Siak paduka bondanya itu berangkat balik ke Riau. Maka berlayarlah Engku Besar itu ke Riau dengan dukacitanya. Maka apabila tiba ke Riau tetaplah ia di dalam Riau bersama-sama paduka adindanya Engku Puteri isteri Sultan Mahmud Syah, serta Yang Dipertuan Muda Raja Ali di dalam nikmat kesukaan di dalam masa dan ketika. Syahadan tiada berapa antaranya maka datanglah peredaran dunia yang tiada kekal itu, maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun geringlah, iaitu sakit penyakit raja, iaitu pak ipa. Maka kesusahanlah segala puteranya melihatkan hal yang demikian itu. Maka penyakit Yang Dipertuan Muda itu mangkin sehari mangkin berat. Maka di dalam tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Raja Ali pun mangkatlah kembali ke rahmat *Allah taala*. Maka kesusahanlah di dalam negeri Riau sebab kematian raja, dan berkabunglah orang-orang Riau betapa adat istiadat raja-raja mangkat. Maka dikuburkanlah oleh segala raja-raja dan orang besar-besar akan Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu. Maka menyuruh memberi khabar kepada baginda Sultan Mahmud ke Lingga.

Maka apabila baginda mendengar khabar paduka kekanda itu sudah hilang, maka kesusahanlah baginda itu serta bermusyawarahlah dengan segala orang besar-besar dan dengan anak raja-raja pada mencari gantinya Yang Dipertuan Muda al-Marhum itu. Syahadan maka di dalam hal itu maka tiada juga lain yang berat kepada hati baginda itu melainkan paduka adinda Raja Jaafar jugalah yang dikehendaknya. Maka kebetulanlah pula

kemuafakatan dengan raja-raja dan orang besar-besar suku-suku Melayu, maka istimewa pula segala suku-suku peranakan Bugis tiada lain yang dicita-citanya mereka itu melainkan Raja Jaafar jugalah yang dikehendakinya.

Syahadan maka apabila sudah tetaplah kemuafakatan baginda Sultan Mahmud dengan segala isi negeri, maka baginda Sultan Mahmud pun menyuruhlah beberapa orang pergi ke Kelang akan mengambil paduka adinda baginda Raja Jaafar putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Haji. Maka berlayarlah segala mereka itu. Maka apabila tiba ke Kelang maka naiklah segala mereka itu menghadap Raja Jaafar menyampaikan titah baginda itu, iaitu menyilakan Raja Jaafar itu ke Riau akan menggantikan paduka kekanda al-Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Maka Raja Jaafar pun bertanggunglah menghadap paduka kekanda baginda Yang Dipertuan Selangor. Maka Raja Jaafar pun pergilah memaklumkan halnya dipanggil oleh Sultan Mahmud itu. Maka dibenarkan oleh Yang Dipertuan Selangor. Maka Raja Jaafar pun bersiap akan pergi ke Lingga itu. Setelah sudah siap maka berangkatlah ia berlayar ke Lingga bersama-sama dengan suruhan itu, dan ahli-ahlinya masih tinggal di Kelang tiada sempat dibawanya.

Maka tiada berapa lamanya sampailah ia ke Lingga maka keluarlah segala anak raja-raja dan orang besar-besar menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Raja Jaafar itu. Maka selalulah Raja Jaafar masuk menghadap paduka kekanda baginda itu Sultan Mahmud. Kemudian daripada itu duduklah ia di kampung Encik Kaluk dan sehari-harilah segala anak raja-raja dan orang baik-baik datang menghadap Raja Jaafar itu. Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka pada waktu saat yang baik berhimpunlah segala orang besar-besar dan anak raja-raja dan segala orang-orang negeri ke dalam balairung seri. Kemudian baharulah baginda Sultan Mahmud mele-takkan gelaran paduka adinda baginda Raja Jaafar itu Sultan Alauddin Raja Muda yang memerintahkan Riau dengan segala takluk daerahnya dengan perintah yang mutlak adanya. Kemudian baharu diarak ke istana Engku Raja Buntit, iaitu saudara perempuan Yang Dipertuan Muda itu. Maka apabila sampai di situ lah baharu orang-orang mengaruk terlalu ramainya. Syahadan selesailah daripada melantik-lantik itu betapa adat istiadat meng-gelar Yang Dipertuan Muda demikian jua adanya. Adalah jatuh pekerjaan itu, iaitu pada Hijrat tahun sanat 1221.

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pun menyuruhlah

saudaranya Raja Ahmad mengambil ahli-ahlinya yang di Selangor di dalam Kelang. Maka apabila sampai Raja Ahmad itu ke Kelang maka diambilnyalah ahli paduka kekanda baginda itu dibawanya berlayar ke Riau. Maka tiada berapa hari sampailah ke Riau dan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pun sudahlah ke Riau, beristeri pula ia akan putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Ali yang bernama Raja Lebar itu. Maka berbuatlah Yang Dipertuan Muda kota paritnya dan istana cukup dengan balairungnya di Kota Ranting. Maka tetaplah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar memerintahkan negeri Riau seperti adat purbakala dengan sumpah setianya. Dan Riau pun ramailah, masuk perahu-perahu dagang dari China seperti wangkang dan tob-tob Siam dan perahu-perahu Jawa dan kapal-kapal dan Bugis-Bugis pun terlalu banyak, istimewa pula Engku Karaeng Talibak ada di dalam Riau. Dan adapun yang jadi Syahbandar, iaitu Encik Abdullah bin Ahmad peranakan Bugis dan tuan-tuan sayid pun banyaklah datang. Maka tetaplah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar di dalam Riau bersuka-sukaan makan minum beramai-ramaian sehari-hari.

40. KEMANGKATAN SULTAN MAHMUD

ALKISAH kata sahibul hikayat adalah pada masa baginda Sultan Mahmud kerajaan di dalam negeri Lingga dan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar di negeri Riau, maka datang seorang lebai orang Minangkabau ke negeri Lingga, namanya Lebai Tamat. Maka mengaku dirinya orang alim pada ilmu hakikat mengajarlah ia akan setengah orang-orang Lingga akan ilmu hakikat, dinamakannya ilmunya itu 'Isa' konon, dan banyaklah perkataan *syathiyāt*, hingga akhir-akhirnya pekerjaannya jatuhlah seperti *i'tiqād mulhid* mengaku dirinya *Allah taala*. Maka banyaklah muridnya mengikut *i'tiqād* itu serta sehari-hari berkumpul orang-orang kepadanya, setengah orang mengatakan ia keramat. Ada pula ia mengajar bicara *istinjā* dan bersuci yang datang burung dari syurga namanya *s-r-a-h-n* atau *'-s-a-r-h-n*, itulah yang mensucikan junub dan lainnya. Dan banyak lagi konon ajarannya yang *mukbālif al-syar'*. Dan apabila ia berkayuh maka dikayuhkan oleh muridnya sampai berdirik, '*Habib al-Rahmān*.' Maka jadilah besar pekerjaan itu.

Syahadan pada masa itu Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar di dalam negeri Lingga maka datanglah segala pegawai-pegawai negeri Lingga itu memaklumkan kepada Yang Dipertuan Muda, maka murkalah Yang Dipertuan Muda. Maka lalu Lebai Tamat itu dengan segala murid-muridnya ditaubatkan serta ditakzir digondolkan kepalanya. Kemudian daripada itu, maka lebai itu pun keluarlah dari Lingga dengan beberapa muridnya berlayar ke Lampung. Maka mengaku pula ia mengatakan dirinya Yang Dipertuan Muda al-Marhum Raja Haji *al-syahid fi sabil Allah* hidup semula. Serta dikhabarkannyalah hal ehwalnya daripada masa Marhum Raja Haji, kelakuannya dan orang kenalannya, si anu si anu katanya dan anaknya si anu si anu. Maka dengan takdir *Allah taala* banyaklah orang-orang percaya dan segala Bugis yang di Lampung pun banyaklah orang yang percaya, maka

Syahadan berlayarlah Raja Ismail itu ke Riau membawa lebai itu serta dipermuliakannya sepanjang-panjang laut itu. Maka apabila tiba ke Riau memberitahulah Raja Ismail itu kepada paduka ayahandanya Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun siapkan alat penyambutnya betapa adat menyambut raja-raja yang besar. Kemudian bertitah pula Yang Dipertuan Muda kepada orang tua-tua suruh ambil dengan kakap. Apabila dekat dengan darat suruhlah tangkap. Maka pergilah segala orang tua-tua itu mengerjakan titah itu. Maka apabila sampai ke perahu Raja Ismail itu maka naiklah segala orang tua-tua itu menghadap Lebai Tamat itu katanya, 'Paduka anakda menyilakan naik.' Maka sukalah Lebai Tamat itu jawabnya, 'Baiklah.' Maka turunlah ia ke sampan orang yang mengambilnya, maka berkayuhlah ke darat. Maka apabila hampir ke darat maka ditangkaplah oleh orang yang disuruh Yang Dipertuan Muda itu lalu diikat dan didepangkan tangannya. Kemudian lalulah disuruh bunuh dikerat kepalanya dikirimkan kepada Sultan Mahmud di Lingga. Maka habislah kisah Lebai Tamat yang tersebut itu intiha.

Syahadan kata sahibul hikayat tiada berapa antaranya, iaitu pada Hijrat sanat 1225, pada lima belas haribulan Zulhijjah hari Khamis jam pukul dua belas, maka baginda Sultan Mahmud pun memanggil Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, dan segala orang besar-besar dihimpunkan oleh baginda. Maka bertitahlah baginda kepada adinda Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar titahnya, 'Jaafar, jikalau aku dikehendaki *Allah taala* aku mati di dalam sehari dua ini atau yang di belakangnya si Komeng,' (yakni puteranya Tengku Abdul Rahman), 'engkau wakilku dan lagi wasiatku jikalau aku mati si Komenglah engkau gantikan kerajaanku.' Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar mendengar serta orang-orang besarnya maka menangislah sekalian mereka itu sedikit-sedikit seorang.

Syahadan apabila selesai baginda itu berwasiat, maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pun berangkatlah balik ke Riau. Maka di dalam hal itu tiada berapa lamanya, maka geringlah baginda Sultan Mahmud itu mungkin sehari makin sangat. Maka susahlah segala isi negeri apa lagi segala orang besar-besarnya. Maka berhimpunlah semuanya ke dalam bertunggu akan baginda gering itu. Maka apabila bertambah-tambahlah gering baginda itu maka menyuruhlah orang tua-tua itu menyilakan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar ke Riau. Maka apabila sampailah suruhan itu ke Riau lalulah dimaklumkanlah hal baginda gering sangat. Setelah Yang Di-

pertuan Muda mendengar khabar suruhan itu maka Yang Dipertuan Muda pun terkejutlah serta datanglah sebentar itu dukacitanya. Maka tiadalah ia menaruh sabar lagi hendak berangkat ke Lingga itu maka tiada sempat dengan kelengkapan lagi. Maka dibawanya satu pukut Cina serta juak-juaknya lalulah berkayuh ke Lingga dan saudaranya Raja Ahmad pergi juga. Maka apabila sampai ke Lingga naiklah ia menghadap paduka kekanda baginda itu, maka didapatnya baginda itu sangatlah beratnya. Setelah baginda Sultan Mahmud melihat paduka adinda itu datang maka Sultan Mahmud pun bertitah di dalam gering sangat itu titahnya, 'Jaafar si Komeng, Jaafar si Komeng,' hingga beberapa kali demikian itu titahnya. Maka Yang Dipertuan Muda pun menangislah serta bertunggulah ia dekat paduka kekanda baginda Sultan Mahmud itu.

Syahadan kata sahibul tawarikh maka apabila sampai pada delapan belas haribulan Zulhijjah malam Selasa waktu subuh sanat 1226, maka mangkatlah baginda Sultan Mahmud kembali daripada negeri yang fana ke negeri yang baka. Syahadan gemparlah di dalam negeri Lingga kerana mangkat baginda itu. Maka bergondollah segala isi negeri dan berhimpunlah sekaliannya masuk ke dalam akan mengerjakan jenazah paduka baginda itu. Maka apabila mustaidlah adat istiadat bertanam raja-raja yang besar itu, maka dibawalah jenazah baginda itu ke balairung. Maka berkumpulah segala orang besar-besar dan raja-raja dan orang tua-tua dan segala isi negeri. Maka Yang Dipertuan Muda pun menitahkan seorang anak raja meneriakkan kepada segala khalayak yang banyak, supaya tahu segala isi negeri rakyat tentera bahawa sesungguhnya Tengku Abdul Rahman inilah yang menggantikan kerajaan paduka ayahandanya marhum itu, bergelar Sultan Abdul Rahman Syah. Maka menjawablah segala khalayak yang banyak-banyak itu, sukalah, serta 'Daulat, bertambah-tambah daulat.'

Syahadan apabila selesai daripada melahirkan Sultan Abdul Rahman itu, maka Yang Dipertuan Muda pun menitahkan angkat jenazah baginda marhum itu dikuburkan di pihak kiblatah masjid di Lingga, iaitu di Tanda, betapa adat mengangkat jenazah raja-raja besar-besar. Maka apabila selesai daripada dikuburkan itu maka berkabunglah sekalian orang itu betapa adat Raja-raja Melayu yang besar mangkat. Maka Yang Dipertuan Muda pun menitahkan tuan-tuan saiyyid dan haji-haji dan lebai-lebai tahlil tiap-tiap malam serta beberapa pula mengeluarkan sedekah kepada segala orang yang tersebut itu, hingga empat puluh hari.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah putera baginda Marhum Sultan Mahmud yang bernama Raja Husin itupun datanglah ia ke Lingga maka berjumpalah ia dengan paduka adindanya Sultan Abdul Rahman serta paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda, maka bertangis-tangisanlah ia bertiga putera itu. Kemudian berangkatlah Raja Husin itu ziarah ke makam paduka ayahandanya al-marhum. Maka tiada berapa antaranya maka Raja Husin pun balik ke Riau bersama-sama Yang Dipertuan Muda. Maka tetaplah ia bersama-sama paduka ayahanda baginda Yang Dipertuan Muda serta Temenggung Abdul Rahman di dalam negeri Riau.

Syahadan adapun baginda Sultan Abdul Rahman selama-lama ia menggantikan kerajaan paduka ayahandanya al-marhum dan yang memerintahkan kerajaannya paduka ayahandanya Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Adapun yang bersama dengan dia di Lingga, iaitu Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudsi serta Suliwatang Ibrahim wakil Yang Dipertuan Muda di dalam Lingga, serta saudaranya Syahbandar Muhammad dan orang tuanya Encik Abdul Manan dan kepala-kepala kampung Bugis dan lainnya. Maka amanlah negeri Lingga dan ada yang membaikkan kota parit dan perdalaman baginda itu, serta kelengkapan perang, serta menyediakan baris senapang itu, iaitu Encik Kaluk, ialah kepala segala yang tersebut itu. Maka segala yang tersebut itu semuanya diharap oleh Yang Dipertuan Muda menjagai negeri Lingga. Maka tiadalah berhenti mereka itu suruh-menyuruh mengadap Yang Dipertuan Muda serta tiadalah tersembunyi apa-apa pekerjaan yang besar-besar berangkatlah Yang Dipertuan Muda sendiri ke Lingga, maka apabila selesai baliklah pula ke Riau demikianlah halnya.

Syahadan maka senanglah baginda Sultan Abdul Rahman itu berbuat ibadat pada masa itu di dalam negeri Lingga pada malam dan siang. Sebermula adalah baginda itu ialah raja yang kuat berbuat ibadat. Maka apabila malam Jumaat tiadalah ia beradu asyik dengan berbuat ibadat sahaja, dan apabila siang harinya pergilah ia sembahyang Jumaat dengan memakai cara Arab. Maka apabila selesai sembahyang Jumaat, maka singgahlah ia ziarah pada makam paduka ayahandanya Marhum Sultan Mahmud beserta pegawai-pegawainya membaca Quran dan tahlil. Apabila selesai baharulah ia berangkat balik dan segala orang-orang negeri pun mengiringlah. Maka apabila sampai ke balai diperjamunya segala mereka itu makan roti berkuah hayam atau kanji, demikianlah halnya pada tiap-tiap Jumaat.

Syahadan lagi adalah baginda Sultan Abdul Rahman itu suka akan tuan-tuan sayid dan tuan-tuan syekh dan suka bercampur makan minum dengan mereka itu dan suka berimamkan orang yang alim dan suka ia bang dengan dirinya sendiri, dan suara baginda itu terlalu hebat serta dengan besarnya. Apabila ia bang terkenallah dari jauh-jauh akan suara baginda itu. Dan lagi baginda itu suka ziarah ke rumah sanak saudaranya. Maka adalah isteri baginda itu, iaitu Raja Antiah putera bonda baginda Raja Buntit, sudahlah mengadakan putera bernama Tengku Besar Muhammad lagi masa ada hayat Marhum Sultan Mahmud adanya.

Sebermula kata sahibul hikayat adapun Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu satu raja yang baik perangainya dan suka mengasihi sanak saudaranya dan sahabat handainya, apa lagi tuan sayid yang dari Arab dan tuan sayid peranakan serta hormat kepada yang tua-tua dengan pergi ziarah ke rumahnya terkadang minta musyawarah daripadanya. Dan lagi tiada membesarkan dirinya hingga terkadang makan ia nasi sisa hambanya. Dan suka ia akan ulama serta kuat menuntut ilmu seperti membaca kitab yang bahasa Melayu seperti *Usul al-Din* dan kitab *Mir'atal-Tullab* kepada gurunya ulama yang besar pada masa itu, iaitu Haji Abdul Wahab. Serta suka mendengar hikayat raja-raja yang di sebelah atas angin. Dan suka ia akan orang baik-baik bacaannya pada mengaji Quran jikalau datang qari yang pandai mengaji Quran maka dipegangnyalah dua tiga bulan. Maka mengajilah ia serta disuruhkannya anaknya dan pegawai-pegawainya mengaji, apabila khatam diberinyalah qari itu wang beratus-ratus ringgit. Syahadan banyaklah sahabatnya daripada orang Islam dan orang putih, istimewa pula di dalam negeri Melaka seperti Gebernurnya dan Resyidennya dan saudagar-saudagarnya. Dan adalah Yang Dipertuan Muda itu suka membuat baris peperangan adalah pakaian dan senapang segala barisnya itu semua pertolongan daripada orang besar-besar Melaka. Dan adalah ia menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Belanda ke Melaka, iaitu belajar tambur dan seruling dan terompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik.

Syahadan lagi yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu suka mengukuhkan negeri dan meindahkannya dengan kota paritnya serta dengan orang jaganya. Dan demikian lagi suka ia membuat penjabang perang yang indah-indah perbuatannya dan suka pula ia membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti keris dan badik dan lainnya yang indah-indah perbuatannya

yang belum raja-raja membuatnya yang bermacam-macam. Kemudian apabila sudah, dijadikannya bingkisan kepada segala raja-raja Melayu, demikianlah halnya di dalam beberapa masa dan ketika.

Syahadan kata sahibul hikayat pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar menjadi raja di dalam negeri Riau maka datanglah saudara Engku Karaeng Talibak namanya Karaeng Candra Puli. Maka duduklah ia bersama-sama saudaranya. Maka di dalam hal ada bersalah-salahan faham dengan saudara Yang Dipertuan Muda yang bernama Raja Idris, daripada pekerjaan memerintah Cina-Cina. Maka marahlah Engku Karaeng akan Raja Idris lalu disuruhnya langgar kepada Karaeng Candra Puli. Maka marahlah Raja Idris lalu dilawannya berperang. Maka berperanglah Engku Karaeng dengan Raja Idris bersama-sama berkubu di dalam Riau. Maka di dalam hal itu Engku Puteri pun berangkatlah mendamaikan antara keduanya, maka lalulah berdamai. Kemudian berperang pula Engku Karaeng itu dengan Karaeng Candra Puli. Maka keluarlah Karaeng Candra Puli itu dari Riau maka selesailah pekerjaan perang itu tiada hamba panjangkan kerana hendak mengambil simpannya jua adanya.

41. BELANDA MENETAP DI TANJUNG PINANG

ALKISAH maka tersebut perkataan Raja Melaka, iaitu Mejur Wilim Ferkuar orang Inggeris. Maka berlayarlah ia dengan sebuah kapal dengan serdadunya singgahlah ia di Riau. Maka tiada berjumpa Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar sekadarkan disuruhnya sahaja Syahbandarnya yang bernama Kerinki, menantu Adriang Kok bersama-sama Encik Yahya jurutulisnya, yang ia memberi selamat serta memberitahu hendak ke Pontianak. Maka kemudian Raja Melaka itu pun berlayarlah ke Pontianak. Maka apabila tiba ke Pontianak pada malam hari niat hatinya pada siang hari hendak naik berjumpa Sultan Pontianak. Tiba-tiba dilihatnya pada siang hari kapal-kapal perang Belanda banyak berlabuh sebelah daratnya. Maka tiada jadi ia naik ke darat, maka lalulah diberinya surat sahaja kepada Sultan Pontianak. Kemudian ia pun berlayarlah ke Lingga lalu berjumpa dengan baginda Sultan Abdul Rahman. Maka berkhabarlah ia kepada baginda itu akan hal ehwal Belanda barangkali datang mengambil Riau dan Lingga. Maka jawab baginda Sultan Abdul Rahman, 'Adapun seperti perkataan sahabat kita itu tiada usahlah berkhabar kepada kita lagi apa-apa hal ehwal. Baiklah ke Riau kepada ayah kita Yang Dipertuan Muda kerana segala perkara kerajaan kita sudah serahkan kepadanya seperti adat istiadat yang sediakala.'

Setelah Mejur Ferkuar mendengar perkataan baginda itu maka ia pun tersenyum, lalu minta balik turun ke kapalnya selalu berlayar ke Riau. Maka apa lagi tiba ke Riau maka berjumpalah ia dengan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar di gedung di tepi laut. Maka diajaknya Yang Dipertuan Muda itu bercakap-cakap pada tempat yang sunyi. Maka berkhabarlah ia kepada Yang Dipertuan Muda akan hal Belanda itu barangkali mengambil Riau, 'Apa fikiran Raja Muda?' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Adapun pekerjaan itu sahabat kita lebih-lebih maklum hal kita dengan orang kulit putih ini. Sedangkan ayah kita Marhum Raja Haji banyak kuasanya lagi

tiada tahan. Apa lagi masa kita ini?' Maka jawab Raja Melaka sambil terseenyum katanya, 'Jangan Raja Muda lekas fikiran pendek. Raja Muda boleh jawab kepadanya, ini negeri Riau diterima daripada kompeni Inggeris yang memulangkan kepada Tuan Sultan Mahmud al-Marhum. Maka jika ia hendak mengambil dengan kerasnya juga lawanlah berperang dahulu, lekas-lekas beri khabar kepada kita, nanti kompeni Inggeris datang menolong seboleh-bolehnya, kerana ia hendak membatalkan pemberian kompeni Inggeris kepada Raja Melayu.'

Syahadan setelah Raja Muda mendengar kata Raja Melaka itu maka terdiamlah ia sejurus kemudian jawabnya, 'Nantilah kita musyawarah dengan sanak saudara kita dan hendak persembahkan kepada baginda Sultan Abdul Rahman apa-apa musyawarah kita berdua ini. Kemudian baharulah kita membuat perjanjian pada pekerjaan berdagang.' Kemudian memberilah ia beberapa hadiah kepada Yang Dipertuan Muda, iaitu memberi senapang bertatahkan perak dan lain-lainnya. Kemudian ia pun berlayarlah balik ke Pulau Pinang.

Bermula adapun Yang Dipertuan Muda apabila sudah berlayar Raja Melaka itu, maka Yang Dipertuan Muda pun musyawarahlah dengan paduka anakda baginda Raja Husin Tengku Long serta paduka anakda Temenggung Abdul Rahman serta sanak-sanak saudaranya dan orang besar-besar dan orang tuanya sekalian. Maka segala mereka itu pun membenarkan seperti ikhtiar dan fikiran Raja Melaka jua. Maka Yang Dipertuan Muda pun mengikutlah seperti kemuafakatan orang ramai-ramai itu. Maka tahkiklah apabila datang angkatan Holanda hendak mengerasi mengambil Riau akan dilawan berperang. Maka bersiaplah Yang Dipertuan berbuat kubu dan mengatur meriam pada bukit-bukit serta menyiapkan penjajab serta mengumpulkan rakyat dan menyediakan ubat peluru dan mengaruk-aruklah segala anak raja-raja dan orang besar-besar dan orang baik-baik masing-masing dengan cakupnya apa lagi segala Bugis-Bugis. Kemudian memberi pula surat ke Lingga kepada paduka anakda baginda Sultan Abdul Rahman. Maka apabila tiba surat Yang Dipertuan Muda itu maka segala orang besar-besar bersiaplah pula berbuat kubu dan mengatur meriam serta menurunkan penjajab daripada galangannya. Setelah mustaid tetaplah apabila datang Holanda akan dilawan berperang demikianlah adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Yang Dipertuan Muda ada mempunyai sahabat di dalam negeri Melaka, iaitu seorang Holanda jadi orang

besar di Melaka, iaitu namanya Adriang Kok. Maka apabila Adriang Kok itu mendengar khabar hal Riau itu berbuat kubu akan melawan gebermen Belanda, maka ia pun memberi surat mengatakan ia hendak datang berjumpa Yang Dipertuan Muda serta membawa perkara yang kebajikan. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Baiklah, boleh datang.'

Maka Adriang Kok pun datanglah ke Riau, maka berjumpalah ia kepada Yang Dipertuan Muda. Maka berkhabarlah ia serta memberi nasihat kepada Yang Dipertuan Muda katanya, 'Apakah mulanya maka tuanku serta Yang Dipertuan Besar susah-susah berbuat kubu-kubu ini kerana tiada sekali-sekali gebermen Belanda hendak merosakkan kerajaan Yang Dipertuan Besar serta tuanku tidak sekali-sekali. Lagipun negeri Riau ini bukannya kompeni Inggeris sahaja yang memulangkan kepada Marhum Sultan Mahmud, kompeni Belanda pun memulangkan juga sekadarkan berselisih janjinya sahaja. Adapun pekerjaan memulangkan Riau itu sudah lebih dahulu fikiran kompeni Belanda daripada kompeni Inggeris pada pekerjaan pulang-memulang itu, mustahil raja besar sudah sesuatu diberikannya kepada sama-samanya raja diambilnya semula itu, tiada adat raja-raja yang demikian itu kerana kompeni Belanda dengan Raja Johor sudah memang jadi sahabat yang tua. Adapun seperti perkhabaran orang-orang yang memberi nasihat kepada tuanku itu semata-mata hendak menjadikan fitnah supaya tuanku putus persahabatan antara keduanya dengan kompeni Belanda, itulah maksud orang yang membuat fitnah itu. Jikalau tuanku dengarkan juga akan fitnah itu, nanti tuanku dapat perselisihan dengan kompeni Belanda. Dan lagi baik sungguh seperti katanya hendak menolong tuanku itu, jikalau tidak, tuanku jadi keseorangan. Akhir-akhir tuanku juga yang kerugian. Tuanku fikirlah baik-baik kerana sahaya sahabat tuanku sudah lama serta sudah putih hati sebab itulah maka saya segera datang mendapatkan tuanku ini supaya saya ingatkan apa-apa yang jadi kerosakan kepada kerajaan tuanku. Syahadan sungguh juga kompeni Belanda hendak tinggal di dalam negeri Riau ini, akan tetapi kerana hendak menolong tuanku mendapat hasil-hasil dan meramaikan negeri dan menghapuskan perompak-perompak yang kebencian segala bangsa. Dan lagi boleh bertentuan hasil-hasil Riau pulang pukul-pukul kepada tuanku. Adapun seperti sanak saudara tuanku boleh dipatutkan makanannya. Jangan berkeliru seperti ini masing-masing menyamai perintah tuanku dan kuasa tuanku, dua tiga empat kuasa yang bersama-samaan padahal perbuatan masing-masing akhir-

akhirnya rosaklah negeri seperti yang telah lalu adinda Raja Idris satu perintah, dan Engku Karaeng satu perintah dan Temenggung satu perintah atas kerajaan yang satu itu jua. Akhir-akhirnya jadi bergaduh-gaduh dan berperang. Syahadan segala yang tersebut itulah yang kompeni Holanda hendak menolong tuanku supaya betul dan jikalau ditinggalkannya pun wakilnya, iaitu jadi seperti hamba tuanku juga tiada sekali-sekali menghilangkan nama dan kemuliaan tuanku apa lagi hasil-hasil. Inilah nasihat saya kepada tuanku. Dan lagi saya tahu yang tuanku tiada apa-apa hanyalah mengikut fikiran sanak saudara tuanku serta orang besar-besar. Maka hal sanak saudara dan orang besar-besar itu belum lagi habis-habis dihalus-haluskan fikiran. Pada akhirnya itulah menjadi saya datang ini kerana niat saya biar berpanjangan persahabatan antara tuanku dengan kompeni Holanda selama-lamanya jua adanya.'

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar mendengar perkataan dan nasihat dan pujuk-pujukan Adriang Kok itu, maka lembutlah hatinya dan adalah yang hadir pada masa itu pertama Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudi dan Encik Kaluk dan Syahbandar Abdullah. Maka segala mereka itu membenarkan nasihat Adriang Kok itu. Maka tahkiklah akan batalnya pekerjaan perang itu, serta yakinlah akan berterimaan maksud gebermen Holanda itu jika datang ia ke Riau dengan jalan persahabatan. Maka khabar itu pun sampailah kepada Tengku Long dan kepada Temenggung. Maka bersalah-salahanlah maksud di antara kedua pihak itu, dan ada pula yang berkata patutlah Yang Dipertuan Muda menurut sebab canai halus yang datang itu. Maka berbisik-bisik sahajalah setengah atas setengahnya pada pekerjaan Yang Dipertuan Muda itu dengan Adriang Kok serta lainnya.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam tiada berapa antaranya maka angkatan gebermen Holanda pun datanglah ke Riau, iaitu Sekebenakt Walterbik, ialah yang jadi raja laut, dan komesarisnya, iaitu Kapitan Ilaut dengan kapal perang yang bernama 'Terum', dan satu lagi kapal perangnya bernama 'Walmina', itulah yang besarnya dan yang lainnya kecil-kecil. Maka apabila tiba di pelabuhan maka memasanglah ia meriam dua puluh satu kali. Maka dibalas pula dari darat dua puluh satu juga. Kemudian Adriang Kok pun minta kepada Yang Dipertuan Muda biar Datuk Syahbandar Abdullah turun memberi selamat. Maka turunlah Adriang Kok bersama-sama Datuk Syahbandar itu. Apabila selesai daripada memberi selamat maka Datuk pun

naik ke darat bersama-sama Kapitan Ilaut itu. Maka berjumpa dengan Yang Dipertuan Muda lalu berbicara. Maka apabila selesai daripada berterimaan maka turunlah pula Datuk Syahbandar dan Encik Kaluk serta Haji Dahing bersama-sama Tuan Ilaut itu. Kemudian naik pula ke darat segala orang tua-tua itu. Maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda dengan Engku Saiyid Muhammad Zain beserta adinda-adinda dan anakda Tengku Long dan Temenggung Abdul Rahman serta segala orang tua-tua sekalian. Maka tetaplah berterimaan dengan tiada jadi perang. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun berangkat turun ke kapal perang itu dengan paduka kekanda adinda-adinda dan anakda-anakda serta orang besar-besar sekalian. Maka diberilah hormat oleh raja laut dengan dipasangkan meriam. Maka apabila tiba ke kapal bertambah-tambahlah pula hormatnya. Maka apabila sudah berkumpul berhadapan sekaliannya maka memutuskanlah perjanjiannya itu, iaitu dua puluh tiga fasal dan di belaknglah pula ada tiga fasal menyatakan sumpah setia Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar serta Temenggung Johor. Maka apabila sudah selesai maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah naik ke darat. Maka dapat pula meriam hormat sebagaimana datangnya. Syahadan selesailah perkaranya dan memasanglah bendera di Tanjung Pinang, maka angkatan gebermen Belanda itu pun baliklah. Syahadan adalah yang jadi Resyidennya tinggal di Riau, iaitu satu orang peperangnya yang bernama Kapitan Gones. Maka duduklah ia di Tanjung Pinang serta membetulkan sedikit-sedikit benteng yang lama-lama itu. Adapun segala Bugis-Bugis di Tanjung Pinang itu tinggal jugalah di Tanjung Pinang. Syahadan adalah yang berlaku pekerjaan itu pada Hijrat sanat 1234 pada dua puluh sembilan haribulan Muharram intiha.

42. TENGGU HUSIN MENJADI SULTAN SINGAPURA

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Raja Melaka Mejur Wilim Ferkuar. Maka apabila ia mendengar khabar Holanda datang ke Riau dengan angkatan, disuruhnyalah beberapa orang mengintai-intai ke Riau. Maka dapatlah ia khabar Holanda tiada mengambil Riau dengan perang, tetapi ia hendak duduk di Riau dengan jalan persahabatan serta telah diterima oleh Yang Dipertuan Muda Riau, sudahlah berbuat perjanjian sebelah menyebeloh. Maka terpekurlah ia sejurus. Kemudian maka ia pun berlayar mencari tempat-tempat yang akan diperbuat negeri.

Maka lalu ia ke Riau berjumpa Yang Dipertuan Muda. Maka lalulah ia bertanya, 'Apa sebabnya maka dengan mudahnya sahaja Tuan Raja Muda menerima Holanda? Bukankah sudah kita berjanji-janji jika datang Holanda hendak mengambil Riau jawabkan seperti yang sudah kita khabarkan kepada Raja Muda? Apa sebabnya maka Tuan Raja Muda tiada memberitahu kepada kita?' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Adalah janji kita dahulu itu jika mengambil dengan keras atau dengan perang ini. Sekadar-kan ia hendak menolong atas kita pekerjaan ramaikan negeri Riau, serta hendak membesarkan kerajaan Tuan Sultan Abdul Rahman dengan jalan persahabatan. Apa kita hendak kata jalan menolongnya.' Jawabnya, 'Itu betul, akan tetapi boleh bertanggung dahulu jangan diperbuat perjanjian, biar nanti kita datang dahulu sebab kita sudah berjanji. Dan lagipun kompeni Inggeris yang memulangkan negeri Riau kepada Tuan Sultan Mahmud al-Marhum.' Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Tiada sempat kita memberitahu kerana ia minta segerakan juga perjanjian itu, tiadalah tempat kita menyuruh.' Maka jawab Raja Melaka Mejur Wilim Ferkuar, 'Mustahil tiada pukuk-pukuk sebegitu banyaknya boleh tiga hari sampai ke Melaka.'

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yang Dipertuan Muda mendengar kata Raja Melaka itu terdiamlah ia sejurus serta berubah-ubah warna

mukanya merah-merah bahasa. Kemudian Raja Melaka pun minta dirilahi kepada Yang Dipertuan Muda, maka lalulah ia pergi berjumpa Tengku Long serta Datuk Temenggung. Maka apabila turun dari situ maka hendak berlayarlah ia maka dihantarlah oleh Yang Dipertuan Muda. Maka apabila ia hendak turun ke sekocinya lalulah dicabutnya cincin daripada jarinya di-hadihkannya kepada Yang Dipertuan Muda. Maka ia pun berlayarlah.

Syahadan adapun Temenggung Abdul Rahman apabila Raja Melaka itu sudah berlayar, maka ia pun pergilah ke Singapura betapa adat sediakala. Syahadan adapun Raja Melaka apabila ia tiba ke Melaka maka diserahkan-nyalah negeri Melaka itu kepada tangan gebermen Belanda, sebab kerana Maharaja Inggeris dengan Maharaja Belanda sudah berdamai pulang memulangkan negeri-negeri di bawah angin ini dan tukar-menukar antara kedua pihak itu adanya. Kemudian maka Raja Melaka pun berlayarlah ke Singapura. Adapun Tuan Raflis lagi di Pulau Pinang kerana ia akan ke Benggal. Maka berlayarlah ia ke Benggal dan Tuan Ferkuarlah ditinggal-kannya wakilnya, akan tetapi segala pekerjaan yang dimuafakatkannya ber-dua-dua itu sudahlah masak.

Sebermula adapun Kernil Ferkuar itu berlayar ke Singapura. Maka ber-jumpalah ia dengan Temenggung Abdul Rahman maka muafakatliah ia pada pekerjaan minta Singapura itu serta hendak merajakan Tengku Long. Akan tetapi Kernil Ferkuar itu belum berani memutuskan tiap-tiap pekerjaan yang dimuafakatkannya dengan Temenggung itu, kerana ia hendak menan-tikan Tuan Raflis juga dari Benggal. Syahadan di dalam tiada berapa antara-nya maka Tuan Raflis pun datanglah dari Benggal membawa empat buah kapal dan dua buah keci. Maka apabila berjumpa berkhabarlah Kernil Fer-kuar itu pada pekerjaan muafakat dengan Temenggung itu pada merajakan Tengku Long di Singapura. Maka apabila Tuan Raflis mendengar khabar Mejur Ferkuar itu terkejutlah ia katanya, 'Belum lagi engkau perbuat lagi bersama-sama Temenggung pekerjaan itu?' Maka jawab Ferkuar, 'Belum lagi diperbuat sebab itu pekerjaan besar hendak menantikan Tuan Raflis juga.' Setelah Tuan Raflis mendengar khabar itu lalu katanya, 'Sekarang ini juga pergi suruhkan orang mengambil Tengku Long bawa ke Singapura ini boleh lekas kita selesaikan. Akan tetapi jangan tahu-tahu orang dahulu rahasia ini barangkali tahu Belanda tentu disuruhnya Raja Muda memeg-gangkan Tengku Long itu.' Maka jawab Temenggung, 'Baiklah.' Lalu disuruhnya Raja Ambung mengambil Tengku Long ke Riau. Maka Raja

Ambung pun pergilah ke Riau. Maka berjumpalah ia dengan Tengku Long, maka lalu dikhabarkannya segala rahasia dan maksud Tuan Rafliis itu. Maka relalah Tengku Long itu akan maksud Tuan Rafliis itu. Maka pada ketika malam hari berlayar Tengku Long bersama-sama Raja Ambung itu ke Singapura dikatakan hendak mengail ke Terkulai maka selalulah ke Singapura.

Maka apabila sampai ke Singapura maka lalu dibawa oleh Temenggung bersama-sama Tuan Ferkuar itu turun ke kapal perang mendapatkan Tuan Rafliis. Maka apabila berjumpa Tuan Rafliis dihormatilah sebagaimana adat menghormati raja-raja dipasangkan meriam, dipukulkan tambur dan lain-lainnya. Kemudian baharu dibawanya masuk ke dalam kapal itu. Maka diberinyalah kursi, maka beraturlah duduk Tengku Long dan Tuan Rafliis serta Mejur Ferkuar itu. Maka berkhabarlah Tuan Rafliis itu kepada Tengku Long itu dengan perkataan yang lemah lembut serta nasihat dan pujuk-pujuk yang halus-halus. Maka menerimalah Tengku Long itu apa-apa maksud Tuan Rafliis itu. Maka hasilah pekerjaannya.

Kemudian maka Tengku Long dan Temenggung pun naiklah ke darat dan Tuan Rafliis serta segala orang besar-besarnya naiklah ke darat lalu membentang khemah di tengah padang. Kemudian dipersilakannyalah Tengku Long serta Temenggung dan segala raja-raja dan orang-orang Melayu mana-mana yang ada itu, maka datanglah semuanya. Maka apabila tibalah Tengku Long kepada khemah itu maka Tuan Rafliis serta orang besar-besarnya pun keluarlah memberi hormat dengan sehabis-habis hormat. Maka lalu dibawanya masuk ke dalam khemah itu duduk masing-masing pada kursinya. Maka Tuan Rafliis pun menyuruh membaca surat bahasa Inggeris dahulu. Kemudian dibaca pula oleh Encik Yahya jurutulis Tuan Mejur Ferkuar surat bahasa Melayu dengan nyaring suaranya. Adapun surat itu demikian bunyinya, 'Bahawa sesungguhnya hendaklah ketahui oleh segala orang-orang yang Tuan Gebernur Jenderal Benggal mengangkat Tengku Long bergelar Sultan Husin Syah bin al-Marhum Sultan Mahmud Syah di dalam negeri Singapura rantau takluk jajahannya.'

Setelah itu maka segala orang-orang putih pun memberilah hormat semuanya, kemudian Tengku Long pun baliklah serta Temenggung dan lainnya. Maka apabila sampai ke rumah Temenggung maka musyawarahlah hendak mengambil isterinya serta memindahkan segala kawan-kawannya. Maka apabila putus musyawarahnya maka Tengku Long pun menitahkan

Temenggung membuat istana akan tempat isterinya. Syahadan kemudian harinya pindahlah segala isi istana Tengku Long dan istana Temenggung serta orang-orangnya ke Singapura, maka sunyilah Kampung Bulang di Pulau Penyengat. Dan orang-orang Inggeris pun membuatlah negeri Singapura maka banyaklah orang-orang Melayu dan Cina-Cina berhimpun ke Singapura makan gaji berbuat negeri setiap-tiap hari dan dagang pun banyaklah datang adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan negeri Riau dan Lingga. Maka apabila sudah tetaplh Singapura diambil oleh orang Inggeris serta Tengku Long sudah menjadi raja, maka Belanda pun membaikkanlah pula Tanjung Pinang dan pebean pun ditunggnyalah memeriksa segala perahu-perahu dagang pergi datang adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat tiada berapa antaranya di dalam hal itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pun berangkatlah ke Lingga kerana hendak mekhatankan paduka cunda Tengku Besar Muhammad. Maka ditinggalkannyalah di dalam Riau akan wakilnya, iaitu paduka kekanda Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudi dan paduka adinda Raja Idris, disuruhnya pindah ke Pulau Penyengat serta menjagai paduka kekanda-kekanda di dalam kota, iaitu Engku Puteri dan lain-lainnya daripada segala anak raja-raja.

Syahadan maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar sampailah ke Lingga berjumpalah ia dengan baginda Sultan Abdul Rahman serta paduka kekanda-kekanda dan paduka anakda-anakda. Maka musyawarahlah pada pekerjaan hendak mekhatankan paduka cunda baginda itu Tengku Besar. Maka apabila putus musyawarahnya lalulah memulai meletak kerja betapa adat istiadat raja-raja yang besar-besar bekerja. Maka apabila selesai daripada melakukan adat istiadat pekerjaan itu maka ketika hari yang baiknya maka lalulah dikhatankan Yang Dipertuan Muda akan paduka cunda Tengku Besar itu. Adalah yang berkhatan bersama-sama Tengku Besar itu daripada anak raja, pertama Raja Mahmud putera Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, kedua Saiyid Ahmad anak Engku Saiyid Zain, ketiga Raja Ali anak saudara Yang Dipertuan Muda, iaitu putera Raja Ahmad, keempat Encik Wan Abdul Rahman, dan yang lain-lainnya daripada itu anak hamba sahaya baginda Sultan Abdul Rahman sekaliannya. Syahadan apabila selesailah Yang Dipertuan Muda daripada mekhatankan paduka cunda serta paduka anakda sekalian, maka tetaplh ia di dalam Lingga itu adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan negeri Riau yang diwakilkan oleh Yang Dipertuan Muda kepada paduka kekanda Engku Saiyid Zain serta paduka adinda Raja Idris. Maka adalah Arung Bilawah tinggal di Tanjung Pinang dan di atas bukitnya, iaitu Resyiden Kapitan Gones diam serta berbuat kubu tanah-tanah sahaja dahulu, serta dipagarnya teguh-teguh ditaruhnya meriam di atas kubu itu serta beberapa banyak serdadunya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah pada satu ketika Arung Bilawah itu ingin ia akan saudara pupuannya, iaitu Raja Fatimah anak Engku Karaeng padahal ia sudah jadi bini Nakhoda Madaung satu orang baik. Di dalam hal itu Arung Bilawah itu hendak juga. Maka akhirnya bercerailah nakhoda itu dengan Raja Fatimah.

Syahadan apabila sudah bercerailah nakhoda itu dengan Raja Fatimah tiada berapa antaranya maka Arung Bilawah pun nikahlah ia dengan berjamu serta dipasangkan meriam lentam-lentum bunyinya. Maka terkejutlah Resyiden lalu ditanyanya, 'Apa sebab Bugis itu memasang meriam malam-malam?' Maka lalulah disuruhnya panggil Arung Bilawah itu ke rumahnya. Maka tiada Arung Bilawah itu pergi kerana lagi di dalam pengantin. Maka menggantikanlah sepupunya yang bernama Dahing Ronggik serta orang baik-baiknya dua tiga orang. Maka apabila sampai ke pintu kubunya maka dilarang oleh serdadunya masuk berkeris disuruh buang keris semuanya. Maka tiadalah Dahing Ronggik itu mau membuang kerisnya. Maka dikerasi oleh serdadu-serdadunya hendak dipaksanya disuruh masuk serta membuang keris jua kehendaknya. Maka marahlah Dahing Ronggik itu dan Holanda pun marah juga serta bertengkar-tengkar. Maka di dalam hal itu hendak dicabul oleh Holanda akan Dahing Ronggik. Maka marahlah Dahing Ronggik lalu menghunus kerisnya lalu ditikannya Holanda. Maka Holanda-Holanda pun gemparlah maka serdadunya datanglah dengan senapang-senapang dan orang bersama-sama Dahing Ronggik itu pun mengamuklah. Maka bera-muklah Dahing Ronggik itu dengan serdadu beratus-ratus itu, maka matilah Dahing Ronggik itu. Maka gemparlah segala Bugis-Bugis mengatakan Dahing Ronggik sudah mati, maka marahlah Arung Bilawah lalulah dilang-garnya kubu Holanda itu. Maka jadilah perang antara Bugis dengan Holanda itu.

Maka di Pulau Penyengat pun gaduhlah pula mengatakan negeri Riau kembali gaduh semula pula dengan Holanda. Maka kesusahanlah raja-raja di dalam Pulau Penyengat itu istimewa wakil-wakil Yang Dipertuan Muda,

iaitu Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudsi. Maka selalulah ia suruh-menyeruh ke Tanjung Pinang kepada Resyiden dan kepada Arung Bilawah kerana mencari kebajikan berhenti gaduh. Maka tiada juga dihiraukan oleh Bugis-Bugis hingga dilanggarnya juga kubu Belanda itu dirapatinya dengan digalinya tanah berbuat benteng pula merapati kubu Belanda itu. Maka berperanglah sehari-hari legum-legam serta bunyi senapang dan terakul pun selalu sahaja maka banyaklah Belanda-Holanda mati kena peluru terakul dan Bugis ada juga mati. Syahadan di dalam hal itu kesuasanlah Engku Saiyid serta Raja Idris pada membicarakannya. Maka lalulah ia menyeruh memberitahu ke Lingga kepada Yang Dipertuan Muda mengatakan negeri Riau gaduh, iaitu Bugis dengan Belanda. Maka suruhan itu pun pergilah dengan segeranya dan mayat Raja Ronggik pun diminta oleh Engku Saiyid kepada Belanda ditanam di Pulau Penyengat.

Syahadan kata sahibul hikayat maka pergaduhan negeri Riau itu sampailah khabarnya ke Singapura. Maka datanglah Tengku Besar putera Tengku Husin dan Tengku Yahya itu ke Riau maksudnya supaya Engku Puteri lari ke Singapura. Di dalam halnya itu Engku Saiyid dan Raja Idris serta raja-raja yang tua-tua ada memberi ikhtiar serta muafakat. Maka tiadalah dapat Engku Puteri itu lepas ke Singapura akan tetapi sudahlah turun semuanya. Maka Tengku Besar pun baliklah ke Singapura tiadalah hasil maksudnya dan perabung istana Engku Puteri pun diambil oleh Tengku Yahya dibawanya ke selat.

Sebermula adapun suruhan dari Riau itu pun sampailah menghadap Yang Dipertuan Muda memaklumkan hal Riau itu. Setelah Yang Dipertuan mendengar hal itu hendak menyeruhlah akan paduka Raja Ahmad ke Riau, tiba-tiba Tengku Besar Muhammad hendak pergi juga ke Riau. Maka lalu berangkat berlayar ke Riau dan Raja Ahmad pun pergi jua. Maka apabila ke Riau dilihatnya paduka kekanda Engku Puteri sudahlah di perahu. Maka muafakatliah Tengku Besar serta paduka nenda-nenda yang di Riau serta orang besar-besar menahan nenda itu jangan berangkat serta menyilakan naik ke darat. Maka tiadalah jadi Engku Puteri itu berangkat ke Singapura, akan tetapi banyak perahu-perahu hamba sahaya Engku Puteri itu lepas berlayar ke selat sebab kerana dikhabarkan orang pada satu malam kenaikan 'Bayan' sudah berdayung ke Singapura, jadi mengikut perahu-perahu yang lepas ke Singapura itu, demikianlah halnya adanya.

Sebermula adapun Belanda berperang dengan Bugis itu, maka di dalam

tiada berapa antaranya maka datanglah bantunya dari Melaka. Maka lalulah ia mudik ke dalam Riau bertentangan Kampung Bugis itu, lalulah dibedilnya dengan meriam ke darat. Maka tiadalah tertahan segala Bugis dan serdadunya pun naiklah ke darat dan serdadu di dalam kubu pun keluar mendatangi kubu Bugis. Maka Bugis pun mengamuklah, maka di dalam hal itu tiadalah tertahan Bugis banyak mati dan Resyiden Riau pun luka dadanya. Maka Bugis-Bugis pun larilah pada Terusan lalu ke Singapura. Maka alahlah Bugis dan tetaplah Arung Bilawah serta Bugis-Bugis yang sertanya bernaung di Singapura. Maka berhentilah perang di dalam Riau dan Tengku Besar pun baliklah ke Lingga.

Adapun Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar tiada berapa antaranya maka ia pun baliklah ke Riau serta membawa isterinya. Maka tetaplah ia di dalam Riau musyawarah dan muafakat dengan segala orang besar-besarnya, pada membaikkan negeri Riau menambahi hasil-hasil dan membetuli muafakatnya dengan Resyiden Riau. Serta bicara membuang perompak-perompak yang beradat di dalam kerajaan Johor dan Riau kerana pekerjaan itu selalu dakwa gebermen Holanda. Dan lagi membicarakan pula daripada pekerjaan menetapkan kerajaan seri paduka anakda baginda Sultan Abdul Rahman serta mentabalkan dia serta hendak kerajaan dan kebesaran Johor yang kepada tangan paduka kekanda Engku Puteri, kerana adat purbakala jikalau tiada kerajaan Johor itu belumlah lagi sah dan lahirnya nama Raja Johor itu demikianlah musyawarahnya sehari-hari adanya.

Syahadan kata sahibul tawarikh maka sampai kepada Hijrat sanat 1236 maka baginda Sultan Abdul Rahman pun berangkatlah ke Trengganu serta paduka anakda Tengku Besar serta ibunya Encik Mariam. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar pun menghantarlah hingga negeri Pahang serta sudah berjumpa Datuk Bendahara Tun Ali serta menyerahkan pelayaran baginda itu kepada Datuk Bendahara kerana Yang Dipertuan Muda hendak balik ke Riau, kerana pekerjaan bersama-sama Holanda itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun baliklah ke Riau. Sepeninggalan Yang Dipertuan Muda balik itu maka baginda Sultan Abdul Rahman pun berangkatlah ke Trengganu.

Syahadan apabila sampailah baginda itu ke Trengganu maka disambutlah oleh Yang Dipertuan Trengganu dengan beberapa kemuliaan serta dipersilakannya naik diam ke darat diberinya istana. Maka pindahlah baginda itu diam di darat dengan paduka anakda serta orang besar-besarnya. Syaha-

dan tiada berapa antaranya maka baginda itu pun beristerilah akan saudara Yang Dipertuan Trengganu. Kemudian Tengku Besar Muhammad beristeri pula akan putera Yang Dipertuan Trengganu yang bernama Tengku Putih. Maka bekerjalah Yang Dipertuan Trengganu mengahwinkan paduka anakda baginda itu betapa adat istiadat pekerjaan raja-raja nikah kahwin. Kemudian tiada berapa antaranya maka mangkatlah isteri baginda Sultan Abdul Rahman itu. Maka dikuburkan oranglah betapa adat raja-raja mangkat. Syahadan adapun Tengku Besar maka akhirnya mendapatlah ia putera seorang laki-laki bernama Raja Mahmud adanya intiha.

43. ROMBONGAN RIAU KE BETAWI

ALKISAH maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Maka apabila balik ke negeri Riau maka musyawarahlah ia dengan paduka kekanda Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudsi serta paduka adinda-adinda dan orang besar-besar akan muafakat mengutus ke Betawi. Syahadan maka masuk kepada tahun sanat 1238 maka Engku Saiyid Zainul Kudsi pun berlayarlah ke Betawi menjadi utusan bersama-sama Raja Ahmad saudara yang Dipertuan Muda Raja Jaafar. Adapun anak raja-rajanya bersama-sama pergi itu, pertama putera Yang Dipertuan Muda yang bernama Raja Jumaat, serta saudaranya Raja Mahmud, dan putera Raja Ahmad dua orang, pertama Raja Muhammad, kedua Raja Ali, dan anak-anak Engku Saiyid Zain, pertama Saiyid Husin, kedua Saiyid Hasyim, ketiga Saiyid Hasan. Adapun anaknya Saiyid Abdul Rahman ialah yang jadi penganjur utusan itu yang pergi dahulu bersama Saiyid Mustafa dan Saiyid Abdullah peranakan Kubu. Adalah perahunya empat buah yang pergi itu, pertama kenaikan Yang Dipertuan Muda, iaitu penjajab berkepala gambar gajah, kedua perahu pinis Raja Ahmad, ketiga perahu putera-putera Yang Dipertuan Muda, iaitu belah semangka, keempat perahu Nakhoda Abbas. Maka berlayarlah mereka itu ke Betawi.

Syahadan tiada berapa hari sampailah ke Kuala Betawi. Maka turunlah Syahbandarnya bersama Saiyid Hasan Habsyi, masa itu ia sudah bergelar mayur konon. Maka apabila berjumpa ia dengan Engku Saiyid serta Raja Ahmad maka bersalam-salamanlah. Kemudian maka dibawanya segala anak raja-raja itu naik ke darat dengan memakai cara Melayu. Maka apabila tiba kepada bumi sudah sedia menanti tiga buah kereta yang memakai kuda empat dan kusirnya itu dengan memakai pasmin. Maka naiklah segala utusan itu ke atas kereta maka lalulah berjalan kepada satu kampung bernama Kerukut, dan kampung itu pun sudah sedia pula rumah tempat utusan itu.

Adalah kepalanya yang memelihara makan minum utusan itu Kapitan Umar Talib. Maka diamlah utusan itu di dalam rumah yang disediakan itu cukup dengan tempat peraduannya apalagi segala persantapan raja-raja itu sudah sedia semuanya.

Kemudian ada kira-kira tiga hari maka datanglah suruhan Gebernur Jenderal Pendir Kapila ada seorang Belanda yang muda namanya Anggelbik menyilakan Engku Saiyid serta raja-raja itu serta membawa surat-surat dan bingkisan sekali. Maka pergilah sekalian utusan itu dibawa oleh Anggelbik berjumpa Gebernur Jenderal Pendir Kapila serta masuk ke rumah Gebernur. Maka segala orang besar-besar yang hadir di situ maka memberilah hormat, seketika lagi Gebernur Jenderal Barun Pendir Kapila pun keluarlah. Maka Engku Saiyid pun memberilah hormat kepada Gebernur Jenderal itu maka dibalasnya dengan hormat. Kemudian disuruhnya duduk masing-masing dengan kursinya. Adalah Gebernur Jenderal itu duduk pada satu bangku. Kemudian surat yang dari Riau itu pun dibacalah dan berbunyiilah meriam jauh sedikit bunyinya. Maka selesailah daripada membaca surat dan menyerahnya segala bingkisan-bingkisan itu, iaitu dua ketur berawankan emas, maka minumlah air teh. Maka apabila selesai baliklah Engku Saiyid serta Raja Ahmad serta anak raja-raja itu ke Kerukut.

Syahadan maka apabila sampai kepada hari Ahad maka datanglah Anggelbik mengambil Engku Saiyid dan Raja Ahmad serta anak raja-raja sekalian. Maka naiklah kereta lalu berjalanlah ke Jaga Monyet. Maka apabila sampai ke istana Gebernur Jenderal maka masuklah raja-raja itu padahal segala orang besar-besar ada semuanya bersiar-siar di dalam istana itu dengan bercakap-cakap perlahan-lahan, seorang pun tiada bercakap kuat. Seketika lagi Gebernur Jenderal pun keluar maka segala orang besar-besar pun memberi hormatlah. Kemudian Gebernur Jenderal pun memanggil Engku Saiyid serta Raja Ahmad dekat-dekat serta diunjukkannya tangan pada keduanya. Kemudian datang seorang jurubahasanya namanya Tuan Ruda bercakap-cakaplah berempat orang sambil berdiri. Sebentar lagi maka Jenderal pun masuk ke belakang rumahnya ada sejurus datanglah dua Belanda pakaiannya serupa keduanya menyuruh raja-raja itu masuk serta segala orang besar-besarnya kemudian lalulah ke belakang. Maka di belakang itu ada satu meja panjang berisi makanan nasi dengan lauknya. Kemudian datanglah Belanda yang memakai dua serupa itu mengambil tangan anak raja-raja itu didudukkannya masing-masing dengan kursinya.

Syahadan adalah peraturan duduk itu adalah Gubernur Jenderal Pendiri Kapila duduk di tengah-tengah meja ada satu jambangan bunga di hadapannya dan ada satu lagi Jenderal yang gemuk hebat rupanya, kata orang itulah Jenderal yang mengalahkan negeri Palembang konon, namanya Jenderal de Kuk. Adalah isterinya itu kecil molek. Adalah isteri Gubernur Jenderal Pendir Kapila itu gemuk. Adalah ia duduk bersanding-sanding dengan Jenderal gemuk itu, dan isteri Jenderal yang gemuk yang kecil molek itu bersanding dengan Jenderal Barun Pendir Kapila itu. Adapun Engku Saiyid dengan Raja Ahmad duduk di sebelah pihak Jenderal gemuk itu. Kemudian baharu sekalian anak raja-raja. Adapun segala orang Belanda semuanya masing-masing dengan kursinya ada kira-kira delapan puluh orang yang makan itu. Syahadan kemudian maka berjalanlah pula Holanda dua serupa itu berkeliling, maka lalu ia dekat kepada anak raja-raja itu maka lalu ia bercakap berbisik-bisik katanya perlahan-lahan, 'Mana-mana yang boleh makan, maka makanlah. Dan mana-mana tuan yang tiada boleh makan menggelenglah sahaja, jangan berkata-kata, iaitu pada ketika diunjukkan oleh pelayan-pelayan itu.'

Kemudian makanlah entahkan beberapa kali berganti pinggan dan beberapa kali datang makan-makanan yang lain-lain rupanya dan rasanya. Syahadan ada kira-kira satu jam lebih maka berhentilah makan, Gubernur itulah mula-mula menarik kursi undur, maka diikuti oleh sekalian orang-orang. Kemudian lalulah keluar ke paseban maka bersiar-siarlah di situ. Maka datanglah pelayan-pelayan membawa bekas perak yang bercaranglah seolah-olah pokok kayu. Maka tercacaklah pada segenap dahannya itu rokok, maka diedarkannyalah kepada segala orang besar-besar itu, maka mengambil sebatang seorang. Kemudian ada sejurus kira-kira lebih sedikit pukul lima maka balikkah masing-masing ke rumahnya. Adapun Gubernur Jenderal naiklah keretanya kuda empat dan ada pula Holanda dua orang yang bermisai dan berjanggut terlalulah ramusnya memakai baju lamina seperti perak, berkuda putih serta menghunus pedangnya, ialah yang dahulu berjalan daripada kereta Gubernur Jenderal itu dengan berlari-lari anak.

Syahadan pada satu malam datang panggil Gubernur Jenderal, maka pergilah Engku Saiyid dan Raja Ahmad serta anak raja sekalian, maka lalu dibawanya kepada satu rumah main wayang kemidi. Dan sifat rumahnya itu lekuk ke dalam tanah dan bertingkat-tingkat tempat segala orang-orang menengoknya dan pada hadapannya ada beberapa kursi-kursi. Maka di

situlah tempat Gubernur Jenderal melihat dengan segala orang besar-besarnya. Adalah permainannya ajaib-ajaiblah segala yang melihat ada keluar kapal-kapal dan hujan dan guruh dan berperang dan lainnya seperti sungguh, dan berhenti ia kisah maka dilabuhkannya tirainya. Maka berbunyi muzik, maka apabila berhenti muzik termaiklah tirainya itu keluar pula negeri yang lain dan lakon yang lain-lain pula, demikianlah halnya hingga sampai pukul dua belas berhentilah masing-masing pulanglah ke rumahnya.

Syahadan pada satu malam yang lain datang pula panggil Gubernur Jenderal pada satu rumah tempat orang main-main dan makan-makan dan di situlah segala Holanda muda-muda menari bersama-sama nona-nonanya berpeluk berpusing-pusing dengan muzik. Lepas selesai itu baharu makan-makan hingga pukul satu. Maka masing-masing pun balik ke rumahnya demikianlah halnya. Engku Saiyid dan Raja Ahmad serta anak-anaknya di dalam Betawi kira-kira ada satu bulan maka baharulah Engku Saiyid membuka bicara pekerjaan yang dipergikannya itu. Maka berulang-ulanglah ia kepada Resyiden Betawi dan kepada orang besar-besarnya. Terkadang datang pula orang besar-besar itu kepada Engku Saiyid dan Raja Ahmad. Kemudian pergi pula ia berjumpa Gubernur Jenderal sendiri berbicaralah ia daripada satu bicara kepada satu bicara. Maka hasillah segala yang dimaksudnya. Maka hanyalah tinggal lagi mana-mana Engku Saiyid yang belum putus ijihad dengan yang Dipertuan Muda Riau itulah sahaja yang tinggal adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah kira-kira tiga bulan Engku Saiyid dan Raja Ahmad di dalam Betawi maka banyaklah orang-orangnya sakit dan mati kena penyakit Betawi. Dan anak-anak Raja Ahmad yang bernama Raja Muhammad dan Raja Ali itu pun sakitlah dan gundik Raja Ahmad pun matilah pula. Maka kesusahanlah ia pada memikirkannya maka selalulah ia musyawarah dengan paduka kekanda Engku Saiyid pada menyegerakan balik ke Riau sebab susah melihatkan anak-anaknya sakit keras itu. Maka muafakatliah Engku Saiyid dengan Anggelbik, maka lalu dipermaklumkan kepada Gubernur Jenderal, maka dibenarkan oleh Gubernur Jenderal. Kemudian Jenderal pun mengajaklah pergi ke Bogor dahulu. Maka berangkatlah Gubernur Jenderal ke Bogor dahulu, kemudian Engku Saiyid dan Raja Ahmad serta putera Yang Dipertuan Muda dua orang itu. Maka apabila sampai ke Bogor bermain-mainlah di sana sebentar, kemudian

baliklah ke Betawi. Maka Engku Saiyid pun pergilah ziarah rata-rata kepada orang besar-besar. Kemudian Engku Saiyid pun berbinilah pula dengan satu tuan syarifah anak Betawi.

Syahadan adapun anak Raja Ahmad yang bernama Raja Muhammad itu mangkin sehari mangkin berat sakitnya. Maka doktor pun datanglah selalu melihat-lihat serta memberi ubat, tiada juga sembuh. Maka Raja Ahmad pun hendaklah balik ke Riau dahulu maka dibenarkan oleh Gebernur Jenderal. Maka lalu disewakannya kapal nakhodanya Saiyid Abu Bakar namanya. Maka berlayarlah Raja Ahmad serta putera-puteranya yang sangat sakit. Maka tiada terbawa lagi perahunya itu balik ke Riau sebab orang-orangnya banyak mati. Maka diambil oleh Gebernur Jenderal perahu Raja Ahmad itu dibayarnya seribu ringgit dan adalah perahu itu dibeli Raja Ahmad kepada Pangeran Syarif Hasan Palembang empat ratus ringgit, jadi banyaklah untungnya.

Syahadan pelayaran Raja Ahmad pun sampailah ke Lingga. Maka anaknya Raja Muhammad pun matilah. Kemudian maka Raja Ahmad pun berlayarlah ke Riau berjumpa paduka kekanda Yang Dipertuan Muda berkhabarkan perkara hal ehwal pekerjaannya bersama-sama dengan Engku Saiyid itu di dalam Betawi. Maka duduklah Yang Dipertuan Muda menantikan paduka kekanda Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudsi.

Sebermula adapun Engku Saiyid sepeninggalan Raja Ahmad itu balik ke Riau maka matilah pula anaknya yang bernama Saiyid Hasan dan perahu kenaikan gajah itu pun tiada juga terbawa balik ke Riau. Maka lalulah diambil oleh Gebernur Jenderal pula seperti perahu Raja Ahmad. Maka di dalam hal itu maka Engku Saiyid pun ditumpangkan oleh Gebernur Jenderal dengan satu kapal perang yang baharu datang dari Eropah namanya 'Dolfin' meriamnya dua lapis. Maka berlayarlah Engku Saiyid itu ke Riau dengan kapal itu. Adalah yang bersama-sama dengan Engku Saiyid itu orang Belanda jadi jurubahasa, iaitu Anggelbik, saudara Anggelbik yang di Betawi itu, padahal Engku Saiyid itu di dalam sakit mata pula. Maka tiada berapa lamanya ia di laut sampailah ke Lingga. Maka naiklah Engku Saiyid itu ke darat dan kapal itu pun berlayarlah.

44. PERTABALAN SULTAN ABDUL RAHMAN SEBAGAI SULTAN RIAU-LINGGA

SYAHADAN kata sahibul hikayat maka datanglah Raja Melaka Timermin Tisin bermusyawarah dengan Yang Dipertuan Riau. Maka lalu mengambil kerajaan Johor kepada tangan Engku Puteri dengan muslihat yang patut dikenakan kepada raja-raja perempuan. Maka dibawanyalah kerajaan itu ke negeri Melaka. Syahadan adapun Engku Saiyid apabila sembuh daripada penyakit matanya maka ia pun ke Riaulah lalu muafakatlal pula pada pekerjaan hendak mengambil Sultan Abdul Rahman di Trengganu kerana ada penyuruhnya minta ambil kepada Yang Dipertuan Muda.

Maka di dalam hal itu maka muafakatlal Yang Dipertuan dengan Engku Saiyid akan menyuruh paduka adinda Raja Ahmad menjadi utusan ke Betawi sekali lagi, pada pekerjaan mengambil baginda Sultan Abdul Rahman ke Trengganu serta mencari perahu yang patut akan tempat mengambil baginda itu. Maka apabila selesai muafakatnya itu maka pergilah Raja Ahmad itu ke Betawi menyewa keci Saiyid Ahmad Habsyi. Maka tiada berapa lamanya maka sampailah ia ke Betawi. Maka diterimalah oleh Gebernur Jenderal sebagaimana yang telah sudah juga. Maka di dalam tiada berapa lamanya di Betawi itu selesailah segala yang dimaksudkan, maka lalu membeli sebuah keci dengan pertolongan Gebernur Jenderal itu dengan harga sembilan belas ribu rupiah. Maka apabila selesai daripada segala yang dihajatkan maka Raja Ahmad pun mintalah hendak balik ke Riau kepada Gebernur Jenderal, maka diizinkanlah.

Maka di dalam pada ketika berkemas-kemas hendak balik itu, maka Raja Ahmad pun jatuh sakit demam yang sangat. Maka adalah yang diperbuat oleh Raja Ahmad nakhoda keci itu satu orang Arab negeri Musykat namanya Syekh Khalifah dan Raja Ahmad pergi ini tiada membawa anak raja-raja hanyalah membawa anak hamba tua sahaja. Maka kesusahanlah mereka itu,

maka di dalam hal itu dibawanya juga ke Riau dan Anggelbik pun disuruh oleh Gebernur Jenderal menghantar sampai ke keci. Dan ada satu Saiyid Umar namanya, iaitu berkenal-kenalan dengan Raja Ahmad itu di dalam Betawi tatkala Raja Ahmad itu berulang-ulang mengaji ilmu falak kepada Syekh Abdul Rahman Misri di dalam Betawi itu. Maka ia pun tiada sampai hati melihatkan Raja Ahmad itu sakit. Maka ia pun pergilah mengikut bersama Raja Ahmad ke Riau, dan ialah yang membela Raja Ahmad sakit itu di laut.

Syahadan tiada berapa lamanya maka tibalah ke Riau. Maka naiklah orang memberitahu kepada Yang Dipertuan dan lainnya. Maka gemparlah segala raja-raja itu mendengar khabar paduka adinda sakit sangat itu. Maka turunlah Yang Dipertuan Muda serta Raja Idris dan Syahbandar dan segala anak-anaknya. Maka apabila tiba ke keci maka berjumpalah dengan Raja Ahmad pada hal sangat demamnya serta kurusnya, maka saudara-saudaranya pun menangis-nangislah. Maka Raja Ahmad pun berkhabar kepada Yang Dipertuan hal ehwalnya, serta sangat banyak menerima kasih kepada Gebernur Jenderal tiada meringankan dia daripada baiknya hingga sakitnya, dengan disuruhnya hantar kepada orang-orangnya serta dibekalkannya dengan secukupnya daripada wang dan makanan, hingga burung merpati pun dibekalkannya juga dan buaian akan mengangkat orang diberinya juga. Dan berkhabar pula bela peliharanya Saiyid Umar itu di darat dan di laut. Maka jawab Yang Dipertuan Muda, 'Janganlah engkau susah-susah aku balas juga budi orang berbuat baik kepada engkau itu.' Maka dibawalah oleh Yang Dipertuan Muda naik ke darat. Maka datanglah suruhan paduka Engku Puteri kepada Yang Dipertuan minta bawakan ke dalam juga kepadanya. Maka lalu dibawa oleh Yang Dipertuan Muda dinaikkan paduka adinda itu ke istana Engku Puteri di sanalah dipeliharakan. Maka berulanglah saudara-saudaranya tiap-tiap hari ke dalam, dan Habib Syekh serta Engku Saiyid pun berulanglah melihat-lihat Raja Ahmad itu, demikian lagi Raja Idris hadir tiap-tiap hari siang malam dan Resyiden Tuan Ransau pun datanglah juga. Kemudian Yang Dipertuan pun bertitah kepada Datuk Syahbandar titahnya, 'Kami sudah mimpi memang si Ahmad datang dari Betawi kami lihat tiada berbaju rupanya inilah takbirnya.' Syahadan berapa kali sudah berkeliaran orang-orang di Pulau Penyengat mengatakan Raja Ahmad sudah hilang daripada sangat sakitnya itu. Kemudian tiada pula satu apa.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam hal itu dengan takdir *Allah*

subhanahu wataala atas hamba-Nya tiada berapa hari adalah dikurniakan-Nya Raja Ahmad itu pun afiatlah. Maka sangatlah sukanya Yang Dipertuan Muda, maka lalu dinikahkannya Saiyid Umar itu dengan anak saudara sepupunya, iaitu tuan syarifah bangsa bin Yahya. Syahadan kemudian daripada itu maka Yang Dipertuan Muda pun musyawarahlah dengan Resyiden Riau akan berangkat ke Trengganu mengambil Sultan Abdul Rahman. Maka putuslah muafakat itu, maka ada satu keci perang gebermen, nama panglima perangnya Kernil Parpir dan nama keci itu 'Warstik', dan tiga hopsirnya seorang namanya Hurstir, dan seorang namanya Deman, dan seorang namanya Parhupan. Dan panjang keci itu dua puluh satu depa, dan meriamnya sembilan sebelah panjangnya enam hasta, dan berat pelurunya delapan pon. Syahadan keci itulah yang diperintahkan oleh Gubernur Jenderal akan tempat Yang Dipertuan Muda pergi ke Trengganu. Maka apabila sampai saatnya yang baik maka Yang Dipertuan pun ke Trengganu dengan keci perang itu. Adapun berik Riau tempat gundiknya, adalah yang membawanya Datuk Syahbandar Abdullah dan puteranya bernama Raja Mahmud.

Syahadan tiada berapa lamanya maka sampailah ke Kuala Trengganu, maka memasanglah ia meriam sekeliling keci itu maka disambutlah dari darat pula. Kemudian maka tampaklah sekoci berlayar memakai bendera kuning. Maka ditanya oleh Kernil, 'Siapa yang turun itu?' Maka jawab Yang Dipertuan Muda itu, 'Tengku Besar putera Sultan Abdul Rahman.' Maka Kernil pun menyuruh memasang meriam akan menyambut dan memberi hormat kepada Tengku Besar. Setelah habis berbunyi itu disuruhnya isi lagi dicadangkan memberi hormat balik. Syahadan setelah itu Tengku Besar pun tibalah kepada keci perang itu lalu disambut tangan Tengku Besar itu dengan hormat. Maka naiklah Tengku Besar berkursi dua bersama-sama paduka nenda Yang Dipertuan Muda, serta menyilakan naik bersama dan bercakap-cakap pula dengan Kernil sejourus.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Tengku Besar turun itu tiada pula berbaju, jadi segala hopsir-hopsir itu bertanya perlahan-lahan, 'Apa sebab itu raja tiada memakai baju tiada hormat kepada Tuan Kernil nanti tentu Tuan Kernil balas tidak hormat pula.' Syahadan seketika lagi Tengku Besar pun hendak naik ke darat maka Kernil pun menyuruh keluarkan ubat-ubat meriam itu, jadi tiada Tengku Besar itu dapat hormat pulang. Setelah itu Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah naik ke darat diiringkan oleh

anakda-anakda serta orang baik-baik sekalian. Maka apabila tiba ke darat berjumpalah ia dengan seri paduka anakda baginda Sultan Abdul Rahman bercakap-cakap sejurus, maka Yang Dipertuan pun berjumpalah pula dengan Yang Dipertuan Trengganu. Maka apabila selesai daripada berjumpaan itu maka duduklah Yang Dipertuan Muda bersama-sama paduka anakda baginda itu Sultan Abdul Rahman Syah. Sebermula adapun keci perang itu apabila sudah lepas Yang Dipertuan Muda naik ke darat itu maka pada malamnya kenalah ia panah petir pada tiangnya. Maka patahlah tiang itu. Maka pada pagi-pagi hari naiklah hopsirnya mencari kayu serta dapat lalu digantinya. Setelah itu ia pun berlayarlah ke Riau.

Adapun Yang Dipertuan Muda di dalam Trengganu maka pindahlah ia ke perahunya. Maka tiada berapa antaranya maka Datuk Bendahara pun datanglah lalu berjumpalah ia dengan Yang Dipertuan Muda serta baginda Yang Dipertuan Besar. Maka muafakatlh Yang Dipertuan Muda bersama-sama Datuk Bendahara pada pekerjaan yang akan membawa Yang Dipertuan Besar balik ke Riau. Maka apabila selesai daripada muafakat itu maka baginda Sultan Abdul Rahman Syah pun minta dirilah kepada Yang Dipertuan Trengganu akan balik ke Riau. Adapun Tengku Besar Muhammad sudahlah berputera dengan isterinya Tengku Teh itu seorang laki-laki bernama Tengku Mahmud.

Syahadan apabila sampailah pada waktunya maka berangkatlah baginda Sultan Abdul Rahman serta paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda dan Bendahara Pahang serta paduka anakda Tengku Besar laki isteri dari Trengganu akan balik ke Riau. Adapun banyak angkatan baginda itu kira-kira seratus lima belas buah kecil besar penjajab. Kemudian apabila tiba ke Tanjung Huban datanglah orang menyambut dari Riau, iaitu Raja Abdul Rahman putera Yang Dipertuan Muda Jaafar serta adiknya Raja Ali. Adapun daripada pihak Resyiden Riau, iaitu Syahbandarnya bernama Burkat. Kemudian maka tibalah baginda itu ke Riau Pulau Penyengat maka dipersilakanlah oleh Yang Dipertuan naik ke istananya. Syahadan Resyiden Riau pun datanglah melawat baginda itu serta Yang Dipertuan Muda. Setelah selesai daripada berjumpa-jumpaan itu maka Resyiden pun baliklah. Maka Yang Dipertuan Muda pun berkemastlah menyiapkan segala alat pekerjaan menantikan kerajaan datang dari Melaka dan segala perahu-perahu kelengkapan itu pun berlabuhlah di laut Pulau Penyengat semuanya adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka di dalam tiada berapa antaranya

maka datanglah sebuah kapal perang dari Melaka, iaitu raja laut bersamasama komesarisnya, adalah datang itu membawakan kerajaan baginda Sultan Abdul Rahman. Maka apabila tiba ia di laut Penyengat maka memangsanglah ia meriam, maka disambut pula dari darat sebagaimana banyak bedilnya itu. Kemudian ia pun naiklah ke Tanjung Pinang. Kemudian berjumpalah raja laut itu dengan Yang Dipertuan Muda. Maka musyawarahlah pada pekerjaan memulangkan kerajaan dan menyerahkan dia kepada baginda Sultan Abdul Rahman Syah. Maka apabila selesailah musyawarahnya maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruhlah Datuk Syahbandar Abdullah mendirikan bendera di negeri Johor itu. Maka pergilah Datuk itu mendirikannya bendera di negeri Johor itu. Kemudian maka ia pun baliklah ke Riau.

Kemudian maka Yang Dipertuan pun menyiapkan alat singgahsana serta kursi-kursi. Kemudian berkumpullah segala orang-orang ke dalam serta diaturkanlah segala jawatan daripada anak raja-raja. Maka apabila sudah mustaid sekaliannya itu maka raja laut pun datanglah ke Penyengat serta segala orang besar-besarnya. Maka dibawanyalah kerajaan itu naik ke darat dan raja laut serta komesarisnya pun naiklah ke atas usungan perarakan itu. Maka berbunyiilah segala bunyi-bunyian. Syahadan apabila tiba usungan itu ke balairung maka diletakkannyalah segala kerajaan itu di atas meja ditudung dengan bendera Johor menantikan baginda Sultan Abdul Rahman Syah turun. Seketika lagi maka baginda itu pun turunlah diiringkan dengan segala jawatan anak raja-raja. Maka tiba ke balai maka berdirilah segala Belanda-Holanda itu memberi hormat. Maka raja laut pun memimpin tangan baginda Sultan Abdul Rahman lalu didudukkannya di atas singgahsana itu. Kemudian maka beratur segala orang besar-besar Belanda serta raja-raja.

Maka apabila sudah mustaid peraturan itu maka berdirilah raja laut mengambil satu pedang kerajaan yang hulu panjang dan satu sayap sandang, maka lalu dekat berdiri pada singgahsana itu dan Sultan Abdul Rahman pun berdirilah pula. Maka Yang Dipertuan Muda serta Resyiden sekaliannya masing-masing berdirilah semuanya. Setelah itu maka raja laut pun mengunjukkan pedang serta sayap sandang itu kepada Sultan Abdul Rahman. Maka lalu disambut oleh baginda itu dengan tangisnya, maka raja laut pun tercengang-cengang hairan. Maka Engku Saiyid pun segeralah dekat raja laut itu tersenyum-senyum berkhobar kepada raja laut katanya, 'Menangis itu sebab ia terkenangkan ayahandanya, demikianlah adat raja

Melayu.' Maka raja laut pun mengangguk. Bermula adalah bunyi lafaz raja laut memulangkan kerajaan kepada Sultan Abdul Rahman itu demikian bunyinya, 'Kita Sekebenakt Raja Laut wakil Jenderal Betawi daripada pihak Gebermen Raja Belanda, menyerahkan kerajaan Riau dan Lingga dan Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya kepada tangan Sultan Abdul Rahman Syah.' Kemudian diteriakkannyalah katanya, 'Tuan Sultan Abdul Rahman Syah.' Maka bersoraklah pula segala Belanda itu mengata, 'Hurai', tiga kali.

Syahadan setelah itu nobat pun berbunyi sejurus kemudian muzik pun berbunyi. Setelah itu hidangan pun diangkat oranglah. Maka santaplah raja-raja itu serta orang besar orang putih. Apabila sudah selesai santap itu turunlah semuanya ke paseban balai itu. Maka baris Belanda pun bermainlah mengacukan perang. Maka segala meriam di laut dan di darat pun berbunyilah pada hari itu. Syahadan apabila selesai daripada hal itu maka orang besar-besar Belanda pun kembalilah. Syahadan habislah pekerjaan itu.

Kemudian daripada itu berangkatlah Yang Dipertuan Muda serta anak raja-raja sekalian dipersilakan oleh raja laut itu turun ke kapal makan minum. Maka apabila hampir ke kapal itu maka berbunyilah menyambut Yang Dipertuan itu serta dekat naiklah sekaliannya. Maka berbunyilah pula tambur sejurus, kemudian berbunyi pula muzik. Syahadan adapun kapal-kapal perang itu penuhlah memasang bendera pada hari itu. Kemudian apabila selesai daripada makan minum itu maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah naik ke darat. Maka meriam pun berbunyilah hingga sampai ke darat sekoci tempat Yang Dipertuan itu, maka baharulah berhenti meriam itu.

Maka di dalam dua tiga hari itu maka raja laut pun berlayarlah ke Betawi dan tiada berapa antaranya maka baginda Sultan Abdul Rahman pun berangkatlah balik ke Lingga. Maka tamatlah pekerjaan kerajaan Sultan Abdul Rahman itu. Maka tetaplah ia di negeri Lingga adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat kemudian daripada itu maka musyawarahlah Yang Dipertuan serta kekanda adinda sekalian dan orang besar di dalam negeri Riau menyuruh Datuk Syahbandar pergi mendirikan bendera di Johor. Maka sudah pergilah Datuk Syahbandar mendirikan bendera itu. Setelah itu ia pun baliklah ke Riau. Maka orang-orang Johor pun berhadaplah ke Riau. Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Selat dan

Temenggung melakukan juga akan perintahnya di dalam Johor seperti jalan adat sehari-hari tatkala Yang Dipertuan Selat lagi bersama-sama Yang Dipertuan Muda di dalam Riau masa ia belum digelar oleh Inggeris Sultan Husin, demikianlah juga perbuatannya. Maka di dalam hal itu banyaklah perkhabaran mengatakan Raja Inggeris hendak membahagikan tanah-tanah kerajaan Johor antara Sultan Husin dengan Sultan Abdul Rahman. Maka berpanjanganlah perkhabaran itu.

Syahadan dari kerana inilah menjadi Yang Dipertuan Muda menyuruhkan Engku Saiyid itu sekali lagi ke Betawi serta mencari jalan supaya hapus segala perompak-perompak dan akan dibawa juga kepala-kepala rakyat-rakyat yang besar-besar supaya dia mengaku sendiri. Maka berlayarlah Engku Saiyid itu ke Betawi bersama-sama penghulu-penghulu hamba raja itu.

Kemudian apabila tibalah Engku Saiyid itu ke Betawi maka berjumpalah Engku Saiyid itu dengan Gebernur Jenderal maka dipermaklumkanlah akan kedatangannya itu dan maksudnya itu. Syahadan segala permakluman Engku Saiyid itu semuanya diterima oleh Gebernur Jenderal hanyalah daripada pihak perkhabaran orang-orang itu belum lagi dijawabnya, melainkan nanti di belakang.

Syahadan di dalam tiada berapa hari maka Engku Saiyid pun balik ke Riau. Maka tiada berapa antaranya datanglah utusan dari Jenderal Betawi, iaitu satu orang muda yang cerdik namanya Anggelbik. Maka berjumpalah ia dengan Yang Dipertuan Muda. Maka ialah yang berkhabar-khabar antara gebermen Inggeris dengan gebermen Belanda sudah muafakat perbaha-gian tanah-tanah antara Sultan Husin dengan Sultan Abdul Rahman, iaitu di kanan kapal anjiman pergi ke negeri China, iaitu bahagian gebermen Belanda dan mana-mana sebelah kirinya bahagian Inggeris. Adapun Johor dan Pahang lepaslah daripada bahagian Sultan Abdul Rahman.

Syahadan adapun Karimun dan Buru dan Kundur maka termasuklah kepada pihak pemerintahan Sultan Abdul Rahman serta Yang Dipertuan Muda Riau. Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Selat serta Temenggung Abdul Rahman masih juga diperbuatnya seperti adat lama, iaitu masa Yang Dipertuan Selat lagi di Riau duduk bersama-sama Yang Dipertuan Muda Riau, kerana pada masa itu antara Yang Dipertuan Muda dengan Yang Dipertuan Selat sebagaimana jalan adat anak buahnya, istimewa pula Yang Dipertuan Muda itu pangkat ayah saudara sepupu kepada Yang

Dipertuan Selat. Maka tiadalah jadi bicara lebih kurang sedikit antara orang anak-beranak.

Syahadan maka apabila sudah jadi raja dua pada satu kerajaan serta telah diperbataskan pula oleh dua gebermen, maka tiadalah Yang Dipertuan Muda mau lagi seperti jalan yang telah lalu. Maka Yang Dipertuan Selat pun tiada mehiraukan, masih juga menjalankan perintahnya pada perbatasan sebelah Riau itu, seperti Pintak, Scrah, Rampai, hingga disuruhnya buka Pulau Karimun itu dikeluarkan timah-timahnyanya. Maka beberapa kali Yang Dipertuan Muda memberi surat menyatakan hal ehwal perbatasan itu, maka tiada juga Yang Dipertuan Selat mengikut. Maka inilah sebab pokok jadi pergaduhan di antara Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar dengan Sultan Husin. Maka masuklah pula gebermen Belanda mangkin besarlah jadinya adanya.

45. RAJA AHMAD MENGERJAKAN HAJI

ALKISAH maka tersebutlah perkataan saudara Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, iaitu Raja Ahmad. Maka adalah pada ketika sakit balik dari Betawi, maka ia pun bernazarlah jika sembuh penyakitnya sudah wajib bertambah wajiblah ia pergi haji. Maka apabila sudah sembuh penyakitnya maka ia pun bermohonlah kepada paduka kekanda Yang Dipertuan Muda serta paduka kekanda Engku Puteri. Maka jawab paduka kekandanya, 'Baiklah engkau pergi mencari-cari belanja dahulu ke Tanah Jawa.' Maka diberilah oleh paduka kekandanya modal. Maka Raja Ahmad pun berlayarlah bersama-sama anaknya Raja Ali dan anak saudaranya Raja Muhammad dan menantunya Saiyid Abdullah dan kawan-kawannya. Adalah diperbuatnya juragan seorangnya bernama Guru M-y-w-ng serta ada membawa satu surat Yang Dipertuan Muda kepada Gebernur Jenderal Betawi, bukannya surat-surat utusan hanyalah surat-surat berkirim sahaja. Sudah juga dimusyawarakan kepada Resyiden Riau hal surat-surat itu, di mana-mana Raja Ahmad singah boleh diserahkan kepada Resyidennya.

Syahadan tiada berapa lamanya maka sampailah Raja Ahmad ke Semarang. Maka naik juragannya itu membawa pesan dan surat kepada Gebernur Jenderal itu kepada Syahbandarnya. Maka apabila dilihat oleh Syahbandar surat kepada Gebernur Jenderal itu maka dibawanya kepada Resyiden. Maka apabila dilihat oleh Resyiden surat itu maka katanya, 'Juragan boleh turun, nanti di belakang gua suruh satu orang mengambil Raja Ahmad ke darat. Lu tiada tahu satu apa.' Maka turunlah juragan itu berkhobar kepada Raja Ahmad. Maka apabila Raja Ahmad mendengar khabar itu, maka kesusahanlah kerana perginya itu berniaga.

Syahadan maka apabila sampai keesokan harinya maka datanglah Saiyid Ali berjumpa Raja Ahmad katanya, 'Tuan Resyiden menyilakan Engku naik ke darat.' Maka Raja Ahmad pun naiklah serta anakda sekalian. Maka apabila

tiba ke rumah Resyiden maka Resyiden pun keluar ke pintunya lalu menyambut tangan Raja Ahmad dibawanya masuk ke rumahnya serta anak-anak Raja Ahmad itu masing-masing dengan kursinya. Kemudian katanya, 'Raja Ahmad adapun seperti surat Gebernur Jenderal itu saya tiada boleh menerimanya di sini, baiklah Raja Ahmad sendiri ke Betawi.' Maka jawab Raja Ahmad, 'Saya ini terlalu susah berlayar berbalik-balik niat hati saya hendak menyusur ke timur, kemudian berbalik pula ke barat.' Kemudian menjawab pula Resyiden itu, 'Betul, akan tetapi ada satu jalan yang mudah itu keci Raja Ahmad tinggal di sini dahulu atau disuruh menyusur ke timur. Raja Ahmad boleh saya hantarkan dengan kereta pos, sebentar boleh sampai di Betawi.' Maka jawab Raja Ahmad, 'Saya berlayar ke Jawa ini bukannya membawa utusan, sekadarkan membawa kiriman sahaja sudah juga saudara saya Yang Dipertuan Muda Riau bermusyawarah dengan Resyiden Riau katanya, 'Di mana jatuh negeri-negeri Tanah Jawa boleh serahkan surat kepada Resyidennya.' Syahadan apabila Resyiden Semarang mendengar kata Raja Ahmad itu maka ia pun terdiam sejurus serta berfikir rupanya. Kemudian katanya, 'Tiada apalah, akan tetapi saya minta Raja Ahmad boleh menaruh tandatangan kerana permintaan Raja Ahmad sendiri hendak segera menyusur ke timur kerana uzur besar jika pergi ke Betawi.' Maka jawab Raja Ahmad, 'Baiklah buatlah tuan surat boleh taruh tandatangan.' Kemudian Resyiden pun membuat surat kepada Gebernur Jenderal menyatakan hal ehwal dengan Raja Ahmad itu. Kemudian Raja Ahmad pun menaruh tandatangan. Setelah itu Raja Ahmad pun minta balik. Maka kata Resyiden, 'Baik.' Lalu sama berdiri berpegang tangan memberi selamat tinggal dan berlayar.

Syahadan tiada berapa lamanya Raja Ahmad di Semarang maka ia pun berlayarlah menyusur ke timur, lalu ke Juana. Maka turunlah kapitan Melayu bangsa Bugis dan turunlah Bugis-Bugis yang diam di Juana itu menyilakan naik ke darat. Dan B-k-a-w-r kepala Belanda yang di Juana itu berjumpalah ia dengan Raja Ahmad diajaknya ke dalam kotanya sebab ia sudah jadi anak angkat Raja Idris saudara Raja Ahmad itu konon, jadi dipermulia-kannyalah Raja Ahmad itu.

Syahadan kata sahibul hikayat maka tiada berapa lamanya Raja Ahmad itu di dalam Juana serta telah bermuat beras maka berlayarlah ia balik ke Riau. Maka singgahlah ia di Lingga berjumpa paduka anakda Sultan Abdul Rahman. Maka turunlah baginda itu laki isteri kepada keci paduka ayah-

anda Raja Ahmad itu. Maka paduka anakda baginda pun mengambil barang paduka ayahanda itu seperti kain-kain dan peti Japara dengan tiada harga kerana sudah adat raja-raja sebelah Riau. Apabila ayahanda-ayahanda atau kekanda-kekanda adindanya baharu datang dari tempat yang jauh-jauh maka jika ada membawa barang-barang yang patut diambilnya, tiada jadi harga, khususnya pula seperti baginda Sultan Abdul Rahman itu, iaitu pangkat anak saudara kepada Raja Ahmad itu demikianlah adanya. Maka apabila selesai daripada makan minum di dalam keci itu maka baginda pun berangkatlah naik ke darat ke istananya.

Syahadan tiada berapa lamanya maka Raja Ahmad pun bermohonlah kepada paduka anakda baginda Sultan Abdul Rahman pergi haji. Maka dibenarkan oleh baginda itu. Maka Berlayarlah Raja Ahmad ke Riau, maka apabila tiba ke Riau berkemaslah ia, maka lalulah pergi ke Singapura mencari kapal tambang ke negeri Arab. Maka apabila tiba ke Singapura maka berjumpalah Raja Ahmad itu dengan paduka anakda Yang Dipertuan Selat berjumpa-jumpa bersalam-salaman berlayar. Setelah selesai daripada itu maka Raja Ahmad pun dapatlah kapal tumpangan ke Pulau Pinang. Maka berlayarlah Raja Ahmad itu ke Pulau Pinang dan orang besar-besar dan orang tua-tua yang menghantar itu pun baliklah ke Riau. Sebermula adalah yang pergi bersama-sama Raja Ahmad itu, iaitu anaknya Raja Ali dan menantunya, iaitu Saiyid Abdullah anak Engku Saiyid. Adapun orang-orang Raja Ahmad yang dibawanya pergi ada sepuluh orang dan adalah bekalnya wang ada empat belas ribu ringgit.

Syahadan tiada berapa lamanya di laut maka sampailah ia ke Pulau Pinang. Maka datanglah Saiyid Abdul Rahman dan lainnya mengalu-alukan Raja Ahmad itu. Kemudian dibawanyalah ke rumahnya. Dan ada timah-timah Raja Ahmad sedikit-sedikit maka Saiyid Hasyim itulah menjualkannya serta dikumpulkannya wang-wangnya diserahkanlah kepada Raja Ahmad itu.

Syahadan tiada berapa lama Raja Ahmad itu di Pulau Pinang maka ia pun berlayarlah ke Jeddah menyewa satu kapal Turki bernama feluka, dan kapitannya bernama Saiyid Husin. Yang disewa Raja Ahmad itu sebelah kurungnya, sekira-kira boleh tempat orang tiga belas. Maka tiada berapa lamanya sampailah ia ke Jeddah, iaitu pada delapan belas haribulan Syaaban sanat 1243. Maka naiklah Raja Ahmad ke darat, maka datanglah segala syekh-syekh mengalu-alukan Raja Ahmad itu. Maka masing-masing syekh itu hendak membawa Raja Ahmad itu ke rumahnya. Di dalam hal itu ke-

pada Syekh Ahmad Musyafilah Raja Ahmad suka sebab ia jumlah daripada hamba tua, iaitu ia peranakan Bugis yang empat puluh Riau juga. Maka naiklah Raja Ahmad itu ke *Mekkah al-musyarrafah* dibawa oleh Syekh itu serta memakai ihram. Maka apabila sampai ke *Mekkah al-musyarrafah*, tawafilah dan sa'ilah.

Syahadan tiada berapa lamanya Raja Ahmad itu di *Mekkah al-musyarrafah* maka pergilah ia ke Medinah, ziarah kepada kubur Nabi *sallallahu alaihi wasallam*. Kemudian ziarah ke *Baqi'ah* kepada segala Sahabat. Kemudian ziarah pula ke Jabal Uhud kepada kubur mama *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam*, iaitu Sayyiduna Hamzah yang syahid pada Jabal Uhud itu. Kemudian maka ziarahlah ia kepada segala tempat-tempat yang diziarahkan orang-orang. Setelah selesai maka Raja Ahmad pun membeli satu kebun diwakafkannya kepada anak cucu Syekh Saman.

Syahadan adalah kira-kira sebelas hari di dalam negeri Medinah maka baliklah Raja Ahmad itu ke *Mekkah al-musyarrafah*. Maka apabila sampai ke *Mekkah al-musyarrafah* maka Raja Ahmad pun membeli pula rumah dua buah yang sebuah diwakafkannya kepada Syekh Ismail. Kemudian akhir-akhirnya berpindah kepada Mufti Syafii dan yang sebuah diwakilkannya kepada Syekh Muhammad Salih. Kemudian akhir-akhirnya berpindah juga kepada Mufti Syafii akan nazirnya.

Setelah itu waktu haji pun sampailah. Maka Raja Ahmad pun hajilah dan umrahlah dan wukufflah di Arafah bersama-sama segala haji yang datang daripada sekeliling dunia daripada orang Islam. Dan tawafilah dan sa'ilah, kemudian daripada melontar jumrat di Mina, maka masuklah ke dalam Mekkah dan tahlillah serta memakai serban. Kemudian daripada itu maka Raja Ahmad pun membeli pula satu hausy tempat tanah membuat rumah wakaf di Mina. Maka diwakilkannya kepada Syekh Ahmad Musyafi diperbuatnyalah rumah wakaf di situ.

Syahadan apabila selesai daripada segala pekerjaan itu maka Raja Ahmad pun baliklah turun ke Jawi. Maka menghantarlah segala masyaikh di dalam negeri Mekkah itu hingga sampai ke Jeddah. Maka lalulah naik berik Turki nama nakhodanya Saiyid Muhammad Ali. Maka menyewa pula sebelah kurung juga. Maka berlayarlah ke negeri Jawi. Kata sahibul hikayat Raja Ahmad inilah mula-mula anak Raja Riau dan Lingga yang pergi haji. Tiada seorang dahulu daripadanya seolah-olah ialah yang mula-mula membuka pintu Raja-raja Riau pergi haji adanya.

46. PEPERANGAN DI KEPULAUAN KARIMUN

ALKISAH tersebut perkataan negeri Riau. Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda sepeninggalan saudaranya pergi haji ke *Mekkah al-musyarrifah*, maka ia pun musyawarahlah dengan Resyiden Riau, iaitu Tuan Ilaut serta Engku Saiyid pada pekerjaan Yang Dipertuan Selat melalui perbatasan yang sudah diperbataskan oleh Inggeris dan Belanda. Maka Yang Dipertuan Selat itu tiada juga hiraukan perbatasan itu hingga disuruhnyalah orang-orang, iaitu Saiyid Akil membuka timah di Pulau Karimun itu. Demikian lagi Serah, Rampai, Pintak-Pintak, Duyung, Galah pada tempat yang hampir-hampir dengan Karimun itu seperti Ungar dan Buru dan Kundur. Maka telah beberapa kali Yang Dipertuan Muda Riau memberi nasihat melarangkan daripada melalui perbatasan itu. Maka tiada juga diperdulikannya hingga Saiyid Akil membuat juga rumah-rumah di Pulau Karimun serta mengumpulkan Cina-Cina dan orang-orang Melayu menggali timah di Pulau Karimun itu. Maka inilah jadi pokok perkelahian dan berperang di antara kedua pihak adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka bermusyawarahlah Yang Dipertuan Muda dengan Resyiden Ilaut serta orang besar-besarnya. Maka keputusan musyawarah itu menyuruh Engku Saiyid pergi mendirikan bendera di Pulau Karimun itu. Maka pergilah Engku Saiyid dan Raja Abdul Rahman putera Yang Dipertuan Muda dan Punggawa dan lain-lainnya. Maka apabila sampai ke Karimun maka Engku Saiyid pun mendirikan bendera hitam bertengkuk putih. Itu pun telah habis timu-timu Engku Saiyid dengan memberi surat kepada Yang Dipertuan Selat dan memberi nasihat kepada wakilnya, iaitu Saiyid Akil.

Kemudian Engku Saiyid pun baliklah ke Riau. Adalah yang ditinggalkan menunggu bendera itu, iaitu satu orang Bugis bernama Wak Puas serta orangnya dua tiga belas orang. Maka adalah sepeninggalan Engku Saiyid

itu maka Wak Puas itu pun dihalau oleh Saiyid Akil dan bendera itu pun ditebangnya. Maka Wak Puas pun baliklah ke Riau memaklumkan kepada Yang Dipertuan Muda. Maka murkalah Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau maka berangkatlah Yang Dipertuan Muda dengan kelengkapan perang. Maka Saiyid Akil sudahlah ia bersiap berbuat kubu dan mengatur penjabnya. Adalah yang beserta dengan dia Raja Andut dan Tengku Yahya. Maka apabila Yang Dipertuan Muda sampai ke Karimun lalulah berperang. Maka dibantu oleh Resyiden Ilaut dengan sebuah sekunar perang dan katar perang. Maka berperanglah legum-legum di dalam beberapa hari tiada juga beralahan, maka Yang Dipertuan Muda pun bermusyawarahlah dengan Resyiden Riau hendak memintas dari sebelah darat dinaikannya serdadu-serdadu dan orang-orang Riau. Dan putera Yang Dipertuan Riau Raja Abdul Rahman berperang di laut. Maka apabila selesai muafakatnya itu, berangkatlah Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau serta anak raja-raja dan orang besar-besar memintas jalan darat di belakang kubunya. Maka hari pun hujan seketika itu, maka Yang Dipertuan Muda serta Resyiden serta serdadu-serdadu itu pun tibalah ke tepi kubunya, maka lalu dibedilnya serta masuk ke dalam kubu itu lalu beramuk. Maka orang-orang kubu itu pun banyaklah matinya, dan lari bertaburan. Maka alahlah kubu itu dapat oleh Yang Dipertuan Riau. Maka tinggal satu kubunya lagi.

Syahadan Pettah Maduk Raja Bugis pun datanglah ke Karimun akan membantu Yang Dipertuan Muda. Maka mintalah ia melanggar kubu yang tinggal lagi itu. Maka apabila malam hari, maka ia pun larilah ke Singapura serta segala perahu-perahunya. Adapun Tengku Yahya sudah memang ia balik ke Singapura, katanya hendak mencari ubat peluru, demikianlah dalihnya. Syahadan adapun yang pergi bersama-sama Yang Dipertuan Muda perang Karimun itu pertama Raja Abdul Rahman, kedua Raja Kasim, ketiga Raja Husin, keempat Raja Yusuf, maka keempat ini puteranya dan Raja Husin dan Saiyid Mustafa menantunya. Adapun anak-anak Engku Saiyid pertama Saiyid Husin menantu Yang Dipertuan Muda juga, kedua Saiyid Hasyim. Adapun ipar-ipar Yang Dipertuan Muda itu, iaitu Raja Ismail dan Raja Jaafar. Adapun anak raja Melayunya, iaitu Tengku Mahmud saudara Tengku Yahya yang sebelah Yang Dipertuan Selat itu, dan Tengku Mahmud sebelah Yang Dipertuan Muda Riau, dan orang besar-besarnya dan orang baik-baik ada semuanya pergi perang itu. Syahadan maka selesailah

pekerjaan perang Karimun, maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik ke Riau dan ditinggalkannya di hulu di Karimun puteranya Raja Abdul Rahman dan Raja Kasim menunggu Karimun itu.

Alkisah maka tersebut perkataan Raja Ahmad saudara Yang Dipertuan Muda yang berlayar dari *Mekkah al-musyarrifah* itu. Maka di dalam tiada berapa antaranya maka sampailah ia ke Pulau Pinang. Maka turunlah Encik L-m-b-k anak Imam Selangor menghadap Raja Ahmad itu berkhabarlah katanya, 'Paduka kekanda Yang Dipertuan Muda tengah berperang dengan Yang Dipertuan Selat.' Setelah Raja Ahmad mendengar khabar itu maka ia pun terkejut. Maka katanya kepada kawannya, 'Baiklah segera mana-mana kapal yang akan lekas ke Singapura.' Maka Haji Abdul Jamil serta Saiyid Abdullah pun segeralah berkayuh kepada kapal-kapal yang di perlabuhan Pulau Pinang itu.

Maka di dalam hal itu suruhan daripada Yang Dipertuan Muda pun datanglah mendapatkan Raja Ahmad serta ada membawa wang tiga ribu ringgit berkirin kepada Raja Ahmad. Maka suruhan itu pun berkhabar katanya, 'Paduka kekanda Yang Dipertuan Muda tengah berperang dengan Yang Dipertuan Selat. Dan paduka kekanda Raja Idris sudah mangkat.'

Setelah Raja Ahmad mendengar paduka kekanda Raja Idris sudah hilang itu, maka Raja Ahmad pun menangislah dengan tangis yang amat sangat. Seketika lagi Saiyid Abdullah pun datang mengatakan sudah ada kapal hendak ke Riau lagi dua hari. Jawab Raja Ahmad, 'Baiklah kita pindah ke kapal sahaja, tiada usahlah naik ke darat lagi.'

Syahadan ada dua hari kemudian daripada itu maka berlayar Raja Ahmad itu. Maka di dalam tiada berapa antaranya maka tibalah Raja Ahmad itu ke Singapura, padahal kapal tempat Raja Ahmad itu lalu di laut Pulau Karimun pada hari Arbaa. Maka pada hari itulah Karimun itu alah. Kemudiannya kapal Raja Ahmad itu pun tibalah ke Singapura lalu berlabuh. Maka dapatlah khabar ke darat mengatakan Raja Ahmad sudah turun dari haji. Maka turunlah Saiyid Yasin menantu Engku Saiyid maka berjumpalah ia dengan Raja Ahmad lalulah bersalam-salaman. Kemudian datang pula Encik Sulaiman disuruh oleh Yang Dipertuan Selat menyilakan Raja Ahmad itu kerana hendak berjumpa. Maka terdiamlah sejeurus Raja Ahmad berfikir. Kemudian jawabnya, 'Saya ada uzur, tiadalah dapat menghadap pada masa ini. Nantilah pada hari yang lain pula. Maka ini biarlah Saiyid Abdullah dan anak saya Ali ganti saya.'

Setelah itu Saiyid Abdullah dan Raja Ali pun naiklah ke darat. Maka bertanyalah Yang Dipertuan Selat kepada Saiyid Abdullah katanya, 'Mana ayah Mat tidak naik?' Maka jawab Saiyid Abdullah, 'Paduka ayahanda itu gering di hulu.' Setelah Yang Dipertuan Selat mendengar hal itu maka berlinang-linanglah air matanya. Kemudian diperjamunyalah Saiyid Abdullah dan Raja Ali itu. Setelah itu Raja Ali serta Saiyid Abdullah itu pun bermohon lalu turun ke kapal.

Maka kapal itu pun lalu berlayar ke Riau. Maka apabila masuk ke Selat Lobam maka berjumpalah dengan Raja Husin putera Yang Dipertuan Muda balik dari perang Karimun. Maka naiklah Raja Husin itu ke kapal berjumpa paduka ayahandanya serta sembahnya, 'Paduka kekanda Yang Dipertuan Muda sudah balik lalu singgah di Ungaran.' Setelah berkhobar-khabar itu maka Raja Husin pun bermohon turun ke perahunya bersama-samalah berlayar menuju Penyengat.

Maka apabila pagi-pagi hari berlabuhlah kapal itu di laut Penyengat maka turunlah Raja Ali putera Yang Dipertuan Muda menyambut paduka ayahanda baginda itu serta menyilakan naik ke darat. Maka Raja Ahmad serta anakda-anakda pun naiklah lalu masuk ke dalam kota Engku Puteri. Maka sangatlah sukanya Engku Puteri kerana kedatangan paduka adinda baginda itu serta datanglah anakda-anakda sekalian. Kemudian orang besar-besar berjumpa kepada Raja Ahmad itu.

Setelah itu ada kira-kira dua hari, maka Yang Dipertuan Muda pun tibalah ke Pulau Penyengat. Maka Raja Ahmad pun segeralah turun berjumpa Yang Dipertuan Muda. Maka apabila berjumpa maka Yang Dipertuan Muda pun sangatlah sukanya kerana kedatangan paduka adinda itu. Maka lalu berangkat ke istananya. Kemudian maka Raja Ahmad pun mempersembahkan beberapa banyak hadiah kepada paduka kekanda Yang Dipertuan Muda itu, dua orang budak hitam, seorang bangsa Nubi dan seorang bangsa Habsyi, dan satu hamparan Istanbul, dan dua bentuk cincin yang besar permatanya, satu zamrud yang hijau dan satu yakud merah, dan satu terakul Istanbul yang bertatahkan emas, dan dua tiga kayu kain buatan baju daripada bembesar dan k-r-n-a-w-y-s dan gramsut dan lainnya daripada jenis tabrak *Mekkah al-musyarrifah* daripada air zamzam dan miswak hingga daging unta yang kering pun dipersembahkannya juga. Kemudian segala sanak-sanak saudaranya serta orang besar-besar pun dan orang tua-tua yang di dalam Pulau Penyengat semuanya diberinya hadiah mana ala

kadarnya. Maka sukaiah segala mereka itu sebab dapat berkat *Mekkah al-musyarrifah*.

Syahadan tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun menikahkan anak paduka adinda Raja Ahmad yang bernama Raja Ali itu dengan puteranya yang bernama Raja Halimah. Syahadan di dalam hal itu datanglah Tengku Besar ke Riau kerana melawati paduka nenda baginda itu baharu balik dari berperang serta ada satu yang dimusyawarahkan dengan Resyiden Riau. Maka berbicaralah Yang Dipertuan Muda dan Tengku Besar serta Resyiden Riau pada pekerjaan yang telah diperbuat dan yang lagi akan diperbuat. Setelah itu maka Tengku Besar pun berangkatlah ke Pulau Karimun. Kemudian maka berbalik pula ke Riau lalu beristerikan putera Yang Dipertuan Muda yang bernama Raja Fatimah.

Syahadan daripada itu tiada berapa antaranya maka bermusyawarahlah pula Yang Dipertuan Muda serta Tengku Besar itu serta Resyiden Riau hendak memperbuat perjanjian baharu seolah-olah menjadi cawang perjanjian lama konon. Pada hal Engku Saiyid Zainul Kudsi itu ada bersalah-salahan maphum dengan Resyiden Riau daripada pekerjaan yang telah diperbuat oleh Engku Saiyid di dalam Pulau Karimun jadi pada masa musyawarah hendak berbuat perjanjian baharu itu, Engku Saiyid sudah balik ke Lingga. Syahadan apabila selesailah Yang Dipertuan Muda serta Tengku Besar musyawarah dengan Resyiden itu, maka berbuatlah perjanjian baharu. Adalah banyak fasalnya kira-kira dua puluh fasal dan terperbuat perjanjian itu pada sebelas haribulan Jumadul Awal pada tahun sanat 1246 telah selesai daripada berbuat perjanjian baharu itu. Maka Tengku Besar itupun berangkatlah balik ke negeri Lingga, maka tetaplah ia di dalam negeri Lingga itu.

Syahadan kata sahibul hikayat kemudian daripada itu maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruhlah paduka anakda Raja Ali serta menantunya Tengku Irang membawa surat ke Betawi kepada Gebernur Jenderal yang bernama Pandan Bus, iaitu perkara Raja Jaafar ipar Yang Dipertuan Muda ditangkap oleh Inggeris di Singapura sebab fitnah perkara perompak. Kemudian lepaslah Raja Jaafar.

Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka Resyiden Riau pun bergantilah yang bernama Tuan Ilaut dengan Resyiden bernama Tuan Deckerut. Maka Resyiden Ilaut pun baliklah ke Betawi. Maka adapun per selisihan antara Resyiden Ilaut dengan Engku Saiyid Muhammad Zainul

Kudsi itu berdamailah semula, cucilah dengan berkirim-kiriman surat dari-pada pihak sebelah-menyebelah seperti adat orang bersahabat-sahabatan pulang sediakala, demikianlah halnya.

Sebermula tiada berapa antaranya maka Saiyid Abdullah menantu Raja Ahmad pun wafatlah. Dan kemudian daripada itu maka Engku Saiyid pun wafatlah pula, iaitu pada Hijrat sanat 1245 pada dua puluh Muharram jam pukul delapan, di Lingga tamat.

47. KEMANGKATAN DUA ORANG YAMTUAN MUDA

SYAHADAN kata sahibul hikayat adalah baginda Sultan Abdul Rahman serta paduka anakda Tengku Besar musyawarahlah dua berputera pada pekerjaan hendak minta putera paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda yang bernama Raja Abdullah itu hendak didudukkannya dengan puteranya yang bernama Raja Aisyah. Maka apabila selesai dimuafakatkan itu lalu memberi surat kepada paduka ayahanda baginda itu. Setelah Yang Dipertuan Muda mendengar surat itu maka musykillah ia sedikit sebab ia telah musyawarah dengan Dahing Meracak To Pammaa hendak menyuruhkan puteranya Raja Abdullah itu beristeri ke Bugis dengan putera datu di Bugis kerana ia pun suka juga. Maka sudahlah berkirim-kirim tanda orang bertunang. Maka di dalam hal itu datanglah kehendak baginda itu, tidak diikut takut jadi berkecilan hati pula dan lagi di Bugis sungguh saudara, akan tetapi tempatnya berjauh-jauhan. Adapun kehendak baginda itu Resyiden Riau pun suka pula, jadi terhentilah pula pekerjaan bicara ke Bugis itu.

Syahadan setelah tetaplah fikiran akan mengikut maksud paduka anakda baginda itu, iaitu Sultan Abdul Rahman, maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Lingga, padahal Yang Dipertuan Muda itu di dalam gering tangannya bengkok serta sakit lain-lain sedikit. Syahadan apabila sampailah Yang Dipertuan Muda itu ke Lingga bermusyawarahlah ia dengan paduka anakda baginda pada pekerjaan memulai pekerjaan nikah kahwin itu.

Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Muda pun bertambah-tambah geringnya. Kemudian maka lalulah menyuruh memberitahu ke Riau kepada paduka kekanda. Engku Puteri serta isterinya Engku Lebar dan paduka adinda Raja Haji Ahmad. Maka berangkatlah sekaliannya ke Lingga, maka duduklah mereka itu memeliharakan paduka Yang Dipertuan Muda itu. Maka di dalam tiada berapa hari maka Yang Dipertuan Muda pun afiatlah sedikit. Maka Engku Puteri pun baliklah ke Riau bersama-sama Raja Ah-

mad. Syahadan maka di dalam hal itu maka Yang Dipertuan Besar pun memulailah pekerjaan nikah kahwin betapa adat istiadat raja yang besar-besarnya bekerja demikianlah halnya adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam tengah-tengah bekerja itu maka Yang Dipertuan Muda pun berbalik gering pula. Maka kesusahanlah atas baginda Sultan Abdul Rahman serta isterinya dan anakda-anakda sekalian hendak diperhentikan pekerjaan itu, tiada diberi oleh Yang Dipertuan Muda. 'Biarlah bekerja juga, jikalau sampai ajalku biarlah sekadang aku pinta biarlah aku menikahkan Abdullah dengan Aisyah itu.' Setelah itu berkumpullah anak raja-raja ke istana tempat Yang Dipertuan Muda itu gering hendak nikah Raja Abdullah itu. Setelah berkumpul maka Sultan Abdul Rahman pun mewakilkan puteranya Raja Aisyah itu kepada paduka ayahanda Raja Jaafar. Maka Yang Dipertuan Muda pun meakadkan paduka anakda itu Raja Abdullah dengan paduka cunda Raja Aisyah. Setelah itu maka berpulanganlah segala orang-orang itu.

Syahadan kata sahibul hikayat maka apabila selesai Yang Dipertuan Muda meakadkan paduka anakda baginda itu maka geringnya pun makin sangatlah hampirlah akan nazanya. Maka berhimpunlah segala putera-puteranya serta baginda Sultan Abdul Rahman Syah dan Tengku Besar. Maka di dalam hal itu Raja Haji Ahmad pun datanglah dari Riau. Maka Raja Ahmad pun naiklah berjumpa kekanda baginda Yang Dipertuan Muda, maka apabila berjumpa bertangis-tangisanlah. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun memanggil segala putera-puteranya dan orang besar-besarnya, maka hadir segala mereka itu. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun bersalamanlah kepada segala mereka itu. Maka baginda Sultan Abdul Rahman pun bersama Tengku Besar menangislah dengan tangis yang amat sangat. Setelah itu maka Yang Dipertuan Muda Jaafar pun nazalah, maka luluh mangkat. Maka gemparlah di dalam istana itu akan bunyi ratap tangis segala raja-raja laki-laki perempuan. Maka Tengku Besar pun memerintahkan segala orang besar-besarnya mengerjakan jenazah paduka nenda itu dan bergondollah segala orang permulaan pada hari itu. Syahadan adalah mangkatnya pada tiga belas haribulan Rajab pada hari Ahad sanat 1247.

Kemudian maka baginda Sultan Abdul Rahman dan Tengku besar serta Raja Ahmad serta anak raja-raja sekalian pergilah menanam jenazah marhum itu betapa adat istiadat raja-raja yang besar mangkat. Syahadan maka kemudian daripada itu maka Sultan Abdul Rahman pun menyatukan Raja

Abdullah itu dengan Raja Aisyah betapa adat raja-raja besar, demikianlah halnya. Syahadan adapun Raja Ahmad setelah selesai paduka anakda Raja Abdullah itu bersatu, maka ia pun berangkatlah balik ke Riau bersama Raja Lebar isteri marhum itu serta putera-putera marhum itu. Maka tetaplah segala anak raja-raja itu di Riau Pulau Penyengat.

Sebermula adapun baginda Sultan Abdul Rahman Syah sepeninggalan paduka ayahanda Raja Ahmad itu balik ke Riau, maka musyawarahlah ia dengan paduka anakda Tengku Besar hendak menggantikan paduka ayahanda Marhum Jaafar itu dengan puteranya yang bernama Raja Abdul Rahman. Setelah itu Tengku Besar pun ke Riaulah bermusyawarah dengan Resyiden Riau, serta anak raja-raja Pulau Penyengat. Maka berbetulanlah muafakatnya itu akan Raja Abdul Rahman jugalah akan ganti al-Marhum Raja Jaafar itu.

Syahadan kata sahibul hikayat sepeninggalan Tengku Besar itu berangkat ke Riau, maka baginda Sultan Abdul Rahman pun geringlah. Maka apabila sampai dua tiga hari mangkin bertambah-tambah sangatnya, maka menyuruhlah bonda Tengku Besar itu memberitahu paduka anakda ke Riau. Maka segeralah suruhan itu pergi, maka sebelum suruhan itu balik maka baginda Sultan Abdul Rahman pun mangkatlah. Maka gemparlah pula di dalam Lingga dengan ratap tangis segala isi negeri apa lagi segala raja-raja laki-laki perempuan dan segala orang besar-besarnya. Setelah itu dikerjakan oleh oranglah akan jenazah baginda marhum itu. Maka dimasukkan ke dalam keranda maka belum ditanam lagi menantikan Tengku Besar datang dari Riau.

Syahadan adapun suruhan dari Lingga memberitahu Tengku Besar akan paduka ayahandanya gering itupun tibalah. Maka lalu dipermaklumkannya kepada Tengku Besar. Setelah Tengku Besar mendengar khabar itu bersegeralah ia balik ke Lingga. Maka di dalam hal itu suruhan dari Lingga pun datanglah pula mengatakan telah mangkat. Setelah Tengku Besar mendengar paduka ayahanda sudah wafat maka Tengku Besar pun menangislah dengan tangis yang amat sangat. Maka apabila sampai ia ke Lingga maka berjumpalah dengan bonda baginda itu bertangis-tangisan dengan segala isi istana.

Sebermula adalah yang beriring-iring dengan Tengku Besar balik ke Lingga itu, iaitu Habib Syekh serta Raja Ahmad. Maka apabila tiba ke Lingga maka Tengku Besar pun hendak menyegerakan paduka ayahanda-

danya al-marhum hendak ditanam. Maka Raja Haji Ahmad serta Habib Syekh serta raja-raja dan orang besar-besar mintalah kepada Tengku Besar menggantikan nama paduka ayahanda baginda marhum itu ketika hendak mengangkat jenazah itu di balai. Maka menerimalah Tengku Besar akan permintaan mereka itu. Maka dilahirkanlah pada ketika itu akan Tengku Besar ganti paduka ayahanda bagindanya bergelar Sultan Muhammad Syah. Setelah itu maka baharulah diangkut orang jenazah marhum itu ditanam di Bukit Cengkik, betapa adat istiadat raja yang besar mangkat pada menamnya, demikianlah adanya. Syahadan adalah mangkatnya baginda Sultan Abdul Rahman marhum itu, iaitu pada tahun 1248 pada enam belas hari-bulan Rabiul Awal malam Isnin, waktu subuh tamat.

Sebermula selesailah daripada pekerjaan yang tersebut itu, maka baginda Sultan Muhammad Syah pun menyilakan Raja Abdul Rahman itu akan dilantik di dalam negeri Lingga menjadi Yang Dipertuan Muda Riau menggantikan paduka ayahandanya Marhum Jaafar. Setelah itu maka Raja Abdul Rahman pun datanglah ke Lingga dengan segala sanak saudaranya. Maka apabila tiba ia ke Lingga lalu dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Riau sebagaimana adat istiadat menggelar dan melantik Raja Muda yang dahulu-dahulu. Syahadan adalah dilantik Raja Abdul Rahman itu pada Hijrat sanat 1249.

48. LANUN-LANUN

SEBERMULA apabila selesai Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman berlantik itu, maka musyawarahlah baginda pada pekerjaan hendak melanggar Inuk, iaitu satu tempat dekat dengan Retih. Maka adalah Sungai Inuk itu di bawah perintah kerajaan Riau-Lingga jua, akan tetapi ia menderhaka melawan baginda Sultan Muhammad Syah. Adalah kepalanya, iaitu raja bangsa lanun, namanya Raja Merkung dan Raja Merasan. Sebermula adalah sebabnya itu Raja Merkung dan Raja Merasan itu ialah raja perompak yang besarnya sekali, bukannya seperti perompak Galang dan Sekanak dan lain-lainnya akan tetapi terlebih besar dan terlebih kuat daripada perompak rakyat, kerana perompak rakyat yang merompak pada masa kerajaan Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu, iaitu jarang dengan perahu-perahu yang besar-besar, melainkan perahu kecil-kecil jua. Dan ada juga kepada pihak Pulau Buaya satu tempat bernama Bakung sudah hendak besar rompaknya.

Maka apabila Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar al-Marhum tahu, maka disuruhnya puteranya yang bernama Raja Abdul Rahman yang jadi Yang Dipertuan Muda pada ketika sudah mangkat Marhum Jaafar, dan putera yang bernama Raja Abdul Rahman inilah yang disuruhnya pergi melanggar Bakung itu. Maka lalulah diperangnya tempat yang bernama Bakung itu. Maka Bakung itu pun alah, maka dibinasakanlah oleh Raja Abdul Rahman segala panglima-panglima yang di dalam Bakung itu dan dibakarnya Bakung itu, lalulah rosak hingga sampai masa membuat sejarah dan siarah ini. Syahadan adapun perompak Raja Merkung dan Raja Merasan itu bukannya macam panglima-panglima rakyat yang tersebut itu, tetapi adalah ia terlebih besar dan terlebih kuat daripada perompak panglima-panglima rakyat itu, kerana ia orang bangsa lain daripada rakyat Johor, lagipun ia raja lanun sungguh, sebab itulah maka ia berani melawan baginda Sultan Muhammad Syah.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah permulaan jadi perang dilanggar Inuk itu maka iaitu raja Merkung merompaklah dengan kelengkapan besar yang bermeriam. Maka kelilinglah segenap teluk rantau takluk kerajaan Riau-Lingga hingga beberapa banyak orang dagang dibinasakannya, hingga seolah-olah keruhlah lautan Riau dan Lingga dirosakannya. Dan berjumpa pula ia dengan perahu orang membawa dagangan, ada tiga buah nama nak-hodanya Encik Ali peranakan Selangor, iaitu berjumpa di Selat Dasi. Maka perangnya perahu itu maka dapatlah segala perahu itu olehnya dan orang-orangnya lepas. Kemudian berjumpa pula ia dengan perahu Ahmad maka lalu diperangnya, iaitu di Selat Dasi juga. Maka Ahmad itu larilah lintang-pukang masuk ke dalam Lingga tiada dapat. Kemudian berjumpa pula dengan perahu Encik Bakak di Selat Pintu, maka diperangnya pula. Maka Encik Bakak itu pun melawan bersungguh-sungguh akan tetapi dimanakan tahan, kerana ia membawa alat peperangan Encik Bakak itu orang pedagang. Seketika berperang itu maka Bakak pun matilah. Maka dirampasnyalah perahu itu. Adapun Encik Bakak itu dikeratnya pelirnya disuapkannya kepada mulutnya. Syahadan adapun kawan Encik Bakak itu lepas scorang terjun lari balik membawa khabar. Kemudian pergi pula ia ke sebelah Riau seperti Ungar dan Buru dan Moroh dan Sugi. Maka dikeluarkan oleh rakyat-rakyat di situ dengan perahu yang kecil-kecil. Maka tiadalah boleh tahan rakyat-rakyat di situ sebab ia alat peperangan besar-besar, undur mereka itu lari. Maka disorakkannyalah serta katanya, 'Keluurlah tuan engkau, iaitu Yang Dipertuan Muda itu sendiri atau adiknya Raja Ali bersama Belanda, nanti aku kerat juga kepalanya.'

Syahadan maka kebanyakan rakyat-rakyat takut dan malu kepadanya. Hatta dengan demikian itu maka sampailah khabar-khabar itu kepada Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman serta baginda Sultan Muhammad Syah. Maka murkalah keduanya lalu memberi surat dari Lingga kepada Resyiden Riau. Kemudian bersiaplah baginda serta Yang Dipertuan Muda akan beberapa kelengkapan ada kira-kira tiga puluh buah penjabab Riau-Lingga dan keruis Belanda. Maka berkumpullah ke dalam Lingga segala angkatan itu. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun menyuruhlah melanggar Inuk itu. Adalah kepala perangnya, iaitu ayahanda saudaranya Raja Jaafar putera Yang Dipertuan Raja Ali Marhum Pulau Bayan. Maka pergilah segala angkatan itu.

Sebermula adapun Raja Merkung dan Raja Merasan apabila didengarnya

Yang Dipertuan Muda hendak melanggar dia itu maka ia pun bersiaplah akan kubu-kubunya mengatur meriam lela rentaka dan mengatur perahu-perahunya. Maka apabila sampai angkatan Riau-Lingga itu, lalulah berperang legum-legam bunyinya sebelah-menyebelah serta dengan sorak tempiknya tiada berapa antaranya. Maka hampirlah tewas Raja Merkung itu. Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Indera Giri pun datanglah hendak membantu angkatan Riau-Lingga itu. Syahadan adapun Raja Merkung itu adalah berbaik-baik memang dengan Yang Dipertuan Muda Indera Giri itu maka jatuhlah pada sangka hatinya Raja Indera Giri itu hendak mencari kebajikan dia juga. Maka Raja Muda Indera Giri pun selalulah memberi nasihat akan dia, maka turunlah ia ke perahu Raja Muda Indera Giri itu dan orang Riau-Lingga ada juga di situ tengah bermusyawarah. Maka apabila Raja Merkung itu naik ke perahu Raja Muda Indera Giri itu maka lalulah ditangkap oleh orang Riau-Lingga akan Raja Merkung dan Raja Merasan dan Raja Saaban dan Panglima Tengkok dan Panglima Kaman. Maka tertangkaplah sekaliannya itu di pasung. Maka alahlah Inuk itu sebab kepala-kepalanya sudah tertangkap itu. Lalu dibawa oleh Raja Jaafar dan Raja Merkung serta kawannya itu ke Lingga.

Syahadan apabila sampai ke Kuala Lingga maka keluarlah Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman melihat angkatan yang datang itu. Maka apabila terlihat ia akan Panglima Tengkok itu maka Yang Dipertuan Muda pun sangatlah murkanya sebab kerana Panglima Tengkok itu asalnya juak Yang Dipertuan Muda itu. Kemudian lari lalu mengikut raja lanun itu, menderhaka pula melawan Yang Dipertuan Muda. Maka daripada sangat murkanya itu lalu disuruhnya bunuh sebentar itu juga. Maka matilah Panglima Tengkok itu. Adapun Raja Merkung dan Raja Merasan dan Raja Saaban dan Panglima Kaman dibawa masuk ke hulu. Maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda serta baginda serta orang besar sekalian. Maka keputusan musyawarahnya Raja Merkung dihukum dibunuh bersama-sama Panglima Kaman. Adapun Raja Merasan dan Raja Saaban dibuang ke Betawi seumur hidupnya.

Maka apabila sudah selesai musyawarah itu, maka Yang Dipertuan Muda pun menitahkan segala orang-orang negeri berkumpul di Kampung Cina, kerana hendak melahirkan hukuman Raja Merkung itu. Maka berkumpullah sekalian orang-orang negeri di Kampung Cina itu dan Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah dengan satu sampan serta anak raja-raja mengi-

ringkan dia. Maka apabila sampai pada tempat memancing itu maka disuruhlah oleh Yang Dipertuan Muda pancung kepalanya Raja Merkung itu. Maka adalah orang yang hendak mengerat itu kurang tahunya, lagi tengah-tengah berkira-kira. Maka Raja Merkung pun berkata kepada orang yang hendak mengeratnya itu katanya, 'Kaparkan sedikit supaya sama sekali putus.' Maka orang yang mengerat itu pun mengikutlah ajarannya itu. Maka lalu diparangnya kena pada tengkuknya tiada putus. Maka Raja Merkung pun rebah terlanting. Maka lalu diparangnya sekali lagi kenalah pada dadanya pula. Maka Raja Merkung pun matilah. Maka titah Yang Dipertuan Muda suruh tendas kepalanya ceraikan daripada badannya. Maka ditendas oranglah kepala Raja Merkung itu, maka dibawa orang kepada sampan Yang Dipertuan Muda. Maka dibelek-beleklah oleh Yang Dipertuan Muda serta anak raja-raja yang bersama-sama dengan dia itu. Kemudian Panglima Kaman pula dikerat kepalanya, maka Panglima Kaman pun matilah. Kemudian disuruh sulakan, kemudian ditanam. Maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik. Adapun Raja Merasan dengan Raja Saaban diserahkan kepada Resyiden Riau dibuang ke Betawi. Maka habislah kisah perang Inuk.

Kemudian daripada itu Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik ke Riau muafakat pula dengan Resyiden pada hendak membuang dan menghapuskan perompak yang kecil-kecil pula. Kemudian daripada itu maka banyaklah panglima-panglima yang tertangkap, ada yang dibunuh dan ada yang dihantar ke Betawi. Demikianlah halnya adanya.

49. MASALAH LANUN YANG BERTERUSAN

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Muhammad Syah hendak berangkat ke Pahang hendak singgah ziarah ke Johor kepada segala perkuburan Raja-raja Melayu yang di dalam Johor. Kemudian lalu ke Pahang. Maka di dalam Trengganu jatuh pergaduhan antara raja-raja sama raja-raja. Bermula asal pergaduhan itu maka apabila mangkatlah Sultan Ahmad Trengganu maka menggantikan kerajaan saudaranya. Kemudian mangkat pula saudaranya, menggantikan pula anaknya yang bernama Tengku Daud, maka mangkat pula Tengku Daud itu. Syahadan adalah pada masa itu yang tinggal saudara Marhum Sultan Ahmad itu bernama Tengku Mansur dan ada pula anaknya bernama Tengku Umar. Maka di dalam hal itu Tengku Mansur hendak menjadi Raja kerana banyak orang mematutkan dia, kerana ia pangkat tua. Di dalam hal itu Tengku Umar pun hendak juga menjadi Raja kerana ada juga setengah-setengah orang mematutkan ia menjadi Raja kerana ia putera Marhum Ahmad. Maka di dalam hal itu kesusahanlah segala orang besar dan orang tua-tua di dalam Trengganu. Maka muafakatalah mereka itu berbicara supaya aman negeri. Maka dijadikannya Tengku Mansur itu Yang Dipertuan Tua dan dijadikannya Tengku Umar itu Yang Dipertuan Besar. Maka memerintahlah kedua raja itu di dalam negeri yang satu. Maka inilah jadi pokok pergaduhan dan perkelahian.

Syahadan ada pada satu masa maka berbantahlah antara kedua pihak orang-orang Yang Dipertuan Tua itu dengan orang-orang Yang Dipertuan Besar itu. Maka bersebelahanlah antara kedua pihak itu. Maka lalulah berperang Yang Dipertuan Tua dengan Yang Dipertuan Besar itu berbedil-bedilan meriam dan senapang dan bertikam bermati-matianlah pada malam hari, maka tiada sempat hari siang. Maka Yang Dipertuan Besar pun alahlah, lalu lari ke Besut, dari Besut lalu ke Kemaman. Maka tetaplai di Ke-

maman itu serta mengerjakan rompak, iaitu merompak orang-orang yang berniaga yang mencari kehidupan di dalam takluk daerah Trengganu itu. Maka huru-haralah di laut-laut Trengganu itu serta banyaklah hamba Allah yang terbunuh dengan zalim dan di dalam Trengganu itu pun bersiaplah juga dengan berbuat kubu adanya.

Sebermula adapun baginda Sultan Muhammad Syah di dalam Lingga maka berangkat baginda itu ke Pahang ada kira-kira empat puluh tujuh buah penjajab. Maka apabila sampai ke Pahang maka Datuk Bendahara pun menyambutlah akan baginda itu serta dipermuliakannya betapa adat raja besar. Maka tetaplah baginda itu di dalam Pahang. Kemudian datanglah Yang Dipertuan Besar Trengganu yang alah itu menghadap baginda Sultan Muhammad Syah. Maka musyawarahlah baginda dengan Bendahara dan anak raja-raja yang bersama-sama baginda itu, iaitu hendak mendamaikan Yang Dipertuan Tua dengan Yang Dipertuan Besar itu. Maka apabila selesai muafakat itu maka baginda pun menyuruh Saiyid Abdullah menjadi utusan ke Trengganu. Maka apabila sampai ke Trengganu maka dipermuliakanlah oleh Yang Dipertuan Trengganu dengan disambut diarak betapa adat istiadat menerima surat utusan raja yang besar-besar. Maka dibaca oronglah surat itu di balai. Maka apabila selesai daripada membaca surat itu maka Yang Dipertuan Tua pun bertanggunglah kepada utusan itu lagi hendak musyawarah dengan segala menteri-menterinya pada membalas surat itu. Maka ada kira-kira delapan belas hari maka baharulah dibalasnya surat itu. Maka baliklah utusan itu kepada baginda Sultan Muhammad. Maka apabila sampai surat itu kepada baginda Sultan Muhammad dibacalah. Maka mathumlah baginda akan surat Yang Dipertuan Raja Mansur itu, tiada menerima Yang Dipertuan Besar Tengku Umar itu masuk ke Trengganu serta tersebut di dalam suratnya itu jikalau lain daripada Tengku Umar itu jika baginda Sultan Muhammad suka, jikalau budak hitam sekali-pun umpamanya relalah ia, yang Tengku Umar sekali-kali tiada ia rela.

Syahadan apabila baginda Sultan Muhammad mendengar surat Yang Dipertuan Trengganu itu maka tahulah baginda itu akan Yang Dipertuan Trengganu tiada mau sekali-sekali diperdamaikan dengan anak saudaranya. Maka baginda Sultan Muhammad pun diamlah. Syahadan tiada berapa antaranya maka berangkatlah balik baginda itu bersama Datuk Bendahara ke Lingga.

Maka apabila tiba ke Lingga maka musyawarahlah baginda itu dengan

paduka ayahanda Datuk Bendahara hendak mekhatankan serta merajakan paduka anakda baginda itu Tengku Mahmud. Maka apabila sudah putus muafakatnya itu maka menyuruhlah baginda itu menyilakan paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman ke Riau. Maka datanglah Yang Dipertuan Muda ke Lingga. Maka baginda Sultan Muhammad pun memulailah pekerjaan betapa adat raja-raja bekerja. Maka tiada berapa lamanya di dalam pekerjaan itu, maka dikhatanlah Tengku Mahmud itu. Di dalam tiada berapa antaranya maka baharulah baginda Sultan Muhammad Syah serta Datuk Bendahara mentabalkan paduka anakda baginda Tengku Mahmud itu betapa adat istiadat bertabalkan raja-raja yang besar-besar. Syahadan apabila selesai daripada mentabalkan Tengku Mahmud itu bergelar Sultan Mahmud Muzaffir Syah maka Yang Dipertuan Muda pun bermohonlah balik ke Riau dan Datuk Bendahara berlayarlah balik ke Pahang. Bermula adapun baginda Sultan Muhammad Syah itu tetaplah ia di dalam negeri Lingga memerintahkan kerajaan paduka seri anakda Sultan Mahmud Muzaffir Syah kerana paduka anakda itu lagi hukum budak jua adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka adalah pada Hijrat *al-nabi Sallallahu 'alaihi wasallam* sanat 1251, maka musyawarahlah baginda Sultan Muhammad serta paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda hendak mengutus ke Betawi pada pekerjaan rompak supaya dihapuskan. Maka putus musyawarah itu iaitu Haji Ibrahim anak Syahbandar Abdullah dititahkan pergi itu. Maka berlayarlah Haji Ibrahim itu. Maka tiada berapa antaranya sampailah ia ke Betawi. Maka naiklah ke darat sebagaimana jalan adat utusan dan berjumpalah dengan Gebernur Jenderal Baud dan orang besar-besarnya. Maka disampaikannyalah apa-apa yang dititahkan oleh baginda serta Yang Dipertuan Muda tiada dipanjangkan kalam kerana hendak mengambil simpannya jua. Kemudian maka balikkah utusan itu bersama-sama komesaris bernama Mayur Kolef. Kemudian datanglah pula ganti Resyiden lama, iaitu Resyiden Riau namanya Koldeman akan mengaturkan satu aturan yang akan menghapuskan perompak-perompak serta yang memberi faedah yang berkekalan kepada baginda Sultan Muhammad serta Yang Dipertuan Muda dan kepada segala kepala-kepala rakyat, iaitu pihak kerajaan Lingga dan Riau adanya.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman sepeinggalan utusan Haji Ibrahim itu berlayar ke Betawi, maka Yang Diper-

tuan Muda pun menyuruh paduka adindanya Raja Ali Kelana akan memeriksa laut-laut itu daripada perompak-perompak dan orang jahat-jahat serta menghapuskan pekerjaan rompak itu juga segenap rantau jajahan Lingga dan Riau. Maka berlayarlah Raja Ali Kelana itu mengelilingi segala jajahan itu pada segala tempat rakyat-rakyat yang baik-baik itu diperbuatnya aturan yang baik serta khidmat dan mana-mana tempat yang jahat-jahat itu dihukumnya dengan hukuman orang jahat seperti ditangkanya, dihantarkan ke Riau dan diambil pula segala kekuatan ia berbuat jahat itu, iaitu diambil segala meriamnya yang besar-besar dan perahunya yang besar-besar, demikianlah halnya hingga sampai ke Lingga.

Syahadan apabila sampai ke negeri Lingga maka menghadaplah ia kepada baginda Sultan Muhammad Syah memaklumkan hal pekerjaannya yang disuruh oleh paduka kekanda Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman itu. Maka menerimalah baginda itu akan pekerjaannya. Kemudian daripada itu maka Raja Ali Kelana itu pun beristerilah akan pangkat anak saudara pupunya bernama Raja Cik. Adalah pekerjaan beristeri itu dengan kesukaan baginda Sultan Muhammad. Maka tetaplah pula ia di Lingga.

Alkisah maka tersebut perkataan utusan Haji Ibrahim yang berlayar dari Betawi balik ke Riau bersama-sama komesaris Mayur Kolef. Maka apabila tiba ke Riau maka berjumpalah Mayur Kolef serta Resyiden Riau dengan Yang Dipertuan Muda Riau. Kemudian tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah ke Lingga bersama-sama Mayur Kolef dan Resyiden Riau yang lamanya dan yang baharunya akan menghadap Sultan Muhammad Syah. Maka apabila sampai ke Lingga maka Yang Dipertuan Muda serta baginda Sultan Muhammad pun musyawarahlah dengan komesaris Mayur Kolef serta Resyiden pada pekerjaan menghapuskan perompak dengan pertolongan gebermen Belanda atas kepala rakyat-rakyat, dengan diaturnya tertibnya seperti yang tersebut di dalam perjanjian antara baginda Sultan Muhammad serta Yang Dipertuan Muda dengan gebermen Belanda pada perjanjian aturan laut-laut, iaitu satu perjanjian yang lain daripada perjanjian lama.

Syahadan apabila selesai daripada berbuat perjanjian itu maka Mayur Kolef dan Resyiden Riau yang lama pun baliklah ke Betawi. Adapun Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau yang baharu itu pun baliklah ke Riau melakukan pekerjaan yang telah diperbuat di Lingga itu. Adapun pekerjaan menghapuskan perompak-perompak sebelum berbuat perjanjian itu sudah

juga diperbuat daripada masa Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar hingga masa Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman. Dan beberapa banyak panglima-panglima yang terbuang dan tertangkap dan terbunuh seperti yang tersebut di dalam segala daftar-daftar keputusan hukuman orang jahat kepada Yang Dipertuan Muda dan kepada Resyiden-resyiden Riau dan masa Yang Dipertuan Raja Muda Abdul Rahman ini beberapa banyak dihantar-kan balik ke Jawa. Mana-mana orang-orang Jawa yang dapat-dapat oleh lanun dibawanya ke Retih itu disuruhnya akan saudaranya Raja Jumaat pergi mengambalnya dengan keras ke negeri Retih, dapatlah semuanya segala orang-orang Jawa itu.

Syahadan kata sahibul hikayat maka di dalam hal itu maka banyakkah juga perompak-perompak sebelah pihak Inggeris, iaitu seperti segala jajahan Melaka dan lainnya. Maka Gebernur Singapura pun marahlah kerana banyak pengaduan orang dagang-dagang kepadanya. Maka ia pun pergilah sendiri memayar perompak-perompak itu serta dipergikannya mana-mana tempat yang masyhur keluar perompak. Maka Gebernur Singapura yang bernama Tuan Bonam pun berlayar ke pihak Riau, lalu ia ke Galang, maka diperangilah tempat-tempat itu. Maka bertaburanlah orang rakyat-rakyat yang di situ. Ada juga yang melawan hingga luka-luka orang-orang Inggeris.

Maka di dalam hal itu maka sampailah khabar itu kepada Resyiden Riau. Maka kesusahanlah Resyiden Riau bersama-sama Yang Dipertuan Muda, maka musyawarahlah keduanya lalu menyuruh akan Haji Ibrahim membawa surat. Maka apabila tiba Haji Ibrahim ke kapal Inggeris itu maka lalu berjumpa dengan Gebernur Tuan Bonam itu, maka bercakap-cakap sebentar. Kemudian disuruhnya Haji Ibrahim itu balik dengan tiada membawa surat balasan itu. Maka Haji Ibrahim pun tiadalah hendak ia balik jikalau tiada membawa surat balasan itu. Maka Gebernur Tuan Bonam pun tersenyum sambil berkata sambil menepuk-nepuk belakang Haji Ibrahim itu seraya katanya, 'Begitulah adat utusan yang benar,' maka lalu diberinya surat balasan itu. Maka Haji Ibrahim pun balik. Maka kapal perang itu pun tiadalah jadi berlayar ke pihak Lingga. Maka berlayarlah ke Singapura sambil memayar-mayar segala perahu-perahu Melayu yang berlayar batang mengkuang, di mana-mana berjumpa dibinasakannyalah dibedilnya dengan meriam.

Syahadan adapun Haji Ibrahim itu apabila ia balik dipermaklumkan-

nyalah segala hal ehwal pemergian dia itu. Kemudian daripada itu maka dititahkan pula oleh Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau pergi ke Lingga memaklumkan hal ehwal pekerjaan Inggeris, kerana pada masa itu perompak-perompak lanun pun ada juga mengacau-ngacau di laut-laut itu, dan perahu-perahu dari dalam Lingga pun keluarlah memayar semuanya itu pun menambahi juga kepada Yang Dipertuan Muda. Sementelahnya mendengarkan paduka anakda baginda Sultan Muhammad Syah hendak ke Riau membawa paduka bonda bagindanya itu mangkin bertambah-tambah kawatirnya. Maka bersegeralah Haji Ibrahim berlayar ke Lingga. Maka berjumpalah ia dengan payar-payar yang dari Lingga itu, maka apabila mereka itu mendengar Haji Ibrahim itu maka baliklah ia sekaliannya ke dalam Lingga itu.

Maka Haji Ibrahim tibalah ke Lingga maka dipermaklukkannya lah mana-mana yang disuruh oleh Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau. Maka baginda Sultan Muhammad pun kesusahanlah memikirkannya. Kemudian Haji Ibrahim pun baliklah ke Riau. Adapun Sultan Muhammad apabila sudah Haji Ibrahim itu balik ke Riau, maka baginda pun bersiaplah hendak ke Riau membawa paduka bonda baginda. Maka apabila sudah siap maka berangkatlah baginda Sultan Muhammad Syah itu membawa paduka bonda baginda serta paduka anakda baginda Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud Muzaffir Syah dan Raja Ali Kelana mengiring juga. Maka berlayarlah segala angkatan itu ke Riau kira-kira dua puluh buah penjajab, maka apabila sampai ke Selat Sambur lalu berhenti di situ menaikkan perempuan-perempuan mandi. Maka mendapatlah khabar di situ mengatakan ada satu kapal perang Inggeris merayau segenap-gecap laut membedil segala perahu-perahu Melayu. Maka Raja Ali Kelana pun meizinkan saudaranya Raja Haji Ali pergi dahulu mendapatkan Yang Dipertuan Muda. Maka di dalam hal itu Datuk Syahbandar pun menyembahkan kepada baginda Sultan Muhammad hal ehwal perbuatan Inggeris itu. Maka baginda pun musykil-lah, lalu titahnya, 'Bagaimanalah perbuatan Inggeris itu? Padahal kita tengah melakukan pekerjaan hendak menghapuskan perompak-perompak. Maka datang pula diperbuat begini.'

Bermula adapun Raja Haji Ali yang berlayar dari Selat Sambur ke Riau itu. Maka apabila tiba ke Pulau Pangkil maka berjumpalah dengan Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau. Maka bercakap-cakaplah Raja Ali itu dengan Yang Dipertuan Muda. Seketika lagi maka Resyiden Riau pun naik

ke atas beranda dengan teropong satu memandang ke sebelah Pulau Lobam sambil berteriak, 'Haji Ibrahim! Haji Ibrahim! Silakan Yamtuan naik di sini lihat ke mana pergi haluan kapal perang itu. Ke mari atau ke Selat?' Maka Haji Ibrahim pun meneroponglah seraya katanya, 'Saya pandang tuan, ke Selat haluannya.' Maka Resyiden pun baliklah ke perahunya lalulah berlayar balik ke Tanjung Pinang dan Yang Dipertuan Muda ke Penyengat, sambil mendengar bunyi bedil kapal perang legum-legam.

Syahadan adapun baginda Sultan Muhammad Syah maka berlayarlah ia dari Selat Sambur, maka lalu masuk Riau berlabuh di Pulau Penyengat. Maka naiklah paduka bonda baginda itu ke dalam Kota Engku Puteri. Maka bersuka-sukaan betapa adat raja-raja yang baharu bertemu dengan sanak saudaranya demikianlah adanya.

Bermula adapun baginda Sultan Muhammad Syah dan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman musyawarahlah dengan Resyiden Riau pada pekerjaan Inggeris itu dan menghapuskan perompak-perompak itu. Maka di dalam hal itu maka kapal perang Inggeris pun datanglah ke Lingga berjumpa Raja Abdullah wakil di dalam negeri Lingga. Maka bertanyakan kernil kapal itu akan baginda Sultan Muhammad Syah. Maka jawab Raja Abdullah, 'Baginda itu ada di Riau musyawarah dengan Resyiden Riau perkara perompak-perompak jua.' Kemudian ada satu pelekat yang tergantung di situ pada pekerjaan perompak jua, maka lalu dibacanya. Setelah itu maka ia pun berlayarlah ke Singapura. Maka Raja Abdullah pun menyuruh ke Riau membawa surat kepada baginda Sultan Muhammad Syah memaklumkan kedatangan kapal itu ke dalam Lingga.

Syahadan apabila sudah dibaca baginda akan surat paduka adinda Raja Abdullah itu, maka baginda itu pun musyawarahlah dengan paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau akan mengutus ke Betawi. Maka apabila putuslah musyawarahnya itu lalu menitahkan Haji Ibrahim serta Encik Syamsul Din berlayar ke Betawi. Maka berlayarlah keduanya itu menyewa sekunar orang putih. Adapun Sultan Muhammad Syah berangkatlah balik ke Lingga membawa paduka bonda baginda itu.

Syahadan adapun utusan itu sampailah ia ke Betawi, maka mengerjakanlah apa-apa yang dititahkan oleh baginda serta Yang Dipertuan Muda itu. Maka disuruh oleh Gebernur Jenderal Betawi utusan itu pergi mendapatkan Tuan Ilaut ke Solo Tiga bersama-sama Resyiden Dekerut kerana pekerjaan yang di sebelah Riau dan Lingga itu ialah yang terlebih me-

ngetahui pada masa itu. Maka pergilah utusan itu kepada Tuan Ilaut lalu dipermaklumkannyalah apa-apa pekerjaan yang dibawanya serta menyatakan perbuatan Inggeris itu. Maka jawab Tuan Ilaut, 'Adalah pekerjaan Inggeris itu salah, dan gebermen Holanda pun salah juga, akan tetapi Tuan Sultan yang terlebih salah dan janganlah dipanjangkan lagi perdakwaan atas perkara itu. Nanti Tuan Sultan keberatan akhirnya, melainkan baharukan sahajalah aturan-aturannya itu semula sahaja daripada menghapuskan perompak-perompak yang kebencian sekalian bangsa itu, melainkan ditambah wang-wang akan jadi penolong Tuan Sultan dan Raja Muda.'

Syahadan apabila selesai daripada musyawarah Tuan Ilaut itu, maka utusan itu pun balik ke Betawi. Kemudian balik ke Riau bersama-sama Mayur Kolef itu. Maka apabila sampai ke Riau musyawarahlah Mayur Kolef itu dengan Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau pada pekerjaan menghapuskan perompak-perompak itu. Maka apabila selesai musyawarah itu maka Yang Dipertuan Muda serta Mayur Kolef dan Resyiden Riau berangkatlah ke Lingga menghadap baginda Sultan Muhammad Syah bermusyawarah pula pada pekerjaan yang telah dimusyawahkan oleh Yang Dipertuan Muda. Maka dikabulkan oleh baginda pada segala aturan yang telah diperbuat oleh Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman serta Mayur Kolef itu. Maka selesailah pekerjaan perjanjian laut-laut itu dijalan-kanlah sebagaimana yang di dalam perjanjian itu. Maka apabila selesai maka Mayur Kolef serta Yang Dipertuan dan Resyiden Riau pun baliklah ke Riau. Maka apabila sampai ke Riau maka Mayur Kolef pun baliklah ke Betawi.

Syahadan kemudian daripada itu maka baginda Sultan Muhammad Syah pun berangkatlah ke Singapura lalu mengambil paduka anakda baginda Raja Maimunah putera paduka kekanda Tengku Besar Singapura, dibawanya ke Lingga. Maka lalu didudukkannya dengan puteranya Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud Muzaffir Syah dan selalu sekali digelarnya paduka anakda baginda yang perempuan itu Tengku Ampuan. Maka selesailah pekerjaannya adanya.

50. PEPERANGAN DENGAN INDERA GIRI

SYAHADAN kata sahibul hikayat maka apabila sampai pada Hijrat sanat 1254 pada bulan Jumadul Awal maka musyawarahlah Resyiden Riau dengan Yang Dipertuan Muda kehendak gebermen Holanda hendak duduk di Indera Giri. Maka berangkatlah Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau ke Lingga bermusyawarah pula dengan baginda Sultan Muhammad. Maka apabila selesai daripada musyawarah itu maka Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau pun berlayarlah ke Indera Giri. Maka apabila tiba maka diterimalah oleh Yang Dipertuan Indera Giri akan Holanda duduk di Indera Giri serta berbuat perjanjian Raja Melayu dengan gebermen Holanda yang tiada diambilnya dengan perang. Maka apabila selesai daripada berbuat perjanjian itu, maka Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau pun ke Riaulah dan Holanda pun mendirikan benderalah di dalam Indera Giri itu serta ditaruhnya Asisten Resyiden bukannya namanya. Kemudian tiada berapa antaranya maka ditinggalkannyalah Indera Giri itu, akan tetapi perjanjian tiada diputuskannya demikianlah adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Yang Dipertuan Trengganu, iaitu Raja Umar di dalam negeri Lingga. Maka tiada berapa lamanya ia duduk di Lingga, maka Sultan Mansur Trengganu pun mangkatlah. Kemudian digantikan orang-orang besarnya dengan anaknya yang dipanggil orang Yang Dipertuan Pelet. Maka apabila Yang Dipertuan Raja Umar mendengar hal itu maka Yang Dipertuan Raja Umar pun datanglah ke Trengganu berdua saudaranya Tengku Mahmud. Maka apabila sampai ke Trengganu maka lalulah diambilnya Trengganu itu, dan Yang Dipertuan Pelet itu pun larilah ke Kelantan. Maka tetaplah Yang Dipertuan Raja Umar itu menjadi Raja di dalam Trengganu demikianlah halnya adanya.

Syahadan kemudian daripada itu dengan takdir *Allah taala* maka bonda baginda Sultan Muhammad Syah pun mangkatlah. Maka dikuburkan oleh

baginda betapa adat istiadat raja-raja mangkat. Maka baginda Sultan Muhammad Syah pun tetaplah di dalam Lingga dengan kemasyghulan sebab mangkat paduka bondanya itu.

Sebermula adapun saudara Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman yang bernama Raja Abdullah yang beristerikan saudara Sultan Muhammad yang bernama Tengku Tengah itu, maka mendapatlah ia anak dengan Tengku Tengah itu empat orang laki-laki. Maka dengan takdir *Allah subhanahu wataala* maka Tengku Tengah itu pun mangkatlah. Maka dikuburkanlah betapa adat raja-raja mangkat. Kemudian daripada itu maka Raja Abdullah pun berbini pula akan anak Laksamana Lingga. Maka tiada juga baik hatinya. Maka ia pun baliklah ke Riau serta tetaplah ia di Riau *talabat al-'ilm* kepada saudaranya Raja Haji Ali. Maka apabila sampai setahun ia *talabat al-'ilm* maka ia pun pergilah ke *Mekkah al-musyarrafah*. Maka ada kira-kira setahun ianya duduk di dalam negeri *Mekkah al-musyarrafah talabat al-'ilm* maka ia pun baliklah ke Riau adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan baginda Sultan Muhammad Syah di dalam negeri Lingga. Maka dengan takdir *Allah subhanahu wataala* maka baginda itu pun gering penyakit pak ipa. Maka di dalam tiada berapa antara maka mangkatlah baginda itu, iaitu pada dua Jumadul Akhir sanat 1257. Maka riuhlah dengan ratap tangis isi negeri Lingga itu. Maka bermulalah bergondollah orang-orang negeri pada hari itu. Kemudian maka baginda Sultan Mahmud Muzaffir Syah pun mengerjakanlah akan jenazah paduka ayahanda baginda itu betapa adat istiadat raja-raja yang besar-besar mangkat, dimakamkan di Bukit Cengkik.

Syahadan di dalam tiada berapa hari, maka Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman pun datanglah dari Riau menghadap baginda Sultan Mahmud Syah. Maka apabila berjumpa bertangis-tangisanlah keduanya. Setelah itu maka Sultan Mahmud pun bertitah minta aturkan negeri-negeri sebagaimana yang patutnya. Maka diaturnaklah oleh Yang Dipertuan Muda sebagaimana aturan ayahandanya marhum. Setelah itu tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun balik ke Riau, maka lalu menyuruh seorang saudaranya, iaitu Raja Ali Kelana serta sepupunya Raja Haji Ali ke Lingga menjadi naibnya pada segala pekerjaannya. Maka tetaplah Raja Ali Kelana itu di Lingga.

Alkisah maka tersebut perkataan Dahing Kecil anak Temenggung Abdul Rahman yang diam di Teluk Belanga. Maka musyawarah Gebernur

Tuan Bonam dengan Datuk Bendahara Pahang pada pekerjaan mengangkat Dahing Kecil itu menjadi Temenggung. Maka apabila selesai musyawarahnya itu maka lalu diangkatnya Dahing Kecil itu menjadi Temenggung Seri Maharaja. Kemudian daripada itu maka Temenggung Seri Maharaja pun berlayarlah ke Lingga menghadap baginda Sultan Muhammad Muzaffir Syah serta berjumpa paduka adindanya Raja Cik. Maka apabila berjumpa dipermuliakanlah oleh Sultan Mahmud Muzaffir serta Raja Ali. Maka duduklah ia bersuka-sukaan makan minum berjamu-jamuan betapa adat istiadat raja-raja sama raja-raja berjumpa-jumpa. Maka di dalam tiada berapa antaranya maka Temenggung Seri Maharaja pun baliklah ke Singapura.

Syahadan adapun Sultan Mahmud apabila sudah balik Temenggung itu maka Sultan Mahmud pun hendak ke Singapura. Maka kuranglah benarnya pada ijthihad wakil Yang Dipertuan Muda, iaitu Raja Ali. Maka dipersembahkannya kepada Sultan Mahmud, 'Jangan berangkat ke Singapura itu bermain-main, selalu-selalu sangat ke negeri pihak perbatasan orang kuranglah manisnya pada raja-raja. Terlebih baik membaikkkan negeri kita sendiri serta meramaikan dia.' Maka tiadalah dihiraukan oleh Sultan Mahmud itu akan persembahan Raja Ali itu. Maka berangkatlah juga ia ke Singapura bersama-sama juak-juaknya yang muda-muda. Maka Raja Ali pun mempersembahkan suratlah kepada paduka kekanda Yang Dipertuan Muda di Riau serta memberi khabar kepada paduka anakda Temenggung Seri Maharaja di Singapura minta tolong lihat-lihat akan Sultan Mahmud itu di dalam Singapura.

Syahadan setelah Yang Dipertuan Muda mendengar surat paduka adinda itu, maka kesusahanlah ia dan Resyiden Riau pun musykil juga, sebab Sultan Mahmud itu tiada dapat lagi dilarang barang suatu perbuatannya yang kurang patut dan demikian lagi Temenggung Singapura pun selalu juga memberi nasihat ajaran yang baik serta menyilakan balik ke Lingga supaya tetap di dalam negeri kerajaan sendiri. Di dalam hal itu tiada juga Sultan Mahmud itu mengendahkan bermain-main juga ia di Singapura berjalan ke sana ke mari.

Syahadan maka di dalam hal itu maka datanglah suruhan Tuan Bonam Gebernur Singapura menyuruh Sultan Mahmud balik ke Lingga. Maka baharulah Sultan Mahmud itu balik. Maka apabila sampai ke Lingga duduklah ia betapa adatnya sehari-hari daripada permainannya. Kemudian

daripada itu maka berkehendak pula Sultan Mahmud itu pergi ke Singapura. Maka tiadalah Raja Ali membenarkan kerana banyak didapatnya khabar-khabar baginda itu. Jika ia ke Singapura mendapat pekerjaan yang kurang patut dan kurang indah kepada nama raja-raja. Lebih-lebih maklumlah Sultan Mahmud itu orang muda dan yang bersama-sama dengan dia pun budak-budak juga tiada tahu akan adat istiadat, yang mengurangkan nama kerajaan, sebab itulah kurang berkenan kepada Raja Ali itu akan Sultan Mahmud itu selalu-selalu pergi ke Singapura. Maka di dalam hal itu Sultan Mahmud hendak juga ke Singapura tiadalah dapat menahannya lagi. Maka Raja Ali pun menyuruhkan saudaranya Raja Haji Ali memaklumkan kepada Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau.

Maka apabila Yang Dipertuan serta Resyiden Riau mendengar khabar itu maka muafakatliah keduanya. Lalu Yang Dipertuan Muda berangkat ke Lingga menghadap Sultan Mahmud dan kepada bondanya Tengku Teh. Maka dimaklumkannya kepada Sultan Mahmud halnya hendak ke Singapura itu dengan tiada suatu pekerjaan. Maka kurangnya patut kepada raja-raja yang besar dan beberapa nasihat dan pengajaran daripada Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau. Maka berhentilah Sultan Mahmud itu hendak ke Singapura. Maka Yang Dipertuan Muda pun tetapliah di dalam Lingga memerintahkan negeri Lingga itu. Maka di dalam hal itu maka banyaklah bersalah-salahan faham Sultan Mahmud itu dengan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman serta Resyiden Riau pada fikiran dan kehendak. Lebih-lebih maklumlah fikiran orang muda dengan fikiran orang tua-tua yang biasa memegang kerajaan dengan orang muda yang belum biasa dan belum lama di dalam memegang pekerjaan kerajaan, maka tiada pula suka amat mendengar nasihat ajaran orang tua-tua serta mengikutkan hawa nafsunya dirinya serta juak-juaknya yang muda-muda. Maka inilah pokok bersalah-salahan faham adanya.

51. KEGIATAN-KEGIATAN SULTAN MAHMUD

SYAHADAN kata sahibul hikayat ada kira-kira tiga bulan Yang Dipertuan Muda itu di dalam negeri Lingga. Maka banyaklah perselisihan faham Sultan Mahmud itu dengan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman. Maka kesusahanlah Yang Dipertuan memikirkannya serta selalu jugalah memberi khabar kepada Resyiden Riau mencari muafakat hendak membaikkkan Sultan Mahmud itu supaya tetap di dalam kerajaan dan Resyiden Riau pun selalu juga memberi nasihat kepada baginda itu tetap di dalam kerajaan memerintah dengan adil. Maka di dalam hal itu Sultan Mahmud itu masih juga lagi di dalam bersalah-salahan faham dengan Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman itu. Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka datanglah fitnah-fitnah daripada mulut-mulut budak-budak juak-juak Sultan Mahmud itu mendatangi rumah tempat Yang Dipertuan Muda itu pada malam-malam hari dengan mengata-ngata dengan perkataan yang kurang patut atas nama Yang Dipertuan. Maka murkalah Yang Dipertuan Muda, maka lalu hendak disuruhnya lawan bertikam akan budak-budak juak-juak itu. Kemudian mendatangkanlah ikhtiar daripada saudaranya Raja Ali Haji, supaya jangan jadi perkelahian. Maka menerimalah Yang Dipertuan akan ikhtiar itu, maka tiadalah jadi berkelahi. Kemudian pada keesokan harinya maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik ke Riau seolah-olah merajuk kelakuannya itu.

Maka apabila sampai ke Riau ia maka tahulah Resyiden Riau akan hal ehwal Sultan Mahmud membuatkan Yang Dipertuan Muda dengan jalan yang tiada patut itu. Kemudian maka Yang Dipertuan Muda pun musyawarahlah dengan sanak-sanak saudaranya serta Resyiden Riau, maka dapatlah keputusannya itu mengajak Sultan Mahmud bersetia semula sebagaimana setia raja-raja yang dahulu-dahulu antara Bugis dengan Melayu. Kemudian daripada itu maka berangkatlah Yang Dipertuan serta sanak-

sanak saudaranya kira-kira ada tiga puluh buah perahu peperangan dan disertai pula oleh Resyiden Riau dengan sebuah sekunar perang, nama komedannya Tuan Ferdukh. Maka berlayarlah Yang Dipertuan serta komedian perang itu ke Lingga. Maka apabila sampai ke Lingga maka berlabuhlah segala kelengkapan Yang Dipertuan itu di Kuala Daik. Maka pada malam hari datanglah Sultan Mahmud ke kuala menyambut Yang Dipertuan itu seolah-olah menyesallah akan perbuatannya yang telah lalu itu. Maka mudiklah Yang Dipertuan Muda itu bersama-sama Sultan Mahmud.

Maka tetaplah Yang Dipertuan Muda itu di dalam Lingga memerintahkan kerajaan paduka cunda baginda itu Sultan Mahmud. Syahadan tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun mengajaklah Sultan Mahmud itu bersumpah setia antara Raja Bugis dengan Raja Melayu. Maka bersumpahlah keduanya betapa adat sumpah setia yang dahulu-dahulu. Kemudian baharulah memasang meriam tanda selamat damai sumpah setia. Kemudian daripada itu tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik ke Riau lalu membuat istana dan masjid serta menuntut ilmu kepada orang yang alim-alim, demikianlah halnya. Maka tiadalah hamba panjangkan kalamnya adanya.

Syahadan tiada berapa antaranya dengan demikian itu, maka datanglah Sultan Mahmud ke Riau. Maka lalu ia minta belikan kapal sebuah, harganya tiga puluh ribu rupiah perak. Maka dibelikan oleh Yang Dipertuan Muda. Maka di dalam tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda pun geringlah. Maka di dalam tiada beberapa hari maka mangkatlah Yang Dipertuan Muda itu, iaitu pada dua haribulan Jumadul Akhir sanat 1260. Maka gemparlah di dalam Riau Pulau Penyengat dengan ratap tangis segala anak raja-raja dan segala isi negeri. Maka dikuburkanlah oleh Sultan Mahmud serta saudaranya betapa adat istiadat raja besar-besar mangkat. Syahadan ada kira-kira sebulan antaranya maka Engku Puteri pun mangkatlah pula, iaitu pada 28 haribulan Rajab pada malam Isnin tahun itu juga.

Syahadan adapun Sultan Mahmud itu apabila sudah mangkatlah Yang Dipertuan Muda itu maka datanglah pintanya wakil gebermen, iaitu Resyiden Riau siapa-siapa akan gantinya al-marhum itu. Maka Sultan Mahmud pun bertanggulah hendak berfikir serta hendak musyawarah dengan segala anak raja-raja yang di Pulau Penyengat. Maka tiadalah dapat berbetulan ijtihad Sultan Mahmud itu dengan fikiran segala anak raja-raja dan orang besar-besar yang di Pulau Penyengat itu. Maka di dalam itu maka

Resyiden Riau pun selalu juga minta tentukan siapa-siapa akan gantinya. Kemudian daripada itu maka Sultan Mahmud pun memberi wakil tiga orang menantikan ketentuan yang akan jadi Yang Dipertuan Muda. Pertama saudara Yang Dipertuan al-Marhum yang bernama Raja Ali, kedua saudaranya yang bernama Raja Haji Abdullah, ketiga anak marhum yang bernama Raja Idris. Maka apabila selesai ia meletakkan wakil itu, maka Sultan Mahmud pun berlayarlah ke Singapura.

Adapun Resyiden Riau apabila ia melihatkan perbuatan Sultan Mahmud itu maka kuranglah ia berkenan sebab tiada tentu ia hendak memaklumkan kepada Gebernur Jenderal Betawi. Maka bertanyalah Resyiden Riau kepada segala anak raja-raja di Pulau Penyengat, 'Adakah perbuatan Sultan Mahmud itu sudahkah diperbuat masa purbakala?' Maka jawab segala anak raja-raja itu, 'Belumlah pernah diperbuat yang demikian itu.' Maka memberi isyaratlah Resyiden seolah-olah minta musyawarah kepada segala anak raja-raja itu, siapa-siapa yang patut dijadikan Raja Muda. Maka segala anak raja-raja itu banyak menolongkan fikiran dan ikhtiar Raja Muda itu kepada Raja Haji Abdullah, saudara Yang Dipertuan al-Marhum. Maka Raja Abdullah pun berkata kepada segala anak raja-raja itu, 'Ini Resyiden Riau minta fikiran kita semua adik-beradik ramai-ramai siapa-siapa patut menjadi Raja Muda. Adapun saya seorang luarlah sekali selagi ada abang saya Raja Ali, saudara saya yang tua, tiadalah saya mau melangkahakan.' Maka menjawab pula Raja Jumaat saudara Marhum Abdul Rahman jua, katanya, 'Saya seorang jika lain daripada adik saya Raja Ali tiadalah patut kepada saya.' Maka menjawablah saudara-saudaranya yang ramai-ramai itu sekalian katanya, 'Yang saya semua pun demikian jua. Jika lain daripada Raja Ali maka kuranglah sedapnya pada fikiran saya.' Kemudian berkata pula Raja Haji Ali katanya, 'Jikalau sungguh perkataan tuan-tuan semuanya dengan ikhlas yang demikian itu, hendaklah tuan-tuan taruh tandatangan masing-masing pada satu surat yang kita sudah muafakat ini.' Maka jawab anak raja-raja itu, 'Baiklah.' Maka Raja Haji Ali pun mengambil tempat dakwat dan kertas maka masing-masing anak raja-raja itu pun menaruh tandatangan pada kertas itu. Maka tetaplah pekerjaan itu, iaitu pada sembilan haribulan Jumadul Akhir, hari Rabu di dalam balai Marhum Raja Abdul Rahman sanan 1260.

Syahadan apabila selesai daripada kemuafakatan itu, maka menyuruhlah Engku Haji Abdullah itu akan Haji Ibrahim anak Datuk Syahbandar

Abdullah kepada Resyiden Riau membawa surat kemuafakatan itu. Maka apabila surat itu tiba kepada Resyiden Riau maka berkatalah ia dengan sukanya katanya, 'Haji Ibrahim, bersatulah maksud segala anak raja-raja itu dengan maksud kita serta gebermen. Seperkara lagi masa Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman sudah memang dijadikannya saudaranya Raja Ali itu seperti kedudukan Kelana pada pekerjaannya sepatutnya ialah menggantikan kerajaannya. Kenapa Tuan Sultan tidak suka ikut aturan dan jalan orang tua-tuanya al-marhum yang dahulu-dahulu?' Maka jawab Haji Ibrahim, 'Itu perkara saya tiada berani berkhabar, tuan pun lebih-lebih maklumlah.' Maka Haji Ibrahim pun baliklah membawa khabar Resyiden Riau itu kepada Engku Haji Abdullah serta anak raja-raja sekalian. Maka tetaplah dan teguhlah Raja Ali itu akan menjadi Yang Dipertuan Muda Riau, sebab pilihan segala anak raja serta dengan kesukaan gebermen Belanda adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adapun Sultan Mahmud bermain-main di Singapura itu maka berjumpalah ia dengan Temenggung Ibrahim. Maka Sultan Mahmud pun berkhabar-khabarlah akan ia membuat bakal Yang Dipertuan Muda tiga orang itu, kerana hendak berfikir. Maka jawab Temenggung Ibrahim, 'Adapun fikiran patik lain daripada ayah patik itu, Raja Ali menjadi ganti marhum yang hilang itu. Tentulah tiada siapa yang patut lagi.' Setelah Sultan Mahmud mendengar sembah Temenggung itu maka Sultan Mahmud pun diamlah. Maka lalu ia berangkat balik ke Lingga. Maka Temenggung pun pergilah bersama-sama menghantar Sultan Mahmud itu.

Maka apabila sampai ke Lingga tiada berapa lamanya, maka ia pun bermohonlah balik ke Singapura serta ia hendak singgah ke Riau berjumpa Raja Ali itu. Maka Sultan Mahmud pun membuat surat menjemput paduka nenda Raja Ali ke Lingga akan dipulangkan pesakanya menjadi Yang Dipertuan Muda Riau serta dipesankannya minta Raja Ali itu segera datang di dalam bulan ini. Maka berlayarlah Temenggung ke Riau. Maka lalu berjumpa dengan Raja Ali serta menunjukkan surat dari Sultan Mahmud itu. Maka jawab Raja Ali, 'Titah itu dijunjung, akan tetapi saya ini lagi hendak mengumpulkan sanak-sanak saudara saya mana-mana yang jauh-jauh kerana saya hendak dijadikan Tua.' Maka jawab Temenggung Ibrahim, 'Itu sebenar perkataan ayah itu.' Kemudian daripada itu Temenggung pun bermohonlah selalu ia balik ke Singapura.

Sebermula adapun Raja Ali maka mengumpullah ia akan segala sanak

saudaranya serta muafakat akan pergi ke Lingga itu. Maka apabila sudah bersatu muafakatnya maka Raja Ali pun berlayarlah ke Lingga. Maka selalulah ia menghadap Sultan Mahmud. Maka memperbuatlah surat setia. Kemudian Raja Ali pun dilantik oleh Sultan Mahmud dipulangkan pesakanya menjadi Yang Dipertuan Muda Riau betapa adat istiadat melantik Yang Dipertuan Muda yang dahulu jua, iaitu pada tujuh belas haribulan Rajab sanat 1261.

Syahadan apabila selesailah Yang Dipertuan Muda Raja Ali daripada pekerjaan, maka ia pun bermohonlah kepada paduka cunda Sultan Mahmud. Maka dibenarkan oleh baginda itu maka berlayarlah Yang Dipertuan Muda ke Riau. Maka apabila ke Riau maka disambutlah oleh Resyiden Riau dengan hormat dipasangkan meriam dan di Pulau Penyengat pun membedil juga serta segala Cina-Cina pun ke lautlah menyambut Yang Dipertuan Muda itu. Maka naiklah Yang Dipertuan Muda itu ke istananya berjamu segala sanak-sanak saudaranya sekalian adanya intiha.

52. ZAMAN GEMILANG YAMTUAN MUDA RAJA ALI

SYAHADAN adalah pada masa kerajaan Yang Dipertuan Muda Raja Ali itu mengadakan beberapa perkara yang indah-indah mendatangkan nama kerajaan yang elok dan ugama yang teguh. Maka adalah yang mengerjakan pekerjaannya itu, iaitu saudaranya Engku Haji Abdullah, dipanggil Engku Haji Muda. Dan adalah permulaannya pekerjaannya itu, iaitu mengaturkan makanan sanak-sanak saudaranya dengan hasil negeri Riau dan demikian lagi segala aturan memegang jabatan pekerjaan kerajaan daripada sanak saudaranya maka dimusyawarakannya ramai-ramai. Kemudian baharu diberinya pekerjaan mana-mana yang layak pada tanggungannya. Dan lagi ia sangat suka bermusyawarah beramai-ramai apabila datang sesuatu pekerjaan kerajaan. Dan pada masa kerajaannya mendirikan ugama Islam mendirikan Jumaat dan memerintahkan perempuan bertudung, dan menyempurnakan berbuat masjid yang tiada jadi diperbuat oleh Yang Dipertuan Muda Raja Abdul Rahman al-Marhum sebab mangkatnya. Kemudian membuatlah pula jambatan sekeratnya batu dan sekeratnya kayu supaya senang segala hamba Allah berjalan pada ketika air surut.

Dan pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama yang datang dengan kemuafakatan saudaranya Raja Haji Ali maka dikurniakan masarif disuruhnya segala pegawai-pegawai negeri menuntut ilmu perkara ugama dan mengaji kitab-kitab dan belajar memperbaiki bacaan Quran *al-azim*. Dan ia sendiri pun suka *talabat al-'ilm*. Maka diikhtiarkan oleh saudaranya, Raja Haji Ali beberapa orang ilmu-ilmu seperti Saiyid Abdullah Baharain dan lainnya duduk mengajar di dalam Pulau Penyengat setahun, apabila ia balik diberinyalah empat lima ratus ringgit. Dan diberinya pula membuang daripada memakai emas dan sutera.

Syahadan Lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah membuang dan melarang segala orang yang jahat seperti berjudi dan menyabung. Dan jika

ada orang jahat-jahat merompak-rompak dihukumnya terkadang dibuangkannya ke Betawi. Terkadang dibunuhnya dikeratnya kepala dan berapa kali yang demikian itu supaya yang lainnya mengambil insaf dan gerun. Dan banyak lagi perbuatannya yang mewangikan kerajaan tiada disebutkan di sini kerana hendak mengambil simpannya jua.

Syahadan adalah sebab jadi yang demikian itu sebab ia suka duduk dengan orang yang berilmu dan suka mendengar nasihat ajaran mereka itu. Dan lagi Yang Dipertuan Muda inilah yang mendapat wang dari gebermen yang bukannya hutang kira-kira empat puluh ribu rupiah dengan sebab bicara baik serta kelakuan yang patut bersama-sama Resyiden Riau. Dan mendapat pula daripada Gebernur Jenderal Betawi satu peti perkakas perak yang mahal harganya daripada tempat minum teh dan lainnya. Dan lagi Yang Dipertuan inilah mendapat dari Raja Perus satu jam yang berbunyi sendirinya, serta ada dengan permainannya seekor burung emas yang berbunyi dengan pesawat seperti bunyi burung jua. Dan satu kerun yang indah-indah perbuatannya. Dan lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah dapat hadiah daripada satu anak Raja Belanda yang bernama Hertokh, iaitu satu pistol yang bertatahkan perak. Dan Yang Dipertuan inilah dapat tambahan hasil dari gebermen.

Syahadan kemudian daripada itu di dalam tiada berapa lamanya maka Sultan Mahmud pun hendak mendudukkan putera Yang Dipertuan Muda bernama Raja Muhammad Yusuf dengan puteranya yang bernama Tengku Ambung. Maka nikahlah Raja Muhammad Yusuf itu dengan Tengku Ambung betapa adat istiadat raja yang besar-besar nikah kahwin. Kemudian apabila selesailah pekerjaan nikah kahwin itu maka Yang Dipertuan Muda pun baliklah ke Riau. Maka tetaplah ia di dalam negeri Riau mendirikan ugama menyuruh orang-orang sembahyang, sehingga tiap-tiap subuh beberapa orang-orang yang menjagakan orang yang sembahyang subuh, demikianlah halnya adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Pulau Karimun pada masa itu hampir mati tiada suatu keluar hasil-hasilnya. Adalah orang-orang rakyat-rakyat yang tinggal di Pulau Karimun itu adalah kira-kira empat lima kelamin, lagi yang lain-lain itu habislah berpecah-belah ke sana ke mari membawa dirinya, tiadalah tahan kerana dianiayai oleh anak raja-raja yang di laut-laut itu, dan orang-orang jahat pun selalulah datang ke situ merampas. Maka dipermaklumkan oranglah kepada Yang Dipertuan Muda

Raja Ali hal ehwal laut-laut itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun bermusyawarahlah dengan saudaranya Engku Haji Muda Raja Abdullah serta Raja Haji Ali serta orang besar-besarnya. Kemudian telah putus musyawarahnya maka Yang Dipertuan Muda menyerahkan Pulau Karimun itu kepada Raja Abdullah, dan Pulau Kundur itu jadi ketetapan selama-lamanya kepada Raja Haji Ali berdua saudara dengan Raja Abdullah pada meamarahkan dan meramaikannya dan hasilnya dibahagi lima seperti yang tersebut di dalam surat kuasanya itu. Melainkan Pulau Kundur tiada masuk di dalam bahagian yang lima itu.

Syahadan maka Raja Abdullah pun pergilah ke Karimun lalulah dikumpulkanlah segala orang-orang Karimun yang berpecah-pecah itu, manamana yang berhutang dibayarkannya disuruh balik semula ke Karimun demikianlah halnya. Di dalam berapa bulan mengeluarkan belanja mengumpulkan orang-orang itu. Maka berkumpullah segala mereka itu sedikit-sedikit serta diperintahkan mereka itu dengan jalan yang patut, lamalama ramailah Karimun itu. Dan Cina-Cina pun datanglah minta hendak mengambil kayu-kayu dan papan-papan serta membayar hasil-hasil, mangkin ramailah Pulau Karimun itu. Syahadan kemudian daripada itu datang pula seorang Belanda anak Resyiden yang bernama Pendan Birikh, minta hendak mencebak timah di Pulau Karimun itu. Maka muafakatlah pula Yang Dipertuan Muda dengan Raja Haji Ali serta orang-orang besar-besarnya. Maka apabila putus muafakatnya maka lalulah berbuat surat perjanjian dengan Pendan Birikh itu. Maka Pendan Birikh itu pun pergilah ke Karimun berbuat pondok ia diam di situ, iaitu pada tempat yang bernama Munas. Maka di dalam tiada berapa lamanya maka ramailah pula tempat itu, hingga beribu-ribulah orang-orang di situ demikianlah halnya. Maka tiada hamba panjangkan kalam kerana hendak mengambil simpannya jua adanya.

53. BELANDA MENGGULINGKAN SULTAN MAHMUD

ALKISAH maka tersebut perkataan Sultan Mahmud di dalam negeri Lingga. Maka dapatlah ia satu fikiran hendak berangkat ke Trengganu membawa bondanya. Maka apabila sampai waktunya berlayarlah ia ke Trengganu. Maka apabila tiba ke Trengganu dipermuliakanlah oleh Yang Dipertuan Trengganu akan paduka anakda Yang Dipertuan Besar Sultan Mahmud itu. Maka tetaplah ia di dalam Trengganu bersuka-sukaan sebagaimana adat raja-raja sama raja-raja baharu berjumpa-jumpa dengan sanak saudaranya. Maka di dalam tiada berapa lamanya berangkatlah ia balik ke Lingga. Maka tetaplah ia di Lingga. Kemudian berangkat pula ke Singapura bermain-main. Maka lalu masuk *i'tikad* kemuafakatan orang-orang Nasrani yang bernama Fermisun, dan bersahabatlah ia dengan satu orang Farsi yang bernama Kersaji, bukannya Farsi yang Islam.

Kemudian daripada itu ianya balik ke Lingga berbuat istana seperti rumah orang putih, indah-indah juga perbuatannya serta dengan besarnya. Maka belumlah pernah raja-raja yang di dalam Lingga dan Riau membuat istana yang demikian itu serta cukup dengan alat perkakas yang indah-indah dan halus-halus serta ditaruhnya beberapa makanan orang putih dan minum-minuman di dalam istana itu, serta beberapa gambar pada dinding-dinding istana itu. Dan apabila orang-orang putih atau Resyiden Riau datang maka istana itulah diterimanya serta diperjamunya makan minum demikianlah halnya. Dan beberapa pula anjing-anjing yang besar-besar ditaruhnya di situ dengan peliharanya seperti adat orang putih jua adanya.

Alkisah maka tersebut perkataan Raja Ali Yang Dipertuan Muda di dalam Riau. Maka dengan takdir *Allah taala* maka Yang Dipertuan Muda itu pun geringlah. Maka datanglah doktor Holanda mengubatkan Yang Dipertuan Muda itu, tiada juga sembuh. Kemudian mangkin sehari mangkin

berat. Maka kesusahanlah segala sanak-sanak saudaranya serta raja-raja yang di dalam Pulau Penyengat.

Syahadan apabila sampai tiga haribulan Zulkaedah malam Ahad maka hampirlah wafatnya. Maka berhimpunlah segala sanak saudaranya menghadapi Yang Dipertuan Muda itu dan hampirlah kepadanya Engku Haji Muda serta Engku Haji Ali dan lain-lainnya. Maka bersalamanlah Yang Dipertuan Muda rata-rata. Kemudian daripada itu Yang Dipertuan Raja Ali pun mangkatlah. Maka menderulah ratap tangis anak isterinya serta segala isi negeri. Maka meriam pun dipasang oranglah. Maka Engku Haji Muda pun menyuruh memberitahu kepada Resyiden Riau ke Tanjung Pinang. Maka apabila sampai khabar itu kepada Resyiden Riau maka di kota Tanjung Pinang pun turunlah bendera setengah tiang dan meriam pun berbunyi jarang-jarang. Maka sangatlah gemparlah di Pulau Penyengat hari itu. Maka berhimpunlah segala isi negeri, kerana hendak menguburkan marhum itu. Maka seketika lagi Resyiden Riau serta orang besar-besarnya pun datanglah dengan pakaian kebesarannya.

Bermula adalah mangkat Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Marhum itu, iaitu pada tiga haribulan Zulkaedah malam Ahad, jam pukul sebelas sanat 1273. Syahadan maka dibawa oranglah jenazah al-marhum itu ke kubur serta menghantarlah dengan segala isi negeri Pulau Penyengat itu serta segala orang besar-besarnya Holanda sekaliannya. Maka apabila sampai ke kubur maka lalulah ditanam. Maka apabila selesai Resyiden Riau pun baliklah ke Tanjung Pinang serta musyawarahlah akan mencari gantinya yang patut. Maka Resyiden Riau punya fikiran tiada lain akan gantinya yang patut melainkan Engku Haji Muda jua, kerana ia sudah biasa di dalam pekerjaan kerajaan dan lagi orang berilmu. Akan tetapi lagi menantikan fikiran Tuan Sultan Mahmud sahaja lagi.

Syahadan Engku Haji Muda pun muafakatlh dengan segala sanak saudaranya yang di Pulau Penyengat itu serta mana-mana orang tua-tua yang patut. Kemudian maka lalulah ia menyuruh ke Lingga membawa surat kepada Sultan Mahmud. Syahadan adapun Sultan Mahmud apabila ia mendengar surat yang dari Riau itu maka ia pun berangkatlah ke Riau. Maka apabila tiba ia ke Riau maka turunlah Engku Haji Muda serta Engku Haji Ali menghadap serta menyilakan naik ke darat. Maka naiklah ia ke istana di Kampung Bulang. Maka di dalam hal itu selalulah segala anak raja-raja yang di Pulau Penyengat itu menghadap serta menantikan titah siapa-siapa yang

akan ganti marhum itu. Maka belum juga ada titahnya ketentuan seorang-orang. Maka di dalam hal itu dukacitalah segala anak raja-raja itu sebab kerana belum tentu yang akan dibuat kepala adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah cita-cita dan maksud Sultan Mahmud yang hendak diperbuatnya ganti Marhum Raja Ali itu, iaitu Raja Muhammad Yusuf putera marhum itu yang jadi menantunya. Dan Raja Muhammad Yusuf itu tiada rela ia menggantikan paduka ayahandanya selagi ada ayah saudaranya Engku Haji Abdullah itu, sehingga relalah ia bercerai dengan isterinya dan dimurkai oleh Sultan Mahmud itu asalkan jangan ia bercerai dengan ayahandanya Engku Haji Muda itu. Menjadi degnan sebab itu kepayahanlah sedikit atas Sultan Mahmud itu hendak mengikutkan seperti kehendak hatinya. Maka terhentilah daripada menentukan akan ganti Yang Dipertuan Muda itu dan Resyiden Riau pun selalu juga minta tentu siapa-siapa yang akan ganti Marhum Raja Ali itu.

Maka Sultan Mahmud pun tiada juga mau menentukan itu kerana segala anak raja-raja serta orang tua-tua di dalam Pulau Penyengat sudah putus azamnya, tiadalah lain yang patut melainkan Engku Haji Mudalah yang gantinya kerana beberapa sebab. Pertama Engku Haji Muda itu sudah biasa memang di dalam pekerjaan kerajaan. Kedua ia ada mempunyai ilmu pada pekerjaan hukum *al-syari'at* dan adat istiadat. Ketiga jika ada ia lagi hadir tiada seorang daripada anak raja-raja pangkat tua dan pangkat muda mau menjadi Yang Dipertuan Muda sehingga yang disukai oleh Sultan Mahmud tiada mau juga. Keempat wakil gebermen membetuli akan ijihad orang-orang negeri Riau serta memegang di dalam kontrak pada fasal yang ketujuh. Maka dengan sebab empat perkara inilah Resyiden mematutkan Engku Haji Muda Raja Abdullah itu juga akan ganti saudaranya Marhum Raja Ali itu serta minta segerakan tentukan daripada Sultan Mahmud supaya jangan pekerjaan negeri banyak tersangkut. Maka di dalam hal itu Sultan Mahmud tiada mehiraukan ijihad Resyiden Riau serta segala isi negeri itu masih juga hendak melakukan kehendak hatinya. Maka inilah asal menjadi pokok bersalah-salahan faham Sultan Mahmud dengan Resyiden Riau serta dengan segala anak raja-raja dan orang tua-tua di dalam negeri Riau.

Syahadan di dalam hal itu banyaklah pula lagi kelakuan dan perkataan yang tiada berbetulan dengan gebermen Belanda serta isi negeri Riau. Maka Sultan Mahmud pun hendak ke Singapura serta hendak ditinggal-

kannya akan pekerjaan yang belum berketentuan itu. Maka Resyiden Riau pun sebagai juga memujuk-mujuk Sultan Mahmud itu jangan ke Singapura itu dahulu selesaikan pekerjaan yang besar ini. Maka tiada juga dihiraukannya nasihat Resyiden Riau itu masih juga hendak ke Singapura dengan keras. Maka di dalam hal itu kesusahanlah pula Engku Haji Muda takut kalau-kalau jadi perselisihan antara Sultan Mahmud dengan gebermen Belanda. Maka Engku Haji Muda pun menyembahkan surat nasihat demikian katanya:

Adapun pekerjaan Raja Muda itu mana-mana suka ke bawah duli hendak diperbuat-buatlah, jika tidak sudahlah yang patik semua mengerjakan ke bawah duli juga anak-beranak adik-beradik. Yang patik pohonkan jangan ke bawah duli berselisih dengan gebermen Belanda serta jangan melalui perjanjian yang sudah diperbuat oleh nenda-nenda yang dahulu-dahulu.

Maka tiada juga Sultan Mahmud meindahkan persembahan Engku Haji Muda itu masih juga hendak ke Singapura esok hari. Maka Engku Haji Muda pun diamlah tiada terkira-kira lagi.

Syahadan di dalam hal itu menyuruh pula Sultan Mahmud kepada Resyiden Riau minta wang-wang hasil-hasil Riau. Maka jawab Resyiden itu, 'Wang hasil-hasil Riau sudah diperjanjikan di dalam kontrak fasal yang keenam belas, itu wang milik Yang Dipertuan Muda. Sekarang mana Yang Dipertuan Muda? Tentukan lekas supaya wang itu kita serahkan kepadanya, seperti yang di dalam kontrak.' Syahadan apabila Sultan Mahmud mendengar jawab Resyiden itu, mangkin bertambah-tambahlah marahnya. Maka banyaklah perkataan tiada baik.

Kemudian maka bertahanlah hasil-hasil Riau itu kira-kira dua bulan. Maka sangatlah kesakitannya atas segala anak raja-raja dan orang tua-tua yang di dalam Pulau Penyengat kerana mereka itu kebiasaannya menerima nafkah makanannya tiada putus tiap-tiap bulan maka sekarang jadi tertahanlah dengan sebab perbuatan Sultan Mahmud. Maka datanglah segala mereka itu merondong Engku Haji Muda mana-mana yang tiada mempunyai daya upaya. Maka mengeluarkanlah Engku Haji Muda wangnya kira-kira seribu tujuh ratus ringgit adanya.

Adapun Sultan Mahmud hendak bersegeralah berlayar ke Singapura pada keesokan harinya. Maka Resyiden pun menahan juga minta tentukan siapa-siapa yang ditentukan kerana orang di dalam Pulau Penyengat di

dalam kesakitan istimewa pula Engku Haji Muda dirondong oleh sanak saudaranya kerana ia diwasiatkan oleh Marhum Raja Ali akan segala ahlinya. Maka Sultan Mahmud pun tiada juga pedulikan tahan Resyiden Riau maka lalu ia berlayar ke Singapura. Maka Engku Haji Muda pun menyuruh paduka anakda baginda Raja Muhammad Yusuf sabdanya, 'Hai Muhammad Yusuf! Mengiringkan Sultan Mahmud, nanti di belakang aku kirimkan perahu dan belanja-belanja mana saja kadar kuasaku.' Maka Raja Muhammad Yusuf pun pergilah mengiringkan Sultan Mahmud dengan suruhan ayahandanya Engku Haji Muda adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila berlayarlah Sultan Mahmud itu maka kemaluan sahajalah Resyiden Riau itu pada menahan Sultan Mahmud itu, kerana tiada dipedulikan oleh Sultan Mahmud. Maka aiblah pada adat istiadat orang besar-besar. Maka apabila aib Resyiden maka melaratlah pula kepada gebermen Belanda. Sementelahnya pula ada satu maksud gebermen kepada Sultan Mahmud daripada pekerjaan beselit raja yang tiada menjadi mudarat kepada kerajaan Sultan Mahmud, maka tiada juga Sultan Mahmud mau menerima. Maka itu pun suatu pula yang melukakan hati gebermen Belanda serta malunya. Syahadan kata sahibul hikayat inilah pekerjaan dan yang diperbuatkan Sultan Mahmud menjadi perkara besar di belakangnya.

Kemudian daripada itu maka apabila Sultan Mahmud sampai ke Singapura maka diamlah ia di rumah sahabatnya orang kafir Majusi yang bernama Kersaji. Di dalam hal itu berapa kali Kersaji itu memujuk-mujuk Raja Muhammad Yusuf itu boleh hendak menggantikan ayahandanya Marhum Raja Ali. Maka Raja Muhammad Yusuf pun marah serta tiada mau serta katanya, 'Jangan Kersaji berkata dua kali kepada saya yang demikian itu. Yang ayah saudara saya yang di Riau itu ganti ayah saya selama-lama lagi ada hayatnya ayah saudara saya itu.' Maka diamlah Kersaji itu.

Syahadan di dalam hal itu Resyiden pun menyuruh juga ke Singapura menyilakan Sultan Mahmud balik ke Riau hendak minta tentukan wakil bakal Raja Muda di dalam negeri Riau. Maka tiada juga Sultan Mahmud itu mau menentukan wakilnya daripada bangsa anak raja-raja yang di dalam Riau itu. Padahal adalah ia muafakat dan musyawarah dengan satu anak raja yang bernama Raja Ahmad anak Raja Zainal Raja Melayu. Syahadan Raja Ahmad inilah yang dilawan oleh Sultan Mahmud musyawarah pada pekerjaan Raja Muda itu adanya. Adapun suruhan Resyiden Riau balik ke Riau dengan tiada dapat ketentuannya adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah pada lima belas haribulan Safar hari Ahad maka datanglah satu kapal api perang dari Betawi namanya 'Silibis' ke Riau membawa satu komesaris namanya Tuan Mejur Wilim. Maka musyawarahlah dengan Resyiden Riau daripada hal perbuatan Sultan Mahmud. Maka di dalam hal itu pada tujuh belas haribulan itu jua hari Selasa maka datanglah satu katar dari Singapura, iaitu katar Kersaji sahabat Sultan Mahmud dipinjam oleh Sultan Mahmud akan menghantar Raja Ahmad Tengku Long itu ke Riau akan jadi wakil di dalam negeri Riau. Dan Raja Ahmad itulah yang sudah bercakap-cakap dan sanggup menjadi wakil di dalam negeri Riau dan berlawan dengan Resyiden itu, hingga sampai ke Betawi atas ia empunya bicara, janganlah Sultan Mahmud susah.

Maka apabila sampailah ia ke Riau maka naiklah ia berjumpa Resyiden Riau serta melahirkan ialah yang diwakilkan oleh Sultan Mahmud pada pekerjaan negeri Riau itu serta diberikannya surat Sultan Mahmud itu kepada Resyiden Riau. Maka dibaca oleh Resyiden maka mafhumlah ia barang yang tersebut di dalamnya. Maka Raja Ahmad itu pun baliklah ke perahunya menanti jawab dari Resyiden itu. Syahadan adapun Resyiden Riau apabila Raja Ahmad balik ke perahunya maka ia pun menyilakan Engku Haji Muda. Maka Engku Haji Muda pun datanglah berjumpa Resyiden. Kata Resyiden, 'Ada Raja Ahmad berjumpa Raja Abdullah?' Maka jawab Raja Abdullah, 'Tiada.' Maka kata Resyiden, 'Barangkali Raja Abdullah boleh datang menghadap dia.' Kemudian lalu ditunjukkannya surat Sultan Mahmud yang dibawa Raja Ahmad itu, maka disambut oleh Raja Abdullah lalu dibacanya, demikian bunyinya:

Amma baadubu, kemudian daripada itu, adalah kita menyatakan kepada paduka sahabat kita, tatkala kita di dalam negeri Lingga paduka sahabat kita memanggil kita ke Riau hendak bicara ganti Raja Muda. Maka apabila kita datang ke Riau maka paduka sahabat kita buka pula perkara beselit Raja Belanda. Adapun perkara beselit raja itu lagi masa datuk kita Raja Ali al-Marhum sudah tiada sanggup menerimanya apa lagi kita. Syahadan lagi paduka sahabat kita minta wakil kita di dalam negeri Riau. Maka inilah kita suruhkan Raja Ahmad menjadi wakil kita di dalam Riau. Maka hendaklah paduka sahabat kita serahkan wang hasil-hasil Riau serta wang orang-orang laut-laut kepadanya.

Kemudian kata Resyiden kepada Raja Abdullah itu, 'Ini tuan komesaris datang dititahkan oleh gebermen akan menanggalkan kerajaan Sultan Mahmud sebab kesalahannya. Ada sembilan perkara yang tiada hormat kepada gebermen serta wakilnya, esok hari keluar pelekat itu.' Setelah Raja Abdullah mendengar kata Resyiden itu, maka Raja Abdullah pun terkejut serta terdiamlah sejurus. Kemudian Raja Abdullah pun mintalah balik kepada Resyiden. Maka pulanglah ia ke Penyengat. Maka berkumpullah dengan segala sanak saudaranya berkhabarkan hal ehwal Sultan Mahmud akan diturunkan oleh gebermen Holanda daripada kerajaannya. Maka terpekurah segala anak raja-raja itu memikirkannya kerana pekerjaan belum pernah lagi dengan yang demikian itu. Maka kemudian muafakatliah ia dengan sanak saudaranya, maka lalu memberi surat kepada Resyiden Riau. Adalah madzmunnya tiga fasal, 'Pertama jangan hilang nama dan adat istiadat kita. Kedua pertolongan gebermen kepada Raja Abdullah itu berkekalan membantu daripada tiap-tiap kesusahan di belakangnya. Ketiga luput nama kita daripada perkataan segala raja-raja dinamakan orang derhaka atau belot, kerana pekerjaan itu perbuatan geberman Holanda.' Maka diterima oleh Resyiden segala permintaan itu.

Syahadan pada keesokan harinya pada hari Arbaa, maka berlayarlah komesaris serta satu lagi tuan orang putih yang alim pada bahasa Melayu namanya Tuan Pende Wal ke Singapura. Maka apabila tiba ke Singapura pergilah keduanya itu kepada Gebernur Singapura. Kemudian pergi pula keduanya mencari-cari Sultan Mahmud itu ke sana sini hingga sampai ke rumah Temenggung tiada berjumpa. Kemudian dicarinya ke rumah Kersaji di Bukit, maka lalu berjumpa. Maka komesaris itu pun membacakan surat pelekat memecat Sultan Mahmud itu diturunkan daripada kerajaannya. Setelah Sultan Mahmud mendengar surat itu maka berubahlah mukanya sedikit. Maka komesaris itu baliklah serta pelekat itu pun ditinggalkannya satu. Maka ia pun berlayarlah ke Riau.

Kemudian keesokan harinya maka Resyiden serta komesaris itupun menyilakan Raja Abdullah Engku Haji Muda itu ke Tanjung Pinang, dihormati oleh Resyiden sebagaimana hormat Yang Dipertuan Muda. Kemudian berkatalah ia, 'Tuan Sultan sudah diturunkan daripada kerajaannya dan sekarang tiada di dalam Lingga dan Riau Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda. Syahadan sekarang ini juga gebermen mengangkat Raja Abdullah menjadi Yang Dipertuan Muda memerintahkan

kerajaan Riau-Lingga dengan segala takluk daerahnya sebagaimana adat istiadat purbakala.' Kemudian dibacalah surat pengangkatnya itu. Maka meriam pun berbunyiilah. Kemudian Resyiden Riau pun berkata pula kepada Raja Abdullah, 'Ini kita mau pergi ke Lingga bersama-sama Raja Abdullah Yang Dipertuan Muda, mencari yang patut kita jadikan Raja dari pada anak cucu Sultan Abdul Rahman Syah di dalam negeri Lingga.'

Syahadan apabila sudah putuslah muafakatnya itu, maka berlayar Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah itu bersama-sama Resyiden serta komesaris dan Pende Wal ke Lingga dengan kapal api itu juga. Maka apabila tiba ke Lingga maka naiklah Raja Abdullah berjumpa dengan Tengku Sulaiman, iaitu putera Marhum Sultan Abdul Rahman jadi ayah saudara Sultan Mahmud yang telah diturunkan daripada kerajaannya itu dan lagi bekas ipar Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah itu jua. Maka musyawarahlah Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah itu dengan Tengku Sulaiman, maka putuslah musyawarahnya itu, maka maulah ia menggantikan anakdanya menjadi Raja itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun pergilah kepada Resyiden berkhabarkan yang dapat pemilihan dia, itulah Raja Sulaiman. Maka diterimalah oleh komesaris serta Resyiden pemilihan Yang Dipertuan Muda itu. Maka pada dua puluh satu haribulan Safar maka diangkatlah oleh komesaris dan Resyiden serta Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah akan Tengku Sulaiman itu menjadi Raja Yang Dipertuan Besar Lingga dan Riau dengan segala takluk daerahnya bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Maka teguhlah pekerjaan itu.

Syahadan tamamlah pekerjaan mengangkat Raja itu. Maka tinggallah lagi mentabalkan dia jua seperti adat istiadat purbakala. Kemudian maka Resyiden Riau serta komesaris pun baliklah ke Riau dan Yang Dipertuan Muda pun tinggallah di Lingga kerana lagi hendak bersetia dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah itu, serta hendak membetulkan negeri Lingga serta hendak muafakat ketetapan orang besar-besar dan orang tua-tua di dalam negeri Lingga itu adanya.

Syahadan adapun Raja Ahmad yang disuruh oleh Sultan Mahmud ke Riau menjadi wakilnya maka apabila ia melihat hal Sultan Mahmud sudah turun dari kerajaannya itu maka ia pun balik ke Singapura menghadap Sultan Mahmud. Kemudian pergi pula ia ke Lingga dengan katar itu kasadnya hendak mencari keliru juga akan orang-orang di Lingga. Maka ia pun berjumpalah dengan kapal perang komesaris itu, maka ditangkap oleh Ho-

landa katar itu, dan Raja Ahmad itu pun terjunlah lari naik ke darat lepaslah ia. Maka katar itu pun digantung Belanda kepada satu keci perangnya. Akhirnya hingga habis pekerjaannya, maka baharulah dipulangkannya kepada tuannya di Singapura adanya.

Sebermula adapun Sultan Mahmud tatkala sudah balik komesaris yang memecatnya itu, maka ia pun pergilah ke Lingga bersampan. Maka apabila sampai ia ke Lingga didengarnya ayahandanya sudah menjadi Raja, maka ia pun baliklah ke Singapura. Adapun Raja Muhammad Yusuf menantunya baliklah ia ke Riau mendapatkan ayahandanya Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah. Maka apabila tiba ia ke Riau maka duduklah ia menantikan ayahandanya datang dari Lingga. Maka di dalam tiada berapa hari maka Yang Dipertuan Muda pun datanglah ke Riau. Maka apabila sampai ke Pulau Penyengat maka disambutlah oleh sanak saudaranya dan orang besarnya sekalian. Maka naiklah ia ke istananya.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda apabila senanglah ia daripada rubsyah pekerjaannya, maka musyawarahlah ia serta Resyiden Riau hendak menyilakan Sultan Sulaiman ke Riau supaya ditabalkan di hadapan mata wakil gebermen. Maka menerimalah Resyiden akan kehendak Yang Dipertuan itu lalu diberinya sebuah kapal perang akan mengambil Yang Dipertuan Besar itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruh saudaranya Raja Abdullah pergi bersama-sama kapal itu, maka berlayarlah kapal perang itu ke Lingga. Maka apabila sampai ke Lingga, lalu dibawanya Sultan Sulaiman itu berlayar ke Riau. Maka apabila tiba ke Riau disambutlah oleh Yang Dipertuan Muda dengan meriam serta dan bunyi-bunyian. Maka lalulah naik ke istana Yang Dipertuan Muda.

Syahadan apabila sampai pada saat yang baik, maka Yang Dipertuan Muda pun mengaturkanlah aturan mentabalkan raja-raja yang besar-besar. Iaitu sudah selesai daripada bersiram dan memakai-makai, maka lalulah turun ke balai didudukkan di atas singgahsana kerajaan, serta jawatan kiri kanan, dan beraturlah di hadapannya segala anak raja-raja dan orang besar menantikan panggil bentara kedua. Kemudian berkatalah Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah kepada saudaranya Raja Haji Ali, 'Baik kita melahirkan ini ikut jalan ugama Islam supaya menjadi daripada pekerjaan kita berkat.' Maka jawab Raja Ali Haji, 'Baiklah.'

Maka berdirilah Raja Haji Ali serta Saiyid Ghalum di hadapan singgahsana itu. Maka Raja Ali itu pun melafazkan tauliah itu demikian bunyinya:

Adalah patik semua setengah daripada *ahl al-hal wa al-'aqd* mentauliahkan serta melahirkan yang duli Tuanku menjadi Raja di dalam negeri Riau dan Lingga dengan segala takluk daerahnya, yang bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Serta patik semua harapkan duli Tuanku mengikut titah *Allah taala* serta rasul-Nya.

Kemudian daripada itu maka Yang Dipertuan Muda menjunjung duli-lah, kemudian baharu segala anak raja-raja dan orang besar-besar dan nobat pun berbunyiilah beserta meriam. Maka selesailah pekerjaan bertabal itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun memberilah surat-surat titah perintah kepada segala teluk rantau tokong pulau-pulau mengatakan hal ehwal berganti Raja itu. Maka taatlah segala mereka itu akan titah perintah itu melainkan tempat yang bernama negeri Retih, rajanya daripada raja lanun namanya Raja Long, sudah digelar oleh Marhum Sultan Muhammad bernama Panglima Besar diserahkan Retih itu kepadanya, dan ialah yang tiada mau menyembah Sultan Sulaiman sebab ia berpegang dengan perkhabaran orang mengatakan Sultan Mahmud itu akan dapat bantu daripada bangsa Inggeris dan Perancis akan memulangkan kerajaannya semula. Dan beberapa pula surat dari Singapura menyuruh ia tetap jangan berubah dan perbantuan nanti datang dari Sultan Mahmud. Maka percayalah ia serta teguh pegangannya.

Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda mendengar hal Panglima Besar maka memberilah ia akan nasihat dan ajaran menyuruh Panglima besar itu menyembah Sultan Sulaiman, maka tiada juga ia mau. Kemudian daripada itu Resyiden pula memberi nasihat maka tiada juga didengarnya. Kemudian daripada itu lalulah ia berbuat kubu akan melawan Yang Dipertuan Muda serta Resyiden. Maka jadi besarlah pekerjaannya.

Syahadan di dalam hal itu Sultan Sulaiman pun minta dirilah lalu balik ke Lingga pada sanat 1274.

Adapun Yang Dipertuan Muda apabila Sultan Sulaiman sudah berangkat ke Lingga maka musyawarahlah ia dengan Resyiden Riau Tuan Tobias pada pekerjaan mengukuhkan negeri serta musyawarah pada pekerjaan negeri Retih bagaimana akan diperbuat adanya.

54. PEPERANGAN DENGAN RETIH

SYAHADAN kata sahibul hikayat sebermula adalah Panglima Besar di dalam negeri Retih berbuatlah ia akan dua benteng yang besar-besar serta mengatur meriam dan mengumpulkan orang-orangnya serta ia membeli ubat peluru di Singapura hendak menahan jika ada langgar Yang Dipertuan Muda serta gebermen Belanda. Maka khabar itu pun sampailah kepada Yang Dipertuan Muda serta Resyiden Riau, maka marahlah keduanya serta musyawarahlah keduanya akan pergi memerangi Panglima Besar itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun bersiaplah akan kelengkapan perang dan Resyiden pun bersiap juga. Adalah pada masa itu di dalam Riau ada sebuah kapal api perang bernama 'Sumbing' dan komedannya bernama Tuan Keruf dan satu sekunar perang dan satu keruis. Maka siaplah sekaliannya itu menantikan perintah sahaja lagi.

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam Yang Dipertuan Muda tengah-tengah bersiap-siap itu maka dengan takdir *Allah subhanahu wataala* maka Yang Dipertuan Muda pun geringlah penyakit pak ipa pada pihak belakangnya, mangkin sehari mangkin besar. Maka kesusahanlah segala sanak saudaranya melihatkan halnya dan Resyiden Riau pun kesusahanlah beberapa kali disuruhnya doktor Belanda datang memeriksa. Maka tiada juga dapat diubatkan mangkin sehari mangkin sangat juga. Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Muda pun tiada harapkan dirinya sembuh daripada penyakit itu. Maka memanggillah ia akan saudaranya Raja Haji Ali lalu ia bertitah katanya, 'Baik kita nikahkan lekas anak tuan si Hasan dengan anak saya Maimunah itu sementara saya lagi boleh memandang.' Jawab Raja Ali, 'Mana-mana sajalah titah.' Maka pada malam Jumaat dinikahkannya Raja Hasan itu dengan puteranya yang bernama Raja Maimunah itu hendak dipersatukannya sekali. Maka dipohonkan oleh isterinya Raja Hawa biar menantikan, mudah-mudahan ada ringannya sedikit. Maka Yang Diper-

tuan Muda pun diamlah daripada hendak segera menyatukan itu.

Syahadan pada satu waktu maka Resyiden Riau pun datanglah ziarah kepada Yang Dipertuan Muda hendak melihat penyakitnya. Maka Yang Dipertuan Muda pun berkhabarlah kepada Resyiden Riau minta lakukan juga pekerjaan perang itu. Maka jawab Resyiden, 'Saya kira-kira biarlah sabar dahulu menantikan barangkali ada kurangnya sedikit, Tuan Raja Muda boleh kita angkat perang bolehlah sabar sedikit Tuan Raja Muda, serta jangan buat susah-susah hati.' Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda mendengar kata Resyiden Riau itu, maka ia pun menjawab pula katanya, 'Saya harap seboleh-bolehnya sekali ini kepada gebermen minta lakukan juga pekerjaan perang ini, meskipun saya sakit atau mati ada ganti saya, seperti saya baik juga nanti saya aturkan sekira-kira jangan payah Tuan Resyiden berkehendak akan meletakkan muafakat serta perintah pada pekerjaan perang ini.' Maka lalu disuruhnya surat kepada saudaranya Raja Haji Ali aturan yang diperbuatnya itu. Maka adalah madzmunnya yang terkandung di dalamnya:

Raja Muhammad Yusuf ganti batang tubuhnya, Raja Haji Ali memegang segala pekerjaan hukum, dan Raja Husin memerintahkan rakyat tentera yang dibawa pergi perang itu, dan Saiyid Othman serta Raja Husin sepupunya memegang perkara wang dan belanja, dan Haji Ibrahim Datuk Kaya Muda memeriksa menyurat dakwa-dakwa orang yang berdakwa-dakwa.

Demikianlah madzmunnya aturan itu. Kemudian baharu dicap, kemudian dibacakan kepada Resyiden. Maka menerimalah Resyiden aturan itu lalu dibawanya balik. Maka tetaplah pekerjaan melakukan perang jua.

Syahadan adapun Yang Dipertuan Muda apabila sudah Resyiden itu balik, maka mangkin bertambah-tambahlah geringnya maka hampirlah wafatnya. Maka ia pun berkhabarlah kepada Raja Haji Ali minta buat satu surat kepada wakil gebermen, akan jadi wasiat sepeninggalan matinya. Iaitu wasiat permintaan kepada gebermen jika ia dikehendaki *Allah taala* di dalam sehari dua ini dengan seboleh-bolehnya puteranya Raja Muhammad Yusufah akan menggantikan dia menjadi Raja Muda di dalam Riau, janganlah lain-lain lagi. Maka diperbuatlah oleh Raja Haji Ali. Kemudian disuruhnya Raja Husin menghantarkan kepada Resyiden Riau, maka di-

terimalah oleh Resyiden itu. Syahadan adalah tersurat surat ini, pada dua puluh tujuh bulan Muharram hari Isnin sanat 1275.

Maka apabila selesailah ia berbuat wasiat itu maka geringnya pun bertambahlah. Maka tiada berapa hari maka mangkatlah Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah itu. Maka berjeritanlah dan menderulah ratap tangis ahlinya serta putera-putera Marhum Abdul Rahman dan Marhum Raja Ali dengan segala isi istananya, hingga sampailah ke tanah, azamatlah bunyinya daripada jerit mereka itu. Beberapa kali dilarang-larang oleh Raja Haji Ali maka tiada juga mereka itu diam, lebih-lebih maklumlah kerana Yang Dipertuan Muda lagi mursyid, dan amat mengasihii segala sanak saudaranya dan anak-anaknya, lagipun ia mursyid kepada segala mereka itu *abli al-tarikat al-Naksybandiyyah*.

Maka meriam pun berbunyiilah jarang-jarang, maka memberitahu kepada Resyiden. Maka di kota Tanjung Pinang pun memasanglah meriam jarang-jarang, serta turun bendera setengah tiang. Maka gemparlah di dalam Riau mengatakan Yang Dipertuan Muda mangkat dan berhimpunlah segala anak raja-raja dan orang besar-besar dan orang tua sekalian hendak menyegerakan mekuburkan jenazah Yang Dipertuan Muda al-Marhum Mursyid itu. Syahadan maka apabila daripada memandikan dan mengafankan Marhum Mursyid itu maka lalu dikuburkan dekat paduka bondanya Engku Puteri di dalam satu kubah.

Setelah selesai daripada mekuburkan Marhum Mursyid itu, maka keluarlah segala orang semuanya. Adapun Resyiden Riau serta orang besar-besarnya singgahlah ia di rumah Raja Haji Ali hingga penuhlah rumah Raja Ali itu oleh Belanda dan anak raja-raja. Maka Resyiden Riau pun berbisik-bisiklah dengan Raja Haji Ali berkatalah ia, 'Engku Haji, ini hari saya hendak menantu Raja Muda kepada tuan-tuan semua serta melahirkan wasiat Marhum Mursyid. Baik Raja Ali ajak anak raja-raja itu menanti memang di balai, serta disambut dengan hormat wakilnya gebermen.' Setelah Raja Ali mendengar kata Resyiden itu, maka ia pun keluar berjalan ke balai. Maka mengikutlah sekalian anak raja-raja di belakang dan Resyiden Riau serta orang besarnya pun berjalan pula. Sebermula adapun anak raja-raja itu. Maka telah beraturlah ia di hadapan balairung itu bersaf-saf, menantikan wakil gebermen datang. Seketika lagi Resyiden dan segala orang besar-besarnya pun tibalah ke balai itu dipasanglah meriam memberi hormat serta dipukulkan nobat. Kemudian maka Raja Ali pun berdirilah antara anak raja-

raja dengan Belanda-Holanda itu sambil berkata, 'Ini saudara-saudara Marhum Mursyid, dan ini anak Marhum Abdul Rahman dan ini anak Marhum Ali.' Maka segala Belanda-Holanda itu pun mengangguk-angguk semuanya. Kemudian Resyiden pun mencapai tangan Raja Muhammad Yusuf, lalu dibawanya naik ke atas bangku duduk bersama-sama dia, dan segala anak raja-raja pun duduklah masing-masing dengan kursinya.

Kemudian Resyiden Riau pun berkata, 'Mana-mana lagi wakilnya Marhum Mursyid orang yang berenam?' Maka ditunjukkanlah oleh Raja Haji Ali semuanya. Maka Resyiden Riau pun berdiri lalulah ia berteriak katanya, 'Barang tahu kiranya segala anak raja-raja dan orang besar-besar di dalam negeri Riau, ini hari dan ini jam kita wakilnya gebermen menentukan pilihan gebermen serta turut wasiat Marhum Mursyid itu, iaitu Raja Muhammad Yusuf wakilnya, gebermen ganti Yang Dipertuan Muda al-Marhum Mursyid itu. Maka haraplah saya akan ayah-ayah saudaranya memberi ajaran, nasihat yang kebajikan atasnya, kerana ia orang muda.' Menjawab segala anak raja-raja itu dengan menerima perkataan Resyiden itu adanya. Kemudian Resyiden Riau pun minta balik, lalulah ia balik. Maka berbunyiilah meriam baliknya. Maka habislah pekerjaan wakil berwakil. Maka tinggallah segala anak raja-raja itu muafakat dan bermusyawarah sama-sama sendirinya adik-beradik pada pekerjaan melakukan perang itu serta melakukan wasiat-wasiat al-Marhum Mursyid Khalid adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka adalah anak raja-raja saudara-saudara Marhum Mursyid itu persembahkanlah surat ke Lingga. Maka di dalam tiada berapa hari Sultan Sulaiman pun datanglah ke Riau. Maka lalu naik ziarah ke kubur paduka ayahandanya Marhum Mursyid. Maka apabila sampai kepada kuburnya maka menangislah ia dengan tangis yang amat sangat. Setelah selesai ziarah itu, maka ia pun berangkatlah ke istana Marhum Mursyid itu dan Raja Perak isteri Yang Dipertuan Besar itu pun sudah hadir di situ. Maka diamlah ia laki isteri di istana paduka ayahandanya itu kerana isterinya itu putera Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Maka datanglah Raja Haji Ali serta Raja Husin memohonkan musyawarah daripada pekerjaan perang itu. Maka jawab Sultan Sulaiman, 'Nantilah kita musyawarah kepada Resyiden dahulu.' Maka musyawarahlah Sultan Sulaiman serta Resyiden Riau pekerjaan perang itu, maka putuslah musyawarahnya akan pergi itu. Kemudian maka Sultan Sulaiman pun berangkatlah balik ke Lingga.

Sebermula adapun bakal Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf

serta paduka ayahandanya Raja Husin dan Raja Haji Ali serta orang besar-besarnya, maka muafakatliah ia dengan Resyiden Riau akan menentukan harinya pergi melanggar Retih itu. Maka putuslah muafakatnya itu lalu berlayar angkatan itu kedua pihak. Adalah pihak orang Riau kepalanya Raja Husin putera Marhum Yang Dipertuan Muda Jaafar dan banyak perahunya kecil besar tiga puluh delapan buah. Adalah raja-raja yang bersama-sama mengembari Raja Husin itu, iaitu Raja Abdul Ghani, putera Marhum Raja Idris, dan anak-anak Raja Husin semuanya pergi belaka mana-mana yang patutnya dibawanya berperang. Dan ada juga membawa pertikaman Bugis-Bugis, adalah kepalanya Kapitan Abdul Karim namanya, dan Penghulu Abdul Majid. Adapun angkatan gebermen Belanda, iaitu satu kapal api perang nama komedannya Tuan Keruf dan satu berik, iaitu berik 'Hai', dan satu sekunar 'Padang' dan tiga buah kapal itu kira-kira adalah lima enam ratus orang, bangsa orang putih serta serdadunya. Adapun orang-orang Melayu dan Bugis hampir-hampir ada juga begitu banyaknya kira-kira semuanya lebih seribu orang yang pergi itu melanggar Retih.

Maka berlayarlah sekalian kelengkapan itu, iaitu pada seharibulan Rabiul Awal hari Sabtu jam pukul delapan pagi sanat 1275, dan sampailah ia ke Retih pada lima bulan itu. Maka kira-kira pada pukul sebelas mulai berperang. Kemudian orang Riau pun naiklah berkubu ke darat kerana melawan kubunya pula. Maka berperanglah legum-legam, tiada juga berketewasan antara kedua pihak. Kemudian daripada itu datanglah raja-raja lanun serta panglima-panglimanya kepada kubu orang Riau itu pukul enam pagi. Maka beramuklah di dalam kubu itu bermati-matianlah orang Bugis enam tujuh orang, dan panglima-panglima lanun pun matilah tiga belas orang sebab dibedil oleh anak raja-raja Riau, serta kapitan Melayu. Maka tiadalah tertahan lanun itu lalu ia lari bercerai-berai membawa lukanya.

Syahadan kemudian maka kapal 'Sumbing' itu pun balik ke Riau sebentar, kerana mengambil serdadu lagi dan ransum-ransum. Maka Raja Husin pun berkirimlah surat kepada anakda Raja Muhammad Yusuf Yang Dipertuan Muda kerana mekhabarkan perangnya itu serta kurang apiun dan makanan yang lain-lainnya serta orang lagi, dan minta kirimkan meriam kebesaran Riau yang bernama 'Gempita Sakti'. Maka apabila tiba surat Raja Husin itu kepada Raja Muhammad Yusuf bersegeralah ia memberi apa-apa kehendak Raja Husin itu. Maka disuruhnyalah mana-mana orang-orang Riau yang sempat pergi adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka adalah pada ketika negeri Riau tengah-tengah bergaduh itu maka Raja Haji Muhammad Tengku Nong, putera Marhum Mursyid pun datanglah dari *Mekkah al-musyarrifah*. Maka naiklah ia berjumpa Yang Dipertuan serta bondanya Raja Hawa dan bertangis-tangisanlah putera berputera. Kemudian daripada itu maka Raja Haji Ali pun memulangkan surat-surat wasiat Marhum Mursyid kepada puteranya Raja Haji Muhammad Tengku Nong dan segala harta bendanya seperti perahu-perahu dan lain-lainnya. Kemudian musyawarahlah Raja Haji Ali dengan Tengku Nong serta Raja Muhammad Yusuf hendak menyatukan Raja Hasan dengan Raja Maimunah sekadarkan menantikan aman sedikit rubsyah negeri Riau. Kemudian daripada itu ada lenggangnya sedikit, maka dipersatukannyalah keduanya itu dengan segeranya adanya.

Syahadan adapun kapal api yang balik ke Riau itu maka baliklah pula ia semula ke Retih lalulah berperang semula legum-legam bahana meriamnya sebelah-menyebelah. Kemudian daripada itu bermusyawarahlah komedian kapal perang itu dengan Raja Husin hendak memintas sebelah belakang kubunya dinaikkan serdadu. Maka apabila putus musyawarahnya maka naiklah serdadu Holanda beratus-ratus serta orang-orang Riau dan setengah disuruhnya berperang dari laut. Maka berperanglah berbedil-bedilan meriam di kubu-kubu dengan perahu-perahu itu. Maka orang yang memintasi dari belakang kubunya itu pun sampailah ke tepi pagar kubunya itu, maka dibedillah oleh serdadu dengan senapangnya dibarisnya sambil membuka pagar masuk mengamuk. Maka beramuk-amuklah membedilkan senapang dan menikamkan sengkurnya dan orang-orang Riau pun menikamkan kerisnya dan lanun pun menetakkan kampilannya. Maka banyaklah lanun itu mati, kira-kira seratus tiga belas orang dan panglima besarnya kenalah peluru, maka rebah lalu mati. Dan Holanda pun ada mati juga tiada sah bilangannya. Maka kubu itu pun dapatlah dan alahlah Retih itu, iaitu pada tiga puluh haribulan Rabiul Awal sanat 1275. Syahadan adapun mayat Panglima Besar itu pun dibawalah ke Sungai Mulia namanya, di situ-lah diletakkan hingga sampai hancur, kerana waktu ia sudah mati itu diambil oleh Holanda dibawanya ke sekocinya. Adalah pakaiannya seluar berantai dan pending emas bujur telur dan kerisnya terapang emas. Kemudian sudahlah habis segala pakaiannya itu diambil baharulah dihantarkan ke Sungai Mulia itu adanya.

Syahadan setelah alahlah Retih itu maka segala perempuan-perempuan

Panglima Besar dan lain-lainnya diambil oleh Raja Husin dibawanya ke Riau, akan tetapi angkatan Belanda dahulu sampai ke Riau, dan angkatan Raja Husin kemudian sedikit. Maka apabila tiba ke Riau diserahkanlah kepada paduka anakda Raja Muhammad Yusuf di dalam Riau Pulau Penyengat akhir-akhirnya balik ia ke Retih semula. Sebermula adapun Sultan Sulaiman apabila ia mendengar Retih itu sudah alah, maka berangkatlah ia ke Riau berjumpa Resyiden Riau serta menerima kasih pertolongan gebermen itu. Maka apabila selesai daripada demikian itu maka berangkatlah balik ia ke Lingga, tetaplah ia di dalam negeri Lingga.

Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka Resyiden Riau pun pergilah ke Lingga pula bersama-sama Raja Muhammad Yusuf. Maka apabila sampai ke Lingga lalulah berlantik bergelar Raja Muda betapa adat istiadat melantik Raja Muda yang dahulu-dahulu jua, aturannya, iaitu pada sebelas haribulan Jumadul Awal hari Sabtu jam pukul tiga sanat 1275. Maka apabila selesai berlantik itu maka Resyiden Riau pun pergilah ke Retih bersama-sama yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf mengaturkan negeri Retih dan hasil-hasil. Apabila selesai daripada itu maka berangkatlah keduanya balik ke Riau. Maka tetaplah ia di dalam Riau memerintahkan negeri Riau bersama-sama Resyiden. Syahadan di dalam tiada berapa antaranya maka Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf pun pergilah pula berangkat ke Lingga mengambil isteriya dan anaknya menyewa sebuah kapal namanya 'M-r-z-w-f-y.' Maka apabila sampai ke Riau maka dinaikkannyalah isterinya dan anaknya itu ke istana paduka nendanya Marhum Raja Jaafar, iaitu di Kota Ranting adanya.

55. KEMANGKATAN SULTAN MAHMUD

ALKISAH maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud Syah yang diturunkan kerajaannya oleh Belanda di dalam negeri Singapura. Maka tiada berapa lamanya ia di dalam Singapura maka berpindah pula ia ke Pahang maka tiada berapa lamanya di dalam Pahang berpindah pula ia ke Trengganu. Maka tetaplah ia di dalam Trengganu. Kemudian datanglah pula fikirannya hendak pergi ke Siam hendak berjumpa Raja Siam. Maka tiada dibenarkan oleh anak raja-raja dan orang besar-besar Sultan Mahmud itu ke Siam. Di dalam hal itu Sultan Mahmud berkehendak juga pergi ke Siam itu. Maka beberapa sembah anak raja-raja dan orang besar-besar itu tiada juga dihiraukannya sambil katanya, 'Mana-mana untung kamilah', serta katanya, 'Tatkala kami duduk di Pahang dahulu ada kami menyuruh Muhammad ke Siam. Maka ini sekarang penyuruhan Raja Siam pun sudah datang, iaitu Wan Abdullah. Jika kami tiada pergi tiada patut dan lagipun ayah Ngah tiada boleh menolong kami.' Dan Wan Abdullah suruhan Raja Siam itu pun berdatang sembah seraya katanya, 'Silakan lekas berangkat tuanku jangan dipedulikan larang tegah Pia Trengganu itu. Jika sampai di Siam kelak Cucuut yang boleh kuasa menolong tuanku.' Maka Sultan Mahmud pun membenarkan ikhtiar Wan Abdullah itu. Maka tiada dapat orang-orang Trengganu itu berdatang sembah lagi.

Maka bersegeralah Sultan Mahmud hendak pergi serta orang-orangnya dan saudaranya Tengku Safiah hendak dibawanya juga. Maka Yang Dipertuan Muda Trengganu pun berdatang sembah seraya katanya, 'Tiada usahlah adinda yang perempuan itu bawa, terlebih maklumlah ke bawah duli tuanku adalah Raja Siam itu tuanku lain daripada ugama kita kerana belum pernah orang pergi menghadap Raja Siam membawa perempuan, apa lagi raja-raja.' Syahadan segala persembahan Yang Dipertuan Trengganu itu tiada juga dihiraukan oleh Sultan Mahmud itu hendak

dilakukannya juga kehendaknya. Maka diamlah Yang Dipertuan Muda serta anak raja-raja dan orang besar di dalam Trengganu itu. Kemudian maka Sultan Mahmud pun berlayarlah dengan kapal api sekira-kira dua hari berlayar itu maka sampailah ia di Kelantan, maka berhentilah ia di Kelantan empat hari. Maka Raja Kelantan pun berdatang sembah pula melarangkan baginda itu, kerana membawa saudaranya Tengku Safiah itu ke Siam kerana belum diperbuat oleh orang. Di dalam hal itu maka tiada dijawab oleh Sultan Mahmud satu apa.

Kemudian daripada itu maka Sultan Mahmud pun berlayarlah ke Siam. Ada kira-kira lima belas hari sampailah baginda itu ke Siam, maka naiklah Wan Abdullah ke darat memberitahu Cokan Kalahum menteri yang besarnya mengatakan Sultan Mahmud datang. Maka Cokan itu pun mempersembahkan kepada Raja Siam. Maka Raja Siam pun menyuruh ambil dengan kapal api tarik sekira satu jam sampailah ke kampung Cokan itu. Maka berhentilah ia di situ kira-kira tujuh hari lamanya. Maka baharulah berjumpa Raja Siam maka disambutnya juga dengan hormat. Maka apabila berjumpa ia mula-mula didudukkannya di bawah. Kemudian baharulah dibawanya duduk bersama-sama dengan dia, maka diajaknya bercakap-cakap dan jurubahasanya Wan Abdullah. Syahadan adalah permulaan ditanyanya, 'Berapa umur?' Jawab Sultan Mahmud, 'Tiga puluh delapan tahun.' Kemudian ditanyanya pula, 'Berapa lama meninggalkan negeri Lingga?' Jawab Sultan Mahmud, 'Ada kira-kira tujuh bulan.' Kemudian ditanyanya pula, 'Apa sebab Sultan Mahmud jadi turun daripada kerajaan?' Jawab Sultan Mahmud, 'Sudah nasib kita.' Maka kata Raja Siam, 'Kita dapat khabar daripada Pia Trengganu yang Sultan Mahmud apa-apa hendak diperbuat tiada musyawarah dengan orang besar dan orang tua-tua di dalam negeri, serta tiada muafakat yang kepatutan orang banyak memakai suka hati sendiri sahaja. Patutlah Sultan Mahmud dapat begitu. Dan jikalau Sultan Mahmud mau tahu orang menjadi Raja cubalah berjalan kepada adik kita itulah, yang bakal menjadi Raja. Maka lihatlah baik-baik bagaimana jalannya dengan menteri-menterinya dan orang tua-tuanya suatu pekerjaan yang hendak diperbuatnya muafakat dahulu. Tiada boleh kita perbuat dengan suka hati sendiri sahaja dan jika kita perbuat seperti Sultan Mahmud perbuat itu, barangkali kita dibunuh oleh orang-orang ramai. Kemudian diambilnya kita punya anak atau kita punya saudara diperbuatnya ganti kita, kerana sama juga ia dengan kita yakah tidak. Dan jangan Sultan Mahmud kecil-

kecil hati bukannya kita apa-apa sekadar kita memberi pengajaran di belakangnya, dan yang sudah tidak berguna menyesal lagi.' Syahadan setelah selesai Sultan Mahmud berkhobar-khabar dengan Raja Siam itu maka Sultan Mahmud pun pulanglah ke rumah di dalam kampung Cokan Kalahum itu. Maka tetaplah Sultan Mahmud itu di dalam negeri Siam itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat ada kira-kira satu bulan Sultan Mahmud di dalam negeri Siam itu maka datanglah penyuruhan Raja Siam kepada Sultan Mahmud minta Tengku Safiah saudaranya itu hendak diperbuatnya isteri. Maka kesusahanlah Sultan Mahmud itu, maka lalu dijawabnya sudah ia berlaki. Maka jawab Raja Siam, 'Tidak berlaki ia kita tahu semuanya.' Kemudian dipintanya dengan keras. Maka tiadalah berdaya lagi Sultan Mahmud itu, maka lalu diberikannya. Maka diperbuatnyalah oleh Raja Siam isteri Tengku Safiah itu. Kemudian ada kira-kira dua hari maka Raja Siam pun memanggil Sultan Mahmud bercakap-cakap di situ dan berjanji-janji akan menolong Sultan Mahmud itu, akan tetapi hendaklah sabar duduklah tetap-tetap di dalam Siam ini, 'Kerana kita dapat khabar daripada orang Perancis Sultan Mahmud sendiri punya salah. Jadi hendak diperbuat betul semula terlalu besar perkaranya,' demikianlah khabar Raja Siam itu konon.

Kemudian daripada itu adalah kira-kira sembilan bulan lamanya di dalam Siam itu maka di dalam hal itu dinanti-nanti juga oleh Sultan Mahmud tiada juga satu apa, maka Sultan Mahmud pun hendak balik kerana Pahang tengah bergaduh. Maka ia pun minta pertolongan kepada Raja Siam. Maka jawab Raja Siam, 'Baiklah akan tetapi baiklah duduk di Trengganu dahulu. Apa Sultan Mahmud kekurangan ambillah di Singgora.' Maka diberilah oleh Raja Siam itu cap. Kemudian Sultan Mahmud pun berlayarlah dari Siam serta membawa kebesaran cap dan bendera Raja Siam. Adalah yang menghantarnya kapal api Siam. Maka di mana-mana Sultan Mahmud singgah pihak takluk daerah Siam dapatlah ia hormat. Kemudian singgah ia di Kelantan empat lima hari, kemudian baharu ke Trengganu. Maka turunlah Yang Dipertuan Muda Trengganu menyambut. Maka naiklah Sultan Mahmud itu berjumpa bondanya dan berjumpa Yang Dipertuan Trengganu serdadu Siam mengiringkannya. Maka apabila berjumpa Yang Dipertuan Trengganu bertangis-tangisanlah seraya menyerahkan negeri Trengganu kepada Sultan Mahmud. Maka tiada dijawab Sultan Mahmud. Kemudian kapal api Siam pun baliklah ke Siam. Adapun Sultan Mahmud di dalam

Trengganu itu ada kira-kira satu bulan dapatlah sakit perut, habislah kuku-kukunya rosak-rosak dan matanya pun kabur tiada tampak. Kemudian datanglah suruhan Raja Ligor mengubatkan baharulah baik ia.

Syahadan kata sahibul hikayat ada kira-kira dua bulan lamanya maka datanglah kapal api dari Singapura hendak mengambil Sultan Mahmud seraya katanya, 'Raja Siam suruh ambil.' Jawab Sultan Mahmud, 'Jikalau ada surat Raja Siam kita pergilah. Ini tiada surat, tiadalah kita mau pergi.' Maka kata Inggeris itu, 'Jika dua hari lagi tiada turun kita pasang meriam negeri Trengganu ini.' Kemudian dia pun turunlah. Adapun Sultan Mahmud pergilah ia mendapatlah Yang Dipertuan Trengganu, maka lalu bertengkar-tengkar. Kemudian Yang Dipertuan Trengganu pun naiklah ke darat mendapatkan Tuan Besar. Maka dua hari tiada turun maka kapal api itu pun membedil. Maka Sultan Mahmud berjalanlah dan mana-mana orang Trengganu pun mengikutlah. Maka sampailah M-r-l-y m-r-a-y-n, maka malam itu juga ia mendapatkan Yang Dipertuan Trengganu. Maka lalu disuruh Yang Dipertuan Trengganu paduka anakda itu ke Besut. Maka apabila sampai ke Besut banyaklah kata orang Sultan Mahmud hendak melanggar Yang Dipertuan Trengganu, dan Yang Dipertuan Trengganu begitu juga.

Kemudian datanglah kapal api dari Siam mengambil Sultan Mahmud itu, maka baliklah ia ke Siam. Maka di dalam ia di negeri Siam itu tiada berhenti sakit. Maka adik Raja Siamlah mengubatkannya, baharulah baik. Ada kira-kira sebulan ia sembuh itu, minta pula ia kepada Raja Siam hendak balik ke Pahang. Maka belum lagi dijawab oleh Raja Siam. Kemudian maka Sultan Mahmud pun berlayarlah dari Siam bertiga orang Sultan Mahmud itu. Maka apabila sampai ke Singapura duduklah ia di Siglap empat hari, maka lalu ke Kesang. Maka lalulah berjumpa Yang Dipertuan Tengku Ali lalu berbuat perjanjian pula, 'Jikalau Yang Dipertuan Tengku Ali menjadi raja Sultan Mahmud menjadi menteri, dan baliknya pun demikian juga.' Kemudian dari situ lalu ke Pahang bersama-sama dengan putera Tengku Abdul Jalil ada empat puluh orang. Apabila sampai ke Pahang maka duduklah bersama-sama Encik Wan Ahmad. Kemudian tiada berapa antaranya maka Sultan Mahmud pun dapat sakit pula. Maka kepada sepuluh hari-bulan Muharram Sultan Mahmud masuk ke Pahang, kepada lima haribulan Safar maka Sultan Mahmud pun mangkatlah, kepada malam Khamis waktu jam pukul sebelas.

Maka selesai daripada dimakamkan memberilah Encik Wan Ahmad surat ke Trengganu. Maka sampailah khabar itu ke Riau kepada puteranya Tengku Ambung isteri Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf. Kemudian surat Temenggung pun datanglah pula ke Riau, maka sahlah mangkatnya itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun tahlillah serta memberi kenduri sebagaimana adat istiadat kematian raja-raja demikianlah adanya, diambil pendeknya sahaja perkataannya di sini adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat tamamlah pekerjaan Sultan Mahmud itu habislah kisahnya dan tinggallah Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf di dalam Riau serta isterinya putera Sultan Mahmud al-Marhum itu. Maka tetaplah Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf memerintahkan negeri Riau dengan segala daerah takluknya sebagaimana aturan paduka ayahandanya marhum yang dahulu-dahulu pada pangkatnya. Adapun Yang Dipertuan Besar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah tetap pula di dalam negeri Lingga dan selalu sahaja suruh-menyuruh ke Riau kepada paduka adinda baginda Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf dan kepada Resyiden Riau daripada pekerjaan negeri dan lainnya adanya.

Sebermula adapun Temenggung Tun Abu Bakar di dalam negeri Singapura ialah menggantikan paduka ayahandanya Temenggung Ibrahim bergelar Temenggung Seri Maharaja, Raja Johor, dan ia pun menjalankan sebagaimana jalan ayahandanya juga antaranya dengan sanak saudaranya yang di dalam negeri Riau suruh-menyuruh kirim-mengirim, demikianlah adanya.

Syahadan inilah akhir kesudahan kitab 'Tuhfat al-Nafis' ini. Maka tamamlah kisah cerita-cerita antara Raja-raja Melayu serta Bugis daripada anak cucu opu yang lima beradik dengan anak cucu Raja Melayu keturunan daripada Marhum Abdul Jalil yang mangkat di Kuala Pahang, serta Marhum Raja Kecil negeri Siak. Syahadan di belakang ini kelak siapa-siapa daripada anak cucuku hendak mengubungkan siarah ini patutlah, akan tetapi dengan jalan yang patut dan dengan ibarat perkataan yang wadiah dan sahlah serta aturan yang patut serta benar, supaya terpakai. *Illā mamarri al-dabr wa al-ayyām wa sallallāhu 'alā Sayyidinā Muhammad sayyid al-anām wa 'ala ālihi wa ashābibi dzā al-fadli al-kirāmi amin tamm amin.*

Maka khatamlah siarah ini atas tangan mualifnya pada tujuh belas hari-bulan Rajab al-mubarrak, pada hari Ahad jam pukul sepuluh, pada Hijrat sanat 1283 adanya tamat.

Tersalin di dalam negeri Riau Pulau Penyengat pada delapan haribulan Syaaban al-mukarram, hari Khamis jam pukul sebelas sanat 1313 oleh seorang fakir, iaitu Ali bin al-Marhum Raja Haji Muhammad Riau. Amin tamat amin tamat.

Tuan a el pon Haselt yang berpangkat Seri Paduka Tuan Resyidinat Riau dan Lingga serta daerah takluknya sekalian.

Buku-buku dalam siri ini:

KALTHUM JERAN	Hikayat Pahang
MOHD. YUSOF MD. NOR	Salasilah Melayu dan Bugis
RAJA HAJI AHMAD <i>et al.</i>	Tuhfat Al-Nafis
RUSSELL JONES	Hikayat Raja Pasai
SITI HAWA HJ. SALLEH	Hikayat Gul Bakawali